Warisan Persuratan
JOHOR

Warisan Persuratan
JOHOR

Editor
ZAINAL ABIDIN BORHAN
OTHMAN PUTEH
HAMZAH HAMDANI
SALEH DAUD

یایاسن واریثن جوهر
YAYASAN WARISAN JOHOR
1997

Yayasan Warisan Johor
304 Jalan Mariamah
80100 Johor Bahru
Johor Darul Ta'zim

Cetakan Pertama 1997

© Kertas Kerja Para Penulis; Penerbitan Yayasan Warisan Johor 1997

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Yayasan Warisan Johor, 304 Jalan Mariamah, 80100 Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam Penerbitan

Warisan Persuratan Johor / editor Zainal Abidin Borhan ... [et al.].
ISBN 983-99328-0-2
1. Writing--Johor. 2. Malay literature--Johor. I. Zainal Abidin Borhan.
899.2309595119

Diatur Huruf oleh Shapuri Sdn Bhd
Muka Taip Teks: Utopia
Saiz Taip Teks: 10/12 poin

M
899·2309595119
WAR

Dicetak oleh
PERCETAKAN CERGAS (M) SDN. BHD.
No. 26-1, Jalan Indrahana 1 Off Jalan Kuchai Lama,
58100 Kuala Lumpur.

M
1008644

28 AUG 2001
Perpustakaan Negara Malaysia

KANDUNGAN

Pengantar ix
Prakata xi
Perutusan xiii
Wawasan xvii

Pusat Kebudayaan Johor Abad Ke-16 dan Ke-17 1
Prof Dr Teuku Iskandar

Kesultanan Melayu Johor 15
Dr Abdullah Zakaria Ghazali

Kepengarangan Tun Sri Lanang 41
Prof Dr Siti Hawa Haji Salleh

Raja Ali Haji dan Kepengarangannya 67
Mohd Pozi Haji Masurori

Pantun Melayu dan Cakap-Cakap Rampai-Rampai 78
Raja Hamzah Yunus

Shaer Almarhoem Beginda Sultan Abu Bakar di Negeri Johor 84
Dr Noriah Mohamed

Syair Pembukaan Parit Jawa Johor 103
Rahmat Saripan

Syair Perang Johor 129
Mohd Yusof Md Nor

Puisi Rubai Omar Khayyam: 135
Terjemahan Major Dato' Haji Muhammad Said bin Haji Sulaiman
Prof Madya Dr Shafie Abu Bakar

Undang-Undang Johor Pra Abad Ke-19 162
Prof Dato' Dr Abu Hassan Sham

Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1312 (1895): Kepentingannya dari Segi Persuratan dan Sejarah 169
Prof Madya Dr Ahmad Fawzi Mohd Basri

Hikayat Johor serta Pahang 181
Prof Datuk Dr Muhammad Yusoff Hashim

Keluarga Haji Taib dalam Persuratan dan Penerbitan: Satu Catatan Ringkas 210
Dr Khazin Mohd Tamrin

Dato' Haji Muhammad Said dan Pakatan Melayu Persuratan Buku Diraja Johor: Satu Pengenalan Ringkas 219
Prof Dr Nik Safiah Haji A Karim

Belajar Bahasa Melayu untuk Mengungkapkan Ilmu: Warisan Karya Raja Ali Haji 230
Prof Dr Hashim Musa

Bahasa Melayu Johor-Riau: Lingua Franca dan Ketamadunan Melayu 252
Prof Dr Amat Juhari Moain

Dato' Onn Ja'afar: Wartawan dan Penerbit Akhbar 1930-1941 266
Prof Madya Dr Ramlah Adam

Organisasi Penulis Johor: Perjuangan dan Kesinambungan Warisan Persuratan Johor 291
Mohd Ismail Zamzam

Perkembangan Surat Khabar dan Majalah di Johor 1919-1941 307
Prof Madya Dr Mohd Sarim Haji Mustajab

Johor dalam Suara Rasa Penyair Zam Ismail 320
Prof Madya Kamaruzzaman Abdul Kadir

Puisi Moden Johor 332
Prof Madya Rahman Shaari

Cerpen dan Cerpenis Johor: Riak Cipta Darul Ta'zim 340
Prof Madya Amida @ Hamidah Haji Abdulhamid

Cerpen-Cerpen Khadijah Hashim 353
Hamzah Hamdani

Cerpen Generasi Baru Johor 363
Prof Madya Dr Othman Puteh

Zaharah Nawawi: Novelis yang Memartabatkan Wanita 371
Dr Rosnah Baharudin

Roman Sejarah Shaharom Husain 380
Prof Dato' Dr Hashim Awang

Seroja Masih Di Kolam Adibah Amin: 388
Penemuan Diri dan Proses Transformasi
Prof Madya Dr Ungku Maimunah Mohd Tahir

Shaharom Husain Dramatis Johor: Suatu Penelitian 398
Pascamodenisme
Prof Madya Dr A Rahman Hanafiah

Othman Haji Zainudin Dramatis Johor: 416
Satu Penelitian Retrospektif
Zakaria Ariffin

Meninjau Warisan Seni Persembahan di Johor 425
Prof Dr Rahmah Haji Bujang

PENGANTAR

ZAINAL ABIDIN BORHAN, OTHMAN PUTEH,
HAMZAH HAMDANI DAN SALEH DAUD

Pada 1–4 Ogos 1996, Kerajaan Negeri Johor Darul Ta'zim telah menganjurkan Seminar Warisan Persuratan Johor. Seminar tersebut dianjurkan dengan selenggaraan bersama Yayasan Warisan Johor, Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA) dan Persatuan Penulis Johor (PPJ). Seminar diadakan kerana menyahut wawasan YAB Menteri Besar Johor agar seluruh warisan persuratan Johor diketengahkan kepada orang ramai khususnya generasi muda.

YAB Menteri Besar Johor berwawasan agar seluruh kekuatan sejarah dan budaya menjadi paksi kepada jati diri Johor. Segala sumber persuratan, kepengarangan, ketokohan sasterawan dan budayawan Johor hendaklah dikaji dan digunakan untuk memantap dan mengukuhkan jati diri tersebut.

Warisan persuratan Johor penuh dengan kegemilangan. Benar sekali pendapat Teuku Iskandar (1995: 186-187) bahawa "Zaman antara kurun ke-16 hingga 17 mempunyai dua pusat kebudayaan penting, iaitu Kerajaan Johor dan Acheh. Pusat Kebudayaan Johor merupakan kesinambungan Pusat Kebudayaan Melaka dan Pusat Kebudayaan Melaka pula merupakan kesinambungan Pusat Kebudayaan Melayu, Singapura dan Pasai."

Di antara warisan persuratan Johor yang telah dikenal pasti ialah Sejarah Melayu (*Sulalatus Salatin*); *Hikayat Johor* (yang diselenggarakan oleh Ismail Hussein); *Syair Perang Johor, Keringkasan Sejarah Johor, Peringatan Sejarah Negeri Johor; Hikayat Johor serta Pahang; Syair Raja Johor serta Pahang; Syair Sultan Abu Bakar, Undang-Undang Johor,* dan lain-lain. Di samping itu pada zaman Kerajaan Johor-Riau terdapat juga warisan persuratan seperti *Tuhfat-al-Nafis, Silsilah Melayu dan Bugis, Hikayat (Sejarah) Raja-Raja Riau* dan lain-lain.

Johor juga telah melahirkan tokoh-tokoh intelektual, budayawan dan sasterawan yang berwibawa seperti Bendahara Paduka Raja Tun Sri Lanang, Raja Ali Haji, Muhamad Ibrahim Munshi, Dato' Haji Muhammad Said, Shaharum Husain, Usman Awang, Ibu Zain, Adibah Amin, Khadijah Hashim, Zaharah Nawawi dan lain-lain lagi.

Keseluruhan kertas kerja yang telah dibentangkan dalam seminar tersebut kini dibukukan untuk kegunaan orang ramai kini dan masa depan. Buku ini terbahagi kepada beberapa aspek yang berhubungan dengan warisan persuratan Johor, seperti Warisan Kepengarangan, Syair-syair, Warisan Sastera Undang-Undang, Warisan Pensejarahan, Bahasa Melayu Johor-Riau, Kewartawanan, Keintelektualan dan Organisasi Penulis Johor, Puisi Moden Johor, Cerpen dan Cerpenis Johor, serta Bangsawan dan Drama Johor.

Warisan persuratan dalam apa juga bentuk genrenya dapat dijadikan wahana pembangunan khususnya pembangunan manusia. Dengan mengkaji sejarah, para pembaca, pengkaji dari apa jua bidang kehidupan dapat menggunakannya sebagai panduan, teladan dan sempadan. "Demikian bunyi titah yang maha mulia itu: bahawa hamba minta diperbuatkan hikayat pada Bendahara pada menyatakan peraturan segala raja-raja Melayu dengan istiadatnya supaya didengar oleh anak cucu kita yang kemudian dari kita dan diketahuinya segala perkataan, syahdan beroleh faedah mereka itu daripadanya." (*Sejarah Melayu*).

Penerbitan buku ini tidak akan terlaksana tanpa usaha gigih teman-teman yang telah membantu secara langsung dan tidak langsung. Terima kasih diucapkan kepada Yayasan Warisan Johor kerana sudi menaja dan menerbitkan buku ini.

PRAKATA

TAN SRI PROF DATO' ISMAIL HUSSEIN
Ketua Satu GAPENA

Saya mengucapkan tahniah kepada Yayasan Warisan Johor yang telah menerbitkan buku Warisan Persuratan Johor yang berisi kertas kerja Seminar Warisan Persuratan Johor yang dilancarkan pada tahun 1996 sebagai satu dokumentasi yang amat berguna.

Sejajar dengan kemajuan negeri, khususnya kemajuan Negeri Johor Darul Tak'zim, bidang persuratan atau kesusasteraan turut membantu dalam proses pembinaan akal dan nilai budi di kalangan rakyat. Oleh sebab itu seharusnya buku Warisan Persuratan Johor ini dapat berperanan sebagai wahana untuk memupuk rasa cinta rakyat kepada tradisi mereka sendiri. Johor kini dibina dengan gigih sebagai benteng dan juga satu macam negeri contoh bagi kebudayaan Melayu. Dengan tradisi intelektualnya yang sedia ada, dan dengan kedudukannya yang strategis pada masa ini, ditambah dengan daya pimpinan yang cukup menarik, kita percaya yang cita-cita ini akan tercapai.

Saya sangat gembira kerana GAPENA telah diberi kepercayaan menyelenggarakan penerbitan buku ini bersama-sama Yayasan Warisan Johor dan Persatuan Penulis Johor (PPJ). GAPENA akan terus memainkan peranan untuk memertabatkan kesusasteraan sampai ke harakat yang tertinggi.

PERUTUSAN

YB DR HAJI ABDUL LATIFF HAJI AHMAD
Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Belia dan Sukan Johor

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yayasan Warisan Johor, Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA) dan Persatuan Penulis Johor (PPJ) kerana sudi bekerjasama dalam menjayakan penerbitan buku Warisan Persuratan Johor ini. Buku ini adalah bukti bahawa Johor sebenarnya merupakan pusat kebudayaan dan ketamadunan Melayu di abad ke-16 hingga ke-17. Malah kewibawaan Johor bukan terhenti di situ, ia dilanjutkan sehingga ke zaman Johor Moden. Johor pada masa itu memiliki kekuatan yang amat penting, iaitu tradisi ilmu dan keintelektualannya, di samping kekuatan spiritual atau keagamaan.

Puluhan naskhah Melayu telah dikarang pada zaman awal Johor, apatah lagi ratusan dan ribuan naskhah tulisan karangan atau cap-batu yang tersebar di seluruh alam Melayu. Mungkin tradisi Melayu-Islam tidak memiliki monumen tersergam seperti Borubodur atau Angkor Wat. Namun puluhan ribu naskhah tulisan tangan dan cap-batu yang kini tersimpan di perpustakaan dan arkib di dalam dan luar negara merupakan khazanah yang cukup monumental, yang memberi makna bahawa Melayu-Islam mewarisi satu tradisi aqliah, keilmuan dan keintelektualan yang tiada tara tandingnya. Naskhah-naskhah tersebut bukan sahaja ditulis atau merakam peristiwa secara simbolis mengenai raja-raja mereka, tetapi juga menghasilkan kitab-kitab ilmu pengetahuan agama Islam yang tiada tolok bandingnya.

Oleh kerana itu, usaha yang telah dilakukan oleh para ahli akademik dan penulis dalam penerbitan ini harus dipuji, kerana telah menganalisis keseluruhan warisan tersebut. Kekuatan tersebut mungkin telah ditemui. Maka di atas paksi ilmu dan keintelektualan itulah harus digunakan sebagai landasan oleh generasi masa kini untuk membina wawasan masa depan. Kekuatan tersebut memberi jati diri kepada kita semua. Dengan kekuatan ilmu dan keintelektualan Melayu-Islam itulah

sewajarnya kita jadikan kubu, benteng, untuk menghadapi cabaran globalisasi.

Dengan sikap yang sedemikian kita gunakan untuk menerima yang baik, yang positif, walaupun dari luar untuk mencapai kesejahteraan hidup akan datang. Jika kita mengandaikan bahawa cabaran globalisasi itu, ialah cabaran *westernization*, maka kekhuatiran kita ialah cabaran kebudayaan yang sedang dan bakal melanda kita, khususnya yang akan merempuh generasi muda.

Kita perlu mengukuhkan generasi muda kita dengan pelbagai kekuatan khususnya dalam menghayati dan memahami warisan mereka sendiri. Jika generasi muda kita lebih mengenali dan memahami warisan persuratan asing atau warisan budaya asing, maka kita telah gagal membentuk sahsiah, peribadi, orientasi nilai dan identiti atau jati diri mereka. Apatah lagi jika generasi muda kita rapuh dan tidak ampuh kekuatan spiritual mereka.

Kita perlu mendidik anak bangsa untuk mencintai warisan mereka seperti warisan persuratan. Kita perlu menterjemah segala pandangan di dalam penerbitan ini dengan tindakan yang konkrit, perancangan yang rapi serta tindakan susulan berlanjutan agar generasi muda sentiasa prihatin dan peka kepada warisan mereka sendiri.

Atas kesedaran inilah, maka Yayasan Warisan Johor memainkan peranan menerbit seluruh warisan persuratan Johor. Sejarah tokoh-tokoh persuratan kita, perlu didokumenkan dan diterbitkan. Kesemua ini untuk dibaca dan diketahui oleh generasi muda. Di samping penerbitan ini, Yayasan juga perlu berusaha untuk mendapatkan semula seluruh khazanah warisan tersebut dengan cara membeli dari individu-individu atau institusi-institusi dalam dan luar negeri, dan didokumenkan di dalam muzium, yang boleh dinamakan Muzium Warisan Persuratan Johor.

Melalui penerbitan ini, rakyat Johor secara langsung dan tidak langsung telah didedahkan kepada warisan mereka. Warisan tersebut bukan sahaja dirakam oleh tokoh-tokoh intelektual istana, pada peringkat awalnya, tetapi juga oleh tokoh intelektual di luar istana, yang mengisahkan gejolak lahir-batin rakyat Johor secara puitis dan prosaik, dedaktif dan simbolik. Misalnya ketajaman pena Tun Sri Lanang secara simbolis memaparkan gejolak lahir-batin raja-raja Melayu; juga ketajaman Raja Ali Haji menasihati orang Melayu di dalam *Gurindam Dua Belas*, begitu juga Usman Awang di dalam sajaknya bertajuk "Melayu Johor".

Melayu itu maknanya bijaksana
jika menipu pun bersopan
kurang ajarnya tetap santun
Dajalnya cukup selamba
Budi bahasa jangan dikira
Beraninya cukup benar
Tunduk bila bersalah
"Lembutnya cukup jantan"
Setia sampai ke kubur
Biar mati adat jangan mati sahabat.
(1988)

Warisan persuratan seperti ini adalah bukti komunikasi antara zaman dari Tan Sri Lanang ke Raja Ali Haji, ke Dato' Onn, ke Shaharom Husain, ke Usman Awang, hingga ke zaman Adibah Amin, Zam Ismail, Zaharah Nawawi, Khadijah Hashim dan kini ke zaman Gunawan Mahmud dan rakan-rakannya. Tradisi dan warisan ini biar berlanjutan, berterusan, sambung sinambung, meneruskan keagungan tamadun Melayu. Warisan yang merentasi zaman dan perbatasan adalah milik kita bersama, di mana jua umat Melayu berada.

Kepada semua penulis artikel dan para editor dalam penerbitan, izinkan saya berpantun seulas pinang, sebagai tanda menghargai budi baik semua.

Dari Johor ke Tarakan,
Tertikam onak tidak berdarah;
Budi tuan tidak dilupakan,
Terakam baik di lipatan sejarah.

Tertikam onak tidak berdarah,
Lemuni diusap dari Tioman;
Terakam baik di lipatan sejarah,
Jadi ikutan zaman berzaman.

Kalau ada jarum patah,
Jangan disimpan di dalam peti;
Kalau ada silap dan salah,
Jangan disimpan di dalam hati.

WAWASAN

YAB DATUK HAJI ABDUL GHANI OTHMAN
Menteri Besar Johor

Terlebih dahulu saya bagi pihak Kerajaan Negeri Johor mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yayasan Warisan Johor, Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA), dan Persatuan Penulis Johor (PPJ), kerana telah berjaya menerbitkan buku Warisan Persuratan Johor. Saya dimaklumkan bahawa buku ini berjaya menghimpun para cendekiawan dan dari penulis Malaysia dan negara-negara tetangga seperti Indonesia, Singapura, dan Brunei Darussalam, untuk sama-sama menulis mengenai Warisan Persuratan Johor.

Hasrat untuk menerbitkan buku mengenai Warisan Persuratan Johor bukanlah dengan tujuan untuk mewujudkan semangat kenegerian yang taksub tetapi dengan mengambil kira bahawa aspirasi tempatan haruslah diketengahkan, dipupuk dan dikembangkan supaya menjadi sebahagian daripada aspirasi kebangsaan yang lebih luas. Saya berkeyakinan ciri-ciri budaya tempatan yang berwarna-warni ini bukan sahaja akan memperkayakan kebudayaan kebangsaan malah akan memperkukuh dan meningkatkan lagi martabat kebudayaan kebangsaan itu sendiri.

Menyedari bahawa pembanguan sesuatu bangsa itu tidak dapat dipisahkan daripada warisan tradisi, dan menyedari bahawa yang moden dan yang tradisional itu pada hakikatnya mempunyai hubungan dialektikal dan saling mengisi di antara satu sama lain, justeru untuk membangun masyarakat, elemen-elemen warisan tradisional tidak harus diketepikan kerana ia merupakan sumber kekuatan yang paling ampuh untuk mencapai wawasan negara.

Jika kita mahu memahami makna proses pembangunan sesebuah masyarakat, kita harus memahami bukan sahaja struktur sosialnya dan budaya tradisi masyarakat itu, tetapi yang lebih penting ialah menyelami pemikiran masyarakat zaman

lampau itu. Kesedaran terhadap sejarah masa silam bangsa, dapat memberikan kita kepekaan terhadap konsepsi pembangunan bangsa dan negara kita sendiri. Apa yang ingin kita bangunkan bukanlah semata-mata pembangunan fizikal seperti pembangunan lebuh raya, bangunan-bangunan bertingkat, gedung-gedung perniagaan dan pabrik-pabrik industri sahaja, tetapi yang lebih penting adalah pembangunan manusia, yang memiliki roh, semangat, pemikiran, keyakinan dan harga diri yang menjadi inti kepada pembangunan keseluruhan jati diri bangsa kita.

Negeri Johor merupakan salah sebuah negeri di Malaysia yang kaya dengan warisan budaya bangsa baik dari segi sistem politiknya, sistem sosial, kesenian dan kebudayaan, bahasa dan sasteranya yang mempunyai ciri-ciri keunikannya yang tersendiri. Kita bukan sahaja harus berbangga dengannya tetapi harus berusaha untuk menggalinya semula supaya dapat dimasyarakatkan terutamanya kepada generasi muda.

Justeru dalam usaha membangunkan negeri Johor melalui pembangunan prasarana dan ekonomi negeri, ke arah ketahanan kepelbagaian pendalaman modal dan teknologi, kemampuan berdaya saing, peningkatan kemahiran, dan penekanan kepada barangan eksport, Johor juga harus dibangun berasaskan nilai-nilai sejarah, budaya tradisi, dan warisan bangsa. Seluruh kota dan desa di Johor perlu diberi wajah baru melalui *cultural landscaping* sebagai usaha yang berterusan demi memartabatkan sejarah, seni budaya dan persuratan Melayu. Kita juga perlu mengetengahkan identiti Johor yang unik itu di samping mewujudkan satu sistem pemerintahan yang cekap berteraskan keadilan, kecekapan, ketelusan, dan pengukuhan nilai-nilai murni.

Namun, usaha ini tidak mungkin akan berjaya, harapan ini akan hanya tinggal harapan, sekiranya anak-anak Johor yang sudah berjaya dalam bidang masing-masing, yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang luas, yang memiliki berbagai ketrampilan dan kemahiran tidak bersedia menyumbangkan tenaga bakti dan pemikiran untuk bersama-sama memajukan tanah kelahiran dan tanah leluhur mereka.

Sesuai dengan semangat bahawa 'Warisan adalah Asas Wawasan', saya melihat bahawa menggali khazanah zaman lampau untuk mencari kekuatan yang tersembunyi, di samping memandang ke hadapan untuk meneroka bidang-bidang baru, bukanlah suatu usaha yang sia-sia. Menggali warisan lama untuk kita mengkaji dan mempelajarinya bukanlah bererti kita surut ke belakang; kerana dengan mengenal tradisi, kita dapat mengetahui apakah kita lebih maju atau terkebelakang daripada

zaman sebelum kita; atau kita hanya mengulang-ulang tanpa melakukan sebarang pembaharuan dan penyegaran.

Menyelami zaman lampau untuk mempelajari kelemahan-kelemahannya dapat dijadikan sebagai iktibar supaya kita tidak mengulangi kesilapan-kesilapan atau kealpaan itu. Menyelami zaman lampau untuk mempelajari kejayaan masyarakat sebelum kita, akan dapat dijadikan sumber inspirasi malah kekuatan dalam mengharungi cabaran masa depan. Saya yakin banyak nilai-nilai positif yang terdapat dalam masyarakat dan budaya tradisi yang perlu kita pupuk untuk ketahanan diri bangsa kita daripada dibiarkan terhakis dan hanyut akibat pengaruh globalisasi yang kian mendesak.

Usaha-usaha untuk membongkar, mengumpul dan mengkaji serta menerbitkan semula khazanah persuratan Melayu lama harus diusahakan secepat mungkin supaya dapat dimasyarakatkan terutamanya di kalangan generasi muda bagi menimbulkan rasa kebanggaan, kecintaan serta kesedaran terhadap warisan tradisi, di samping menentukan kelangsungan tradisi itu secara teratur.

Sesebuah karya seni yang dihasilkan oleh para seniman tidak selalu wujud dalam situasi yang menyendiri. Sama ada secara langsung atau tidak, penciptaan karya seni itu selalunya mempunyai kesinambungan dari tradisi yang sedia ada dalam masyarakatnya. Hasil kegiatan intelektual baik yang dalam bentuk seni sastera mahu pun dalam bentuk seni lainnya, biasanya mendapat penghargaan yang tinggi kerana telah membuka jalan untuk generasi berikutnya menghasilkan karya-karya yang lebih bermutu. Demikian juga halnya dengan tokoh-tokoh seni, para seniman dan para intelektual itu sendiri dihormati bukan sahaja kerana hasil karyanya, tetapi kerana kebijaksanaan yang terkandung dalam karya mereka sehingga mengilhami para cendekiawan generasi berikutnya melahirkan karya-karya yang akhirnya berupaya mengangkat darjat masyarakat bangsanya.

Tradisi intelektual tinggi terutama yang berbentuk ekspresif biasanya membuka jalan bagi pelbagai penafsiran, sehingga mewujudkan kemungkinan-kemungkinan akan tercetusnya perbezaan pendapat di kalangan para cendekiawan. Perbezaan pendapat yang melahirkan kepelbagaian tafsiran ini bagi saya merupakan perkembangan yang positif dan sihat kerana keadaan ini akan membuka ruang kepada masyarakat untuk berfikir secara kritis untuk mencari kebijaksanaan-kebijaksanaan yang terselindung di sebalik kata-kata dan ungkapan-ungkapan sesebuah karya ekspresif itu. Sesebuah karya sastera yang dihasilkan oleh cerdik pandai kita bukanlah semata-mata merupakan rentetan kata-kata yang

tidak bermakna, tetapi lebih jauh daripada itu adalah sebagai bahan penggerak minda dan batin manusia yang menghayatinya. Alangkah baiknya kalau tradisi ini dilakukan dari semasa ke semasa terhadap karya-karya penulis Johor yang tentunya banyak lagi belum diselami dengan serius.

Kesedaran sejarah merupakan satu orientasi intelektual, satu sikap jiwa yang perlu ada untuk memahami secara lebih tepat tentang jati diri sesuatu bangsa. Kesedaran sejarah ini membimbing manusia kepada pengertian mengenai dirinya sendiri sebagai bangsa yang bermaruah, kepada *self understanding of a nation*, kepada persoalan siapakah kita ini sebenarnya, dan mengapa kita berada di sini. Tanpa kesedaran sejarah, generasi akan datang tidak akan mengenali dan memahami perubahan-perubahan yang pernah berlaku dalam masyarakatnya, dan kalau keadaan ini terjadi kita bimbang generasi muda kita akan menghadapi kesukaran dalam usaha memelihara momentum pembangunan dan kemampuan kreatif bangsanya.

Apa yang membimbangkan kita sekarang ialah wujudnya gejala kurang sihat yang menular di kalangan generasi muda kita sehingga tidak mungkin memiliki idealisme, citra diri atau *self image* dan tidak dapat meneropong masa depan dengan realistik. Mereka ternyata kurang sensitif terhadap kelangsungan budaya bangsanya. Malah terdapat kecenderungan di kalangan mereka yang mula meremehkan nilai-nilai tradisi, nilai-nilai yang diwariskan oleh nenek moyang mereka yang menjadi perdu kepada ketahanan bangsa, yang mengikat kita menjadi masyarakat yang padu dan harmoni. Hubungan antara kita bukan lagi berasaskan sambung rasa tetapi berdasarkan hubungan komersial, keuntungan kebendaan, serta status sosial yang sekaligus meminggirkan rasa perikemanusiaan, rasa senasib sepenanggungan, dan semangat kekitaan yang kental.

Faktor luaran, kebobrokan moral dunia yang dibawa arus globalisasi menjadikan perubahan nilai-nilai moral menjadi tidak terelakkan. Gejala ini diakibatkan hebatnya arus informasi yang tidak dapat lagi dibendung oleh dinding-dinding ketahanan diri bangsa kita. Justeru, usaha harus dibuat untuk membangkitkan kesedaran, mengembalikan orientasi pada nilai-nilai luhur yang terdapat dalam masyarakat dan agama kita. Manusia haruslah menjadi faktor utama dalam pembangunan. Martabat manusia harus diletakkan di tempat yang sewajarnya dalam segala bentuk pembangunan. Pembangunan dalam bidang sosiobudaya haruslah diletakkan di hadapan atau didahulukan daripada pembangunan dalam bidang-bidang lain kalau kita mahu melihat pembangunan kedua-duanya berkembang seiring dan seimbang.

Warisan persuratan yang dihasilkan oleh para penulis kita masa lampau merupakan sumber maklumat yang sangat berguna untuk mengkaji sejarah intelektual bangsa kita. Suatu masyarakat yang tidak mengekalkan ataupun tidak berupaya untuk mengekalkan warisan persuratan yang dilahirkan oleh ahli-ahli fikir mereka dari satu zaman ke satu zaman pastinya akan ketandusan idea dan insprisai untuk membangun masyarakatnya. Kita akan dapati masyarakat yang tandus dengan khazanah yang demikian itu akan terpaksa menimba khazanah daripada masyarakat lain untuk mendapatkan asas-asas pemikiran yang boleh dijadikan landasan perkembangan sejarah intelektual masyarakatnya.

Dalam konteks negeri Johor, selain *Salatus Salatin* (1612) karya pujangga besar Melayu Tun Sri Lanang, kita telah diperkenalkan dengan karya-karya Raja Ali Haji seperti *Gurindan Dua Belas, Bustanul Katibin* (1815), *Kitab Pengetahuan Bahasa* (1858), dan *Tuhfat Al-Nafis.* Kemudian tradisi itu dilanjutkan pula oleh Munsyi Ibrahim dengan karya-karyanya *Kitab Pemimpin Johor,* dan *Hikayat Pelayaran Muhammad Ibrahim Munsyi;* Mejar Dato Haji Muhamamd Said dengan *Hikayat Johor,* diikuti oleh Zainon Sulaiman (Ibu Zain), Abdullah Sidek, Jimy Asmara, Shahrom Husain sehinggalah kepada Usman Awang dengan karya-karya kreatif masing-masing.

Hasil karya para penulis kita itu tidak kurang pentingnya jika dibandingkan dengan karya penulis-penulis besar negara-negara lain dalam memberi sumbangan terhadap pembangunan sosial budaya bangsa dan negara kita. Begitu juga halnya dengan organisasi penulis seperti PBmPB Diraja yang lahir dalam tahun 1888 sehinggalah kepada Persatuan Penulis Johor (PPJ) yang ditubuhkan dalam tahun 1966 yang merupakan rentetan perjuangan dalam usaha memartabatkan sejarah, bahasa dan persuratan Melayu di negeri Johor ini.

Kekuatan sesuatu bangsa itu sangat erat hubungannya dengan harga diri bangsa itu dan dengan keyakinan bahawa kehidupan bangsanya itu mempunyai makna yang besar. Maka demikianlah keperibadian bangsa itu mencerminkan penjelmaan rasa kesinambungan dengan tradisi yang menjadi akar umbi jati diri bangsa itu. Suatu bangsa yang sedang membangun, yang sedang berjuang mengisi kemerdekaan yang telah dicapai, tidak dapat mengelak daripada terus melangkah di atas landasan aspirasi dan idealisme yang ingin dicapai oleh bangsanya. Aspirasi dan idealisme ini terungkap dalam bait-bait puisi dan hasil sastera yang ditulis oleh para cendekiawan kita dari satu zaman ke satu zaman.

PUSAT KEBUDAYAAN JOHOR ABAD KE-16–17

PROF DR TEUKU ISKANDAR

Dari perkembangan sejarah dapat kita ketahui bahawa kebudayaan Melayu itu berpindah-pindah dari suatu pusat ke pusat lainnya. Jika sesebuah negeri Melayu berkembang menjadi pusat perdagangan, maka dengan kemakmurannya ia menguasai kawasan di sekitarnya dan dengan jalan demikian menjadi pusat kekuasaan baru. Akibatnya adalah bahawa dengan kemakmuran yang dicapai itu kaum cerdik pandai serta pujangga-pujangga dari daerah-daerah lain di Kepulauan Nusantara mahupun dari luar negeri berkumpul di negeri tersebut. Dengan jalan demikian negeri ini berkembang menjadi suatu pusat kebudayaan dan kesusasteraan pula. Lahirnya pusat perdagangan baru mengakibatkan pusat kekuasaan dan kebudayaan berpindah ke mari dan pusat kebudayaan lama menjadi mundur. Pusat kebudayaan baru ini akan menggantikan pusat kebudayaan lama. Pusat kebudayaan baru ini memberi *impulse* baru lagi kepada kebudayaan dan kesusasteraan Melayu dan dengan jalan demikian mencipta genre-genre baru dalam kesusasteraan Melayu. Demikian pula halnya jika pusat perdagangan dan kekuasan yang lebih baru lagi muncul.

Perkembangan yang serupa kita lihat juga di negeri Barat. Kebudayaan Sumeria mempengaruhi kebudayaan Yunani dan akibat pengaruh Sumeria ini di Yunani berkembang kebudayaan baru dengan *impulse* baru dari Yunani sendiri. Begitu pula kebudayaan Yunani mempengaruhi kebudayaan Roma. Dengan *impulse* baru dari Roma sendiri lahirlah kebudayaan Roma yang lebih dinamik lagi dari kebudayaan Yunani. Selanjutnya kebudayaan Roma mempengaruhi kebudayaan Eropah dengan *impulse* baru pula lahirlah kebudayaan Eropah yang lebih dinamik.

Jika kita perhatikan perkembangan sejarah di Kepulauan Nusantara ini, terutama perkembangan sejarah di Nusantara

sebelah barat kita akan lihat pusat-pusat kekuasaan dan kebudayaan itu beralih dari suatu negeri ke negeri lainnya. Negeri yang tertua yang kita ketahui dari sejarah adalah kerajaan Seriwijaya, di Palembang sekarang ini, yang telah wujud dari pertengahan abad ke-7 hingga akhir abad ke-12. Di sinilah berkembangnya kebudayaan Melayu-Hindu/Budha. Di sini telah dicipta kesusasteraan Melayu-Hindu/Budha yang pertama. Runtuhnya kerajaan ini digantikan oleh kerajaan Melayu, di Jambi sekarang ini pada abad ke-13. Di sini telah dimelayukan karya-karya *Ramayana* dari bahasa Hindu dan *Mahabharata* dari bahasa Jawa Kuno. Dengan kekalahan Malayu oleh Raja Jawa Kertanagara kerana ekspedisi *Pamalayu* (1277), maka Raja Malayu Srimat Tribhuwabaraja Mauliwarmadewa terpaksa mendirikan tugu dengan teks yang mengagungkan Raja Jawa tersebut (1279). Nama Raja Malayu ini mengingatkan kita pada Seri Teribuana dalam *Sejarah Melayu* yang turun di Bukit Siguntang dan kemudiannya melalui Palembang berundur ke Bintan dan dari sana kemudiannya membuka negeri Singapura pada awal abad ke-14. Gubahan karya-karya Melayu asli dengan menggunakan motif-motif dari kesusasteraan Hindu yang telah dimulai di Malayu dilanjutkan di sini. Di sini pula telah dicipta inti dari *Sejarah Melayu* yang meriwayatkan pemerintahan raja-raja Singapura. Dengan kekalahan Singapura oleh kerajaan Majapahit, Raja Singapura berundur ke Melaka dan membuka negeri di sana.

Sementara itu agama Islam masuk ke Kepulauan Nusantara dan raja pertama yang memeluk agama Islam adalah Sultan Malikul-Salih kerajaan Pasai. Di sinilah lahirnya kesusasteraan Melayu-Islam yang pertama. Kitab perukunan sudah mulai dimelayukan di sini dari bahasa Arab. Legenda-legenda mengenai Nabi dan pahlawan-pahlawan di sekitar Nabi diterjemahkan dari bahasa Parsi. Bagitu pula cerita berinduk (cerita berbingkai) diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dari bahasa Parsi pada tahun 1371 seperti yang ternyata dari sebuah naskhah *Hikayat Bayan Budiman* yang tersimpan pada perpustakaan Universiti Leiden. Di sinilah dicipta karya sejarah pertama yang berunsur Islam.

Dengan munculnya kerajaan Melaka di pantai utara Selat Melaka dan pusat perdagangan berpindah ke sana. Negara ini mengalahkan kemakmuran Pasai, maka pusat kekuasaan dan kebudayaan berpindah ke sana. Karya-karya agama dalam bahasa Melayu dilanjutkan ciptaannya di sana. *Undang-Undang Melaka* dicipta untuk menjamin keselamatan negeri. Untuk mengatur pelayaran dan perdagangan disusun *Undang-Undang Laut Melaka*.

Pada puncak kejayaannya, Melaka menghasilkan karya-karya teragung dalam bahasa Melayu, seperti *Hikayat Melayu*, yang dianggap sebagai inti dari *Sejarah Melayu*, karangan Tun Seri Lanang di kemudian hari di Johor. Karya ini merupakan lanjutan dari tradisi penulisan sejarah zaman Melayu-Singapura dan memakai sebagai model *Hikayat Raja-Raja Pasai* yang telah sedia ada. Negeri ini juga menghasilkan *Undang-Undang Melaka* yang menjadi contoh untuk negeri-negeri Melayu lainnya. Dengan pengaruh terjemahan-terjemahan dari bahasa Parsi dan legenda-legenda mengenai tokoh-tokoh di sekitar Nabi, dicipta karya-karya asli Melayu mengenai tokoh- tokoh lain di sekitar Nabi. Kegiatan keagamaan nampaknya tidak begitu pesat, jika kita perhatikan *Sejarah Melayu*, jika dibandingkan dengan di Pasai, berdasarkan riwayat Ibn Batutah. Dari sejarah Banten kita ketahui pendidikan agama terdapat di Pulau Upih, perkampungan orang Jawa. Sebab banyaknya masyarakat Jawa yang berada di Melaka-maka cerita-cerita Panji (hikayat Jawa) dimelayukan di sini. Di Melakalah *hikayat klasik Melayu* (istilah Bausani) atau *cerita sintesis* (istilah Braginsky) dicipta dengan menggunakan motif-motif dari karya-karya Hindu, yang telah dimelayukan, ataupun motif-motif dari karya-karya Melayu-Islam, yang telah mulai wujud pada zaman kesusasteraan Pasai. Baharu sahaja lahir pusat kebudayaan Melaka lalu dimusnahkan oleh orang Portugis (1511).

Sultan Mahmud Syah mengundurkan diri ke Batu Hampar, putera baginda Sultan Ahmad ke Paguh. Kemudian pula keduanya berangkat ke Muar dan dari sana ke Pahang. Setelah itu kembali ke Pekan Tua, Johor, dan akhirnya ke Bintan. Orang Portugis melanggar lagi Bintan dan Sultan Mahmud pindah ke Kampar. Baginda mangkat di Kampar dan digantikan oleh putera baginda Sultan Alauddin Ri'ayat Syah. Raja ini berangkat ke Pahang dan berkahwin dengan puteri Sultan Mansur Syah. Sultan Alauddin Ri'ayat Syah kemudian kembali ke Johor dan membuka negeri di Kuala Johor (Johor Lama). Setelah Sultan Alauddin Ri'ayat Syah mangkat baginda digantikan oleh Sultan Muzaffar Syah. Raja ini telah memindahkan ibu negeri dari Johor Lama ke Seluyud. Mangkat Sultan ini baginda digantikan pula oleh Sultan Abdul Jalil Syah. Setelah mangkat raja yang terakhir ini baginda digantikan oleh Sultan Ala Jalla Abdul Jalil Syah. Pada zaman pemerintahan Sultan inilah Tun Seri Lanang dilantik sebagai Bendahara dengan gelaran Bendahara Paduka Raja. Sultan Ala Jalla Abdul Jalil Syah memindahkan ibu negeri dari Seluyud ke Tanah Putih yang kemudian dinamai Batu Sawar. Setelah Batu Sawar dilanggar lagi oleh orang Portugis, Sultan

Ala Jalla Abdul Jalil membuat negeri di hulu Sungai Damar, pada Sungai Batu Sawar juga, yang diberi nama Makam Tauhid. Dua kali orang Portugis melanggar Makam Tauhid. Sultan Ala Jalla Abdul Jalil mempunyai tiga orang putera dengan gundik. Raja Hasan dirajakan di Siak, Raja Husain dirajakan di Kelantan dan Raja Mahmud di Kampar. Ketika mangkat baginda meninggalkan dua orang putera gahara, Raja Mansur dan Raja Abdullah. Bendahara hendak merajakan Raja Abdullah dengan persetujuan Raja Mansur tetapi Raja Abdullah enggan. Oleh sebab itu ditabalkanlah Raja Mansur dengan gelaran Sultan Alauddin Ri'ayat Syah tetapi Raja Abdullah yang sebenarnya memegang pemerintahan dengan dipangku oleh Bendahara. Sultan Alauddin hanya bermain-main sahaja. Raja Abdullah beristana di seberang Pangkalan Rama dan oleh sebab itu disebut Raja Seberang. Beberapa kali orang Portugis dan orang Aceh melanggar Makam Tauhid. Sultan Alauddin hendak pindah dan membuat negeri di hulu Sungai Riun. Walaupun ditegah oleh Raja Abdullah dan Bendahara, kerana Makam Tauhid yang dibuka oleh ayahanda baginda itu sangat bertuah, tiada didengar juga. Maka pindahlah Sultan ke hulu Sungai Riun yang dinamai Pasir Raja. Demikianlah kisah *Sejarah Melayu* mengenai Johor.

Dengan runtuhnya kerajaan Melaka, Pasai berkesempatan untuk pulih kembali sebagai pusat kebudayaan Melayu. Tetapi pada tarikh 1524 negeri ini dikalahkan oleh kerajaan Aceh dan dimasukkan dalam wilayahnya. Pusat kekuasaan dan pusat perdagangan sekarang berpindah dari Pasai ke Bandar Aceh Darussalam. Aceh mengambil alih pusat kebudayaan Melayu dari Pasai. Dengan jalan demikian pada abad ke-16-17 terdapat dua pusat kebudayaan Melayu di Selat Melaka, Johor dan Aceh. Akan tetapi ada juga perbezaan antara kedua pusat kebudayaan ini, sebagai terdapatnya perbezaan antara pusat kebudayaan Pasai dan pusat kebudayaan Melaka. Di Aceh terdapat dua jenis kesusasteraan, kesusasteraan dalam bahasa Melayu dan kesusasteraan dalam bahasa Aceh. Bahasa Melayu di Aceh adalah bahasa ilmu pengetahuan, bahasa yang digunakan dalam pelajaran. Jadi karya-karya yang ditulis dalam bahasa Melayu adalah karya-karya yang dipelajari, bukan karya yang dibaca untuk orang ramai. Karya-karya yang bersifat intelektual ini pada umumnya menyebut nama pengarangnya, tarikh ia dikarang dan siapa penaungnya. Karya-karya yang termasuk dalam golongan kedua merupakan *belles-lettres* ditulis dalam bahasa Aceh. Kebanyakan dari karya ini dapat disifatkan sebagai *hikayat klasik* dan sebahagian besarnya merupakan terjemahan dari bahasa Melayu. Karya-karya seperti *Hikayat Amir Hamzah* dan

Hikayat Iskandar Dzulkarnain dalam bahasa Aceh merupakan terjemahan dari bahasa Melayu.

Untuk mendapat gambaran mengenai kesusateraan Melayu sebelum abad ke-18, kita mempunyai tiga senarai yang ditinggalkan oleh peminat-peminat bahasa dan kesusasteraan Melayu yang berbangsa Eropah. Pertama Isaak de Saint Martin, ahli Dewan Hindia Belanda di Jakarta, yang meninggal dunia pada tahun 1696 dan meninggalkan sejumlah naskhah Melayu. Naskhah-naskhah ini telah disenaraikan oleh seorang notaris pada tarikh 1697 dan diterbitkan oleh F. de Haan dalam makalahnya *Uit Oude Notaris Papieren (TBG42,* 1900). Senarai yang kedua adalah karya-karya Melayu yang pernah dilihat oleh Francois Valentijn dan diterbitkan dalam bukunya *Oud en Nieuw Oostlndien* (1726). Senarai yang ketiga adalah senarai karya Melayu yang terdapat dalam bahagian *Maleische Boekzaal,* buku *Maleische Spraakkunst, Uit de eige schriften der Maleiers opgemaakt, met eene Voorreden, Behelzende eene inleiding tot dit werk, En een Dubbeld Aanhangsel Van twee Boekzalan, Van Boeken, in deze tale zo van Europeeers, als van Maleiers geschreven,* karangan G.H. Werndly (1736). Wemdly adalah profesor pertama di dunia dalam bidang bahasa dan kesusasteraan Melayu pada Atheneum, yang kemudiannya menjadi universiti, di Amsterdam. Senarai yang terbesar adalah senarai naskhah Isaak de Saint Martin. Baik Valentijn mahupun Werndly nampaknya telah menggunakan senarai ini dan menambahnya dengan judul-judul lain yang pernah mereka lihat. Jikalau kita gabungkan ketiga senarai ini, maka kita akan mendapat sedikit gambaran, walaupun tidak lengkap, dari khazanah kesusasteraan Melayu sehingga akhir abad ke-17.

Kesemua 71 judul yang terdapat dalam senarai gabungan ini dapat dibahagi menurut genre dalam:

1. Cerita Pandawa, dua judul.
2. Hikayat klasik Melayu dengan motif-motif Hindu, lima judul.
3. Hikayat Jawa (cerita Panji), tujuh judul.
4. Legenda mengenai Nabi Muhammad s.a.w. serta pahlawan-pahlawan Islam, 13 judul.
5. Cerita mengenai nabi-nabi lain, tiga judul.
6. Cerita berinduk (berbingkai), empat judul.
7. Karya-karya yang diketahui sebagai ciptaan Aceh, sembilan judul.
8. Karya-karya yang diketahui sebagai ciptaan Semenanjung Tanah Melayu, empat judul.

9. Hikayat klasik Melayu dengan motif-motif Hindu-Islam, empat judul.
10. Karya-karya agama yang tidak diketahui tempat dicipta, 15 judul.

Yang penting bagi kita dalam rangka ini adalah peranan pusat kebudayaan dan kesusasteraan Johor. Dari penyelidikan kita nampak bahawa genre-genre yang nombor 1-5 merupakan ciptaan pusat-pusat kebudayaan sebelum abad ke-16-17. Dari cerita berinduk (nombor 6) ada yang wujud sebelum dan ada pula dalam zaman ini. Genre-genre 7-9 merupakan ciptaan abad ke-16-17. Mengenai genre 7 dari nama pengarang, tarikh ia dikarang, nama penaung si pengarang dan genrenya kita ketahui ia merupakan ciptaan Aceh. Karya-karya yang dicipta di Aceh sebagai yang telah kita lihat tadi terdiri daripada kitab-kitab pelajaran, terutama dalam bidang agama, karya-karya sejarah, panduan bagi raja-raja dan lain-lain, undang-undang, karya-karya didaktik. *Belles-lettres* adalah dalam bahasa Aceh, dan ini pun kebanyakannya merupakan terjemahan atau saduran dari bahasa Melayu. Karya-karya *belles-lettres* dibaca untuk orang ramai dan mereka ini berbahasa ibunda bahasa Aceh, maka oleh sebab itu bacaan cerita itu lebih dapat dihayati dalam bahasa Aceh.

Aceh menjadi tumpuan ulama-ulama dan cerdik pandai dari pelbagai pelosok dunia Islam. Mereka inilah yang pada abad ke-16 mula-mula mencipta karya agama di Aceh. Sudah tentu karya-karya mereka ini, dikarang dalam bahasa Arab. Pada tahun 1582 datang ke Aceh Syaikh Abu'l-Khair bin Ibn Hajar, anak Ibn Hajar pengarang *Kitab Tuhfah*, yang telah mengarang kitab *Saif al-Qati'* dan sebuah kitab tasawuf mengenai *a'yan thabitah* serta mengajar ilmu fiqah. Syaikh Muhammad Yamani, pakar dalam ilmu usul, mengajar di Aceh. Syaikh Muhammad Jailani ibn Hasan ibn Muhammad Hamid ar-Raniri, bapa sudara Nuruddin ar-Raniri, datang dari Gujarat dan mengajar ilmu mantiq, ilmu bayan, ilmu usul dan ilmu fiqah. Ketika orang hendak belajar ilmu tasawuf kepadanya dia bertangguh dan belayar ke Mekah untuk mempelajarinya terlebih dahulu. Cabaran dari mereka inilah yang mencetuskan minat dari pengarang-pengarang setempat untuk menceburkan diri dalam bidang kesusasteraan intelektual dan mencipta karya-karya yang asli dalam bahasa Melayu.

Johor tidak mempunyai kesempatan menjadi bandar yang kosmopolitan. Baru sahaja bangkit dari kekalahan Melaka, dia telah mengalami serangan-serangan dari orang Aceh dan

Portugis. Hanya Syaikh Nuruddin ar-Raniri yang datang ke kawasan ini mengikuti jejak bapa saudaranya, Muhammad Jailani, tidak mendapat kesempatan di Aceh kerana fahamnya mengenai wujudiyah bertentangan dengan Syaikh Syamsuddin Pasai yang pada masa itu memegang peranan penting di istana Aceh. Pada tahun 1621 Syaikh Nuruddin menuju ke Mekah untuk menunaikan fardhu haji dan sesudah itu beliau pulang ke India. Hanya sesudah tahun 1624 beliau menuju ke Nusantara. Pada masa itu jikalau orang dari Timur Tengah ataupun India datang ke Kepulauan Nusantara tempat utama yang ditujukan adalah Aceh. Tetapi kerana faham yang berlainan dari Syaikh Syamsuddin, maka pada masa itu tidak ada tempat baginya di Aceh. Oleh sebab itu dia menuju ke Semenanjung Tanah Melayu ke pusat kebudayaan di sana, kerajaan Johor (P.Voorhoeve, *Van en Over Nuruddin ar-Raniri,* 1957). Di sinilah dihasilkannya sejumlah karya dalam bahasa Melayu, sebelum dia berada di Aceh pada tahun 1637. Karya-karya ini adalah:

1. *Sirat al-Mustaqim;* karya ini mulai dikarangnya pada tahun 1634 dan diselesaikannya di Aceh pada tahun 1644.
2. *Durrat al-Fara'idh;* kitab ini dikarangnya sebelum tahun 1635, kerana disebutnya dalam *Hidayat al-Habib* yang dikarangnya pada tahun 1635. *Durrat al-Fara'idh* merupakan saduran dari syarah karangan Taftazani mengenai *Mukhtasar al-'Aqa 'id,* karya Najm al-Din 'Umar al-Nasafi.
3. *Hidayat al-Habib fi'l-Targhib wa'l-Tarhib;* kandungan karya ini serupa dengan karya Arab *Kitab Targhib wa'lTarhib,* karangan 'Abd al-'Azim al-Mundhiri (meninggal tahun 1258). Karya ini telah dicetak dengan judul *Fawa'id al-Bahiyah* pada ruangan tepi *Jam' al-Fawa'id* karangan Syaikh Daud Fatani.

Tetapi sesudah mangkat Sultan Iskandar Muda (1636), dan sebelumnya Syaikh Syamsuddin pun telah berpulang ke rahmatullah, serta Sultan Iskandar Thani yang berasal dari Pahang menggantikan baginda sebagai Sultan Aceh, Syaikh Nuruddin ar-Raniri datang kembali ke Aceh pada tahun 1637. Namun walaupun tidak menonjol dalam kesusasteraan agama Johor mengambil tempat penting sebagai pusat kebudayaan dan kesusasteraan Melayu pada zaman itu. Justeru kerana bukan bandar kosmopolitan dan kurangnya pengaruh dari luar, kesusasteraan Johor berkembang dengan kekuatan dan

keperibadiannya sendiri. Kesusasteraan Melayu yang telah pun ada dihayati dan dicernalkan serta diolah dan atas dasar ini dicipta karya-karya baru. Karya-karya Johor lebih menampakkan ciri-ciri Melayu jika dibandingkan dengan karya-karya Aceh yang banyak mengalami pengaruh dari luar.

Undang-Undang Melaka, disesuaikan dengan keadaan masa dan tempat, menjadi *Undang-Undang Johor*. Dari Johorlah *Undang-Undang Melaka* tersebar hingga sampai ke Brunei kerana dalam kesusasteraan di sana tidak pernah disebut hubungan kebudayaan dengan Melaka, hanya dengan Johor. Setelah Sultan Alauddin Ri'ayat Syah al-Kahar (1537-1568) Aceh, mengalahkan Sultan Alauddin Ri'ayat Syah Johor, putera Sultan Mahmud Syah Melaka, Raja Johor ini dibawa ke Aceh. Pada zaman pemerintahan Sultan Aceh inilah, menurut *Bustanus-Salatin*, pemerintahan di Aceh diatur kembali. Mungkin sekali pada zaman ini pula *Undang-Undang Johor* diperkenalkan di Aceh.

Dalam mukadimah *Sejarah Melayu*, Raffles MS18, disebut ia mulai dikarang oleh Bendahara (Tun Seri Lanang) pada hari Ahad, 12 Rabi'ul-awal 1021/13 Mei 1612. Tidak berapa lama sesudah karya ini mulai dikarang, Sultan Iskandar Muda melanggar Johor (1613) dan Sultan Alauddin berserta Raja Abdullah atau Raja Seberang dibawa ke Aceh. Tidak mungkin tidak Bendahara turut serta di bawa ke sana. Tidak berapa lama kemudiannya keluarga Sultan dikembalikan lagi ke Johor. Dalam suasana yang sebegitu rupalah dicipta *Sejarah Melayu*, karya sejarah teragung dalam kesusasteraan klasik Melayu. Barangkali orang Johor dalam keadaan yang genting serupa ini sanggup menghasilkan ciptaan yang agung. Mungkin pula justeru kegentingan inilah yang memberi mereka perangsang untuk mencipta sesuatu yang agung. Kerana kegentingan inilah orang Johor, sebagai pewaris, melihat kembali pada kegemilangan nenek moyang mereka di Melaka dahulu dan oleh sebab itu pula maka ditulis semula sejarah bangsa Melayu berdasarkan *Hikayat Melayu* yang telah dicipta di Melaka dahulu.

Demikian pula halnya dengan *Syarah Melayu* versi baru yang lebih panjang (edisi W.G.Shellabear). Dalam kolofonnya dikatakan:

> Pada zaman itu hingga inilah dapat oleh pacal yang daif dibaca di dalam hikayat ayahanda itu, rahim Allah ta'ala, iaitu datuk yang hilang di Tanjung Batu. Kepada masa Johor alah diserang Jambi pacal datuk dikurniai ayahanda itu membaca hikayat Melayu oleh baginda tajalli dari Bukit

> Siguntang turun ke Palembang, dari Palembang lalu ke Bintan, dari Bintan lalu ke Singapura. Maka alah Singapura oleh Jawa Majapahit lalu ke Melaka, alah Melaka oleh Peringgi berbalik pula ke Bintan, dari Bintan lalulah ke Johor. Had itulah yang terbaca oleh pacal datuk. Wallahu a'lam.

Dari kata-kata ini kita dapat mengambil kesimpulan bahawa *Sejarah Melayu* versi ini telah ditulis kembali dan ditokok-tambah di sana sini pada ketika Johor alah diserang Jambi. Peristiwa ini berlaku pada tahun 1673. Jika kita bandingkan kandungan *Sejarah Melayu* versi Raffles MS18 dan *Sejarah Melayu* versi 1673 ini, kita akan melihat perbezaan-perbezaan yang menyolok. Bab-bab yang dalam versi Raffles MS18 berjumlah 31, dalam versi baru telah menjadi 34. Bahasa yang dalam versi Raffles MS18 merupakan bahasa Melayu praklasik yang lebih mirip pada bahasa dalam *Hikayat Seri Rama* yang diterbitkan oleh Shellabear, *Hikayat Raja-raja Pasai, Hikayat Aceh* (awal abad ke-17) dan surat-surat yang diterbitkan oleh Shellabear dalam makalahnya *An Account of Some of the Oklest Malay Mss. Now Extant (1898)* . Bahasa Melayu ini pula telah dibincangkan oleh Ph.S. van Ronkel dalam makalahnya *Account of Six Malay Manuscripts (1896).* Bahasa *Sejarah Melayu* versi Raffles dapat mewakili bahasa Melayu zaman karya ini dikarang oleh Tun Seri Lanang (1612). Sedangkan bahasa *Sejarah Melayu* versi 1673 sebaliknya menampakkan ciri-ciri baru yang dapat kita sebut sebagai bahasa Melayu klasik, bahasa yang mirip pada bahasa dalam kesusasteraan zaman Riau.

Kesimpulan yang dapat kita ambil adalah bahawa dalam abad ke-17 itu bahasa Melayu persuratan di Johor telah mengalami perubahaan. Ini disebabkan bahasa percakapan masyarakat adalah bahasa Melayu dan bahasa percakapan semakin lama semakin besar pengaruhnya ke atas bahasa persuratan. Berlainan halnya dengan keadaan di Aceh di mana bahasa percakapan masyarakat adalah bahasa Aceh dan pengaruhnya kurang ke atas bahasa Melayu sebagai bahasa persuratan. Di sana bahasa persuratan yang disebut bahasa Jawi atau bahasa Melayu kitab hampir tidak mengalami perubahan.

Terdapat lagi versi lain dari *Sejarah Melayu.* Versi ini adalah yang telah diedit dan diterbitkan oleh Abdullah bin Abdulkadir Munsyi pada pertengahan abad ke-l9. Berbeza dengan versi 1673 yang berakhir dengan peristiwa ibu negeri Johor dipindahkan ke Pasir Raja dari Makam Tauhid (disekitar tahun 1612), versi ini berakhir dengan Tun Ali Hati dihukum bunuh oleh Sultan

Mahmud Syah Melaka. Peristiwa ini adalah sebagai berikut: Setelah Melaka dikalahkan oleh orang Portugis Sultan Mahmud Syah bersama putera baginda Sultan Ahmad, mengundurkan diri ke Muar lalu berangkat ke Pahang dan akhirnya menetap di Bintan. Sultan Ahmad tidak menyukai orang besar-besar dan pegawai-pegawai, yang dikasihi hanya orang muda-muda yang suka memperolok-olok orang besar-besar tersebut. Oleh sebab itu Sultan Ahmad diperintahkan dibunuh. Setelah Sultan Ahmad mangkat pengikut-pengikut baginda diperintahkan mengadap Sultan Mahmud Syah. Sekalian mereka itu mengadap Sultan kecuali Tun Ali Hati. Beberapa kali dipanggil ia enggan juga kerana hendak bersama-sama mati dengan Sultan Ahmad. Oleh sebab itu ia disuruh bunuh. Kejadian ini berlaku sebelum Sultan Mahmud Syah pindah ke Kampar pada tahun 1624. Bahasa Abdullah yang digunakan dalam edisi *Sejarah Melayu* ini lebih kuat lagi dipengaruhi oleh bahasa percakapan.

R.Roolvink yang telah mengkaji naskhah-naskhah *Sejarah Melayu* mengangggap teks yang lebih pendek itu sebagai yang lebih tua *(The Variant Versions of the Malay Annals*, 1967). Oleh sebab itu diberinya urutan waktu penulisan versi-versi karya ini:

1. *Cerita asal Raja-raja Melayu punya keturunan* (naskhah Leiden Cod Or 3199) yang telah digunakan pengarang-pengarang Belanda, Van der Vorm, Valentijn dan Netscher yang mengandungi jurai raja-raja Melayu dengan tahun-tahun pemerintahan.
2. Naskhah Maxwell 105 yang mengandungi salasilah Raja-raja Perak yang dimulai dengan ringkasan *Sejarah Melayu*.
3. Raffles MS 18.
4. Versi Abdullah bin Abdulkadir Munsyi.
5. Versi panjang (1673).

Mengenai (1) dari judulnya sahaja dapat kita ketahui ia tidak asli. Yang penting bagi kita adalah urutan (3), (4) dan (5). Sekiranya urutan ini didasarkan pada panjang pendeknya, banyak kurangnya muka surat, memang urutan ini benar. Tetapi yang penting adalah panjang pendek riwayat yang terkandung dalam naskhah-naskhah itu. Dalam hal ini cerita dalam *Sejarah Melayu* versi Abdullah berakhir dengan terbunuhnya Tun Ali Haji di Bintan sebelum Sultan Mahmud Syah pindah ke Kampar (1524). Sedangkan versi Raffles MS18 berakhir dengan peristiwa Sultan Alauddin Ri'ayat Syah, setelah kembali dari Kampar membuat

negeri di Pekan Tua, Johor, di sekitar tahun 1535. Jika kita ikuti lojik Roolvink, versi Abdullah yang lebih pendek ceritanya semestinya lebih tua daripada versi Raffles MS18. Tetapi dari sudut ceritanya versi Abdullah mempunyai lebih banyak bab dan juga bahasanya lebih moden. Naskhah Raffles MS 18 berakhir di tengah-tengah ayat kerana telah hilang muka-muka terakhir. Sekiranya naskhah ini lengkap riwayatnya berakhir dengan cerita di Pasir Raja, serupa dengan versi panjang. Hanya versi panjang merupakan penulisan kembali *Sejarah Melayu* pada tahun 1673. Shellabear pada mulanya menggunakan versi yang kandungannya serupa dengan versi Abdullah, tetapi sesudah dilihatnya versi ini tidak lengkap maka disambungnya dengan sambungan yang diambilnya dari naskhah yang lebih lengkap iaitu versi yang serupa dengan yang diterbitkan oleh A. Samad Ahmad (DBP, 1979).

Juga karya yang agung lainnya, *Hikayat Hang Tuah*, telah dikarang pada zaman yang hampir serupa dengan *Sejarah Melayu* versi baru. Karya ini telah dilihat oleh Valentijn semasa dia berada di Ambon, sebagai yang dikatakannya dalam bukunya yang terkenal itu (1726). Sebagai pendeta agama Kristian dia ditugaskan oleh V.O.C. (East India Company) ke Ambon. Pada tahun 1712 Valentijn dipanggil kembali ke Jakarta dan pada tahun 1713 ia belayar ke negeri Belanda. Jadi telah dilihatnya *Hikayat Hang Tuah* sebelum tahun 1712. Jika karya ini sebelum tahun 1712 sudah tersebar sampai ke Ambon, sudah tentu dia dicipta jauh sebelumnya. Apalagi penyebaran karya-karya Melayu pada zaman itu bukan dengan jalan percetakan tetapi dengan jalan salin-menyalin yang memakan waktu yang lama. Oleh sebab itu kita tempatkan penulisan *Hikayat Hang Tuah* pada ketika yang hampir sama dengan penulisan *Sejarah Melayu* versi baru, sesudah kota Melaka direbut oleh Belanda dari tangan Portugis (1641) dan sebelum tahun 1712.

Hikayat Hang Tuah juga mengambil sebagai temanya kegemilangan Melaka dengan watak utamanya Hang Tuah, pahlawan Melaka. Dalam karya ini pengarang Johor sekali lagi, dalam keadaan kegentingan, mengingatkan masyarakatnya akan kebesaran mereka pada zaman Melaka dahulu. Watak-watak Melaka dihidupkan kembali, walaupun kadangkala dengan peranan-peranan yang berlainan. Mengenai karya ini lebih lanjut kita bincangkan nanti.

Cerita berinduk pun tidak dapat kita tempatkan dalam kesusasteraan Aceh, sebab karya ini juga dibaca untuk orang ramai. *Hikayat Bayan Budiman*, berdasarkan *internal evidence* dalam sebuah naskhah yang tersimpan di Leiden, telah dikarang

di Pasai (1371). *Hikayat Bakhtiar* telah disebut dalam sebuah karya Jawa dari abad ke-16 dan oleh sebab itu kita tempatkan ciptaannya dalam bahasa Melayu pada zaman sebelum Melaka. *Hikayat Kalilah dan Daminah* yang terdapat pada senarai gabungan kita, dapat dianggap sebagai karya zaman pusat kebudayaan Johor. Karya ini untuk sebahagian besarnya didasarkan pada karya Parsi karangan Husain Wa'iz al Kasyifi berjudul *Anwar-i-Suhaili (1506)*. Karya didaktik ini menggunakan bintang-bintang sebagai watak-wataknya.

Sebuah lagi cerita binatang yang terdapat dalam senarai gabungan tadi adalah *Hikayat Pelanduk Jenaka*. Juga karya ini tidak dapat kita anggap sebagai karya Aceh, kerana ia dibaca untuk orang ramai. Berbeza dengan *Hikayat Kalilah dan Daminah* yang merupakan terjemahan dari bahasa Parsi, cerita ini dibukukan dari cerita mulut. Barangkali di sinilah, di Johor, untuk pertama kali kita lihat cerita mulut dibukukan.

Hikayat Jawa (cerita Panji) tetap digemari di Semenanjung Tanah Melayu hingga abad ke-18. Hal ini ternyata dari *Misa Melayu* di mana disebut di antara putera-puteri Raja Muda pada zaman pemerintahan Sultan Mahmud Syah (1765-1773) dengan nama Raja Radin, Raja Galuh, Raja Inu, Raja Daha dan Raja Bisnu. *Hikayat Pandawa* dan *Hikayat Seri Ramalah* tempat pengarang-pengarang hikayat klasik Melayu mengambil ilhamnya. Sesudah hikayat Jawa dimelayukan dan karya-karya Islam diterjemah atau disadur ke dalam bahasa Melayu dari bahasa Arab dan bahasa Parsi, karya-karya ini semuanya pula menjadi sumber ilham mereka. Barangkali di Johorlah hikayat Melayu yang menggunakan motif-motif Hindu dan Islam mencapai puncak kejayaannya. Pada zaman inilah dicipta hikayat Melayu klasik sebagai yang terdapat dalam senarai gabungan ini:

1. *Ceritera Kobat Lela Indera (Hikayat Syah Kobat).*
2. *Hikayat Isma Yatim.*
3. *Hikayat Jauhar Manikam.*

Senarai ini dapat kita tambah lagi dengan judul-judul lain dari genre ini seperti:

4. *Hikayat Maharaja Ali.*

A. Bausani yang telah mengkaji *Hikayat Maharaja Ali (Notes on the Structure of the Classical Malay Hikayat*, terjemahan L.F.Brakel, 1979) memberi sebagai motif-motif genre hikayat ini:

1. Watak utamanya membuang diri. Motif ini diilhamkan oleh suatu episod dalam *Hikayat Sang Samba* (saduran dari karya *Mahabharata).*
2. Sebab musabab perpisahan yang pertama diilhamkan oleh *Hikayat Bayan Budiman.*
3. Cerita yang merupakan sisipan untuk melambatkan kejadian yang menghinakan serupa dengan cerita dalam *Hikayat Bakhtiar.*
4. Motif isteri yang hendak berzina terdapat dalam *Hikayat Bayan Budiman.*
5. Motif hukuman yang adil dipengaruhi oleh *Hikayat Nabi Sulaiman.*
6. Motif tengkorak yang bercakap hanya dijumpai dalam *Hikayat Raja Jumjumah.*
7. Motif perempuan memeluk dan mencium anaknya hingga dituduh berbuat jahat berasal dari *Hikayat Bayan Budiman* dan hampir serupa pula dalam *Hikayat Puspa Wiraja.*
8. Dalam karya ini dan juga dalam *Hikayat Puspa Wiraja* terdapat motif kapal, yang jelas menampakkan unsur Melayu yang khas. Laut dan kapal adalah asing bagi cerita-cerita Hindu-Parsi.

Cara penceritaan keseluruhannya menampakkan ciri-ciri yang khas Melayu.

Bagaimanakah halnya dengan *Hikayat Hang Tuah?* Sudah sejak tahun 1960 A.Teeuw menganggap karya ini sebagai roman (fiksyen) Melayu pertama *(DeMaleise Roman, Forum der Letteren,* 1960). Sebagai lanjutannya saya telah cuba menganalisa komposisi karya ini *(Some Historical Sources Used by the Author of Hikayat Hang Tuah,* 1970) dan menarik kesimpulan:

1. Motif mulai dari Sang Sapurba turun dari Bukit Siguntang hingga ke pembukaan negeri Melaka terdapat dalam *Sejarah Melayu.*
2. Motif Raja Muda dibuang oleh Raja Melaka dan menjadi nelayan diilhamkan oleh cerita Raja Kasim, kakanda lain bonda Sultan Ibrahim, dalam *Sejarah Melayu.*
3. Hang Tuah melarikan Tun Teja dari Pahang diilhamkan oleh cerita Tun Teja dilarikan Hang Nadim dalam *Sejarah Melayu.*
4. Hang Tuah menyelamatkan kuda dari telaga tahi serupa dengan cerita dalam *Sejarah Melayu.*

5. Cerita Hang Tuah pergi ke Majapahit dan kemudiannya Sultan sendiri ke sana, kita jumpai kembali dalam *Sejarah Melayu.*
6. Cerita tujuh penyamun yang dihantar oleh Bentara Majapahit dan dibunuh oleh Hang Tuah mengingatkan kita akan episod dalam *Sejarah Melayu* mengenai Sultan Alauddin Ri'ayat Syah menangkap empat orang pencuri.
7. Pertikaman Hang Tuah dengan Hang Jebat terdapat dalam *Sejarah Melayu.*
8. Hang Tuah dihantar sebagai utusan ke negeri Keling diilhamkan oleh cerita dalam *Sejarah Melayu.* Di sini Hang Nadim yang dihantar.
9. Tanjungpura dilanggar todak dan Hang Nadim, anak Hang Tuah, menasihatkan dibuat pagar batang pisang dan akhirnya Hang Nadim dibunuh, diilhamkan oleh cerita Singapura dilanggar todak.
10. Mahkota jatuh ke dalam laut yang diselamatkan Hang Tuah diilhamkan oleh *Sejarah Melayu.*
11. Hang Tuah dihantar ke negeri Rom sebagai utusan diilhamkan oleh utusan yang dihantar ke negeri Rom oleh Sultan Alauddin Ri'ayat Syah al-Kahar dalam sejarah Aceh. Cerita yang mirip dengan dalam *Hikayat Hang Tuah* terdapat dalam karya Aceh *Hikayat Poteu Meureuhom.*
12. Gambaran taman istana Sultan Rum hampir kata demi kata dipetik dari *Bustanus-Salatin* yang menggambarkan taman yang dibuat oleh Sultan Iskandar Thani di Aceh.
13. Raja Melaka melantik puteri sebagai ganti baginda serupa dengan Sultan Iskandar Thani digantikan oleh permaisuri baginda dalam *Bustanus-Salatin.*

Walaupun genre *Hikayat Hang Tuah* berlainan dengan hikayat klasik Melayu komposisinya serupa.

Pada abad ke-18 negeri-negeri bekas jajahan Melaka dahulu, yang pada hakikatnya di bawah naungan Johor juga, mulai menghasilkan karya-karya mereka. Perak menghasilkan *Misa Melayu,* yang dikarang oleh Raja Culan. Siak menghasilkan *Syair Perang Siak,* gubahan Encik Abdullah. Di Melaka disusun *Adat Raja-raja Melayu* oleh Datuk Zainuddin. Pada awal abad ke-19 dicipta di Serkam, Melaka, *Syair Mekah al-Musyarafah* oleh Syaikh Ismail Abdullah al-Khalidi. Sementara itu pusat kebudayaan Johor telah berpindah ke Riau (1779).

KESULTANAN MELAYU JOHOR

DR ABDULLAH ZAKARIA GHAZALI

Pendahuluan

Kesultanan Melayu Johor yang ada pada hari ini (1996) adalah kesinambungan kesultanan Melayu Johor dahulu. Sekiranya kesultanan ini dikira bermula pada 1528, apabila Sultan Alauddin Riayat Shah II ibni Sultan Mahmud Melaka mengasaskan kerajaan Johor, usia kesultanan Johor kini sudah menjangkau 468 tahun. Sepanjang tahun tersebut terdapat tiga keluarga yang memerintah Johor: keluarga Sultan, Bendahara dan Temenggung.

Kesultanan Melayu Johor

Kerajaan Johor diasaskan pada tahun 1528 oleh Sultan Alauddin Riayat II, putera Sultan Mahmud dengan Tun Fatimah. Kesultanan Johor ini mengambil masa hampir seratus tiga belas tahun untuk muncul sebagai sebuah kuasa di Selat Melaka, menyambung keagungan kerajaan Melaka. Sejak pengasasan hingga 1641, sultan-sultan, para pembesar dan rakyat Johor menghadapi serangan daripada Portugis di Melaka dan Kerajaan Aceh di Sumatera. Portugis menyerang Johor pada tahun 1535, 1536 dan 1587. Aceh pula melancarkan serangan pada tahun 1564, 1570, 1582, 1613, 1618, dan 1623.[1] Walaupun diserang oleh Portugis dan Aceh, sultan, pembesar dan rakyat Johor masih mampu mempertahankan maruah dan kedaulatan kerajaan Johor. Akibat serangan ini pusat kerajaan Johor terpaksa dipindahkan beberapa tempat akibat serangan Portugis atau Aceh yang memusnahkan kota-kota tersebut. Ancaman kedua-dua kuasa ini menyebabkan Johor menjalankan dasar berbaik dengan Belanda. Pada tahun 1602, semasa pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Shah III, Johor menerima baik kunjungan Laksamana Jacob Heemskerck di Batu Sawar. Belanda

menawarkan bantuan melindungi Johor daripada serangan Portugis dan Aceh. Ikatan persahabatan kedua-dua negara ini menelurkan kejayaan pada tahun 1641. Pada tahun ini, dengan bantuan angkatan Johor di bawah pimpinan Seri Bija Diraja Belanda berjaya mengalah Portugis di Melaka. Seterusnya Belanda menduduki Melaka.[2]

Kira-kira sebulan selepas Portugis dikalahkan di Melaka, Sultan Iskandar Thani Aceh pula mangkat pada 15 Februari 1641. Mulai tahun ini Aceh menjadi lemah kerana kerajaannya diperintah oleh wanita. Ketiadaan Portugis di Melaka dan kelemahan Aceh memberi ruang kepada Johor muncul sebagai sebuah kuasa yang menguasai Selat Melaka. Kegemilangan yang dicapai oleh kerajaan Johor ini terganggu dengan pembunuhan Sultan Mahmud II oleh Megat Seri Rama pada tahun 1699. Akibatnya kerajaan Johor menghadapi pelbagai masalah; terdapat segolongan pembesar tidak bersetuju Bendahara Tun Abdul Jalil menjadi Sultan Johor bergelar Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV; orang laut menyokong Raja Kechil menyerang Johor pada tahun 1718 serta menguasainya. Setelah menjadi Sultan Johor dengan gelaran Sultan Abdul Jalil Riayat Shah (1718-1722), Raja Kechil mengarahkan Laksamana Nakhoda Sekam membunuh Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV di Kuala Pahang. Peristiwa ini membawa tindakan Raja Sulaiman, putera Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV, meminta bantuan Bugis lima bersaudara: Daeng Marewah, Daeng Parani, Daeng Chelak, Daeng Menambun dan Daeng Kemasi. Beberapa siri pertempuran di antara kedua-dua belah pihak, Raja Sulaiman dan Raja Kechil berlaku di Johor. Namun pada tahun 1722, setelah Raja Kechil dikalahkan dengan bantuan Bugis, Raja Sulaiman ditabalkan sebagai Sultan Johor bergelar Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah. Daeng Marewah dilantik sebagai Yamtuan Muda Johor yang pertama.[3]

Walaupun Raja Kechil dan kemudiannya diikuti oleh cucunya Raja Ismail melancarkan serangan untuk menguasai pusat kerajaan Johor di Riau, tetapi dapat dikalahkan oleh angkatan Bugis. Johor kini membangun kembali. Ia bukan sahaja dikunjungi saudagar tetapi telah menjadi pusat perkembangan budaya dan sastera Melayu. Kekuatan Johor yang berpusat di Riau ini dicabar oleh angkatan Belanda di bawah pimpinan Toger Aboe pada tahun 1782. Namun angkatan Belanda yang gagal mengepung Riau diarahkan berundur ke Melaka. Melaka pada ketika itu menghadapi serangan orang Melayu di bawah pimpinan Sultan Ibrahim Selangor. Kemudiannya angkatan Johor di bawah pimpinan Yamtuan Muda Raja Haji datang membantu anak saudaranya, Sultan Ibrahim di Melaka. Pertempuran Melayu

Belanda di Melaka ini berakhir apabila Raja Haji terkorban di Teluk Ketapang pada tahun 1784. Angkatan Johor dan Selangor berundur. Pada tahun 1784, Kuala Selangor diserang dan dididuduki Belanda. Sultan Ibrahim berundur ke Pahang. Manakala Johor pula diserang oleh Belanda pada November 1784. Sultan Mahmud berdamai dengan Belanda. Seorang pegawai Belanda, David Rhude, ditempatkan di Pulau Bintan sebagai Residen Belanda.[4]

Kesultanan Johor terus mengalami perubahan. Pada tahun 1812 Sultan Mahmud mangkat di Lingga. Putera baginda, Tengku Abdul Rahman, yang disokong kuat oleh Yamtuan Muda Raja Jaafar dilantik sebagai Sultan Johor. Pelantikan ini menimbulkan rasa tidak puas hati Tengku Long Husin, putera sulung Sultan Mahmud. Sementara Johor menghadapi masalah ini, British yang menduduki Melaka pada tahun 1795 berkuat kuasa surat kew menyerahkan semula Melaka kepada Belanda pada tahun 1818.[5] Oleh kerana pihak Belanda menjalankan dasar menyekat perdagangan menyebabkan Gabenor Jeneral India, Warren Hasting, berpendapat perlunya sebuah pelabuhan baru bagi mengawal perdagangan di Kepulauan Melayu. Dengan itu beliau mengarahkan Sir Stamford Raffles mencari pelabuhan sama ada di Aceh atau Riau. Apabila mendapat berita bahawa Raffles akan mendapatkan Riau, maka Belanda mengambil langkah segera menduduki semula Riau. Dengan itu Raffles tidak ada pilihan kecuali Singapura. Beliau mengambil kesempatan dari perebutan takhta kerajaan Johor ini. Raffles datang ke Johor berunding dengan Temenggung Abdul Rahman di Teluk Belanga. Dalam pertemuannya dengan Temenggung Seri Maharaja Abdul Rahman (Temenggung Kerajaan Johor) yang berkuasa di Johor pada tahun 1819, Raffles berjaya memujuk untuk menandatangani perjanjian membuka loji atau pangkalan British di Singapura. Raffles juga berjaya memujuk Temenggung Abdul Rahman memanggil Tengku Husin dari Riau ke Singapura untuk dilantik sebagai Sultan Johor. Tengku Husin tiba di Singapura pada bulan Februari 1819 dan dengan sokongan Temenggung Abdul Rahman dan Raffles, beliau memakai gelaran Sultan Husin Muhammad Shah.

Pada 6 Februari 1819 perjanjian ditandatangani oleh Sultan Husin dan Temenggung Abdul Rahman dengan Sir Stamford Raffles. Dalam perjanjian ini Syarikat Hindia Timur Inggeris dibenarkan membuka lojinya di Singapura dengan bayaran tahunan 5,000 ringgit Sepanyol kepada Sultan Husin dan 3,000 ringgit Sepanyol kepada Temenggung Abdul Rahman dan akan melindungi mereka berdua selagi tinggal di Singapura.[6] Perjanjian

ini mengesahkan lagi pelantikan Sultan Husin sebagai Sultan Johor. Kedudukan British di Singapura ini dibantah oleh Belanda. Namun Raffles yang datang sekali lagi di Singapura telah membuat perjanjian baru dengan Sultan Husin dan Temenggung Abdul Rahman pada 7 Jun 1823. Perjanjian ini menguatkan lagi kedudukan British di Singapura. Dalam Perjanjian 7 Jun 1823 ini, Syarikat akan membayar elaun bulanan sebanyak 1,500 ringgit Sepanyol kepada Sultan Husin dan 800 ringgit Sepanyol kepada Temenggung Abdul Rahman. Di samping itu Sultan Husin dan Temenggung Abdul Rahman akan melucutkan kuasa monopoli ke atas hasil hutan di Singapura dan pulau-pulau berhampiran; serta tidak boleh memungut cukai ke atas kapal dagang yang masuk dan keluar di Singapura. Selain itu segala tanah, kecuali kepunyaan Sultan dan Temenggung diuruskan oleh British.[7]

Bantahan Belanda membawa kepada perjanjian Inggeris-Belanda pada 17 Mac 1824. Antara lain perjanjian ini mempastikan kekuasaan British dan Belanda. Pihak Belanda tidak akan melibatkan diri dalam hal ehwal atau menduduki negeri-negeri Tanah Melayu atau membuat perjanjian dengan raja-rajanya. Pihak British pula tidak akan menduduki Pulau Karimun dan kepulauan Riau-Lingga atau yang lain di selatan Singapura. Pembahagian ini membawa kepada perpecahan Kerajaan Johor Lama. Pada 2 Ogos 1824 John Crawfurd, Residen Singapura, berjaya mempengaruhi Sultan Husin dan Temenggung Abdul Rahman menurunkan tandatangan ke atas surat perjanjian menyerahkan Singapura dan pulau-pulau sekitar kepada British. Sebagai gantinya, Syarikat memberi hadiah wang sebanyak 33,200 ringgit Sepanyol kepada Sultan Husin dan 26,800 ringgit Sepanyol kepada Temenggung Abdul Rahman. Selain itu Syarikat akan membayar elaun bulanan sebanyak 1,300 ringgit Sepanyol kepada Sultan Husin dan 700 ringgit Sepanyol kepada Temenggung.[8] Sekiranya kedua-dua berhasrat untuk meninggalkan Singapura, Syarikat akan membayar sagu hati sebanyak 20,000 ringgit Sepanyol kepada Sultan Husin atau warisnya, dan 15,000 ringgit Sepanyol kepada Temenggung Abdul Rahman atau warisnya.[9] Dengan terikatnya perjanjian ini, maka perjanjian sebelum ini dianggap batal, kecuali mengenai pemberian kuasa kepada Syarikat di Singapura dan pulau-pulau sekitar. Pada 8 Disember 1825 Temenggung Abdul Rahman meninggal dunia. Jawatan ini hanya diganti oleh puteranya, Daeng Ibrahim pada tahun 1833. Dia diiktirafkan sebagai Temenggung Seri Maharaja Johor di Singapura di hadapan Bendahara Pahang, Wan Ali dan Gabenor Samuel G. Bonham

pada 19 Ogos 1841. Pada tahun 1834 Sultan Husin berpindah dari Singapura ke Melaka; dan mangkat di Umbai pada 2 September 1835.[10] Kemangkatan Sultan Husin digantikan oleh puteranya Tengku Ali dan diisytiharkan sebagai 'Sultan' pada 16 September 1840.[11]

Pada 10 Mac 1855 Sultan Ali menandatangani perjanjian dengan Temenggung Ibrahim. Dengan berkuat kuasa Perjanjian 1855, Sultan Ali menyerahkan kedaulatannya ke atas Johor kepada keluarga Temenggung turun-temurun; tetapi baginda dan keturunannya berkuasa di Muar. Temenggung Ibrahim mengakui Tengku Ali sebagai Sultan, dan Sultan Ali serta warisnya tidak akan menuntut kerajaan(Johor); dan beliau akan terlebih dahulu memberitahu Temenggung sekiranya hendak menetap di Johor.[12]

Pada tahun 1862, Temenggung Ibrahim meninggal dunia; jawatan Temenggung disandang oleh puteranya, Che Wan Abu Bakar. Dia memakai gelaran Temenggung Seri Maharaja; kemudiannya memakai gelaran Maharaja pada tahun 1868. Seterusnya pada 20 Jun 1877 Sultan Ali mangkat di Umbai, Melaka. Jenazah baginda dimakamkan pada 8 Julai 1877.[13] A.E.H Anson, pemangku Gabenor Negeri-Negeri Selat, menyerahkan pentadbiran Muar kepada Maharaja Abu Bakar pada 29 Jun 1877, sementara menunggu penyelesaian pemerintah Muar.[14] Tengku Alam, putera Sultan Ali, menentang penyerahan ini. Bantahannya kepada A.E.H. Anson dan Pejabat Tanah Jajahan di London tidak mendapat layanan memuaskan. Gabenor Sir William C.F. Robinson pula yang pulang dari bercuti meneruskan keputusan A.E.H. Anson. Pemilihan pemerintah Muar diadakan di Kuala Kesang pada November 1877. Mereka yang memilih ialah Temenggung Muar, Penghulu Adam, Tanjung Gading; Menteri Khamis dan Penghulu Shamsu, Tasik; Penghulu Sudin, Chohong (semuanya Penghulu Sungai Kesang) dan Penghulu Senchu, Gemir; Penghulu Seman, Reng; Penghulu Khamat, Jementah; Penghulu Rahmat, Kundang; Penghulu Hashim, Sungai Datu dan Penghulu Dagang Subuh, Legeh (mereka adalah Penghulu Muar). Semua penghulu yang hadir sebulat suara memilih Maharaja Abu Bakar sebagai pemerintah Muar.[15]

Kini Maharaja Abu Bakar adalah pemerintah Johor termasuk Muar. Tengku Alam yang tidak mengiktiraf keputusan di Kuala Kesang telah melancarkan gerakan yang dikenali sebagai 'Perang Jementah' untuk mengambil kembali kuasa tersebut pada akhir tahun 1879 hingga awal 1880. Maharaja Abu Bakar berjaya mengatasi gerakan ini. Seterusnya pada tahun 1885, Johor menandatangani perjanjian dengan Great Britain. Antara salah satu syarat perjanjian ini Maharaja Abu Bakar dibenarkan

menggunakan gelaran Sultan dan ia boleh diwarisi oleh pemerintah selepasnya.[16]

Pada 14 April 1895 Sultan Abu Bakar memasyhurkan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor. Antara lain dalam Undang-Undang ini menyatakan yang Sultan Johor hendaklah daripada zuriat Sultan Abu Bakar dan waris takhta kerajaan Johor bergelar Tengku Mahkota. Selain itu Undang-Undang ini juga menyentuh mengenai pelantikan pembesar, Jemaah Menteri dan Mesyuarat Kerajaan.

Ketika mentadbir Johor Maharaja Abu Bakar beberapa kali melawat Eropah, terutama England. Sultan Abu Bakar mangkat di England pada 10 Mei 1895. Jenazah baginda dibawa pulang ke Johor dan dimakamkan di Makam Mahmudiah, Johor Bahru pada 7 September 1895. Dengan itu takhta kerajaan Johor digantikan oleh putera baginda, Sultan Ibrahim.

Kerajaan Johor menerima pengaruh British pada tahun 1914. Penglibatan British dalam kesultanan Johor berterusan sehinggalah Tanah Melayu diduduki Jepun selepas penyerahan British pada 15 Februari 1942. Semasa pentadbiran Tentera Jepun, suatu perjumpaan Raja-Raja Melayu diadakan di Singapura (Syonan To). Dalam satu jamuan makan malam, pada 21 Januari 1943 (21 Januari 2603), Sultan Johor, sebagai wakil Sultan-Sultan dan Raja-Raja Tanah Melayu dan Sumatera memberi ucapan. Ucapan baginda adalah seperti berikut:

> Bagi pihak Seri Paduka saudara-saudara saya, Sultan-Sultan dan Raja-Raja Tanah Melayu dan Sumatera yang hadir di sini pada malam ini, saya mengambil kesempatan mengucap berbanyak terima kasih kepada Tuan Yang Terutama.
>
> Saya sekalian ulangi memberi terima kasih kepada Tuan Yang Terutama kerana ucapan Tuan pagi ini.
>
> Saya sekalian sangat sukacita beroleh peluang berjumpa dengan Tuan Yang Terutama, istimewanya di majlis jamuan yang besar mewah ini.
>
> Sekarang ini Tentera Diraja Dai Nippon telah beroleh kejayaan yang cemerlang di dalam Malai dan Sumatera. Maka orang-orang di dalam jajahan ini boleh duduk di dalam keamanan dan kemakmuran dengan bijak pemimpin dan tadbir Tuan Yang Terutama. Yakinlah saya sekalian serta berdoa yang Tentera Dai Nippon akan mencapai kemenangan yang akhir di dalam peperangan di Asia Timur Raya ini. Saya sekalian dengan sukacita maklumkan yang saya sekalian akan bekerjasama seboleh-boleh dan berkhidmat kepada negeri-negeri saya sekalian menurut sebagaimana perintah Tuan Yang Terutama.[17]

Pada 22 Januari 1943 (22 Januari 2603), pukul 4.00 rombongan Sultan berangkat ke rumah Marquis Tokugawa menikmati jamuan teh. Pada waktu malamnya pula, pukul 8.00, Sultan-Sultan hadir dalam jamuan makan malam yang disediakan oleh orang Melayu kepada Sultan-Sultan di Kampung Gelam. Dalam persidangan ini, Mejar Jenderal Nishioeda Hitoshi, Pengarah *Malaya Military Administration* dan Leftenan Jenderal Saito Yaheita, Ketua Turus Ketumbukan Tentera Tomi *(Commander-in-Chief of the Tomi Group Army)*, masing-masing menggesa Sultan-Sultan supaya yakin kepada kerajaan Jepun dan mendorong rakyat negeri masing-masing menyokong dasar pentadbiran tentera Jepun. Sultan-Sultan diberi jaminan bahawa kedudukan, kehormatan dan harta mereka akan dilindungi. Dalam pada itu Sultan-Sultan dikehendaki bekerjasama dengan Pegawai Tentera Jepun di negeri masing-masing. Jaminan juga diberikan kepada Sultan-Sultan bahawa mereka akan dihormati oleh pegawai Jepun, diiakui sebagai ketua agama dan akan membayar gaji dan pencen seperti mana mereka nikmati sebelum pentadbiran Jepun.[18]

Pada 1945, Jepun menyerah kalah, British berkuasa kembali. Seterusnya melalui paksaan wakil British, Harold MacMichael berjaya mendapatkan persetujuan Raja-Raja Melayu bagi menjalankan Malayan Union. Pada 20 Oktober 1945 Harold MacMichael berjaya mendapat persetujuan Sultan Ibrahim memberi Baginda King kuasa penuh dan hak pemerintahan Johor. Pentadbiran Tentera British tamat pada 31 Mac 1946, dan digantikan dengan kerajaan Malayan Union. Kuasa tertinggi dalam kerajaan ini di tangan Gabenor Malayan Union. Raja-Raja Melayu hanya berkuasa dalam bidang adat istiadat Melayu dan agama Islam sahaja. Malayan Union ditentang oleh orang Melayu yang membawa kepada pembentukan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (lebih dikenali dengan UMNO - United Malays National Organisation) di Istana Besar Johor Bahru pada 11 Mei 1946. Akibat tentangan itu Persekutuan Tanah Melayu dibentuk menggantikan Malayan Union pada 1948. Johor menandatangani Perjanjian Persekutuan 1948, menjadi ahli Persekutuan. Sementara itu Johor menyelaraskan Undang-Undang Tubuh 1895 dengan Perlembagaan Persekutuan. Sebuah badan bernama Majlis Raja-Raja dibentuk bagi pihak Raja untuk mengetahui dasar yang dibuat oleh kerajaan Persekutuan. Dengan itu tanggungjawab Pesuruhjaya Tinggi memaklumkan dasar Persekutuan untuk pengetahuan Majlis Raja-Raja. Sementara itu Raja-Raja bersetuju menerima nasihat Pesuruhjaya Tinggi dalam pentadbiran negeri.

Sultan adalah ketua tertinggi dalam negeri masing-masing. Selain itu Sultan adalah ketua agama dalam negeri masing-masing. Namun dalam hal pentadbiran seorang Menteri Besar dan Majlis Mesyuarat Negeri diwujudkan untuk menasihati baginda. Walaupun demikian Sultan boleh mengingkari nasihat itu sekiranya difikirkan perlu. Sementara itu Majlis Hal Ehwal Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu dibentuk untuk menasihati Sultan dalam hal yang berkaitan dengan agama Islam dan adat Melayu. Perjuangan kemerdekaan diteruskan. Kini peranan utama dimainkan oleh UMNO. Pada tahun 1955 Jubli Intan diadakan di Johor menyambut ketakhtaan Sultan Ibrahim selama 60 tahun. Kemudiannya pada 1957, Raja-Raja Melayu menandatangani kemerdekaan. Seorang Yang di-Pertuan Agong dipilih dari kalangan Raja-Raja Melayu. Jawatan Yang di-Pertuan Agong yang pertama Persekutuan Tanah Melayu disandang oleh Yang Dipertuan Besar Tuanku Abdul Rahman. Jawatan ini disandang secara bergilir-gilir dalam tempoh lima tahun sekali.

Sultan Ibrahim yang memerintah Johor seringkali berangkat ke Eropah. Semasa ketiadaan baginda pentadbiran Johor dipangku oleh Tengku Mahkota Ismail. Ketika lawatan di England, pada 8 Mei 1959, Sultan Ibrahim mangkat. Jenazah baginda dibawa pulang ke Johor dan dimakamkan di Makam Diraja Mahmudiah, Johor Bahru. Dengan itu takhta kerajaan digantikan oleh putera baginda, Tengku Mahkota Ismail. Sultan Ismail dan Sultanah Tun Aminah ditabalkan pada 10 Februari 1960. Apabila baginda mangkat pada tahun 1981, takhta kerajaan diganti oleh putera baginda Tengku Mahkota Mahmud Iskandar. Baginda menduduki takhta kerajaan Johor dengan gelaran Sultan Mahmud Iskandar al-Haj al-Mutawakkil Alallah. Pada tahun 1984-1989, Sultan Mahmud Iskandar al-Mutawakkil Alallah dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong Malaysia.

Sultan Johor, Waris dan Waris Yang Lain hendaklah berbangsa Melayu, keturunan lelaki diraja Johor dan beragama Islam. Oleh itu Sultan selepas Abu Bakar hendaklah keturunan lelaki zuriat Sultan Abu Bakar. Waris ialah bakal Sultan Johor dan memakai gelaran Tengku Mahkota. Waris Yang Lain pula ialah anak raja selepas Waris yang boleh mengambil tempat Waris sebagai Bakal Sultan sekiranya jawatan itu kosong. Selagi ada keturunan Sultan Abu Bakar, tidak sah diperajakan selain keturunan sebelah lelaki baginda. Sekiranya tidak ada lagi keturunan zuriat Sultan Abu Bakar, dan kalau ada pun didapati tidak berkelayakan, iaitu memiliki kecacatan besar yang menyalahi sifat-sifat seorang raja seperti gila, bisu, buta dan berkelakuan keji yang tidak dibenarkan hukum syarak sebagai

Raja, iaitu setelah dipertimbangkan melalui siasatan yang secukup-cukupnya oleh Jumaah Pangkuan Negeri, maka hendaklah dipilih dan dilantik sultan itu daripada zuriat Temenggung Ibrahim. Seterusnya kalau zuriat baginda juga habis dan kalau ada pun didapati tidak berkelayakan, maka Sultan Johor hendaklah dipilih dan dilantik daripada keturunan Temenggung Abdul Rahman. Sultan yang dilantik itu hendaklah diakui sah dan halal darahnya. Jika sekiranya tidak ada lagi zuriat keturunan Sultan Abu Bakar, Temenggung Ibrahim atau Temenggung Abdul Rahman, dan kalau ada pun didapati tidak berkelayakan, maka pemilihan tersebut di atas pertimbangan Jumaah Pangkuan Negeri. Tetapi calon yang dipilih dan dilantik sebagai Sultan itu hendaklah seorang lelaki yang cukup umur (21 tahun), berfikiran waras, bangsa Melayu Johor dan rakyat kerajaan Johor, beragama Islam, berbudi perkerti dan berkelakuan baik serta diakui sah dan halal.

Waris atau Tengku Mahkota tidak boleh campur tangan dalam urusan negeri atau kerajaan, kecuali dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan. Jumaah Pangkuan Negeri dikehendaki bermesyuarat menentukan Waris atau Tengku Mahkota sebagai Sultan dalam tempoh 24 jam kemangkatan Sultan atau Sultan turun takhta atau pelantikan pengganti. Sekirannya Jumaah Pangkuan Negeri mendapati Waris atau Tengku Mahkota ini tidak berkelayakan sebagai Sultan, Jumaah Majlis Diraja dikehendaki segera bersidang melucutkan Waris dan melantik Waris Yang Lain sebagai Waris. Seterusnya Jumaah Pangkuan Negeri akan mengesahkan Waris ini sebagai Sultan.

Selain itu dalam kesultanan Johor terdapat Jumaah Majlis Diraja. Jumaah Majlis Diraja ini mengandungi tidak kurang tujuh orang atau tidak melebihi 12 orang ahli yang dilantik oleh Sultan Johor. Sultan pula akan melantik salah seorang daripada ahli Majlis sebagi Presiden Jumaah Majlis Diraja. Ahli Majlis ini hendaklah berbangsa Melayu, rakyat Sultan dan beragama Islam. Selain itu mereka dikehendaki mengangkat sumpah bertulis dan bertandatangan serta disaksikan oleh dua orang. Jumaah Majlis Diraja dikehendaki bermesyuarat setahun sekali; atau dikehendaki berjumpa atas titah Sultan, permintaan Presiden Majlis atau ketiganya permintaan tiga ahli Majlis. Korum Jumaah Majlis Diraja lima orang ahli; sekiranya sultan hadir, jumlah korum hanya memadai tiga orang ahli sahaja. Notis mesyuarat hendaklah dihantar kepada semua ahli yang ada di dalam negeri. Fungsi Jumaah Majlis Diraja memberi pandangan dan nasihat kepada Sultan.

Dalam pada itu Pemangku Raja atau Jumaah Pemangku Raja akan dilantik menggantikan tugas Sultan dalam keadaan tertentu: (a) Jika Sultan yang dilantik itu tidak cukup umur, iaitu bawah 21 tahun; (b) Jumaah Majlis Diraja membuat pengisytiharan setelah berpuas hati dengan laporan doktor bahawa Sultan lemah fikiran dan anggota, tidak berupaya pada masa itu melaksanakan tugas sebagai Sultan; (c) memiliki sakit selain daripada lemah fikiran dan anggota atau tiada dalam negeri; dan (d) Duli Yang Maha Mulia dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong atau melebihi 15 hari memangku jawatan Yang di-Pertuan Agong. Apabila Sultan dilantik tidak cukup umur (a) dan Sultan didapati lemah fikiran dan anggota (b), Jumaah Majlis Diraja akan melantik Pemangku Raja atau Jumaah Pemangku Raja. Sebaliknya jika Sultan sakit selain daripada lemah fikiran dan anggota, meninggalkan negeri melebihi 30 hari (c) atau dilantik menjadi Yang di-Pertuan Agong atau memangku jawatan Yang di-Pertuan Agong melebihi 15 hari, Sultan dengan nasihat Jumaah Majlis Diraja akan melantik Pemangku Raja atau Jumaah Pemangku Raja. Jumaah Pemangku Raja hendaklah mengandungi tiga orang; bangsa Melayu, rakyat Duli Yang Maha Mulia dan beragama Islam. Pemangku Raja disyaratkan mengangkat sumpah di hadapan Jumaah Majlis Diraja. Manakala perlantikan Jumaah Pemangku Raja hendaklah dicetak dalam gezet. Sekiranya Jumaah Majlis Diraja berpuas hati dengan laporan doktor salah seorang daripada ahli Jumaah Pemangku Raja lemah fikiran dan anggota, tidak berupaya pada ketika itu menjalankan tugasnya, atau ahli Jumaah tersebut tidak dapat menjalankan tugasnya, Jumaah Majlis Diraja membatalkan pelantikan itu dan menggantikannya dengan ahli baru.

Sultan Johor mempunyai kuasa memberi pengampunan atau meringankan keputusan hukuman mahkamah ke atas kesalahan yang dilakukan di dalam negeri masing-masing. Namun begitu Duli Yang Maha Mulia tidak boleh memberi pengampunan ke atas hukuman yang dibicarakan oleh Mahkamah Tentera. Pengampunan dan meringankan hukuman ini tertakluk kepada Perlembagaan Persekutuan Bab 42. Sultan Johor tidak boleh meninggalkan negeri berterusan dalam tempoh lima tahun dengan tiada sebarang kesakitan menahan baginda pulang. Sekiranya ini berlaku, Jumaah Majlis Diraja boleh membincangkan sama ada menunggu kepulangan baginda atau melantik Sultan baru. Jika diputuskan yang Sultan tersebut tidak akan kembali lagi, Sultan baru hendaklah dilantik.[19]

Dalam kesultanan Johor, permaisuri Sultan bergelar Sultanah. Terdapat pembesar yang membantu pentadbiran Sul-

tan. Ketika kerajaan Johor Lama, terdapat Majlis Orang Kaya membantu pentadbiran kerajaan. Misalnya Bendahara (Bendahara Paduka Raja atau Bendahara Seri Maharaja), Temenggung, Laksamana dan Syahbandar. Namun pada suatu ketika semasa Laksamana Tun Abdul Jamil, Laksamana lebih berkuasa daripada Bendahara. Pada ketika itu Laksamana Tun Abdul Jamil bergelar Paduka Raja. Dalam perkembangan seterusnya Sultan Johor dinasihati oleh Jumaah Menteri dan Majlis Mesyuarat Negeri. Sekiranya pembesar iaitu bukan berdarah raja, mereka akan memakai gelaran Dato'. Misalnya Dato' Bentara Luar, Dato' Bentara Dalam, Dato' Penggawa Timur dan Dato' Seri Amar Diraja. Sebaliknya keturunan raja, misalnya Tengku Bendahara dan Tengku Temenggung.

Sultan dan Pemodenan Johor

Pada tahun 1877, Sultan Ali mangkat di Umbai Melaka. Mesyuarat yang bersidang di Kuala Kesang pada tahun 1877 yang dihadiri Temenggung dan penghulu-penghulu Muar memilih dan melantik Maharaja Abu Bakar sebagai pemerintah Muar. Selepas tahun ini Maharaja Abu Bakar berkuasa di seluruh Johor.[20]

Maharaja Abu Bakar dengan bantuan pembesarnya berjaya membangun Johor sehingga baginda dikenali dengan jolokan Bapa Johor Moden. Maharaja Abu Bakar ialah putera Temenggung Seri Maharaja Johor Daeng Ibrahim atau Daeng Ronggek. Baginda diputerakan pada 3 Februari 1833. Apabila Temenggung Ibrahim meninggal dunia pada tahun 1862, jawatan Temenggung digantikan oleh anaknya Abu Bakar, yang pada mulanya memakai gelaran Temenggung, kemudiannya memakai gelaran Maharaja pada tahun 1868.

Maharaja Abu Bakar mempunyai hubungan yang rapat dengan pegawai-pegawai dan saudagar-saudagar British di Negeri-Negeri Selat; malah mendapat penghormatan daripada Ratu British *(Queen Victoria)*. Maharaja Abu Bakar fasih bertutur bahasa Inggeris. Sementara itu dalam bidang guaman pula baginda seringkali mendapatkan nasihat daripada Tetuan Rodyk dan Davidson atau Simons dan Napier.

Dalam tahun 1862-1870-an Maharaja Abu Bakar terlibat dalam politik di beberapa buah negeri Melayu. Maharaja Abu Bakar terlibat dalam persaingan jawatan Bendahara Pahang di antara Wan Mutahir dengan Wan Ahmad pada tahun 1860-an. Ketika perang merebut kekuasaan berlaku di Kelang di antara Raja Mahadi dengan Raja Abdullah, Maharaja Abu Bakar pada tahun 1871 memberi bantuan dan sokongan kepada Raja Mahadi.

Begitu juga Maharaja Abu Bakar terlibat membantu pihak British menyebabkan tertangkapnya beberapa pemimpin yang terlibat dalam pembunuhan J.W.W. Birch, Residen British pertama Perak pada tahun 1875. Oleh kerana kerjasama ini, tersebar berita dari London bahawa Maharaja Abu Bakar akan ditawarkan menjadi Sultan Perak. Maharaja Abu Bakar juga terlibat dalam pergolakan politik yang berlaku di Negeri Sembilan iaitu Sungai Ujong, Rembau dan Seri Menanti. Kejayaan baginda menyelesaikan pelbagai masalah di Negeri Sembilan menyebabkan Maharaja Abu Bakar mendapat sanjungan daripada pihak British.

Pada tahun 1877 Maharaja Abu Bakar mendirikan balai-balai polis di kedua-dua tebing Sungai Muar dan Kesang bagi menjamin keamanan di sana. Pada 5 Ogos 1877 Maharaja Abu Bakar dan A.E.H. Anson membuat lawatan ke Muar dan Segamat. Pada tahun 1885 Johor menandatangani perjanjian dengan Great Britain. Antara salah satu syarat perjanjian ini Maharaja Abu Bakar dibenarkan menggunakan gelaran Sultan dan ia boleh diwarisi oleh pemerintah selepasnya.[21]

Semasa pemerintahan Maharaja Abu Bakar, Johor mencapai kemajuan yang membanggakan. Maharaja Abu Bakar membuka lagi kawasan Johor untuk dimajukan oleh saudagar-saudagar asing. Pada tahun 1866, Maharaja Abu Bakar menukarkan nama Tanjung Puteri kepada Johor Bahru dan menjadi pusat pentadbiran Johor. Dalam usaha memajukan tanaman lada hitam dan gambir, Maharaja Abu Bakar menggalakkan kemasukan buruh-buruh Cina dari Singapura. Orang-orang Cina mengendalikan perusahaan ini melalui surat sungai yang dikeluarkan oleh kerajaan Johor. Pemegang surat sungai ini dipanggil kangcu. Kangcu-kangcu ini hanya diberi kebenaran mengusahakan tanah berdasarkan ketetapan yang telah dipersetujui. Mereka juga mempunyai monopoli menjual babi, arak, pajak gadai, perjudian dan mendapat dalal daripada eksport lada hitam, gambir dan import beras. Perkembangan ini menyebabkan kemasukan ribuan buruh Cina dalam jangka masa yang singkat. Dengan itu wujudlah perkampungan mereka yang dikenali dengan panggilan kangkar (atau kaki/tebing sungai).[22]

Maharaja Abu Bakar juga menggalakkan orang-orang Melayu jiran dan dari Jawa menyertai pertanian gambir dan lada hitam. Dengan itu ramai orang Jawa datang ke Johor tinggal di Parit Jawa dan Padang, Muar. Kini Johor menjadi maju dan hasil negerinya bertambah melalui galakan Maharaja Abu Bakar dalam bidang tanaman gambir dan lada hitam. Maharaja Abu

Bakar juga telah memulakan pembinaan landasan keretapi kayu di antara Johor Bahru dengan Gunung Pulai dalam perasmiannya pada 21 Julai 1869. Namun projek ini terbengkalai dan ditinggalkan terus pada tahun 1877. Pada tahun 1878, Maharaja Abu Bakar meneruskan lagi usahanya untuk membina jalan keretapi menghubungkan Johor Bahru dengan Melaka melalui perjanjian dengan pihak pelabur. Usahanya ini juga gagal. Walaupun demikian Maharaja Abu Bakar berjaya membina jalan keretapi di Muar. Pembinaannya bermula pada tahun 1888. Jalan keretapi yang menghubungi Bandar Maharani dengan Parit Jawa, sejauh 13 kilometer siap dibina pada tahun 1890. Sebuah stesen kecil dibina di Bandar Maharani dan Parit Jawa. Sementara itu sebuah woksyop dibina di Bandar Maharani.[23]

Pentadbiran negeri mengalami kemajuan semasa pemerintahan Maharaja Abu Bakar. Pada tahun 1873 pejabat kerajaan Johor terus berkembang. Antaranya Pejabat Perbendaharaan, Polis, Penjara, Tanah dan Kerja Raya, Laut dan *Johore Arsenal*. Pejabat-pejabat ini diketuai oleh pegawai tempatan dan juga orang barat. Pejabat Perbendaharaan diketuai oleh Ungku Haji Muhammad sebagai Bendahari; Muhammad Salleh Perang mengetuai Jabatan Polis sebagai Pesuruhjaya Polis; Jabatan Penjara diketuai oleh Yahya Shaaban dan *Johore Arsenal* diketuai oleh James Meldrum, sebagai pengarah dan Richard Boultbee sebagai Ketua Jurutera. Sementara itu jawatan akauntan disandang oleh R.R. Reid. Adinda Maharaja Abu Bakar, Ungku Abdul Rahman dilantik sebagai Wakil Mutlak Maharaja. Ungku Abdul Rahman pula dibantu oleh dua orang saudaranya, Ungku Abdullah sebagai Pesuruhjaya Bahagian Timur, termasuk Endau dan Ungku Abdul Majid sebagai Pesuruhjaya Bahagian Sungai Muar dan Pantai Barat Johor. Jabatan-jabatan lain juga dibentuk; Jabatan Perubatan, Pos, Mahkamah Tinggi, Kerja Raya, Pelajaran, Tanah dan Ukur. Dalam jabatan ini pegawai Eropah masih diambil bertugas. Misalnya, Walter F. Garland bertugas sebagai juru ukur di Jabatan Ukur; H.E. Bently sebagai Pegawai Pos dan Dr. A.J.M. Bently sebagai Ketua Pegawai Perubatan.[24]

Pemerintahan Maharaja Abu Bakar juga telah menyaksikan buat pertama kalinya undang-undang bertulis dimasyhurkan. Undang-undang yang diberi nama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor dimasyhurkan pada 14 April 1895. Dalam undang-undang ini, antara lain, dibuat ketetapan bahawa Sultan Johor hendaklah daripada zuriat Sultan Abu Bakar dan waris takhta kerajaan Johor bergelar Tengku Mahkota. Selain itu undang-undang ini juga mennyentuh mengenai pelantikan pembesar, Jemaah Menteri dan Mesyuarat Kerajaan. Ketika

mentadbir Johor Sultan Abu Bakar beberapa kali melawat Eropah, terutama England. Sultan Abu Bakar mangkat di England pada 10 Mei 1895. Jenazahnya dibawa pulang ke Johor dan dimakamkan di Makam Mahmudiah, Johor Bahru pada 7 September 1895.

Dalam pentadbiran, kuasa tertinggi terletak di tangan Sultan. Walaupun begitu dalam pentadbiran awam negeri, kuasa tertinggi di tangan Menteri Besar. Sehingga tahun 1909 pentadbiran Johor telah pun kukuh. Manakala perubahan dalam pentadbiran mulai 1909 lebih merupakan usaha mengemaskan lagi pentadbiran Johor. Pentadbiran pusat dibantu oleh daerah atau jajahan dan seterusnya kampung. Antara pegawai di peringkat pusat ialah Menteri Besar, Timbalan Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan, Ketua Perbendaharaan, Polis, Audit, Penjara dan Jabatan Kerja Raya.[25]

Salah satu aspek penting yang menjadi agen penyedar masyarakat ialah pendidikan. Dalam hal ini Sultan Abu Bakar menggalakkan pendidikan di negeri Johor. Usaha Sultan Abu Bakar ini diteruskan oleh pengganti baginda. Beberapa buah sekolah Melayu dibina di Johor sebelum tahun 1884. Misalnya Sekolah Melayu Johor Bahru, Sekolah Melayu Tanjung Surat dan Sekolah Melayu Padang Muar. Sekolah Melayu terus dibina. Dari tahun 1911 hingga 1940 sebanyak 118 buah sekolah dibina di Johor. Seterusnya pada tahun 1941, kerajaan Johor membina Sekolah Melayu Simpang Jeram, Muar dan Sekolah Melayu Seri Medan, Batu Pahat.

Dalam aspek pendidikan, Sultan Johor tidak melupakan kepentingan pendidikan untuk perempuan Melayu Johor. Beberapa buah sekolah dibuka: 1911 Sekolah Perempuan Sukepeti, Muar; 1918 Sekolah Perempuan Melayu Johor Bahru, Sekolah Perempuan Bandar Penggaram, Sekolah Perempuan Bagan; 1932 Sekolah Perempuan Bandar Segamat.[26]

Selain sekolah agama, kerajaan Johor juga memberi perhatian kepada sekolah Inggeris. Sekolah agama terdapat di Johor Bahru, Muar dan Batu Pahat. Pada tahun 1931, terdapat 41 buah sekolah agama lelaki dan enam buah sekolah agama perempuan di Johor Bahru, Muar dan Batu Pahat. Jumlahnya terus meningkat; sekolah agama lelaki 55 buah pada tahun 1935 dan 77 buah pada tahun 1938. Sekolah agama perempuan juga turut meningkat tujuh buah pada tahun 1935, sembilan buah pada tahun 1936 dan 15 buah pada tahun 1938. Pada tahun 1938 terdapat 28 buah sekolah agama lelaki di Johor Bahru, 26 buah di Muar dan 19 buah di Batu Pahat. Manakala sekolah agama perempuan tujuh buah di Johor Bahru, empat buah di

Muar dan empat di Batu Pahat.[27] Pada tahun 1927, pendidikan sekolah agama yang tamat pada darjah lima ditambah setahun lagi ke darjah enam. Mereka yang lulus darjah enam ini akan dianugerahkan Sijil Darjah VI Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor. Kemudiannya pengajian sekolah agama ditingkatkan setahun lagi, mulai tahun 1930. Kelas ini dinamakan Darjah Khas Sekolah Agama.[28]

Pendidikan Inggeris bermula di Johor pada tahun 1864, apabila Tanjung Puteri School dibuka. Guru besar pertama sekolah ini H.C. Yzelman dan penolongnya, Encik Kamaran. Sekolah ini juga dikenali dengan Johor Free School.[29] Seterusnya English School dibuka pada tahun 1883. Pada akhir tahun 1913, English College dibuka di Johor Bahru. H. Morison sebagai guru besar dan Holman sebagai penolong. Seramai 21 murid dari sekitar Johor Bahru diterima sebagai kumpulan pertama sekolah ini.[30] Sekolah Inggeris juga dibuka di Batu Pahat, Segamat dan Muar. Sekolah Inggeris pertama Muar dibuka pada tahun 1897; menumpang di bangunan atap askar kerajaan Johor di Tanjung Ketapang. Kemudiannya sekolah Inggeris ini berpindah ke sebuah balai yang dibina menyambut lawatan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor ke Muar pada tahun 1899. Seterusnya berpindah lagi ke kediaman Campbell, pengurus keretapi Muar pada tahun 1903. Pada tahun 1915 sekolah Inggeris ini berpindah lagi; berkongsi bangunan dengan Sekolah Melayu Bandar Maharani.[31]

Kesedaran juga lahir di kalangan pentadbir Johor terhadap Bahasa Melayu. Pada tahun 1888, Dato' Sri Amar Diraja Abdul Rahman bin Andak dan Dato' Bentara Dalam Muhammad Ibrahim Munsyi mengasaskan Pakatan Belajar Mengajar Pengetahuan Bahasa di Johor Bahru. Antara matlamatnya ialah untuk menanam semangat belajar dan menulis bahasa Melayu di kalangan ahlinya. Pada tahun 1904-1905, terdapat 200 orang ahli Pakatan ini. Pakatan ini berjaya menerbitkan buku karya Haji Mohd. Said bin Sulaiman, *Hikayat Queen Victoria* (1904) dan *Hikayat Johor* (1908) serta karya Abdullah bin Abdul Rahman, *Matahari Memancar* (1906). Kegiatan Pakatan ini sangat bergantung kepada Dato' Sri Amar Diraja Abdul Rahman bin Andak. Apabila beliau dibersarakan pada tahun 1909, kegiatan Pakatan ini terhenti.

Kemudiannya pada tahun 1934, Pakatan ini dihidupkan kembali oleh Haji Mohd. Said bin Sulaiman dengan bantuan Dato' Awang bin Omar, Dato' Abdullah bin Abdul Rahman dan Mejar Musa bin Yusof dengan nama baru Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku Diraja Johor. Pakatan ini dinaungi oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.[32]

Sultan dan British

Setelah terlibat dalam negeri Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan, British menjalankan usaha meluaskan pengaruh ke dalam negeri Johor, Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu. Usaha meletakkan Johor di bawah pengaruh British yang dirintis oleh Sir Frederick Weld. Namun usahanya gagal kerana pada tahun 1885, melalui perjanjian Kerajaan Johor dengan Great Britain, Maharaja diakui oleh British sebagai Sultan Johor. Kemudiannya Sultan Abu Bakar mengukuhkan lagi kedudukannya dengan meluluskan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor pada tahun 1894. Gabenor Sir Cecil Smith, pengganti Sir Frederick Weld, tidak menjalankan usaha yang bersungguh-sungguh untuk meletakkan Johor di bawah naungan British. Tetapi Pesuruhjaya Tinggi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Gabenor Negeri-Negeri Selat Sir John Anderson menjalankan usaha yang giat memujuk Johor menerima pengaruh British. Akhirnya pada bulan Oktober 1909 Sultan Ibrahim, putera Sultan Abu Bakar, menyatakan kesanggupan menerima seorang Penasihat British. Jawatan ini disandang oleh D.G. Campbell, bekas Residen Negeri Sembilan. Pihak British masih tidak puas hati dengan jawatan ini kerana pegawai British menghadapi kesukaran mempengaruhi Sultan Ibrahim mengikut nasihat. Dengan itu pada tahun 1913, dengan persetujuan Sultan Ibrahim, Suruhanjaya Penyiasat mengenai keadaan penjara dibentuk. Suruhanjaya ini dalam laporannya menyatakan wujudnya penyelewengan dalam pentadbiran. Akhirnya pihak British mendesak Sultan Ibrahim menerima Penasihat British. Dengan itu pada bulan Mei 1914, kerajaan Johor menerima Penasihat British.[33]

Kemudiannya lahir kesedaran sosial di Tanah Melayu. Pada tahun 1906 sebuah akhbar Melayu, *Al-Imam* diterbitkan di Singapura "mengingatkan mana yang lalai dan menjagakan mana yang tidur dan menunjukkan yang sesat dan menyampaikan suara yang menyeru dengan kebajikan".[34] Selain *Al-Imam* terdapat beberapa akhbar lain yang juga turut menjadi santapan golongan terpelajar di Semenanjung Tanah Melayu. Akhbar tersebut diterbitkan di Singapura, iaitu *Neraca* (1911-15), *Utusan Melayu* (1907-22) dan *Lembaga Melayu* (1914-31). *Utusan Melayu* dan *Lembaga Melayu* menunjukkan sikap berpihak kepada kerajaan, tetapi secara lembut ada juga menyuarakan teguran kepada pemerintah. Pada Jun 1920, Persekutuan Perbahasan Orang-orang Islam Muar, Johor menerbitkan akhbar dua minggu sekali, *Lidah Teruna* menekankan perpaduan di kalangan bangsa

Melayu. Antara berita yang disiarkan: sejarah, ilmu alam, kesihatan dan pengetahuan umum.[35] Pada 1924, *Majallah Guru* diterbitkan bersama oleh Persatuan Guru-guru Melayu Selangor, Melaka dan Negeri Sembilan. Majalah ini agak radikal, menyentuh politik, tetapi masih menyuarakan perpaduan bangsa Melayu untuk mencapai matlamat ekonomi dan sosial. Pada 1925, Maharani Company menerbitkan akhbar dua minggu sekali, *Perjumpaan Melayu*; kemudiannya menukarkan kepada nama *Panji2 Melayu*. Seterusnya pada 1925, akhbar *Idaran Zaman* diterbitkan di Pulau Pinang, di bawah pimpinan Mohd. Yunus bin Abdul Hamid. Akhbar ini menekankan perpaduan agama. Pada 1926 pula sebuah majalah bulanan *Al-Ikhwan* diterbitkan oleh Syed Sheikh Al-Hadi di Pulau Pinang. Majalah ini masih berkisar dalam masalah sosial dan agama. Pada tahun 1928 pula akhbar harian *Saudara* diterbitkan dengan Muhammad Yunus bin Abdul Hamid sebagai pengarang pertamanya. Pada 1930-an akhbar Melayu banyak beredar dalam pasaran, antara lain *Warta Malaya* (1930-41), *Majlis* (1931-41), *Lembaga Malaya* (1935-41) dan *Utusan Melayu* (1939-41). *Warta Malaya* dan *Lembaga Malaya* dipimpin oleh Dato' Onn bin Jaafar. Kedua-dua akhbar ini menuntut pengambilan orang Melayu ke dalam jawatan pentadbiran penting kerajaan. Namun tidak menyuarakan tuntutan menghalau British dari Tanah Melayu.

Selaras dengan perkembangan penubuhan kelab sosial dan olahraga di Tanah Melayu, pada tahun 1914 tertubuhlah Persekutuan Perbahasan Orang-Orang Islam Muar *(Muslim Debating Association)* di bawah pimpinan Ketua Pos Muar, Abdullah Esa. Pada tahun 1923, Doktor Hamzah Haji Taib memainkan peranan menghidupkan kembali Perbahasan Orang-Orang Islam Muar. Walaupun beliau bukan ketuanya, tetapi Doktor Hamzah banyak mengemukakan cadangan kepada kerajaan Johor untuk mengatasi kekurangan makanan, tempat tinggal dan kemudahan pelajar Melayu. Beliau juga meminta diadakan dewan orang ramai dan perpustakaan di Muar. Dalam usaha mengatasi masalah petani, Doktor Hamzah mengesyorkan penubuhan Bank Pertanian. Doktor Hamzah juga mendesak kerajaan memberi peluang anak Melayu memegang jawatan penting dalam pentadbiran Johor.[36]

Pada tahun 1916 pula lahir Persekutuan Keharapan Belia ditubuhkan di Johor Bahru. Setelah menyedari adanya saingan bukan bumiputera dalam bidang ekonomi menyebabkan lahirnya usaha untuk menubuhkan pertubuhan yang bermotifkan ekonomi. Pada pertengahan 1920-an, Dato' Undang Rembau Abdullah bin Haji Dahan, ahli Majlis Persekutuan menggesa

pengasasan Syarikat Perbaikan Hidup di Negeri Sembilan. Matlamat syarikat ini mengawal perbelanjaan berlebihan untuk upacara perkahwinan dan adat kelaziman yang lain.[37] Pada tahun 1925 Maharani Kompeni ditubuhkan di Muar dengan modalnya dalam bentuk 5,000 saham, yang tiap-tiap satunya bernilai $1.00, boleh dibayar secara ansuran. Dalam peraturan syarikat ini membenarkan membeli kebun getah, mengendalikan perniagaan dan mendirikan madrasah.

Pada akhir 1930-an kesedaran politik di kalangan orang Melayu bertambah jelas. Kesatuan Melayu Muda ditubuhkan pada Mei 1937, dan didaftarkan pada Ogos 1938, di bawah pimpinan Ibrahim Haji Yaacob.[38] di Muar Kesatuan Melayu Johor ditubuhkan pada tahun 1939 di bawah pimpinan Haji Taib (selaku Yang Dipertua) dan anaknya, Doktor Hamzah sebagai Timbalan. Penaung Kesatuan ini ialah Timbalan Menteri Besar, Tengku Ahmad. Kesatuan Melayu Johor mempunyai beberapa matlamat, antara lain, perpaduan; menggalakkan perusahaan; mewujudkan hubungan baik dengan kerajaan dan raja; meningkatan pendidikan dan mengekalkan adat istiadat yang berguna dan taat setia kepada Raja Johor.[39] Pada tahun yang sama, 1939 lahir Persatuan Melayu Johor di Johor Bahru di bawah pimpinan Dato' Abdul Rahman Mohd. Yassin. Kebanyakan anggotanya adalah pegawai kerajaan di sekitar Johor Bahru.[40]

Pergerakan pertubuhan di Johor ini terbengkalai apabila Jepun menduduki Tanah Melayu, 1942-1945. Apabila Jepun kalah, British berkuasa semula, pertubuhan tersebut digerakkan kembali. Pada tahun 1946, Lembaga Kesatuan Melayu Johor ditubuhkan. Kesatuan ini ditubuhkan di Muar menggantikan Kesatuan Melayu Johor yang tidak bergerak pada zaman pendudukan Jepun. Lembaga Kesatuan Melayu Johor dipimpin oleh pegawai daerah Muar, Abdullah bin Haji Mohd. Taib sebagai Yang Dipertua. Manakala Naib Yang Dipertua disandang oleh abangnya, Doktor Hamzah.[41] Selain itu Pergerakan Melayu Semenanjung, Johor ditubuhkan oleh Dato' Onn bin Jaffar, Pegawai Daerah Batu Pahat, di Batu Pahat. Persatuan ini antara lain lahir kesan daripada pergaduhan Melayu-Cina di Batu Pahat yang mengakibatkan ramai orang Melayu terkorban.[42]

Kerajaan British yang menduduki semula Tanah Melayu mengisytiharkan Malayan Union pada tahun 1946. Pengenalan Malayan Union ini telah menimbulkan tentangan masyarakat Melayu kerana dasarnya yang mudah memberi kerakyatan dan kehilangan hak kedudukan Raja-Raja Melayu.[43] Sultan Ibrahim menurunkan tandatangan ke atas Perjanjian MacMichael 1946 kerana baginda terlebih dahulu dikunjungi oleh DCCAO H.C.

Willan. Sebelum MacMichael datang ke Johor mendapatkan tandatangan perjanjian, DCCAO H.C. Willan mengadap Sultan Johor bersama Senior Civil Officer Johor, Kolonel M.C. Hay di Istana Pasir Pelangi. Dalam pertemuan itu Willan mendapat kepastian yang Sultan Ibrahim akan menandatangani perjanjian.[44] Dalam sepucuk surat dinyatakan yang rundingan diadakan oleh MacMichael dari seorang sultan ke seorang sultan; mereka tidak berpeluang bertemu dan berunding. Sultan diberitahu oleh pegawai tentera supaya tinggal di bandar masing-masing kerana tidak selamat untuk mereka menziarah. Sekiranya mereka tidak menurunkan tandatangan akan dituduh bersubahat dengan Jepun dan elaun akan dihentikan. Walaupun dinyatakan kepada awam, tetapi kedatangan MacMichael dengan kuasa penuh mengakui Sultan atau sebaliknya bermakna ugutan.[45] Dalam hal ini akhbar-akhbar, *Utusan Melayu, Majlis* dan *Malay Mail* turut memainkan peranan menentang Malayan Union.

Malayan Union mendapat tentangan dari penduduk Johor. Dato' Onn mencadangkan diwujudkan gabungan sebuah pertubuhan politik yang besar bagi menumbangkan Malayan Union. Cadangan ini tidak disetujui oleh Persatuan Melayu Johor. Dalam hal ini Haji Hasan menyatakan adalah tidak wajar Persatuan Melayu Johor yang besar keanggotaannya dan mempunyai perjuangan tersendiri bergabung dengan pertubuhan politik yang lain.[46]

Langkah Sultan Ibrahim menandatangani Perjanjian MacMichael 1946 yang bererti menyerahkan kedaulatan Johor kepada Great Britain dibantah oleh Persatuan Melayu Johor yang diketuai oleh Dato' Abdul Rahman Mohd. Yassin. Persatuan Melayu Johor menyatakan tindakan Sultan Ibrahim bercanggah dengan Fasal 15, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor yang melarang Sultan "... menyerah atau berbuat sebarang perjanjian atau ikhtiar hendak menyerah akan negeri atau sesuatu bahagian daripada negeri dan kerajaan Johor itu kepada sebarang kerajaan atau kuasa bangsa Eropah atau sebarang lain kerajaan atau bangsa..."[47] Sekiranya Sultan melakukan juga, bermakna baginda disifatkan "... berdosa memecahkan amanah yang diletakkan Tuhan atasnya dan demikian tiada diwajibkan rakyat negeri melanjutkan setia lagi padanya...".[48] Dato' Abdul Rahman menganjurkan perjumpaan di kalangan pembesar Johor dan ahli Persatuan Melayu Johor di rumah Menteri Besar Johor, Ungku Abdul Aziz bin Abdul Majid di Bukit Azah, Jalan Tebrau Johor Bahru dan di Balai Masjid Abu Bakar, Johor Bahru. Hasilnya Dato' Abdul Rahman, Doktor Awang Hasan, Haji Kosai, Haji

Hasan, Safiah Sulaiman, Sulaiman bin Dato' Abdul Rahman dan Abdullah Sulaiman menandatangani surat membantah Sultan Ibrahim menandatangani Perjanjian MacMichael 1946.[49] Bantahan ini dihantar kepada Sultan Ibrahim di Grosvenor Park Lane London[50] dan Pejabat Tanah Jajahan di London.

Dalam satu telegram yang dihantar kepada Sultan Ibrahim di Grosvenor Park Lane London yang diterima oleh baginda pada 22 Februari 1946, terkandung rasa kecewa dan kesal kerana Sultan Johor yang tidak boleh dipercayai memalukan rakyat dan negeri serta meninggalkan Johor tanpa penjelasan.[51] Gagasan Kumpulan 7 ini tidak memberi sebarang kesan ke atas kedudukan Sultan Ibrahim. Dato' Onn tidak memberi sokongan kepada kumpulan ini. Malah Dato' Onn menyatakan yang kumpulan ini bertindak di luar daripada sifat kemelayuan dan mereka bukanlah mewakili majoriti masyarakat negeri Johor.[52]

Sultan Ibrahim mengambil tindakan menggantung mereka yang terlibat menentang baginda.[53] Apabila mendapat telegram daripada Kapten Ahmad bertarikh 26 Januari 1946 yang menyatakan orang Melayu Keluang menentang Malayan Union, Sultan Ibrahim menjawab yang pegawai kerajaan Johor daripada Menteri Besar Ungku Aziz hingga pegawai kerajaan adalah pembohong dan tidak boleh dipercayai; tidak jujur dan setia kepada baginda.[54] Selain itu baginda juga memaklumkan perkara ini kepada Pejabat Tanah Jajahan.

Sir George Maxwell menggesa Lord Marchwood menghubungi Sultan Johor supaya merujuk penasihat undang-undang baginda bagi mendapatkan kedudukan perjanjian Johor yang baginda tandatangani. Maxwell mengharapkan Lord Marchwood, Turner atau Welham menjelaskan kepada Sultan Johor, khususnya mengenai menyerahkan penuh kuasa dan perundangan kepada Baginda King. Dalam kertas putih Januari 1946, Sultan Johor tidak mempunyai hak ke atas pentadbiran Johor dan hanya sebagai ahli Majlis Penasihat hal ehwal agama. Dalam hal ini Maxwell meragui sama ada Sultan Johor berhak mengekalkan takhta dan mahkota baginda; dan merasa pasti yang bendera Johor akan terhapus.[55] Dalam suratnya kepada E.F. Turner, Sir George Maxwell bimbang, berkuatkuasa kertas putih 22 Januari 1946, mahkota dan bendera negeri Johor akan disimpan dalam Muzium Singapura.[56] Perkara ini kemudiannya dipanjang oleh Peguam E.F. Turner dan Anak bagi pihak Sultan Johor kepada Pejabat Tanah Jajahan untuk mendapatkan pandangan.[57] Walaupun Pejabat Tanah Jajahan terkejut dengan perubahan pendirian Sultan Johor terhadap perjanjian yang baginda tandatangani, tetapi mengakui Sultan Johor bebas

bertindak demikian.[58] Sultan Ibrahim dalam surat bertarikh 15 Februari 1946, menyatakan kepada Setiausaha Tanah Jajahan, G.H. Hall, yang baginda menurunkan tandatangan ke atas Perjanjian MacMichael. Tetapi berlaku tentangan di Tanah Melayu setelah kertas putih Malayan Union diisytiharkan. Terjadi tentangan ini menyebabkan timbul keraguan ketika menyambut gembira kepulangan British, sama baginda telah mengkaji dengan teliti terhadap akibat perjanjian yang ditandatangani itu. Sultan Ibrahim juga menyatakan tidak menjangka langsung yang kesannya berlaku demikian rupa. Selain itu baginda memaklumkan yang Sultan-Sultan di Tanah Melayu sudah memerhati rapat perkembangan ini.[59]

Sementara gerakan menentang Malayan Union berterusan, Johor sekali lagi muncul sebagai penyumbang politik tanah air dengan kelahiran sebuah pertubuhan politik Melayu. Sultan Johor memberi perkenan mengadakan Kongres Ketiga di Istana Besar, Johor Bahru. Kongres ini berlangsung pada 11-12 Mei 1946. Dalam kongres yang berlangsung pada 11 Mei 1946, Piagam UMNO yang mengandungi 12 artikel ditandatangani dan lahirlah dengan rasminya UMNO.[60] Dato' Onn dilantik sebagai presiden UMNO yang pertama. Orang Melayu akhirnya berjaya menumbangkan Malayan Union. Pada tahun 1948 Persekutuan Tanah Melayu diisytiharkan sebagai menggantikan Malayan Union.

Kesimpulan

Kesultanan Melayu yang diasaskan pada tahun 1528 mengambil masa 113 tahun untuk muncul sebagai kuasa meneruskan keagungan kesultanan Melaka. Walaupun kesultanan Melayu menghadapi pergeseran dalaman dan penglibatan kuasa Minangkabau serta Bugis; serta kuasa asing, Belanda dan British, ia bertahan hingga ke hari ini. Johor mengalami pemodenan dan pemantapan pentadbiran semasa pemerintahan Sultan Abu Bakar. Sehingga Johor dikenali sebagai Johor Moden dan baginda pula disebut sebagai Bapa Johor Moden. Johor seperti juga negeri Melayu lainnya, mengambil keputusan menerima pengaruh British pada tahun 1914. Selain itu Sultan Johor mengalami pengenalan Malayan Union dan tentangan, yang akhirnya lahir Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948.

SINGKATAN

CMDSJ	-	Copy of the Treaty of 1855 between the SULTAN OF JOHOR and TUMONGGONG, and for the CORRESPONDENCE respecting MUAR since the DEATH of the late SULTAN OF JOHOR
C.O.	-	Colonial Office
JMBRAS	-	Journal of the Royal Asiatic Society, Malayan Branch
MBRAS	-	Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society
SPSAH	-	Surat Persendirian Syed Alwi al-Hadi
SUK. Tr.	-	Setiausaha Kerajaan Terengganu

Nota Hujung

1 Y. Andaya. 1975. *The Kingdom of Johor 1641-1728: Economic and Political Development.* Kuala Lumpur: Oxford University Press. hal. 23.

2 Ibid., hal. 26.

3 Raja Ali Haji. 1965. *Tuhfat al-Nafis.* Singapura: Malaysian Publications Ltd., hal. 62.

4 Abdullah Zakaria bin Ghazali. 1965. "Pribumi dan Penjajah: Gerakan Tentangan Di Malaysia". *Malaysia Dari Segi Sejarah,* Bil. 23. hal. 3-5.

5 Abdullah Zakaria bin Ghazali. 1980. "Penghulu Dol Said". *Jurnal Sejarah Melaka,* Bil. 5. hal. 25.

6 Winstedt, R.O. 1979. *A History Johor (1365-1895).* Kuala Lumpur: MBRAS, No. 6. hal. 82.

7 Wake, C.H. "Raffles and the Rajas the founding of Singapore in Malayan and British Colonial History", *JMBRAS,* Vol. 48, Pt. I. hal. 66-67. Mills, L.A. 1966. *British Malaya 1824-1867.* Kuala Lumpur: Oxford University Press. hal. 63.

8 C.O. 273/407, R.J. Wilkinson kepada Davis, 3 Julai 1913, terlampir "Sultan Ali", terlampir surat W.J. Butterworth kepada Timbalan Gabenor Bengal, 21 Oktober 1846.

9 L.A. Mills, *British Malaya 1824-1867,* hal. 64.

10 C.O. 273/405, R.J. Wilkinson kepada Davis, 3 Julai 1913, terlampir "Sultan Ali", terlampir surat W.J. Butterworth kepada Timbalan Gabenor Bengal, 21 Oktober 1846.

11 C.O. 273/416, "Copy of the Treaty of 1855 between the SULTAN OF JOHOR and TUMONGGONG, and for the CORRESPONDENCE respecting MUAR since the DEATH of the late SULTAN OF JOHOR" (seterusnya diringkaskan menjadi "CMDSJ"), William C.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, enclosure 2, Tengku Alam bin Sultan Ali Iskandar Syah kepada Carnavon, 26 November 1877. C.O. 273/327, F. Swettenham kepada Chamberlain, 8 September 1898.

12 C.O. 273/416, "Copy of the Treaty of 1855 between the Sultan of Johor and his Tumonggong".

13 C.O. 273/92, "The Muar Succession", William F. Robinson kepada Carnavon, 13 Disember 1877, terlampir *Singapore Daily Times,* 12 Disember 1877, tercatat surat Tengku Alam kepada A.E.H. Anson, 4 Julai 1877.

14 C.O. 273/416, "CMDSJ", Enclosure 2, A.E.H. Anson kepada Maharaja Johor, 29 Jun 1877.

15 Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Pemilihan Kuala Kesang, 1877: Satu Kajian Mengenai Pengilhakan Muar oleh Maharaja Abu Bakar". *Sejarah* No., 1988, hal. 177-181.

16 Trocki, C.A. 1979. *Prince of Pirate* Singapore: Singapore University Press. hal. 204.

17 SUK. Tr., 22/2603, "Ucapan Sultan Johor".

18 Yoichi Itagaki. 1967. "Some Aspects of Japanese Policy for Malaya under the occupation, with special reference to Nationalism"; K.G. Tregonning (ed.). *Papers on Malayan History.* Singapore: Eastern Univerities Press. Hal. 257.

19 Segala ini terakam dalam *Laws of the Constitution of Johore.*

20 Abdullah Zakaria bin Ghazali. "Pemilihan Kuala Kesang 1877: Satu Kajian Mengenai Pengilhakan Muar oleh Maharaja Abu Bakar". Hal. 177-181.

21 Abdullah Zakaria bin Ghazali,1984. "Persaingan di antara Keluarga Sultan dengan Keluarga Temenggung Di Johor 1835-1885". Tesis Ph.D. Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Hal. 333-334.

22 Mengenai kegiatan orang Cina, sila lihat Carl A. Trocki, *Prince of Pirate.* Hal. 123-131.

23 M.A. Fawzi Mohd. Basri.1973/1975. "Keretapi Muar 1889-1918". *Jebat,* Bil. 3/4. Hal. 113-120.

24 Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Kesultanan Johor, 1528-1885". Hal. 32.

25 Ahmad Fawzi Basri. 1988. *Johor 1855-1917: Pentadbiran dan Perkembangannya* Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. Hal. 95.

26 Zaharah Haji Ahmad. 1994. "Perkembangan Sekolah Vernakular Melayu"; Abdulah Zakaria bin Ghazali & Zainal Abidin Borhan. 1988. *Johor Dahulu dan Sekarang.* Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.

27 Christopher Stephen Gray. "Johore, 1910-1941, Studies in the Colonial Process" Ph.D. Thesis, Yale University. Hal. 248-249.

28 Rahimah Mohd. Zin. "Sekolah Agama Di Johor: Satu Kajian Mengenai Struktur Dan Organisasi", Abdullah Zakaria bin Ghazali & Zainal Abidin Borhan (editor). *Johor Dahulu Dan Sekarang.* Hal. 183-184.

29 Mohd. Sarim Hj. Mustajab. 1985. The Impact of Colonial Rule in Johor: A Case of Social and Political Adjustment, Ph.D. Thesis, University of Kent at Canterbury, June 1985. Hal. 179. Abdul Malek Munip. *Bandar Maharani dan Daerah Muar 1884-1920: Peribumi dan Pemodenan.* Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia. Hal. 119.

30 Mohd. Sarim Hj. Mustajab "*The Impact of Colonial Rule in Johor: A Case of Social and Political Adjustment.* Hal. 220.

31 Abdul Malek Munip. *Bandar Maharani dan Daerah Muar 1884-1920.* Hal. 131.

32 Mohd. Sarim Hj. Mustajab. 1989. "Elit Pentadbir dan Persoalan Bahasa Melayu: Satu Episod Dalam Sejarah Negeri Johor". *Jebat,* Bil. 17. Hal. 17-22.

33 Eunice Thio. 1967 "British Policy towards Johore: from advice to control". *JMBRAS,* Vol. 40, Pt. 1. Hal. 1-41.

34 W.R. Roff. *1975. Nasionalisma Melayu.* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. hal. 71.

35 Ibid. Hal. 207.

36 Ramlah Adam. 1991. "Dr. Hamzah Hj. Taib (1900-1956)". *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Bil. 19, hal. 2-3.

37 W.R. Roff. 1975 *Nasionalisma Melayu*, hal. 237-238.

38 Firdaus Haji Abdullah. 1985 *Radical Malay Politics: Its Origins and Early Development*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd. Hal. 64.

39 Ramlah Adam. 1991. "Dr. Hamzah Hj. Taib (1900-1956)". Hal. 6-7.

40 Ibid. Hal. 11.

41 Ibid. Hal. 8.

42 Surat Persendirian Syed Alwi al-Hadi (seterusnya diringkaskan sebagai SPSAH), 60/E/17, "Apa Itu UMNO"; "Merdeka dan Kemerdekaan". Hal. 5. Ramlah Adam. "Pergolakan Politik Di Johor 1946-1948". *Jebat*, Bil. 19, 1991. Hal. 85. Shaharom Husain. *Biografi Perjuangan Politik Dato' Onn Ja'afar* Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. Hal. 128; 133.

43 C.O. 717/179, Alec kepada H.T. Bourdillon, 6 Disember 1947, terlampir "Reconstruction in Malaya by A.J. Newboult".

44 Albert Lau. 1991. *The Malayan Union Controversyy. 1942-1948* Singapore: Oxford University Press. hal. 104-105.

45 Sir George Maxwell's Papers, Copy Extract From Letter From an Official in Malaya, 6 Januari 1946.

46 Shaharom Husain: *Biografi Perjuangan Politik Dato' Onn Ja'afar.* Hal. 142-143.

47 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895. Hal. 9.

48 Ibid. Hal. 10.

49 Shaharom Husain. *Biografi Perjuangan Politik Dato' Onn Ja'afar.* Hal. 143-144.

50 Sir George Maxwell's Papers, telegram orang Melayu Johor Bahru kepada Sultan Ibrahim, Grosvenor Park Lane, London, tanpa tarikh.

51 Sir George Maxwell's Papers, telegram Orang Melayu Johor kepada Sultan Ibrahim, Grosvenor Park Lane London, diterima pada 22 Februari 1946.

52 Ramlah Adam. 1991. "Dr. Hamzah Hj. Taib". Hal. 11-12; "Pergolakan Politik Johor 1946-1948". Hal. 93.

53 Anwar Abdullah. *Dato Onn*. Hal. 126.

54 Sir George Maxwell's Papers, Sultan Ibrahim kepada Kapten Ahmad Kluang, Johor, tanpa tarikh.

55 Sir George Maxwell's Papers, Sir George Maxwell kepada Lord Marchwood, 3 Mac 1946.

56 Sir George Maxwell's Papers, Sir George Maxwell kepada E. F. Turner, 1 Mac 1946.

57 Sir George Maxwell's Papers, deraf surat E.F. Turner dan anak, bagi pihak Sultan Johor kepada Setiausaha Tanah Jajajan, Mac 1946.

58 Sir George Maxwell's Papers, G.H. Gater, pejabat tanah jajahan kepada Sultan Johor, 3 Februari 1946.

59 Sir George Maxwell's Papers, Sultan Ibrahim kepada G.H. Hall, Setiausaha Tanah Jajahan London, 15 Februari 1946.

60 SPSAH, 60/E/17, "Apa itu UMNO".

KEPENGARANGAN TUN SRI LANANG

PROF DR SITI HAWA HAJI SALLEH

Pendahuluan

Untuk bahasa Melayu, istilah "kepengarangan" adalah suatu istilah baru. Semenjak bermulanya penelitian ke atas sastera Melayu tradisional, fokus pemerhatian ialah kepada naskhah-naskhah lama yang berupa kajian tekstual atau berdasarkan kepada teks menerusi pendekatan filologi. Kajian bersifat tekstual merupakan tahap pertama dalam pengkajian kesusasteraan mengikut pendekatan resepsi. Tanpa teori resepsi pun sememangnya pengkajian kesusasteraan kita secara natural bermula daripada teks ataupun manuskrip/naskhah. Mengikut teori ini, pemerhatian atau penerimaan pembaca terhadap teks yang tiba ke pangkuannya menjadi perkara utama. Ia lebih memberi perhatian kepada **pembaca atau audiens/khalayak** dan kurang menekankan kepentingan **pengarang** sebagai sumber karya. Kedudukan **pengarang** sebagai orang yang bertanggungjawab melahirkan atau mencipta karya tidak dihiraukan malah yang lebih dipentingkan ialah teks dan khalayak. Perkembangan seterusnya dalam teori ini menggalakkan peneliti-peneliti sastera lebih berminat untuk mengetahui apakah **kesan teks/karya** ke atas **pembaca/khalayak.** Dengan sendirinya **pengarang** mengambil tempat duduk di belakang sekali atau terus tidak dihiraukan lagi.

I. **Pengarang & Karya/Teks**

berubah kepada

II. **Karya/Teks & Pembaca/Khalayak**

Rajah Teori Resepsi Jauss

Jelas pada tahap kedua perkembangan teori resepsi ini, pengarang tidak mendapat tempat sama sekali. Secara kasar,

benarlah apa yang dikatakan oleh seorang sarjana Barat bahawa pengarang **mati** sebaik sahaja karyanya tercipta dan kedudukannya diambil alih oleh kata-kata atau bahasa dan segala macam perbincangan tentangnya (Barthes, 1977). Menurut pendekatan ini, yang **mematikan** pengarang sebenarnya ialah pendekatan kritikan sambutan pembaca (reader response critic Wolfgang Iser) yang digunakan sebagai dasar kajian.

Sungguhpun sarjana sastera moden cuba memperkecilkan atau terus menghapuskan peranan yang dimainkan oleh pengarang, dengan menggunakan teori di atas dan teori-teori lain, kita dapati penghapusan itu sukar dilakukan. Apabila kita memperkatakan tentang teks/karya dan cuba meneliti kesan yang berlaku ke atas pembaca sebagai khalayak, kita sebenarnya melihat kesan hasil kerja pengarang ke atas khalayak. Hubungan antara karya dengan pengarang tidak dapat diketepikan begitu sahaja kerana karya adalah hasil ciptaan pengarang yang menggambarkan segala buah fikirannya, tanggapannya terhadap sesuatu peristiwa dan tokoh, dan nilai-nilai murni masyarakat.

Pengarang juga tidak menghasilkan karyanya secara terasing atau terpisah daripada segala pengaruh masyarakat semasanya, baik yang positif mahupun yang negatif. Jika pengarang tidak menyebut satu persatu tentang sesuatu peristiwa, apa yang sampai kepada khalayak adalah hasil pemilihan yang telah dilakukan oleh pengarang atas dasar-dasarnya sendiri, ataupun dengan berdasarkan konvensi dan tradisi sastera yang telah diterima oleh masyarakatnya.

Setiap kata yang digunakan, setiap susunan kalimat, setiap ungkapan peribahasa, pepatah dan sisipan pantun, syair, seloka, gurindam dan setiap rujukan yang dibuat kepada keseluruhan budaya masyarakatnya adalah hasil pemilihan pengarang yang membentuk roh atau jiwa karyanya. Dengan itu, **kepengarangan**, seperti yang akan diperlihatkan dalam perbincangan ini, melibatkan latar belakang kehidupan pengarang, situasi keadaan masyarakat sebelum zamannya, zamannya sendiri dan zaman selepasnya, tradisi penulisan masyarakatnya serta proses penulisan yang dialaminya ketika menghasilkan sesuatu karya.

Ternyata kepada kita bahawa tidak semudah itu **mematikan** seorang pengarang; apatah lagi pengarang itu bergelar Tun Sri Lanang dan karyanya pula ialah *Sulalatus Salatin* atau *Sejarah Melayu* (Abdul Samad Ahmad, pnyl. 1986).[1] Yang berlaku ialah kedua-duanya, pengarang dan karya, sama-sama timbal-menimbal, memasyhurkan antara satu dengan lain hingga berabad-abad lamanya. Kedua-dua pengarang dan karya

akhirnya menjadi sinonim, suatu pasangan pengarang dan karya yang teragung dan paling terkenal di dunia.

Sedikit Tentang Tradisi Penulisan Melayu

Pada suatu pihak, kesusasteraan Melayu tradisional begitu berkesan dengan pengaruh konvensi tradisi lisan yang berkembang lebih awal daripadanya, hingga ramai di antara pengarangnya tidak mencatatkan nama mereka apabila mereka mengarang sesuatu hasil sastera. Keengganan mencatat nama pada karya yang dicipta juga adalah kerana dalam tradisi lisan, sesebuah karya dianggap sebagai hak kepunyaan bersama seluruh masyarakat. Rasa kepunyaan bersama itu diperkuat lagi dengan amalan tukang-tukang cerita mengubah atau menyesuaikan cerita mengikut selera khalayaknya mahupun seleranya sendiri, sesuka hati. Dengan demikian cerita berubah di tangan penglipur lara, dari daerah-daerah yang berbeza, pada masa-masa yang berlainan, daripada cerita asal yang dicipta oleh pencerita pertama.

Pada pihak yang lain pula, apabila kita berbincang tentang tradisi tulisan, kita menyentuh tentang sesuatu yang membentuk tradisinya yang tersendiri sambil mengekalkan juga beberapa unsur daripada tradisi lisan. Tradisi ini amat berkait dengan amalan hidup di istana yang lebih mementingkan raja daripada sesiapa jua, sama ada pembesar atau rakyat biasa, dalam golongan yang diperintah.

Dalam tradisi tulisan, oleh kerana biasanya sesuatu karya dikarang untuk memenuhi perintah raja, kemungkinannya ialah pengarang berasa tidak berhak dan tidak manis baginya menyebut namanya sebagai pengarang. Tradisi dan konvensi yang dipegang memaksanya menenggelamkan namanya supaya nama raja sahaja yang diketengahkan. Dalam tradisi lisan, si penglipur lara atau Awang Batil menerima 'tauliah' untuk bercerita daripada ayah, datuk atau seseorang penglipur lara yang lebih tua, yang pernah didampinginya sebagai murid atau pelatih tidak rasmi. Dalam tradisi tulisan, 'tauliah' untuk mengarang diterima daripada sultan yang juga menjadi penaung.

Cerita-cerita yang dituturkan oleh seseorang penglipur lara diketahui oleh orang ramai dan menjadi pengetahuan umum bahawa cerita-cerita tersebut bukanlah rekaannya sendiri atau terbit daripada ilhamnya. Di samping itu cerita-cerita lisan terus dianggap sebagai kepunyaan seluruh masyarakat dan bukan hak penglipur lara secara peribadi. Malah lebih tepat jika dikatakan

bahawa cerita yang dituturkan oleh tukang cerita ialah kepunyaan bersama seluruh masyarakat seperti yang terbayang dalam istilah **cerita rakyat** yang digunakan juga untuk genre ini. Hakikat inilah juga yang mempengaruhi pengarang-pengarang tradisi tulisan tidak menyebut nama mereka pada karya yang dihasilkan, walaupun karya itu adalah hasil nukilannya sendiri.

Ketibaan agama Islam ke rantau Nusantara membawa pelbagai pembaharuan dalam kehidupan manusia Melayu termasuk dalam tradisi penulisannya. Selain memperkenalkan tulisan Jawi yang berperanan utama dalam memperkuat tradisi penulisan Melayu, Islam membawa perubahan dalam tradisi kepengarangan Melayu. Tradisi Islam menanamkan rasa tanggungjawab seseorang pengarang menuliskan namanya pada karya yang dihasilkan supaya diketahui oleh pembacanya. Murid wajib mengetahui apa yang ditulis oleh gurunya dan pembaca sesebuah kitab perlu mengetahui ulama manakah yang mengarang, mengupas atau membahas tentang sesuatu topik. Suasana keilmiahan dibina melalui perbahasan-perbahasan ini dengan kebenaran sebagai matlamatnya dan tanggungjawab yang diletakkan kepada para pengarang dalam hal ini nyata tidak diabaikan.

Menerusi tradisi kepengarangan Islam inilah, kita, generasi yang terkemudian, mengenali beberapa orang pengarang ulama terdahulu seperti Syeikh Syamsuddin al-Sumatrani, Syeikh Nuruddin al-Raniri, Syeikh Hamzah Fansuri, Syeikh Daud al Palembangi, Johari al-Bukhari dan lain-lain lagi.

Melihat daripada nama tokoh-tokoh ini, dapat disimpulkan bahawa abad ketujuh belas merupakan puncak perkembangan penulisan dalam bidang keagamaan dan tradisi mencatat nama pengarang pada sesuatu karya yang dihasilkan telahpun lama bermula. Namun demikian dapat disebutkan bahawa tradisi ini hanya dipraktikkan oleh pengarang-pengarang dalam bidang agama. Tradisi menulis nama pengarang tidak begitu meluas kepada pengarang-pengarang dalam bidang lain. Buktinya ialah kita mengenali hanya beberapa orang pengarang sahaja berbanding dengan banyaknya karya-karya kesusasteraan yang dihasilkan. Berbanding dengan lebih 3,000 naskhah Melayu (koleksi yang tersimpan di Perpustakaan Universiti Leiden) (Ismail Hussein, 1974), kita mengenali hanya beberapa orang pengarang seperti Tun Sri Lanang, Raja Chulan bin Raja Abdul Hamid, Raja Haji Ahmad, Raja Ali Haji bin Raja Haji Ahmad, Sultan Mahmud Badaruddin, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah, Raden Anom, Raja Aisyah, Raja Sapiah, Encik Amin dan beberapa

orang lain lagi. Tidak dapat disangkal bahawa di antara nama-nama ini, nama yang paling menonjol ialah Tun Seri Lanang.

Tun Sri Lanang dan Kepengarangannya

Seperti yang telah didefinisikan di atas, perbincangan tentang kepengarangan seseorang pengarang melibatkan beberapa hal yang berkaitan dengan latar belakang kehidupannya, zaman-zaman perkembangan masyarakatnya dan hasil karya ciptaannya. Sungguhpun kepengarangan patut diserlahkan juga melalui keindahan gaya bahasa dan pemilihan kata-kata yang digunakan oleh pengarang, aspek ini tidak akan diperkatakan dalam kertas kerja ini kerana sudah banyak dibincangkan dalam kajian-kajian ilmiah di pusat-pusat pengajian tinggi.

Siapakah Tun Sri Lanang?

Maklumat yang pasti dan menyeluruh tentang Tun Sri Lanang amat terhad dan kita terpaksa bergantung kepada beberapa teks tertentu yang secara kebetulan menyebut tentang pengarang ini. Kita perlu membandingkan pula sesuatu maklumat itu dengan maklumat yang dimuatkan dalam teks-teks lain untuk mendapat pengesahan. Tidak jarang pula maklumat-maklumat itu diselimuti kekaburan yang akhirnya menimbulkan berbagai-bagai pertikaian tentang kebenarannya.

Maklumat terpenting tentang Tun Sri Lanang terdapat dalam mukadimah beberapa versi *Sejarah Melayu* termasuk *Sejarah Melayu* edisi Shellabear (pertama kali diterbitkan 1898) dan dalam *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)* yang diselenggarakan pengeditannya oleh A. Samad Ahmad (pertama kali diterbitkan pada tahun 1979).[2]

> Setelah fakir mendengar demikian, jadi beratlah atas anggota faqir alladzi murakkabun 'ala'ljahli, Tun Muhammad namanya, Tun Seri Lanang timang-timangannya, Paduka Raja gelarannya, Bendahara, anak Orang Kaya Paduka Raja, cucu Bendahara Seri Maharaja, cicit Bendahara Seri Maharaja, cicit Bendahara Tun Nara Wangsa, piut Bendahara Seri Maharaja anak Seri Nara Diraja Tun Ali, anak baginda Mani Purindan, qaddasa'llahu sirrahum, Melayu bangsanya, dari Bukit Siguntang Mahameru, Malakat negerinya, Batu Sawar Darussalam....
>
> (A. Samad Ahmad, 1986:2)

Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu) menyumbang sedikit maklumat tentang asal usul keturunan Tun Muhammad, yang bergelar Tun Sri Lanang, dan dilantik menjadi Bendahara Paduka Raja, dalam zaman pemerintahan Sultan Ala Jalla Abdul Jalil Syah (Raja Abdullah). Kedudukan Sultan Ala Jalla Abdul Jalil Syah dalam jurai keturunan raja-raja Melaka-Johor, lebih mudah diterangkan dalam rajah jurai keturunan di bawah.



Maklumat yang lebih jelas tentang kelahiran Tun Sri Lanang diperolehi daripada penyelidikan A. Halim Nasir (1995). Tun Muhammad dilahirkan pada tahun 1565 di Bukit Seluyut (juga Seluyud), Kota Tinggi, Johor. Ayahandanya ialah Orang Kaya Paduka Raja Ahmad dan bondanya bernama Tun Genggang. Dia memang berasal daripada keluarga orang kaya atau orang bergelar kerana nenek moyangnya adalah daripada keluarga Bendahara Seri Maharaja, Melaka, membawa kepada baginda Mani Purindan, yang berketurunan dari Bukit Siguntang. Tun Sri Lanang dilantik menjadi Bendahara ke-14 dengan gelaran Bendahara Seri Maharaja Johor pada tahun 1580 oleh Sultan Ala Jalla Abdul Jalil Syah. Dia mangkat pada tahun 1615 di Aceh.

(Diakui terdapat masalah tentang tahun lahir Tun Muhammad dengan tahun dia dilantik menjadi Bendahara yang belum dapat disahkan).

Dalam *Bustanus Salatin*, Bab II, Fasal 12, Syeikh Nuruddin al-Raniri merujuk pada tulisan Tun Sri Lanang apabila membentangkan sejarah kesultanan Aceh. Syeikh Nuruddin juga menceritakan, di tempat lain, bagaimana sultan Aceh memberi kebenaran untuk empat orang pembesar dari Johor mengadap dan membawa persembahan. Salah seorang pembesar itu disebut sebagai Paduka Raja sahaja, tanpa nama sebenarnya atau gelaran lain. Sungguhpun Syeikh Nuruddin tidak menyebut nama sultan Aceh dan pembesar Johor itu sepenuhnya, setahun kemudian, iaitu pada tahun 1613, Bendahara Paduka Raja Tun Sri Lanang tiba lagi ke Aceh, mengiringi rajanya, Sultan Alauddin Riayat Syah dan Raja Abdullah, mengadap Sultan Iskandar Muda. Kedua-dua Sultan Alauddin Riayat Syah dan bendaharanya, Bendahara Paduka Raja Tun Sri Lanang, tinggal dalam pembuangan di Aceh hingga mereka mangkat.

Mukadimah *Sejarah Melayu* yang dikarang oleh Tun Sri Lanang mencatatkan bahawa arahan untuk memperbaiki *hikayat Melayu*[3] itu berpunca dari Raja Abdullah (kemudian bergelar Sultan Abdullah Maayah Syah). Arahan itu berbunyi:

> "Bahawa hamba minta diperbuatkan hikayat pada Bendahara pada menyatakan peraturan segala raja-raja Melayu dengan istiadatnya supaya didengar oleh anak cucu kita yang kemudian dari kita dan diketahuinyalah segala perkataan, syahadan beroleh faedah mereka itu daripadanya."
>
> (A. Samad Ahmad, 1986:2-3)

Perintah ini dikemukakan kepada Tun Sri Lanang semasa beliau bertugas sebagai Bendahara Paduka Raja, di Johor. Versi-versi *Sejarah Melayu* mencatatkan tarikh Tun Sri Lanang memulakan kerja-kerja pengeditannya ke atas *hikayat Melayu* yang "dibawa oleh orang dari Guha (g-w-h)" itu pada:

> "tatkala hijratu'l-nabiyi sallallahu 'alaihi wa sallamu seribu duapuluh satu tahun, kepada tahun Dal, pada duabelas haribulan Rabi'ul-Awal, kepada hari Khamis, waktu al-dhuha, pada ketika syamsu, pada zaman kerajaan Paduka Seri Sultan Alauddin Riayat Syah ..."

Terdapat kekeliruan tentang hari yang disebutkan sebagai hari Khamis yang sebenarnya hari Ahad. Perkara ini telah dibincang dan diselesaikan oleh beberapa orang sarjana yang bersetuju bahawa tarikh tersebut ialah hari Ahad, 12 Rabi'ul-Awal 1021 bersamaan 13 Mei 1612 (T. Iskandar, 1995:252 dan A. Samad Ahmad, 1986:xxvii).

Beberapa orang sarjana telah mengemukakan pendapat dan perbincangan tentang *Sejarah Melayu* dan pengarangnya, seperti R. J. Wilkinson, R. O. Winstedt, P. Voorhoeve, R. Roolvink, W. Linehan, W. Maxwell, Amin Sweeney, A. Teeuw, Teuku Iskandar, A. Samad Ahmad dan Liaw Yock Fang. Berbagai-bagai pendapat dikemukakan dengan kesimpulan-kesimpulan yang dibuat berdasarkan maklumat yang ada di tangan masing-masing ketika itu. Perbincangan-perbincangan itu terlalu panjang, terperinci, rumit dan kadang-kadang berulang-ulang untuk diperkatakan satu persatunya di sini. Memadai kiranya disebutkan di sini beberapa perkara yang menjadi bahan perbincangan para sarjana ini yang berkaitan secara langsung dengan kepengarangan Tun Sri Lanang.

Siapakah Pengarang *Sejarah Melayu*?

Persoalan siapa sebenarnya **pengarang** *Sejarah Melayu* ditimbulkan seawal-awalnya oleh Wilkinson (1933) dan Winstedt (1938) dan diperpanjangkan oleh beberapa orang sarjana lain hinggalah ke tahun-tahun 1990-an ini. Pada dasarnya mereka berasa sangsi tentang kedudukan dan pengakuan Tun Sri Lanang sebagai **pengarang** hikayat itu. Wilkinson dengan kata-kata lain berpendapat menyebutkan diri sebagai pengarang sesuatu hasil penulisan adalah suatu perbuatan luar biasa dalam tradisi Melayu. Ternyata Wilkinson tidak bersedia menerima sesuatu pengecualian dalam tradisi penulisan Melayu.

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan timbulnya kekeliruan di kalangan para pengkaji yang memperkatakan tentang *Sejarah Melayu* pada peringkat awal. Pengkaji-pengkaji menggunakan versi-versi (salinan-salinan) yang berbeza, yang disalin pada tempat, masa dan oleh penyalin yang berlainan. Seseorang pengkaji membuat kesimpulan berdasarkan versi yang ada di tangannya, tanpa menyedari hadirnya berpuluh versi lain. Versi-versi ini kadang-kadang mengemukakan nama penyalinnya yang terus dianggap oleh pengkaji sebagai pengarang teks tersebut.

Mereka cenderung berhujah dengan maklumat yang terdapat dalam sesuatu versi tanpa menimbangkan maklumat-

maklumat yang terkandung dalam versi-versi lain. Pengkaji-pengkaji awal ini belum mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang kesusasteraan Melayu tradisional secara am dan tentang wujudnya tradisi penyalinan manuskrip Melayu dengan peraturan-peraturan atau sifat-sifatnya yang tersendiri.

Suatu lagi faktor penting yang menyumbang ke arah kekeliruan ini ialah pada peringkat awal itu, pengkaji-pengkaji tidak menyedari bahawa *Sejarah Melayu* wujud dalam dua versi utama yang dikenal pasti oleh Roolvink (1967) sebagai **versi panjang dan versi pendek.** Kewujudan versi panjang dan versi pendek *Sejarah Melayu* dan pelbagai aspek lain yang berkaitan dengan *Sejarah Melayu* dibincangkan dengan panjang lebar oleh Roolvink dalam makalahnya.

Sejarah Melayu Ms. Raffles 18 ialah suatu contoh versi pendek. Winstedt menolak Tun Sri Lanang sebagai pengarang *Sejarah Melayu* kerana dia menemui tercatat dalam *Sejarah Melayu* Ms. Raffles 18 catatan *"wa katibuhu Raja Bongsu"* yang difahaminya sebagai bermaksud seorang yang bernama Raja Bongsu adalah 'pengarang'nya dan bukan sekadar penyalin. Malah Winstedt menduga manuskrip *hikayat Melayu* itu kepunyaan Raja Bongsu dan dialah yang membawanya pulang dari Goa, India.

Selain kekurangan fakta dalam versi pendek, versi-versi yang berbeza sering mengalami berbagai-bagai perubahan, penambahan, penyingkiran dan sebagainya di tangan penyalin-penyalin. Apa yang dilakukan oleh para penyalin itu ialah amalan biasa dalam konvensi penyalinan manuskrip Melayu.

Ternyata banyak kesimpulan yang dibuat pada peringkat awal oleh para sarjana didasarkan pada maklumat yang terhad. Walaupun mereka bersetuju bahawa keterangan terperinci tentang Tun Sri Lanang yang terdapat dalam mukadimah *Sejarah Melayu* itu dimasukkan tidak lama kemudian oleh orang lain yang tahu tentang diri pengarang, mereka enggan menerima Tun Sri Lanang sebagai **pengarang** *Sejarah Melayu.*

Pada awal abad kedua puluh banyak yang belum diketahui tentang tradisi penyalinan manuskrip Melayu. Dalam penyelidikan masing-masing, Roolvink (1967), Voorhoeve (1967), T. Iskandar (1965 & 1995), Amin Sweeney (1987) dan Siti Hawa Haji Salleh (1994 & 1995) mendapati penyalin-penyalin manuskrip Melayu bukan hanya bertindak sebagai penyalin semata-mata tetapi bertindak seperti seorang pengarang bersama (co-author: Voorhoeve), penyemak dan pembetul yang banyak membantu pengarang asal. Walaupun yang terlibat ialah hasil sastera yang tertulis, tetapi tradisi yang berkembang dalam tradisi

lisan yang menganggap karya itu sebagai kepunyaan dan tanggungjawab bersama tetap dipertahankan. Sememangnya dari satu sudut yang melibatkan penyalinan manuskrip Melayu, peranan yang dimainkan oleh penyalin bertindan lapis dengan peranan pengarang asal.

Dalam menghadapi situasi yang demikian, tanpa menyedari peranan yang dimainkan oleh penyalin dalam penyebaran dan penerusan manuskrip Melayu, pengkaji terus menyangka penyalin itulah pengarangnya. Terdapat pula di kalangan para sarjana yang baru berjinak-jinak meneliti *Sejarah Melayu*, jelas tanpa persediaan yang diperlukan, menuduh bagaimana dalam mukadimah itu, Tun Sri Lanang menentang arus konvensi zamannya, dengan kekok dan malu-malu, lalu mencatat nama dan keturunannya sendiri! Pada hal, Tun Sri Lanang tidak bertindak demikian. Ada kalanya keterlaluan lain pula yang berlaku. Pengarang asal, seperti Tun Sri Lanang, yang berhak diterima sebagai pengarang *Sejarah Melayu* disingkirkan kerana dia dianggap sebagai penyalin biasa. Tetapi adakah Tun Sri Lanang hanya seorang penyalin biasa?

Penulisan *Sejarah Melayu*

Akhirnya T. Iskandar (1995) membuat kesimpulan berdasarkan pelbagai versi *Sejarah Melayu* dan maklumat-maklumat yang diperolehi dari *Bustanus-Salatin* dan lain-lain. T. Iskandar berpendapat *Sejarah Melayu* dalam bentuk *hikayat Melayu* telah wujud sebelum Melaka dikalahkan oleh Portugis pada tahun 1511, dan bukan merupakan hasil penulisan seorang pengarang tunggal.

Tradisi penulisan seperti ini sudah menjadi amalan di kuil-kuil Buddha di Sri Lanka pada zaman awal yang meneruskan tradisi penulisan secara bersambung-sambung, oleh para sami dari generasi ke generasi, untuk mengekalkan penulisan manuskrip *Mahavamsa*.

Menurut Noorduyn, raja-raja yang memerintah di Sulawesi terus mempastikan catatan dibuat dalam buku khas apabila berlaku sesuatu peristiwa penting di istana dan dalam negeri, seperti kelahiran, kematian, pertabalan seorang raja, negeri diserang, negeri menang dalam peperangan dan sebagainya. Akhirnya terbentuklah sebuah buku catatan yang meliputi masa yang sangat lama yang tidak ternilai harganya dari segi sejarah (Noorduyn, 1965).

Zoetmulder juga melukiskan perlakuan yang sama di kalangan sami-sami yang tinggal di kuil-kuil Hindu di Bali

(Zoetmulder, 1989). Ini menunjukkan bahawa pencatatan *hikayat Melayu* secara bersambung-sambung oleh pencatat yang berbeza bukanlah sesuatu yang mustahil.

Cadangan bahawa *hikayat Melayu* telah wujud sebelum tahun 1511 dan disambung pengarangan atau penulisannya oleh beberapa orang pengarang atau pencatat bukanlah juga tanpa alasan yang terdapat dalam tradisi penulisan Melayu sendiri. Dalam *Sejarah Melayu* dinyatakan bahawa Sultan Muzaffar Syah (1444-1458) telah memerintahkan supaya segala perundangan dan peraturan yang menjadi amalan masyarakat di Melaka pada masa itu diperturunkan ke dalam bentuk tulisan. "... *dan bagindalah menyuruhkan membuat kitab undang-undang supaya jangan bersalahan lagi segala hukum menteri.*" (A. Samad Ahmad, 1986: 86-7).

Penyebutan tentang hal yang sama tetapi lebih terperinci terdapat dalam *Undang-Undang Melaka* yang menyebutkan bahawa undang-undang tersebut telahpun wujud semenjak zaman Sultan Muhammad (ditulis *Mahmud)* Syah - (... *ialah raja yang pertama masuk agama Islam dan meletakkan adat perintah raja-raja dan perintah segala orang besar-besar dan meletakkan hukum dan perintah negeri* ..." (Liaw Yock Fang, 1982: 64).

Maklumat ini membuktikan bahawa perundangan-perundangan itu telahpun wujud semenjak zaman raja yang pertama memeluk agama Islam, iaitu Sultan Muhammad Syah. Menurut *Sejarah Melayu* perundangan itu pertama kali diperturunkan ke dalam bentuk tertulis dalam zaman pemerintahan Sultan Muzaffar Syah. Ada kemungkinan teks tersebut disalin, ditambah, dan diperlengkapkan selepas itu, dari semasa ke semasa, dalam zaman sultan-sultan terkemudian, walaupun perkara itu tidak disebutkan lagi dalam hikayat tersebut.

Tanpa menyebut bukti-bukti lain yang juga wujud, kita dapat membuat kesimpulan bahawa tradisi penulisan yang melahirkan "sastera perundangan" itu pasti telah menebarkan pengaruhnya ke atas penglahiran atau penulisan apa yang disebut kemudian sebagai *hikayat Melayu.* Besar kemungkinan *hikayat Melayu* tercipta mulanya dalam bentuk lisan dan dikekalkan dalam ingatan orang-orang tertentu dalam masyarakat beberapa lama sebelum dipindahkan ke bentuk tertulis. Wajar sekali disimpulkan bahawa apabila "sastera perundangan" dipindahkan dari bentuk lisan ke bentuk tulisan, *hikayat Melayu* juga ikut diserahkan kepada pujangga istana untuk diabadikan dalam bentuk tersurat.

Dengan demikian tidaklah aneh bahawa bahagian awal *hikayat Melayu* terdiri daripada cerita-cerita berunsur tradisi lisan, terutama tentang asal usul keturunan raja, pembukaan negeri, kisah kedatangan Islam dan beberapa kisah lain. Bahagian ini meliputi suatu zaman yang sangat jauh ke belakang ke dalam "sejarah" dan kekuatan kewujudannya lebih bergantung kepada kepercayaan yang sukar dibuktikan kebenarannya secara objektif (Hill, 1960).

Walaupun Winstedt membuat beberapa kesimpulan yang meragukan tentang beberapa hal yang berkaitan dengan *Sejarah Melayu*, kita harus mengakui kebenarannya apabila dia mencadangkan bahawa isi dasar atau inti *Sejarah Melayu* telah dikarang di Melaka. Ini termasuklah bahagian-bahagian awal hikayat tersebut yang penuh dengan mitos dan legenda.

Walaupun hikayat itu disambung tulis oleh pujangga-pujangga istana sebelum 1511, tulisan mereka mungkin ada yang tidak selengkap dan sesempurna karangan Tun Sri Lanang. Penulis atau pencatat sebelum Tun Sri Lanang menumpukan perhatian kepada keadaan dan situasi semasa masing-masing hingga kita temui pengisahan yang berbeza panjang pendeknya.

Keadaan cerita dan pengisahan bab-bab tertentu dan penyebutan beberapa hal seperti nama-nama tokoh, peristiwa-peristiwa yang istimewa atau aneh, ragam seseorang tokoh dan sebagainya membayangkan bahawa pengarang mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang alam sekelilingnya dan juga merupakan seorang yang tajam pemerhatiannya. Penyebutan hal-hal ini telah dibuat oleh pencatat terdahulu tetapi dengan merujuk kepada orang-orang tua yang masih ingat akan peristiwa-peristiwa itu, cerita itu diperindahkan oleh Tun Sri Lanang.

T. Iskandar malah menyenaraikan beberapa bab yang dianggapnya tidak mungkin terkarang dalam zaman pemerintahan Melaka, tetapi telah dikarang lebih awal dalam zaman Singapura ataupun kemudian dalam zaman kerajaan Johor. Unsur-unsur interteks seperti penyebutan kisah-kisah yang terdapat dalam *Hikayat Iskandar* dan *Hikayat Raja-Raja Pasai* mungkin dimasukkan oleh Tun Sri Lanang pada tahun 1612. Pengisahan yang membawa kepada penyebutan *Hikayat Amir Hamzah* dan *Hikayat Muhammad Hanafiah* menunjukkan bahawa beberapa bab terakhir ditulis oleh seorang yang hidup pada masa Portugis menyerang Melaka, menyaksikan kejatuhan Melaka dan menulis berdasarkan pemerhatian dan sesuatu yang dialaminya sendiri (T. Iskandar: 210-11).

Cerita tentang Sultan Mansur Syah dan Sultan Mahmud Syah dalam *hikayat Melayu* mungkin tidak seperti yang kita baca sekarang kerana telah ditambah oleh pengarang selepas tahun 1612. Sultan Mansur Syah dilegendakan menerusi kisah perkahwinannya dengan puteri Jawa dan puteri Pahang dan kisah para pembesar dan hamba-hambanya yang setia oleh pencatat asal dan diperelokkan oleh Tun Sri Lanang. Tetapi pemindahan peristiwa peminangan Puteri Gunung Ledang dari Sultan Mahmud Syah kepada Sultan Mansur Syah (dalam beberapa versi hikayat ini) pasti akibat kerja seorang penyalin yang terbawa-bawa dengan kebebasan tradisi penyalinan, mungkin selepas Tun Sri Lanang menyelesaikan kerja pengeditannya. Pernah dicadangkan oleh seorang sarjana bahawa pemindahan itu dilakukan oleh seorang penyalin yang sangat mengkagumi Sultan Mansur Syah, dan berharap peristiwa itu akan menaikkan lagi citra sultan itu tetapi tidak disedarinya bahawa interpretasi peristiwa peminangan itu sebaliknya menjatuhkan citra sultan tersebut. Begitu juga dengan bertukarnya Hang Jebat dengan Hang Kasturi sebagai orang yang bertarung dengan Laksamana Hang Tuah, dalam beberapa versi *Sejarah Melayu.*

Suatu perkara yang sering diperbincangkan ialah bagaimanakah pengarang *Sejarah Melayu* begitu berani mengkritik dan menyindir raja-raja, sejak dari awal cerita hingga ke akhirnya, pada hal dia mengarang atas perintah rajanya. Peristiwa todak menyerang Singapura, sindiran tentang kedudukan raja dari segi agama Islam, gelagat para pembesar pada masa-masa tertentu, dan dalam hubungan mereka dengan orang luar, peristiwa peminangan Puteri Gunung Ledang, pembunuhan Bendahara Seri Maharaja dan ahli-ahli keluarganya, perhubungan antara Sultan Mahmud Syah dengan isterinya Tun Fatimah dan puteranya, Sultan Ahmad dan sebagainya mengandungi sindiran penuh pengajaran dan teladan.

Dengan fakta yang disediakan oleh pencatat sebelumnya, Tun Sri Lanang memperlihatkan kepengarangannya apabila melukiskan peristiwa pembunuhan Bendahara Seri Maharaja dan keluarganya dengan perasaan yang bercampur aduk, antara marah, kesal dan setia pada takdir dan aturan alam. Yang memungkinkan penulisan itu dibuat demikian ialah penulisan itu, sama ada oleh pencatat sebelum 1511 atau oleh Tun Sri Lanang sendiri, dibuat selepas zaman sultan yang dikritik pentadbirannya.

Ternyata masa sebaik-baiknya penyambungan penulisan sejarah itu dilakukan ialah apabila seseorang raja baru menaiki

takhta menggantikan ayahandanya. Penulis diperintah mencatat tentang pemerintahan almarhum yang baru mangkat itu dan mungkin dengan mudah dia dapat memandang ke belakang dengan pandangan yang kritis. Sekiranya yang ditulisnya terlalu tajam dan kasar, tentulah Tun Sri Lanang mengubahkannya supaya sesuai dengan nada seluruh penulisan itu. Di sini sekali lagi ditegaskan, seperti yang dicadangkan oleh Ras, bahawa penulisan sesebuah pensejarahan Melayu tradisional tidak diselesaikan pada sekali duduk tetapi ditulis setahap demi setahap, dimulakan oleh pencatat terdahulu dan disambung oleh pencatat terkemudian (Ras, 1968).

Namun demikian, ini tidak bererti Tun Sri Lanang boleh menggunakan penanya sewenang-wenangnya. Keagungan pengarang ini terletak pada kewibawaan dan kepengarangannya yang tinggi dan murni, yang membuat dia menyatakan pendapatnya dengan bijak dan saksama. Sebagai seorang yang ditugaskan memperbaiki *hikayat Melayu* itu, Tun Sri Lanang telah memberi perhatiannya dari awal hikayat hingga ke akhirnya. Hikayat ini memperlihatkan bagaimana dia mengimbangi tugasnya terhadap raja dan khalayaknya yang terdiri daripada golongan rakyat, yang sama mengetahui perjalanan sejarah. Sambil itu dia tetap patuh kepada tradisi dan konvensi yang menjadi amalan seluruh masyarakatnya.

Kenyataan bahawa selepas Tun Sri Lanang menyempurnakan teks *Sejarah Melayu*, hikayat itu dikemaskinikan oleh penyalin atau penyalin-penyalin lain ialah kewujudan beberapa versi panjang penulisan sejarah itu. Antara versi-versi panjangnya ialah manuskrip W188 dan W190 yang tersimpan di Jakarta, dalam koleksi von de Wall, yang penceritaannya dilanjutkan hingga ke peristiwa Johor diserang dan dikalahkan oleh angkatan Jambi pada tahun 1673. Versi panjang juga menerangkan asal usul Hang Tuah, persoalan siapa yang sebenarnya yang bertarung dengan Hang Tuah: Hang Jebat atau Hang Kasturi, dan beberapa hal lain yang tidak ditemui dalam versi pendek. Perbezaan antara versi pendek dan versi panjang dibincangkan dengan terperinci, antaranya, oleh Winstedt (1938), Voorhoeve (1952), T. Iskandar (1964 & 1995), Roolvink (1965 & 1967), dan Liaw Yock Fang (1975).

Sejarah Melayu memberikan tempat yang paling panjang untuk menceritakan zaman Melaka (193 halaman) sementara zaman Singapura di bahagian awal hanya dikemukakan dalam 22 halaman, dan zaman Johor mengambil 25 halaman (T. Iskandar: 210). Secara langsung dapat disimpulkan bahawa zaman Melaka, bukan sahaja zaman paling panjang, tenteram,

hendak diperkatakan dalam penulisan ini. Tidak dapat dinafikan bahawa zaman Singapura dan zaman Johor ialah zaman permulaan dan pengakhiran yang ditandai oleh kekalahan, serang menyerang, pindah-randah dan pergolakan-pergolakan yang dahsyat. Ternyata juga bahawa zaman Singapura atau sebelumnya adalah zaman sebelum pengarang sementara zaman Johor pula merupakan zaman selepas pengarang. Bahagian zaman Singapura dan sebelumnya ditulis oleh pengarang yang mula-mula diperintahkan menuliskan *hikayat Melayu* dari bentuk lisan, manakala bahagian zaman Johor ditulis pendek dan ringkas oleh seorang pengarang dari Johor sebagai pelengkap cerita keseluruhannya.

Pendapat Winstedt yang menyatakan *Sejarah Melayu*, Ms. Raffles 18 dikarang pada tahun 1535 mengandungi kebenaran dan kesalahan. Winstedt benar kerana menyatakan *Sejarah Melayu*, tidak kira di bawah judul apapun, telah ada sebelum 1612, malah sudah wujud sebelum 1511. Tetapi beliau keliru apabila menyatakan *Sejarah Melayu*, Ms. Raffles 18 itu telah tertulis pada tahun 1535, semata-mata kerana peristiwa terakhir yang disebut dalam naskhah itu (pembunuhan pengikut Sultan Ahmad yang setia iaitu Tun Ali Hati) dianggarkan berlaku pada tahun tersebut. Penyalinan manuskrip tersebut terhenti di situ di tengah-tengah kalimat kerana ketidaksempurnaan teks sumbernya. Suatu lagi versi pendek yang berakhir demikian ialah versi Abdullah yang mungkin disalin dari versi sumber yang sama.

Kita harus sedar bahawa dokumen yang dianggap sebagai *hikayat Melayu* ini mungkin merupakan suatu senarai catatan biasa tetapi hampir menyerupai "rangka hikayat" yang mengandungi catatan-catatan ringkas gambaran jurai keturunan dan asal usul raja-raja Melayu yang menubuhkan dinasti Melaka. Dokumen atau buku catatan ini dipercayai telah diberikan salinannya kepada seseorang putera raja yang dirajakan di sesebuah negeri baru. Sebagai dokumen pengabsahan kuasa dan keturunan raja, tentulah penulisannya ringkas dan mengandungi maklumat-maklumat terpenting sahaja.

Pada tahap ini wajar dimaklumkan bahawa Roolvink (1967) dalam penyelidikannya telah berpeluang menatap suatu naskhah berjudul *Cerita Asal Raja-Raja Melayu Punya Keturunan* (Cod. Or. 3199(3) iv) yang dikatakannya adalah suatu "terjemahan" daripada *Sulalatus Salatin*. Roolvink juga berpendapat bahawa naskhah asal yang mengandungi senarai jurai keturunan raja-raja Melayu inilah yang dikemas kini, diperbaiki dan diberi isi yang lebih lengkap oleh Tun Sri Lanang. Dengan itu manuskrip ini mungkin merupakan suatu lagi versi *hikayal Melayu*.

Kita mendapat banyak manfaat daripada penelitian Roolvink tentang *Sejarah Melayu*. Beliau telah meneliti tulisan-tulisan Petrus van der Vorm (1700) dan Francois Valentijn (1726) dan membuat kesimpulan bahawa naskhah *Sejarah Melayu* yang sampai ke tangan mereka ialah naskhah asal yang mencatatkan *"suatu ringkasan sejarah orang Melayu dari satu daftar salasilah yang mencatat tarikh seorang raja naik takhta dan lama kerajaannya."* (Liaw Yock Fang, 1991: 93). Valentijn juga menyatakan ada dalam miliknya naskhah yang mungkin serupa iaitu *"sebuah kitab yang berjudul Soelalet Essalatina"* (Liaw Yock Fang, 1991: 93).

Walau bagaimanapun bentuknya *hikayat Melayu* itu, tentulah tugas yang diberikan kepada Tun Sri Lanang bukan suatu tugas yang kecil dan mudah dilaksanakan. Tugas itu memerlukan seseorang yang bukan sahaja tinggi pengetahuan tentang bahasa, peraturan dan adat istiadat Melayu, tetapi juga seorang yang mahir tentang selok belok kehidupan dalam lingkungan istana dan orang-orang yang berpengaruh. Memang pada tahun 1612 itu, tiada pembesar lain yang lebih tinggi kebolehan dan kewibawaannya daripada Tun Sri Lanang sendiri.

Bahagian akhir *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)* secara tidak langsung memperlihatkan kehandalan Bendahara Paduka Raja Tun Sri Lanang menangani masalah yang dihadapinya selepas kemangkatan Sultan Ala Jalla Abdul Jalil Syah. Raja Abdullah yang diwasiatkan untuk dijadikan raja enggan ditabalkan dan meminta Bendahara menabalkan kekandanya Raja Mansur. Sungguhpun Raja Mansur menjadi raja dan memakai gelaran Sultan Alauddin Riayat Syah, baginda meninggalkan segala urusan negeri kepada Bendahara Paduka Raja. Akhirnya Tun Sri Lanang terpaksa berulang alik berunding dengan Raja Abdullah. Atas sebab inilah, Raja Abdullah mengetahui tentang *hikayat Melayu* dan memilih Tun Sri Lanang sebagai orang yang wajar memperbaiki karangannya.

Seseorang yang membaca *Sejarah Melayu* tidak dapat tidak akan terpegun dan tertawan dengan keindahan dan kesempurnaan gaya bahasanya, keterampilan dan kehalusan budi dan kemurnian pemikiran yang disampaikan, ketinggian ilmu dan keteraturan adabnya. Seawal tahun 1726, Francois Valentijn telah menyenaraikan *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)* di samping *Hikayat Hang Tuah* dan *Bustanus Salatin* sebagai naskhah-naskhah Melayu yang mesti dibaca oleh orang Barat yang datang ke daerah Nusantara ini. Pada tahun 1736, G. H. Werndly menyebut tentang kedua-dua teks *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah (yang* sebenarnya dicampur-adukkannya)

dengan puji-pujian yang tinggi hingga menimbulkan kemarahan John Crawfurd (Teeuw, 1964: 101-l9). Anehnya, Crawfurd bertelagah dengan Valentijn dan Werndly atas dasar-dasar yang berbeza. Valentijn dan Werndly memperkatakan tentang *Sejarah Melayu* sebagai hasil sastera yang terindah dan tertinggi nilai bahasa dan penciptaannya. Crawfurd pula melihat karya itu sebagai hasil penulisan sejarah dari kaca mata zamannya dan berasa kecewa apabila gagal menemui sesuatu fakta sejarah yang diharapkannya (Siti Hawa Haji Salleh, 1994: 164).

Jelas Tun Sri Lanang telah berjaya menjalankan tugasnya sebagai **pengarang** *Sejarah Melayu* sebaik-baiknya hingga tulisannya terus menjadi bahan perbincangan hingga berabad-abad kemudian. Kepengarangan Tun Sri Lanang terserlah dalam keseluruhan penulisan hikayat tersebut. Tidak dapat dinafikan bahawa yang menjadikan karya ini sebuah karya yang agung ialah segala unsur yang mengindahkan hikayat itu daripada segi gaya bahasa persuratannya, kemasukan unsur kebijaksanaan dan kelucuan, unsur sindiran dan perlambangan, peribahasa dan perbidalan, pantun, seloka dan gurindam, baik dalam bahasa Melayu mahupun dalam bahasa Arab, Jawa dan lain-lain, ketegangan, strategi, daya muslihat, ketajaman pemerhatian, perbandingan dan berbagai-bagai lagi, yang digemblengkan dengan konsep sejarah masyarakat Melayu tradisional.

Tun Sri Lanang Pengarang *Sejarah Melayu*

Pada masa menjalankan tugas memperbaiki *hikayat Melayu*, Tun Sri Lanang mengisi peranan itu dari pelbagai sudut. Dia berperanan lebih daripada seorang "penyalin biasa"; dia menjadi seorang penyemak fakta; pengabsah (kedua-duanya dengan merujuk pada orang tua-tua yang masih ingat akan ketepatan sesuatu peristiwa atau sebagainya); ahli bahasa; perunding tentang adat istiadat, kepercayaan dan sebagainya; dan lain-lain lagi. Akhirnya dialah yang menyelaraskan gaya bahasa keseluruhan teks yang dahulunya ditulis dalam gaya tersendiri setiap pencatat.

Naskhah yang diserahkan kepadanya, *hikayat Melayu*, yang kemudian diberi nama *Sulalatus Salatin* bukan suatu naskhah *belles-lettres* atau hikayat hiburan semata-mata. Naskhah *hikayat Melayu* yang ditugaskan kepada Tun Sri Lanang untuk diperbaiki, oleh Raja Abdullah, ialah naskhah yang mengandungi sejarah peradaban Melayu seluruhnya. Raja Abdullah mengetahui betapa pentingnya naskhah tersebut diserahkan kepada seorang yang bertanggungjawab untuk melaksanakannya. Ketepatan pemilihan

itu terbukti menerusi keunggulan *Sejarah Melayu* hingga ke hari ini.

Kepengarangan Tun Sri Lanang terserlah apabila *hikayat Melayu* berubah bentuk dan penyampaiannya menjadi *Sulalatus Salatin* atau *Sejarah Melayu* yang tiada tolok bandingnya. Begitu yakin Tun Sri Lanang akan kesempurnaan karyanya hingga dia menyatakan:

> ... maka fakir karanglah hikayat ini, kama sami'tuhu min jaddi wa abi, supaya akan menyukakan duli hadrat baginda. Maka fakir namai hikayat ini **Sulalatus Salatin**, yakni pertuturan segala raja-raja, hazihi durratul-akhbar, wal amsal, inilah mutiara segala ceritera dan cahaya segala peri umpamanya ...
>
> (A. Samad Ahmad, 1986:3)

Dengan sendirinya, kebenaran yang proses pengarangan *Sejarah Melayu* diteruskan dan diselesaikan di Aceh oleh Tun Sri Lanang terkandung dalam judul *Sulalatus Salatin* yang dicipta oleh pengarang bagi menggantikan *hikayat Melayu*. Judul ini mencerminkan pengaruh perkembangan yang berlaku di Aceh pada masa itu dengan adanya karangan-karangan lain seperti *Bustanus Salatin* dan *Tajus Salatin*. Diterangkannya makna *Sulalatus Salatin* ialah *pertuturan-pertuturan raja-raja* iaitu **keturunan raja-raja atau jurai kekeluargaan raja-raja** (Roolvink, 1967). Memang itulah judul yang tepat bagi hikayat tersebut.

Dalam petikan di atas kita lihat Tun Sri Lanang membuat pengakuan bahawa dialah yang **mengarang** *Sejarah Melayu* dan menamakannva *Sulalatus Salatin*. Dalam perbincangan di atas telah dikemukakan sifat tradisi penulisan Melayu zaman dahulu yang banyak melibatkan kerja-kerja penyalinan, pengubahsuaian, menyemak, memperbaiki, membetulkan dan memperindah dan lain-lain lagi yang difikirkan wajar. Inilah yang dilaksanakan oleh Tun Sri Lanang ke atas *hikayat Melayu* yang diberikan kepadanya hingga akhirnya **terciptalah** suatu karangan yang tiada cacat celanya. Kita dapati hikayat itu dalam keadaan yang paling sempurna, baik dari segi jalinan dan susur galur ceritanya, susunan dan urutan bab-babnya, mahupun dari segi keindahan dan kesempurnaan bahasa, sastera dan pemikirannya. Di tangan Tun Sri Lananglah, maka *hikayat Melayu* berubah daripada suatu rangka hikayat dengan catatan-catatan dan penceritaan yang tidak baku, menjadi sebuah karya sempurna, baku dari segala sudut isinya dan menjadi sebuah bacaan yang indah. Kerana naskhah yang diberikan kepadanya demikian, maka Tun Sri

Lanang menjalankan tugasnya lebih daripada seorang penyalin naskhah Melayu biasa hingga berhak dan layak disebut sebagai **pengarang** dengan kedudukannya yang khas. Apa yang dilaksanakannya ke atas *hikayat Melayu* bukanlah sekadar mempastikan kesinambungan kehadirannya, tetapi juga mempastikan hikayat itu terus wujud dalam bentuk yang terunggul dan kekal hingga ke akhir zaman.

Dalam hal *hikayat Melayu* yang kemudian dinamai *Sulalatus Salatin* dan kemudian lebih terkenal sebagai *Sejarah Melayu*, kepentingan dan signifikan naskhah tersebut terbayang dalam pemilihan orang yang diserahkan tugas untuk **mengarangnya.** Orang yang dipilih ialah orang yang dianggap faham akan segala hal ehwal dalam istana, tahu menjaga kepentingan raja dan nenek moyangnya, mengerti tentang agama, adat istiadat dan nilai-nilai yang dipertahankan, dan sedar akan perjalanan sejarah tamadun bangsanya.

Wilkinson pernah menyatakan bahawa tidak ada gunanya seorang bendahara seperti Tun Sri Lanang menumpukan perhatiannya kepada mengarang *Sejarah Melayu*. Lebih baik masanya dialihkan kepada tugas-tugas pentadbiran seperti yang diharapkan dilakukan oleh seorang menteri. Tetapi itu hanya tepat apabila negeri berada dalam keamanan; sedangkan pada masa itu, sultan terakhir dari keturunan Melaka di Johor bukan sahaja diserang oleh Portugis, tetapi juga oleh Aceh (1613) dan seterusnya Jambi (1673). Pada masa berada di Aceh Tun Sri Lanang bebas daripada tugas-tugas mentadbir negeri dan dapat menumpukan perhatiannya kepada **mengarang** *Sejarah Melayu*.

Pengakuan yang paling penting, selain pengakuan Tun Sri Lanang sendiri, tentang hak **kepengarangannya** ke atas *Sejarah Melayu* termaktub dalam nukilan yang dibuat oleh Syeikh Nuruddin al-Raniri, yang pasti tidak dapat dipertikaikan lagi kebenarannya.

> Fasal yang kedua belas pada menyatakan tawarikh segala raja-raja yang kerajaan di negeri Melaka dan Pahang. Kata Bendahara Paduka Raja yang mengarang kitab masirat Sulalat al-Salatin, ia menengar daripada bapanya, ia menengar daripada neneknya dan datuknya. Tatkala pada Hijrah al-Nabi sallallahu 'alaihi wa sallam duapuluh esa pada bulan Rabiu'l-awal pada hari Ahad, ia mengarang hikayat pada menyatakan segala raja-raja yang kerajaan di negeri Melaka, Johor dan Pahang, dan menyatakan bangsa dan salasilah mereka itu daripada Sultan Iskandar Zulkarnain...
>
> (T. Iskandar, 1966:53)

Dalam kajiannya semasa mengedit *Sulalatus Salatin Sejarah Melayu), A.* Samad Ahmad menyanggah beberapa pendapat yang dikemukakan oleh Winstedt, Blagden, Shellabear dan lain-lain. Diperlihatkan betapa kesilapan-kesilapan berlaku kerana para sarjana tersebut telah tersalah baca perkataan-perkataan tertentu dalam tulisan Jawi seperti:

> *makuta* disebut *megat .. pertuturan .. peraturan .. kelengkangan .. kelengkapan dewasa itu .. Dewa Sait* dan lain-lain lagi.

A. Samad Ahmad juga membincangkan tentang keengganan para sarjana itu menerima kenyataan bahawa Tun Sri Lanang ialah **pengarang** *Sulalatus Salatin* atau *Sejarah Melayu* yang sebenarnya. A. Samad Ahmad mengemukakan hujah -hujah yang selari dengan yang telah dikemukakan oleh Roolvink dan T. Iskandar, yang ditambah dengan pelbagai bukti yang diperolehi dari perbandingan ketiga-tiga versi *Sejarah Melayu* yang digunakannya untuk menyelenggarakan *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu) (1979).* Dengan mengemukakan bukti-bukti yang jelas, A. Samad Ahmad membangkang cadangan yang naskhah *hikayat Melayu* telah dibawa dari Goa, India, mahupun dari Gua Sai, Pahang. Suatu perkara penting yang diberi perhatian oleh penyelidik ini ialah kedudukan Sultan Abdullah Maayat Syah sebagai sultan yang memerintahkan supaya naskhah *hikaya-Melayu* itu diperkemaskan, dan bukan kakandanya Sultan Alauddin Riayat Syah yang telah berangkat ke Aceh.

Mukadimah *Sejarah Melayu* yang menyebut nama Sultan Abdullah Maayat Syah serta nama Tun Bambang (yang banyak menimbulkan masalah kepada Winstedt), ialah naskhah Ms. Raffles 18 yang diterbitkan oleh Winstedt (1938). A. Samad Ahmad memberi pendapatnya bersetuju bahawa perintah mengarang *hikayat Melayu* kepada Tun Sri Lanang datangnya daripada Sultan Abdullah Maayat Syah, walaupun Tun Sri Lanang menyatakan masa itu *"zaman kerajaan Seri Sultan Alauddin Riayat Syah zillullahi fi'l'alam"* (A. Samad Ahmad, 1986:3). Siapa yang memberi perintah itu tidak penting tetapi mengelirukan sekiranya tidak dijelaskan.

Apabila Sultan Ala Jalla Abdul Jalil Riayat Syah mangkat, timbul masalah tentang penggantinya kerana raja yang diwasiatkan iaitu Raja Abdullah enggan menaiki takhta. Kekandanya, Raja Mansur ditabalkan sebagai Sultan Alauddin Riayat Syah tetapi sultan ini tidak begitu berminat mentadbir negeri. Bendahara Paduka Raja Tun Sri Lanang terpaksa

menyerahkan perintah kerajaan kepada Raja Abdullah, yang digelar Raja Seberang (kerana istananya di seberang Pangkalan Rama) dan juga sebagai Raja Di Hilir. Menurut A. Samad Ahmad, Raja Abdullah dilantik sebagai sultan Johor dengan gelaran Sultan Abdullah Maayah Syah (1613-1623) setelah Sultan Alauddin Riayat Syah mangkat dan dibenarkan pulang ke Johor (A. Samad Ahmad, 1986: 328-9).

Beberapa kemungkinan dapat dikemukakan tentang perkaitan Raja Abdullah atau Sultan Abdullah Maayah Syah dengan penciptaan *Sejarah Melayu.*

1. Mungkin benar Raja Abdullah (semasa di Johor, sebelum ikut dibuang ke Aceh) meminta Bendahara Paduka Raja Tun Sri Lanang menangani *hikayat Melayu* itu. *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)* menyatakan Raja Mansur yang menjadi sultan dengan gelaran Sultan Alauddin Riayat Syah, tidak menumpukan perhatian kepada soal-soal kenegaraan. Memang sesuai perintah untuk mengarang hikayat itu datangnya daripada Raja Abdullah yang lebih berminat terhadap masalah-masalah kerajaan.

2. Bendahara Paduka Raja mengambil masa beberapa tahun untuk menyelesaikan penulisan hikayat itu tetapi selesai penulisannya semasa hayat Sultan Alauddin Riayat Syah.

   Naskhah B yang digunakan oleh A. Samad Ahmad, DBP Ms 86, mengakhiri ceritanya di Johor, sebelum Sultan Alauddin Riayat Syah dibawa ke Aceh. Ini bermakna bahawa bahagian mukadimah asal hanya menyebut nama Raja Abdullah dan namanya sebagai Sultan Abdullah Maayah Syah dimasukkan kemudian oleh penyalin yang mengetahui perkembangan sebenarnya.

3. Seperti yang dicadangkan oleh A. Samad Ahmad, *hikayat Melayu* mula dikarang semasa hayat Sultan Alauddin Riayat Syah tetapi hanya selesai dikarang pada zaman Sultan Abdullah Maayah Syah, di Johor (A. Samad Ahmad, 1986:329).

Pendapat ini disanggah oleh T. Iskandar (1995) yang lebih pasti penulisan *Sulalatus Salatin* dimulai di Johor dan

diselesaikan di Aceh, ketika Sultan Alauddin Riayat Syah masih hidup.

Kesimpulan

Dalam bahagian **Pendahuluan** kertas kerja ini saya merujuk teori resepsi yang berasal dari Barat kerana tajuk perbincangan mempunyai kaitan yang erat dengan pengarang, karya atau teks dan khalayak/audiens sastera Melayu tradisional. Dalam perbincangan selanjutnya saya membuktikan bahawa penciptaan atau penglahiran serta penerusan kewujudan *Sejarah Melayu* di tengah-tengah masyarakat Melayu bukanlah hasil kerja seseorang individu tertentu. Sesungguhnya *Sejarah Melayu* lahir melalui penggemblengan tenaga dan pemikiran seluruh masyarakat Melayu dari zaman pratulisan hinggalah ke zaman pascamoden ini.

Dengan penggemblengan seluruh masyarakat di atas dalam melahirkan *Sejarah Melayu*, seolah-olah tidak wujud unsur individualiti seperti yang terdapat dalam sastera Barat seperti yang dicadangkan oleh Foucault (1984). Tetapi tidak demikian halnya dengan pengarangan *Sejarah Melayu* kerana sentuhan kepengarangan Tun Sri Lanang ke atasnya adalah manifestasi bakat perseorangan atau unsur individualiti. Sebenarnya pengarangan *Sejarah Melayu* adalah hasil kombinasi kedua-dua unsur kebersamaan atau penyatuan dengan unsur keindividualan yang ideal.

Biarpun terdapat orang yang mengatakan Tun Sri Lanang tidak lebih dari seorang "compiler" atau penyusun, apa yang dilakukannya selari dengan apa yang dirumuskan oleh Wilkinson (1907) ketika ia menerangkan makna **konsep karangan atau kepengarangan** yang kita bincangkan sekarang.

> *A Malay defines literary composition to be a "stringing together" (karangan) of beautiful words and sayings; he describes a story as a necklace of pearls or a crown of diamonds or a garland of flowers or an ordered garden full of ponds and parterres. He does not consider the parts of a story to be mere accessories to the story as a whole; they are the pearls, while the narrative is the necessary thread.*
>
> (Wilkinson, 1907:5)

Pada tahun 1934, Za'ba menerbitkan buku *Ilmu Mengarang Melayu* dan memberi definisi yang teliti tentang **mengarang.** Antara lain katanya ialah:

> Menyusun perkataan hendak membuat satu-satu ayat inipun dinamakan mengarang juga; tetapi yang dikatakan "karangan" sebenar-benarnya ialah yang tersusun daripada beberapa ayat dengan betul.
>
> Perkataan "karang" itu terpakai pada barang apa yang berbunga-bunga dengan indah susunannya dan aturnya serta berpatutan cabang-cabangnya dan pecahan-pecahannya antara satu dengan satu, seperti batu karang di laut.
>
> Dari situ dibawa kepada pekerjaan menggubah bunga, atau mereka ukiran, atau membuat barang sesuatu yang cantik, dikeluarkan dari dalam hati sendiri serta baharu, yakni bukan meniru yang telah dibuat orang.
>
> Dari situ pula dipinjamlah dibawa kepada pekerjaan menyusunkan perkataan dengan susunan yang elok kerana menghalkan atau merupakan sesuatu fikiran hati atau sesuatu kisah cerita supaya dapat difahamkan oleh orang-orang lain apabila didengar atau dibaca mereka susunan itu.
>
> Perkataan-perkataan yang disusunkan beberapa lanjutnya demikian itu dinamakan "karangan". Maka itulah dia makna yang khas terletak pada perkataan **karang, mengarang, karangan** dan lain-lain pecahannya itu jika pada medan menggunakan bahasa dan surat menyurat.
>
> (Za'ba, 1961:1)

Dengan butir-butir permata dari Za'ba, tiada lagi kata-kata yang perlu saya ucapkan untuk mengabsahkan keagungan dan keutuhan kepengarangan Bendahara Paduka Raja Tun Sri Lanang.

Nota Hujung

1. Sungguhpun Tun Sri Lanang memberi nama hikayat yang dikarangnya itu *Sulalatus Salatin*, semua versi yang diedit atau diselenggarakan menggunakan judul *Sejarah Melayu* kecuali yang diusahakan oleh A. Samad Ahmad. Besar kemungkinan judul *Sejarah Melayu* digalakkan penggunaannya oleh pengkaji-pengkaji Barat yang tidak begitu menyukai judul dalam bahasa Arab. Penulis menggunakan ketiga-tiga judul *hikayat Melayu, Sulalatus Salatin* dan *Sejarah Melayu* sesuai dengan apa yang dibincangkan.

2. Hampir semua petikan, kecuali yang dinyatakan, diambil dari A. Samad Ahmad (pnyl.), 1986, *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur kerana edisi ini merupakan edisi terbaik pada masa ini.

3. Pada seluruh penulisan kertas kerja ini saya tuliskan ***hikayat Melayu*** demikian dengan *h* kecil. Saya berpendapat kata-kata itu tidak digunakan sebagai judul suatu hikayat tertentu.

Bibliografi

Abdul Samad Ahmad. 1986. *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu).* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Amin Sweeney. 1987. *A Full Hearing, Orality and Literacy in The Malay World.* Berkeley: University of California Press.

Barthes, R. 1977. "The Death of the Author" dlm. Heath, S. (trjh.). *Image, Music, Text.* New York: Hill & Wang.

Foucault, M. 1984. "What is an Author?" dlm. Rainbow, P. (Ed.). 1984. *Foucault Reader.* New York: Pantheon.

Hill. A. H. 1960. "Hikayat Raja-Raja Pasai. A Romanised Version of Raffles Ms. 67 together with an English Translation" dlm. *JMBRAS* 28:2.

Ismail Hussein. 1974. *The Study of Malay Traditional Literature with a Selected Bibliography.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Liaw Yock Fang. 1982. *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik.* Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.

Liaw Yock Fang. 1993. *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik 2.* Jakarta: Penerbit Erlangga.

Muhammad Yusoff Hashim. 1988. *Persejarahan Melayu Nusantara.* Kuala Lumpur: Teks Publishing Sdn. Bhd.

Noorduyn J. 1965. "Origins of South Celebes Historical Writing" dlm. Soedjatmoko dll. (Ed.). 1965. *An Introduction to Indonesian Historiography.* New York: Cornell University Press.

Ras, J. J. (ed.). 1968. *Hikajat Bandjar: A Study in Malay Historiography.* The Hague: M. Nijhoff.

Roolvink, R. 1967. "The Variant Versions of the Malay Annals", *BKI* 123, 301-324.

Sejarah A Melayu W180. Jakarta: Perpustakaan Museum Pusat.

Shellabear, W. G. (ed.). *1967. Sejarah Melayu.* Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Siti Hawa Haji Salleh. 1990. "Masalah Pengeditan Manuskrip Melayu" dlm. *Sebutir Pasir, Koleksi Esei Kesusasteraan Melayu Tradisional.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Siti Hawa Haji Salleh. 1994. *Kesusasteraan Melayu Abad Kesembilan Belas: Sejarah dan Sifatnya.* Disertasi Kedoktoran. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Situmorang, T. D. & Teeuw, A. (Ed.). 1958. *Sedjarah Melaju Menurut Terbitan Abdullah (Ibn Abdulkadir Munsji).* Jakarta: Penerbit Djambatan.

Sweeney, P. L. Amin. 1967. "Ihe Connection between the Hikayat Raja-Raja Pasai and the Sejarah Melayu" dlm. *JMBRAS 40.*

Teeuw, A. 1964. "Hikayat Raja-Raja Pasai dan Sejarah Melayu" dlm. Bastin, J. & Roolvink, R. (Ed.). *Malayan and Indonesian Studies.Essays Presented to Sir Richard Winstedt on his Eighty-Fifth Birthday.* London: Oxford Clarendon Press.

Teuku Iskandar. 1964. "Tun Sri Lanang, Pengarang Sejarah Melayu" dlm. *Dewan Bahasa* 8: 11,484-492.

Teuku Iskandar. 1966. *Bustanus-Salatin Bab II, Fasal 13.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Teuku Iskandar. 1995. *Kesusasteraan Klasik Melayu Sepanjang Abad.* Kuala Lumpur: Melindo Printers Sdn. Bhd.

Voorhoeve, P. 1964. "A Malay Scriptorium" dlm. Bastin, J. & Roolvink, R. (Ed.). 1964. *Malayan and Indonesian Studies. Essays Presented to Sir Richard Winstedt on his Eighty-Fifth Birthday.* London: Oxford Clarendon Press.

Wilkinson, R. J. 1907. *"Malay Literature, Part I. Romance. History. Poetry", Papers On Malay Subjects.* The Federated Malay States Government Press.

Winstedt, R.O. (ed.). 1938. *"Sejarah Melayu* Raffles Ms. 18", *JMBRAS* 16:3.

Za'ba. 1961. *Ilmu Mengarang Melayu.* Kuala Lumpur: Art printing Works:

Zalila Shariff dan Jamilah Haji Ahmad (peny.). *1992. Kesusasteraan Melayu Tradisional.* Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zoetmulder, P. J. 1989. *Kalangwa: Sastra Jawa Kuno Selayang Pandang.* Jakarta: Jambatan.

RAJA ALI HAJI DAN KEPENGARANGANNYA

MOHD POZI HAJI MASURORI

Dia tidak menonjolkan diri, dia bersinar
Dia tidak mengisahkan diri, dia terkenal
Dia tidak memuji diri, dia berjasa
Dia tidak memuliakan diri, dia terulung.

Demikian falsafah Tao memperlihatkan kepada kita kebijaksanaan dan bakat kepengarangan yang ada pada pengarang-pengarang karya Melayu tradisional. Mereka tunduk bagaikan rasmi padi, tidak meliar bagai rumput lalang. Karya-karyanya mencerap ide-ide alam keliling dengan gaya penulisan yang penuh persoalan dan kata-kata keindahan. Dalam doksologi, karya mereka menghubungkan diri dengan pencipta-Nya, dimulai rasa kesyukuran kepada Allah s.w.t., puji-puji kepada Nabi Muhammad, para anbiya' dan para penguasa pada zamannya.

Latar Diri Raja Ali Haji

Encik Hamidah binti Panglima Malik Selangor, isteri Raja Ahmad telah melahirkan seorang anak bernama Ali pada akhir tahun 1808 di Pulau Penyengat, Riau (Hasan Junus, 1988: 39). Nama Ali dalam runtunan peristiwa di Riau, memang banyak. Hal inilah kadangkala menimbulkan kekeliruan di kalangan khalayak dalam memahami secara kronologi mereka yang bernama Raja Ali. Selain Ali bin Raja Ahmad, terdapat nama Ali lain, iaitu Raja Ali ibni Daeng Kemboja atau Yang Dipertuan Muda Riau V (1784 - 1806). Raja Ali bin Ja'afar iaitu Yang Dipertuan Muda Riau VIII (1845-1857). Raja Ali Kelana atau Raja Haji Ali bin Ahmadi dan Raja Ali Pulau (ibid. 39).

Raja Ali bin Raja Ahmad (Raja Ali Haji) merupakan seorang tokoh agama, menguasai ilmu saraf, nahu, usuluddin, fiqh dan tasawuf. Berketurunan Daeng Bugis lima bersaudara yang berjaya dalam politik di Tanah Melayu dan sebahagian Sumatera di sekitar kurun ke-18 dan ke-19 masihi (T. Iskandar, 1964: 533). Datuknya iaitu Raja Haji ibni Daeng Celak adalah pahlawan besar yang memerangi kuasa-kuasa barat di rantau ini khususnya Belanda. Di bawah pimpinannya pasukan Riau menyerang angkatan Belanda dari Tanjung Pinang dan Teluk Keriting. Pada 13 Februari 1784, pasukan Riau mendarat di Teluk Ketapang. Sultan Mahmud yang menemuinya diminta menunggu di Muar. Akhirnya beliau gugur di medan perang pada 18 Jun 1784. (Hasan Junus, 1988: 33).

Ayahnya Raja Ahmad memainkan peranan penting dalam perkembangan politik Johor-Riau dan telah beberapa kali dikirim ke Betawi melakukan rundingan politik dengan Belanda. (T. Iskandar, 1987: 133). Rombongan dari Riau dipimpin oleh Said Sain al-Kudsi dan Raja Ahmad untuk berunding dengan Gubernur Jeneral Hindia Belanda. Keakraban hubungan antara Raja Ali Haji dengan saudara sepupunya Raja Ali ibni Raja Jaafar dapat menambahkan lagi peranan Raja Ali Haji dalam perjalanan urusan istana dan urusan politik di Riau. Setelah Yang Dipertuan Muda Riau Raja Ali ibni Jaafar digantikan oleh adiknya Raja Haji Abdullah Mursyid, kedua-dua saudara ini mengukuhkan lagi lembaga *Ahlul Halli wal Aqdil*, jentera pentadbiran kerajaan. Lembaga ini bersetuju agar Sultan yang diangkat menurut cara agama Islam agar segala pekerjaannya berkat. Pada tahun 1858 Raja Ali Haji dilantik untuk memegang segala pekerjaan hukum yang berkaitan dengan perundangan Islam.

Kegiatan keilmuan digalak dan disebarluaskan oleh Kerajaan Riau terutama di bawah pemerintahan Yang Dipertuan Muda Muhamad Yusuf al-Ahmadi yang merupakan anak didik Raja Ali Haji. Perpustakaan dan percetakan menjadi semakin penting pada zaman kerajaan ini. Beliau adalah pujangga yang berbakat dalam pelbagai bidang pada zamannya, pujangga yang mempunyai wawasan tersendiri untuk memperbaiki dan menyelamatkan masyarakatnya di dunia dan akhirat. (Abu Hassan Sham, 1993: 208). Seruannya yang dijelmakan dalam karya-karyanya itu menyarankan agar masyarakat atau bangsanya sentiasa bermuafakat, tidak fitnah memfitnah dan hukum syariat menjadi landasan bagi kehidupan di dunia ini.

Karya-karyanya merangkumi bidang keagamaan seperti *Syair Kitab al-Nikah* dan *Syair Hukum Faraid*. Manakala dalam bidang historiografi seperti *Tuhfat al-Nafis* dan *Silsilah Melayu*

dan *Bugis*; dalam bidang bahasa umpamannya *Bastan al- Katibin* dan *Kitab Pengetahuan Bahasa* dan dalam bidang perundangan seperti *Thamarat al-Muhimmah* dan *Muqaddimah Fi Intizam.* Manusia tunduk pada hukum alam yang telah ditentukan oleh Allah s.w.t. pada tahun 1870-an beliau kembali ke rahmatullah dengan meninggalkan sejumlah besar karya yang amat bernilai untuk tatapan, renungan, penelitian dan iktibar bagi generasi selepasnya. Sesungguhnya beliau amat berjasa kepada bangsanya dan kepada khalayak yang meminati khazanah sastera Melayu klasik.

Bakat Kepengarangan

Bakat kepengarangan beliau umumnya timbul daripada dirinya sendiri yang didorong oleh tugas kekeluargaan yang ditinggalkan sebagai warisan keturunannya. (Abdul Rahman Kasbon, 1970: 564). Namun yang perlu diingat juga ialah lingkungan masyarakat dan alam kehidupan yang ditempati beliau turut memperkukuh, memperteguh dan memperkaya bakat kepengarangannya. Pada zaman itu Riau menjadi tumpuan para pedagang dan ilmuwan khususnya dari Timur Tengah dan daerah-daerah Nusantara lainnya. Pergolakan politik yang melanda Kerajaan Riau Johor dan Lingga turut mempengaruhi jiwa pengarangnya dalam menanggapi dunia sekitaran dan antarabangsa. Pertembungan peradaban Timur dan Barat yang berlaku di rantau ini (1770-an-1900-an) memunculkan bentuknya tersendiri (pusat kesusasteraan Riau) berbanding dengan pusat-pusat kesusasteraan lainnya. T. Iskandar berpendapat:

> "Kesusasteraan zaman Riau ditandai oleh penulisan sejarah yang sudah mengandungi ciri moden. Pada zaman ini dicipta pula kitab-kitab panduan untuk golongan yang memerintah. Karya-karya agama tidak begitu penting, tetapi *belles letters* dalam bentuk syair fiksyen mencapai puncak keagungannya pada zaman ini namun terdapat perbezaan antara syair fiksyen zaman Riau dengan syair fiksyen zaman Palembang. Syair-syair zaman Riau pada amnya mempunyai sebagai latar belakang negeri-negeri atau pun kota-kota di Timur Tengah dengan motif-motif dari hikayat Timur Tengah. Tetapi pada akhirnya kebanyakan karya mengandungi motif-motif dari karya-karya Klasik Melayu dengan unsur-unsur Hindu".
>
> (Iskandar, 1995: 519)

Pada sisi lain, tujuan penulisan agar kejayaan opu-opu Bugis lima bersaudara itu akan sentiasa dikenang oleh anak cucunya (Rahimah Hamdan, 1996: 176). Ini dapat dilihat menerusi frasa 'maka mencengangkan daku dan menyukakan daku' dalam salasilah Melayu dan Bugis. Bakat semulajadi yang diadun oleh pengalaman-pengalaman di sekitar diri dan kehidupannya dicerna dalam minda, melahirkan beberapa buah karya bermutu tinggi, menjangkau alam hidup dunia dan akhirat. Kepelbagaian bidang penulisan yang dikerjakan oleh beliau, sukar ditandingi oleh mana-mana pengarang zamannya dalam sejarah kesusasteraan Melayu klasik.

Pendidikan dan Pengalaman

Seperti kanak-kanak lain, Raja Ali Haji menerima pendidikan awal melalui pengajian al-Quran dan fardu ain. Di bawah bimbingan ayahnya sendiri, beliau banyak belajar mengenai pengetahuan bahasa, fardu ain dan selok-belok politik. Pulau Penyengat didatangi oleh para ulama dari pelbagai tempat menambah ramai pusat kebudayaan Melayu yang intinya ditekankan pada pengajian Islam. Mereka datang sama ada untuk belajar maupun mengajar. Pada zaman itu bahasa dan kesusasteraan dikembangkan secara bersemangat. Anak-anak kaum elit mendapat kesempatan yang luas dan terpilih mengikuti serta menikmati pendidikan. Sebagai salah seorang dari golongan yang beruntung, Raja Ali Haji memanfaatkannya dengan baik, lebih daripada teman-temannya yang lain. (Hasan Junus, 1988: 40).

Hasil dari pembacaannya yang luas, Raja Ali Haji dapat menambah pengalaman dalam pelbagai bidang penulisan meliputi budaya, bahasa, sastera, sejarah dan agama. Sekurang-kurangnya terdapat 13 buah kitab yang pernah ditulisnya, mulai dari yang sudah diterbitkan sampai kepada yang masih dalam bentuk naskhah. (Hamidy, 1988: 53).

Pengalaman interaksi sosial yang luas, menambah juga pengalaman kehidupannya, khususnya hubungannya dengan pembesar-pembesar Belanda. Pada usia 13 tahun Raja Ali Haji mengiringi ayahnya ke Betawi. Mereka bertolak dari Riau dengan menggunakan sebuah penjajap, sebuah penisi, sebuah 'belah semangka' dan sebuah perahu biasa. Setelah singgah di Lingga mereka meneruskan perjalan melalui Selat Bangka. Semua peristiwa ini dirakamkan oleh Raja Ali Haji secara rinci. (Hasan Junus, 1988: 41).

Peristiwa-peristiwa yang berlaku di Betawi dirakamkan oleh beliau dalam *Tuhfat-al-Nafis*. Antara pengalaman beliau selama di Betawi terdapat beberapa peristiwa budaya yang dicerna dengan penuh perhatian, iaitu kesempatannya menonton opera. Seorang jurubahasa Belanda bernama Christian van Angelbeek yang bertugas mengiring rombongan kerajaan Riau, fasih berbahasa Melayu. Kerja-kerja dan cara hubungannya dengan pembesar-pembesar Belanda dan bangsawan Melayu Riau, diperhatikan dengan teliti oleh Raja Ali Haji.

Jurubahasa rasmi yang bertugas di istana Gurbenur Jeneral pada waktu ialah van Roorda. Raja Ali meneliti dengan penuh perhatian dan mencatat mengenai pemuda Belanda yang diserahi tugas tersebut "orang muda yang cerdik" menurut *Tuhfat al-Nafis*. Pengenalan dan pertukaran fikiran antara beliau dengan orang Belanda seperti van de Wall dan T. Roorda, menambah lagi pencerapannya terhadap cara hidup dan disiplin Barat dalam pelbagai bidang pekerjaan. Raja Ali Haji mendalami bidang bahasa dan agama di Mekah sewaktu mengikuti rombongan ayahnya ke sana. Mereka sampai di Jeddah pada 18 Syaaban tahun 1243 Hijrah. Penyempurnaan pendidikan yang dilakukan oleh Raja Ali Haji di Mekah merupakan bekal bagi menyiap diri sebagai pengarang besar kemudian harinya. Beliau merupakan individu yang sangat mencintai ilmu dan mampu mempelajari pelbagai pengetahuan di dalam dan di luar negeri. Secara tidak langsung daya dan bakat kepengarangan beliau meningkat melalui pendidikan dan pengalaman yang diterimanya.

Stail Olahan Karya

Gaya bahasa dikenali dalam ilmu retorika dengan nama stail. Dari segi etimologinya timbul dari kata stilus/latin: alat untuk menulis. Di sini yang dititikberatkan ialah keahlian untuk menulis indah. Stail berubah erti menjadi kemampuan dan keahlian untuk menulis atau mempergunakan kata-kata secara indah. (Gorys Keraf, 1987: 112). Persoalan gaya bahasa meliputi semua hierarki kebahasaan: pilihan kata, frasa, klausa dan kalimat bahkan wacana secara keseluruhan. Pengarang-pengarang yang terkenal mempunyai stail bahasanya yang tersendiri. Pemakaian bahasanya teratur dan berunsur sopan-santun. Hal demikian terdapat pada gaya bahasa Raja Ali Haji. Susuk bahasanya agak tersendiri berbanding dengan pengarang-pengarang lainnya. Terdapat beberapa teknik penulisan yang digunakan oleh beliau dalam karya-karyanya.

Sistem Pertarikhan

Walaupun Nuruddin ar-Raniri merupakan pengarang yang memperkenalkan sistem ini di Nusantara tetapi Raja Ali Haji pula adalah anak Melayu pertama yang berani meng-aplikasikannya dalam karya. Tarikh yang digunakan adalah tepat bagi segala peristiwa kelahiran, kemangkatan, pertabalan dan sebagainya. Misalnya dalam menyatakan kemangkatan Sultan Mahmud atau 'Marhum mangkat Dijulang' iaitu pada Hijrah Sanat 1111 pada bulan Safar. Berikutan dengan peristiwa itu, Bendahara bin Bendahara Tun Habib menggantikannya pada 8 Rabiul Awal 1111, hari Khamis, waktu dhuha, malah pada waktu yang sama juga dikatakan Raja Sulaiman lahir ke dunia. (*Tuhfat al-Nafis*, 1982: 46). Sistem seperti ini juga digunakan untuk menjelaskan sesuatu peristiwa khususnya episod-episod peperangan.

Contoh berikut menerangkan apa yang dimaksudkan:

> "Kata sahibulhikayat adalah pada tarikh Hijrah seribu seratus tiga puluh enam tahun sanat 1136. Maka muafakatlah Raja Kecil dengan segala menterinya dan hulubalangnya hendak mengacau ke negeri Riau."
>
> (Salasilah Melayu dan Bugis, 1984: 153)

Pemeriannya dalam *Tuhfat al-Nafis* berbunyi begini:

> "Sebermula kata sahibulhikayat adalah kira-kira renggangnya setahun daripada perang Kedah ini, maka Raja Kecil pun datang pula melanggar Riau, iaitu pada Hijrat sanat 1137, pada sembilan likur haribulan Syaaban. Maka berperanglah orang Riau dengan orang Siak tiap-tiap hari, sebentar berperang, sebentar berhenti. Terkadang Raja Kecil pergi mendapatkan isterinya Tengku Kamariah, terjumpa dengan Opu Dahing Celak itu, maka minum sama-sama. Apabila balik ke kubunya berperang semula. Demikianlah halnya hingga sampai kepada dua puluh haribulan Zulhijah. Maka kesusahanlah segala isi negeri, maka maufakatlah segala orang tua-tua dan orang besar-besar memohonkan Yang Dipertuan Muda serta Raja Kecil itu supaya isi negeri, maka maufakatlah segala orang tua-tua dan orang besar-besar memohonkan Yang Dipertuan Muda serta Raja Kecil itu supaya berdamai. Maka berdamailah kedua pihak. Maka

> berhentilah perang. Maka Raja Kecil pun baliklah ke Siak. Maka duduklah di dalam Siak menyiapkan kelengkapan perangnya dengan beberapa buah penjajap. Demikianlah halnya tiap-tiap hari diaturnyalah segala penjajapnya itu di dalam Siak dengan sedia ubat pelurunya ...
>
> (*Tuhfat- al-Nafis*, 1982: 93-94)

Raja Ali Haji seorang penulis yang teliti, khususnya kalau kita meneliti *Tuhfat al- Nafis*. Di situ terjelma keunggulannya sebagai pengarang karya sastera sejarah berdasarkan latar belakang kebudayaan dan taraf ilmu pengetahuan serta pendidikan yang diterima. Menurut Tengku Iskandar:

> Raja Ali Haji telah membawa kemajuan dalam penulisan sejarah jika dibandingkan dengan pengarang-pengarang sejarah dalam bahasa Melayu sebelumnya. Jika pengarang sejarah sebelumnya tidak menyebut sumber-sumber yang mereka pergunakan. Raja Ali Haji di sana sini menyebutnya. Kalau dia selalu menyebut konon, menurut siarah, kata setengah kaul, dll (Dari pengarang-pengarang sejarah Melayu sebelumnya hanya Nuruddin ar-Raniri yang pernah menyebut sumber misalnya bila dia meriwayatkan salasilah raja-raja Melaka dan Pahang. Tetapi berlainan dengan Nuruddin ar-Raniri dia lebih banyak lagi meriwayatkan kejadian-kejadian sejarah dengan teliti dan terperinci dengan menggunakan tarikh-tarikh. Raja Ali Haji mula-mula memakai tarikh dengan mangkatnya Marhum Muda, Raja Ibrahim, putera Sultan Abdul Jalil. Tarikh yang digunakan ini adalah 1087H/1676, 196 tahun sebelum dikarangnya *Tuhfat al-Nafis* (1283H/1866). Tarikh kedua yang digunakannya adalah dengan mangkatnya Sultan Abdul Jalil, pada 1088H, 195 tahun sebelum dikarang karyanya itu. Tidak mungkin tarikh-tarikh ini diterima oleh Raja Ali Haji dari cerita-cerita mulut sahaja. Tidak mungkin tidak Raja Ali Haji telah menggunakan catatan-catatan istana yang memuat tarikh-tarikh riwayat mengenai zaman sebelum datangnya raja-raja Bugis tarikh diberi hanya mengenai kemangkatan raja-raja sahaja. Tetapi tarikh-tarikh ini lebih kerap lagi digunakan sesudah datangnya orang Bugis dan peperangan-peperangan yang mereka lakukan. Tarikh-tarikh ini makin lebih teliti dan lebih terperinci lagi dengan pemerintahan Raja Muda Daeng Kemboja. Daeng Parani. Ini dikatakannya sendiri dengan kata-kata:

> *Seperti yang lagi akan datang di dalam siarat ini dengan tarikh, tahun, bulan adanya.*
>
> (Iskandar, 1995: 527)

Penggunaan tarikh yang rinci dan kerap terdapat pada peristiwa-peristiwa yang berlaku pada zamannya. Ini mungkin sekali dipengaruhi oleh tradisi Bugis untuk membuat catatan-catatan istana. Suatu hal yang menarik dalam gaya penulisan beliau ialah penggunaan ganti nama diri orang pertama digunakan dalam penulisan genre sastera sejarah. Ganti nama diri orang pertama 'aku' digunakan secara meluas dalam karyanya:

> "Bermula adalah AKU mendapat sejarah Bugis itu yang yang jatuh kepada kepada tanganku, iaitu empat naskhah."
>
> (Salasilah Melayu dan Bugis, 1984: 1)

Dan puisi:

Inilah erti gurindam yang di bawah-bawah syatar ini:

> Persamaan yang indah-indah
> Yaitu ilmu yang memberi faedah
>
> AKU hendak bertutur
> Akan gurindam yang beratur.
>
> (Gurindam 12, 1854: 1)

Mengapa beliau menggunakan ganti nama orang pertama 'aku', mungkin disebabkan pengaruh mengenalkan diri pada masa itu telah muncul hasil pertembungan budaya Melayu-Arab dan Eropah yang mewujudkan unsur individualistik dalam penulisan. Sebagai seorang yang telah matang dalam hidup dan banyak pengalaman berurusan dengan manusia, beliau bijak mengendalikan emosinya dengan baik. Hal demikian terbayang dalam karyanya berdasarkan nada suara yang dimasukkan dalam beberapa frasa penting seperti:

> 'demikianlah khabar orang tua, entahkan apa ertinya aku tidak tahu, wallahu a'lam, mana-mana aku dengar dan aku lihat dalam sejarah itulah aku suratkan.'
>
> (*Tuhfat al-Nafis*, 1984: 170)

Penggunaan Bentuk Puisi

Suatu teknik penulisan pengarang-pengarang lama yang menarik perhatian kita ialah pengarangnya ini sering menyelitkan puisi-puisi tertentu dalam karangannya. Puisi digunakan sebagai alat komunikasi antara dua pihak, pengarang dengan khalayak atau pengarang dengan tokoh-tokoh tertentu yang dibicarakan dalam karya. Komunikasi itu boleh berbentuk sindiran, nasihat, penerangan lanjut dan sebagainya. Umpamanya bagi menerang dan menjelaskan sesuatu peristiwa puisi turus digunakan. Dalam hal ini Raja Ali Haji tidak terkecuali.

Syair:

Dengar kau kisah encik dan tuan,
Daeng Menambun upu bangsawan,
akan bermohon kepada Yamtuan,
pergi ke Sambas raja dermawan.

Pergi membawa paduka adinda,
Daeng Kemase bangsawan muda,
dapat izin dari baginda,
ia menyiapkan perahu yang ada.

... (Salasilah Melayu dan Bugis, 1984: 180)

Pantun:

Anak unta terlompat-lompat,
Anak kuda mengheret pedati;
Yang dicita sudahlah dapat,
Apa juga kehendak hati.

Encik Kecut pandai membatik,
Bunga bergambar rusa bandi;
Jika sampai maksudnya patik,
Relalah menjadi hamba abdi.

(Salasilah Melayu dan Bugis, 1984: 232)

Akhir Kalam

Deskripsi kita mengenai kepengarangan Raja Ali Haji memang mengesankan. Bertolak dari bakat semulajadi ditambah dengan cepat dan sensitifnya beliau mencerap pengalaman-pengalaman hidup dalam pergaulan, menjadikannya pengarang yang sukar ditandingi pada zamannya. Kedudukan Raja Ali Haji dengan

segala keupayaannya membina kebudayaan Melayu ternyata membuahkan hasil yang cukup baik dan mengesankan. Ruang pembicaraannya cukup luas dari bahasa membawa kepada bidang sastera, budaya dan agama. Beliau telah meletakkan dasar-dasar pembinaan dan pembakuan bahasa serta budaya untuk terus diikuti oleh generasi selepasnya, meletakkan bangsa Melayu sejajar dalam lembaran sejarah bangsa-bangsa lain.

Bibliografi

Abu Hassan Sham. 1995. *Syair-syair Melayu Riau.* Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara.

Braginsky, V.I. Tanpa tahun. *The System of Classical Literature in the Perspective of Medieval Malay Letters.*

Hasan Junus. 1988. *Raja Ali Haji Budayawan di Gerbang Abad XX.* Pekan Baru: Universiti Islam Riau Press.

Hill, A.H.1960. Hikayat Raja-raja Pesai, *JMBRAS* 33.2.

Mohamad Daud Mohamad (peny.). 1987. *Tokoh-tokoh Sastera Melayu Klasik.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhammad Yusoff Hashim. 1992. *Pensejarahan Melayu: Kajian Tentang Tradisi Sejarah Melayu.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Yusof Md. Nor (ed). 1984. *Salasilah Melayu dan Bugis.* Petaling Jaya: Fajar Bakti.

Metheson, Virginia. 1987. *The Precious Gift (Tuhfat al- Nafis).* Petaling Jaya: Fajar Bakti.

Rahimah Hamdan. 1995-96. *Beberapa Pengarang Sastera Sejarah: Satu Kajian Perbandingan.* (Latihan Ilmiah) unpublished. Bangi: UKM.

Tenku Ibrahim Alfian. 1973. *Kronika Pasai - Sebuah Tinjauan Sejarah.* Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.

Teuku Iskandar. 1995. *Kesusasteraan Klasik Melayu Sepanjang Abad.* Shah Alam: Malindo Printers.

Hamidy. 1988. *Riau Sebagai Pusat Bahasa dan Kebudayaan Melayu.* Pekan Baru: Penerbit Bumi Pustaka.

PANTUN MELAYU DAN CAKAP-CAKAP RAMPAI-RAMPAI

RAJA HAMZAH YUNUS

Tanjung Pinang parit penutus,
Jalan orang ke Riau Lana;
Hubungan muhibah tidakkan putus,
Johor Riau selama-lama.

Serangkap pantun, secuil kesan sastera tradisional, bahagian dari kebudayaan Melayu tentang hubungan Johor Riau. Terutama dalan hubungan sejarah, di mana menyebut Johor Riau dalam satu nafas merupakan suatu kenyataan yang berlaku sejak berabad-abad yang lalu. Ini membayangkan betapa erat hubungan atara kedua wilayah itu.

Demikian juga dengan sastera dan budaya tradisional Melayu, ada kait kelindan, tumbang tindih yang mesra dan berpatutan. Termasuklah keterkaitan Bahasa Melayu Riau Bahasa Melayu Johor. Khusus dalam kontek Bahasa Melayu Riau - di Riau disebut Bahasa Melayu Johor - akan disampaikan sekadar informasi, betapa pakar bahasa, cendekiawan, penulis yang bermastautin di Riau berusaha nenyusun kaedah-kaedah, ejaan, perkamusan Bahasa Melayu Riau-Johor.

Diawali oleh Raja Ali Haji dengan kitab *Bustanul Katibin*, pedoman serta petunjuk sistem ejaan bagi mereka yang mempelajari menulis-membaca Bahasa Melayu huruf Jawi di Riau dan Johor. Selesai dicetak pada tahun 1851. Dilanjutkan dengan ditulis tahun 1275H/1856M di Pulau Penyengat, Riau. Dilanjutkan dengan Kitab *Pengetahuan Bahasa*, kamus logat Melayu Johor, Pahang, Riau dan Lingga, ditulis pada tahun 1275H/1869M di Pulau Penyengat, Riau.

Kemudian kitab pelajaran Bahasa Melayu bernama *Bughyat Al-AniFi Huruf A -Maani* dituils oleh Raja Ali bin Muhamad Yusuf al Ahmadi di Bukit Kenangan Johor tahun 1341H/1922M untuk

rujukan bagi mereka yang cenderung mempelajari Bahasa Melayu di Johor dan di Riau.

Abu Muhamad Adnan Haji Abdullah mengarang tiga buah risalah pelajaran bahasa Melayu untuk dipakai di Riau, Johor dan di tempat-tempat lain, iaitu; Pembuka lidah dengan teladan umpama yang mudah; Penolong bagi yang menuntut akan pengetahuan yang patut; dan kutipan mutiara dengan sya'ir difahamkan segera. Ketiga-tiga risalah pelajaran Bahasa Melayu logat Johor-Riau itu ditulis di Pulau Penyengat tahun 1330 dan dicetak di Singapura tahun 1926.

Sementara itu dua buah buku masing-masing berjudul *Cakap-Cakap Rampai-Rampai dan Pantun-pantun Melayu* yang dikarang dan dikumpulkan oleh Haji Ibrahin di Pulau Penyengat telah diterbitkan/dicetak di Betawi pada percetakan Gurnemen tahun 1868 untuk *Cakap-Cakap Rampai-Rampai*, sementara *Pantun-Pantun Melayu* diterbitkan pada tahun 1877 oleh percetakan W. Bruning-Betawi. Dalam kedua-dua buku tersebut dijelaskan bahawa H. van De Wall menjadi penolong yang mengatur usaha pencetakan dan penerbitannya.

Kedua buku inilah iaitu *Cakap-Cakap Rampai-Rampai* dan *Pantun-Pantun Melayu* merupakan matlamat yang akan menjadi sasaran pembicaraan saya dalam pertemuan ini.

Cakap-Cakap Rampai-Rampai (Bahasa Melayu Johor)

Terdiri daripada dua jilid. Jilid I berisi 12 mauduk percakapan, sementara jilid II berisi 20 topik percakapan. Seluruhnya setebal 644 halaman ditambah dengan 29 halaman pembetulan tulisan/kata-kata salah dan 15 halaman berisi penjelasan istilah/kata-kata sulit. Jilid III cetakan pertama diterbitkan dalam dua jenis aksara, iaitu huruf Jawi (Arab-Melayu) dan huruf Latin (Rumi) tentang mauduk yang sama.

Menurut penjelasan, matlamat penerbitan *Cakap-Cakap Rampai-Rampai* untuk menjadi bacaan serta rujukan tentang bahasa terutama bahasa lisan mempelajari ejaan Jawi yang betul di kalangan orang Melayu Johor dan Riau. Itulah sebabnya hampir semua topik, baik mengenai pemerintahan (Melayu tradisional), adat-istiadat, bahasa, agama, pakaian, gelaran, ataupun hal pelayaran, perniagaan, termasuklah masalah umum, seperti perompak, penghisap candu dan penjudi. Atau hal ehwal mencari sara hidup dan kegiatan kerajinan tangan seperti pengail, penjaring, penanam sayur-sayuran, buah-buahan; bertukang kayu, tukang besi, tukang keris dan sebagainya dilakukan dalam bentuk percakapan antara dua atau tiga orang sekaligus.

Dengan bentuk percakapan tersebut terasa ada nilai tambah yang memberi pengertian secara lebih khusus tentang hal-hal yang dibicarakan.

Suatu hal yang dapat disampaikan pada kesempatan ini barangkali sejalan dengan subbahasan yang mengidentifikasi *Cakap-Cakap Rampai-Rampai* dalam bahasa Melayu Johor ialah tertumpunya masalah atau hal ehwal tanah/negeri Johor dalam porsi yang cukup menonjol pada buku itu. Misalnya dalam tulisan yang berjudul *Kerajaan Johor Dibahagi* iaitu percakapan antara Encik Mamat dengan Encik Ali.

Peristiwa besar dalam sejarah Kerajaan Johor-Riau, iaitu dibahaginya negeri ini antara pengaruh Inggeris dan Belanda, dijelaskan dalam percakapan antara tokoh-tokoh fiktif, sementara kejadiannya sendiri adalah kenyataan sejarah. Disampaikan dengan cara yang unik, seolah-olah merupakan laporan visual pandangan mata di antara pembicara.

Pembahagian kerajaan Johor Riau, interpretasi bahawa Sultan Husin hanya memerintah Singapura, sedangkan tanah besar Johor masih di bawah kuasa Johor-Riau, sehingga bendera Inggeris yang sudah dinaikkan di Johor harus diturunkan oleh utusan Riau. Atau kisah yang menegangkan selama pelayaran dan suasana yang mencekam menjelang dinaikkan bendera Riau-Johor di tanah besar dan usaha merampas bendera Inggeris yang pernah dinaikkan. Kisah-kisah itu dengan komentar, pendapat, pandangan di antara pembicara amatlah menarik.

Dalam tulisan lain yang berjudul "Kuasa dan Adat Raja dan Segala Menteri Besar Kecil di Dalam Kerajaan Johor" tokoh fiktif Sulaiman dan Ismail memperkatakan masalah-masalah tata negara tradisional Melayu Johor secara panjang lebar: tentang raja, kuasa raja, menteri, hulubalang, ulama dan rakyat jelata. Serta kuasa dan tugas Raja Muda, Bendahara, Temenggung, Penghulu Bendahari, Syahbandar dan sebagainya. Termasuklah pelaksanaan pengadilan, aturan surat-menyurat, bendera dan sebagainya.

Dengan mauduk "Erti Segala Gelaran di Dalam Kerajaan Johor" memberi informasi yang amat memadai tentang gelaran yang terpakai di negeri Johor-Riau pada masa lalu. Baik gelaran yang berasal dari bahasa Arab (Sultan, Syahbandar) Sankerta (Laksamana, Indera), Bugis (Siliwatang, Penggawa) dan gelaran-gelaran dalam bahasa Melayu tua serta fungsi dan takrif gelaran-gelaran itu secara umum.

Cakap-Cakap Rampai-Rampai berisi 32 masalah orang Melayu di Johor, Riau, Singapura, Siak, Terengganu, Muar dan tempat-tempat lain merupakan salah satu naskhah Melayu yang

relatif kurang terkenal, jarang dibicarakan orang, diungkap oleh para peneliti. Pada hal isinya begitu menarik dan bervariasi pula. Apalagi disampaikan secara percakapan yang cenderung menyentuh emosi, perasaan secara amat mengesankan. Rasa ngeri dan dahsyat tatkala menyaksikan sendiri bagaimana ular *besar (sebangsa naga) tersembul dari lautan, tidak jauh dari perahu anda dapat digambarkan sebagai pandangan mata yang mempunyai* kesan tersendiri. Humor tidak terelakkan tatkala menceritakan bagaimana 'bodohnya" seorang Minangkabau yang baru melihat laut. Malin Sutan yang sedang buang air seni di lautan menyangka air seninya yang berpendar ditampung air laut, menandakan dia akan segera mati, kerana telah salah rasa, salah pemandangan, kerana air seninya sudah berapi, pada hal berpendar kena air laut.

Emosi, perasaan pembaca *Cakap-Cakap Rampai-Rampai* akan bergalau mengikuti percakapan kritik dan rasa tidak setuju atas sikap pembesar-pembesar negeri, kerajaan Belanda dan Inggeris di rantau ini. Kadang-kadang perasaan kasihan, kecewa dan cemuh, misalnya kepada tukang-tukang Melayu yang kehilangan lapangan kerja, terhadap penjudi amatur Melayu yang ingin mengalahkan penjudi Cina. Malah perasaan jijik kepada penagih candu Melayu yang dalam keadaan miskin, tidak bermaruah akibat ketagihan candu.

Cakap-Cakap Rampai-Rampai sebuah naskhah lama tentang masyarakat Melayu Johor-Riau yang memerlukan ulang kaji keberadaannya. Ada nilai-nilai banding yang bernas kita dapat berkaca untuk memilih keadaan yang lebih baik.

Betapa bervariasinya masalah yang terungkap dalam *Cakap-Cakap Rampai-Rampai* barangkali dapat diwakili oleh judul-judulnya sebagai berikut:

1. Kerajaan Johor dibahagi
2. Anak Orang Siak diambil perompak Lingga
3. Adat orang *Hulu* Terengganu bermain gasing
4. Percakapan orang mengambil kuli
5. Percakapan penjudi dua orang
6. Perniagaan kain-kain
7. Orang bersampan kecil berhanyut dari Singapura ke Jawa
8. Hal Pelayaran dan Perniagaan
9. Orang baru melihat laut
10. Kuasa dan adat raja dan segala menteri besar kecil di dalam Kerajaan Johor

11. Erti segala gelaran di dalam Kerajaan Johor
12. Orang jatuh ke dalam laut dibawanya ke darat oleh ikan
13. Hal kematian
14. Hal pelayaran dan perniagaan
15. Setengah daripada adat bahasa dan pakaian
16. Budak keluar dari lubang bisul yang dibawah perut emaknya
17. Perempuan memperanakkan telur
18. Ilmu putar balik
19. Percakapan dua orang tukang kayu
20. Hal ehwal penghisap candu
21. Cerita naga di laut
22. Ilmu cucuk seluang
23. Percakapan pengail dan penjaring
24. Orang berkebun sayur-sayuran dan buah-buahan
25. Orang Muar dilanggar perompak Rawa
26. Percakapan dua orang tukang besi
27. Percakapan Pak Perang dengan Wak Baki
28. Orang gila tiada dimakan api
29. Ketam renjung dimakan dengan ubi Benggala jadi racun
30. Hikmat pelalau
31. Percakapan dua orang tukang menyampir keris dan menyarung keris serta membuat hulunya.
32. Percakapan tukang-tukang perahu dan orang menyuruh membuat perahu

Pantun-Pantun Melayu

Pantun-Pantun Melayu yang dikumpulkan oleh Haji Ibrahim di Pulau Penyengat dan sekitarnya meliputi sejumlah 1100 rangkap pantun. Ada pantun lepas, pantun berkait, pantun-pantun Melayu yang umum, sudah menyebar ke mana-mana atau pun pantun yang amat ketara warna tempatan, di mana pantun-pantun itu dikumpulkan.

Pantun-Pantun Melayu agaknya merupakan salah satu upaya awal dalam kegiatan Haji Ibrahim tidak dapat tidak tentulah merupakan kerja besar yang amat sungguh-sungguh. Memang tidak jauh waktunya sebelum itu seorang Eropah lainnya iaitu H.C. Klinkert telah membicarakan pantun-pantun Melayu dengan sejumlah contoh yang ditemuinya juga di Riau. Namun Klinkert tidak menerbitkan kumpulan pantun Melayu

yang cukup besar, seperti yang diselenggarakan oleh Haji Ibrahim, tidak jadi hal dengan bantuan orang lain. Sementara pembayang pantun-pantun yang dikumpulkan oleh Haji Ibrahim amat kental warna tempatan Riau-Johornya. Demikian juga peristiwa sejarah, latar belakang sosial-budaya Riau-Johor banyak dijadikan pembayang pantun-pantunnya. Tidak dapat dinafikan bahawa kumpulan-kumpulan pantun yang diterbitkan kemudian banyak merujuk kepada *Pantun-Pantun Melayu* usaha Haji Ibrahim tersebut.

Pantun-Pantun Melayu dan *Cakap-Cakap Rampai-Rampai* karya Haji Ibrahim bukan tidak banyak cacat kurangnya. Tetapi sebagai karya awal dalam bidangnya yang diupayakan di Riau-Johor pada pertengahan abad ke-19 yang lalu, hal demikian boleh dianggap wajar, apatah lagi dengan penilaian zaman sekarang. Ketiadaan pendahuluan, kata pengantar dan sebagainya membuat kita kehilangan beberapa jejak yang penting tentang kedua karya itu.

SHAER ALMARHOEM BEGINDA SULTAN ABU BAKAR DI NEGERI JOHOR

DR NORIAH MOHAMED

Pendahuluan

Teks yang digunakan ini adalah teks yang diperolehi dari Bibliotik Lenin di Moscow. Dalam penulisan makalah ini teks Na Tian Piet akan dijadikan sumber utama untuk melihat sejauh manakah pengarang ini menulis dari rasa kesedarannya atau dari ruang khayalannya. Hal ini dianggap wajar kerana banyaknya pujian yang diluahkan oleh pengarang terhadap Sultan Abu Bakar seperti yang disyairkan pada halaman 40:

rangkap 279
Sunggoeh baik boedi nja Beginda
Boedi bahasa nja sangatlah inda
Sangat manis toetoer dan sebda
Tentoehlah memoedji segala menda.

rangkap 280
Di mana boleh dapat ditjari
Seperti perangei Beginda bistari
Soekar ditjari koeliling negri
Dengan sebenar nja beta berpri.

Begitu juga sewaktu menggambarkan kemangkatan baginda di London, pengarang seolah-olah menyetujui kemangkatan baginda amat wajar berlaku di London dan tidak di tempat lain sebagaimana yang disyairkan pada halaman 138:

rangkap 262
Berbahagia sangat Sultan bistari
Toehan Allah soeda membri
Mangkat di London poenja negri
Sangat termasohor nama nja diri.

Hal-hal beginilah yang cuba disorot untuk menjustifikasikan gambaran pengarang dan pasti sahaja data-data sejarah terpaksa digunakan untuk membuktikan sama ada ia suatu realiti atau fiksyen walaupun di dalam teks amat ditekankan oleh pengarang apa yang ditulisnya itu adalah suatu kebenaran seperti yang di tulisnya pada halaman 42:

rangkap 294
Djanganlah waham didalam hati
Djikalau soedi datang liati
Boleh liat njata dan pasti
Siapa jang batja koerang mengerti.

rangkap 295
Boekan dikarang sebarang barang
Soeda diliat njata dan terang
Banjak jang lain harta dan barang
Terlaloe landjot tjerita nja sekarang.

Karya Na Tian Piet yang digunakan ini mengandungi dua bahagian dan setiap bahagian terdiri daripada 700 rangkap syair dengan 100 halaman setiap satu. Dengan itu karya pengarang ini mengandungi 1400 rangkap syair.[1] Walaupun karya ini sudah dicetak pada tahun 1898 di Singapura, namun keadaannya masih utuh dan baik. Atas jasa baik Sdr. Sergei, Pustakawan di Bibliotik Lenin, teks ini dapat dimanfaatkan untuk Seminar ini.

Pada halaman pertama teks ini tertulis:

> Dibri tahou ini shair karangan saija, ada tertoelis tanda tangan saija,serta dengan tjapnja, djikalau tiada yang demikian, djikalau ada orang yang djoeal shair ini, dia mentjori saija poenja hak dan saija nanti mendawah dihadapan hakim, yang dia soeda salin dan meniroeh ini shair karangan saija.

Dari petikan di atas terdapat percantuman ejaan Indonesia lama dengan baru dan bahasa yang digunakan pula banyak dipengaruhi bahasa Melayu rendah atau pasar. Perkara ini akan dibincangkan pada suatu bahagian khusus dalam makalah ini. Hanya yang sewajarnya diteliti juga ialah kesahihan kepengarangannya. Dari petikan di atas juga dapat dilihat penggunaan kata "saija" atau saya tetapi mengapa pengarang menggunakan kata "beta" dalam syair yang dibuatnya ini. Apakah dengan menggunakan kata beta tadi meletakkan dirinya sejajar dengan orang yang berketurunan raja. Kata beta dan saya tidak ada bezanya dari segi rima dan makna. Hal-hal sebeginilah yang

sebaiknya dicari fakta-fakta yang mendukung dan menolak agar justifikasi kenyataan dapat dipertahankan.

Pengarang

Dari petikan di atas tadi sudah cukup membuktikan bahawa Na Tien Piet amat bertanggungjawab dengan apa yang dihasilkannya. Beliau tidak mahu karyanya diciplak ataupun disalin. Persoalannya kini siapakah tokoh ini dan apakah kaitannya dengan Sultan Abu Bakar yang menjadi Sultan Johor sehingga beliau amat menyanjung tinggi baginda sultan?

Teks yang digunakan ini memaparkan nama pengarang dan asalnya sebagaimana yang tertulis pada halaman satu:

rangkap 5
Beta peranakan bangsa Tjina
Akal dan boedi koerang sempoerna
Koerang faham arti dan mahana
Boekan orang yang bidjaksana.

rangkap 6
Na Tien Piet nama nja beta
soeda mengarang sair tjerita
sangat bebal soedalah njata
koerang faham berkata-kata.

rangkap 7
Dilahirkan beta tempo dahoeloe
di dalam negri nama Benkoeloe
Beta bebal sangat terlalou
mengarang sair rasa nja maloe.

Dari petikan itu tadi dapat disimpulkan bahawa pengarang adalah seorang China Peranakan yang sudah membaurkan dirinya dengan senario tempatan dan wilayah yang didudukinya.

> Bila mana orang Cina tinggal di perantauan selama beberapa keturunan tanpa kembali ke tanah kelahirannya, mereka seringkali melepaskan diri dari ajaran para nabi; dalam bahasa, makanan dan pakaian mereka meniru orang pribumi; mereka mempelajari buku-buku asing, mereka tidak segan-segan menjadi orang Jawa, dan menamakan dirinya Islam (Sitlam). Mereka lalu menolak makan daging babi dan benar-benar menganut adat istiadat pribumi.
>
> (Claudine Salmon, 1985:3)

Mengenai pengarang ini sama ada beliau seorang Muslim atau tidak, tidak pernah dibicarakan tetapi yang menariknya ialah beliau banyak menggunakan kata-kata Arab dan Islam dalam karyanya seperti Bismillah, Allaham doelilah dan Allah. Namun dari rangkap pertama dapat dikesan bahawa beliau adalah seorang Kristian dan banyak pandangan peribadinya diungkapkan dalam syair ciptaannya.

Bismilah itu permulaan kata,
Allaham doelilah poedji jang njata,
Berkat Toehan Isa penghoeloe kita,
Beta mengarang soewatoe tjerita.

Na Tien Piet memang seorang tokoh dalam dunia penulisan Cina Peranakan di rantau ini. Karya beliau tidak hanya terbatas pada syair ini malah beliau kadangkala menggunakan nama samaran Kalam Langit dalam pers bahasa Melayu di Batavia dan juga di Singapura (Claudine Salmon, 1985:30). Penulisan beliau banyak berbentuk kewartawanan dan gambaran-gambaran ini amat ketara dibeberkan dalam puisi yang dikaji ini. Nama samaran Kalam Langit ada disebutkan dalam teks yang dikaji ini pada halaman 11:

rangkap 71 sebab nama beta dalam soerat kabar itu
Kalam Langit nama beta di sitoe
Dari sebab nja beta kata begitoe
Soepaija orang boleh tahoe tentoe

Gaya penulisan pengarang tidak jauh bezanya dengan pengarang -pengarang lain pada periode yang sama iaitu dalam karya mereka lebih-lebih lagi di bahagian manggala/ mukadimah dan akhir, pengarang sering meletakkan dirinya sebagai manusia yang serba kekurangan dan mengharapkan segala kesalahannya itu dimaafkan di samping mengharapkan bantuan untuk membetulkannya. Hal begini ditulisnya pada rangkap 2 hingga 7 dan disambung kembali pada rangkap 28 hingga ke rangkap 38. Dalam mukadimah *Sejarah Melayu* fenomena yang sama juga boleh kita temui.[2]

Pentarikhan

Pada halaman pertama telah dibuktikan bahawa karya ini dicetak pada tahun 1896 dan yang menjadi persoalan bilakah karya ini ditulis secara persis? Namun dari rangkap terakhir bahagian

kedua karya beliau ini dapat ditentukan tarikh penulisannya iaitu sebaik sahaja selepas kemangkatan Sultan Abu Bakar kerana beliau amat terpukau dengan kebaikan baginda ini:

rangkap 700
Tamatlah saer Almarhoem bistari
Banyak hormat beta memberi
Sembah soedjoet sepoeloe djari
Daripada beta jang hina diri.

Dari ungkapan "tamatlah saer Almarhoem bistari" sudah cukup membuktikan bahawa karya ini dicipta selepas kemangkatan baginda Sultan Abu Bakar pada 4 Jun 1895 dan menjalani proses penulisan dan penerbitannya dalam tahun 1896. Selain rangkap di atas terdapat juga satu rangkap lain yang dapat dikesan bila teks ini dikarang iaitu pada halaman 27:

rangkap 185
Soeda tinga doea tahoen kawin nja
Baroehlah beta mengarang shaer nja
Djikalau ada terloepa peratoeran nja
Maafkan beta jang membatja nja.

Perkahwinan puteri telah berlangsung pada bulan Mei 1894 (halaman 11 rangkap 73) dan ini bererti karya ditulis pada tahun 1896. Jadi amat tepat jika dikatakan teks ini dikarang pada tahun yang sama dengan tahun penerbitannya.

Tentang tarikh kemangkatan baginda sebagaimana yang dilaporkan oleh Na Tien Piet sangat bertepatan dengan catatan sejarah dan ini dapat dibuktikan dengan yang telah dicatatkan oleh Buyung Adil:

> Sa-telah sa-puloh hari lama-nya baginda bersemayam di-London, pada 4 haribulan Jun tahun 1895, pukul 8.30 malam,Sultan Abu Bakar pun mangkat, kembali ke-rahmatullah.
>
> (Buyong Adil, 1971:263)

Jadi di sini pengarang amat peka dengan tarikh yang tepat dan tidak membuat andaian-andaian untuk mencari rima yang sama sewaktu menggarap sesebuah syair.

Persoalan

Dalam teks yang dikaji ini beliau menuliskan kematian baginda dalam beberapa rangkap sehingga kita sebagai pembaca amat

beruntung kerana gambaran yang disampaikan oleh pengarang amat jelas. Dari kejelasan gambaran yang dipaparkan timbullah beberapa pertanyaan terutama kepada khalayak yang jahil dengan sejarah. Misalnya petikan di bawah ini pada halaman 135:

rangkap 239 Tahoen 1895 boelan Juni 4 hari,
Mangkat lah Sultan makota negri,
Djam stinga sembilan malam hari
Di hadapan Beginda Ratoe sendiri.

240 Demikian lah ada kabar dan pri
Waktoe mangkat Sultan bistari
Beginda Ratoe meliat sendiri
Serta brapa Beginda poenja mantri

241 Demikian lah ada kabar jang tentoe
Adat nja Sultan mangkat di depan Ratoe
Takdir Toehan soedalah begitoe
Masohor nama nja boekan swatoe.

Petikan petikan rangkap syair di atas telah menimbulkan beberapa persoalan seperti:

1. Bagaimana perhubungan di antara Ratu Inggeris dengan Baginda Sultan?
2. Sejak bilakah perhubungan itu berlaku?
3. Bagaimana pengarang boleh mengetahuinya?
4. Apakah hubungan di antara Baginda Sultan dengan pengarang ini?

Dari jawapan yang akan diperoleh nanti dapat dibezakan sama ada jawapan tadi lebih kepada fiksyen atau realiti. Soalan-soalan ini akan cuba diberi jawapan secara wajar setelah kita cuba melihat apakah isi teks yang diteliti ini.

Sehubungan dengan ini apabila pengarang menceritakan tentang upacara agama yang tidak bersesuaian dengan budaya Melayu Islam seperti gambaran kematian Pendeta Keasbury, upacara sembahyang secara Kristian di istana sewaktu selepas kemangkatan baginda, pembinaan gereja oleh baginda, pesta yang menyimpang jauh dari tradisi Islam dan kesemua ini banyak menimbulkan pertanyaan dan dalam makalah ini tidak akan diberikan jawapannya. Yang dapat dilakukan hanyalah sebagai renungan dan iktibar di sebalik itu.

Isi

Teks yang mengandungi 1400 rangkap ini amat memikat kerana isinya amat berbeza daripada teks yang pernah digunakan oleh M.A. Fawzi Basri, (1983) *Warisan Sejarah Johor,* terbitan Persatuan Sejarah Malaysia.[3] Dalam teks yang digunakan ini tidak menyentuh langsung soal politik Johor yang ada kaitan dengan kerajaan Pahang terutama peranan yang dimainkan oleh Sultan Abu Bakar sendiri dalam menstabilkan senario politik di daerah sini. Teks yang dikarang oleh Na Tien Piet ini lebih memberatkan keadaan senario Johor dengan Sultan Abu Bakar sebagai paksi penceritaannya.

Pada bahagian pertama teks dapat dibahagikan kepada beberapa isi penting seperti:

1. Diri Pengarang dan tujuan penulisan;
2. Perkahwinan Puteri Sultan dengan Angkoe Achmad;
3. Pesta-pesta yang diadakan;
4. Gambaran baginda Sultan dan Permaisuri;
5. Gambaran kemakmuran negeri Johor;
6. Gambaran kepintaran pegawai atasan istana;
7. Kematian Pendeta Keasbury; dan
8. Pertemuan dengan Ratu Inggeris.

Pada bahagian kedua teks ini pula dapat dibahagikan kepada beberapa isi penting seperti :

1. Pembukaan bandar Maharani;
2. Gambaran kekuatan agama Islam di Johor;
3. Gambaran Permaisuri gering;
4. Lawatan baginda Ke Eropah dan khususnya ke England sebanyak lima kali;
5. Gambaran kekayaan Sultan dan pesta-pesta yang diadakan;
6. Lawatan ke China;
7. Gambaran persahabatan dengan Ratu Victoria England;
8. Kemangkatan baginda dan upacara-upacara yang diadakan; dan
9. Gambaran pembesar-pembesar negeri Johor.

Diri Pengarang dan tujuan penulisan

Bahagian ini sudah disentuh dalam bahagian Pengarang dan yang perlu diterangkan di sini hanyalah tujuan penulisan syair ini secara persis.

Disebabkan pengarang adalah seorang penulis dan banyak memaparkan penulisannya dalam akhbar-akhbar Cina Peranakan, maka tidak hairanlah syair ini dicipta. Menulis sudah menjadi suatu minat yang amat disenangi dan ini diungkapkan pada rangkap 3,4 dan seterusnya dilanjutkan pada rangkap 28 hingga rangkap 49. Walaupun demikian terdapat satu rangkap yang amat menarik kerana pengarang menganggap "mengarang syair" ini juga sebahagian dari ilmu yang harus dipelajari.

rangkap 46

Karang mengarang satoe hilmoe
So paija jang membatja djangan jemoe
Tjari sadjak nja sampei bertemoe
Sopaija terpoedji nama nja kamoe.

Sesuatu yang amat ketara ialah pengarang terkesan dengan sikap baginda Sultan Abu Bakar yang dianggapnya tidak ada sultan yang dapat menandinginya dalam pelbagai perspektif sama ada dari segi fizikalnya, dari segi kepintarannya yang boleh berbahasa dan berbudaya Barat, dari segi pemerintahannya , sikap diplomasinya yang tinggi dan yang lebih penting sikap ramah tamahnya yang tidak mengenal bulu. Jika dilihat dari perspektif sejarah apa yang digambarkan oleh pengarang ini memang wajar kerana baginda dikenali sebagai Bapa Johor Moden sehigga baginda bergelar Maharaja dan direstui pula oleh Ratu Victoria (*Jernal Sejarah* Jilid x 1972/73:25-41). Justeru itulah syair ini dicipta sebagai hadiah peribadinya kepada baginda dan tidak secara langsung syair ini dapat dijadikan bahan rujukan yang bermakna dalam menilai kembali warisan sejarah Johor. Hubungan di antara pengarang dan Sultan hanya bermula sewaktu diundang menghadiri pesta perkahwinan puteri baginda sebagaimana termuat pada halaman 73:

rangkap 101

Tjoema beta sendiri orang Tjina
Bersama sentap dengan Beginda
Baroelah Beginda kenal beta nja
Sentap perdjamoean dalam astana nja.

Mungkin disebabkan hanya beliau seorang sahaja dari etnik Cina yang menjadi tamu baginda menjadikan dirinya berasa

amat bertuah sehingga beliau berani menggunakan kata diri beta. Walau bagaimanapun dapat diperkirakan bahawa pengarang secara kurang sedar atau tidak tahu tentang perbezaan di antara dua kata tersebut.

Perkahwinan Puteri Sultan dengan Angkoe Achmad

Dalam syair ini pengarang menulis pesta perkahwinan yang diadakan amat meriah sehingga dihadiri oleh segenap lapisan masyarakat termasuklah para undangan khusus. Undangan khusus ini termasuklah mereka daripada pelbagai bangsa dan agama terutama pegawai pegawai Inggeris yang berada di Singapura. Kemeriahan ini dipaparkan juga, seperti Sultan mengadakan pesta perarakan pengantin, mengadakan pelbagai hiburan seperti wayang Cina, Melayu dan joget lambak. Dalam teks pengarang mengistilahkannya sebagai " Ronggeng joget betina".[4] Gambaran ini dilukiskan dalam beberapa rangkap terutama dari rangkap 81 hingga rangkap 192. Pada pesta perkahwinan inilah pertemuan pertama pengarang dengan baginda Sultan dan sejak itu pengarang amat mengagumi baginda.

Pesta yang diadakan

Pengarang amat kerap memaparkan pesta yang diadakan oleh baginda Sultan terutama pesta tari menari dan kadangkala gambaran yang dipaparkan boleh mencuit hati khalayak seperti rangkap-rangkap di bawah ini:

rangkap 447

Brapa banjak djoget dan waiang
Doea hari nja malam dan siang
Segala jang meliat girang dan riang
Ada jang loepa waktu sembaiang.

Namun kenyataannya setiap kali Sultan menerima tamu dari luar negara setiap kali itulah pula pesta tari menari diadakan. Secara tidak langsung ini menggambarkan kemewahan yang dimiliki oleh Sultan dan hal ini akan dibicarakan dalam ruangan khusus di bawah ini.

Gambaran Baginda Sultan dan Permaisuri

Disebabkan syair ini digubah khusus untuk baginda Sultan, pasti sahaja kebanyakan isinya mencakup gambaran tokoh ini dari

pelbagai perspektif seperti yang disebutkan di atas sehingga judul syair menggunakan nama baginda Sultan. Kadangkala apa yang ditulisnya itu amat menyanjung sehingga tokoh ini tidak menampakkan sebarang kecelaan sebagai seorang manusia. Jika ditelusuri dari segi sejarah, baginda Sultan ini ada juga melakukan kesalahan seperti memaksa penghulu-penghulu Muar bersumpah di masjid supaya memilih baginda dan tidak memilih Tengku Alam sebagai pemerintah Muar (Buyong Adil, 1971:245). Penulisan mengagungkan seseorang tokoh sudah menjadi suatu kebiasaan waktu itu sebagaimana yang sering kita lihat dalam teks-teks Melayu lama. Raja amat disanjung kerana raja dianggap sebagai manusia istimewa yang berbeza dari rakyat biasa dan andainya penentangan dilakukan, pasti si penentang akan mendapat tulah atau kualat. Tokoh sultan ini mengikut pandangan pengarang dapat dijadikan keramat kerana kehebatan yang dimiliki oleh baginda Sultan amat sukar ditandingi. Pemerian pengarang dapat dilihat pada halaman 164:

rangkap 448

Toehan Allah kasihi banjak amat
Hidoep mangkat nja mendapat hoermat
Zinazah nja tentoe mendjadi kramat
Tempat bernazar banjak oemat.

Di sini pengarang mungkin melihat senario yang ada pada waktu itu bahawa seseorang tokoh yang luar biasa akan menjadi keramat apabila dia meninggal. Hal begini memang lumrah di kalangan masyarakat Melayu dan sebagai contoh dapat kita lihat seperti Makam Habib Noh di Singapura. Kubur ini menjadi tempat orang membayar niat pada suatu waktu dahulu dan saya kira tidak lagi pada waktu kini. Pengertian keramat di sini dapat juga dilihat dari pandangan kebiasaan orang Melayu yang sering mengaitkan seseorang yang baik dengan keramat seperti ungkapan "Ah, dia itu keramat hidup!" Penyanjungan kepada raja bukan suatu yang asing lebih-lebih lagi bagi seorang penulis yang bernaung di bawah seorang raja.

Hal yang sama juga dilakukan oleh Abdullah Munsyi sewaktu memuji ketokohan Raffles dalam tulisannya (*Hikayat Abdullah*, 251). Gambaran permaisuri Sultan Abu Bakar ini juga turut dibeberkan sehingga dikatakan kecantikannya sukar ditandingi kerana kulitnya yang putih dan halus. Sikapnya yang berhemah tinggi amat memikat sesiapa sahaja dan faktor inilah yang membuatkan baginda Sultan mulai menurun kesihatannya selepas kemangkatan permaisuri.

Gambaran Kemakmuran Negeri Johor

Senario yang digambarkan oleh pengarang amat memikat seperti memaparkan hasil-hasil yang diperolehi di Johor seperti pinang, lada, kopi, gambir dan tanaman lain yang diusahakan oleh orang-orang Cina dan Jawa. Ramainya orang Cina di Johor memang tercatat dalam sejarah bagaimana mereka digalakkan datang membuka ladang-ladang baru untuk maksud pertanian (*Jernal Sejarah* Jilid X 1971/1972:34-38)[5]. Dalam syair ini pengarang turut memaparkan betapa ramainya masyarakat Cina sehingga dilantik seorang kapitan Cina yang bernama Tjoea Toea Soen untuk mengendalikan kebajikan Cina di Johor.

Kelompok orang-orang Jawa juga turut disentuh oleh pengarang sebagaimana yang disyairkan pada di halaman 100:

rangkap 695

Banjak orang Djawa tinggal di sana
Memboeat kebon memboeka tana
Banjak tanaman nja bermatjam warna
Banjak kampoeng nja di mana mana.

rangkap 696

Berpoeloe riboe ada orang Djawa
Brapa memboeat ladang dan sawa
Padi nja mendjadi sangat lah mewa
Dikreta api jang moeat moera sewa.

Kedatangan orang-orang Jawa memang banyak tercatat dalam sumber sumber sejarah bahawa kelompok ini terpaksa ke luar dari negeri asalnya kerana tidak sanggup menderita di bawah pemerintahan Belanda; lebih-lebih lagi apabila Belanda memperkenalkan sistem Tanam Paksa. Dalam hal ini Singapura dijadikan pintu masuk orang-orang ini. Tidak menghairankan jika dilihat pada tahun tahun 1900-an negeri-negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu sudah mulai menerima kedatangan golongan yang kuat bekerja ini (Khazin Mohd Tamrin, 1987).

Kemakmuran yang dinikmati di Johor dapat dilihat juga sewaktu baginda Sultan mengadakan pelbagai pesta dan upacara. Pengarang tidak menyentuh langsung gejolak politik yang berlaku dan ini sebagai satu tanda bahawa era akhir pemerintahan Sultan Abu Bakar keadaan negeri Johor amat membahagiakan. Gambaran ini dapat dilihat dari tokoh-tokoh Melayu yang hadir sewaktu perkahwinan puteri baginda Sultan seperti Sultan Pahang, Yang Dipertuan Riau dan tokoh-tokoh lain dari Terengganu dan Kedah. Jika ditelusuri dari sumber sejarah bahawa Sultan Abu Bakar pada era awal pemerintahannya

banyak berlaku persengketaan politik dengan Pahang (Buyong Adil, 1971: 226).

Selain mengadakan pesta sempena kedatangan tamu dan juga sebagai bukti kemakmuran negara, Sultan Abu Bakar juga banyak membelanjakan wang untuk membeli barang langka dan istimewa yang diperolehinya di Eropah sebagai satu cara untuk memperindahkan istananya. Gambaran ini banyak terungkap dalam teks yang digunakan seperti pada rangkap 680 sehingga rangkap 687 bahagian pertama dan di antara lain ialah:

Soenggoehlah beginda orang berharta
Perkakas astana nja djangan dikata
Boekan nja sedikit harga berjuta
Apalagi koeda serta dengan kreta.

Dengan menyebutkan kuda dan kereta sudah membuktikan bahawa jalan perhubungan darat dapat dikatakan baik dan hal ini banyak diungkapkan oleh pengarang dalam syair ini. Kemajuan di Johor pada pemerintahan baginda Sultan amat membanggakan seperti pembukaan Batu Pahat yang dikelolakan oleh Dato Bentara Luar yang mewakili baginda Sultan pada 1893 (*Jernal Sejarah*, Jilid X 1971/1972 :38).

Kestabilan politik Johor dapat dilihat dari pemergian baginda Sultan sebanyak lima kali ke Eropah dan lawatan rasmi ke China dan Jepun. Jika negeri dalam keadaan yang kurang stabil, pasti sahaja baginda Sultan tidak akan meninggalkan negerinya buat beberapa kali. Pemergian baginda Sultan ke Eropah amat banyak diungkapkan oleh Na Tien Piet dan ini bukan suatu fakta yang sengaja diadakan oleh pengarang tetapi adalah suatu kenyataan (Buyong Adil, 1971: 257).

Gambaran Kepintaran Orang Atasan Johor

Kemakmuran dan kestabilan politik negeri Johor bukan sahaja terletak di pundak baginda Sultan sendiri sahaja malah baginda Sultan amat dibantu oleh pembesar-pembesar Johor yang dilantik bukan atas dasar sembarangan tetapi berdasarkan kebolehan yang dipunyai oleh tokoh-tokoh ini. Tokoh yang disebut oleh pengarang ialah Mohamad Saleh yang amat pintar dalam pelbagai bahasa termasuk bahasa Inggeris, Cina dan Jepun. Sejumlah enam rangkap menggambarkan tokoh ini dan ini dapat diandaikan bahawa pembesar-pembesar Johor amat peka dengan tanggungjawab yang dipikulnya. Tokoh Muhamad Saleh ini pada dasarnya hanyalah berpangkat Datuk Bentara Luar sedangkan

yang menjadi Menteri Besar ketika itu ialah Dato Jaffar bin Haji Mohammad yang telah diberi bintang kebesaran Johor yang bernama *Darjah Kerabat* (D.K.)(Buyong Adil, 1971: 254).

Dalam teks pada bahagian kedua terutama pada bahagian penutup iaitu dari rangkap 675 sehingga rangkap 695 pengarang banyak menyenaraikan nama pembesar Johor seperti:

Angkoe Mohamad Kalid	-	Pemungut Hasil Negeri
Dato Jaffar Haji Mohammad	-	Perdana Menteri
Mohamad Saleh	-	Dato Bintara Luar
Ibrahim bin Abdullah	-	Dato Bintara Dalam
Abdul Rahman	-	Dato Sri Amar
Angkoe Otman	-	Adjudan Sultan
Angkoe Mohamed	-	Adjudan Sultan
Abdullah	-	Dato Setia Diraja
Haji Mohamad Saleh	-	Dato Hakim
Said Salim Al Atas	-	Dato Mufti
Haji Abdul Rahman	-	Dato Kadi
Jaffar bin Nong	-	Dato Penggawa Timur
Abdul Samad	-	Dato Penggawa Barat
Angkoe Mohamad	-	Kepala Polis
Entjik Mohamad	-	Syahbandar
Entjik Hasan	-	Inspektor
Raja Yahiya	-	Syahbandar 2
Angkoe Sulaiman	-	Residen Muar
Entjik Mohamad	-	Setia usaha Residen
Entjik Mahmoed	-	Penolong Resident
Tjea Toea Soen	-	Kapitan Cina
Entjik Awang	-	Ketua Polis di daerah penempatan Jawa
Entjik Ismael	-	Kepala/Ketua kereta api

Dengan adanya pembahagian tugas pada setiap mereka yang dilantik, pasti tidak menghairankan Johor terus maju

sehingga Johor berani mengadakan beberapa perjanjian secara langsung dengan pihak Kerajaan Inggeris dan salah satu yang dapat ditulis ialah Perjanjian yang ditanda tangani di Pejabat Tanah Jajahan Inggeris di London oleh Frederick A.Stanley, Setiausaha Negara bagi pihak kerajaan Inggeris dengan Maharaja Abu Bakar dan pada waktu itu baginda belum lagi bergelar Sultan (Buyong Adil, 1971:252).

Kematian Keasbury

Disebabkan pengarang seorang Kristian pasti sahaja kematian seorang yang beragama sama dengannya amat mengharukan jiwa dan beliau telah membeberkannya dalam empat belas rangkap sehingga tokoh ini dianggapnya sebagai seorang aulia. Atas jasa -jasa tokoh inilah baginda Sultan telah membina batu marmar untuk kuburnya. Tuan Keasbury ini amat disanjung kerana jasanya mengajar baginda Sultan bahasa Inggeris dan tatacara Inggeris sehingga pengarang menggambarkan bahawa baginda Sultan amat pintar berbahasa dan beradat Inggeris sebagaimana yang terungkap dalam rangkap 329 pada halaman 47. Kita di sini tidak akan mempersoalkan apakah wajar seorang beragama Islam membina kubur yang istimewa untuk orang bukan Islam.

Pertemuan dengan Ratu Inggeris

Di atas sudah ditulis beberapa pertanyaan apakah hubungan di antara baginda Sultan Johor dengan Ratu Victoria dan sejak bilakah hubungan itu bermula? Dalam syair karya Na Tien Piet ini, pengarang amat banyak menulisnya seperti pada halaman 89 dan beberapa halaman lain sehingga kematian baginda sendiripun berlaku di hadapan sang ratu. Gambaran gambaran begini terus mengundang pertanyaan demi pertanyaan seperti yang ditulis di atas tadi dan untuk menelitinya pastilah aparatus sejarah digunakan.

Dalam makalah ini tidak wajar dibicarakan perkara perkara sedemikian tetapi yang penting hubungan di antara keduanya amat baik sehingga sang ratu seringkali menyetujui apa sahaja yang dikehendaki oleh baginda Sultan seperti penggunaan gelar Maharaja dan seterusnya menukarkannya kepada Sultan. Begitu juga dengan beberapa perjanjian yang ditandatangani semata-mata kerana baginda Sultan ingin pemerintahannya tidak diganggu gugat dan dalam pengertian yang lain ialah baginda ingin berotonomi sendiri. Sebelum baginda Sultan berangkat

ke England untuk kali terakhir baginda sempat menandatangani perjanjian dan mengisytiharkan *Undang-Undang Tubuh Kerajaan* pada 14 April tahun 1895 di Johor Bahru semata-mata untuk kestabilan kerajaannya.

Hubungan akrab yang digambarkan pasti mempunyai alasan-alasan jitu kerana pengarang amat menyedari erti kebenaran dan inipun sudah diungkapkan dalam syairnya ini. Keakraban Johor dengan England dapat juga dilihat dari kedatangan anak-anak raja Inggeris seperti Duke of Edinburgh pada bulan Februari 1868 dan gambaran penghantaran pulang jenazah baginda Sultan ke Johor.

Bahagian Kedua Syair

Dalam bahagian kedua syair ini, isi-isi penting sudahpun disenaraikan di atas dan apa yang dipaparkan oleh pengarang adalah sambungan dengan kegiatan baginda Sultan yang sering ke Eropah sehingga untuk berubat pun baginda terpaksa ke Jerman terutama selepas kemangkatan permaisurinya. Dalam bahagian kedua ini suatu yang amat menarik untuk diteliti ialah upacara-upacara pengkebumian permaisuri dan juga baginda Sultan sendiri seolah-olah ianya seperti suatu pesta pengkebumian. Gambaran ini terungkap dalam upacara pengkebumian baginda Sultan pada rangkap 337-378.

Pengkebumian yang digambarkan seperti suatu perarakan kerana setiap pembesar terlibat dalam perarakan tersebut selain wakil-wakil Inggeris dan etnik-etnik yang lain yang tinggal di bawah naungan baginda. Dalam perarakan ini disediakan kereta jenazah yang berkelambu serba kuning sebagai lambang kesultanan dengan potret baginda terpampang di atas kereta tersebut. Kereta jenazah ini ditarik oleh seratus orang penghulu yang kesemuanya berbaju kuning dan bercelana putih. Di atas terdapat kereta jenazah tujuh belas orang anak raja yang muda-muda, berpakaian serba hitam sambil membawa barang-barang keperluan pengkebumian seperti air talkin dan tikar yang akan digunakan. Dalam makalah ini diperturunkan hanya sebahagian syair yang memaparkan keadaan tersebut:

rangkap 353

Spandjang djalan ada tiang bendera nja
bendera Tjina segala digantoengkan nja
Berbagai matjam ada warna nja
Seriboe bendera lebih hitoengan nja

354 No 1. orang jang main moesik nja
No 2 soldadoe Malaijou dengan snapang nja
No.3 soldadoe Bengala dengan snapang nja
No 4 soldadoe Malaijou dengan lembing nja.

355 No 5 16 orang bawak lembing mas
No 6 16 orang bawak tempat bara mas
No 7 16 orang bawak tempat lilin mas
No 8 16orang pakei slampei mas.

356 No 9 4 orang bawak segala bintang nja
No 10 16 orang bawak paijoeng nja
No 11 16 orang bawak kain doekoeng nja
No 12 kreta tempat zinazah nja.

357 No 13 Beginda Sultan dan Toen Gouverneurnja
No 14 Sultan negeri lain dan orang besar nja
No 15 Orang besar Enggeris dan Konsul nja
No 16 Toean toean saudagar Enggeris nja.

358 No 17 anak radja radja orang besar nja
No 18 orang Arab dan toean said nja
No 19 orang Tjina Touke touke nja
No 20 segala matjam bangsa nja.

Apabila gambaran ini diteliti kembali pada waktu ini oleh khalayak yang berbeza dari segi senario kehidupan, pastinya akan lahir pelbagai persoalan. Namun yang wajar dapat disimpulkan bahawa penonjolan kebesaran seseorang raja masih diteruskan walaupun baginda telah lama mangkat. Jika diteliti dari teks-teks Melayu lama amat langka penggambaran seperti ini ditonjolkan. Hanya yang sering ditonjolkan ialah gambaran sewaktu menerima tamu luar negeri dan bingkisan yang diiringi dengan tunggul panji-panji kebesaran seseorang raja.[6]

Bahasa

Mungkin bahagian ini dapat dianggap kurang penting tetapi dapat diperkirakan sekadar menambah informasi bahawa bahasa Melayu sudah dapat memikat etnik-etnik lain untuk menggunakanya sebagai wadah penyaluran rasa dan minda.

Kebanyakan karya pengarang ini menggunakan bahasa Melayu Pasar atau *The Bazaar Malay* atau dikenali juga sebagai *Urban Colloquial Malay*. Bahasa begini bukan suatu yang janggal

dan asing malah dapat dianggap sebagai *the trade mark* penulisan golongan ini.

> *"... In the major towns of Java, especially along the north-coast where most of the Chinese lived a combination Bazaar Malay and Hokkien terms and later Dutch as well was used as the lingua franca."*
>
> (Leo Suryadinata, 1978: 8)

Sehubungan dengan teks yang diteliti ini amat langka bahasa Jawa digunakan jika dibandingkan dengan karya-karya lain yang dikarang oleh pengarang Cina Peranakan seperti Lie Kim Hoek atau Tan Teng Kie. Hal ini amat wajar kerana pengarang adalah kelahiran Bangkahulu dan tidak di daerah pesisir di Jawa. Begitu juga karya yang ditulisnya ini adalah dicipta di daerah Melayu yang sudah ada kontak dengan Inggeris. Jadi bahasa tempatan inilah yang digunakan. Namun disebabkan penulisan ini berbentuk syair yang terikat dengan hukum-hukumnya menjadikan perkataan baku Melayu telah berubah wajah seperti:

disumpah	jadi	disumpa
ndah	–	enda
sudah	–	suda
murah	–	mura
Allah	–	Alla d.l.l

Penutup

Dari beberapa aspek yang dibentangkan di atas dapat diperkirakan bahawa pengarang amat bertanggungjawab dengan apa yang ditulisnya dan penulisannya ini dapat digunakan sebagai satu sumber otentik dalam melihat budaya warisan Johor. Walaupun pengarang menulisnya dalam bentuk syair namun yang penting adalah fakta-fakta yang diungkapkan oleh pengarang. Fakta-fakta ini tidak bercanggah dari fakta sejarah Johor yang dicatatkan dalam penulisan yang lain. Satu yang menarik dalam syair Na Tien Piet ini ialah gambaran senario pada waktu itu yang rata-rata menggambarkan penduduk di daerah sini sudahpun menikmati kemakmuran yang ada di negeri Johor. Sekaligus juga dapat dibuktikan bahawa kemakmuran sesebuah negeri dapat diraih walaupun di bawah pemerintahan seorang sultan dan tidak sebaliknya.

Dari gambaran yang dipaparkan oleh pengarang, juga dapat dikatakan betapa perlunya ilmu terutama yang berkaitan dengan pembelajaran bahasa. Pembelajaran bahasa dapat dianggap sebagai pintu untuk memasuki wilayah asing dan ini dibuktikan dengan kebolehan Sultan Abu Bakar dan pembesar-pembesarnya menguasai pelbagai bahasa selain bahasa Inggeris.

Nota:

1 Syair ini dicetak di Singapura dan di bahagian akhir teks ada dipaparkan bersama potret pengarang dan Sultan Abu Bakar selain Sultan Ibrahim dalam usia muda. (Lihat lampiran)

2 Sikap merendah diri pengarang dapat dilihat ada persamaan dengan apa yang ditulis dalam *Sejarah Melayu* cetakan 1967 halaman 2. Antara lain....Setelah fakir mendengar demikian..

3 Teks yang digunakan adalah teks yang berlainan kerana penulisannya lebih menyorot kepada hal-hal politik Johor yang ada kaitannya dengan Pahang.

4 Mengenai kata "ronggeng joget betina" yang digunakan oleh pengarang lebih bersifat ingin mencari rima yang bersesuaian dengan baris lain dalam rangkap tersebut dan tidak dengan niat untuk merendahkan martabat wanita. Walau bagaimanapun jika dilihat dari sudut lain memang ada kebenarannya kerana wanita yang bersopan tidak akan mahu menjadi anak ronggeng pada ketika itu.

5 Kemasukan orang orang Cina dapat juga dilihat dari sumber *Surat Keterangan Membuka Kebun Gambir Lada* Johor 1260-1320.

6 Perarakan bingkisan dalam *Hikayat Hang Tuah* ada digambarkan secara menarik seperti: Setelah sudah lengkap, pergilah dengan segala bunyi-bunyian. Telah datang ke perahu maka surat dan bingkisan itupun dinaikkan oranglah di atas gajah lalu diarak masuk (*Hikayat Hang Tuah*, Jilid 4 Malaya Publishing House Limited, Singapura: 723).

Bibliografi

Buyong Adil, Haji. 1971. *Sejarah Johor.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Datoek Besar, R.A. 1953. *Hikajat Abdoellah.* Djakarta: Penerbit Djambatan.

Fawzi Basri, M.A. 1983. *Warisan Sejarah Johor.* Persatuan Sejarah.

Hikayat Hang Tuah (t.t.) Jilid 4 . Singapura: Malaya Publishing House.

Jernal Sejarah. Jilid x. 1971/72.

Khazin Mohd. Tamrin. 1987. *Orang Jawa di Selangor: Penghijrahan dan Penempatan 1880-1940.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Leo Suryadinata. 1978. *The Chinese Minority in Indonesia.* (seven papers) Chopman Enterprises.

Na Tien Piet. 1896. *Shaer Almahoem Beginda Sultan Abu Bakar di Negeri Johor.* Singapoera.

Noriah Mohamed.1995. *Jayengbaya: Memahami Pemikiran Jawa.* Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Salman Claudine. 1985. *Sastra Cina Peranakan dalam Bahasa Melayu.* Jakarta: P.N. Balai Pustaka.

Shellabear,W.G.(pnyt). 1967. *Sejarah Melayu.* Kuala Lumpur: Oxford University Press.

SYAIR PEMBUKAAN PARIT JAWA JOHOR

RAHMAT SARIPAN

Pengenalan

Keunikan syair yang akan dibicarakan memang menyerlah. Pertama, syair ditulis oleh seorang anak tani yang bertani. Kedua, syair inilah satu-satunya karya asli yang ditinggalkannya sebagai warisan anak cucunya. Ketiga, syair merupakan manuskrip yang belum diterbitkan dan rasanya dikarang bukan untuk penerbitan. Justeru itu pengarangnya mungkin menganggapnya sebagai sebuah memoir yang tidak akan diterbitkan. Keempat, kesedaran sejarah yang sangat trampil tentang peri pentingnya Parit Jawa sebagai sebuah pertempatan bagi golongan perantau yang berhijrah, mencari nafkah hidup yang halal dan seterus berjaya sebagai makhluk yang sentiasa mencari keredhaan Allah. Kelima, motif pengarang syair menulis sebagai suatu 'medium nasihat' bagi anak-anak serta ahli-ahli keluarga lain untuk pembangunan dan kemajuan diri masing-masing dalam erti kata yang luas. Malah banyak lagi ciri-ciri syair yang tersurat, tersirat dan terselindung yang boleh dibicarakan selanjutnya tetapi tidak mungkin terkendali kesemuanya dengan sempurna di atas kertas yang terhad dan waktu yang singkat.

Kertas yang ringkas ini cuba mengutarakan apa yang dihasratkan oleh pihak penganjur Seminar Warisan Persuratan Johor, iaitu mengenai syair yang menyentuh secara khusus tentang aspek Pembukaan Parit Jawa Johor.

Sehingga kini belum ada kertas yang membicarakan dengan terperinci mengenai syair berhubung dengan peristiwa sejarah pembukaan Parit Jawa Johor. Tulisan mengenai sejarah pembukaan Parit Jawa memang sudah diusahakan. Di antara yang terawal terdapat dalam simpanan Haji Simon bin Haji Muhammad Nor (Allahyarham), anak kepada penulis syair yang

akan dibicarakan. Secara kebetulan dan ini semua kehendak Allah yang Maha Berkuasa, Haji Simon ialah guru penulis kertas ini di peringkat sekolah rendah.

Haji Simon memang giat menulis rencana di samping mencatat peristiwa-peristiwa penting yang berkenaan dengan ahli keluarga termasuk membuat salasilah dan riwayat hidup. Beliau telah menyumbangkan kepada penulis sedikit sebanyak sumber sejarah. Namun, seperti pengarang SAR, beliau tidak menerbitkan hasil karyanya. Mungkin ada penerbitannya yang belum ditemu dan dikenal pasti oleh penulis kertas ini.

Kertas ini cuba menampilkan sebuah manuskrip milik Haji Simon, anak kepada pengarang 'Syair Abdul Rahman' (SAR). Manuskrip ini telah dipinjamkan kepada penulis pada awal tahun-tahun 80-an. Manuskrip berada dalam tangan penulis selama beberapa tahun. Semasa dalam simpanan penulis, Sdr Khazin Mohd. Tamrin telah memohon jasa baik Haji Simon supaya membenarkan beliau menggunakan sumber itu untuk kajian tesis Doktor Falsafahnya. Haji Simon menyatakan bahawa manuskrip itu berada di tangan penulis. Lantas Sdr Khazin yang memang sedang membuat kerja lapangan di Johor untuk menyempurnakaan kajiannya mengenai perantauan orang-orang Jawa ke Malaya, telah meminta sebahagian dari sumber itu berkaitan dengan penghijrahan iaitu bahagian pertama SAR, kira-kira 150 folio dari 370 folio.

Selepas peristiwa itu penulis telah memulangkan naskhah aslinya kepada Haji Simon. Kini naskhah ini dipercayai berada di tangan salah seorang cucu kepada pengarang, iaitu Hafadz bin Haji Simon. Suatu salinan foto telah diserahkan kepada penulis untuk kajian lanjut mengenai keluarga Haji Simon dan aspek sejarah Parit Jawa berasaskan kepada keterangan sejarah yang terdapat dalam syair tersebut.

Latar Belakang Sejarah Parit Jawa

Pada mulanya penulis merasakan tidak perlu melatarbelakangkan sejarah awal Parit Jawa (PJ) dalam perbincangan kertas ini. Memadailah setakat membicarakan pembukaannya dalam konteks syair tetapi ternyata pula kemungkinan persoalan timbul tentang kepentingan Parit Jawa ditinjau dari segi perkembangannya dalam konteks pembangunan negeri Johor.

Pembukaan PJ telah dipimpin dan diusahakan oleh seorang perantau dari Tanah Jawa bernama Abdul Jabbar. Sebelum PJ dibuka, memang sudah ada pertempatan berbentuk kampung nelayan. Akan tetapi perantau Jawa tidak berminat menangkap

ikan. Mereka membina sebuah perkampungan lain di tepi pantai yang dikenal dengan nama Kampung Bahru, di mana mereka bergiat sebagai petani. Bilangan penduduk yang terdiri daripada perantau Jawa di situ tidak melebihi 100 orang. Sebuah masjid telah didirikan di kampung itu yang telah menjadi markas keagamaan termasuk pendidikan agama. Di situlah Quran dan Kitab diajarkan dan dipelajari.

Masyarakat kaum tani yang membangunkan PJ pada separuh kedua abad ke-19 merupakan sebuah komuniti Islam yang sangat kuat berpegang kepada lunas-lunas Islam. Perihal ini menggariskan keperluan mencari rezeki halal berpandukan kepada ajaran-ajaran Islam. Justeru itu, konsep perantauan bagi orang-orang Jawa yang bermastautin di Johor, khususnya dalam kes PJ, menekankan kepentingan mencari rezeki untuk naik haji sebelum memikirkan untuk tinggal menetap, berumah tangga dan membina keluarga. Malah sebelum bersiap sedia mencari rezeki, mereka nampaknya digalakkan mengaji Quran dan membaca Kitab untuk menjadi bekalan ilmu ke Makkah. Sekolah Quran dan Kitab ialah di surau atau masjid sekiranya tidak diadakan di rumah lebai atau tok guru.

Pada peringkat awal pembangunan PJ menampakkan kegiatan bertani untuk sara diri. Di samping itu mereka menanam kelapa, kopi dan pinang secara sulaman. Hasil tanaman tersebut dipasarkan ke Singapura dengan menggunakan sekoci iaitu sejenis perahu besar. Di samping itu ada juga peraih-peraih yang datang sendiri membeli hasil pertanian dari para petani.

Menjelang awal abad ke-20, Penghulu Jabbar, Wario @ Haji Abdul Rahman telah menjadi 'orang kaya'. Haji Samsuri, seorang lagi perantau dari Kuddus, boleh menjadi kaya raya sekiranya beliau menumpukan perhatian kepada perusahaan tani. Sebaliknya, beliau melanjutkan pelajaran agama ke Tanah Arab dan kembali menjadi guru agama menyebabkan kebanyakan dari ahli keturunannya bergiat dalam bidang keagamaan sebagai guru agama, imam dan sebagainya.

Dari akhir abad ke-19 sehingga dekad pertama abad ke-20, beribu-ribu jalur tanah telah dibangunkan dengan tanaman komersil seperti kelapa, kopi, pinang dan tanaman dusun seperti durian, duku, manggis dan rambutan. Pertanian di kawasan Padang tidak mungkin menghasilkan pendapatan yang lumayan sekiranya 'parit-parit' tidak dibuat. Melalui institusi gotong-royong dan muafakat, mereka membina 'jalan air' yang besar yang dipanggil 'Parit Kongsi' atau 'Parit Besar'. Salah satu Parit Kongsi yang terkenal di daerah Padang, Muar ialah Parit Jawa.

Luas Parit Jawa pada permulaanya ialah dua meter (sedepa) tetapi telah diperbesar sehingga seluas enam meter (tiga depa). Panjangnya dari pantai ke kawasan bukit ialah tiga kilometer.

PJ merupakan jalan air yang penting pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 sebelum merdeka. Sejenis perahu yang diperbuat daripada balak kayu besar dikenali dengan nama perahu jalur banyak menggunakan jalan air ini. Malah perahu besar atau sekoci juga dapat menggunakan PJ. Perahu-perahu bukan sahaja mengangkut hasil pertanian, tetapi boleh membawa penumpang.

Kedudukan PJ sebagai sebuah unit pentadbiran politik telah terserlah sejak akhir abad ke-19 tetapi sebelumnya penguasa Johor, Temenggung Ibrahim, tidak mempunyai wibawa ke atas Muar-Kesang. Hanya selepas Maharaja Sultan Abu Bakar (1862-95) menguasai Muar dan membangunkan Bandar Maharani, Parit Jawa menjadi sebuah pusat pentadbiran yang ditadbirkan oleh seorang residen pada tahun-tahun 1870-an dan awal 1880-an.

Di PJ, Penghulu merupakan pemegang kuasa tertinggi. Penghulu mempastikan keadaan parit, jalan raya, dan bangunan awam terpeliahara dengan baik. Hanya sekali sekala Sultan berangkat melawat ke Parit Jawa, itupun apabila sampai musim memburu binatang liar. Nampaknya hubungan di antara Sultan dengan Penghulu adalah erat dan bersifat peribadi.

Tahun 1910 merupakan tarikh penting dari segi perundangan dan pentadbiran tanah di Johor. Sebelum tarikh itu, iaitu pada zaman pembukaan PJ, lunas-lunas perundangan dan pentadbiran tanah berasaskan kepada adat yang pada hakikatnya berlandaskan kepada syariat Islam. Justeru itu Penghulu, sebagai wakil Raja/Sultan, telah mengendalikan dan melaksanakan perundangan dan pentadbiran tanah mengikut adat. Penghulu atau Naib-Penghulu diberi kuasa mengeluarkan surat 'Akuan Penghulu', Keterangan Menebang Hutan, dan Kebenaran Berkebun. Pekebun-pekebun membayar ransum atau kancing alas seakan cukai hartanah.

Pengarang Syair

Pengarang SAR bernama Haji Muhammad Nor bin Abdul Rahman. Lahir di PJ pada tahun 1878 Masihi. Namanya sejak dilahirkan ialah Muhammad @ Sufian. Sufian menukarkan namanya kepada Muhammad Nor setelah menunaikan fardu haji. Riwayat hidupnya ternyata dalam SAR yang memungkinkan penulisnya secara sedar atau sebaliknya menuliskan semacam

sebuah riwayat hidup pengarang atau autobiografi.

Bapanya seorang petani Jawa bernama Wario berasal dari Kuddus, Semarang, Jawa Tengah. Wario meninggalkan pulau Jawa atas sebab peribadi sekitar tahun 1860-an. Nama asal Wario rupa-rupa tidak dikekalkan. Seperti juga dengan kebanyakan orang-orang Jawa lain yang merantau dan seterusnya berjaya menunaikan fardhu haji, Wario telah menukarkan namanya kepada Abdul Rahman. Nama Abdul Rahman (alias Wario) menjadi judul syair yang ada kaitannya dengan peristiwa sejarah pembukaan Parit Jawa.

Hidup Muhammad Nor dikandung adat. Adat menjadi wadah utama dan penting dalam keluarga perantau Jawa. Tanpa adat, pembinaan keluarga tani mungkin tidak boleh disempurnakan. Dalam adat terkandung banyak nilai dan norma budaya yang dikongsi bersama. Justeru itu mereka bermuafakat, bekerjasama, begotong-royong dan mendapatkan persetujuan yang melibatkan keluarga dan masyarakat melalui perundingan dan mesyuarat. Kebersamaan dan perasaan kekitaan atau *esprit de corp* menjadi dinamo yang menjana segala usaha dan kerja yang manfaatkan keluarga. Lantas dari keluarga yang utuh, masyarakat yang kukuh dan jitu terbina.

Seperti kelahiran bayi lain di kampung Parit Jawa, ahli-ahli keluarga yang terdekat menyambutnya dengan penuh rasa syukur dan girang kerana menerima nikmat dan rezeki. Rasa syukur dilafazkan dengan azan dan aqamat serta doa-doa oleh sang bapa. Justeru rasa girang, kelahiran bayi itu juga menyebabkan mereka yang bersaudara berjaga malam (Jawa: melek-melek) sebelum bayi tanggal pusatnya. Setelah pusatnya tanggal, mereka mengangkat suatu khenduri selamatan secara besar-besaran dan meriah sekali. Kemeriahan terjelma apabila semua kaum kerabat hadir berzanji, marhaban dan bersalawat.

Sebagai anak sulung, Sufian dididik dengan penuh kasih sayang. Anak sulung ini telah diberi perhatian istimewa supaya apabila dewasa kelak dia dapat mengambil alih tanggungjawab sebagai seorang ketua keluarga yang besar, malah sebagai seorang pemimpin ulung yang menentukan destini atau masa depan keluarga. Bapanya tinggal bersama-sama saudara maranya. Di antara adik beradik Abdul Rahman @ Wario yang dibawa ke Parit Jawa untuk tinggal bersama-sama ialah Sakijah dan Hashim. Oleh sebab itu, ternyata bahawa Sufian merupakan seorang anak yang mendapat belaian kasih saya yang melimpah ruah. Anak cilik ini didukung, dikelek, didodoi dan dibelai oleh ibu bapa, malah oleh bapa saudara, emak saudara dan lain-lain yang tergolong dalam lingkung *extended family*.

Pendidikan secara tidak formal bermula dengan pelajaran membaca Quran di rumah, di rumah guru Quran dan di masjid. Di antara peristiwa bersejarah dalam hidup pada zaman remaja pengarang ialah peristiwa berkhatam Quran dan seterusnya berkhatan. Apabila besar kira-kira 10 tahun, beliau dihantar belajar ke sekolah Melayu. Bangunan sekolah ini sudah musnah. Tapaknya berhampiran dengan Percetakan Muhammadiah, Jalan Mahmud sekarang.

Di sekolah, Sufian merupakan seorang pelajar yang pintar. Kesungguhannya belajar menyebabkan guru-guru dan rakan-rakan sebaya menggelarkan beliau dengan nama 'Tempayan' yang bererti beliau mudah menerima pelajaran yang disampaikan oleh guru-gurunya. Sufian berkelayakan menjadi seorang guru pelatih tetapi Haji Abdul Rahman mengkehendaki anaknya meneruskan usaha bertani. Mengikut ceritanya, bukan sahaja dari Haji Simon tetapi responden lain yang berkaitan, gaji seorang guru sekolah tidak seberapa. Pendapatan seorang peladang seperti Haji Abdul Rahman membolehkannya menerima gelaran 'Orang Kaya' yang diiktiraf oleh pihak pemerintah negeri.

Anak seorang kaya, walau bagaimana tinggi sekalipun pelajarannya tidak selayaknya makan gaji apa lagi sebagai seorang guru biasa. Ternyata anak lelaki Haji Abdul Rahman berpelajaran formal, tetapi pada akhir abad ke-19, malah pada awal abad ke-20, pendidikan yang ditekankan masih berlegar kepada pengajian Quran dan Kitab. Sistem pendidikan moden yang teratur dan ditadbirkan dengan tersusun di negeri Johor hanya bermula kira-kira pada tahun 1928. Sufian tidak menerima pendidikan pasca-1928, lantas berpuas hati sebagai seorang pengusaha tani yang melanjutkan kerjaya bapanya yang sudahpun mengecap kejayaan. Akan tetapi anak pengarang, Haji Simon menikmati pendidikan formal dan tidak formal yang lebih imbang. Malah lebih daripada itu, apabila beliau terpanggil ke Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim, Perak. Kecenderungannya juga ke arah keguruan. Namun begitu Haji Simon bin Haji Muhammad Nor tidak menghasilkan karya sebesar bapanya walaupun minatnya terhadap penulisan sejarah tempatan Parit Jawa tidak diragukan.

Apa yang pasti ialah Sufian @ Haji Muhammad Nor (HMN) merupakan pengarang 'Syair Abdul Rahman' yang begitu sensitif terhadap perkembangan masyarakat dan budaya sekitarnya. Di samping merakamkan peristiwa-peristiwa yang berlaku, HMN membuat komentar yang tajam terhadap gejala-gejala sosial yang menular. Gejala-gejala seperti kecenderungan mementingkan

gaya hidup *nouveau riche* di kalangan ahli keluarga, orang kaya baru khususnya anak-anak muda. Pengarang juga mengingatkan supaya mereka tidak leka dan cuai terhadap tugas dan tanggungjawab

Bapa pengarang SAR telah mencadangkan supaya beliau berumahtangga sebaik sahaja akil baligh (1893?) supaya pengarang dapat mula memikul tanggungjawab sebagai pemimpin keluarga tetapi cadangan ini ditolak dengan baik. Cadangan ini dikemukakan selepas makan malam. Cadangan dibuat secara terbuka dan ikhlas sekali. Dengan penuh takzim, Sufian membuat cadangan balas lantas menyatakan hasratnya hendak menunaikan fardu haji sebelum membuat keputusan berumah tangga. Haji Abdul Rahman telah menunaikan permohonan anak sulungnya. Sufian berangkat ke Makkah sekitar tahun 1895 bersama seorang saudara sepupunya bernama Muhammad Noh. Muhammad Noh melanjutkan pelajaran di Tanah Arab, tetapi Sufian @ Muhammad Nor telah kembali untuk berkhidmat dengan keluarganya.

Sebagai seorang yang kuat berpegang kepada agama, pengalaman di Makkah menyebabkan Sufian @ HMN banyak berfikir tentang Tuhan, makhlukNya, masyarakat Islam dan sejarahnya. Besar kemungkinannya rakaman dan catatan mengenai perjalanan ke Makkah yang begitu panjang lebar dalam syair itu telah dibuat semasa berada di Tanah Arab.

Sebagaimana yang telah dijanjikan, HMN bersetuju memperisterikan gadis pilihan keluarganya iaitu Hajjah Ruminah binti Abdul Samad tidak lama sekembalinya dari Makkah. Pakaian pengantin mereka tidak mengikut fesyen pakaian Jawa atau Melayu tetapi pakaian Arab atau lebih terkenal dengan pakaian Haji. Ini menunjukkan dengan jelas betapa perantau Jawa kurang menonjolkan ciri-ciri pakaian Jawa tradisional sebaliknya memilih cara berpakaian Melayu-Islam yang dipengaruhi budaya Arab.

Bila HMN mula menulis SAR dinyatakan sendiri oleh anaknya Haji Simon. Tarikh itu ialah pada tahun 1909 Masihi. Tarikh berakhir masih perlu diteliti dan dikaji dengan terperinci.

Sifat peribadi HMN yang paling ketara ialah amanah. Istilah bahasa Jawa tempatan di Padang, Muar, Johor ialah *temen*. Menurut Haji Simon (lahir 1917M), oleh kerana ketemenan HMN, beliau layak memiliki dan menyimpan sebilah keris Majapahit yang dibawa bersama-sama oleh adik Haji Abdul Rahman bernama Haji Hashim. Keris itu berada dalam simpanan Haji Simon semasa penulis membuat penelitian mengenai khazanah yang ditinggalkan oleh bapa HMN. Yang menarik ialah

mengapa Haji Hashim menyerahkan keris itu kepada HMN sedangkan Haji Hashim mempunyai waris yang layak menyimpannya. Mungkin HMN mempunyai hubungan yang lebih intim selain memiliki sifat temen. Sehubungan dengan amanah, HMN juga merupakan seorang yang jujur dan ikhlas.

Ketemenan, kejujuran dan keikhlasan adalah ciri-ciri kebaikan seorang penulis/pengarang yang berkaliber. Ciri-ciri di atas sangat fundamental dalam kaedah penelitian dan penulisan. Justeru kejujuran menjadi kayu ukur utama yang mengangkat mutu dan nilai seseorang pengarang. Ketelitian HMN terserlah dalam SAR. Secara objektifnya, apa yang tersurat di atas kertas manuskrip menunjukkan kepengarangannya sebagai seorang penulis yang teliti dan kemas.

Tulisan HMN cantik, tersusun dan rapi. Bentuk khat yang dipakai dari folio 1 hingga 319 tidak berubah. Bentuknya berubah dari folio 320 hingga 370.

Seorang responden yang mengenali HMN dengan lebih dekat selain anaknya sendiri, menyatakan bahawa HMN memiliki sebuah bilik khas di rumahnya yang mengandungi buku-buku, rekod-rekod, resit-resit serta bil-bil dan sebagainya. Di sinilah HMN melakukan kerja-kerja yang memerlukan kecerdasan minda dan intelek.

Seorang responden lain yang mengenali HMN tetapi tidak mempunyai tali kekeluargaan yang erat mengatakan HMN ialah seorang yang baik pekerti dan anak cucunya beradab sopan, berakhlak tinggi, serta mengerti nilai hati dan budi. Sungguhpun HMN seorang petani tetapi beliau menjadi seorang *gentleman farmer* yang mencapai matlamat hidup sebagai pemimpin keluarga rabbani. Malah konsep 'keluarga' bagi HMN terlalu luas, sehingga meliputi anak-anak saudara dan cucu-cucu saudara. Contohnya, seorang anak saudara bernama Haji Anuar bin Haji Rustam bin Haji Hashim menceritakan tentang hubungan mesra dengan HMN. Satu lagi contoh, penulis kertas ini ialah cucu saudara HMN, mempunyai kenangan manis yang sukar dilupakan. Di antara perihal yang sukar dilupakan ialah HMN suka bercerita, berjenaka dan meyenangkan hati kaum keluarganya.

Pepatah Melayu ada mengatakan 'Baik berpada-pada ...' Mungkin pepatah ini tidak ada dalam kosa pepatah HMN, lantas menyokong dan menjamin pinjaman dari ceti oleh sepupunya, iaitu Penghulu Parit Jawa. Apabila Penghulu tidak dapat membayar hutangnya, maka harta benda milik HMN telah disita dan kemudian dilelong bagi melunaskan hutang itu. Mujurlah sebahagian besar harta pusaka Haji Abdul Rahman @ Wario telah

diagih-agihkan kepada waris-warisnya. Di antara pewaris Haji Abdul Rahman ialah anaknya yang bernama Hasbullah. Keluarga Hasbullah dan anaknya Haji Salleh masih mempertahankan kekayaan dan harta peninggalan Wario sehingga sekarang. Cerita bagaimana penghulu muflis sehingga melibatkan HMN sangat mendukacitakan dan merupakan suatu titik hitam dalam sejarah hidup pengarang SAR.

Berapa jauhnya kebaikan hati budi HMN dapat diselam dalam peristiwa sejarah kekeluargaan yang menakjubkan. Anak saudara HMN sendiri bernama Kalthum binti Endut mengakui bahawa HMN telah membiayai perbelanjaan perkahwinannya. Pada masa itu harga getah sedang melambung tinggi.

Apa yang telah dibicarakan di atas mengenai pengarang SAR menjelaskan suatu corak orientasi minda kaum tani yang sangat menjaga kepentingan hubungan kekeluargaan yang bukan berbentuk *conjugal* tetapi sebaliknya *extended*. Oleh sebab mereka lebih mengutamakan aspek kekeluargaan, maka soal pembangunan ekonomi per sebanyak terabai. Begitu juga halnya dengan kedudukan politik. Mereka bukan sahaja terpinggir, tetapi mereka tidak memainkan peranan yang dominan dalam perkembangan politik negeri Johor sebelum merdeka. Menjelang Merdeka, Haji Simon cergas dalam politik tetapi kemudiannya, khususnya selepas 1957 peranannya tidak lagi menonjol.

Isi Kandungan Syair Pembukaan Parit Jawa

Sejarah pembukaan Parit Jawa terserlah dalam SAR. Ada pengkaji sejarah mengatakan SAR merupakan 'Syair Penerokaan'. Pendapat ini betul pada bahagian awalnya (hal. 18-23). Tetapi tema utama SAR mencakupi liku-liku hidup watak utama bernama 'WARIO'. Saya belum berkesempatan meneliti tesis-tesis lain yang ada sedikit sebanyak menyentuh isi SAR selain tulisan Khazin Mohd. Tamrin mengenai sejarah perantauan dan Muhammad Yusof Hashim dari segi persejarahan Melayu.

Minat penulis dalam kertas ini berlegar di atas paksi persoalan hidup Wario. Watak tokoh ini realistik, hidup dan merupakan bapa kepada pengarang HMN yang sedikit sebanyak merakamkan kisah dirinya juga. Ringkasnya, SAR merentet peristiwa sejarah hidup Wario sekeluarga dari zaman remajanya di Jawa sehingga beranak-cucu di perantauan iaitu di Kampung Parit Jawa. Yang menariknya ialah watak ini terlibat secara langsung dalam 'Pembukaan Parit Jawa' sebagai orang kanan Penghulu Abdul Jabbar. Penghulu tersebutlah yang memujuknya supaya menetap dan berkeluarga di Kampung Bahru, Padang,

iaitu nama Kampung Parit Jawa sebelum Parit Jawa dibangunkan. Abdul Jabbar yang juga berasal dari Kuddus telah menemui Wario di Singapura.

Dalam SAR, Wario yang berasal dari desa Kuddus, meninggalkan kampung halaman menuju Singapura melalui Semarang. Pengalamannya di Semarang dan di Singapura mengajarnya supaya sabar dan tabah menghadapi dugaan dan cabaran hidup. Sikap tawakal, rajin berusaha dan berikhtiar mencari rezeki yang halal walaupun setelah tertipu dan terperdaya oleh gelagat majikan yang menjanjikan bermacam-macam tetapi akhirnya tidak menunaikan janji-janji itu. Namun dengan kuasa Allah, Wario mendapat ganjaran baik apabila Allah juga yang menemukan Wario dengan Abdul Jabbar di Singapura.

Di Kampung Bahru, Padang, Wario tinggal bersama-sama Abdul Jabbar tetapi kemudian membina rumah di Parit Jawa dan tinggal bersama-sama dengan adindanya bernama Hashim. Wario dan Hashim telah membuat kebun di Parit Jawa.

Kisah-kisah menebang dan membakar hutan, kemudian bercucuk tanam dengan padi, jagung, ubi keladi dan sayur-sayuran memenuhi bahagian awal SAR (hal. 18-36). Apa yang menarik perhatian penulis berhubung dengan pembukaan Parit Jawa ialah ciri-ciri permuafakatan, kerjasama, kesabaran, ketekunan dan semangat jati diri yang utuh mendasari usaha menjayakan pertanian di kawasan Padang yang dikenal sebagai Parit Jawa. Setelah berhasil barulah Wario menunaikan fardu haji sebelum melangkah ke alam perkahwinan dan seterusnya membina keluarga bahagia berasaskan ajaran Quran, Hadis dan pegangan Alhusunnah Wal Jamaah.

Ciri-ciri hidup orang Jawa yang penuh sabar, pasrah dan telaten di samping sikap tradisional yang positif dan membina lainnya telah mendasari usaha pembukaan Parit Jawa dan pembinaan keluarga Wario @ Haji Abdul Rahman. Watak utama SAR menjelmakan ciri-ciri tersebut dalam bentuknya yang komposit sehingga Wario mendekati watak 'hero', sedangkan dalam sejarah Pembukaan Parit Jawa, Penghulu Jabbar sebenarnya merupakan tokoh utama yang memimpin dan mentadbir penerokaan tanah hutan di kawasan Padang Muar. Hal ini muncul disebabkan pengarang memfokus kepada Wario sebagai bapa, pemimpin keluarga dan penggerak masyarakat yang menjadi tema utama penulisan SAR.

Setelah berjaya sebagai 'peneroka' yang bergelar 'haji', Wario lantas berkahwin. Gadis pilihanya merupakan calon yang terakhir setelah merisik, meninjau dan meminang yang dilakukan

oleh bapa saudara Wario. SAR mengisahkan pelbagai kejadian yang melucukan berhubung dengan kisah memilih jodoh tetapi akhirnya Asmah binti Suryono diijabkabulkan dengan Haji Abdul Rahman bin Abdullah. Sebenarnya gadis ini mempunyai hubungan keluarga dengan Wario sendiri.

Kisah cinta dalam rumah tangga bagi Wario amat membahagiakan. Pengarang SAR mengumpamakan pasangan hidup Abdul Rahman dan Asmah seperti Dewa Rama dan Sita Dewi. Imageri klasik ini memahatkan keunggulan citra sejati yang sukar dilupakan apabila seseorang membaca SAR.

Perkongsian hidup mereka menghasilkan cahaya mata yang pertama iaitu pengarang SAR, Muhammad @ Sufian @ Haji Muhammad Nor. Anak ini sangat cergas, cerdas dan menurut kata. Cuma apabila disuruh kahwin sebaik sahaja cukup umur, dia menolak tetapi mohon menunaikan fardu haji, iaitu menurut jejak langkah bapanya juga.

Betapa pentingnya nilai agama Islam dalam hidup perantau Jawa di Johor amnya dan di Parit Jawa khususnya dapat diteliti dalam SAR. Bait-bait yang mengisahkan persiapan, perjalanan, ibadat haji dan kemudianya ziarah di tanah suci hampir mencirikan SAR sekiranya tidak ada perihal bagaimana mereka berusaha bertungkus lumus untuk mendapatkan biaya ke sana. Malah, setelah membaca dan meneliti SAR, episod 'pembukaan' cuma merupakan *preamble* atau kisah latar kepada matlamat utama perantauan protagonis iaitu cita-cita menunaikan fardu haji. Orientasi nilai agama yang begitu menyerlah dan menonjol berkaitan dengan bagaimana mereka membina jati diri menerusi ibadat agama, bersembahayang, berdoa, berzikir dan bersalawat, teristimewa dalam soal menunaikan fardu haji, menjadikan SAR sebuah genre sastera yang boleh dikategorikan sebagai hasil Sastera Islam.

SAR merupakan sebuah hasil sastera yang lengkap, berurutan sehingga dapat disamakan dengan sebuah biografi seorang tokoh tempatan/kampung dalam bentuk puisi. Kisah perjuangan protagonis terjalin dalam jaring peristiwa hidup mati, suka duka, tangis tawa, dan muram durja yang penuh dramatis. Yang disyairkan kesemuanya berasaskan kepada kisah-kisah benar. Tiada hal yang direka atau diada-adakan. Sikap pengarang yang menghormati fakta dan kebenaran, melukiskan dengan jujur dan ikhlas peristiwa-peristiwa yang berlaku di sekitarnya, peristiwa yang disampaikan oleh bapanya sendiri, saudara maranya dan yang dialaminya.

SAR boleh dianggap sebuah biografi sekiranya ditinjau dari segi tajuknya. Akan tetapi sekiranya diteliti dari segi isi,

barangkali kisah-kisah yang berkaitan dengan pengarang sendiri adalah lebih banyak dan berfokus. Pengarang sebenarnya mengisahkan asal usulnya, latar belakang keluarganya, kelahirannya, pendidikannya, pembinaan keluarganya dan seterusnya tentang perkembangan di sekitar hidupnya. Justeru itu SAR merupakan sebuah autobiografi pengarang SAR atau sebuah memoir yang mengisahkan cara dan gaya hidup seorang petani dan keluarganya.

Sungguhpun pengarang SAR tidak tergolong ke dalam lingkungan seniman, kebijaksanaannya menjejakkan kaki ke bumi nyata dan memaparkan sejarah tempatan melalui bait-bait yang indah meletakkan dirinya dalam kelas yang tersendiri. Kita tidak perlu membandingkannya dengan penyair mistik Hamzah Fansuri untuk menilai sumbangannya dalam bidang sastera, tetapi memadailah beliau telah menyumbang dan memperkaya warisan persuratan Johor yang sudah terkenal dengan budaya sastera yang menampilkan bahasa Melayu tinggi yang dihormati sehingga kini.

Sentuhan dalam Kajian Ilmiah

SAR diperkenalkan kepada umum oleh pewaris dan pemiliknya sendiri, iaitu Haji Simon bin Haji Muhammad Nor, anak lelaki pengarang SAR. Haji Simon telah menulis sebuah artikel pendek yang tidak dicetak tetapi distensil sahaja berjudul "Parit Jawa Yang Saya Tahu" tanpa tarikh. Kajian ini ditaip menggunakan versi huruf Rumi dan juga Jawi.

Kemudian sekumpulan pelajar sekolah menengah atas telah menemu bual Haji Simon dan beberapa orang tua di Parit Jawa. Mereka menghasilkan sebuah esei yang dimuatkan dalam Esei-esei Sejarah Malaysia (diselenggarakan oleh Khoo Kay Kim, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1984). Esei mengenai Parit Jawa ini telah melampirkan sehalaman salinan foto dari manuskrip SAR. Dengan penampilan melalui esei tersebut, maka ramailah peneliti sejarah berminat mengkajinya termasuk penulis kertas ini.

Pada awal tahun-tahun 80-an, dua orang sarjana sejarah tempatan sedang melanjutkan kajian mengenai aspek-aspek sejarah Malaysia: pertama Khazin Mohd. Tamrin meneliti perantauan orang Jawa ke Tanah Melayu; kedua Muhammad Yusoff Hashim yang mengkaji tentang persejarahan Melayu. Nampaknya kedua-dua pengkaji telah merujuk SAR sebagai sumber penulisan sejarah. Kedua-dua sarjana mempunyai sebab

tersendiri untuk memperkatakan tentang SAR sebagai sumber penulisan sejarah. Kertas ini tidak akan membicarakan dengan lanjut sentuhan-sentuhan itu.

Apa yang lebih penting dalam seminar ini ialah peluang dan ruang yang terbuka bagi meraih pengiktirafan manuskrip Syair Abdul Rahman sebagai suatu warisan persuratan dalam khazanah pustaka Johor yang mengandungi banyak unsur berharga bernilai sastera, bahasa, agama dan termasuk juga sejarah dan budaya. Namun SAR tidak pula dapat dibandingkan dengan karya agung Tun Mamat atau nama timang-timangnya Tun Seri Lanang yang menghasilkan *Sejarah Melayu* yang menjadi mercu kegemilangan warisan persuratan Melayu Johor.

Namun, sepertimana yang telah dinyatakan dalam kata-kata pengenalan, Syair Abdul Rahman ialah sebuah hasil persuratan yang unik. Kemasukannya dalam jambangan bunga-bunga persuratan Johor menambahkan seri dan meriahnya persada seni sastera dan persuratan kita.

Lampiran 1

Catatan Haji Simon (Jawi) mengenai naskhah manuskrip SAR.

Haji Abdul Rahman sebelum Haji namanya Wario.

Haji Samsuri sebelum Haji namanya Manadza.
/t.t./ Simon.

Syair Abdul Rahman dikarang Muhammad /sic/ Haji Muhammad Nor pada 15 Syaaban 1327 bersamaan 1909 Masihi.

Menceritakan sejarah hidup Abdul Rahman Wario dan anak cucunya.

Dikarang secara syair mengandungi 370 muka surat 53,280 perkataan lebih kurang.

Pengarang dilahirkan 1297.

Waktu lahir namanya Muhammad digelar kemudiannya Muhammad Sufian.

Lampiran 2

Pengenalan pada muka surat lampiran Syair Abdul Rahman oleh Haji Simon /skriptaip Jawi/

2. Sejarah asal dan keturunan Haji Abdul Rahman (sebelum Haji namanya Wario) dan adik beradiknya.

6. Berhijrah ke Tanah Melayu (Malaya).

13. Ke Padang mengikut Penghulu Abdul Jabbar.

22. Turut membuka Kampung Parit Jawa.

38. Samsuri menyempurnakan haji.
Samsuri berkahwin dengan Fatimah Maryono.

43. Wario dan adiknya menyempurnakan haji gelarannya Haji Abdul Rahman dan Haji Hashim.

46. Di Jeddah.

55. Di Makkah al Mukarammah.

69. Di Madinah al Munawarah.

73. Di Makkah al Mukarammah.

74. Di Arafah (Uquf).

75. Di Mina (Jamrah).

83. Bertolak dari Jeddah.

86. Sampai di Singapura.

91. Sampai di Kampung Parit Jawa.

99. Sukur abangnya menurut ke Parit Jawa dari Tanah Jawa.

102. Sukur abangnya menyempurnakan haji gelarannya Haji Abdul Shukor.

114. Haji Abdul Rahman kahwin Semah Maryono.

151. Haji Muhammad Nor dilahirkan (Muhammad Sufian).

153. Ruminah dilahirkan.

168. Haji Abdul Rahman ke Tanah Jawa.

190. Sakijah adiknya mengikut ke Tanah Melayu.

195. Suratmi dilahirkan.
Jasirah dilahirkan.
Halimah dilahirkan.
Halimah dilahirkan.
Ramijah dilahirkan.
Fatjrah dilahirkan.

213. Ramijah meninggal masuk kolam.

224. Haji Muhammad Nor khatam Quran.

232. Haji Muhammad Nor berkhatan.

235. Dusun Buah-buahan.

243. Haji Nor naik haji.

249. Nor Amat dilahirkan.

250. Ruminah kahwin dengan Haji Amin.

252. Muhammad Marijan dilahirkan.

255. Suratmi kahwin dengan Haji Elias.

261. Hasbullah dilahirkan.

293. Burham dilahirkan.

293. Haji Muhammad Nor kahwin dengan Ruminah.

321. Jasirah kahwin dengan Endut.
Lahir Ibrahim.

322. Halimah kahwin dengan Haji Arief.
Khatam Quran Nor Amat.

323. Kahwin Fatjrah dengan Haji Nor.
Khatam Quran Hasbullah dan Shamsi.

324. Nor Amat pergi haji dan kahwin.

327. Sakijah meninggal dunia.

335. Haji Abdul Rahman kembali ke Rahmatullah.

342. Hasbullah kahwin dengan Endok Masri.

343. Semah binti Maryono dan Burham naik haji.

354. Lahir. Muhammad Salim. Muhammad Syarif dan Hasman.

Haji Muhammad Nor pindah rumah sendiri.

355. Lahir. Sakiman. Simin. Simon. Saminah. Sagirah.
Khatam Quran Hasman dan Sakiman.

356. Lahir Sakirah.
Kahwin Haji Tahir dengan Bibi Hamzah.

358. Lahir Sadirah (Noraini)
Kahwin Hasbullah dengan Zaharah Ibrahim.

Lampiran 3

Halaman Pertama Syair Abdul Rahman

Inilah Syair Abdul Rahman

Bismillahirahmannirahim

Bismillah itu mula pertama / Dengan nama Allah mohon yang Esa
Terang seperti kandilnya kaca / Supaya terang orang membaca.

Alhamdulillah puji yang mulia / Memohon Allah Tuhan Yang Kaya

Hendaklah kita sekalian percaya / Supaya kita dapat bahagia.

Setelah sudah memuji Rabbi / Salawatkan kita akannya Nabi
Itulah Penghulu Ajam dan Arabi / Menurunkan hidayat di pintu kalbi.

Nabi Muhammad Rasul Yang Mulia / Terlebih dari segala anbia
Kekasih Allah Tuhan Yang Sedia / Seorang tidak seperti dia.

Inilah awal khatam al Nabi / Beroleh rahsia Illahi Rabbi
Kerana faham dalamnya kalbi / Menjadi Penghulu sekalian Arabi.

Inilah Rasul keturunan wahi / Dikurnia oleh Tuhan Illahi
Daripada akal martabat yang tinggi / Memohon Tuhan sangat berahi.

Ialah Rasul sempurna rahmat / Hatinya suci terlalu amat
Sampai masa yaumal qiamat / Memohonkan sufaat sekalian umat.

Dengan sufaat Nabi Muhammad / Dikurnia Allah dengan Selamat
Murah razeki serta nikmat / Dunia akhirat dapat rahmat.

Lampiran 4

Haji Abdul Rahman ke Padang
(Muar) mengikut Penghulu Abdul Jabbar
MS Syair Abdul Rahman. Hal. 12-17.

Waktu Maghrib bulan mengambang /Di masjid bunyi orang bang
Berdirilah aku lalu sembahyang / Lepas sembahyang doa dibacakan.

Berdoa pada Allah Taala / Mengerjakan segala pesuruhannya
Menjauhkan segala larangannya / Mudah-mudahan selamat sejahtera.

Duduk berfikir seorang diri / Sampai malam waktu dinihari
Matapun ngarip tiada terperi / Tidur seketika sianglah hari.

Bangunlah aku berperi-peri / Pergi perigi lalu mandi
Sembahyang subuh sama ahli-ahli / Lepas sembahyang duduk berperi.

Kakanda bermadah bunyi demikian / Sekarang bagaimana punya fikiran
/ Hal. 13
Puaslah sudah kita berjalan / Semua pekerjaan tiada berkenan.

Hatiku susah tiada karuan / Kemanakah lagi kita dapatkan
Di Singapura sudah berbulan-bulan / Belumlah dapat suatu kesenangan.

Habislah kata dan peri / Keluar hidangan dengan seperti
Makanlah aku semua sekali / Setelah sudah masing berhenti.

Berhenti duduk dan bercerita / Sambil bertanya khabar warta.

Dapatlah aku suatu khabar / Iaitu Penghulu Haji Jabbar
Membuka kampung terlalu besar / Banyaklah orang ada berkhabar.

Tanah Padang itu namanya / Banyaklah orang diam di sana
Kita melihat pergi ke sana / Buat kebun apa tanamnya.

Kalau sungguh khabarnya itu / Sangat berkenan rasa hatiku
Duduk di negeri tiada bertentu / Pergi ke sana supaya tentu.

Mendapat khabar dan warta / Senang fikiran dalam dada
Cari tumpangan dengan segera / Supaya segera belayar kita.

Ada pada suatu masa / Penghulu Jabbar tiba di Singapura
Akupun berjumpa padanya / Pada Penghulu akupun tiba. **Hal. 14.**

Dengan Penghulu sama berjumpa / Berjabat salam dengan hormatnya
Dibawanya duduk bersama-sama / Penghulu bertanya akan khabarnya.

Engkau ini apa hajatnya / Engkau Jawa negeri mana
Diam di sini sudah berapa lama / Kerja apa diam dalam negara.

Beta menjawab berperi / Negeri Kuddus asalnya ini
Ibu bapa sudah mati / Melarat separan sampai ke mari.

Datang ke mari hendak mencari / Tiga bulan sudah di sini
Dua bulan kerja tak dapat gaji / Lain tempat hendak dicari.

Beta ceritakan awal akhirnya / Penghulu belas mendengar halnya
Bersama-sama Kuddus negerinya / Suka sedikit rasa hatinya.

Penghulu pun lalu berkata / Diajaknya pergi di kampungnya
Kawan tuan ada berapa / Dua hari lagi belayar kita.

Tempat aku di Tanah Padang / Orang membuat kebun dan ladang
Boleh ditanam kelapa pinang / Dan beberapa lain tanaman.

Padi pisang ubi keladi / Sebarang ditanam semua jadi
Hendak berkebun marilah pergi / Bermuafakat pada saudara sendiri.

Beta berkata baiklah tuan / Dalam hati sangat berkenan. Hal. 15
Menumpanglah kita di perahu tuan / Serta barang-barang semua sekalian.

Setelah sudah putus bicara / Penghulu pergi mencari dagangan perahunya
Betapun bermuafakat pada kakanda / Bersiap segala perkakas barangnya.

Sampailah jangka dan harinya / Penghulu berjumpa dengan kita
Hendak ke Padang marilah kita / Naik perahu kita bersama-sama.

Saya berkata ialah tuan / Sudahlah siap akan perbekalan
Pada subuh mohon berjalan / Berjabat tangan bermaaf-maafan.

Zahir batin bebal dan lali / Haraplah ampun semua sekali
Saya hendak berjalan pergi / Harapkan doa tuan sehari-hari.

Syeikh berkata demikian peri / Selamat tuan berjalan pergi
Dimudahkan Allah segala pencari / Dikurniakan Allah Illahi Rabbi.

Dapat wang pergi haji / Berkat puji segala ahli
Panjang umur bertemu lagi / Dijauhkan bala murah rezeki.

Keluar rumah lalu berjalan / Mengikut Penghulu sampai ke sampan
Barang-barang semua aku masukkan / Telah sudah masuk sekalian.

Cukuplah sudah muatan itu / Berkemaslah orang dalam perahu
Lalu berkatalah Datuk Penghulu / Hendak belayar hati itu. **Hal. 16.**

Dengan seketika airpun pasang / Haluan dipaling layar dikembang
Sauhpun segera ditarik orang / Berjalan perahu seperti terbang.

Turunlah pula angin selatan / Lajunya bukan lagi buatan
Singapura jauh ditinggalkan / Sampailah perahu tengah lautan.

Melihat air rupanya biru / Di dalam hati sangat pilu
Sudah nasib seorang diriku / Allah dan rasul sahaja yang tahu.

Hatiku susah tiada karuan / Teringat adik saudara ditinggalkan
Sudah takdir separan-separan / Kepada Allah juga aku serahkan.

Sudah takdir Malikul Bahari / Kakanda adinda ke sana ke mari
Apalah banyak aku kenang lagi / Kerana menurutkan kehendak hati.

Perahu belayar sudah dua hari / Berjalan menempuh lautan bahari
Pulau dan gunung tampak terdiri / Bilalah sampai perahu ini.

Belayar itu malam dan siang / Sampailah perahu di Tanah Padang
Perahu berhenti layar diturunkan / Perahupun lalu didayungkan.

Dalam sungai perahupun tiba / Berlabuh perahu dengan seketika
Naik ke darat orang segala / Sambil membawa barang-barangnya.

Datuk Penghulu lalu berkata / Marilah pergi rumah kita. **Hal. 17.**
Berjalanlah saya diajaknya / Hingga berjalan beberapa lamanya.

Melihat kebun ada rumahnya / Kebun ditanam pinang kelapa
Melihat kebun terlalu suka / Dalam hati berkenan juga.

Antara tiada berapa lamanya / Rumah penghulu sampailah kita
Penghulu bermadah lalu berkata / Naiklah tuan rumah kita.

Beta berkata ialah tuan / Naik ke rumah semua sekalian
Duduklah saya bercakapan / Bertanya apa yang kelihatan.

Penghulu berkata dengan suka / Duduk bercakap dan bercerita
Bercakap-cakap baru seketika / Keluar hidangan dari rumahnya.

Makanlah sekalian mana yang ada / Setelah sudah berhentilah semua
Minumlah air teh kahwa / Serta dengan bersuka-suka.

Duduk bercerita dan bercakap-cakapan / Hendak bekerja saya carikan
Diam di sini baiklah tuan / Apa kerja kamu kehendakkan.

Hendak berkebun saya beri / Ada satu tempat baik sekali
Segala tanaman boleh menjadi / Di situlah tempat baru jadi.

Sudah dibuka di tepi panti / Ditanam padi pisang ubi
Sehari dua boleh pergi / Melihat tempat dengan seperti.

Rumah Penghulu menumpang diam / Sambil dengan mencari pekerjaan
Kerja mengupah berbulan-bulan / Hanyalah cukup belanja makan.

Tiada dapat wang disimpan / Berdoalah kita siang malam. **Hal. 18.**

Lampiran 5

Abdul Rahman dan Penghulu Abdul Jabbar Membuka Kampung Parit Jawa: Syair Abdul Rahman, hal. 18-23. Dirumikan oleh penulis kertas kerja.

Adalah pada suatu masa / Penghulu hendak melihat kawasannya
Banyak orang minta padanya / Sekelian orang pergi semuanya.

Berjalan sepagi ada lamanya / Sampailah semua tempat tanahnya
Penghulu menunjukkan rupanya / Orang melihat berkenan hatinya.

Penghulu berkata berperi-peri / Tuan kalau mahu tanah ini
Boleh aku bagi-bagi / Dibuat kebun sampai jadi.

Orang menjawab benarlah tuan / Kawan saya mahu sekalian
Sekarang juga saya kehendakkan / Supaya lekas boleh dikerjakan.

Hutan diretas dibuatkan jalan / Kemudian baru dibahagikan
Sekalian orang dapat bahagian / Seberapa kuat boleh mengerjakan.

Hutannya semak duri dan rotan / Kayunya besar tampak kelihatan
Sudah dapat suruh mengerjakan / Tebanglah kayu semuanya habiskan.

Setelah sudah demikian peri / Petanglah sudah rupanya hari
Sekalian orang pulang kembali / Menuju kampung rumah sendiri.

Sampai ke rumah malamlah hari / Makan minum dengan seperti
Bermuafakatlah pada saudara saudari / Duduk berjaga sampai dinihari.

Pukul dua belas jam berbunyi / Aku tidur di balai serambi **Hal. 19.**
Tidur seketika sianglah hari / bangunlah tidur pergi mandi.

Basuh muka gosok gigi / Dengan seketika terbit matahari
Bermuafakat dengan saudara sendiri / Mulai kerja inilah hari.

Kawan-kawan semua ada menanti / Berjalan aku ke sana pergi
Antara lagi pagi hari / Tempat jauh sudah pasti.

Dengan seketika berjalan lamanya / Berjumpa kawan-kawan semuanya
Lalu berjalan semua bersama-sama / Setika berjalan sampai ke sana.

Berhenti muafakat semua ini / Sekalian orang yang ada di sini
Kerja menebang banyak berkongsi / Kalau sudah kita bagi-bagi.

Kawan menurut dengan seperti / Sehari bekerja sehari mencari
Mencari bekalan dengan seperti / Supaya segera boleh menjadi.

Berjalan kita dengan segera / Sekalian kawan mana yang ada
Kapak dan beliung senjatanya / Serta dengan makanan perbekalannya.

Tibalah semua tempat kawasannya / Sekalian kawan menebang semuanya

Lentum-lentam ramai bunyinya / Kayu tumbang menderam bunyinya.

Kerja pagi tengah hari berhenti / Pukul satu kerja lagi
Sampai petang baru berhenti / Pulang kembali ke rumah sendiri.

Setiap hari berulang-ulang / Pagi pergi malam pulang
Sehari-hari juga kerja menebang / Tempat yang gelap menjadi lapang.
Hal. 20.

Berasa suka sekalian orang / Kayu rebah lintang pukang
Sangat luas sudah melapang / Pergi mari berulang-ulang.

Sehari mengupah sehari kerja / Sekalian kawan demikian juga
Lama-lama kawasan habis ditebangnya / Beberapa jalur lapang semua.

Kemudian baru dibahagi semuanya / Dapat bahagian bersama-sama.
Sekalian kawan semua menerima / Menantikan musim hendak dikerjakannya.

Setelah sudah demikian peri / Kawan muafakat pula lagi
Hendak kerja bagaimanalah ini / Kerana air tiada pergi.

Kepada Penghulu kita khabari / Minta jalan air yang pasti
Supaya kering dengan seperti / Dibuat kebun boleh jadi.

Berjalan kita berkawan-kawan / Ke rumah Penghulu pergi sekalian
Setiga (sic.) lamanya aku berjalan / Sampai ke rumah naik sekalian.

Dengan hormat berjabat salam / Penghulu berkata duduklah tuan
Duduk semua sekalian kawan / Diberinya rokok dan puan.

Penghulu bermadah lalu berkata / Apalah khabar saudara semua
Datang ke mari apa hajatnya / Berkhabarlah tuan ini semua.

Pada Penghulu ia berkata / Ada suatu kehendak beta Hal. 21.
Kawasan sudah ditebang semuanya / Hendak kerja banyak airnya.

Kehendak kawan kita semua / Suatu jalan air dimintanya
Datuk Penghulu lalu berkata / Permintaan kamu aku terima.

Kawan-kawan beri khabar semua / Jangan susah tuan semua
Memberi khabar dengan segera / Kawan-kawan semua suka.

Penghulu berkata berperi-peri / Permintaan kamu akan memberi
Dari laut kita perbuati / Dalam kebun kita menggali.

Yang punya kebun tiada menggali / Orang darat kenalah pasti
Yang ada tanah darat kena nggali / Supaya segera boleh jadi.

Orang semua menurut belaka / Mana perintah tuan semua
Semua kawan boleh kerja / Berkongsi segala kawan kita.

Penghulu terlalu amat suka / Buatlah Parit lebar sedepa
Setelah putus muafakat bicara / Kembalilah masing-masing ke rumahnya.

Adalah pada suatu hari / Segala orang semua dikhabari
Esok hari semua pergi / Membawa cangkul dan penggali.

Kapak parang dengan gergaji / Membuat parit mula menggali
Setelah sudah keesokan hari / Ramailah orang berjalan pergi.

Penghulu ada bersama pergi / Berjalan orang ramai sekali
Berjalan kita setengah pagi / Sampailah semua dengan seperti.
Hal. 22.

Penghulu mengompas dan memancang / Melalui kebun kata hutan
Orang menggali ramai bukan kepalang / Bersuka-suka sekalian orang.

Dibuatnya parit lebar sedepa / Dinamakan orang Parit Jawa
Hingga beberapa hari buatnya / Malam berhenti siang kerja.

Parit kongsi digali sudahlah / Di tempat kawasan sampailah
Masing-masing tuan menggalilah / Beberapa lama semuanya sudah.

Apabila parit sudahlah ada / Tanahpun kering rupanya
Musim selatan musim utara / Panas selalu hujan tiada.

Segala tebangan keringlah semua / Dibakarnya masing-masing yang punya
Dimakan api bernyala-nyala / Barulah terang nampak rupanya.

Tunggul berdiri batang melintang / Sangat hairan orang memandang
Bagaimanakah kebun hendak dijadikan / Kerjanya payah bukan sebarang-barang.

Aku tiada susah melihat seperti / Buat kerja setiap hari
Parit padang semua digali / Tunggul batang dibakari api.

Bekerja dengan bersungguh hati / Tengah panas main api
Semua dibakar terang lihati / Tunggul batang habis cuci.

Akan bekerja sehari-hari / Kawan-kawanpun demikian peri. **Hal. 23.**
Parit-parit sudah menjadi / Tempat bersih orang melihati.

Dibubuhnya tanam-tanaman / Pisang keladi sayur-sayuran
Hidup sekalian tumbuh-tumbuhan / Orang melihat sangat berkenan.

Diperbuatnya pula rumah di situ / Masing-masing tuan empunya itu
Ada pula pindah ke situ / Orang ngambil tanah masuk selalu.

Akupun demikian peri / Buat kerja sehari-hari
Kakanda bekerja kebun sendiri / Pagi datang petang kembali.

Membuatlah aku rumah di situ / Kebun ditanam berbagai laku
Keladi pisang dan tebu / Orang-orang pun demikian itu.

Apabila rumah sudah jadi / Barulah senang fikir di hati
Sekalian tempat sudah menjadi / Ramailah orang pergi mari

Pindahlah aku diam di situ / Dengan kakanda bersama suatu
Tanaman dijual mana yang laku / Orang membeli datang ke situ.

Barulah suka rasa hati / Dapat belanja sehari-hari
Dikurnia Allah Malikul Bahari / Berdoa kita setiap hari.

Pada Allah kita berdoa / Ya Allah Tuhan Yang Kaya
Murah rezeki selamat semua / Jauhkan bahla (sic.) selama-lamanya.
Hal. 24.

SYAIR PERANG JOHOR

MOHD YUSOF MD NOR

Pengenalan

Terdapat beberapa naskhah yang mengisahkan sejarah negeri Johor semenjak kejatuhan kerajaan Melaka kepada Portugis. Nakshah-naskhah itu ada yang dalam bentuk prosa dan ada dalam bentuk puisi. Yang berbentuk prosa antaranya, *Hikayat Negeri Johor, Sejarah Peringatan Negeri Johor, Salasilah Melayu dan Bugis* dan beberapa yang lain. Yang berbentuk puisi (syair) antaranya ialah *Syair Perang Johor*, di samping beberapa yang lain.

Setakat ini diketahui hanya sebuah nakshah *Syair Perang Johor* di dunia ini. Naskhah tunggal yang dianggap sebagai "Codex Uniqus" itu terdapat di perpustakaan Universiti Leiden (Juynboll, 1899:17-18). Naskhah ini diberi nombor panggilan Cod. Or. 1761 mengandungi dua buah syair:

1. *Syair Perang Johor*, hal. 1-34, mengandungi 355 rangkap.
2. *Kissah Engku Puteri*, hal. 35-59.

Disebutkan syair ini ditulis oleh Engku Haji Ahmad, Penyengat tahun Hijrah 1260 (Juynboll, 1899:18).

Syair Perang Johor ini pernah disebut oleh J.C. Bottom sebagai dapat dijadikan bahan mengkaji sejarah negeri Johor (Soedjatmoko et. al., 1995:145). Sekarang salinan naskhah ini dalam bentuk mikrofilem terdapat di perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Pengarang dan Tarikh Penulisan

Sememangnya telah menjadi kebiasaan bagi naskhah-naskhah Melayu tradisional tidak pernah mencantumkan nama pengarang dan tarikh penulisan pada naskhah tersebut. Begitu juga keadaannya dengan *Syair Perang Johor* ini. Tidak dinyatakan tarikh ianya ditulis tetapi hanya dinyatakan tamat syair ini disalin oleh seorang "haji". Tidak dinyatakan siapa "haji" itu yang sebenarnya.

Seorang haji disuruhnya salinkan
belanjanya diberi supaya ketepatan
mengambil hanya fakir yang kekurangan
mudah-mudahan syurga Allah balaskan.

Fakir menyalin belum mengerti
tamatlah sudah perkataannya di sini
mana yang dapat tiada seperti
janganlah tuan ambilkan di hati.

Bulan Rejab tujuh haribulan
Hari Isnin jam pukul sembilan
Seribu dua ratus enam puluh kebetulan
Hijratun nabi 'akhir-ul-zaman.

(rangkap 348-350)

Dari rangkap-rangkap syair di atas nyata ianya selesai disalin pada 7 haribulan Rejab tahun 1260 Hijrah oleh seorang "haji".

Tidak diketahui siapa sebenar pengarang asal syair ini. Sungguhpun begitu ada pengkaji mengatakan syair ini dikarang oleh Engku Haji Ahmad atau disebut juga Raja Haji Ahmad iaitu ayahanda pengarang Raja Ali Haji. (Liaw Yock Fang, 1982:311) dan Abu Hassan Sham (Siti Hawa Salleh, 1987:196) menyebutkan Raja Ahmad yang mengarang syair ini. Apa alasan kedua-dua pengkaji menyebutkan Raja Ahmad sebagai pengarang tidak dinyatakan. Mungkin mereka berpendapat berdasarkan kepada satu rangkap syair tersebut:

Encik tua dagang yang hina
Surat naskhah dia yang punya

Kemudiannya diambil Engku Puteri di sana
Sampailah kepada masa ininya.

(rangkap 333)

"Encik Tua" ada kemungkinan sebenarnya merujuk kepada "Engku Tua" iaitu gelaran kepada Raja Ahmad.

Namun jika difahamkan betul-betul pad ayat "surat naskhah dia yang punya" tidak bermakna "dia yang menulis". Mungkin beliau memiliki syair tersebut yang telah sedia terkarang untuk disalin semula oleh seorang "haji" (rangkap 348).

Kandungan Syair Perang Johor

Menurut katalog Juynboll (1899:17-18) *Syair Perang Johor* terbahagi kepada tiga peristiwa utama: (i) Perang yang berlaku antara Johor dengan Aceh, (ii) Perang antara Melaka (Portugis) dengan Johor yang dibantu Belanda dan (iii) Hubungan Johor dengan Patani.

Sebenarnya penceritaan dalam *Syair Perang Johor* meliputi peristiwa peperangan yang berlaku di antara Johor dengan Aceh, Johor dengan Portugis, persahabatan Johor dengan Belanda dan hubungan kekeluargaan antara Johor dengan Patani.

Syair bermula dengan cerita peperangan yang berlaku di antara angkatan Johor dengan angkatan Aceh. Dalam peperangan tersebut, angkatan Aceh dikatakan hampir kalah apabila enam buah perahunya dan sebuah jalia Aceh dapat dimusnahkan. Peristiwa ini menyebabkan beberapa lagi siri peperangan di antara kedua-duanya. Semasa dalam perjalanan untuk berperang dengan Aceh, angkatan Johor bertembung dengan sebuah jong Makasar yang sarat dengan orang Portugis. Berlakulah peperangan antara kedua pihak. Peperangan tersebut menyebabkan seorang panglima Portugis iaitu Sinyor Jongker berjaya ditawan.

Johor juga melibatkan diri dalam peperangan di antara Belanda dengan orang Portugis di Melaka. Penglibatan Johor itu berasaskan jalinan persahabatan dengan pihak Belanda. Semasa peperangan berlaku, keadaan di Melaka waktu itu dikatakan huru-hara kerana timbul khabar-khabar angin yang mengatakan beras yang disimpan di gudang telah habis. Keadaan tambah genting apabila pada waktu yang sama, Melaka dikepung oleh tentera Belanda yang dibantu oleh tentera Johor. Akhirnya, Melaka dapat ditawan setelah tentera Portugis mengaku kalah.

Seterusnya diceritakan tentang pengiriman utusan dari Johor ke Patani. Utusan tersebut dikirim bagi menjemput Sultan Johor yang waktu itu sedang berada di Patani. Utusan tersebut diketuai oleh Orang kaya Tun Pikrama. Beliau dibantu oleh Paduka Seri Wangsa dan Seri Bija Diraja.

Pengarang mengakhiri ceritanya dengan menceritakan tentang panabalan Sultan Johor yang dikatakan berasal dari keturunan Iskandar Zulkarnain dan Nabi Sulaiman. Baginda juga dikatakan berjaya meluaskan jajahan takluk Johor ke beberapa kawasan sekitarnya.

Akhirnya, pengarang menyatakan tujuan syair ini disalin. Syair ini disalin bagi memenuhi permintaan seorang walabin yang bertugas sebagai pengapit residen di Riau. Walabin itu dikatakan hendak mengirimkan syair tersebut kepada anaknya yang sedang belajar di Eropah. Dinyatakan juga bahawa walabin berharap dengan pengiriman syair itu, anaknya akan mendapat ilmu pengetahuan. Orang yang diperintahkan menyalin syair tersebut ialah Tuan Haji Ibrahim. Akan tetapi, ternyata Tuan Haji Ibrahim telah menyuruh orang lain melakukan penyalinan. Penyalinan tamat pada 7 haribulan Rejab tahun 1260 Hijrah di Riau iaitu di Pulau Penyengat.

Penutup

Secara umumnya, sejak kejatuhan Kesultanan Melayu Melaka, negeri Johor telah menjadi pusat pentadbiran bagi keturunan sultan-sultan Melaka. Oleh sebab mereka keturunan Sultan Melaka, maka kebanyakan pemerintah johor 'terpaksa' menghadapi ancaman yang dihadapi oleh pihak Johor iaitu dari Aceh. Walau bagaimanapun, kedatangan Belanda secara tidak langsung menyelesaikan masalah tersebut. Dikatakan demikian kerana Johor telah menjalin hubungan persahabatan dengan Belanda. Johor turut menjalinkan persahabatan dengan kerajaan Patani. Pengetahuan mengenai peristiwa di Johor terutamanya peristiwa yang berlaku di sekitar abad ke-16 dan ke-17 adalah sesuatu yang penting. Maka tidak hairanlah jika pengarang merasakan perlu bagi beliau mengisahkana peristiwa-peristiwa yang pernah berlaku dalam kerajaan Johor. Mungkin bagi pengarang hanya dengan cara inilah sahaja gambaran sebenar dapat diketahui oleh generasinya dan generasi berikutnya.

Oleh yang demikian, *Syair Perang Johor* adalah satu lagi karya historiografi Melayu tradisional yang penting dalam mengkaji sejarah Nusantara amnya dan sejarah negeri Johor khasnya. Meskipun pengarang tidak menyatakan namanya,

namun ianya dapat dikesan serta diketahui dengan membuat penelitian yang mendalam terhadap corak penulisannya. Demikian juga halnya dengan tarikh penulisan syair ini. Apa yang penting adalah besar kemungkinan *Syair Perang Johor* terhasil atas kesedaran pengarang sendiri. Oleh sebab itu, dapatlah dikatakan bahawa *Syair Perang Johor* adalah satu lagi karya sastera sejarah yang menggunakan peperangan sebagai temanya.

Bagi membuktikan adakah sesuatu karya itu boleh diterima sebagai sumber sejarah, seseorang pengkaji seharusnya mempunyai serba sedikit pengetahuan mengenai kisah-kisah yang digambarkan di dalamnya. Dalam konteks *Syair Perang Johor*, pengetahuan mengenai peristiwa-peristiwa yang berlaku di Johor di sekitar abad ke-16 dan ke-17 adalah penting. Lebih-lebih lagi, jika peristiwa tersebut meliputi peristiwa yang dikisahkan dalam naskhah *Syair Perang Johor* itu.

Bibliografi

Syair Perang Johor - mikrofilem 121 Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Juynboll, H.H. 1899. *Catalogus Van de Maleische en Sundaneesche Handschriften.* Leiden: E.J. Brill.

Liaw Yock Fang, 1982. *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik.* Singapura: Pustaka Nasional.

Siti Hawa Salleh (peny.). 1987. *Cendekia Kesusasteraan Melayu Tradisional.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Soedjatmoko et. al. 1995. (terj.). *Historiografi Indonesia Sebuah Pengantar.* Jakarta: P.T. Gramedia.

PUISI RUBAI OMAR KHAYYAM:
TERJEMAHAN MAJOR DATO' HAJI MUHAMMAD SAID BIN HAJI SULAIMAN

PROF MADYA DR SHAFIE ABU BAKAR

Pendahuluan

Rubai adalah sejenis puisi yang berasal dari bahasa Parsi dan telah masuk dalam persuratan Melayu pada zaman peradaban Aceh pada abad ke-17M. Bentuk puisi rubai ini diketengahkan oleh Bukhari al-Jauhari melalui karangannya yang berjudul *Taj al-Salatin* (1603M). Selain rubai terdapat beberapa jenis puisi yang lain yang berasal dari Arab-Parsi. Dalam *Taj al-Salatin* versi Khalid Hussain terdapat enam buah rubai dalam karangan tersebut. Tiga buah daripadanya mengambil bentuk berskema rima akhirnya (AABA) dan tiga buah yang lain berskema rima akhirnya dengan (AAAA). Bagi membantu kefahaman dalam perbincangan lanjut, maka di bawah ini diperturunkan puisi-puisi rubai disebut di atas:

A. Berskema rima (AABA)

1. Kemuliaan Insan

Peri kemuliaan keadaan insan
Itulah ingatkan dirimu hai yang berirfan
Supaya mengetahui perinya ini
Dengan takdir lagi dengan ihsan.

(Khalid Hussain, 1966:18-19)

2. Yang Beroleh dan Yang Rugi

Barang siapa beroleh tiada jadi kasihnya segala-gala
Dan barang siapa merugi tiada jadi kaya segala-gala

Maka tiada dapat daripada pengetahuan dunia yang indah
adanya itu
Dan tercenganglah segala manusia padanya seperti Bukhari
berkata!

(Khalid Hussain, 1966:34)

3. **Nubuwwah dan Hukumah**

Pangkat nubuwwah dan hukumah yang nyata
Satu cincinlah dengan dua permata
Maka mulia kedua pangkat nubuwwah dan hukumah itu
Lihatlah kemuliaan hai yang bermata.

(Khalid Hussain, 1966:49)

B. **Berskema Rima (AAAA)**

1. **Manusia**

Subhanallah apa hal manusia
Yang jadi tanah dalam tanah itu yang hina
Jadikan akhir tubuh ia yang ada
Yang pada ia termulia.

(Khalid Hussain, 1966:25)

2. **Dunia**

Dunia itu yang indah terindah pun ia
Hina juga ia lagi termulia
Bahawa yang tiada mengenal dunia
Bahawa hidupnya itu adalah sia-sia.

(Khalid Hussain, 1966:34)

3. **Sangkamu**

Sangkamu inilah nantiasa akan adamu
Jangan alpa daripada segala sangkamu
Dengan apa bilang adamu
Satu-satu kebajikan, pun tiadamu.

(Khalid Hussain, 1966:51)

Dari contoh-contoh puisi rubai di atas menunjukkan bahawa skema rima akhir bagi puisi rubai ialah (AABA) sebagaimana contoh-contoh pada bahagian A. Ianya merupakan skema rima yang dominan bagi puisi rubai (Arberry, 1976:3-.37), sebagaimana ianya berskema rima akhir (AAAA) seperti contoh-contoh pada bahagian B. Puisi ini dinamakan rubai kerana ianya terdiri daripada empat baris bagi serangkap rubai, manakala untuk jamaknya dipanggil rubaiyat. Selain berskema rima (AABA) dan (AAAA) serta terdiri daripada empat-empat baris, terdapat beberapa cirinya yang lain iaitu, isi atau perutusan sesebuah rubai adalah lengkap dalam satu-satu rangkap, kandungannya membawa nilai-nilai yang bersifat falsafah, agama, nasihat dan sejarah dan ianya biasanya dihasilkan oleh seorang ilmuwan, pemikir atau pujangga. Di Aceh, bentuk rubai selain dihasilkan oleh Bukhari al-Jauhari, bentuk ini turut diungkapkan oleh Nuruddin al-Raniri dalam *Bustan al-Salatin*. Rubainya memuji tentang ketokohan Sultan Iskandar Thani (1636-1641):

Sultan Iskandar Thani

Ialah perkasa terlalu berani
Turun temurun nasab sultani
Ialah menyunjung inayat rahmani
Bergelar Sultan Iskandar Thani.
(Iskandar, 1964:439)

Rubai yang dibicarakan di atas meskipun bersumberkan bentuk puisi Parsi, tetapi penggubahanya adalah langsung dalam bahasa Melayu yang antaranya berlatarkan tempatan dan bukannya bersifat terjemahan. Walau bagaimana bentuk rubai yang masuk dalam persuratan Melayu ini tidak sepopular syair. Ini mungkin bentuk rubai seakan syair terutama yang berskema-rimakan (AAAA), manakala yang berskema-rimakan (AABA) agak janggal dari segi cita rasa estetika. Kelainan rima akhir pada baris ketiga dalam rubai Parsi ialah untuk menarik perhatian khalayak kepada inti perutusan yang terdapat dalam baris keempat. Istilah rubai digunakan oleh Hamzah Fansuri yang menamakan gubahannya sebagai syair rubai yang bermaksud syair-syairnya terdiri daripada empat-empat baris. Hamzah menurut Syed Naguib orang yang mula-mula menggubah syair rubai dalam bahasa Melayu (al-Attas, 1968: 36). Syair setelah masuk dalam persuratan Melayu terus berkembang, tetapi rubai tidak sedemikian dalam puisi.

Puisi Rubai dari Tradisi Johor

Satu lagi saluran iaitu merupakan saluran kedua kemasukan rubai dalam persuratan Melayu ialah melalui tradisi Johor. Kemasukan melalui tradisi Johor ini agak berbeza dari saluran melalui tradisi Aceh. Johor pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 adalah merupakan negeri termaju dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain di Semenanjung pada masa itu. Sultan yang dianggap bertanggungjawab membawa Johor kepada era moden ialah ialah Baginda Sultan Abu Bakar yang memerintah antara pada 1862-1895. Baginda seorang sultan yang berpengetahuan luas dan pernah melawat negara Cina, Jepun dan negara-negara di Eropah. (Abdullah bin Mohamed, 1972:31-63). Baginda seorang sultan yang bijak berdiplomasi dengan British yang pada masa itu telah bertapak di Singapura. Beliau menyusun pemerintahan dengan mencontohi birokrasi pemerintahan British (Malik Munip, 1977:5).

Kemajuan negeri Johor seterusnya dibantu oleh pegawai-pegawai pentadbir yang berpengalaman. Antara mereka yang terkenal ialah seperti Dato' Jaafar bin Mohamad, Dato' Abdul Rahman bin Andak, Md Salleh bin Perang, Mohammed Ibrahim bin Munsyi Abdullah dan juga Major Dato' Haji Muhammad Said bin Haji Sulaiman (Malik Munip, 1977:5-6). Kalangan pembesar-pembesar yang mendapat didikan tempatan (termasuk Singapura) dan agama tidak sahaja berperanan sebagai pegawai birokrat, tetapi juga mempunyai kesedaran yang tinggi dari segi kebudayaan. Kesedaran ini diwarisi dari tradisi intelektual Johor-Riau yang bertalian pula dengan tamadun dan peradaban Melaka. Di Johor sejak tahun 1888 telah ditubuhkan sebuah persatuan yang diberi nama *Pakatan Belajar-Mengajar Pengetahuan Bahasa* (P.B.m.P.B.) yang merupakan persatuan yang pertama lahir bertujuan menggalakkan kegiatan bahasa dan persuratan di Semenanjung Tanah Melayu. Dari pakatan ini kemudiannya melahirkan sebuah persatuan yang banyak memberi sumbangan kepada perkembangan bahasa dan persuratan Melayu Johor. Persatuan ini dikenali dengan nama *Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Diraja Johor* (P.Bm.P.B.D. Johor) (Nik Safiah, 1987:42).

Tokoh-tokoh terkenal yang terlibat dalam persatuan di atas ialah seperti Dato' Abdul Rahman yang mengaktifkan persatuan (1904) setelah melalui zaman yang agak lembab. Kemuncak kegiatan persatuan ini berlaku pada tahun 1934 apabila ianya diterajui oleh tokoh-tokoh seperti Dato' Abdullah bin Abdul Rahman sebagai Yang Dipertua, Major Dato' Haji Muhammad

Said bin Haji Sulaiman dan Dato' Awang bin Omar sebagai Naib-Naib Yang Dipertua dan Major Musa bin Yusof sebagai Setiausaha. Gelaran Diraja bagi persatuan ini diberi oleh D.Y.M.M. Sultan Ibrahim Ibn Sultan Abu Bakar pada tahun 1934, kemudian persatuan ini diubah sedikit namanya dengan dikenali sebagai *Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku Diraja Johor* sebagai terjemahan dari bahasa Inggeris iaitu "The Royal Society of Malay Literature of Johor". (Nik Safiah, 1987:43). Persatuan di atas telah mengadakan kegiatan-kegiatan seperti menghasilkan buku, pembentukan istilah dan mengadakan majlis-majlis ceramah dan perbincangan. Tokoh yang paling giat berusaha menghasilkan buku ialah Major Dato' Haji Muhammad Said bin Haji Sulaiman. Berpuluh buah buku dihasilkan merangkumi bidang bahasa, sastera dan umum. Turut dihasilkan ialah karya-karya terjemahan seperti terjemahan terhadap Rubai Omar Khayyam, antaranya untuk dideklamasi dan didiskusikan dalam pertemuan-pertemuan anjuran persatuan dan sebagainya.

Pengaruh Puisi Rubai Omar Khayyam

Masuknya pengaruh rubaiyat (plural bagi rubai) Omar Khayyam ke dalam persuratan Melayu Johor ialah melalui saluran kedua, iaitu selepas rubai dalam *Taj al-Salatin* yang tidak syak lagi digunakan di Johor, apalagi ada yang berpendapat bahawa karangan tersebut dihasilkan oleh Bukhari al-Johor (yang berasal dari Johor), walau bagaimanapun kemasukan pengaruh rubai melalui saluran kedua memberi kesan bagi pertumbuhan puisi rubai secara lanjut di Johor. Saluran kedua dimaksudkan ialah melalui pengaruh sastera dari Barat (Inggeris). Pengenalan puisi rubai di Barat sebenarnya berlaku lebih kemudian daripada pengenalan puisi rubai di Aceh. Menurut Arberry puisi rubai diperkenalkan di England baru pada tahun 1772 iaitu melalui usaha William Jones yang pertama kali telah menterjemahkan puisi-puisi dari bahasa-bahasa Asia dalam satu jilid yang agak nipis. Di dalamnya termasuklah terjemahan terhadap puisi Parsi. Berikutnya dilakukan pula terjemahan terhadap puisi lirik Hafiz (1389 M). Terjemahan puisi Hafiz ini diterbitkan oleh Upjohn Calcutta Press tahun 1791. Berikutnya diterjemahkan pula puisi-puisi Sa'di (1292 M) dalam dua jilid dan diterbitkan juga di Calcutta pada tahun 1791 dan 1795.

Pengenalan terhadap puisi Parsi ini berlaku melalui India yang mulai dijajah Inggeris, apalagi India (sebelum wujudnya Pakistan) bersempadan langsung dengan Parsi, lagi pula bahasa Parsi memang menjadi bahasa istana kerajaan Moghul, bahasa

pentadbiran dan bahasa sasteranya. Hasil terjemahan terhadap puisi-puisi Parsi ditambah dengan usaha lanjut seperti terjemahan terhadap karya-karya Firdausi (935-1020) telah meningkatkan minat pencinta-pencinta sastera di England (Arberry, 1976:v-vii). Walau bagaimanapun puncak pengaruh puisi Parsi yang memuncak pula minat pencinta-pencinta puisi di England ialah dari usaha yang dilakukan oleh Edward Fitzgerald (1809-1883) menterjemah puisi Rubaiyat Omar Khayyam (1132 M). Terjemahannya dianggap mencapai puncak keindahan. Menurut Willy Pogany yang mengilustrasi terhadap rubaiyat Omar Khayyam yang diterjemahkan oleh Edward Fitzgerald:

> *Since the translation first appeared, in 1876, millions of readers have been delighted and warmed by the poet's enchanting contemplation of the mysteries of life and his counsel to drink and be merry while it lasts.*
>
> (Pogany, 1988: Ket. kulit)

Pengaruh dari rubaiyat Omar Khayyam begitu ketara di England hingga melahirkan kelab-kelab sastera yang dinamakan dengan Omar Khayyam, begitu juga berlaku di Amerika (Yohannan, 1962:257). Sesungguhnya sejak tujuh abad rubaiyat Omar Khayyam dicipta ianya tidak dikenali dan terpendam dalam khazanah puisi Parsi, tetapi tiba-tiba ianya memuncak terkenal sesudah diterjemahkan. Dalam konteks inilah rubaiyat Omar Khayyam ini turut tiba dan diminati oleh pencinta bahasa dan sastera di Johor, khususnya menarik minat Major Dato' Haji Muhammad Said bin Haji Sulaiman dan juga rakan-rakannya dalam Pakatan Bahasa Melayunya, termasuk pegawai Inggeris yang mencintai bahasa Melayu.

Latar Major Dato' Muhammad Said bin Haji Sulaiman

Major Dato' Muhammad Said bin Haji Sulaiman dilahirkan di Singapura pada 7 Oktober, 1876. Beliau mendapat pendidikan di Sekolah Melayu Teluk Belanga, Singapura yang telah didirikan oleh Temenggung Ibrahim sejak 1856 lagi. Antara gurunya termasuklah Muhammad Ibrahim Munsyi bin Abdullah Munsyi. Beliau juga dihantar belajar agama dengan guru Qurannya. Beliau juga turut belajar Inggeris di sebelah petang. Setelah itu beliau berjaya memasuki Sekolah Inggeris Raffles dan kemudian di Anglo-Chinese. Selepas itu beliau telah menceburi diri dalam pekerjaan berjawatan kerani swasta iaitu di British and Foreign

Bible Society. Tugas beliau ialah membuat rencana dan menyimpan buku-buku yang dicetak. Melalui pekerjaan inilah mendekatkan beliau dengan buku-buku dan penulisan. Beliau bertugas di sini pada 1894-1898. Selepas itu beliau berkhidmat dengan Kerajaan Johor sebagai juruwang di Pejabat Perbendaharaan.

Pada masa itu bapa saudaranya Dato' Abdul Rahman bin Andak (Dato' Sri Amar Diraja Johor) menjawat jawatan Setiausaha Kerajaan Johor. Dengan bekerja di sini, pergaulannya lebih luas. Di Johor inilah beliau mulai mengasah bakatnya dalam bidang penulisan. Minat ini berterusan walaupun beliau pernah ditukarkan perkhidmatan, sebagai Ketua Pos, Setiausaha Sulit baginda Sultan dan berkhidmat dalam angkatan tentera Johor (Jawatan Setiausaha Sulit dipegangnya sehingga beliau bersara Mei, 1952). Minat beliau dalam penulisan membawa beliau memimpin Pakatan Bahasa yang sebelumnya sudah malap dari kegiatan. Dalam masa pimpinannya (1934-1940) Pakatan bergiat cergas dan dalam masa inilah beliau banyak menghasilkan tulisan-tulisan. Antara tulisan yang dihasilkan adalah bersifat non-fiksyen seperti *Hikayat Queen Victoria* (1904/05) dan *Hikayat Johor I* (1908), Rencana Mengenai Mohammedan Calender (1923) dan mengenai Ceylon Malay (1926). Beliau juga terlibat dalam menghasilkan *Peredar* yang sifatnya sebagai jurnal. Beliau juga menghasilkan karya-karya mengenai bahasa seperti kamus (buku katan), nahu bahasa Melayu dan pengistilahan. Dalam bidang kreatif beliau telah menghasilkan sebuah cerita berjudul *Begitu Dia* (1939). Puisi-puisi beliau ialah *Syair Melayu* (1920), *Puisi Syarah Menyatakan Rukun Islam dan Sembahyang Lima Waktu* (1951), *Syair Panduan Perkahwinan* (1936), *Syair Alam dan Bangsa Melayu* (1935) dan *Syair Keadaan Tuhan dan Manusia, Dunia dan Akhirat Jua* (1936). Beliau juga terlibat dalam bidang terjemahan seperti Terjemahan al-Quran al-Karim (1948) dan Surah Yasin (1952), Terjemahan Surat Barzanji (1931)dan dalam bidang puisi ialah terjemahan Nazam Aqidat al-Awwam (1935) dan terjemahan Rubaiyat Omar Khayyam (1946) melalui versi Inggeris Edward Fitzgerald. Selain yang disebutkan di atas terdapat karya-karya lain yang tidak disebutkan di sini (Monshi bin Abdullah, 1982/83:2-52). Sebagai penulis Major Dato' Haji Muhammad Said bin Haji Sulaiman yang meninggal pada 27 Oktober, 1955 adalah sezaman dengan tokoh-tokoh bahasa dan sastera seperti Za'ba, Syed Syeikh al-Hadi, Ahmad bin Muhammad Rasyid Talu, Abdul Rahim Kajai dan lain-lain.

Terjemahan Rubaiyat Omar Khayyam
Major Dato' Haji Muhammad Said bin Haji Sulaiman

Teks asal yang digunakan bagi terjemahan ke dalam bahasa Inggeris ialah dalam bahasa Parsi, di samping sebahagian daripadanya dalam bahasa Arab. Teks rubaiyat Omar Khayyam pada asalnya tidak terhimpun sebagai satu kumpulan yang lengkap. Ianya dikumpul dari puisinya yang dirakam dalam kitab-kitab di sana sini. Antara catatan terawal mengenai puisinya dilakukan oleh Imaduddin Isfahan dalam karangannya berjudul *Kharidat al-Qasr* (572/1172), iaitu sebanyak empat rangkap yang diperturunkan dalam bahasa Arab. Najmuddin Razi pula mencatat dua buah rubainya dalam bahasa Parsi, manakala Shahrazuri mencatat tiga buah rubainya dalam bahasa Arab, demikian al-Juwaini mencatat sebuah dan sebuah lagi terdapat dalam *Tarikh Guzida*. Catatan yang agak banyak diketemui sebanyak 13 buah dalam karangan berjudul *Mu'nis al-Ahrar* (741/1340), tetapi kemudiannya F. Rosen yang mengedit sebuah manuskrip telah menemui sejumlah rubainya yang banyak, iaitu 329 rangkap. Manuskrip-manuskrip rubaiyat Omar Khayyam terdapat di perpustakaan-perpustakaan Istanbul, Oxford Bodl. Ouseley, Vienna, Bankipur dan Lucknow di India (*The Encyc. of Islam*, 1936: Vo.III, 986).

Dari berbagai-bagai sumber yang disebutkan terhimpun rubaiyat Omar Khayyam, walau bagaimanapun tidak terlepas daripada keraguan, kerana kemungkinan sebahagian daripadanya dinisbahkan kepada Omar Khayyam. Versi-versi yang digunakan bagi terjemahan nampaknya di samping ada persamaan ada kelainan pula dari segi jumlahnya. Arberry dalam bukunya *The Rubaiyat of Omar Khayyam* mengenengahkan Rubaiyat Omar Khayyam bagi edisi pertama (1859) berjumlah 75 rangkap. Beliau juga menyertakan Rubaiyat berkenaan bagi edisi keempat (1879) dengan bertambah jumlahnya iaitu sebanyak 101 rangkap (Arberry, 1976:3-32). Selain pertambahan dari segi rangkap, terdapat pembaikan-pembaikan terhadap rangkap-rangkap 75 buah di atas. Sebuah edisi lagi yang menurunkan teks asal dalam bahasa Parsi dan diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris diusahakan oleh A.R.Tariq mengemukakan sejumlah 182 rangkap Rubaiyat Omar Khayyam (Tariq, 1975:220 hal.). Sebuah lagi teks Rubaiyat Omar Khayyam yang diusahakan oleh Willy Pogany secara ilustrasi yang agak *fancy*. Jumlah dan kandungan dalam versi ini adalah bersamaan dengan versi (1859) berjumlah sebanyak 75 rangkap (buah) itu. Sudah tentulah ada versi-versi lain yang di luar daripada pengetahuan penulis.

Melihat kepada terjemahan yang dlakukan oleh Major Dato' Haji Muhammad Said bin Haji Sulaiman baik dari segi jumlah rangkap (75) dan maksud kata yang diterjemahkan, beliau menggunakan Rubaiyat Omar Khayyam sebagaimana versi (1859) yang digunakan oleh Arberry yang bersamaan juga digunakan oleh Willy Pogany.

Bentuk dan Teknik Terjemahan

Satu daripada ciri puisi rubai yang terpenting sebagaimana telah disebutkan ianya digubah dalam empat baris yang rima akhir bagi baris-baris berkenaan ialah (AABA) atau (AAAA). Ini memang jelas dalam puisi rubai asal dalam bahasa Parsi dari buku Tariq (1975) dan satu rangkap rubai tersebut saya terjemahkan menurut skema rimanya (AABA):

Di akhirat tiap orang menuai balasan
Nilai diri sebanyak mana amalan
Sebelum hari penentu itu tiba
Gandakan kebaikan menjelang ganjaran.

Kalau dilihat kepada terjemahan yang dilakukan oleh Edward Fitzgerald, beliau menjaga dari segi skema rima akhir rubai yang berasal dari Parsi itu. Sebagai contohnya :

Iram indeed is gone with all its Rose,
And Jamshyd's sev'n-ring'd cup where no one knows;
But still the vine her ancient Ruby yields,
And still a Garden by the water blows.

(Arberry, 1976: 3)

Rangkap di atas adalah menurut skema rima (AABA), pada baris kedua dapat dilihat untuk mengelak dari ayat yang terlampau panjang penterjemahnya memotong kalimat tertentu bagi mengimbangkan jumlah kalimat (juga suku kata) dengan baris-baris yang lain. Skema rima (AABA) ini paling banyak kedapatan dalam terjemahan Rubaiyat Omar Khayyam iaitu 68 daripada 75 buah. Contoh bagi skema rima (AAAA) pula ialah seperti:

Oh, come with old Khayyam, and leave the wise
To talk; one thing is certain, that life flies;
One thing is certain, and the rest is lies:
The flower that once has blown for ever dies.

(Arberry, 1976: 7)

Kalau kita lihat kepada terjemahan yang dilakukan oleh Major Dato' Haji Muhammad Said bin Haji Sulaiman yang diterbitkan pada tahun 1946 oleh percetakan The United Press, Penang, keadaan yang agak berlainan. Beliau tidak menurut skema rima rubai Parsi, sebaliknya menukarkannya kepada bentuk puisi terikat syair di samping ada yang menurut skema rima pantun (sedikit) dan yang kurang terikat. Lebih berbeza lagi bagi setiap rangkap rubai diterjemahkan kepada dua rangkap syair. Ini menjadikan terjemahannya berjumlah sebanyak 150 buah syair. Ini dilakukan, menurut Major Dato' Haji Muhammad Said, "Maka oleh sebab terjemah daripada menurut kaedah empat serangkai itu dan dijadikan delapan. Yang demikian ditambah sebutannya rangkai syair adanya." (Muhammad Said, 1946:4). Sebagai contoh diperturunkan sebuah rubai berikut:

Awake! for morning in the bowl of night
Has flung the stone that puts the stars to flight:
And Lo! the hunter of the east has caught
The Sultan's Turret in a noose of light.

(Arberry, 1976:3)

Rubai di atas diterjemahkan oleh Major Dato' Haji Muhammad Said bin Haji Sulaiman kepada dua pecahan yang menjadikannya sebagai dua buah puisi syair sebagaimana berikut:

Bangkitlah tuan subuh ternyata
Kelubung malam batu melontari
Ke atas bintang bertabur merata
Lenyaplah sekalian melarikan diri:
Pemburu timur cubalah pandang
Menara sultan dilingkung cemerlang
Disinar dengan cahaya gemilang
Segala yang kelam ghaiblah hilang.

(Muhammad Said, Haji, 1946:8)

Jelas dari rangkap di atas dilihat pada rangkap pertama mengambil bentuk dan skema rima gaya pantun tanpa pembayang. Hakikat isinya adalah syair, manakala pada rangkap kedua jelas sepenuhnya mengambil bentuk dan isinya secara syair. Ianya dapat memenuhi ciri-ciri sebuah syair, iaitu skema rimanya (AAAA), suku kata bagi setiap baris-baris di atas antara 10 hingga 13 sukukata (dibenarkan pada kebiasaannya antara 8 hingga 13), kesemua barisnya membawa isi walaupun yang mengambil gaya pantun (rangkap pertama). Perutusannya tidak sempurna dengan satu rangkap pertama sahaja, ianya bergantung pada yang berikutnya, di tengah-tengah baris boleh dijedakan, setiap baris ternyata mengandungi empat perkataan, iaitu jumlah perkataan yang normal bagi setiap baris syair (juga pantun), kecuali baris terakhir di atas mengandungi lima perkataan iaitu jumlah maksimum yang dibenarkan. Untuk membuktikan yang bentuk syair adalah bentuk yang dominan digunakan oleh Major Dato' Muhammad Said dalam terjemahan rubai, diperturunkan dua rangkap asal rubai dengan terjemahannya.

Dreaming when Dawn's Left Hand was in the sky
I heard a voice within the Tavern cry:
'Awake, my little ones, and fill the cup
Before life's liquor in its cup be dry.

And, as the cock crew, those who stood before
The tavern shouted: 'Open then the Door!
You know how little while we have to stay,
And, once departed, may return no more.

(Arberry, 1976:3)

Kedua-dua rangkap di atas menurut skema-rima akhir (AABA). Kedua-duanya diterjemahkan oleh Major Dato' Haji Muhammad Said sebagaimana berikut:

Duduk mimpi berbagai perasaan
Waktu subuh dihulurkan tangan
Terang cahaya naik ke kayangan
Dalam pencawas suara kedengaran.

Bangunlah anak-anakku sekalian yang ada
Isilah piala dengan segera
Minumlah anggur hayat yang selia
Sebelum kering dalam tempatnya.

Ayam berkokok waktu itu
Ramailah orang berhimpun di situ
Di luar kedai mereka berseru
Segera saudara buka pintu.

Sudah maklum serta ketahui
Kita tidak berlama di sini
Bila sudah pulang kembali
Sekali lenyap tak balik lagi.

(Muhammad Said, Haji, 1946: 8-9)

Umumnya dalam terjemahan di atas, Major Dato' Haji Muhammad Said mengambil bentuk syair, kelainan pada baris akhir rangkap kedua (... dalam tempatnya) berlaku pada tulisan Jawi, tetapi tidak pada sebutan dan tulisan Rumi. Meskipun Major Dato' Haji Muhammad Said menterjemahkan setiap rangkap rubai kepada dua rangkap syair, ini tidak bererti kata dan isi yang diterjemahkan jauh lebih banyak, kerana jika dilihat kata-kata dalam sebaris rubai (bahasa Inggeris) kebiasaannya antara lapan hingga sembilan perkataan, (sebaris bagi rubai Parsi biasanya antara enam hingga lapan perkataan), sedangkan bagi sebaris yang diperturunkan kepada syair pada kebiasaannya empat perkataan sahaja. Ini bererti dari segi jumlah perkataan bagi sebaris dari rubai sama dengan dua baris syair. Ini juga tidak bertambah dari segi maksud.

Falsafah Estetika Melayu

Satu persoalan yang boleh ditimbulkan, apakah Major Dato' Haji Muhammad Said tidak faham dengan bentuk rubai, hingga apabila diterjemahkan beliau tidak mempastikan wujudnya skema rima yang ada pada sesebuah rubai? Pada pendapat penulis, penterjemah sebenarnya faham dengan bentuk rubai. Beliau dengan sedar menukarkannya, apabila menterjemah ke dalam bahasa Melayu kepada bentuk puisi syair. Ini jelas daripada kutipan di atas dan judul yang diberi kepada rubaiyat terjemahannya sebagai "Rangkai Syair Ruba'iah Omar Khayyam".

Ada beberapa faktor mengapa terjemahan rubaiyat ditukar kepada pola skema rima syair:

1. Jiwa orang Melayu telah diorientasikan dengan pandangan alamiah dan pengalaman yang dihayatinya bahawa sesuatu yang indah seharusnya bersifat harmoni. Antara ciri-ciri harmoni seperti

wujudnya kesamaan bagi sesuatu seperti sama tinggi, sama besar dan sebagainya. Ciri harmoni juga pada sesuatu yang bersifat pasangan. Misalnya pada tubuh badan ada pasangan kaki dan tangan atau pada pasangan yang bersifat bertentangan contohnya ada lelaki dan perempuan ada yang besar dan kecil dan sebagainya. Ciri-ciri bersamaan, berpasangan dan bertentangan ini kedapatan pada puisi-puisi sama ada pada syair atau pantun.

2. Orang Melayu tidak gemar dengan kelainan (keanehan ?) rima akhir yang ada pada akhir baris ketiga rubai (AABA) yang merupakan sebagai satu kejanggalan. Justifikasi dalam rubai Parsi bahawa ianya bagi mengingat dan menyedarkan khalayak supaya memberi perhatian terhadap kandungan baris kempat sebagai intipati perutusan tidak kukuh, demikian juga dikaitkan dengan bentuk khemah yang kebiasaannya mempunyai empat pemancang dan satu daripadanya sebagai tiang pintu yang menjadi jalan pembukaan. Ini dikaitkan dengan pekerjaan turun temurun keluarga Omar Khayyam yang membuat khemah sebagai punca rezeki (al-Attas, 1959: V). Kaitan ini pada pendapat penulis adalah diada-adakan sahaja oleh kerana rubai identik dengan Omar Khayyam.
3. Penterjemah mungkin menganggap rubai sebagai pecahan syair, kerana sebahagian besar dari ciri-cirinya adalah bersamaan termasuk dari segi suku kata asalnya seharusnya 13 suku kata bagi setiap barisnya, apa lagi setengah rubai berima-akhirkan (AAAA), sebab itu terjemahannya diberi judul syair rubai.
4. Tanggapan bahawa rubai agak janggal (khusus bagi AABA), dapat dikaitkan dengan ciptaan syair rubai Hamzah Fansuri yang menamakan puisinya sebagai "syair rubai" (Hashmy, 1976:19). Penamaan ini bukan sekadar ianya tersusun daripada empat baris berskema rima akhir (AAAA), tetapi adalah dari kesedaran dan kefahaman tentang kewujudan bentuk rubai Parsi, sebagaimana ia memahami bahasa Parsi dan mempelajari karya-karya dalam bahasa Parsi termasuklah puisi rubainya (al-Attas, 1970:14). Beliau juga sebagaimana dimaklumi menguasai bahasa Arab dan sudah tentu pula

mengetahui teknik mencipta syair, tetapi dalam mencipta puisi dalam bahasa Melayu, beliau dengan penuh sedar ingin membawa kelainan, iaitu tidak sepenuhnya sebagai syair Arab dan tidak pula mahu mengikut bentuk rubai Parsi yang mempunyai keganjilan dari segi rima akhirnya (AABA) yang tidak begitu sesuai dengan cita rasa estetika Melayu. Lantaran itu kedua-dua unsur digabungkan dalam apa yang diistilah sebagai "syair rubai". Contoh unsur syair yang ketara ialah mengekalkan unsur syair yang berskema-rimakan (AAAA). Contoh unsur rubai bahawa setiap rangkap syair rubai membawa mesej yang lengkap sebagaimana setiap rangkap rubai Parsi. Contoh syair rubai berikut:

Yugia kau pandang kapas dan kain,
Keduanya wahid asmanya lain,
Wahidkan hendak zahir dan batin,
Itulah ilmu kesudahannya main.

(Hashmy, 1976:24)

Jelas dari contoh puisi syair rubai di atas berskema-rimakan (AAAA) dan rangkap tersebut membawa mesej yang lengkap, berbeza dari syair biasa yang isinya tidak sempurna dan bergantung kepada rangkap-rangkap berikutnya. Contoh bagi unsur yang sama kedapatan dalam rubai dan syair ialah jumlah perkataan dalam sesuatu baris ialah berjumlah antara empat dengan lima perkataan.

5. Di dapati bahawa kesedaran tentang ciri estetika Melayu yang bersifat alamiah dan bersifat harmoni dari segi persamaan atau pertentangan rima sebagaimana yang terdapat pada pantun dan syair disedari dan dihayati oleh penulis bukan Melayu. Misalnya pada masa berkembangnya kegiatan bahasa dan sastera pada tahun-tahun 20-an ini, ianya turut sama disertai oleh pegawai-pegawai British yang berkhidmat di Johor pada masa itu; seorang daripadanya ialah A.W.Hamilton yang pernah berkhidmat sebagai pegawai polis di Johor yang dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik dan turut sama menterjemahkan rubai Omar Khayyam

dalam bahasa Inggeris itu ke dalam bahasa Melayu. Beliau tidak menterjemahkannya menurut skemarima rubai yang lazim (AABA), sebaliknya menurut skemarima syair dan nazam (AA, BB) yang sesuai dengan cita rasa estetika Melayu. Contoh terjemahannya terhadap rangkap terawal dari rubaiyat Omar Khayyam yang contoh terjemahan terhadapnya oleh Major Dato' Haji Muhammad Said telah diperturunkan di atas:

Bangunlah! Tuan, beta mengarang,
Kerana subuh sudahlah terang;
Mungkumnya malam direjam batu.
Menghambat bintang satu persatu.

Pemburu timur, cubalah pandang!
Menara sultan sudah kecundang;
Dijerat dengan sinar gemilang,
Menjadi tawan, kelamnya hilang.

(al-Attas, 1959: X)

Dari contoh di atas dapat dilihat, baik Major Dato' Haji Muhammad Said maupun Hamilton, kedua-duanya tidak membawa bentuk rubai asli Parsi yang dominan (AABA) ke dalam bahasa Melayu. Selain itu kedua-duanya sama memecahkan sebuah rubaiyat Omar Khayyam menjadi dua rangkap puisi sesudah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Dengan ini terbukti bahawa dalam menterjemahkan rubaiyat Omar Khayyam Major Dato' Haji Muhammad Said menyedari akan bentuk rubai Parsi yang antaranya mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri, khususnya berskema-rimakan (AABA). Beliau dengan sedar dan sengaja menterjemahkannya menurut gaya syair, di samping wujudnya sedikit unsur bebas. Sebagaimana Hamzah Fansuri menamakan puisinya (bukan terjemahan, tetapi gubahannya sendiri) sebagai syair rubai, maka Major Dato' Haji Muhammad Said menamakan terjemahannya "Syair Rubaiah Omar Khayyam".

Keterangan

Melihat kepada terjemahan yang dilakukan oleh Major Dato' Haji Muhammad Said, selain setiap rangkap rubaiyat Omar Khayyam di terjemahkan ke dalam dua rangkap syair, beliau

juga memberi judul kecil sebagai keterangan bagi setiap pecahan syair rubaiah yang diterjemahkan. Judul kecil ini terletak bertentang dengan baris pertama di sebelah kiri (tulisan Jawi) bagi syair rubaiah yang diterjemahkan, terdapat juga sebelah kanan (sedikit) menurut kesesuaian ruang. Ini memudahkan pembaca menanggapi kandungan setiap kandungan syair rubaiah yang dibaca, juga menghubungkan dengan kandungan-kandungan syair-syair rubaiah berikutnya. Sebagai contohnya diperturunkan terjemahan sebuah rubaiyat Omar Khayyam yang diterjemah ke dalam dua rangkap syair rubaiah yang mempunyai dua judul kecil. Contoh terjemahan kepada rangkap ketujuh:

VII
Come, fill the cup, and the fire of spring
The winter garment repentance fling:
The bird of time has but a little way
To fly - and lo! the bird is on the wing.

(Fitzgerald, 1976:4)

Terjemahannya bersama judul sebagaimana berikut:

Pujuk Peminum
Marilah piala kita penuhi
Musim bunga tengah berapi
Waktu dingin selimut didatangi
Menghilangkan runsing sebal di hati.

Waktu Singkat
Burung waktu terbang tak panjang
Hinggapnya itu jarang masa
Tampak sejurus mata memandang
Wah, terbang pula dia semula!

(Muhammad Said, 1946:11)

Kalau kita perhatikan kepada kedua-dua rangkap terjemahan di atas, rangkap pertama mengambil bentuk syair (AAAA), tetapi pada rangkap kedua mengambil gaya pantun (ABAB) tanpa pembayang. Ini dianggap juga sesuai dengan cita rasa estetika Melayu. Berhubung dengan judul-judul kecil di atas, oleh kerana Rubaiyat Omar Khaiyyam berjumlah 75 buah dan terjemahan bagi setiap buah dua buah syair rubaiah, maka jumlah judul-judul kecil sesuai dengan jumlah syair rubaiah ialah 150 buah.

Kandungan Rubaiyat Omar Khayyam dan Terjemahan

Dalam menterjemahkan sesebuah karya, ada pendapat mengatakan sekurang-kurangnya dua puluh peratus daripada hasil terjemahan akan berubah, terkurang atau tidak menepati apa yang terkandung dalam karya asal yang diterjemahkan. Pendapat sedemikian sememangnya benar. Apalagi jika karya yang diterjemahkan itu karya puisi. Misalnya sungguhpun terjemahan rubai yang dilakukan oleh Edward Fitzgerald diakui indah dari segi bahasa dan sasteranya, ianya tidak mampu menyelami dan memahami seluruh budaya, nilai, perlambangan dan pegangan keagamaan penganutnya. Omar Khayyam sebagai ulama, pemikir, ahli matematik, astronomer dan sufi adalah orang yang kuat berpegang kepada nilai-nilai agama. Dari segi ketasawufan dan perpuisian, beliau amat faham dengan perlambangan-perlambangan yang digunakan oleh golongan sufi. Satu contohnya ialah penggunaan istilah 'khamar' atau 'anggur' , 'sakr' (mabuk) sebagaimana juga dengan istilah-istilah 'hubb' (cinta),' shawq' (isyik) dan 'wijdan' adalah istilah-istilah yang sering digunakan oleh kalangan sufi dalam mengungkapkan kehalusan batin dalam hubungannya dengan Allah. Maka dalam Rubaiyat Omar Khayyam didapati istilah-istilah sedemikian turut sama digunakan. Contohnya :

..... fill the cup
Before life's liquor in its cup be dry
(Rubai bil. 2)

....Wine! Wine! Wine!
Red Wine!'- the nightingale cries to the rose,
(Rubai bil. 6)

A flusk of wine, a book of verse - and thou
(Rubai bil. 11)

Drink! - for once dead you never shall Return
(Rubai bil. 34)

Was never deep in anything but - Wine
(Rubai bil. 41)

And much as Wine has play'd the infidal
(Rubai bil. 71)

Ungkapan-ungkapan di atas sebenarnya pada asalnya sebelum diterjemah dan disesuaikan dengan budaya Barat mempunyai sekurang-kurangnya dua pelapisan makna, iaitu merujuk kepada aspek dalaman dan kerohanian. Begitu juga ianya boleh diambil dari segi lahirnya yang bukan dimaksudkan oleh penggubahnya. Malangnya walaupun sejak rangkap kedua dari Rubaiyat Omar Khayyam ini telah diberi *clue* yang memaksudkan kepada kemesraan, keghairahan dan sikap positif dan proaktif dalam mendepani hidup ini *'Before Life's Liquor in its Cup be dry'* bermaksud "Sebelum air anggur kehidupan kering di piala" yang memaksudkan pula kepada suatu lapisan lagi "Sebelum kehidupan yang mesra ini berakhir" yakni sampai ke hujung dan boleh juga dimaksudkan kematian. Maka kehidupan ini haruslah dipenuhi seindah dan sebaik mungkin termasuklah berbakti.

Terjemahan yang dilakukan oleh Edward Fitzgerald adalah secara bebas dari segi maksud tetapi meraikan dari segi bentuk. Budaya dan perlambangan yang digunakan dalam perpuisian Islam yang bersifat kerohanian dipindahkan secara lahiri kepada budaya Barat (England). Puisi Rubaiyat Omar Khayyam yang melambangkan anggur kepada kemabukan rohani bertukar kepada penghayatan lahir iaitu mendeklamasikan dan menghayatinya secara *moody* dengan dihangati oleh upacara minum-minum. Barangkali inilah antara faktor yang menjadikan terjemahan Rubaiyat Omar Khayyam oleh Edward Fitzgerald begitu terkenal dan mendapat sambutan di Barat. Berhubung dengan hal ini Major Dato' Haji Muhammad Said menyedari aspek lahiri puisi berkenaan yang bukan dimaksudkan. Kata Major Dato' Haji Muhammad Said dalam pengenalan bagi terjemahannya:

> "Adapun maksud karangannya itu supaya jadi suatu ingatan dan nasihat kepada orang-orang muda terutama yang suka meminum anggur atau arak yang seumpama ialah dengan kiasan tohor dan dalam disambil dengan berseloroh dalam bersuka, maka sesungguhnya daripada lari cakapan seorang daripada peminum, jika tidak "tahi arak". Tetapi bila dilihat pada akhir rubaiah iaitu harus karangan sahaja dan ianya betul bagaimana ada dikatakan dalam cerita Arab, iaitu ahli sufi dan taat kepada Allah adanya. Adapun Omar Khayyam itu seorang alim dan bijaksana dan pandai dalam [ilmu] bintang (ilmu Falak)".
>
> (Muhammad Said, 1946: 4-5)

Sinopsis Kandungan

Dari segi kandungannya penyair menggesa orang-orang muda supaya cergas bangun dari awal subuh bagi menghadapi hidup dengan bersemangat. Penuhilah ia dengan bakti sebelum kehidupan yang relatif pendek ini berakhir. Azam hendaklah dipasang dengan penuh iltizam sejak awal tahun. Cabaran hidup adalah perkara biasa jangan sampai ianya menyebabkan dukacita. Hendaklah memandang ke hadapan dengan penuh harapan. Janganlah bermegah-megah dengan kegemilangan silam semata-mata tanpa menjadikannya aspirasi perjuangan hari muka. Ini dialegorikan dengan sejarah silam Parsi:

Negeri Iram sudahlah fana
Bunga rosnya entah ke mana
Piala Jamshid tujuh pergelangan
Itupun sudah habis muran (muram ?)

Sungguh demikian janganlah gundah
Anggur masih pati airnya merah
Pohonnya bersuburan di taman yang indah
Berhampiran air pancutan melimpah.

(Muhammad Said, 1946:10)

Hayatilah penghidupan dengan penuh ghairah, abadikan bakti sebagaimana Jamshid dibina Raja Kaikobad dan Rustam menjadi pahlawan terkenal atau Hatim yang terkenal pemurah dan berbudi. Jasa dan bakti berpeluang diisi sebelum mati. Tetapi bagi yang tidak berjasa datang dan hilang sebagaimana sultan-sultan yang tak berjasa, sekejap memerintah, hilang dan dilupai sebagaimana kata penyair:

Cubalah fikir alam yang ada
Tempat persinggahan buruk keadaan
Pintu besarnya ialah dua
Siang dan malam iaitu dinamakan.

Betapa sultan di belakang sultan
Dengan kebesaran serta angkatannya
Sejam dua di atas kerajaan
Kemudian lesap riwayat ceritanya.

(Muhammad Said, 1946: 15-16)

Dengan penuh keinsafan penyair meluahkan pandangan kesufian tentang kefanaan diri dan alam sebagaimana dalam rangkap berikut:

Wah! Setengah daripada yang kita gemari
Bagusnya tidak dapat diperi
Masa dan ajal suratan diri
Tiba-tiba sudah tempoh dititiki.

Sudahlah juga bersulang mereka
Sekali dua keliling merasa
Satu persatu tidak berketika
Dengan perlahan lenyaplah fana.

(Muhammad Said, 1946:18).

Penyair menganjurkan supaya setiap orang bersedia untuk menempuh kehidupan yang abadi di akhirat antaranya dengan menunaikan ibadat, sebagaimana kata penyair:

Berseru muazin bertalu-talu
Dari menara gelap keadaan
Wahai bahlul ambillah tahu
Tiada bagimu balas kebajikan.

(Muhammad Said, 1946:20)

Bagi mendapat bimbingan dan panduan dalam kehidupan, sebaik-baiknya hendaklah berdampingan dengan orang-orang yang berilmu dan menghadiri majlis-majlis ilmu. Dengan itu hidup tidaklah sia-sia sebagaimana kata penyair:

Betapa banyak ulama pendeta
Telah berbahas berbagai punca
Dunia akhirat semua dikira
Tiap-tiap satu cukup diselia.

(Muhammad Said, 1946:20)

Sesungguhnya kewajipan bagi golongan remaja hendaklah mempersiapkan diri dengan ilmu. Dengan berbekalkan ilmu apabila seseorang itu memasuki bidang kehidupan dia tidak akan ketinggalan. Kata penyair:

Masa mudaku zaman rumaja
Bersungguh berperi menuntut ilmu
Ulama pendeta dilawati belaka
Perbahasan didengar tiada jemu.

(Muhammad Said, 1946:21)

Penyair menandaskan kehidupan ibarat perwayangan dan juga sebagai permainan catur. Sebab itulah perlu difahami dan berhati-hati dalam kehidupan dan pandai mengatur langkah. Jika tidak menurut penyair:

Langit dunia boleh dikiaskan
Mangkuk minuman ditelu(ng)kupkan
Di bawahnya letih kita sekalian
Hidup mati berdahulu kemudian.
(Muhammad Said, 1946:33)

Dalam bahagian kedua dari pecahan Rubaiyat Omar Khayyam penyair membicarakan kehidupan yang diibaratkan minuman anggur di piala itu, pada hakikatnya piala atau mangkuk atau belanga yang menjadi bekas minuman itu berasal daripada tanah yang merupakan hakikat usul asal kejadian diri. Dalam bahagian ketiga pula penyair mengingatkan agar ketika menghirup minuman di piala hidup janganlah sampai kemabukan dan lupa tujuan hidup. Kata penyair:

Kerana anggur empunya tipu
Kerja derhaka banyak dilaku
Habis rosak maruah diriku
Oleh mengikut hawa nafsu.

(Muhammad Said, 1946:45)

Pada akhirnya penyair mengungkapkan bahawa syair rubaiyat yang dicipta itu adalah rekaan jua supaya menjadi teladan terutama bagi yang muda-muda, katanya:

Sayang asap musim bunga
Bersama ros yang harum bau
Syair rekaan bagi teruna
Hampir selesai mendayu-dayu.

(Muhammad Said, 1946:45)

Penyair berminat mendepani dan bergaul dengan golongan muda dalam usaha membimbing mereka dan sentiasa menunggu kesempatan bersama mereka. Kata penyair:

Wahai yang dikasihi bolehkah bersama
Awak kawan mengadu nasib berikhtiar
Perihal yang duka ditanggung dirasa
Jangan semata kita biar.

(Muhammad Said, 1946: 46)

Bahasa dan Estetika

Pada dasarnya Major Dato' Haji Muhammad Said telah berjaya menterjemahkan Rubaiyat Omar Khayyam melalui versi terjemahan berbahasa Inggeris yang diusahakan oleh Edward Fitzgerald. Penterjemah berjaya menyelami kandungan dan mengeluarkannya dengan baik. Sebagaimana diperkatakan bagi serangkap rubaiah dalam bahasa Inggeris diterjemahkan kepada dua rangkap puisi syair, walaupun pada dasarnya tidak berlaku pertambahan jumlah perkataan dengan ketara, namun ada kedapatan pada rangkap tertentu ada pengulangan dan pembaziran kata bagi melengkapkan baris-baris dalam rangkap. Contoh:

Sudah maklum sudah ketahui
Kita tidak berlama di sini
Bila sudah pulang kembali
Sekali lenyap tak balik lagi

(Muhammad Said, 1946:9)

Jelas dalam rangkap di atas terdapat pengulangan membazir seperti *maklum* bersamaan dengan *ketahui* dan *pulang* bersamaan dengan *kembali*. Sedangkan dalam bahasa Inggerisnya begitu padat sekali. Di samping wujudnya pembaziran terdapat juga terjemahan yang agak kurang licin (berat). Contoh:

Ibarat orang mengetam padi
Walaupun banyak perolehnya
Mereka yang cermat dapat menyimpani
Yang hambur seperti angin perginya

(Muhammad Said, 1946: 15)

Kata-kata *perolehnya* dan *menyimpani* agak berat dari sebutan. Penyair menggunakan kedua-duanya bagi kepentingan mematuhi skema-rima akhir baris puisi. Dari segi bahasa juga didapati penyair menggunakan istilah yang dicipta pada masa itu seperti pencawas, istilah-istilah tempatan seperti meran, selia (selera), merah kesumba, bontel minuman, bersulang, mersuk, ge(n)ta, tersukur semban, bolau (bola), kerok berok, berkiut penggandar. Penyair juga menggunakan istilah Arab seperti bahlul, rukhsah, musytari, qafilah, fajar kazib dan bustan. Di samping itu penyair juga menggunakan ungkapan istilah bersifat sastera seperti telaga hayat dan merawan kasih. Dengan istilah-istilah khususnya kata-kata yang berasal dari Johor memberi citra Johor yang juga mencerminkan pengaruh latar tempatan penterjemahnya.

Dari segi estetika melalui terjemahan ini penterjemahnya seolah-olah merangkumkan ciri-ciri syair dan rubai ke dalam hasil terjemahannya, walaupun tidak dapat melengkapkannya sesuai dengan judul terjemahannya sebagai syair rubaiah. Walau bagaimanapun, jika seseorang membaca terjemahan ini tanpa melihat teks asal dalam bahasa Inggeris atau tanpa melihat judul terjemahan, mungkin orang boleh menganggap bahawa terjemahan tersebut ada syair sahaja. Dalam terjemahan ini ada terjemahan tertentu mencerminkan tingkat estetika yang baik. Sebagai contohnya dipetik rangkap-rangkap berikut:

Bangunlah anak-anakku sekalian yang ada
Isilah piala dengan segera
Minumlah anggur hayat yang selia
Sebelum kering dalam tempatnya.

(Muhammad Said, 1946:9)

Begitu juga dengan ungkapan berikut:

Inilah dia semua pendapatan
Yang aku tuai yang aku usahakan
Seperti air aku mendatangkan
Seperti angin aku meninggalkan.

(Muhammad Said, 1946:22)

Walau bagaimanapun melalui terjemahan Major Dato' Haji Muhammad Said, ciri falsafah yang kebiasaan tebal kedapatan dalam puisi-puisi rubai ternyata agak terhakis.

Rubai dan Lanjutan

Rubai pada dasarnya tidak berkembang dalam persuratan Melayu. Ianya terhad di negeri Aceh dan Johor. Di Aceh rubai bersifat gubahan asli, manakala di Johor bersifat terjemahan. Walau bagaimanapun terdapat sebuah rubai dalam sebuah kitab ketatanegaraan berjudul *Nasihat Segala Raja-Raja* yang diterjemah di Terengganu (1300H.) yang dimiliki oleh Sultan Zainal Abidin III (1881-1918). Dalam naskhah tersebut terdapat terjemahan rubai sebagaimana berikut:

Kata Hukama'

Kata segala hukama' yang mulia-mulia
Hai segala hulubalang yang kaya-kaya
Peliharakan dirimu hubaya-hubaya
Daripada kelakuan raja-raja yang kaya-kaya.

Kerana segala raja-raja itu ada terkadang
Jadi murka dengan sumpah hulubalang
Adakalanya dengan biadab sukanya datang
Seperti dianugerahinya tiada terbilang.

(*Nasihat Segala Raja-Raja*, 1300H: 149)

Selain naskhah ini mungkin terdapat lagi rubai dalam karya-karya tradisi, terutama dalam kitab-kitab, tetapi setakat ini di luar dari maklumat penulis. Di Johor sendiri terdapat kegiatan melanjutkan tradisi puisi rubai. Ianya dilakukan oleh Syed Muhammad Naguib al-Attas. Beliau menyadur rubai-rubai yang dihasilkan oleh tokoh-tokoh penyair sufi terkenal. Judul karyanya dinamakan *Rangkaian Rubaiyat* dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (1959). Karya ini memerlukan pembicaraan khusus. Walau bagaimanapun ketara kegiatan mengembangkan puisi rubai ini menjadi identiti Johor apalagi jika dikira dengan pendapat bahawa pengarang *Taj al-Salatin* itu pun berasal dari Johor.

Masa Depan Rubai

Walaupun pertumbuhan rubai dapat digalurkan berlaku dari zaman tradisi membawa kepada zaman moden, pada hakikatnya diakui perkembangannya tidaklah begitu menggalakkan dan

mungkin ianya menghadapi kepupusan. Barangkali bentuk dan sifatnya semacam syair itu tidak begitu mengundang peminat puisi menggubahnya, sedangkan syair sendiri semakin malap dibayangi oleh sajak-sajak moden. Saya kira sebagaimana syair telah menjelmakan diri ke dalam bentuk-bentuk puisi moden, maka rubai dapat dikembangkan dengan diberi kelonggaran dari segi rima akhir baris-baris, namun bentuknya yang terdiri dari empat-empat baris perlulah dikekalkan. Kalau tidak ciri rubai akan hilang. Hal ini sebenarnya telah dilakukan oleh beberapa penyair moden yang memberi nama bentuk puisi mereka sebagai kwatrin itu (Shafie, 1987:118).

Dengan ini kita dapat memberi ruang yang yang lebih bagi penyair-penyair bereksperimen. Dengan ini juga kita dapat mempelbagaikan bentuk bagi perkembangan puisi moden kita.

Penutup

Dalam pertumbuhan puisi rubai, Major Dato' Muhammad Said bin Haji Sulaiman sebenarnya telah berjasa memperkenalkan kandungan rubai secara lengkap ke dalam persuratan Melayu melalui terjemahan bahasa Inggeris yang dilakukan oleh Edward Fitzgerald terhadap puisi Rubaiyat Omar Khayyam yang sememangnya diakui tinggi mutunya. Sebelumnya rubai yang diperkenalkan oleh Bukhari al-Jauhari, Nuruddin al-Raniri dan juga melalui kitab *Nasihat Segala Raja-Raja* adalah merupakan rangkap-rangkap ringkas dan berasingan sifatnya. Dengan bukti-bukti yang wujud tentang rubai, ini sebenarnya menjadi sebahagian daripada warisan persuratan Melayu. Terpulanglah kepada generasi kini dan selanjutnya untuk meneruskan perkembangannya atau sebaliknya. Rubai dalam bahasa Melayu membuka peluang untuk diisi dengan tema-tema yang bersifat serius dan filsofis sifatnya. Ianya juga memberi peluang kepada peminat-peminatnya untuk bereksperimen secara lebih bebas sebagaimana telah diperkatakan dengan syarat jangan sampai ianya kehilangan identiti dan tenggelam dalam bentuk puisi lain yang telah sedia ada.

Bibliografi

Abdullah bin Mohamed. 1972. "Pengembaraan Sultan Abu Bakar Maharaja Johor Ke Timur Jauh". *Malaysia Dari Segi Sejarah.* No. 7, Disember.

Al-Attas, Naguib. 1959. *Rangkaian Rubaiyat.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Al-Attas, Syed Muhammad Naguib. 1970. *The Mysticism of Hamzah Fansuri.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Al-Attas, Syed Naguib. 1968. *The Origin of the Malay Sha'ir.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Arberry, A.J. 1976. *The Rubaiyat of Omar Khayyam.* New York: Everyman's Library.

Cantarino, V. 1975. *Arabic Poetics In the Golden Age.* Leiden: E.J. Brill.

Hasymy, A. 1976. *Rubai Hamzah Fansuri.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Iskandar, T. 1964. "Nuru'd-Din ar-Raniri, Pengarang Abad ke 17". *Dewan Bahasa.* Jil. VIII, Bil 10, Oktober.

Jiri Becka. "Roba'i or Ruba'i. 1402/1982". dlm. *Studies In Persian Language And Literature.* Susunan Haji Muhammad Bukhari Lubis. Bangi: Department of Arabic Studies and Islamic Civilization, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Khalid Hussain. 1966. *Taj us-Salatin.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Malik Munip. 1977. "The Pioneers of Modern Johore". *Malaysia In History.* Vol. Twenty- Number One, June.

Monshi bin Abdullah. 1982/83. "Major Dato' Haji Muhammad Said bin Haji Sulaiman, Tokoh Persuratan Johor". Bangi: Latihan Ilmiah di Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nasihat Segala Raja-Raja.(Naskhah). 1300H. Kuala Terengganu: Muzium Negeri Terengganu.

Nik Safiah Karim. 1987. "Sumbangan Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku Diraja Johor Terhadap Perkembangan Bahasa Melayu" dlm. *Tradisi Johor-Riau.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pogany, Willy. 1988. *Rubaiyat of Omar Khayyam By Edward Fitzgerald.* London: Bloombury Books.

Shafie Abu Bakar. 1987. "Rubai: Pengaruhnya Dalam Kesusasteraan Melayu" dlm. *Cendekia.* Diselenggarakan oleh Siti Hawa Saleh. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tariq, A.R. 1975. *Rubaiyat Of Omar Khayyam.* Lahore: Sh. Ghulam Ali & Sons.

Yohannan, John, D. 1962. *A Treasury of Asian Literature.* New York: John Day & Co.

UNDANG-UNDANG JOHOR PRA ABAD KE-19

PROF DATO' DR ABU HASSAN SHAM

Pendahuluan

Apabila sarjana membicarakan undang-undang Johor, mereka lebih tertarik kepada *Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor* 1895 yang diasaskan oleh Temenggung Abu Bakar kemudian mengambil gelaran *Maharaja* dan akhirnya *Sultan*.

Kertas kerja ini mahu meninjau undang-undang Johor sebelum pemerintahan Sultan Abu Bakar yang penulis namakan Hukum Kanun Johor. Ini disebabkan *Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor* itu mempunyai sejarahnya sendiri yang berbeza dengan undang-undang sebelumnya. Undang-undang sebelumnya terutama *Hukum Kanun Johor* masih mempunyai pengaruh *Hukum Kanun Melaka*.

Apakah yang dimaksudkan dengan Hukum Kanun Johor (HKJ)?

Agak sukar untuk menetapkan secara khusus apakah yang dimaksudkan HKJ tersebut. Kesukaran itu disebabkan sekurang-kurangnya oleh dua perkara:

(a) Ia tidak dapat berdasarkan kepada satu-satu teks. Ini berlainan dengan Undang-Undang Johor pada zaman Sultan Abu Bakar kita boleh rujuk kepada *Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor* pada tahun 1895 tersebut.

J.R Logan telah menerbitkan UUJ melalui artikelnya, "The Malayan Laws of the Principality of Johore", JIA, Jilid 9, 1855, tetapi beliau tidak menyebutkan sumber

naskhahnya. Teks yang belum diterbitkan seperti MI 710 yang tersimpan di Perpustakaan Nasional, Jakarta, juga dipanggil Undang-Undang Johor. Teks inilah akan dibicarakan sebagai *Hukum Kanun Johor* (HKJ).

(b) Teks-teks yang dianggap sebagai *Hukum Kanun Johor* tetapi diberi gelaran yang berlainan seperti *Hukum Kanun Melaka* atau *Undang-Undang Melaka.*

Liaw Yock Fang menamakannya sebagai Undang-Undang Melaka versi Islam dan Johor. Ini termasuk v.d. Wall 50, Farquhar 1, 10 dan Singapura 299. (Liaw Yock Fang, 1976: 9), T.J. Newbold menyebutnya sebagai "Code of Malacca" (T.J. Newbold, reprint 1971: 231-321). Pada hal teks yang dibicarakan itu dapat disifatkan HKJ.

Penulis mendasarkan HKJ ini kepada sebuah teks yang manuskripnya tersimpan di Perpustakaan Nasional, Indonesia iaitu MI 710.

Selain manuskrip MI 710 ini terdapat beberapa manuskrip lain yang menyentuh negeri Johor tetapi sebahagiannya penulis namakan Undang-Undang Riau kerana pemberatannya lebih banyak ke arah kuasa Yang Dipertuan Muda dan lain-lain jawatan khusus Riau. Ini dapat dilihat pada manuskrip Cod. Or. 3376, Cod. Or. 1999, *Thamarat al-Muhimmah dan Muqaddimah filntizam* (Abu Hasaan Sham, 1995 : 105-121, 130-147, 173-191). Teks-teks ini dipraktikkan pada zaman yang lebih kemudian jika dibandingkan dengan HKJ.

Kenapa MI 710 dianggap HKJ ?

Undang-undang ini adalah warisan dari HKM. Ia dikatakan mula dipraktikkan pada zaman Sultan Mahmud Mangkat Dijulang hingga Sultan Sulaiman ibni Abdul Jalil Rahmat Shah dan Datuk Bendahara Tun Hassan. Perkara yang sama disebut juga dalam teks terjemahan T.J. Newbold "Code of Malacca" (Reprint 1971 : 271)

Siapakah Sultan Sulaiman ini? Dalam sejarah Johor terdapat dua orang Sultan Abd Jalil sebelum Sultan Sulaiman iaitu Sultan Abdul Jalil Rahmat Syah atau lebih terkenal dengan Raja Kecil. Beliau memerintah Johor pada tahun 1718 -1722. Seorang lagi ayah Sultan Sulaiman iaitu Sultan Abdul Jalil Riayat Syah

IV. Selepas campur tangan Upu Daing Berlima, Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah diangkat sebagai Sultan Johor (1722-1760).

Sultan Abdul Jalil Rahmat Syah bukannya sebagai bapa kepada Sultan Sulaiman seperti tercatat dalam teks ini kerana beliau berasal dari Minangkabau dan mengahwini kakak beliau yang bernama Tengku Kamariah. Jadi beliau adalah abang ipar Sultan Sulaiman.

Bapa beliau ialah Sultan Abdul Jalil Riayat Syah IV (1699-1718), yang berasal dari Bendahara Johor, Bendahara Paduka Raja Tun Abdul Jalil. Apabila Sultan Mahmud Shah, Marhum Mangkat Dijulang, meninggal dunia pada tahun 1699 tanpa meninggalkan zuriat, beliau dilantik menjadi Sultan Johor. Beliau kemudiannya mati dibunuh oleh Raja Kecil di Kuala Pahang.

Jadi identiti sebenar Sultan Johor ini ialah Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah ibu al-Marhum Sultan Abdul Jalil Riayat Syah IV dan bukannya Sultan Abdul Jalil Rahmat Syah seperti dalam teks ini.

Siapa dia Bendahara Tun Hassan? T.J. Newbold menyebut Tun Hassan. (Reprint 1971: 271). Mengikut R.O. Winstedt (Reprint 1979:127), nama Bendahara tersebut ialah Tun Husain, Bendahara Paduka Raja, Peko' (1721-1748). Beliau adalah abang kepada Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah.

Jika dilihat dari latar sejarah Johor tersebut, dapatlah kita katakan HKJ dipraktikkan mulai dari Sultan Mahmud hingga kepada Sultan Sulaiman. Ia terus dipraktikkan selepas pemerintahan beliau. Biarpun pihak Bugis yang menabalkan Sultan Sulaiman sebagai Yang Dipertuan Besar, di mana Daing Merewah menjadi Yang Dipertuan Muda pertama (1722-1728), pengaruh atau kuasa Yang Dipertuan Muda tidaklah begitu jelas berdasarkan teks ini. Ini berbeza dengan UUR seperti Cod. Or. 3376 dan Cod Or. 1999 di mana kuasa Yang Dipertuan Muda tersebut telah diberikan peranan yang lebih besar. Hal ini lebih jelas selepas Perjanjian London 1824.

Kandungan HKJ

Berdasarkan teks MI 710 (v.d. wall 50) ini, isinya mengandungi 66 Fasal. Manakala teks terjemahan T.J. Newbold mengandungi 81 Fasal. Mengikut Liaw Yock Fang, teks lain yang mengandungi 66 Fasal ialah Farquhar 1 (RAS. London) dan Singapura 299 (Perpustakaan Universiti Singapura).

Hukuman yang Sama dengan HKM

Dari 66 Fasal itu terdapat 22 Fasal mempunyai persamaan dengan HKM. Sebab itulah agaknya Liaw Yock Fang menganggap teks ini sebagai HKM juga. Persamaan yang paling ketara ialah bab pendahuluan dan enam Fasal yang terawal iaitu mengikut urutan Fasal seperti dalam HKM.

Enam Fasal yang terawal itu adalah sama dengan HKM iaitu pakaian warna kekuningan yang dilarang dari rakyat biasa memakainya (Fasal 1), Bahasa Diraja (Fasal 2) , Larangan sewaktu raja mati (Fasal 3), sepuluh kesalahan besar yang dijatuhkan hukuman bunuh (Fasal 4), kesalahan hukuman membunuh tanpa setahu raja (Fasal 5), kesalahan abdi mengamuk dan hukuman mencuri binatang dan buah-buahan (Fasal 6).

Fasal 7 membicarakan hukuman mengganggu anak isteri hamba orang terdapat dalam HKM Fasal 12, Fasal 8,9,10 yang membicarakan abdi dan binatang yang dipinjam, adalah sama dengan Fasal 15 dalam HKM.

Fasal-fasal lain dalam HKJ yang sama dengan HKM tetapi tidak sama urutan Fasalnya ialah:

HKJ	HKM
- Hukuman wang hantaran dalam pertunangan - Fasal 11	Fasal 18
- Klasifikasi tanah kepada Tanah Hidup dan Tanah Mati - Fasal 12	Fasal 20
- Hukum kerbau dan lembu menanduk orang lalu lalang - Fasal 15	Fasal 21
- Hukum memerun ladang - Fasal 16	Fasal 22
- Tugas-tugas Syahbandar - Fasal 18	Fasal 29
- Hukum mencuri beramai-ramai termasuk tanaman dan buah-buahan - Fasal 20	Fasal 11

- Hukum menuduh orang zina
- Fasal 29 — Fasal 40

- Hukum menakali isteri si penghutang
- Fasal 46 — Fasal 44

- Hukum mendapat hamba lari
- Fasal 54 — Fasal 44

- Hukum mengenai qisas
- Fasal 54 — Fasal 39

- Hukum mengenai sulh (pendakwaan harta)
- Fasal 57 — Fasal 32

- Hukum bertaruh amanat
- Fasal 59 — Fasal 34

- Hukum Zina berdasarkan hukum syarak
- Fasal 62 — Fasal 40

Kandungan khusus HKJ

Yang dimaksudkan di sini ialah isi yang berbeza dengan HKM yang dapat kita anggap ciri-ciri khas HKJ.

HKJ bukanlah sebuah teks undang-undang untuk kota pelabuhan yang metropolitan seperti Melaka pada abad ke-15 dan 16. Keturunan Sultan Melaka setelah dikalahkan oleh Portugis telah berpindah-randah iaitu Johor, Kampar dan Riau sebelum Bugis campur tangan dalam pemerintahan Johor. Sultan Abdul Jalil Riayat Syah berpusat di Pancor, Raja Kecil (Sultan Abdul Jalil Rahmat Syah) dan Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah di Riau. Dengan latar kota yang kecil itu, HKJ lebih banyak menumpukan undang-undang negeri daripada yang terjadi di pelabuhan kosmopolitan. Selain membincangkan undang-undang jenayah seperti membunuh, mencuri yang boleh berlaku di mana-mana, terdapat juga undang-undang mengenai tanaman dan binatang ternakan. Hal ini terdapat juga dalam HKM tetapi terdapat fasal-fasal yang khusus HKJ ini seperti hukum mendapat gading dalam sesuatu tanah (Fasal 37), undang-undang menyinding rusa (Fasal 17), orang yang mengadakan kenduri jika mahu menjemput penghulu atau pegawai terpaksa menyertakan sirih (Fasal 49), juga peraturan protokol ketika raja berangkat.

> "Apabila raja berangkat di sungai, menteri berkedudukan di kiri kanan. Laksamana dan Seri Bija Diraja disebelah menyebelah. Jika raja bergajah, Temenggung di kepala gajah, Laksamana dan Seri Bija Diraja disebelah menyebelah."
>
> (Fasal 66)

Teks ini disalin pada 1 Sya'ban 1266 (12 Jun 1850) oleh Haji Muhammad Jawi Semarangi. Sungguhpun ia disalin pada abad ke-19 undang-undang ini dipraktik pada zaman lebih awal lagi iaitu zaman Sultan Mahmud Marhum Mangkat Dijulang (Fasal 42).

Perbandingan antara HKJ dengan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor, 1895

HKJ, seperti juga HKM, bukan sebuah teks undang-undang yang sistematik. Ia merupakan campur aduk antara undang-undang perlembagaan, jenayah dan awam. *Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895* hanya menumpukan kepada undang-undang perlembagaan sahaja. Hanya undang-undang tambahan 1908 dimasukkan fasal-fasal mengenai undang-undang jenayah. *Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor* memperjelaskan dengan baik kuasa raja, menteri dan peranan Majlis Mesyuarat Kerajaan. HKJ menyentuh di sana sini kuasa-kuasa raja dan pembesar-pembesarnya tetapi tidak sesistematik seperti *Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor.*

Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor jelas mengenai pelantikan dan penurunan raja berdasarkan hukum syarak. Raja itu tidak berkuasa mutlak dan ia tertakluk kepada hukum syarak. Kuasa raja dalam HKJ adalah mutlak. Rakyat mesti patuh kepada raja "mau ia zalim, mau tiada". (Tetapi setengah versi HKM, raja yang zalim perintahnya tidak harus dituruti). HKJ sebahagian besar menumpukan Fasal mengenai kesalahan jenayah yang berhubung dengan rakyat biasa. *Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor* hanya menjelaskan undang-undang yang berhubung dengan raja dan pembesar sahaja.

HKJ memberikan undang-undang yang berhubung dengan abdi tetapi hal ini tidak terdapat *dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor.*

Kesimpulan

HKJ yang diwakili oleh manuskrip MI 710 (v.d. wall 50) ini adalah suatu contoh undang-undang yang dipraktikkan di Johor sebelum munculnya undang-undang yang lebih moden seperti *Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor.* Lantaran Johor adalah warisan dari Empayar Melaka tentulah undang-undang ini berdasarkan HKM. Undang-Undang Johor seperti MI 710 ini tidak dipakai lagi selepas "Treaty of London 1824" kerana pada masa itu telah dibuat pemisahan antara pengaruh Inggeris dan Belanda. Empayar Johor - Riau yang dahulunya sebagai sebuah negara kini telah dibahagi-bahagikan. Johor kini termasuk di bawah pengaruh Inggeris dan Riau di bawah pengaruh Belanda. Sebelum perjanjian ini, raja dan pembesar Johor - Riau duduk ditempat-tempat berasingan : Raja/Yang Dipertuan Besar di Lingga, Yang Dipertuan Muda di Riau, Temenggung di negeri Selat dan Bendahara di Pahang. Selepas perjanjian ini Temenggung Johor dan Bendahara Pahang akhirnya mengisytiharkan diri mereka sebagai pemerintah di negeri masing-masing.

Pengkajian seperti KHJ ini adalah penting bagi negeri Johor untuk mengenali sejarah perundangan kerana apa yang baik dijadikan teladan dan apa yang buruk dijadikan sempadan. Pengkajian dokumen seperti HKJ ini membolehkan negeri Johor untuk mengenali sejarah dan membentuk jati diri.

Bibliografi

Abu Hassan Sham. 1995. *Hukum Kanun Melaka.* Perbadanan Muzium Melaka.

Abu Hassan Sham & Mariyam Salim. *1995. Sastera Undang-Undang.* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Fauzi Basri dan Hasron Haron. 1978. *Sejarah Johor Moden 1855-1940.* Kuala Lumpur : Muzium Negara.

Liaw Yock Fang. 1976. *Undang-Undang Melaka.* The Hague.

Newbold, T.J. 1971. *British Settlements in the Straits of Malacca.* OUP Reprint.

Winstedt, R.O. 1979. *History of Johore.* MBRAS Reprint.

UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN JOHOR 1312 (1895): KEPENTINGANNYA DARI SEGI PERSURATAN DAN SEJARAH

PROF MADYA DR AHMAD FAWZI MOHD BASRI

Pengenalan

Kertas ini bertujuan meninjau sepintas lalu tentang kandungan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1312 (UUTKJ) atau Perlembagaan Negeri Johor ini. Dalam kesempatan itu juga kita cuba menyorot tentang latar belakang sejarah perkembangan politik Johor yang membawa kepada penggubalan UUTKJ. Di bahagian terakhir kita cuba mengajak khalayak meneliti kepentingan UUTKJ tersebut dari pelbagai perspektif.

UUTKJ 1312 ini bukan sahaja amat signifikan dari segi politik, malah juga menjadi satu cerminan tingkat intelektual elit Melayu Johor pada abad ke-19; satu gelombang kebangkitan nasionalisme Melayu dalam konteks mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negeri. Dari sudut bahasa, UUTKJ memperlihatkan keaslian bahasa Melayu serta kemampuannya menjadi bahasa undang-undang.

Latar Belakang

Mengkaji sejarah Johor, pada hemat saya, adalah penelitian penerokaan yang tidak ada noktahnya. Sejarah Johor kaya dengan sumbernya yang bertebaran di barat, terarkib di London dan Leiden, di Jakarta, serta di Singapura, dan arkib di Negeri Johor sendiri adalah belantara sumber primer yang sentiasa menanti penerokaannya dari kalangan penyelidik. Bagi saya, Johor sebuah negeri Melayu yang unik dan dapat menyangkal tanggapan para sarjana barat yang mengkaji sejarah negara kita.

Tahun 1874 sering dijadikan titik permulaan proses perubahan politik di negara kita. Namun sejarah membuktikan negeri Johor telahpun mengasaskan perubahan dalam struktur dan proses pemerintahannya. Johor mula meninggalkan sistem pemerintahan feudal sebaliknya menyesuaikan diri dengan perubahan sebagai kerajaan yang moden. Dalam tahun hijrah 1285 atau tahun masihi 1868 di Johor telah pun wujud badan perundangannya yang dikenali sebagai Mesyuarat Johor.[1] Hal ini terbukti berdasarkan kenyataan dalam mukadimah Undang-undang Gambir Lada 1285 yang mencatatkan:[2]

> Adapun undang-undang ini dijadikan dan dipakai kemudian daripada telah ittifak kehendak dan timbang sekelian Ahli Mesyuarat Johor seperti permintaan dan kesukaan sekalian taukeh-taukeh Cina yang banyak memajak akan kebun-kebun gambir lada dalam Johor.

Dalam tahun 1873 baru diperolehi dari rekod rasmi tentang senarai ahli Mesyuarat Johor atau *Council of State*. Rekod ini dipercayai sebagai yang terawal. Antara ahli Mesyuarat Johor yang terawal termasuklah:[3]

1. Ungku Abdul Rahman, Wakil Mutlak Maharaja Johor - Yang Dipertua
2. Raja Ahmad (bekas Residen Iskandar Puteri)
3. Ungku Abdul Majid
4. Ungku Ahmad
5. Syed Abdullah (Residen Pengerang)
6. Syed Muhamad
7. Datuk Bentara Jaafar Haji Muhamad (Setiausaha Kerajaan)[4]
8. Haji Mohamad Salleh (Majistret)
9. Muhamad Salleh Perang (Pesuruhjaya Polis Negeri)[5]
10. Haji Osman
11. Encik Osman
12. Abu Talib (Ketua Jabatan Laut)
13. Encik Ali (Residen Senggarang)
14. Haji Abdul Rahman (Imam)
15. Encik Abdul Kadir
16. Encik Andak Ming
17. Encik Awal
18. Encik Nong Yahya (Residen Tanjung Surat)
19. Sheikh Abdul Rahman Khatib (Penguasa Lombong Sedili)

20. Major Tan Hiok Nee (Pemajak Candu dan Arak Johor)
21. Kapitan Cina Tye Haing.

Di Perak, penubuhan badan legislatif seperti itu diwujudkan pada 10 September 1877,[6] iaitu lebih kurang sembilan tahun kemudian daripada Johor. Malah Johor menjadi negeri Melayu yang pertama memperkenalkan perlembagaan bertulis, ini diikuti oleh Terengganu dalam tahun 1911, manakala negeri Melayu lain hanya memiliki Perlembagaan bertulis dalam tahun 1948 iaitu berikutan dari termetrainya perjanjian Persekutuan Tanah Melayu tahun 1948.[7] Jika kita mengkaji perlembagaan negeri Terengganu atau Undang-Undang bagi Diri Kerajaan Terengganu yang dinamai akan dia *Ittiqan-'l muluk bi-ta'dil-'l suluk*,[8] ternyata perlembagaan Terengganu itu disadur dari UUTKJ ini.

The Singapore and Straits Directory tahun 1880-an mencatatkan iaitu *The (Johor) Government is administered by a Council of State.*[9] Ahli Mesyuarat Kerajaan terdiri daripada elit aristokrat, elit birokrat dan juga elit agama dan juga wakil badan sektor ekonomi.

Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1312 (1895)

Pada umumnya UUTKJ 1312 (1895) membuktikan Johor menjadi negeri Melayu yang pertama memperkenalkan sistem pemerintahan Raja Berperlembagaan. Sultan memerintah negeri dengan nasihat Jemaah Menteri dan Mesyuarat Kerajaan. Kedua-dua badan ini dikenali sebagai Jemaah Pangkuan Negeri. Pada pandangan orang luar dikatakan pemerintahan Johor itu sebagai *a kind to that of a constituional monarchy.*[10] Sesungguhnya Kerajaan Dinasti Temenggung Johor telah mengasaskan sebuah pentadbiran yang kukuh, UUTKJ 1312 (1895) itu telah memperlihatkan struktur kerajaan yang jelas, iaitu kerajaan yang dalam proses peralihan dari sistem feudal kepada pemerintahan yang lebih moden dan demokratik.

UUTKJ ini pada asalnya mempunyai 64 fasal dan mengandungi empat bahagian iaitu:

1. Raja dan Kerajaan

Terdapat 26 Fasal yang menyentuh tentang pewarisan takhta Johor, tanggungjawab kerabat diraja, fungsi Raja dan juga elaun kerabat. UUTKJ menetapkan Raja Johor adalah dipilih dari zuriat Sultan Abu Bakar, jika tiada zuriat itu berpindah pula kepada

zuriat almarhum Temenggung Ibrahim dan almarhum Temenggung Abdul Rahman. Fasal 5 menetapkan jika tiada lagi zuriat ketiga-tiga mereka itu:

> "...terpulanglah hal memilih melantik dan menjadikan raja itu kepada maklum fikiran dan timbangan Mesyuarat Kerajaan besama-sama dengan Jemaah Pangkuan Negeri atau *ahl—hal-Wal Aqd* akan tetapi adalah dipersyaratkan hendaklah yang diambil dipilih dilantik dan dijadikan raja itu seorang lelaki yang cukup umur dan sempurna akal daripada bangsa Melayu Johor betul dan rakyat kerajaan Johor serta beragama Islam dan ahli daripada darah yang merdeka dan baik dan yang diaku sah dan halal dengan ada pula pengetahuannya boleh membaca dan menulis bahasanya dan kepujian. Maka jikalau yang dipilih dilantik dan dijadikan raja itu seorang yang bukan daripada darah raja akan termaklumlah hal yang demikian menjadi suatu kecualian atas undang-undang yang tersebut dalam fasal yang kedua dan sahlah adanya."

Bahagian ini juga memanifestasi keadaan politik Johor ketika itu. Ini menyebabkan dimasukkan Fasal 6 iaitu 'khianat daripada waris-waris raja' sebagai satu norma dan isbat terhadap usaha rebutan kausa dan konflik istana. Fasal 8 melarang waris takhta campur tangan dalam urusan pentadbiran negeri. Fasal 11 menetapkan perlantikan Pemangku Raja apabila Raja berangkat keluar negeri dan Fasal 12 menetapkan Raja tidak boleh meninggal negeri lebih dari lima tahun tanpa sebab yang munasabah, Mesyuarat Kerajaan berkuasa melantik Raja yang baru jika Raja enggan mematuhi tuntutan untuk pulang.

UUTKJ juga memperlihatkan perubahan besar dari tradisi lama dengan memperkenalkan gelaran Tengku Mahkota Johor iaitu terjemahan dari *Crown Prince of Johor* kepada bakal Raja. Kelantan adalah negeri Melayu yang kemudiannya menggunakan gelaran Tengku Mahkota kepada bakal Rajanya, di negeri Melayu lain kebanyakannya menggunakan gelaran Raja Muda atau Yang Dipertuan Muda. Gelaran Tengku Mahkota Johor mula digunakan pada 23 Mei 1891 apabila Sultan memasyhurkan puteranya Tunku Ibrahim dengan gelaran tersebut.[11]

UUTKJ juga memperkenalkan susunan waris takhta negeri Johor selepas Tengku Mahkota iaitu Raja Muda, Bendahara dan Temenggung. Fasal 23 menetapkan:

> "...semuanya dalam kuasa Raja dengan persekutuan Mesyuarat Kerajaan pada menentukan dan

> menetapkan pasa masa melantik dan menjadikan itu dan adalah hak dan kuasa pada raja dengan persekutuan Mesyuarat Kerajaan boleh memecat akan mereka itu jikalau ada cukup kesalahan atau dosanya yang mengharuskan demikian."

Terdapat satu fasal larangan terhadap Raja yang penting ditetapkan UUTKJ pada Fasal 15 iaitu Raja tiada boleh menyerahkan negeri kepada kerajaan lain.

> "... Raja itu tiada sekali-kali boleh menyerahkan atau bebuat sebarang perjanjian atau ikhtiar hendak menyerahkan akan negeri atau suatu bahagian daripada negeri dan kerajaan Johor itu kepada sebarang kerajaan atau kuasa bangsa Eropah atau sebarang lain kerajaan atau bangsa sama ada oleh kerana pada fikirannya susah atau keberatan padanya menjadi raja atau oleh kerana tiada suka dia memerintah atau oleh kerana hendak mendapat mengambil dan menerima sebarang bayaran atau pencen daripada bangsa atau kerajaan lain dan demikian juga ada larangan dan tegahan ini terletak dan terhukum di atas segala dan tiap-tiap seorang daripada waris dan kerabat raja.
>
> Maka jika dilalui atau dicuba lalui larangan dan tegahan ini jika raja sendiri disifatkanlah dia berdosa memecahkan amanat yang diletakkan Tuhan atasnya dan demikian tiada diwajibkan rakyat negeri melanjutkan setia lagi padanya dan jika kerabat raja derhaka ia kepada raja dan kerajaan dan demikian bolehlah dihukumkan dengan sebarang hukuman yang ditimbangkan patut."

Larangan dan tegahan menyerahkan negeri ini juga dikenakan kepada Jemaah Menteri dan Jemaah Pangkuan Negeri.

2. Jemaah Menteri

Terdapat 17 fasal yang meliputi fungsi Jemaah Menteri atau Kabinet Negeri Johor. UUTKJ menetapkan bilangan Jemaah Menteri adalah 8-12 orang dan diketuai oleh Menteri Besar yang juga menjadi Yang Dipertua Mesyuarat Kerajaan. Bangsa Melayu, rakyat Johor dan beragama Islam adalah syarat utama dilantik menjadi ahli Jemaah Menteri. Fasal 34 menetapkan kuasa Raja melantik Menteri Besar dan Naib Menteri Besar, manakala untuk

menjadi ahli Jemaah Menteri kebanyakannya terdiri daripada pegawai kanan pentadbiran negeri yang ditunjuk oleh Jemaah Menteri dan diperkenankan oleh Sultan.

Fungsi utama Jemaah Menteri dimaktubkan oleh Fasal 42 yang menetap fungsi sebagai penasihat Sultan dan bertindak secara kolektif:

> "... Adalah Jemaah Menteri itu kaedahnya menjadi penolong-penolong dan timbalan-timbalan yang khas kepada raja maka dari sebab itu harus wajib dan berbahagia bagi raja mengambil syor fikiran dan ikhtiar daripada jemaah itu dalam segala pekerjaan dan perkara berkenaan dengan faedah-faedah negeri dan rakyat dan demikian pula patut dan harus bagi tiap-tiap Menteri itu dalam perkara-perkara yang besar-besar dan berat-berat dalam jawatannya sendiri meminta dan mengambil syor fikiran dan ikhtiar taulan-taulan yakni aturannya tolong-menolong akan tetapi adalah tanggungan-tanggungan baik jahat jawatannya ia sendiri jua."

Walaupun UUTKJ menetapkan tidak perlu ahli Jemaah Menteri ada gelaran Datuk bagi Kerajaan atau Datuk bagi sesuatu darjah kebesaran negeri, dari segi protokol kedudukannya sebagai ahli Jemaah Menteri diletakkan dalam senarai keutamaan negeri.

Sebenarnya konsep Jemaah Menteri telahpun wujud sebelum tahun 1895 lagi, UUTKJ sekadar memaktubkan secara perundangan sahaja. Di antara gelaran yang wujud dalam tahun 1880-an termasuklah:[12]

1. Datuk Menteri Besar Jaafar Haji Muhamad
2. Datuk Bentara Dalam Mohd Ibrahim Abdullah Munsyi - Setiausaha Kerajaan (Kemudian menjadi Naib Menteri Besar)
3. Datuk Bentara Luar Mohd Salleh Perang - Pesuruhjaya Kerajaan Muar
4. Datuk Penggawa Barat Abdul Samad Ibrahim - Pesuruhjaya Kerajaan Pantai Barat (Sebelum itu bergelar Penggawa Kanan)
5. Datuk Penggawa Timur Jaafar Nong Yahya - Pesuruhjaya Pantai Timur. (Sebelum itu bergelar Penggawa Kiri)
6. Datuk Seri Amar Diraja Abdul Rahman Andak - Setiausaha Kerajaan Johor.

7. Datuk Seri Setia Raja Abdullah Mohd Tahir-Pesuruhjaya Polis Negeri.

Jika ahli yang dikurniakan gelaran kerajaan ini tidak lagi menjadi ahli Jemaah Menteri gelaran 'Penggawa' atau 'Bentara' itu digugurkan seperti mana yang ditetapkan oleh UUTKJ Fasal 41.

3. Mesyuarat Kerajaan

UUTKJ Fasal 45 menetapkan fungsi Mesyuarat Kerajaan sebagai "...timbalan yang am kepada kerajaan iaitu Mesyuarat Kerajaan namanya dan yang menjadi ahli-ahli baginya itu Menteri-menteri dan lain pegawai besar dan ketua-ketua kerajaan yang dijadikan oleh raja dengan syor Jemaah Menteri daripada suatu masa kepada suatu masa."

Perlembagaan Johor itu menetapkan juga jumlah ahli Mesyuarat Kerajaan ini tidak kurang daripada 16 orang. Berdasarkan korum mesyuarat membuktikan ahli Mesyuarat Kerajaan boleh sehingga 64 orang atau lebih.

Satu yang menarik dalam Fasal 55 UUTKJ ini ialah ketertinggian kuasa Mesyuarat Kerajaan, undang-undang yang diluluskan oleh Mesyuarat Kerajaan boleh dikuatkuasakan walaupun tidak diperkenan oleh Sultan dengan syarat dibawa semula ke sidang Mesyuarat Kerajaan yang berikutnya:

> "... dan jikalau sudah tiga kali berturut-turut tiada dilulus dan dibenarkan oleh raja tiadalah boleh perkara itu dibawa lagi melainkan setahun di belakang daripada masa yang akhir telah dipersidangkan. Maka jikalau ditetapkan demikian juga timbangan perkara itu oleh Mesyuarat Kerajaan pada kali yang keempat haruslah dilulus dan dibenarkan oleh raja kerana yang demikian hapuskan tafsir raja."

4. Pelbagai Ingatan

Fasal 57 UUTKJ menetapkan Islam sebagai agama negeri "Dijadikan atau disebut agama negeri sungguhpun segala agama lain ada dibenarkan dan sentiasa termaklum patut dibenarkan dan sentiasa termaklum patut dibenarkan dengan aman dan sempurna boleh diperagamkan dalam segala dan segenap daerah takluk kerajaan Johor oleh orang yang beragamakan ia."

Dalam bahagian ini juga ditetapkan tentang keadilan penduduk Johor dari segi undang-undang dan adat; begitu juga

penetapan cogan kata negeri "Kepada Allah Berserah" dan cogan kata kerabat raja "Muafakat Itu Berkat". UUTKJ menetapkan peraturan darjah, pingat dan bintang kebesaran negeri.

Fasal 64 UUTKJ memberi kuasa kepada Mesyuarat Kerajaan meminda dan menambah Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor ini. Mulai tahun 1908 pelbagai pindaan dan tambahan telah dilakukan terhadap UUTKJ. Pindaan dan tambahan terbesar dibuat dalam tahun 1948 berikutan dengan kemasukan Johor dalam Persekutuan Tanah Melayu.[13] Bagaimanapun tambahan tersebut tidak meminda bentuk asal UUTKJ 1895.

Pada 22 April 1908 UUTKJ itu ditambah dan dinamakan "Undang-Undang Tambahan Undang-Undang Tubuh Kerajaan bagi Hijrah 1326 bersamaan dengan tahun 1908". Tambahan ini dibuat bagi mewujudkan kedaulatan undang-undang dan serta kebebasan asasi rakyat Johor seterusnya secara implisit mengawal tingkah laku Sultan Johor supaya bertindak mengikut undang-undang dan tidak boleh bertindak sewenang-wenang. Sekali imbas tambahan UUTKJ 1908 ini menunjukkan usaha mempertingkat pengurusan negeri yang lebih demokratik. Antara lain pindaan Fasal 64 UUTKJ ini menetapkan:

> 1. "Tiadalah boleh seseorang itu dihilangkan kemerdekaannya ditahan akan dia atau dipenjarakan melainkan dengan mengikut perjalanan yang betul bagi undang-undang (law) walau oleh Sultan sendiri sekalipun kebebasan dan kemerdekaan segala orang-orang yang tidak ditegah oleh perbuatan benar dan adil bagi undang-undang (law) ialah asas bagi kesemua *government* yang baik.
> 2. ....Tidaklah boleh Sultan atau barang siapa daripada menteri-menterinya memberi perintah kepada mereka itu (Hakim-Hakim dan Pengadil-Pengadil) dalam sebarang perkara yang ada di hadapan mahkamah....
> 3. Hendaklah Sultan membawa dirinya kepada semua rakyatnya dengan kelakuan yang hormat dan adil dengan menunjukkan kasih sayang dan timbangan kepada semua mereka itu dan memerintah mengikut undang-undang (law) kerana bukanlah seorang pemerintah yang sebenarnya jika kehendak dan kesukaan hatinya yang memerintah dan bukan undang-undang (law) yang memerintah dan lagi hendaklah memelihara agama Islam yang ada itu serta hak-hak dan kemerdekaan-kemerdekaan rakyat ingatlah yang Sultan itu telah dilantik atas tempat yang tinggi oleh rakyat negeri dengan kepercayaan mereka

> yang ia boleh menyempurnakan harapan mereka itu atasnya.

Pada 17 September 1912 berikutan dari perubahan politik di negeri Johor, dimasyhurkan satu lagi tambahan kepada UUTKJ itu bagi menubuhkan satu lagi institusi politik iaitu Mesyuarat Kerja Dewan atau *State Executive Council.*[14]

> "Adalah pekerjaan bagi Mesyuarat Kerja iaitu lain daripada yang lazim bagi kerajaan, menimbangkan segala permohonan bagi tanah tanaman dan galian-galian segala borongan-borongan dan tawaran-tawaran bagi Jabatan Kerja Raya - segala permohonan cuti - perihal naik pangkat-pangkat - demikian juga syor memperdayakan undang-undang dan lain-lain perkara yang mustahak."

Manakala pindaan Fasal 46 UUTKJ pada 12 Mei 1914 pula mewujudkan ahli tambahan bagi Mesyuarat Kerajaan bagi membolehkan "orang yang tidak daripada rakyat Johor" menjadi ahli Mesyuarat Kerajaan Johor. Fasal ini membolehkan Penasihat Am British menganggotai Majlis berkenaan.

Pada 17 Julai 1918 pindaan Fasal 26 UUTKJ menetapkan peraturan elaun bagi kerabat diraja Johor iaitu menamatkan bayaran elaun bagi kerabat yang dijatuhi hukuman oleh mahkamah atau pun mereka yang muflis.

Kesignifikannya

Adalah satu kesilapan jika ada pihak yang mengatakan UUTKJ itu terjemahan dari bahasa Inggeris. Ini terbukti dari naskhah bahasa Inggeris UUTKJ adalah ditulis sebagai versi *translation*, malah dalam tahun 1948 dokumen yang dijumpai menunjukkan perkataan *Translation: Supplement To The Constitution of The State of Johore, 1367.*

UUTKJ adalah satu dokumen persuratan perundangan yang menggabungkan kekuatan tradisi Johor-Riau dan pengaruh perundangan moden. Dari segi persuratannya ia adalah penulisan yang tinggi mutunya dengan memanifestasikan gaya bahasa abad ke-19. Pengaruh bahasa Arab dan Melayu diadun membentuk struktur bahasanya cukup jelas waktu itu. Istilah-istilah baru juga diperkenalkan seperti *serubukaan* yang sama maknanya *preamble*, syarah-syarah bagi definisi atau interpretasi perkataan yang terkandung dalam UUTKJ.

Kita pernah mengkaji *Hukum Kanun Melaka* dan *Undang-Undang Laut Melaka* dan beberapa undang-undang Melayu lain. Yang dikaji bukan sahaja isi kandungannya tetapi sudut kebebasannya yang mencerminkan pemikiran dan aplikasi bahasa waktu itu.

Satu perkara yang menarik ialah UUTKJ adalah hasil pemikiran pembesar Johor yang berjiwa tradisi tetapi berminda moden. Pembesar Johor melihat satu demi satu negeri Melayu jatuh ke tangan British, mereka cuba menyelamatkan Johor dari dibelenggu penjajah. Dalam tahun 1885 Johor menandatangani perjanjian persahabatan dengan British yang memberikan pengiktirafan kepada Maharaja Abu Bakar sebagai Sultan Johor yang berdaulat. UUTKJ adalah usaha memperkemas struktur kerajaan negeri, jentera pentadbiran, proses membuat keputusan dan juga fungsi sistem politik negeri.

Usaha memantapkan pengurusan negeri telah dibuat oleh Maharaja Abu Bakar sejak tahun 1866. Abu Bakar menghantar satu rombongan ke Riau dalam tahun 1868 untuk mendapatkan maklumat serta dokumen yang dapat membantu Abu Bakar menyusun pentadbiran negeri serta memperkenalkan tradisi baru berasaskan tradisi kerajaan Johor-Riau.[15]

Rombongan Johor yang diketuai oleh Ungku Haji dan Datu Bentara telah membawa balik maklumat dan beberapa dokumen dari Riau. Antara dokumen yang dibawa balik termasuklah undang-undang pada zaman Sultan Abdul Ghafar Mahyuddin Shah pada zaman kerajaannya di Pahang Darussalam; kitab *Thamarat-al-Muhammad diyafahli 'l-umara wa 'l-kubara li ahl al-Mahkamah* karya Raja Ali Haji Riau; *Kitab Kanun dan Adat diatur pada Zaman Sultan Sulaiman*; *Adat Di antara Yang Dipertuan Muda dengan Datuk Bendahara.* Bukan juga mustahil Undang-Undang Lima Fasal dari Riau[16] turut dipinjam oleh rombongan dari Johor itu, ini berdasarkan naskhah ini siap disalin dalam tahun 1853.

UUTKJ adalah teks undang-undang Melayu yang terakhir abad ke-19. Namun ia telah terlepas daripada tradisi teks undang-undang Melayu yang bercampur-aduk dengan butir-butir lain termasuk sejarah dan salasilah. Sebaliknya ia sudah membentuk penulisan sebuah undang-undang perlembagaan moden yang pertama menggunakan bahasa Melayu, iaitu sebelum bahasa Melayu tenggelam dalam arus ketidakyakinan pengamal undang-undang terhadap kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa perundangan.

UUTKJ juga menjadi pemangkin lahirnya 'revolusi kedua' dalam sejarah Johor setelah revolusi pertama tahun 1699. Pada

1 Februari 1946 di Masjid Abu Bakar rakyat Johor menyuarakan bantahan mereka terhadap Sultan Johor yang menyerahkan Johor kepada British melalui perjanjian Malayan Union. Demonstrasi penduduk di Johor Bahru itu mengingatkan Sultan Johor ketika itu bahawa baginda telah menderhaka kepada rakyat. Ini membuktikan UUTKJ juga turut membuakkan semangat kebangsaan Melayu dalam tahun 1946. Sekaligus ia membuktikan UUTKJ adalah satu benteng negeri Johor untuk mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaannya.

UUTKJ dapat dizahirkan atas beberapa faktor iaitu adanya usaha meneruskan tradisi kerajaan Johor-Riau di samping memodenkan pemerintahan negeri; adanya golongan elit yang berwibawa seperti Datuk Jaafar Haji Muhammad, Datuk Mohamad Ibrahim Munsyi, Datuk Abdul Rahman Andak dan Datuk Mohd. Salleh Perang serta elit birokrat yang lain, faktor kemajuan pendidikan - Abdul Rahman Andak adalah antara anak Johor yang melanjutkan pelajaran di England pada abad ke-19 itu, dan faktor kedekatan Johor dengan Singapura yang banyak mempengaruhi proses pemodenan pentadbirannya. Sultan Abu Bakar juga menjadi pengasas kelahiran konsep pemerintahan Raja Berperlembagaan di negara ini melalui UUKTJ ini.

HIKAYAT JOHOR SERTA PAHANG

PROF DATUK DR MUHAMMAD YUSOFF HASHIM

Tidaklah diketahui tempat sebenar naskhah ini (sama ada yang asal ataupun salinan) berada. Untuk penelitian, HJP yang digunakan adalah salinan mikrofilem di Perpustakaa Universiti Malaya (mf 1463.1) dan sebuah salinan yang serupa di Perpustakaan Universiti Singapura (JQ mal. 3). Kedua-dua naskhah menunjukkan HJP diperolehi daripada sumber yang sama dan bertulisan Rumi. Kemungkinan naskhah asal HJP ditulis dalam tulisan Jawi, kemudian ditaip Rumi oleh seorang kakitangan pegawai kerajaan di Johor. Tentunya penyalinan semula ke Rumi ini dilakukan selepas tahun 1917, kerana tarikh akhir yang tercatat dalam naskhah tersebut ialah 20 Jun 1917. Sayang sekali, naskhah versi Jawinya tidak dapat dikesan oleh saya bagi meneliti penyimpangan dan variasi yang terjadi dalam proses penyalinan semula ke Rumi.

Masalah ini berkait dengan fenomena filologi Melayu, seperti yang terjadi ke atas teks-teks bercorak sejarah yang sekerabat, versi Rumi yang 'dipindahkan' daripada versi Jawi, naskhah-naskhah Melayu ditransmisikan bagi bacaan umum, tetapi bukannya untuk segelintir khalayak tertentu sahaja. Proses transmisi ini menggunakan peralatan teknologi baru, iaitu mesin taip. Apabila peralatan terbaru diperkenalkan, seperti alat zerox, naskhah-naskhah penyalinannya tersebar lebih luas, walaupun *stereotype* sahaja coraknya. Mungkin terdapat puluhan naskhah salinan HJP versi Rumi atau Jawi yang bukan milik mutlak Arkib Negara, Muzium Pekan di Pahang dan Perpustakaan Universiti Malaya. Oleh itu, naskhah-naskhah Melayu tidak lagi menggunakan ortografi tangan bertulisan Rumi, seperti yang dilakukan sepanjang abad ke-18 dan 19 atau abad-abad sebelumnya.

Naskhah tunggal HJP yang saya ketahui mengandungi 30 halaman bertaip yang dimulakan dengan ayat:

> ... Sebermula, maka adalah telah dapat diketahui, mula-mula Mahmud menjadi sultan di Johor Lama, Abdul Jalil Bendaharanya, dan seorang besar Sultan Mahmud, namanya Megat Seri Rama...

dan diakhiri dengan ayat:

> ... Bila dibalas surat utusan itu, diserahkan sahaja pada utusan itu, serta dikurniakan persalinan kepadanya...

Kandungannya terbahagi tiga, iaitu

a) sejarah Johor sejak pemerintahan Sultan Mahmud II (keturunan Melaka yang mangkat dijulang) hingga kepada pemerintahan Sultan Abu Bakar serta kerabatnya (1862-1895),

b) sejarah Pahang, dimulakan dengan naratif mengenai kekeluargaan Bendahara Abdul Jamal, sehinggalah ke pemerintahan Sultan Abdullah (1917-1932),

c) naratif mengenai adat-istiadat dan perprotokolan diraja Johor serta Pahang. Secara struktural, naratifnya adalah berkenaan sejarah Johor, sejarah Pahang dan adat istiadat Johor dan Pahang.

Struktur begini menyamai struktur naratif beberapa buah teks yang muncul, yang memerihalkan kerajaan serta masyarakat Johor-Pahang-Riau, baik hal ehwal masyarakat istana, mahupun luar istana. Perspektif "iatana-centric" serta "court intrique" dalam naratif dan semangat penulisan HJP masih jelas. Alasan dan kemunasabahan sejarah dan kebudayaanlah yang menjadi faktor pembentukan struktur naratif seperti ini.

Sebelum tahun 1884, tradisi persejarahan Johor berkembang bersama-sama tradisi persejarahan Pahang, manakala apabila bertolak lebih jauh ke abad-abad sebelumnya, maka kepulauan Riau-Lingga dikaitkan sama dalam tradisi tersebut, khusus mengenai tradisi kesultanan dan kewibawaan pemerintah Melayu dalam keluarga kerabat, bendahara dan temenggung. Hal ini terlihat dalam berbagai-bagai hasil sastera daripada pelbagai genre Melayu yang jelas mengungkapkan tradisi hubungan sejarah dan kebudayaan kawasan tersebut.

HJP berpindah secara rakam tulis daripada sumber dan tradisi lisan, seperti katanya:

> ... kerana aturan ini bukannya didapat dengan tulisannya melainkan diceritakan oleh orang tua-tua; mana-mana yang salah ataupun silap banyaklah hamba menerima kasih, dimintalah encik dan tuan-tuan yang membacanya, tolong betulkan ...

Apabila lisan corak sumber asalnya sebelum ditulis, oleh itu, kesahihan faktanya dan pelbagai aspek persejarahannya harus diteliti dan dikendalikan dengan hati-hati. Melainkan jika dibuat rujukan kepada berbagai-bagai versi tertulis yang lain mengenai tradisi persejarahan Johor-Pahang sebelum 1884, yang dilahirkan oleh kalangan Melayu Johor-Pahang, seperti *Hikayat Johor* dan *Peringatan Sejarah Negeri Johor*, yang bukannya hasil penulisan Melayu-Bugis juga penulisan yang bercorak Melayu-Bugis seperti *Tuhfat al-Nafis* dan *Aturan Setia Bugis dengan Melayu* atau *Hikayat Raja-Raja Riau* dan penulisan Melayu-Minangkabau seperti *Hikayat Siak* atau *Salasilah Raja-Raja Melayu*, maka HJP perlulah digunakan dengan penuh tanggungjawab dan waspada. Corak naratif HJP merupakan pembeberan *matter of facts* belaka.

Sebagai sebuah penghasilan yang bercorak sejarah, nilai persejarahannya dalam ruang-lingkup korpus kesusasteraan Melayu, barangkali lebih rendah sedikit daripada beberapa hasil-hasil persejarahan Melayu yang termasuk ke dalam genre yang sama, bagi satu kawasan sejarah dan budaya yang serupa. Tidak menonjol unsur-unsur *typicality* seperti yang ditunjukkan oleh hasil-hasil karya bercorak sejarah Melayu sepertinya, yang sering menginduki naratif menerusi mitos-legenda mengenai asal-usul. Hanya bahagian awal teks tersebut menjelaskan kisah lisan popular mengenai isteri Megat Seri Rama yang memakan seulas nangka lalu dibelah perutnya oleh Sultan Mahmud. Baginda dibunuh oleh Megat Seri Rama yang menuntut bela dan kisah Cik Mik yang mengandungkan zuriat keturunan Sultan Mahmud. (Lihat seluruh transliterasi teks).

Begitu berkesan sekali lisan popular ini di kalangan masyarakat tempatan Johor. Justeru itu, lisan popular tersebut turut ditulis sebagai penghasilan sejarah dalam tradisi persejarahan Johor penghujung abad ke-17 dan awal abad ke-18. Sama ada peristiwa tersebut benar-benar terjadi dalam sejarah, itu soal lain dan sama ada terdapat berbagai-bagai versi serta variasi mengenainya, juga adalah isu yang berbeza pula. Hal ini kerana versi dan variasi tersebut didasar dan dirujuk

kepada naratif dan lisan popular yang serupa; juga atas alasan siapa yang menuturkannya, adakah kalangan Bugis yang memusuhi Minangkabau itu? Adakah kalangan keluarga Minangkabau yang menjadi musuh keluarga Bugis pula? Atau adakah kalangan Melayu Johor yang tidak memihak ke mana-mana, seperti penerapan idea dan konsep sejarah Johor-Riau yang ditampil dan diterapkan oleh pengarang atau perawi Melayu dalam tradisi Hikayat Johor serta tradisi Peringatan Sejarah Negeri Johor.

Butiran mengenai Johor dimulakan dengan perihal Sultan Mahmud II (Marhum Mangkat Dijulang) dan Bendahara Abdul Jalil. Ini diikuti dengan kisah

- pembunuhan isteri Megat Sri Rama dan penderhakaan Orang Kaya Johor;
- pembunuhan Sultan Mahmud dan naiknya Bendahara Abdul Jalil sebagai sultan Johor;
- kisah Megat Laksamana Wan Deraman yang terfitnah di istana Johor; dan
- perkahwinan Sultan Abdul Jalil dengan Nang Cayang dan pelantikan Zainal Abidin sebagai Bendahara Terengganu.

Kisah-kisah ini dituruti pula dengan perihal kemunculan dan penglibatan Raja Kecil dari Siak serta putera-putera raja Bugis lima beradik dalam politik Johor serta kenaikan Sultan Sulaiman (Badrul Alam Syah) sebagai sultan Johor. Ini dilanjutkan lagi dengan kisah penggantian sultan-sultan, sehingga kenaikan keluarga Temenggung, menduduki takhta kerajaan Johor, bermula dengan Temenggung Abdul Rahman sehinggalah kepada Sultan Abu Bakar. Naratif ini mengambil sepuluh halaman.

Butiran mengenai sejarah Pahang pula dalam HJP hanya bermula di bahagian pertengahan teks, iaitu didahului dengan butiran tentang sejarah Johor yang diakhiri dengan kisah kemangkatan Sultan Abu Bakar dan pelantikan Tengku Mahkota Ibrahim sebagai Sultan Johor (1895-1959); dirasmikan sebagai Tengku Mahkota pada 23 Mei 1891. Kisah Pahang pula dimulakan dengan ayat:

> ... Alkisah, maka diceritakan oleh orang yang empunya cerita ini, asal Raja Pahang yang memerintah daripada zaman dahulu hingga sekarang ini, yang telah dapat diceritakan separuh ataupun sesaku ...

dan diakhiri dengan ayat:

> ... Sultan Mahmud mangkat, meninggalkan seorang isteri namanya Tengku Mariam, gelaran Tengku Ampuan Besar Pahang. Almarhum itu tiada zuriatnya. Tengku Ampuan Besar itu puteri Sultan Abu Bakar, Johor.

Gaya bahasanya yang agak *straight forward* akibat kaedah naratif yang diterapkan secara *matter of facts* menyebabkan kita mudah memahami proses perkembangan sejarah Johor, dari awal hingga akhir naratif. Banyak maklumat baru mengenai sistem dan adat pembesar Johor serta Pahang boleh diperolehi. Contohnya, *hint* atau *clue* seorang anak Bendahara atau anak Temenggung yang bakal menggantikan ayahnya yang ditandai daripada tindak-tanduk raja dalam sesuatu adat santap diraja. HJP menyebut:

> ... Adalah adat raja-raja zaman dahulu, jikalau ia santap, maka anak Bendahara yang diajaknya santap sehidang dengannya, ialah menjadi bakal Bendahara; demikian juga anak Temenggung, itulah akan menjadi bakal Temenggung...

Daripada HJP, kita boleh mengetahui salasilah dan kekeluargaan beberapa orang Bendahara terawal yang 'memegang' Pahang. Kekeluargaan Bendahara Tun Muhammad bin Abdul Majid contohnya, disebutkan:

> ... Anak Bendahara Tun Muhammad seorang, bernamanya Tun Abdul Kadir. Anak Tun Abdul Kadir empat orang, iaitu Wan Dagang Kelembak, Wan Aki, Wan Cik dan Wan Su.
>
> Anak Wan Dagang itu tiga orang, Wan Mahmud, Wan Ali dan Wan Andak. Anak Wan Aki empat orang, Wan Sulung, Wan Endut, Wan Hitam dan Wan Kadir. Anak Wan Cik, Wan Andak (Penghulu Kuantan) Anak Wan Su, Wan Lingga ...

Keterangan sejarah Pahang pula dimulakan dengan menyebut nama Bendahara Abdul Jamal bin Tun Habib Abdul Majid (Bendahara Padang Saujana), adinda Tun Abdul Jalil (Sultan Abdul Jalil IV), dinyatakan sebagai 'Raja Pahang'. Sekiranya diambil tahap bermulanya Tun Abdul Jamal menjawat Bendahara menggantikan Tun Abdullah bererti naratif HJP mengenai Pahang

bermula pada tahun 1717 sehingga ke tahun 1917. Disebutkan pula kemangkatan Sultan Mahmud Syah, yang menandakan naratif HJP menjangkau suatu periode yang cukup panjang, kira-kira dua abad lamanya, walaupun naskhah HJP sendiri tidak sepanjang masa tersebut.

Sebagai menunjukkan beberapa sifat dan kandungan historis yang saling melengkapi dengan beberapa buah teks sejarah yang lahir berhubung dengan kerajaan Johor-Riau-Pahang, HJP juga menyebutkan secara ringkas sahaja tentang Bendahara Wan Ahmad:

> ... Mangkat Bendahara Ali, puteranya yang bernama Wan Ahmad menjadi Bendahara Pahang. Dalam masa ia menjadi Bendahara itu diangkat namanya sendiri gelaran menjadi Sultan Ahmad al-Muadzam Shah, Pahang ... Lebih kurang 25 tahun lalu Sultan Ahmad telah melantik dua orang puteranya, Tengku Mahmud gelar Tengku Bendahara; Tengku Muda. Pada masa itu British Residen sudah ada di dalam Pahang ...

Pahang juga disebut sebagai mengamalkan sistem pembesar 'empat lipatan', menunjukkan barangkali warisan langsung daripada tradisi pembesar Melaka. Gelaran Pembesar Empat yang pertama ialah

1. Orang Kaya Indera Syahbandar
2. Orang Kaya Indera Pahlawan
3. Orang Kaya Indera Segara
4. Maharaja Jelai.

Nama peribadi para pembesar ini juga disebutkan dengan terang. Pembesar yang pertama contohnya dinyatakan sebagai Ali bin Hussain bin Challidin bin Zainal. Pembesar yang kedua ialah Hussain bin Kuin bin Adam bin Hassan. Pembesar yang ketiga pula, Tahir Ahmad bin Hassan bin Aji bin Muhammad dan pembesar yang keempat adalah Muhammad bin Indris bin Muhammad bin Ismail. Pendek kata, HJP memberikan maklumat menarik tentang *who's who* mengenai tokoh-tokoh politik dan pentadbir Johor dan Pahang sebelum 1917. Kadangkala, salasilah kekeluargaan tokoh-tokoh ini juga disertakan.

Kesimpulan

HJP yang bercorak sejarah sebenarnya mempunyai keistimewaan kekuatan dan kelemahannya tersendiri. Walaupun kaedah penulisan sejarah menurut pandangan, cita rasa dan konsepsi sejarah peribumi yang berpegang kepada landasan-landasan tradisi dan konvensi diteruskan, namun HJP didapati menunjukkan beberapa ciri penyimpangan daripada tradisi dan konvensi tadi. HJP begitu istimewa barangkali dalam menggali dan meneliti perkembangan, sejarah dan budaya politik dalam sebuah kerajaan Melayu sehingga kemasukan pemerintahan kolonial di Malaysia.

Untuk zaman-zaman awal sebelum 1800 dan bagi memperkukuh persejarahan HJP, maka sumber-sumber luar seperti sumber Belanda iaitu siri laporan rasmi Kolonial Archief, Kolonial Tijdschrift dan Dagh-Register dapat membantu.[1] Sumber Melayu tempatan ini boleh menjadi wadah dan asas penulisan. Dengan nilai-nilai ketokohan historis dan sifat butirannya yang cukup keperibumian serta fakta dan naratif yang dirakamkan secara bertulis oleh pihak yang merasai, mengharungi dan sama-sama terlibat dalam arus perkembangan sejarah tempatan itu sendiri, seharusnyalah tradisi penulisan sejarah Malayisa (seperti Johor), bermula dan bergerak dari asas dan wadah ini. Kemudian baharulah bergerak ke tradisi dan sumber luar; bukanlah sebaliknya seperti yang telah berlaku dan sedang terjadi sekarang!

Rujukan

1. Rujuk beberapa kajian dan pendekatan penulisan yang dilakukan oleh Leonard Andaya. Salah satu daripadanya ialah *The Kingdom of Johor, 1641-1728: A Study of Economic and Political Development*, Kuala Lumpur. 1975.

TEKS

HIKAYAT JOHOR SERTA PAHANG

Mengenai Raja-Raja Johor

Sebermula, maka adalah telah dapat diketahui, mula-mula Mahmud menjadi Sultan di Johor Lama, Abdul Jalil Bendaharanya dan seorang orang besar Sultan Mahmud, namanya Megat Sri Rama. Maka pada suatu hari, di perintah oleh Sultan Mahmud pergi melanggar Linggi. Pada masa itu, bininya tengah bunting. Lepas Megat Sri Rama Belayar itu, bininya mengidam hendak makan nangka. Pada suatu hari, turun seorang dari darat, membawa buah nangka; dipanggil oleh bini Megat Sri Rama, katanya, "berapa hendak dijual?" Jawab orang yang membawa itu, "tiada hendak dijual, kerana hendak dipersembahkan pada Raja." Dalam pada itu, diambil juga oleh bini Megat Sri Rama seulas, lalu dimakannya. Dan nangka itu pun dipersembahkan pada Sultan Mahmud. Maka didapati oleh Sultan Mahmud nangka itu sudah dicacat oleh orang di tengah jalan, lalu disuruh orang periksa, didapati bini Megat Sri Rama yang mengambilnya. Maka Sultan Mahmud murkalah, lalu disuruh bunuh bini Megat Sri Rama itu dan bini Megat Sri Rama pun matilah, kena bunuh.

Hatta, apakala Megat Sri Rama balik daripada melanggar Linggi itu, ia pun mendapat khabar, bininya telah mati, kena bunuh. Maka ia pun menghadap Bendahara Abdul Jalil, sembahnya, "Datuk, hamba ini hendak menderhaka." Jawab Bendahara, "sabar, kerana Raja kita." Maka Megat Sri Rama pun balik ke rumahnya. Dan Bendahara bercakap dengan adiknya, mengata Megat Sri Rama hendak menderhaka. Jawab adiknya, "betapa hal ia tidak hendak menderhaka, bininya dibunuh? Jikalau kita sekalipun, tiada tersabar juga." Dan kata Temenggung, "jika mati Raja itu, tiada lain orang yang boleh menjadi raja, hanyalah abang. Jika abang menjadi Raja, sahaya hendak menjadi (hal.1) Raja Muda." Jawabnya, "mana suka engkaulah." Maka

sembah Megat Sri Rama, "jikalau Datuk hendak menolong sahaya, tolonglah jarakkan hulubalang yang menjaga Sultan itu."

Maka Bendahara pun tangkap hulubalang itu dan dibunuhnya dan Megat Sri Rama pun bersiap. Pada suatu hari, Sultan Mahmud hendak berangkat bersiram, duduk di atas julangan, ditikam oleh Megat Sri Rama dengan keris panjang, Sultan Mahmud pun jatuh, lalu mangkat. Maka Megat Sri Rama pun diramai oleh orang, lalu mati pula. Sultan Mahmud itulah disebut orang, Sultan Mangkat Berjulang. Dan Abdul Jalil menjadi Sultan, adiknya menjadi Raja Muda dan anak-anaknya digelar Tengku.

Maka apakala Sultan Mahmud dimakamkan, Sultan Abdul Jalil pun menyuruh di dalam istana, jikalau ada bunting anak Sultan Mahmud, disuruhnya buang, takut di belakang anak itu menuntut takhta. Dalam hal itu, ada seorang anak Laksamana, nama Che Mi, gundik Sultan Mahmud, tengah mengandung, diambil oleh Laksamana, diserahkannya pada Panglima Bebas, disuruhnya hantar ke Minangkabau.

Maka dalam masa Sultan Abdul Jalil memerintah itu, seorang bernama Wan Deraman digelar oleh Sultan Abdul Jalil, Megat Laksamana. Maka dengan sebab banyak baktinya, diangkat pula gelaran Paduka Raja. Dalam itu, banyaklah orang-orang yang sudah datangkan fitnah, diperbuatnya suatu muslihat, ditirunya sapu tangan gundik Sultan Abdul Jalil, diberi pada orang menjaga istana Sultan Abdul Jalil itu. Oleh orang yang menjaga istana itu, dipersembahkan pada Sultan Abdul Jalil, sembahnya "ampun tuanku, beribu ampun, harapkan diampuni sembah patik, semalam patik berjaga, didapati Paduka Raja bertarik-tarik setangan [sapu tangan] dengan seorang dayang, sekerat dapat kepada Paduka Raja dan sekerat (hal. 2) dapat kepada dayang-dayang itu dan dibuangkannya, patik pun ambil." Maka ditengok oleh Sultan Abdul Jalil, sah gundiknya yang empunya. Maka titah Sultan Abdul Jalil, "buangkan Paduka Raja itu."

Maka pada masa itu, Paduka Raja di dalam perahu kerana hendak pergi melanggar Lukut. Maka orang yang dititahkan oleh Sultan Abdul Jalil itu pun datanglah ramai-ramai, hendak membuat Paduka Raja. Oleh Paduka Raja, dilawannya orang yang datang itu, lalu meriam dua, satu bernama Seri Johor dan satu bernama Seri Pasir dan ditembaknya pada orang yang datang itu. Meriam meletup, tetapi peluru tiada pergi. Maka berfikir Paduka Raja, 'barangkali aku ini menderhaka.' Maka ia pun lari dua buah perahu, dengan anaknya. Maka apakala sampai ke Bari, dalam jajahan Terengganu, berhentilah ia di situ. Maka apakala dapat khabar kepada Sultan Abdul Jalil, ada di Bari, ia

pun menulis surat kepada orang besar di Terengganu, menyuruh tangkap Paduka Raja itu. Maka apakala orang besar Terengganu mendapat surat, lalulah ditangkap Paduka Raja itu dan dibawanya balik ke Terengganu. Kemudian, datang pula surat daripada Sultan Abdul Jalil, dengan kerisnya, disuruh habiskan Paduka Raja itu. Maka Paduka Raja pun dibunuh oranglah dan ditanam di Tanjung Luang. Dan meriam yang bernama Seri Pasir dan Seri Johor itu diambil orang Terengganu, ada sampai sekarang ini di Bukit Puteri, di Terengganu. Maka pada waktu Paduka Raja lari itu, Zainal Abidin, adik Sultan Abdul Jalil, ada di dalam perahu anak Paduka Raja. Bila Paduka Raja sudah mati, kata anak Paduka Raja, "anak Raja ini tiada patut kita bela. Bapa kita tiada satu salah dibunuh oleh abangnya, baiklah kita halaukan." Maka Raja itu pun dihalaukan oleh anak Paduka Raja. Maka keluarlah ia dari Terengganu. Apakala sampai ia ke Patani, diambil oleh seorang Raja perempuan, namanya Nang Cayang, diangkat menjadi anak. (hal. 3).

Syahadan, pada suatu hari, Sultan Abdul Jalil bertanya akan adiknya, tiada nampak. Sembah orang-orang, "masa Paduka Raja lari, Zainal Abidin ada di dalam perahu anak Paduka Raja." Maka Sultan Abdul Jalil pun menyuruh seorang panglimanya, orang lanun, pergi mencari Zainal Abidin. Maka pergilah panglima itu mencari, hingga sampai ke Patani dan didapatnya khabar, mengatakan, Zainal Abidin telah menjadi anak angkat Nang Cayang, Raja Patani. Maka Panglima itu pun baliklah ke Johor dan dipersembahkan pada Sultan Abdul Jalil. Maka tiada berapa hari, Sultan Abdul Jalil berangkat ke Patani. Apakala sampai Sultan Abdul Jalil ke Patani, dapatlah khabar kepada Nang Cayang, lalu disuruhnya orang besar-besar menanti di Penarek.

Maka orang besar-besar itu pun berjumpalah dengan Sultan Abdul Jalil, lalu dipersilakan ke istana Nang Cayang. Sultan Abdul Jalil pun berjumpa dengan Zainal Abidin. Tiada berapa lamanya, Sultan Abdul Jalil pun berkahwin dengan Nang Cayang. Dalam Istana Nang Cayang itu, ada seorang penyanyi, namanya Dang Sirat, suaranya sangatlah merdu bunyinya. Maka asyiklah Sultan Abdul Jalil kepadanya itu. Maka pada suatu hari, dibawa oleh Sultan Abdul Jalil bergajah ke darat Patani. Maka apakala sampai pada suatu tempat, tersangkut oleh ranting kayu kepada sanggul Dang Sirat, lalu jatuh satu azimat daripada sanggul Dang Sirat, didapatinya, rupa Dang Sirat itu sangatlah hodohnya. Maka berfikirlah di dalam hati Sultan Abdul Jalil, 'kerana Dang Sirat inilah, aku mendapat malu,' lalu ia menghunus keris dan ditikamlah pada Dang Sirat itu. Maka Dang Sirat pun jatuh, lalu mati. Maka seketika itu juga, Sultan Abdul Jalil pun balik, lalu

dibawanya Zainal Abidin. Ia pun tiada singgah kepada isterinya, Nang Cayang itu. Maka diperbuatkan nyanyi oleh orang: (hal. 4).

Zaman-zaman tekukur mati,
Mati di bawah terbang perat;
Zaman-zaman Raja Johor mari,
Mari membunuh Dang Sirat.

Dari Patani ke Tanjung Kandis,
Ditiup angin selatan daya;
Dari mula ianya manis;
Rupanya Sultan kena perdaya.

Maka apakala sampai ke Terengganu, dijadikan oleh Sultan Abdul Jalil adiknya, Zainal Abidin itu, Bendahara. Dan Sultan Abdul Jalil balik ke Johor. Maka duduklah Zainal Abidin menjadi Bendahara di Terengganu itu. Mangkat Zainal Abidin, Mansur menjadi Raja; mangkat Mansur, Zainal Abidin menjadi Raja; mangkat Zainal Abidin; Ahmad menjadi Raja; mangkat Ahmad terpindah kepada Omar; Ahmad menjadi Sultan; mangkat Ahmad, Zainal menjadi Sultan yang ada sekarang ini. Dan pecahnya tiadalah disebutkan.

Sebermula, maka tersebutlah perkataan Che Mi. Apabila sampai ke Minangkabau, beranakkan seorang laki-laki, dinamakan Raja Kecil. Maka apakala Raja Kecil sudah besar, dapatlah ia ketahui dirinya anak Sultan Mahmud Johor. Dan diceritakan pula oleh ibunya, Che Mi itu. Maka ia pun berasa besar di dalam hatinya. Maka ia pun meminta bantu pada Raja Minangkabau, kerana ia hendak melanggar Johor. Oleh Raja Minangkabau, diberinya pertolongan.

Pada saat yang baik, pergilah Raja Kecil dengan rakyat bala tentera Minangkabau melanggar Johor. Apakala sampai ke Johor, orang-orang pun gemparlah, mengatakan musuh dari Minangkabau, lalu persembahkan pada Raja Muda. Maka pada waktu itu, Raja Muda sedang bercatur. Sembah orang, "musuh tuanku." Jawab Raja Muda, "apa gaduhkan musuh? Musuh di sini, lari ke sini." Maka dipersembahkan lagi, jawabnya begitu juga. Maka pada fikiran Raja Muda, musuh catur, bukannya musuh betul. Dalam antara itu, musuh Minangkabau pun sampailah ke dalam kota, baharulah Raja Muda sedarkan, musuh betul. Maka berfikir Raja Muda, "jika demikian, tiadalah tertahan oleh aku; baiklah aku bunuh anak gundik aku, supaya tiada ditawan oleh (hal. 5) Minangkabau." Lalu ia masuk ke dalam

istana, anak gundiknya di dalam itu. Dan ada seorang putera Raja Muda, bersembunyi. Maka pada fikiran Raja Muda, semua sudah mati, lalu ia turun ke tanah, melawan Minangkabau itu.

Di dalam berkelahi, Raja Muda pun matilah. Dan musuh pun sampai ke Kota Tinggi. Maka Sultan Abdul Jalil pun baharu tahukan, musuh. Titah Raja Kecil, "ya mamanda! Bukannya hamba ini hendakkan negeri Johor, ialah hamba hendakkan kerajaan ayahanda hamba." Maka Sultan Abdul Jalil pun menyerahkan kepada Raja Kecil. Dan ia pun balik ke tempatnya. Maka Raja Kecil pun duduklah memerintah di Johor dan bergelar Yang di-Pertuan Raja Kecil.

Alkisah, maka tersebutlah perkataan anak Raja Bugis, namanya Upu Daing Parani, belayar dari negeri Bugis, singgah di negeri Johor. Apakala ia sampai di Johor, dipanggil oleh Sultan Abdul Jalil ke istananya. Tengah bercakap itu, kata Upu, "sayangnya negeri Johor ini, dengan mudahnya dialahkan oleh Minangkabau." Maka cakapan Upu Parani itu tiada siapa menjawabnya. Pada suatu hari, Sultan Abdul Jalil menjamu Upu Daing Parani. Tengah duduk di majlis itu, datang seorang anak Sultan Abdul Jalil, namanya Tengku Mandak, ditanggalkannya subang daripada telinganya, lalu dicampakkannya di atas riba Upu Daing Parani, lalu ia berkata, "Kelana, tolonglah sapukan arang di muka. Jikalau Kelana sapukan arang di muka, ambil sahaya ini, perbuatkan hamba." Maka jawab Che Upu, "insya-Allah."

Di dalam hal itu, Sultan Abdul Jalil bermuafakat dengan Upu, minta bantu, kerana hendak melanggar Raja Kecil. Maka apakala sudah berteguh-teguh setia, Upu pun balik ke Bugis dan (hal. 6) ia bertangguh setahun. Maka apabila sampai setahun, dinanti oleh Sultan Abdul Jalil, tiada juga Upu datang. Maka Sultan Abdul Jalil pun menulis surat kepada Upu ke Bugis. Maka apabila Upu menerima surat itu, ia pun berlengkap beberapa buah perahu, lalu menyerang Johor itu.

Maka berperanglah orang-orang Bugis dengan rakyat Raja Kecil. Beberapa lama perang itu, alah Raja Kecil, lalu ia lari keluar ke Siak. Dan Abdul Jalil menjadi sultan pula di negeri Johor. Dan Upu dikahwinkan oleh Sultan Abdul Jalil dengan puterinya yang bernama Tengku Mandak itu. Maka duduklah Upu di negeri itu. Maka tiada berapa lamanya, datang surat dari Bugis kepada Upu, mengatakan negeri Bugis hendak bergaduh. Maka Upu pun balik ke Bugis. Maka tiada berapa lama balik ke Bugis, datang pula Raja Kecil itu, melanggar Johor.

Di dalam berkelahi itu, alah Sultan Abdul Jalil, keluarlah ia dari Johor itu, lalu ke Pahang, duduk di sebelah hulu Kuala

Pahang. Nama kampungnya, Teluk Kandang. Maka dapat diketahui oleh Raja Kecil. Maka ia pun menyuruh seorang panglimanya, nama Nakhoda Cek Sekam, menangkap Sultan Abdul Jalil itu, bawa balik ke Johor. Di belakang daripada Nakhoda Cek Sekam itu pergi, datang pula surat Raja Kecil pada Cek Sekam, suruh buangkan sekali Sultan Abdul Jalil itu. Dan anaknya itu dan anak-anaknya sekalian, suruh bawa balik ke Johor. Maka pada satu hari, Sultan Abdul Jalil tengah sembahyang, datang Nakhoda Cek Sekam, ditikam dari belakang Sultan Abdul Jalil. Maka ia pun matilah di atas tikar sembahyang dan dimakamkan sebelah hulu Sungai Pekan.

Maka sekalian anak-anak isterinya dibawa balik oleh Nakhoda Cek Sekam ke Johor. Maka seorang anak Sultan Abdul Jalil itu, bernama Tengku Kamariah, diperisterikan oleh Yang di-Pertuan Raja Kecil, dan yang lainnya itu dipeliharakan. Maka Tengku Mandak menulis surat pada Upu, menyatakan Raja Kecil sudah melanggar Johor, sudah didapat olehnya. Dan Sultan Abdul Jalil undur ke Pahang dan sudah pula ditikam (hal. 7) oleh Nakhoda Cek Sekam. Maka apakala Upu mendengar surat itu, ia pun datang pula, serta dilanggar pula Raja Kecil itu.

Maka tiada berapa lama perang itu, alahlah pula Raja Kecil itu, lalu berundur ke Siak. Maka putera Sultan Abdul Jalil, bernama Tengku Sulaiman, ditabalkan Upu, dijadikan Sultan Johor. Maka Sultan Sulaiman pun berkerajaanlah di Johor itu. Maka Upu Daing Parani pun balik ke Bugis, tinggal anaknya seorang di Johor, bernama Upu Daing Merewah. Oleh Sultan Sulaiman, diangkatnya menjadi anak. Dan tiada berapa lama, Sultan Sulaiman berpindah duduk ke Riau. Maka pada suatu masa, dilanggar pula oleh Raja Kecil, alah Sultan Sulaiman, undur ke Pahang, anak angkatnya, Upu Daing Merewah, undur ke Selangor. Dalam hal itu, Upu Daing Merewah mengambil kayu di Linggi, hendak membuat kelong, dilarang oleh orang Linggi, tiada dipakainya dan dilawannya orang Linggi berkelahi. Maka orang Linggi pun persembah pada Raja Kecil di Riau, mengatakan Upu anak angkat Sultan Sulaiman membuat kacau di Linggi. Maka apakala Raja Kecil mendengar itu, ia pun pergi ke Linggi, lalu berjumpa dengan Upu di Laut Linggi, Raja Kecil pun menjaga di laut. Maka pada waktu tengah malam, Upu keluar, Raja Kecil tidak sedar. Ia pun lalu ke Riau, disadaikannya sekalian perahunya. Ia pun naik mengamuk Riau dan Riau pun dapatlah kepadanya. Maka isterinya Raja Kecil, yang bernama Tengku Kamariah, menulis surat kepada Raja Kecil, Riau sudah didapati oleh Upu Daing Merewah, serta dengan pantunnya:

Ada tiap-tiap ikan membang,
Riau mudik bergalah;
Tengku Kecik silalah pulang,
Linggi diserang Riau alah.

Maka apakala Raja Kecil mendapat surat itu, ia pun balik dengan segeranya. Apakala dekat dengan Riau, ditembak oleh Upu-upu. Raja Kecil pun tiada boleh hampir ke darat, lalu balik ke Siak. (hal. 8).

Kalakian, Upu-upu pun datang ke Pahang, menghadap Sultan Sulaiman, mempersilakan balik ke Riau. Maka jawab Sultan Sulaiman, "aku tidak mahu balik jikalau tiada diambil kerajaan aku kepada Raja Kecil itu." Maka Upu-upu pun pergilah ke Siak, melanggar Raja Kecil. Raja Kecil pun alah dan sekalian alatan kerajaan itu pun semuanya dapat kepada Upu-upu. Raja Kecil pun lari ke hulu Siak, tiadalah ia melanggar lagi.

Maka Upu-upu pun balik ke Pahang, menghadap Sultan Sulaiman, mempersembahkan sekalian alat kerajaan. Maka Sultan Sulaiman pun balik ke Riau. Maka Upu pun hendak digelar juga Putera Jaya, anak laki-laki, dinamakannya Daing Abdul Majid [yang kemudian berkahwin dengan puteri yang bernama] Tun Khatijah. Dan Tun Khatijah dapat seorang anak laki-laki, dinamakan Daing Abdul Rahman. Hilang Daing Abdul Majid, Daing Abdul Rahman menjadi Temenggung. Anak Temenggung Abdul Rahman dua orang laki-laki, seorang bernama Ibrahim, yang seorang lagi tiadalah ketahui. Dan perempuan, Che Puan Sulung, Che Puan Isah dan Che Puan Engku Andak. Che Puan Sulung berkahwin dengan anak Raja Riau; Che Puan Isah berkahwin dengan anak Raja Riau juga. Maka habis pertemuan, ia bercerai. Kemudian, Che Puan Isah berkahwin pula dengan Syed Jaafar, dapat dua orang anak laki-laki, namanya Syed Muhammad dan Syed Hussein. Anak Syed Muhammad, Tuan Sulung, Syed Jaafar, Syed Abdul Rahman dan Sharifah Aminah. Anak Syed Hussein yang laki-laki empat orang, Syed Abdullah, Syed Abdul Rahman, Syed Jaafar dan Syed Ahmad.

Hilang Temenggung Abdul Rahman, anaknya, Ibrahim menjadi Temenggung. Anak Temenggung Ibrahim, enam orang anak laki-laki. Yang pertama, tiadalah hamba mendapat ketahuinya nama. Yang laki-laki Che Wan Abu Bakar, Che Wan Muhamad, Che Wan Abdullah, Che' Wan Abdul Rahman, Che Wan Abdul Majid dan Che Wan (hal. 9) Muhamad Khalid. Mangkat Temenggung Ibrahim, anaknya yang bernama Che Wan Abu Bakar menjadi Temenggung Seri Maharaja dan berpindah duduk di Tanjung Puteri, membuka negeri, dinamakan kepada

negerinya, Johor Baharu. Temenggung Abu Bakar sangat-sangatlah tinggi hemahnya. Di dalam suatu masa, bergelar ia Sultan Abu Bakar. Maka diperbuat oleh orang Kampung Gelam pantun, demikian pantunnya:

Tanglung simpai rotan,
Kemuning sampir keris;
Temenggung menjadi Sultan,
Asalnya dari Raja Bugis.

Putera Sultan Abu Bakar tiga orang. Yang laki-laki, bernama Tengku Ibrahim. Yang perempuan, namanya Tengku Meriam dan Tengku Puteri. Sultan Abu Bakar itu sangatlah jaganya memerintah negeri dan cukup segala aturannya, sebab, negeri Johor itu berdekatan dengan negeri Singapura. Dan saudara-saudara Sultan Abu Bakar punya riwayatnya, tiadalah disebutkan, kerana tiadalah dapat tertib hendak dihuraikan. Mangkat Abu Bakar itu di negeri Eropah, dimakamkan di dalam negeri Johor, di Bukit Muhammadiah. Maka hendak diangkat jenazah itu, cukuplah adat istiadat yang telah diadatkan. Dan puteranya, Tengku Ibrahim, yang telah bergelar Tengku Mahkota, dilantikkan, dijadikan Sultan Johor. Ialah menggantikan ayahanda bagindanya. Dan seperti adat-adatnya itu, tiadalah disebutkan, sebab kerana tiadalah dapat tertib hendak dihuraikan. Mangkat Abu Bakar itu dan sekarang ini yang telah melihatnya, tambahan pula, dikeluarkan oleh orang Johor pemberitanya.

Mengenai Bendahara dan Sultan Pahang

Alkisah, maka diceritakan oleh orang yang empunya cerita, ini asal Raja Pahang yang memerintah daripada zaman dahulu, hingga sekarang ini, yang telah dapat diceritakan separuh, ataupun sesuku, kerana aturan ini bukannya didapat dengan tulisan, melainkan dapat diceritakan oleh orang-orang tua, mana-mana yang salah, ataupun silap, banyaklah hamba menerima kasih, dimintalah encik dan tuan-tuan (hal. 10) yang membacanya, tolong betulkan.

Bahawa, maka adalah Raja Pahang ini, asal dari orang Johor Lama. Ialah daripada Bendahara Abdul Jamal, turun kepada Abdul Jalil. Daripada Abdul Jalil turun kepada Hassan. Daripada Hassan, turun kepada Tahir. Ialah mula-mula Bendahara Pahang; puteranya lima orang, laki-laki, ramanya, Tun Abdul Majid, Tun Abdul Jamal, ialah menjdai Temenggung di Riau, Tun Muhamad, duduk di Terengganu, Tun Yusuf, duduk di Tembeling, Tun Abbas, duduk di Semantan.

Mengikut Tun Tahir, puteranya, Tun Abdul Majid, menjadi Bendahara Pahang, puteranya laki-laki, Tun Abdul Mutalib, duduk di Pekan Seberang. Tun Muhammad, duduk di Chenor. Tun Koris, duduk di Endau, dan Deh. duduk di Pedah.

Arakian, pada suatu masa, Bendahara Abdul Majid pergi ke Riau, menghadap Sultan Sulaiman. Dan anaknya, Tun Abdul Mutalib, pergi bersam-sama. Pada suatu hari, Sultan Sulaiman santap nasi. Diajaknya Tun Abdul Mutalib makan sehidang dengannya. Dan anak Temenggung Abdul Jamal, yang bernama Daing Celak dan Daing Busu, menyelampai tetampan, menghadap Sultan Sulaiman santap itu. Oleh itu, menjadi musykil di hati Temenggung Abdul Jamal, anak-anaknya tiada makan bersama-sama. Dan menaruh dendamlah Temenggung Abdul Jamal itu. Adalah adat raja-raja zaman dahulu jikalau ia santap, maka anak bendahara yang diajaknya santap sehidang dengannya, ialah akan menjadi bakal Bendahara. Demikian juga anak Temenggung, itulah akan menjadi bakal Temenggung.

Sekali persetua, Sultan Sulaiman berangkat ke Pahang dan Temenggung Abdul Jamal tiga beranak mengiring juga. Maka tiada berapa lama di Pahang, datanglah fikiran Temenggung Abdul Jamal yang tidak baik. Pada suatu malam, pergilah ia ke rumah Bendahara Abdul Majid, dinantinya pada pintu belakang. Tiada berapa lama, berjumpalah ia dengan (hal. 11) anak Abdul Majid, yang bernama Tun Abdul Mutalib, lalu ditikamnya dengan tombaknya, kena arah rusuknya. Maka kata Tun Mutalib, "ayah Enggung [Temenggung], apa salahnya sahaya ini?" Ia pun lalu rebah. Tiada berapa lama, lalu mangkat. Seketika, orang-orang pun gemparlah, megatakan Tun Abdul Mutalib sudah mangkat, kena tikam.

Temenggung Abdul Jamal, lepas ia menikam, ia larilah ke Padang Buluh. Pada malam itu juga, Sultan Sulaiman menurut Temenggung Abdul Jamal. Orang-orang pun menurutlah. Pada keesokan harinya, berjumpalah dengan Temenggung Abdul Jamal di Padang Buluh. Maka kata Temenggung Abdul Jamal, "jangan dekat! Sahaya ini orang mati." Maka dijawab oleh seorang yang bernama Che Engku Yahya, katanya, "sahaya tiada peduli. Ini menjalankan titah," lalu ditangkapnya Temenggung Abdul Jamal itu, lalu dibawanya turun ke Tanjung Parit dan disembahkan kepada Bendahara Abdul Majid.

Maka disuruh oleh Bendahara Abdul Majid, bawa naik ke balai dan disuruh orang membuang duri di kakinya. Maka seketika lagi, datanglah Tun Koris, hendak menikam Temenggung Abdul Jamal, tiada diberi oleh Bendahara Abdul Majid, "siapa ini? Bukankah bapa saudara? Orang gila." Maka Koris pun

diamlah. Maka Temenggung Abdul Jamal pun minta bunuhlah, tiga beranak sekali. Maka tiadalah jadi dibunuh, lalu dititahkan oleh Sultan Sulaiman, "hantarkan balik ke Riau Temenggung Abdul Jamal ini." Orang pun membawa Temenggung Abdul Jamal hilir. Apakala bertentang dengan Kuala Air Hitam, Temenggung Abdul Jamal pun mecampakkan tombaknya ke air, iaitu tombak yang ditikamkan pada Tun Abdul Mutalib itu. Perahu pun hilirlah, sampai ke Kuala Pahang, lalu belayar.

Maka apakala sampai dekat dengan Kuala Rompin, gundik Temenggung Abdul Jamal, namanya Bernas, hendak beranak. Lalu disuruhnya singgah di pantai laut dan Temenggung Abdul Jamal pun naik ke darat, membawa gundiknya berjalan. Apabila sampai dekat (hal. 12) Sungai Rompin, Bernas pun beranak. Anaknya mati. Maka tempat itu dinamakan Pantai Bernas, hingga sampai sekarang ini. Maka perahu dilayarkan ke dalam Sungai Rompin. Dua tiga hari duduk di Rompin, ia pun keluar belayar. Apakala sampai di Penyusuk, berjumpalah dengan sekoci berlabuh. Maka Temenggung Abdul Jamal pun naik ke sekoci itu, lalu diamuknya orang sekoci itu. Setengah mati dibunuhnya, setengah terjun ke dalam air. Sekoci pun dapatlah kepadanya, lalu ditundanya dan dilayarnya ke Riau, demikian pantunnya:

Besar hulat di buku kayu,
Anak Belanda bermain sekopong;
Besar daulat Raja Melayu,
Sekoci ditunda dengan jongkong.

Maka apakala sampai di Riau, Temenggung pun masuk ke dalam kurung sekoci, menyuluh. Ditakdir Tuhan, jatuh api di tempat ubat bedil, lalu meletup. Temenggung Abdul Jamal pun mangkat berdua beranak, dengan Daing Busu. Daing Celak dimakan oleh api juga, tetapi mangkat kemudian sedikit.

Sebermula, maka kedengaranlah khabar kepada Tun Muhammad, di Chenor, saudaranya Tun Abdul Jamal. Ia pun hilirlah dengan segera iaitu dengan empat puluh orang pertikaman. Tengah hilir itu, di Rantau Lepar, disusruhnya buang dapur, hendak sampai bangat. Maka apakala sampai ke Pekan, didapati Temenggung Abdul Jamal sudah balik ke Riau. Maka, hendak menurut ke Riau. Maka tiadalah dibenarkan oleh Bendahara Abdul Majid. Maka diturutnya juga. Apakala sampai di Riau, didapati khabar oleh Tun Muhammad, Temenggung Abdul Jamal sudah mangkat, dua beranak sekali, dimakan oleh api ubat bedil. Maka tiada berapa lamanya Tun Muhammad duduk di Riau itu, datanglah utusan dari Pahang, menyatakan Bendahara Abdul Majid (hal. 13) sudah mangkat.

Maka Tun Muhammad pun digelarkan Sultan Sulaiman, Bendahara, menggantikan ayahandanya, Bendahara Abdul Majid, yang hilang itu. Maka tiada berapa lama lepas bergelar itu, ia pun balik ke Pahang. Apakala sampai ke Sedili, Bendahara Tun Muhammad pun menyeberang ke Tioman. Kemudian ia hendak menyeberang pula ke Endau. Maka datang sembah orang-orang tua di Tioman, tiada dibenar menyeberang. Maka tiada dipakai oleh Bendahara Muhammad. Ia menyeberang juga. Apakala sampai di laut Endau, perahu pun karam. Bendahara Muhammad pun mangkat, dalam kurung, berdua dengan gundiknya. Ialah disebut orang, marhum di laut. Maka orang lain, semuanya hidup. Baliklah ia. Apakala sampai, dibunuh oleh Tun Koris, sebab tiada hendak mati bersama dengan raja. Dan ditanam dua tiga, selubang. Di dalam empat puluh orang itu, dua sahaja yang tinggal, tiada dibunuhnya iaitu Haji Zakri dan Lebai Rajab, sebab kerana lari ke rumah Tun Jambul. Adapun Tun Jambul itu, ia menjadi Menteri kepada Bendahara Tun Abdul Majid yang telah mangkat itu. Maka jenazah Tun Muhammad itu, tiadalah dapat di mana makamnya.

Anak Bendahara Tun Muhammad seorang, bernama Tun Abdul Kadir. Anak Tun Abdul Kadir empat orang, iaitu Wan Dagang Kelembak, Wan Aki, Wan Cik dan Wan Su.

Anak Wan Dagang tiga orang, Wan Mahmud, Wan Ali dan Wan Andak. Anak Wan Aki empat orang, Wan Sulung, Wan Endut, Wan Hitam dan Wan Kadir. Anak Wan Cik, bernama Wan Andak (Penghulu Kuantan). Anak Wan Su, bernama Wan Lingga.

Hilang Bendahara Tun Muhammad, adiknya, Tun Koris menjadi Bendahara Pahang pula, hingga sampai masa itu riwayat Bendahara Koris menjadi Raja dalam Pahang (1803-1806). Putera Bendahara Koris dua orang, Tun Ali dan Tun Muhammad (hal. 14).

Mangkat Bendahara Koris, Tun Ali menjadi Bendahara Pahang. Puteranya sebelas orang, Tahir, Ismail duduk di Chenor, Wan Siwa, bergelar Panglima Besar, Ahmad, duduk di Pahang Saberang, Mansur, di Kampung Marhum, Hasan, duduk di Beruas, Che Wan Sulung, Che Wan Teh, Che Isah dan Che Wan Andak.

Putera Tahir bin Ali sembilan orang, Tun Koris, Tun Osman, Tun Deh, Tun Abdullah, Tun Muhammad, Tun Abdul Rahman, Che Wan Ngah (Engku Puan), Che Wan Nit, Che Wan Cik, ialah berkahwin dengan Sultan Abu Bakar Johor.

Putera Ismail bin Ali lima orang, ialah Mahmud, ia bergelar Engku Temenggung Seri Maharaja Pahang, Che Wan Ali, Che Wan Empuk, Che Wan Dalam dan Che Wan Nit.

Putera Ahmad bin Ali, Tengku Abdullah, Tengku Sulaiman, Tengku Yusuf Omar, Tengku Muhamad, Tengku Lung, Tengku Dalam, Tengku Nung, Tengku Kelsum, Tengku Mariam dan yang mati kecil tiada disebutkan.

Putera Mansur bin Ali, Abdul Majid, Abdul Jamal, Che Engku buruk, Che Engku Hawa, Che Engku Maimunah, Che Engku Yah dan Che Engku Zainab.

Hasan bin Ali tiada beranak beristeri, mangkat di Beruas. Che Wan Sunit binti Ali berkahwin dengan Che Wan Abdullah, adik Abu Bakar Johor, Puteranya empat orang, Che Wan Abdul Jamal, Che Wan Ahmad, Che Wan Ali dan Che Wan Dara.

Che Wan Timah binti Ali, puteranya tiga orang, Che Wan Ali, Che Wan Cik dan Che Wan Bar.

Che Wan Andak binti Ali berkahwin dengan seorang Sayyid, namanya Engku Yusof, anaknya dua orang, Sayyid Abdul Rahman dan Sayyid Jaafar. (hal. 15)

Putera Muhamad bin Koris tiga orang, Che Wan Ngah, Che Wan Cik dan Che Engku Besar. Putera Che Wan Ngah yang ada sekarang, Che Wan Endut, Che Engku Ali (sekarang menjadi Penghulu Penyur), Che Wan Tanjung, Che Engku Muhamad (sekarang menjadi penghulu Pekan), Che Wan Bar, Che Wan Dalam, berkahwin dengan Wan Char.

Putera Che Wan Cik yang ada sekarang dua orang, Che Wan Boh dan Che Wan Abdul Majid.

Puteri Engku Besar yang ada sekarang, seorang sahaja, iaitu Tengku Long.

Mangkat Bendahara Ali, puteranya yang bernama Wan Ahmad menjadi Bendahara Pahang. Dalam masa ia menjadi Bendahara itu, diangkat namanya sendiri, gelaran, menjadi Sultan Ahmad al-Muazzam Syah Pahang. Saudara sepupunya, Che Wan Ngah, diangkat gelaran Engku Bendahara Siwa [Sri Wak] Raja Pahang. Dan anak saudaranya, bernama Mahmud, diangkat gelaran Engku Temenggung Sri Maharaja. Dahulu diangkat gelaran Bendahara. Dan Temenggung, adiknya, bernama Mansur, telah diangkat gelaran Engku Muda.

Temenggung Mahmud, puteranya yang laki-laki tiga orang, Che Wan Ngah, Che Wan Muhamad Salleh, Che Wan Abdullah.

Lebih kurang 25 tahun lalu, Sultan Ahmad telah melantik dua orang puteranya, Tengku Mahmud, gelar Tengku Besar, Tengku Muda. Pada masa itu, residen British sudah ada di dalam Pahang ini.

Bahawa, dengan sesungguhnya, Bendahara itu ibarat tangan kanan Sultan; Temenggung itu ibarat tangan kiri Sultan. Di bawah itu, Orang Besar Berempat. Gelarannya seperti

di bawah ini,

1. Orang Kaya Indera Syah Bandar, duduk di Benta.
2. Orang Kaya Indera Pahlawan, duduk di Chenur.
3. Orang Kaya Indera Segara, duduk di Temerloh.
4. Maharaja Purba, duduk di Jelai. (hal. 16)

Inilah nama orang berempat yang telah dapat ketahui,
Ali bin Hussain bin Challidin bin Zainal.
Husain bin Kuin bin Adam bin Hassan.
Tahir Ahmad bin Hassan bin Aji bin Muhamad.
Muhamad bin Idris bin Muhamad bin Ismail.

Di bawah Orang Besar Berempat, Orang Besar Delapan,

1. Amar Segara, duduk di Setaka.
2. Dewa Hulubalang, duduk di Tanjung Belawan.
3. Dewa Pahlawan, duduk di Bangau.
4. Setia Perkasa, duduk di Lipat Kajang.
5. Setia Muda, duduk di Perlak.
6. Setia Wangsa, duduk di Lipis.

Dan ada Orang Besar Enam Belas dan Tiga Puluh Dua, tetapi gelarannya itu tiada dapat oleh hamba.

Arahan dalam masa almarhum Ahmad menjadi Bendahara di Pahang: Tuan Hitam, Menterinya; Koming, Imam Perangnya. Mati Koming, jatuh kepada Endut pangkat itu. Gelarannya, Imam Perang Mahkota. Hitam, Panglima Dalamnya; Muda, Panglima Balainya; Talib, Panglima Lautnya.

Sebermula, masa Sulaiman menjadi di Riau, Raja-raja Muda anak saudara Abdul Jalil, menjadi Raja Muda juga di Riau. Ia berkhutbah (?) dengan Bendahara Abbas. Maka Raja Muda undur ke Lingga. Maka dipanggil oleh Sultan Sulaiman, tiada hendak balik. Dan ia membuat kacau di Lingga. Maka Sultan Sulaiman muafakat dengan Holanda. Alah Raja Muda, tiadalah dapat ceritanya itu.

Dan Sultan Sulaiman pun menjadi Rajalah di Riau itu. Mati Sulaiman, digantikan oleh Mahmud menjadi Sultan di Riau, iaitu cucu kepada Sulaiman, anak Abdul Jalil. Mati Mahmud, anaknya, Abdul Rahman menjadi Sultan di Lingga. Ialah Marhum Bukit Cangkit. Anak Abdul Rahman tiga orang, Muhamad, Husain, Sulaiman. Mati Abdul Rahman, Muhamad menjadi Sultan di Lingga (hal. 17) ialah Marhum Kedaton. Sulaiman

menjadi Raja Muda di Lingga. Anak Muhamad banyak, ialah seorang namanya Mahmud, ditabalkan oleh Sultan Muhamad menjadi Sultan, gantinya. Bila Muhamad mati, Mahmudlah kerajaan di Lingga. Di dalam itu, Mahmud mendapat salah, dijatuhkan oleh Holanda kerajaannya, dan diangkatkan Sulaiman menjadi Sultan. Bila mati Sulaiman, cucu saudaranya menjadi Sultan, iaitu anak Raja Muda di Riau, namanya Abdul Rahman. Maka sekarang, Sultan Abdul Rahman dipecat oleh Holanda.

Sekali persetua, pada suatu masa, tahun 1819, Tuan Raffles datang ke Singapura. Ia bertanya pada Che Salleh, "siapa raja di sini?" Jawabnya, "Temenggung Abdul Rahman." Maka kata Tuan Raffles, "bolehkah berjumpa dengannya." Jawab Che Salleh, "nantilah, sahaya sembah kepadanya." Maka Che Salleh pun pergilah berjumpa. Jawab Temenggung, "jika dengan baik, boleh juga aku berjumpa. Jika tiada baik, aku amuk." Maka Tuan Raffles, petang itu, berjumpalah dengan Temenggung, dan banyaklah hadiah-hadiah daripada Tuan Raffles. Maka Tuan Raffles pun bersahabatlah dengan Temenggung Abdul Rahman, lalu diminta oleh Tuan Raffles diperbuat pelabuhan di Singapura itu.

Maka tiada berapa hari, Tuan Raffles pun balik ke Eropah. Dan tiada berapa lama, datang pula ke Singapura. Dan ia hendak menjadikan Temenggung Abdul Rahman, Raja Singapura. Maka jawab Temenggung, "sahaya tiada boleh menjadi raja, sebab sahaya pangkat yang ketiga. Abang sahaya di Pahang, pangkat yang pertama, di Riau pangkat kedua, Rajanya di Daik." Maka jawab Tuan Raffles , "sahaya dengar Temenggung pun boleh juga menjadi Raja baka itu juga." Maka jawab Temenggung Abdul Rahman, "jika tuan hendak menjadikan raja juga ada seorang adik Sultan Abdul Rahman di Riau, Tengku Husain namanya." Maka kata Tuan Raffles, "bolehlah kita panggil ia ke mari?" Jawab Temenggung Abdul Rahman, "boleh," (hal. 18) lalu ia menyuruhkan Che Engku Yahya, mendapatkan Che Abu Putih di Riau, menyilakan Tengku Husain ke Singapura, lalu berjumpa dengan Tuan Raffles.

Maka Tuan Raffles meminta semuanya dinaikkan bendera, dimasukkan meriam, lalu digelarnya Sultan Husain. Kemudian daripada itu, Temenggung Abdul Rahman menulis surat ke Pahang, menyatakan Tengku Husain telah bergelar Sultan. Maka jawab Bendahara Ali, "darihal itu tiadalah ia mencampuri, melainkan ia menyembah ke Daik juga, dan apa-apa hal dari Pahang, tiadalah singgah ke Singapura, melainkan terus ke Daik selalu."

Sebermula, daripada mula dilantik Tengku Mahmud itu, ia pun belayarlah dan menjalankan negara negeri. Maka daripada suatu masa kepada suatu masa, dipandang oleh seri paduka ayahandanya, bertambah-tambah baik sekalian pekerjanya dan sangatlah bersetuju kepada bangsa kulit putih. Pada masa itu, seri paduka ayahandanya telah uzur, kerana lanjut usianya, lalu ia berwakil kepada Tengku Besar, kerana ia hendak bersenang diri. Dahulu daripada seri paduka ayahandanya memberi wakil itu, Bendahara, Temenggung Engku Muda telah mangkat. Dan Orang Besar Berempat itu, Orang Kaya Indera Pahlawan Chenor, Orang Kaya Indera Segara, Orang Kaya Indera Syahbandar telah mati. Tiap-tiap pangkat yang hilang itu, tiada gantinya fasal, tiadalah diketahui.

Arakian, pada 13 Mei 1914, datanglah peredaran dunia, lebih kurang pukul 4.45 petang, Sultan Ahmad al-Muazzam Shah Pahang kembali ke rahmatullah taala, berpindah dari yang fana ke negeri yang baqa. Pada 15 Mei itu, jenazah dibawa hilir, dimakamkan di sebelah hulu Kuala Pahang, lebih kurang empat petang.

Bahawa, sesungguh pun tiada dilantik siapa-siapanya (hal. 19) tetapi cenderung hati orang, Tengku Besar juga menjadi Sultan Pahang. Maka yang begitulah, telah menyalahkan adat dan resam yang terdahulu. Pada 29 Mei 1914, datang telegram, meyatakan pukul 3 petang ditembak meriam, alamat menzahirkan Yang Amat Mulia Tengku Besar, menjadi Sultan Negeri Pahang dan jajahannya. Daripada hari itu, Yang Maha Mulia Sultan Mahmud bertakhta di atas Kerajaan Negeri Pahang, sampai kepada 19 Jun 1917, datanglah peredaran negeri. Sultan Mahmud pun kembali ke rahmatullah taala, di Tanjung Kuala Pahang, di bawa ke istana Seri Terentang pada 20 Jun, dimakamkan di sebelah hulu Kuala Pahang, dekat dengan makam seri paduka ayahandanya. Maka semasa hendak mengangkat jenazah Mahmud, dilantik Tengku Abdullah, menjadi sultan, menggantikan al-marhum itu. Sultan Mahmud mangkat, meninggalkan seorang isteri, namanya Tengku Mariam, gelaran Tengku Ampuan Besar Pahang. Al-Marhum itu tiada zuriatnya. Tengku Ampuan Besar itu puteri Abu Bakar Johor.

Mengenai Adat Istiadat Raja-Raja Johor dan Pahang

Kebesaran Raja-raja: Pedang, Keris Panjang, Tombak, Cogan

Alat Sultan serba 16, Bendahara serba 8. Adalah enam belas atau lapan itu iaitu meriam, kain dukung, dian besar, menjawat muka bantal, menjawat lampu, dan pebaraan. Jika Sultan bekerja, alatan serba kuning, Bendahara bekerja, alatan serba cindai.

Jika raja-raja berangkat, didahulukan tombak, di belakang tombak, cogan, lepas itu raja. Di belakang raja, keris panjang, di kiri kanan raja, pedang. Di belakang itu, Orang Besar-Besar, juak-juak dan orang ramai. Waktu raja tengah berangkat, jika, orang berjumpa dengannya, hendaklah duduk, hingga lepas raja itu, baharulah bangun. (hal. 20) Jika berbandung tiga, dinamakan rumah tela. Rumah di belakang dinamakan penanggah. Dan jika didirikan sebuah lagi di hadapan, berhampiran dengan istana, itu dinamakan peseban. Itulah tempat raja bersemayam hari-hari. Dipantangkan orang kebanyakan membuat rumah limas, benduk madu muncung bilis, sayap layang-layang, pintu gerbang pagar, pada sekalian istana raja-raja, itulah dikatakan kota pintu. Pagar itu diperbuat sebuah rumah dan orang boleh duduk di atasnya. Itulah dikatakan pintu gerbang.

Suatu lagi, sebuah balairung seri. Adapun balai itu, pada masa bekerja, telah beradat di dalam istana. Demikian juga di balai itu. Adat dijaga oleh Penghulu Balai. Di dalam kota, dijaga oleh Panglima Dalam. Masa orang bekerja itu, jika masuk ke dalam kota, atau dalam istana, ataupun naik ke balai, hendaklah memakai dengan tarafnya. Jika dapat panggil di balai, hendaklah duduk di mana-mana, diletakkan oleh Penghulu Balai. Perempuan yang masuk ke dalam istana dikehendaki memakai baju singkat, berlengan kecil lagi berbuah di lengan, leher bajunya tidak boleh dikancing. Dan rambut dikehendaki bersanggul lintang, dikecualikan anak raja-raja, bebas. Jika lelaki, boleh berseluar panjang, berbaju kurung, naik ke balai itu. Jika perempuan, boleh memakai baju labuh lengan besar.

Dimulai Meletakkan Pekerjaan Kahwin

Meriam ditembak pukul enam pagi ataupun waktu matahari terbit. Bendera pun diangkat kemuncak tiang. Siang malam tiada turun. tiap-tiap pagi dan petang, ditembak. Kemana-mana pergi mempelai itu, diikuti oleh penjawat, dengan membawa kain dukung. Dian dipasang masa bersanding atau masa makan nasi

tabak. Penjawat muka bantal dan penjawat tempat masa bersanding atau masa makan nasi tabak, ia hadir di situ. (hal. 21)

Pakaian Mempelai

Berseluar panjang, berbaju kurung, berkain lepas, bergelang tangan, berkeroncong kaki, berdokoh, berpending, kemudian memakai terapang atau terapang gabus, disangkut pula setangan sutera yang ada bergayut satu selepa, memakai pula destar, serban, bertanjak, memegang sirih lekat, di hadapan mukanya.

Pakaian Pengantin

Berkain, berbaju, bergelang tangan, berkeroncong kaki, berdokoh, berpending, bergandik, bersunting dan bertanjak.

Adat Berjamu di Balairung Seri

Di atas seri balai, hidangan Sultan, hidangan Bendahara, hidangan Temenggung, hidangan putera sultan, kemudian baharu hidangan anak raja-raja. Di bawah seri balai, hidangan Orang Besar-besar, anak baik-baik dan haji, jika raja belum berhenti.

Jika Mempelai Berarak

Berarak, mempelai berarak. Dahulu sekali berjalan orang ramai, dengan bersorak, mencabut keris. Di belakang itu, orang memukul tetawak, gendang, serunai. Di belakang itu, orang membawa tombak. Di belakang itu, orang membawa ketur, terenang, puan, bangkal kadut. Lepas itu, baharulah mempelai, seorang memegang kain pancung mempelai; dua orang menjadi ganding, di kiri kanan mempelai itu, pekerjaannya, mengipas. Di belakang itu, keris panjang dan pedang. Di belakangnya itu, orang membawa kain dukung, di belakang orang mengiring. Apakala mempelai sampai dekat tangga, orang rumah menabur dengan beras kunyit 'alamat selamat berarak'. Waktu hendak masuk ke dalam pintu, orang di rumah mengancing pintu. (hal. 22) Orang yang membawa mempelai itu menyuruh membuka pintu. Orang di dalam rumah meminta tebus.

Apakala dicari tebus, pintu pun terbuka, masuklah mempelai, duduk di peterana, di kanan pengantin, di

hadapannya satu tabak nasi. Kemudian, datanglah Orang Besar-besar ataupun orang tua-tua yang melayan mempelai makan nasi tabak itu. Lepas makan, seorang ulama meletakkan panca benca di atas kepala mempelai dan pengantin, serta dicucuhnya sedikit air mawar di kepala keduanya itu. Dan duduklah ia membaca doa. Selesai daripada membaca doa itu, mempelai dan pengantin dibawa masuk pelamin, ditanggalkan pakaiannya. Di dalam pelamin itu, nasi damai pula; disuruh orang tua mengintainya itu membasuhkan tangan mempelai. Biarkan ia. Lepas daripada itu, satu hari atau tiga hari, mandi sampat pula. Alatannya diperbuat daripada pucuk kelapa. Barang-barang benda perbuatnya, beringin sebabar [selebar?] tiga sebabar panjang; gambaran macam-macam perhiasan, daripada pucuk kelapa itu. Dan beberapa pula ternang, sangku, batil yang berisi bedak-bedak, air-air dan air rias. Jika raja yang mandi sampat itu, melainkan cukuplah adatnya.

Waktu mandi, banyaklah orang-orang bersimbahan, kecil besar, tua muda, laki-laki perempuan. Lepas mandi, datanglah tukang andam, dipasangkan dian, diambilnya cerimin [cermin], keduanya itu lalu dikeliling pada muka orang yang mandi sampat itu, tiga kali. Lepas itu, bersalin kain basahan, lalu berjalan. Sekarang dibawa masuk ke dalam rumah. Laki-laki, perempuan memakai pula. Kedua-duanya dididuduki di atas peterana pula. Laki-laki makan seorang. Lepas daripada makan itu, kedua-duanya turun, menyembah kepada ibu bapa dan mentua.

Jika Seorang Hendak Berahli

Datanglah daripada pihak laki-laki kepada pihak (hal. 23) perempuan. Adalah menjadi persetujuan di antara laki-laki dengan perempuan itu. Jika kabulkan oleh ibu bapa bagi pihak perempuan itu, ataupun warisnya, menjadi bertunanglah. Pihak laki-laki menghantar tandanya, kemudian menghantar belanja, ikut adat perempuan itu. Barang yang dihantar itu ringgit, kain, cincin dan tepak sirih. Waktu menghantar belanja itu, lebih kurang pukul tiga petang. Lepas berjamu, baharulah turun, pergi ke rumah pihak perempuan itu. Dua orang menjadi kepalanya, seorang perempuan, seorang laki-laki. Apakala sampai dekat rumah perempuan, bagi pihak perempuan pun berpantun, demikian bunyi:

Sangatlah cantik bunga membacang,
Mari dikait dengan kekati,
Ayuhai encik orang yang datang,
Inilah air pembasuh kaki.

Dijawab oleh orang yang datang itu:

Dari pauh ke permatang,
Tetak cengal papan kemudi;
Dari jauh sahaya datang,
Mendengarkan tuan baik budi.

Dan banyaklah lagi berbalas pantun itu. Orang yang datang itu hampir dekat tangga. Orang di rumah pun menabur beras kunyit. Naiklah orang yang datang, lalu masuk ke dalam rumah. Laki-laki tinggal di salasar. Balanja dibawanya masuk ke dalam rumah perempuan yang datang bercakap di dalam rumah. Kemudian, ringgit, kain, cincin dihantarkan ke salasar itu. Apakala sudah diperiksa oleh pihak perempuan, dihantarkannya masuk ke dalam, cukup dan baik semuanya. Pihak perempuan menjamu orang yang datang. Balasan hantaran itu, seluar, baju, setangan kepala, ikat pinggang, setangan sirih, semuanya itu dipulangkan kepada (hal. 24) pihak laki-laki.

Jika Seorang Bunting Sulung

Apakala sampai tujuh bulan, menempah bidan dan berlenggang perut. Beberapa orang bidan yang hendak ditempahnya itu, disediakan bokor yang telah berisi dengan sirih pinang dan duit. Kemudian, dijemput bidan-bidan itu dan disediakan tujuh bangsa sulur-sulur bemban, mengkuang, lengkuas tepus dan lainnya. Perempuan yang mengandung itu memakai seperti pakaian pengantin, dan diambil oleh bidan, anak batu, dipakaikannya cara laki-laki, misalnya, oleh bidan laki-laki. Orang yang bunting duduk dekat di situ.

Bidan sudah berhimpun semuanya. Orang yang bunting itu, disuruh oleh bidan, baring. Bidan pun berganti-ganti melancar sulur itu di atas perut orang yang bunting itu, dari atas lalu ke bawah. Lepas itu, dimandikannya pula. Kain basah itu disiat karungnya dan disuruh taruh hingga sampai taruh hingga sampai beranak, baharu dipakai pula.

Jika Perempuan Hendak Beranak

Diambil kekar alas, puntung damar, daun terung asam, duri mengkuang, digayutnya dibawah rumah pada tempat perempuan itu akan beranak. Di bawah tangga, di muka pintu, dibakar rabun. Jika rumah itu bertingkat, diambilnya jala, diregangnya pada tingkat itu. Waktu beranak, bidan kepala menyambut, seorang penjabat, seorang mengurut.

Apakala selesai beranak, bidan kepala membela kanak-kanak. Lain-lain membela ibunya. Perempuan yang beranak itu, tiga hari, mandi bersiram. Lepas itu, tiga hari berurut, bertangas petang, pagi bersalai atau berdiang, hingga sampai empat puluh hari itu. Pantanglah pada sekalian. Kanak-kanak itu, apakala sampai tujuh hari umurnya, dicukurnyalah. Perkakas bercukur, tepung tawar, daun (hal. 25) keladi, air kelapa, gunting, pisau penyukur. Tepung tawar itu direcikkan di kepala budak itu. Daun keladi alas kepala budak itu. Air kelapa tempat membubuh rambutnya. Banyak orang yang mengguntingkan, tiga orang ataupun tujuh orang. Pada hari itu juga, disediakan bedak langir, anak ayam. Bidan itu melangirkan di tempat beranak itu. Apakala habis pekerjaannya, anak ayam itu dicampakkannya ke tanah. Upah bidan pun diberi, dan basahan diberi kepada bidan. Dan nasi kunyit satu pinggan diberikan kepada bidan, dinamakan nasi kunyit itu 'nasi balas bidan'.

Dimisalkan kepada orang yang hendak beristeri hingga sampai berdamai. Orang yang disuruh itu, ibarat utusan. Perkara yang dibawanya itu, diibaratkan orang sudah berdendam. Pihak laki-laki pergi mengintai itu, diibaratkan mengaku musuh. Menghantar belanja itu, diibaratkan utusan yang besar sekali, ataupun memutuskan perkaranya. Menggantung, ataupun cuah di balai itu, diibaratkan membangun kubu. Pada masa itu, diibaratkan seumpama raja hendak melanggar sebuah negeri. Berarak, ataupun hendak pergi bersatu ke rumah perempuan itu, diibaratkan tengah melanggar musuh. Orang yang berarak itu, diibaratkan rakyat tenteranya. Apakala hampir ke rumah perempuan itu, diibaratkan musuh sudah sampai ke dalam kota. Orang di rumah mengancing pintu, diibaratkan orang melanggar kota. Disuruh buka pintu itu, diibaratkan orang menyuruh membuka pintu kota. Orang di dalam rumah meminta tebus, diibaratkan orang yang dalam sudah hendak belot dan meminta beri suap. Mempelai duduk di atas peterana, diibaratkan raja yang melanggar itu sudah menaklukkan negeri itu. Masuk ke dalam pelamin, diibaratkan raja melawat ke dalam istana negeri itu. Makan nasi damai itu, diibaratkan raja sudah mendapat seorang puteri. Mandi sampat itu diibaratkan (hal. 26) mentadbirkan pada segala isi negeri. Duduk makan nasi hadapan, lepas mandi sampat itu, diibaratkan raja duduk di atas takhta kerajaan dan dihadap oleh sekalian hulubalang menteri. menyembah mentua itu, diibaratkan meminta maaf.

Jika Mengangkat Raja Memerintah Negeri

Bendera diturunkan hingga sampai ke pangkal sulur bayur (bayong?). Meriam pun tembak dialamatkan. Demikian adatnya.

Waktu Menyiramkan Mayat

Mayat diriba oleh anak raja lima orang, ataupun tujuh pebaraan (perbara) enam belas, dian besar pandak enam belas dipasang dan orang menyelempai tetampan dan orang yang memandikan, orang yang menyirus layun [mayat?]. Jika ada orang abdi, disuruhkan duduk di bawah rumah tentang mayat itu. Orang itu dinamakan tapisan mandi. Orang tapisan mandi itu dilepaskan. Ia merdeheka. Selesai bersiram, meriam pun ditembak.

Jenazah sudah siap diangkat ke balairung. Waktu hendak mengangkat jenazah turun itu, siapa-siapa yang akan menjadi ganti raja itu, dipersilakan berdiri dekat jenazah itu. Bangunlah seorang, melafazkan ucapan berseru, melantikkan tengku anu menjadi sultan, menggantikan sultan anu yang telah hilang. Tengku yang dilantik itu menjawab, "kabullah," lalu ia menyuruh angkat jenazah itu. Apakala jenazah diangkat, ia pun menyusup di bawah jenazah itu juga, tiga kali; langsunglah jenazah diangkat, dibawa ke usungan yang dinamakan 'raja diraja' dan meriam ditembak pula.

Maka jika tiada dilantik seorang dijadikan raja, mengesahkan sekalian adat-adat dan tiadalah boleh dijalankan hukuman di dalam negeri itu, kerana tiada rajanya. Sebelum usungan 'raja diraja' diangkat, alat sudah disediakan. Didahulu pebaraan di belakang dian, di belakang lagi tombak, lepas itu cogan. Di belakang cogan, usungan 'raja diraja' (hal. 27) pada usungan itu. Di belakang itu, orang membawa kain dukung. Di atas usungan itu, orang membawa keris panjang dan pedang, bertih hambur-hambur. Di belakang usungan, orang membawa kain dukung.

Usungan jenazah itu dinamakan "raja diraja", diperbuat daripada kayu yang keras, ataupun batang pisang, dikembangkan payung ubur-ubur, enam belas. Di dalam usungan itu, diletakkan jenazah itu, dijawab oleh anak raja-raja, menyandang keris panjang dan pedang, menyelampai tetampan. Dan raja yang dilantik itu duduk di atas usungan, ataupun berjalan dahulu daripada usungan itu. Di atas usungan itu, dua orang menghamburkan bertih yang telah bercampur emas perak. Itulah dinamakan ambur-ambur.

Daripada mula diangkat usungan itu, hingga sampai ke kubur, dihambur ambur-ambur itu. Dan waktu mula diangkat jenazah itu juga orang memakai perkabungan kain putih di kepalanya, hingga sampai empat puluh hari. Balik daripada memakam jenazah itu, orang-orang semuanya, iaitu laki-laki, bercukur kepalanya. Dan tiadalah boleh memakai apa-apa pakaian di kepalanya, melainkan kain perkabungan.

Aturan Bertabal

Diperbuat suatu tempat bersiram, dinamakan Panca Persada, tujuh tingkat. Dan diperbuatnya empat ekor naga kayu, yang menyembur, mengeluarkan air di atas tingkat-tingkat panca itu. Anak raja-raja perempuan duduk menjadi pejawat. Di atas tingkat yang ketujuh itulah tempat bersiram. Lepas daripada bersiram itu, berangkat naik ke balairung seri, bersemayam di atas takhta singgahsana.

Dua orang Bentara, daripada anak raja-raja, menyandang pedang bercabut, seorang di kiri dan seorang di kanan singgahsana itu. Sekalian rakyat bersaf-saf, berdiri di hadapan balairung itu. Seketika bersemayam itu, bangunlah Bendahara (hal. 28) atau Temenggung, ataupun siapa-siapa yang layak melafazkan ucapan, demikian bunyinya:

> ... Ketahuilah sekalian yang hadir dan lainnya! Adalah pada waktu ini, di hadapan kita, Yang Maha Mulia Sultan anu, bertakhta di atas singgahsana, dihadapi oleh sekalian raja-raja, orang besar-besar, menteri hulubalang dan rakyat sekalian. Yang Maha Mulia inilah kita sekalian harapkan perintah, adil lagi murah, makmur dan sama timbangnya, di atas rakyat isi negerinya.

Dan sekalian telah mengatakan, 'Daulat Tuanku', berturut-turut tiga kali, dengan menundukkan kepalanya, seperti orang rukuk. Maka seketika, raja yang di atas takhta itu pun bangunlah pula melafazkan ucapan:

> ... Adalah beta ini, bertakhta di atas singgahsana, telah diharapkan oleh sekalian raja-raja, menteri, orang besar-besar, suka berajakan beta dalam negeri ini. Sekarang, berikrarlah beta di hadapan Melayu yang ramai, daripada hari ini, hingga selama-lama hamba menjadi raja, wajiblah menjalankan sekalian adat dan hukuman yang keadilan, di dalam negeri ini. Dan beta harapkan pula, sekalian raja-raja, menteri yang besar,

> hulubalang rakyat sekaliannya, setia dan taat. Mudah-mudahan, Allah subhanahu wataala anugerahkan aman, senang, sentosa sekalian negeri kita ini.

Kemudian, Bendahara pula melafazkan ucapan:

> Daulat tuanku Syah Alam, sallallahufi alam, ampun tuanku beribu-ribu ampun, harapkan diampuni. Adalah patik sekalian ini, hamba dan rakyat ke bawah Duli Yang Maha Mulia, taat menjunjung titah perintah. Dan tiadalah niat menderhaka, ataupun hendak mendatangkan candakia. Maka jika ada niat, melainkan ditimpa oleh daulat ke bawah Duli Yang Maha Mulia.

Dan Bendahara pun lalu menyembah, menjunjung duli, jauh dua hasta daripada duli sultan itu. Lepas itu, Temenggung. Lepas Temenggung, Orang Besar-Besar Berempat pula. Orang Besar itu menjunjung duli, jauhnya tiga hasta daripada duli sultan; masuk dan undur berlangkah serong. Tiada siapa boleh sampai (hal. 29) ke duli sultan menjunjung duli itu. Jika sesiapa sampai ke duli sultan, dipancung oleh orang Bentara yang menyandang pedang itu. Apakala selesai menjunjung duli, tiada berapa antara, sultan berangkat naik ke istana. Dan Bendahara pun bersabda, menyuruh Panglima Dalam edarkan segala jamuan ke balai. Telah selesai berjamu, masing-masing pun beredarlah.

Surat Utusan

Jika utusan datang dari mana-mana, dimaklumkan pada Sultan ataupun kepada Bendahara. Orang yang menjadi utusan itu, diberi suatu rumah. Tiap-tiap pagi petang dihantar makanan. Surat utusan itu disuruh ambil dengan alat penyambut surat utusan itu, iaitu, seorang anak baik-baik membawa satu ceper, dengan tetampan di bahunya. Dan seorang membawa payung, diiringi oleh orang-orang ramai. Apakala surat diterima daripada utusan, diletakkan di dalam ceper, di tudung dengan kain kuning surat itu, dipayungkan, berjalan menuju ke balai, ataupun ke peseban.

Orang yang menjadi utusan itu berjalan bersama-sama. Sambil berjalan itu, ditembak beberapa das senapang. Apakala sampai ke tangga balai, disambut surat itu. Utusan pun disuruh duduk. Surat utusan itu, disuruh baca oleh raja kepada Bentara. Bentara pun bangun, berdiri, membaca surat itu. Apakala selesai membaca, lalu duduk. Dan surat itu pun diletak balik ke dalam ceper itu. Bila dibalas surat utusan itu, diserahkan sahaja pada utusan itu, serta dikurniakan persalinan kepadanya. (hal. 30)

KELUARGA HAJI TAIB DALAM PERSURATAN DAN PENERBITAN: SATU CATATAN RINGKAS

DR KHAZIN MOHD TAMRIN

Pada umumnya tulisan-tulisan tentang sejarah Malaysia sehingga sebelum Perang Dunia Kedua memang bersifat *enro-centric*. Kalau adapun usaha-usaha di kalangan penulis peribumi mengenai perihal masyarakat tempatan, namun penyebarannya adalah amat terhad. Usaha-usaha penulis Barat yang terdiri daripada para sarjana, pegawai-pegawai British dan pengembara-pengembara Barat memang banyak telah dilakukan untuk meninjau tentang sejarah masyarakat dan budaya peribumi Semenanjung dan Kepulauan Melayu. Walaupun karya-karya mereka itu dapat memenuhi kekurangan buku tentang masyarakat tempatan, namun kebanyakan mereka lebih merupakan hasil penulisan yang telah bergantung kepada *impression*. Ini mengakibatkan banyak fakta yang negatif tentang orang Melayu telah ditekankan. Orang Melayu dari segi sejarah, budaya, sikap dan nilai hidup tidak diberi gambaran yang nyata. Tambahan pula keperluan pembangunan ekonomi kolonial memang memberi keutamaan kepada peranan pentadbir British, kumpulan pemodal, pelombong dan peladang dan kumpulan buruh asing yang sentiasa berganding bahu untuk memastikan kejayaan program pembangunan yang dilaksanakan.

Dalam program pembangunan ekonomi kolonial British telah melakarkan tiga kawasan utama iaitu kawasan perlombongan yang kemudian berkembang menjadi kawasan bandar; kawasan ladang dan kawasan kampung. Dari ketiga-tiga kawasan ini dua daripadanya telah diberi perhatian utama iaitu kawasan bandar/perlombongan dan ladang kerana kawasan-kawasan inilah yang diletakkan menjadi ekonomi (eksport) kolonial dan sangat menguntungkan pemodal-pemodal Eropah. Masyarakat bandar khususnya menjadi bertambah maju dan kompleks. Tetapi masyarakat kampung (luar bandar),

walaupun merupakan sebahagian daripada kawasan utama dalam perancangan pembangunannya, telah dibiarkan untuk dimajukan sendiri oleh orang-orang Melayu sama ada di kalangan peribumi tempatan atau peribumi dari tanah seberang. Malah British turut mendapat faedah dari tradisi, adat dan budaya merantau Melayu yang telah dieksploit dengan sebaik-baiknya agar orang Melayu tanah seberang di kepulauan untuk membantu British menjayakan rancangan mengekalkan kawasan kampung sebagai kawasan petempatan Melayu.

Kejayaan pembukaan kawasan petempatan baru sejak akhir abad ke-19 di beberapa buah negeri Melayu Pantai Barat Semenanjung memang tidak dapat dinafikan merupakan peranan dan sumbangan orang Melayu, terutamnya kumpulan orang-orang dagang rantau dari tanah seberang seperti Jawa, Banjar, Bugis, Mendiling, Minangkabau, Rawa, Kerinci, Aceh, Kampar, Palembang dan Boyan.[1] Walaupun peranan mereka sangat besar hingga turut serta membantu British untuk menyelesaikan masalah kekurangan tenaga buruh, namun sumbangan mereka kurang dihargai oleh kebanyakan penulis Barat. Malah ada yang memperkecil peranan mereka berbanding dengan peranan imigran dari China dan India. Mahathir Mohammed dalam bukunya *The Malay Dilemma*[2] juga turut merasakan kesedihan bagaimana dalam zaman penjajahan British di Malaya peranan orang Melayu nampaknya tidak diiktiraf oleh orang Barat. Beliau menekankan bahawa sebenarnya setiap individu atau masyarakat mempunyai peranan yang tersendiri dalam proses pembangunan. Malah faktor toleransi masyarakat Melayu untuk menerima kedatangan orang asing sepatutnya diberi keutamaan dari sejarah pembangunan ekonomi kolonial Malaya. Akibat dari maklumat sejarah yang ditulis tidak berdasarkan kepada peranan masyarakat tempatan telah menyebabkan orang Melayu sentiasa dianggap sebagai golongan masyarakat kolonial Malaya yang tidak aktif, mundur, sentiasa negatif dan tidak dinamik. Pandangan-pandangan seperti inilah yang boleh menjatuhkan maruah bangsa dan patut diperbetulkan kembali mana yang silap dan tonjolkan apa yang sebenarnya telah berlaku.

Kertas kerja yang ringkas ini bertujuan untuk menonjolkan salah satu daripada ribuan petempatan Melayu yang berjaya diterajui oleh sebuah keluarga yang berasal dari Jawa. Keluarga yang diketuai oleh Haji Taib merupakan pengasas sebuah kampung yang dinamakan Parit Jamil. Apa yang menarik dalam sejarah Johor, keluarga Haji Taib bukan hanya setakat pengasas sebuah kampung, bahkan keluarga ini juga mempunyai

rancangan yang murni dan besar untuk masyarakat dan bangsanya. Kejayaan Haji Taib membuka Kampung Parit Jamil membuatkan beliau dilantik sebagai penghulu kampung tersebut yang mempunyai cabang-cabang Parit yang lain.[3] Pelantikan beliau sebagai penghulu oleh Sultan Abu Bakar pada akhir abad ke-19 membolehkannya untuk merancang pembangunan masyarakatnya. Namun wawasannya hanya dapat diteruskan oleh anak-anaknya. Anak sulungnya iaitu Haji Hassan telah dilantik menjadi penghulu kedua. Beliau bersama-sama adiknya Haji Jaafar telah mulai memikirkan tentang pembangunan masyarakat yang harus dicapai melalui pendidikan.

Kegigihan keluarga Haji Taib untuk membantu dan membangunkan masyarakatnya telah berjaya dilaksanakan mula tahun 1920 dengan mendirikan sebuah madrasah yang dibangunkan secara gotong royong. Madrasah ini dinamakan al-Khairiyah.[4] Tidak lama kemudian Haji Jaafar dengan menggunakan modal sendiri telah mendirikan sebuah bangunan sekolah Inggeris berhampiran dengan madrasah al-Khairiyah. Pendidikan di madrasah atau sekolah tersebut bukan sahaja menitik-beratkan pengajaran bahasa seperti Arab, Inggeris dan Melayu, tetapi juga mata pelajaran yang lain seperti yang diajar di sekolah yang didirikan oleh kerajaan. Kebanyakan guru yang mengajar adalah dari kalangan anak-anak tempatan yang pernah mendapat didikan Arab atau Inggeris. Umumnya guru-guru ini adalah dari kalangan pesara-pesara dari sekolah kerajaan atau jabatan-jabatan kerajaan.[5]

Pada tahun 1921, kedua-dua beradik tersebut, Haji Hassan dan Haji Jaafar telah sepakat untuk merobohkan kedua-dua bangunan sekolah itu dan mendirikan sebuah bangunan yang lebih besar yang dinamakan Madrasah al-Haji Taib. Keputusan ini diambil memandangkan pendapatan hasil labur mereka bertambah lumayan.[6] Orang-orang kampung pula turut membantu bukan sahaja dari segi moral tetapi juga sedikit material. Masyarakat Jawa Parit Jamil khususnya benar-benar berpandukan hidup mereka kepada konsep ikhtiar demi pembangunan minda dan jiwa bangsa. Adanya keperluan asas untuk menuntut ilmu ini telah menyebabkan kawasan perkampungan bertambah luas dan penduduk semakin ramai dengan adanya kedatangan perantau dan peneroka baru dari Selangor, Melaka, Siak (Sumatera) dan Jawa.

Untuk menarik minat lebih ramai pelajar-pelajar dan sokongan masyarakat Melayu dari luar daerah Muar, Haji Hassan dan Haji Jaafar telah mengundang beberapa tenaga pengajar dari luar seperti Mesir, Sudan dan Aceh. Menjelang pertengahan

tahun 20-an hingga akhir 20-an, Madrasah Haji Taib telah menerima perkhidmatan Sheikh Tahir Jalaludin,[7] seorang tokoh kaum muda yang aktif dan popular. Mulai pertengahan tahun 1935, seorang lagi tokoh nasionalis yang berkhidmat di sekolah ini ialah Ishak Haji Muhammad[8] sebagai guru bahasa Inggeris. Kegemilangan Sekolah Haji Taib telah sampai di kemuncaknya pada tahun 30-an apabila penerimaan pelajar wanita semakin bertambah. Pada waktu tersebut Sekolah Haji Taib mula diserahkan kepada kerajaan kerana kewangan dalam tahun 1936, jumlah murid yang belajar di sekolah tersebut kira-kira 100 orang.

Kegiatan Persuratan dan Percetakan

Peranan keluarga Haji Taib tidak hanya terhenti setakat mengasaskan petempatan dan sekolah. Tetapi yang lebih penting ialah bagaimana caranya untuk menyumbangkan dan memajukan minda masyarakat. Mereka didapati sangat tertarik dengan polemik permasalahan masyarakat, kesedaran tentang kemunduran Melayu dalam bidang ekonomi dan pendidikan yang dirasakan sangat menyedihkan. Orang Melayu perlu terus dibangunkan. Anak-anak muda perlu diberi kesedaran tentang ancaman dari masyarakat imigran yang kedudukannya semakin kukuh dalam bidang ekonomi dan mulai meminta peranan dalam pentadbiran dan politik. Untuk memenuhi keperluan inilah, maka Haji Hassan telah menjalankan beberapa aktiviti sosial dan ekonomi yang berkesan. Antaranya ialah 1. Menubuhkan persatuan yang dikenali sebagai Persekutuan Suluh Pelajaran Muar; 2. Menubuhkan syarikat percetakan yang bernama Jamiliah Press; dan 3. Menerbitkan majalah iaitu *Penyuluh* dan *Masa*.

Persekutuan Suluh Pelajaran Muar telah ditubuhkan dan dianggotai kebanyakannya dari kalangan guru-guru Madrasah Haji Taib. Antara ahli jawatankuasa utamanya ialah Haji Jaafar sebagai Yang Dipertua; Bahanan bin Yusof sebagai Ketua Pelajaran dan Zainal Abidin bin Haji Alias sebagai Setiausaha Kehormat.[9] Tujuan utama Persekutuan ini dibentuk tidak dapat dipastikan namun berasaskan kepada antara isi kandungan majalah pertama yang dikeluarkan iaitu *Penyuluh* adalah untuk memberi pengajaran moral dan budi pekerti yang baik, taat kepada ibu bapa, menghormati guru dan cintakan tanah air.[10] Persekutuan Penyuluh Pelajaran Muar telah memberhentikan penerbitan *Penyuluh* dan menggantikannya dengan majalah *Masa* yang mula dipasarkan pada tahun 1924. Pada tahun 1927 pengendalian majalah *Masa* telah diserahkan pula kepada Jamiliah Press.[11]

Kemunculan Jamiliah Press sebagai pencetak, penerbit, penjual dan pengedar majalah dan buku merupakan satu usaha yang sangat dibanggakan. Kegigihan Haji Jaafar membuka syarikat percetakan Jamiliah pada tahun 1923 dan dirasmikan pada 20 November 1924 adalah bermatlamat bukan sahaja untuk memperlengkapkan keperluan bahan bacaan di madrasahnya, dan untuk menyumbangkan idea-idea islah melalui dunia percetakan dan persuratan, tetapi yang lebih penting adalah untuk membuktikan bahawa dengan azam yang gigih orang Melayu juga boleh maju seperti yang dicapai oleh bangsa lain. Panduan hidupnya adalah berpegang kepada peribahasa 'di mana ada kemahuan di situ ada jalan'. Menurut laporan majalah *Masa* alat kelengkapan mesin percetakan dibeli dari Syarikat Percetakan Al-Khairiyah, Jalan Sulaiman, Muar.[12]

Antara kegiatan utama syarikat Jamiliah Press selain mencetak dan mengedar majalah *Penyuluh* dan *Masa*, ia juga turut menjual dan mengedar bahan bacaan kepada orang-orang kampung, pelajar-pelajar dan penduduk di kawasan lain di sekitar Johor dan di negeri-negeri lain. Majalah *Masa* antaranya turut mengiklankan buku yang dipasarkan oleh Jamiliah Press. Urusan penjualan buku dan majalah diuruskan oleh ejennya yang dilantik iaitu Zainal Abidin bin Haji Alias (Zabha). Antara buku yang dijual adalah seperti berikut :

Abu Mahsyar Al-Falaki (Bintang 12)	*RM1.00*
Perangkaan Tahi Lalat	*RM1.00*
Bab al-Jimak	*RM0.85*
Nasihat Orang Yang Hendak Berahli	*RM0.50*
Gubahan Fikir	*RM0.30*
Enam Jariah Yang Amat Bijak	*RM0.30*
Hisab (Pemimpin Guru)	*RM1.00*
Natijah 1343 Yang Amat Berguna	*RM0.50*
Bahtera Papan Bergambar	*RM0.75*
Pertuturan Melayu (Nahu)	*RM0.75*
Surat-Surat Jemputan (100 helai)	*RM0.60*
Buku Hutang I.O.U	*RM0.80*
Rashid Menerima Wang 1 Buku	*RM1.00*
Kamus 'Al-Muhamadiah'	*RM1.80*
Natijah Haribulan Islam dan Orang Putih	*RM0.45*
Pemimpin Kanak-Kanak	*RM0.45*

(*Masa*, Bil. 14, 1924)

Jamiliah Press juga turut memberi perhatian kepada penerbitan buku-buku agama (Fiqh dan Tauhid) dan juga novel. Salah sebuah novel karya Ishak Haji Muhammad yang terkenal

iaitu *Putera Gunung Tahan* yang tajuk asalnya *Hilang di Mata* adalah terbitan Jamiliah Press pada tahun 1937. Novel ini mulai dipasarkan pada tahun 1938 dengan bayaran royalti sebanyak RM7.00. Namun kepada Pak Sako yang lebih penting ialah mesej yang hendak disampaikan kepada pembaca telah berjaya diterima.[13]

Pada tahun 1936 kedudukan Jamiliah Press mula goyah kerana adanya faktor persaingan dengan syarikat penerbitan lain, khususnya Muhamadiyah Press. Pada tahun 1937, Jamiliah Press telah berpindah dari Kampung Pari Jamil ke alamat baru, iaitu No. 14, Jalan Sulaiman Muar untuk meneruskan kegiatannya sehingga Perang Dunia Kedua.

Syarikat Muhamadiyah Press telah ditubuhkan oleh bekas pekerja Jamiliah Press, iaitu Kassim Haji Salleh. Untuk menyaingi Jamiliah Press, Muhamadiyah Press juga telah menerbitkan majalahnya sendiri iaitu *Ketok-Ketok*[14] yang diterbitkan pertama kalinya pada bulan Ogos 1930. Penerbit majalah ini ialah Ismail Jaafar dan pengarang-pengarangnya ialah Hashim al-Ruji dan Mohd. Alias. Tema utama majalah ini ialah politik dan sastera. Mulai tahun 1950, Muhamadiyah Press telah berpindah ke pekan Parit Jawa dan masih terus beroperasi sehingga sekarang.

Majalah *Masa*

Masa adalah majalah kedua yang diusahakan oleh Persekutuan Suluh Pelajaran Muar dan merupakan terbitan utama Jamiliah Press. Ia diterbitkan sebulan sekali dan mengandungi 24 halaman yang berukuran 18 cm x 15 cm dan dicetak dalam huruf Jawi. Jumlah naskhah jualan adalah antara 300 hingga 500 naskhah dengan harga 20 sen senaskhah. Majalah ini mulai mendapat perhatian dari kalangan pembaca dan penulis-penulis luar Johor kerana adanya penglibatan tokoh kaum muda yang terkenal iaitu Syeikh Tahir Jalaludin al-Falaki dan juga sumbangan Pak Sako yang kebetulan merupakan salah seorang dari tenaga pengajar di Madrasah Haji Taib.

Kebijaksanaan Haji Hassan dan Haji Jaafar menggunakan tenaga pengajar dari keluarga tokoh-tokoh nasionalis dan islah yang kontroversil sebenarnya telah menaikkan lagi imej Madrasah Haji Taib. Sementelahan pula dengan adanya usaha dari kalangan Persekutuan Suluh Pelajaran Muar yang digiatkan oleh guru-guru Sekolah Haji Taib.

Antara penulis-penulis yang terdiri daripada guru sekolah Haji Taib ialah Zainal Abidin bin Hj. Alias (Januari 1924-1934);

Bahanan bin Yusof (Januari 1924-Disember 1926); Mohd Noh Al-Azhari (Januari 1927-1934); Raja Mohd Yunos bin Ahmad (1934); Ishak Haji Muhammad atau Baharudin Kasbi atau Pak Sako (1935) dan Haji Jaafar bin Haji Mohd. Taib (Januari 1924-Disember 1926).[16] Penulis Johor dari daerah lain adalah seperti 'Sabak' (nama samaran) (Batu Pahat), Nuruldin Mohd. Noh (Kukup) dan Seorang Pembaca (Johor). Dari negeri Melayu lain ialah penulis-penulis seperti Mohd Al-Hisab bin Abdullah (Kuala Kubu, Selangor); Abd. Majid Ahmad (Air Merah, Kulim, Kedah) dan Haji Mohd Said (Yan, Kedah), Ahmad Muhamad Ghazali dan Hamzah Haji Taib (Kelantan); 'P.B.M.H.' (Perak) dan Muhd. Zahir (Kertih, Terengganu).

Pada umumnya tema rencana yang dipaparkan dalam majalah *Masa* merangkumi soal-soal ekonomi, sosial, kesedaran, kemunduran dan budaya. Rencana yang dihidangkan umumnya untuk semua lapisan masyarakat, khasnya anak-anak muda yang memang perlukan bahan bacaan yang berguna bukan sahaja untuk menyedarkan diri tetapi juga untuk memotivasikan diri dan anggota masyarakatnya. Terdapat juga rencana yang ditujukan untuk orang berpendidikan tinggi dan golongan berharta.

Jamiliah Press telah melantik beberapa wakil penjual dan pengedar majalah *Masa* di seluruh negeri di Semenanjung. Antaranya ialah Mohd. Lazim bin Bohir dan Haji Ali (Batu Pahat); Haji Mohd. Said (Yan, Kedah). Hj. Mohd Said bin Haji Arshad (Kuala Lumpur) dan Al-Maktab Al-Zaimiah (Pulau Pinang).

Dari bilangan satu hingga tiga belas, urusan pengedaran dan penerbitan *Masa* telah dikelolakan oleh Persekutuan Suluh Pelajaran Muar. Selepas bilangan 13, semua urusan pengelolaannya telah diserahkan kepada Jamiliah Press. Perubahan ini kemungkinannya disebabkan masalah kekurangan tenaga yang sanggup untuk mengendalikannya. Pada tahun 1927 ukuran majalah *Masa* telah diperbesarkan kepada 26cm x 18cm dan harganya dinaikkan dari 20 kepada 30 sen. Antara tahun 1928 hingga 1934 penerbitan *Masa* telah terhenti tetapi tidak dapat dikesan sebab-sebabnya. Kemungkinannya kerana adanya persaingan dari majalah *Ketok-Ketok* terbitan Muhamadiyah Press. Pada tahun 1941, *Masa* pernah diterbitkan semula tetapi apabila meletusnya Perang Dunia Kedua, penerbitannya terus terhenti.

Antara Peranan, Sumbangan dan Harapan

Catatan yang agak ringkas tentang peranan dan sumbangan keluarga Haji Taib terhadap masyarakat Kampung Parit Jamil khususnya dan orang Melayu amnya ini merupakan antara beberapa episod sejarah tanah air yang tidak banyak diketahui khalayak. Saya percaya di tempat-tempat lain di Johor ada banyak lagi kisah benar yang masih tersembunyi di sebalik almari, dinding atau laci usang yang perlu di buka, diteliti dan diselongkar demi untuk membuktikan peranan orang tempatan dalam pembangunan. Setiap petempatan tentu ada penduduknya dan setiap penduduk tentu ada kegiatan dan segala kegiatan tentunya tidak statis. Oleh sebab itu semua ini mesti diseminarkan dan ditulis untuk dimanfaatkan kepada generasi akan datang. Keluarga seperti Haji Taib memang sentiasa berwawasan tinggi. Malah semangat dan kegigihan Haji Taib apabila mula merantau dari Jawa tentunya membawa satu misi yang bukan hanya untuk memperbaiki diri, tetapi juga untuk membina keluarga, masyarakat dan bangsa. Sesungguhnya tradisi merantau dalam masyarakat Melayu memang penuh dengan harapan yang tinggi kerana ini memang bersifat positif dan dinamik. Ini ternyata melalui bukti-bukti sejarah seperti yang ada di Kampung Parit Jamil, Parit Jawa dan banyak lagi parit-parit yang lain di seluruh negeri Johor.

Nota Hujung

1. Kesedaran tentang betapa pentingnya penulisan sejarah tempatan telah dimulakan pada tahun-tahun 60-an. Sejak dekad itu, kajian ilmiah di institusi pengajian tinggi mulai menukar perhatian terhadap peranan masyarakat tempatan dalam sejarah tanah air. Sekarang semua jabatan sejarah di universiti tempatan memang terus menempatkan perspektif kajian dan penulisan sejarah Malaysia berasaskan kepada semangat sejarah Malaysia yang tulen.
2. Mahathir bin Mohamed. 1970. *The Malay Dilemma.* Singapore: Donald Moore. Hal. 131.
3. Antaranya ialah Parit Nipah, Parit Tengah, Parit Kangkong, Parit Tunggal dan Parit Penyengat.
4. *Catatan Sejarah Sekolah Kebangsaan Parit Jamil,* Muar. (tanpa tarikh).
5. Antara guru yang menyumbangkan tenaga pada peringkat awal pembukaan sekolah ini ialah Abd. Ghani bin Haji Abd. Rahman; Haji Marzuki bin Osman; Haji Jalal bin Johar; Ismail bin Abdul Hamid dan Bahanan bin Yusof. Mereka merupakan guru-guru yang mengajar bahasa Arab dan Inggeris.
6. Kedua-dua beradik ini adalah mewarisi kebun kelapa, getah dan pinang yang berjumlah kira-kira lebih 500 ekar dan pendapatan bulanan masing-masing antara $500.00-$1,000.00. Mereka juga memiliki *kuli tebusan* yang menguruskan kerja-kerja di kebunnya. (lihat, Ruangan Pak Sako, *Mingguan Malaysia,* 13 Jun 1976).
7. Mohd. Sarim bin Haji Mustajab. 1977. "Syeikh Muhamad Tahir Jalaludin al-Falaki: Pelopor Gerakan Islah Islamiyah di Tanah Melayu", *Malaysia in History,* Vol. 20, No. 2.
8. Abdul Latif bin Abu Bakar. 1977. *Ishak Haji Muhamad.* Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
9. Majalah *Masa,* Bil. 7, 1924, hal. 1.
10. Abdul Shukor bin Ismail. 1984. *Sejarah Ringkas Muar.* Muar: Toko Buku Manaf. Hal. 257.
11. Majalah *Masa,* Bil. 1, 1927.
12. *Ibid,* Bil. 7, 1924. Hal. 1.
13. Abdul Latif Abu Bakar. 1977. *Ishak Haji Muhamad.* Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
14. A.M. Iskandar bin Haji Ahmad. 1980. *Persuratkhabaran Melayu, 1876-1968.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hal. 19.
15. *Ibid.*

DATO' HAJI MUHAMMAD SAID DAN PAKATAN MELAYU PERSURATAN BUKU DIRAJA JOHOR: SATU PENGENALAN RINGKAS

PROF DR NIK SAFIAH HAJI A KARIM

Dato' Haji Muhd. Said bin Haji Sulaiman dilahirkan di Teluk Belanga, Singapura pada tahun 1876. Ayahnya bernama Haji Sulaiman dan ibunya Hajah Selamah binti Andak. Beliau mendapat pendidikan awal waktu berumur kira-kira lima tahun, di Sekolah Melayu Teluk Belanga dan mengikuti kelas al-Quran daripada seorang guru yang bernama Mohd. Salleh yang berkerja di Pejabat Bendahari negeri Johor. Mengikuti riwayat hidup yang ditulis oleh beliau sendiri. Beliau mula belajar bahasa Inggeris pada waktu Darjah Tiga sekolah Melayu, iaitu pada waktu petang, di cawangan sekolah Inggeris di Kampung Baru. Pendidikan dalam bahasa Inggeris ini diteruskan setelah beliau tamat Darjah Empat sekolah Melayu, iaitu di sekolah Inggeris Raffles (Raffles School).

Sewaktu dalam Darjah Empat pendidikan beliau tergendala seketika kerana beliau dibawa oleh keluarganya ke Mekah. Tidak lama selepas kembali dari Mekah, Dato' Haji Muhd. Said meneruskan semula pendidikannya, mula-mula belajar bahasa Inggeris secara tidak formal di sebelah petang daripada Ismail bin Bacuk, saudara abang ipar beliau yang bertugas sebagai Pegawai Kanan di Pejabat Kereta Api Muar, kemudian secara formal di sekolah Anglo-Chinese di Singapura. Dua tahun kemudian beliau terpaksa menamatkan persekolahan ini, pada tahap Darjah Tujuh, oleh sebab soal kewangan. Selama ini beliau serta anak-anak Johor lainnya menerima bantuan tambang daripada Kerajaan Johor untuk berulang-alik ke Singapura; bantuan ini telah ditarik balik oleh Kerajaan Johor, dan sebab keluarga beliau tidak sanggup membiayai perbelanjaannya dan tidak pula membenarkan beliau tinggal di Singapura, maka tamatlah persekolahan Dato' Haji Muhd. Said, iaitu pada umur 16 tahun.

Sepanjang persekolahannya itu Dato' Haji Muhd. Said telah menerima berbagai-bagai hadiah dan memperlihatkan prestasi yang amat tinggi, baik di sekolah Melayu, mahupun sekolah-sekolah Inggeris. Demikian juga, beliau tidak mengabaikan pengtahuan agama yang didalaminya dari sejak peringkat sekolah Melayu, sewaktu naik haji ke Mekah, dan sekembali dari Mekah. Boleh disimpulkan bahawa Dato' Haji Muhd. Said menerima pendidikan yang seimbang antara ilmu keagamaan dengan ilmu duniawi, dan ilmu duniawi, antara aliran Melayu dengan aliran Inggeris.

Dato' Haji Muhd. Said mula bekerja tiga bulan selepas menamatkan persekolahannya, iaitu sebagai kerani di sebuah badan swasta bernama *British and Foreign Bible Society*. Pejabat ini bertempat di Singapura, dan tugas Dato' Haji Muhd. Said adalah untuk menulis rencana dan menyimpan buku-buku yang dicetak dalam bahasa Inggeris. Pengalaman inilah merupakan bibit-bibit pertama yang menyemaikan minat beliau untuk menceburkan diri dalam dunia penulisan, apatah lagi apabila beliau sering dihadiahi buku oleh majikannya pada musim-musim perayaan tertentu seperti Krismas dan sebagainya. Jawatan ini dipegang oleh beliau selama hampir empat tahun, dari 1894 hingga 1898.

Dalam tahun 1898 beliau bertukar kerja, iaitu masuk ke dalam perkhidmatan Kerajaan Johor, mula-mula sebagai juruwang di Pejabat Perbendaharaan. Pejabat ini bertempat di Istana Besar. Melalui jawatan ini Dato' Haji Muhd. Said mula berkenalan dengan pembesar-pembesar Kerajaan Johor dan oleh sebab pejabat beliau sebilik dengan D.Y.M.M. Sultan, beliau juga sering di bawah perhatian baginda. Antara pegawai utama Kerajaan Johor ialah mereka yang ada hubungan kekeluargaan dengan Dato' Haji Muhd. Said, misalnya, Encik Daud, saudaranya, seorang pegawai yang berpangkat kapten dalam Angkatan Tentera Johor dan Dato' Ab. Rahman bin Andak (Dato' Seri Amar Diraja), Setiausaha Kerajaan, bapa saudaranya.

Selain tugas-tugas juruwang, Dato' Haji Muhd. Said juga telah ditugaskan menjadi pembantu dan penyelidik kepada pegawai-pegawai lain di pejabatnya. Beliau juga memang mempunyai minat dalam segala hal yang berlaku berkaitan dengan perjalanan kerajaan di samping dalam hal-hal yang berkaitan dengan bidang persuratan Melayu. Dalam hal ini, beliau menggunakan peluang untuk bergaul dan bertukar fikiran dengan tokoh-tokoh persuratan Melayu Johor seperti Dato' Muhammad Ibrahim Munsyi dan Dato' Abdullah bin Abd. Rahman.

Setelah berkhidmat hampir empat tahun di Pejabat Perbendaharaan, Dato' Haji Muhd. Said ditukarkan ke Pejabat Besar Pos pada tahun 1902, memegang jawatan Penolong Ketua Pejabat Pos. Tidak lama kemudian beliau dinaikkan pangkat menjadi Ketua Besar Pos sehingga 1910. Pada tahun tersebut beliau telah dilantik oleh D.Y.M.M. Sultan Ibrahim sebagai Setiausaha Sulit baginda, jawatan yang dipegangnya selama 40 tahun (1910-1952), satu rekod yang paling lama. Walaupun beliau bersara pada 18 Mei 1952 (Monshi bin Abdullah, 1983) beliau telah diminta menyambung semula jawatan itu oleh baginda. Pada umur 77 tahun Dato' Haji Muhd. Said menerima cabaran ini dan terus berkhidmat sehingga menghembuskan nafas terakhir pada 27 Oktober 1955, waktu berusia 79 tahun.

Satu amalan kakitangan Kerajaan Johor ialah penglibatan dalam Angkatan Tentera Johor (Johore Military Force) yang ditubuhkan pada tahun 1885 (Yahaya Ahmad, 1975/76). Dato' Haji Muhd. Said turut bergerak cergas, dan ketika menjawat jawatan Setiausaha Sulit Sultan telahpun berpangkat Leftenan. Beliau turut memberi sumbangan terhadap kemajuan J.M.F., antaranya merekabentuk panji-panji dan untuk seketika menjadi Bendahari J.M.F. Oleh sebab sumbangan-sumbangan itu beliau telah dikurniakan pangkat 'Major', satu penghargaan yang tinggi.

Di sebalik kesibukan tugas-tugas hariannya, Major Dato' Haji Muhd. Said telah mengembangkan kegiatannya dalam bidang persuratan Melayu. Beliau mula mengasahkan bakatnya semasa bertugas di Pejabat Besar Pos, iaitu melalui dua buah karya bercorak sejarah, *Hikayat Queen Victoria* dan *Hikayat Johor dan Tawarikh Almarhum Sultan Abu Bakar* (Monshi Abdullah, 1983). Bakat ini diluaskan untuk karya-karya lain sama ada dalam bentuk makalah-makalah untuk jurnal *Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, majalah terbitan beliau sendiri (Majalah *Pelangi* yang hidup hanya satu tahun, iaitu 1926), menerusi usaha-usaha penerbitan *Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku Diraja Johor* atau menerusi saluran-saluran beliau secara individu.

Dalam bidang persuratan Melayu Dato' Haji Muhd. Said dikenangi kerana dua perkara:

i. Sumbangan beliau sebagai penunjang Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku Diraja Johor; dan
ii. Ketokohan beliau dalam bidang persuratan Melayu.

Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku Diraja Johor (dari sekarang *Pakatan*) pertama kali ditubuhkan dengan nama

sekarang *Pakatan*) pertama kali ditubuhkan dengan nama "Pakatan Belajar Mengajar Pengetahuan Bahasa Melayu" pada tahun 1888 atas usaha Dato' Abdul Rahman Andak. Badan ini mengalami kesukaran dan terpaksa dihidupkan kembali sebanyak dua kali (Abdul Hamid Hassan, 1969 dan Nik Safiah Karim, 1984). Kali kedua penubuhan kembali dilakukan oleh Dato' Haji Muhd. Said pada tahun 1934 dengan nama baharu dan dianugerahkan status 'Diraja' oleh D.Y.M.M. Sultan Johor pada tahun 1935. Jawatan yang dipegang oleh Dato' Haji Muhd. Said adalah sebagai Naib Yang Dipertua, bersama-sama dengan Dato' Awang bin Omar, dengan Dato' Abdullah bin Abdul Rahman sebagai Yang Dipertua, sehingga tercetus Perang Dunia Kedua.

Antara matlamat *Pakatan* adalah untuk (Fauzi Basri dan Hasrom Haron, 1978):

1. memelihara, melengkap dan memodenkan bahasa Melayu dan tulisan Jawi;
2. menyeragamkan ejaan dan perkataan;
3. mencipta perkataan baharu;
4. mengembangkan ilmu pengetahuan melalui ceramah-ceramah dan penyelidikan;
5. mengeluarkan jurnal enam bulan sekali;
6. mengadakan perpustakaan.

Sumbangan Dato' Haji Muhd. Said terhadap *Pakatan* amatlah besar. Beliaulah yang bertanggungjawab bagi melicinkan perjalanan badan yang baru dihidupkan kembali itu. Dan beliaulah juga yang bertanggungjawab menyusun beberapa rancangan dan penerbitan agar maklumat mengenai bahasa dan sastera tersebar, dan *Pakatan* hidup dan subur dengan kegiatan-kegiatan persuratan. Antara langkah yang telah disusun oleh beliau ialah penghasilan buku-buku dan kegiatan-kegiatan yang berkaitan dengan bidang-bidang yang berikut (Monsyi bin Abdullah, 1983):

1. sejarah
2. catatan perjalanan ke luar negeri
3. buku-buku pengetahuan umum
4. kamus
5. peristilahan
6. kerjasama dengan badan-badan persuratan lain, misalnya Persatuan Sahabat Pena Melayu (P.S.P.M.)
7. ceramah dan syarahan

Boleh dikatakan bahawa kejayaan *Pakatan* adalah oleh sebab usaha dan sumbangan Dato' Haji Muhd. Said yang, sehingga tercetus Perang Dunia Kedua, telah memberi nafas yang segar kepada badan itu. Ini terbukti terutamanya apabila dilihat senarai penerbitan oleh beliau sewaktu berkecimpung dalam *Pakatan*.

Kegiatan menghasilkan buku oleh *Pakatan* bermula pada tahun-tahun tiga puluhan hasil usaha Dato' Haji Muhd. Said serta beberapa orang ahli jawatankuasa yang lain. Tujuan utama penerbitan buku adalah untuk meyebarkan maklumat mengenai berbagai-bagai aspek bahasa dan persuratan Melayu, serta mengisi kekosongan yang benar-benar dirasai dari segi bahan-bahan bacaan. Buku-buku yang dihasilkan oleh *Pakatan* merupakan buku-buku dalam siri Peredar (jurnal) serta beberapa buah buku lain. Dari segi penjenisannya, buku-buku yang dihasilkan dapat digolongkan kepada dua jenis: (i) buku-buku mengenai bahasa, dan (ii) buku-buku mengenai hal-hal lain (umumnya pengetahuan am).

Sebanyak 18 buah buku bahasa telah diterbitkan, meliputi tahun-tahun 1936-47. Senarai lengkap adalah seperti yang terdapat di bawah:

	Nama	Tarikh diterbitkan
1.	*Buku Katan*	1936
2	*Jalan Bahasa Melayu*	1937
3.	*Panduan Hejaan*	1937
4.	*Guguskatan Sanskrit-Melayu*	1938
5.	*Guguskatan Jawa-Melayu*	1939
6.	*Guguskatan Inggeris-Melayu*	1939
7.	*Penokok dan Penambah dalam Bahasa Melayu*	1939
8.	*Guguskatan Arab-Melayu*	1939
9.	*Perkataan Berangkap*	1939
10.	*Guguskatan Parsi, Portugis, Belanda, Tamil dan Loghat Kedah*	1940
11.	*Tanda-tanda bagi Perhentian*	1940
12.	*Perihal Rangkapan Gurindam dan seumpamanya*	1940
13.	*Perian Bahasa*	1940
14.	*Perihal Menulis Surat Kiriman*	1940
15.	*Buku Ketetapan Hejaan Melayu*	1941
16.	*Semangat Nippon yang Sebenarnya*	1942

17. *ringkasan Tawarikh Jepun* 1943
18. *Manual of Malay Language and Grammar* 1947

Berdasarkan senarai buku di atas serta buku-buku lain yang telah dihasilkan, kelihatan bahawa kegiatan penerbitan Pakatan amat luas, iaitu meliputi bidang-bidang:

1. Perkamusan
2. Tatabahasa dan penggunaan bahasa
3. Ejaan
4. Penyediaan daftar kata (guguskatan)
5. Pengetahuan am
6. Lawatan-lawatan ke luar negeri
7. Adat istiadat Melayu
6. Sejarah

Kesemuanya ini dicapai melalui usaha segolongan ahli yang kecil yang diketuai oleh Dato' Haji Muhd. Said. Bahkan boleh dikatakan bahawa Dato' Haji Muhd. Said merupakan satu-satunya tokoh yang menjadi asas bagi kegiatan dan kejayaan *Pakatan* (Abdul Hamid Hassan, 1969). Seperti kata Monshi bin Abdullah (1983): "Zaman ... Major Dato' Muhd. Said bergiat dalam *Pakatan* merupakan tahap kemuncak kejayaan beliau berpersatuan dan berkarya. Dari itu segala usaha dan kegiatan adalah menjadi sumber menaikkan imej Pakatan itu sendiri".

Ketokohan Dato' Haji Muhd. Said dalam bidang persuratan Melayu eloklah ditinjau dari segi karya yang dihasilkannya dan sumbangannya terhadap persuratan Melayu, khususnya bagi daerah Johor-Riau.

Dato' Haji Muhd. Said hidup sezaman dengan beberapa orang tokoh lain yang terkenal, iaitu Za'ba, Syed Sheikh Al-Hadi, Ahmad Rashid Talu, dan Abd. Rahim Kajai. Dari segi kegiatannya, Dato' Haji Muhd. Said berkecimpung dalam kegiatan-kegiatan yang hampir sama dengan tokoh-tokoh ini dan sumbangannya terhadap persuratan Melayu, khususnya bagi daerah Johor-Riau adalah besar.

Keseluruhan karya Dato' Haji Muhd. Said, sama ada yang dikerjakan untuk *Pakatan* atau secara bersendirian, dapat dijeniskan kepada lima bidang seperti yang berikut:

1. Bahasa
2. Sastera
3. Sejarah
4. Keagamaan
5. Lain-lain yang bersifat umum

Ini memperlihatkan betapa *versatile* Dato' Haji Muhd. Said yang menjangkau berbagai-bagai aspek bidang persuratan Melayu. Dipandang dari kaca mata zaman sekarang ada di antara karya-karya Dato' Haji Muhd. Said yang mengandungi kelemahan-kelemahan tertentu, sama ada dari segi isi atau olahan, tetapi dinilai dari segi zaman dan jumlah karya yang dihasilkan dan dibandingkan dengan tokoh-tokoh lain yang sezaman dengannya, Dato' Haji Muhd. Said muncul sebagai seorang tokoh yang luar biasa.

Untuk memberi gambaran betapa prolifiknya Dato' Haji Muhd. Said sebagai seorang pengarang, di bawah ini disenaraikan karya-karya beliau, sebanyak mana yang diketahui (dipetik daripada Monshi bin Abdullah, 1983):

I. Karya-karya Bahasa
   1. *Buku Katan* (1936)
   2. *Jalan Bahasa Melayu* (1937)
   3. *Buku Ketatapan Hejaan Melayu* (1941)
   4. *Manual of Malay Language* (1947)
   5. Karya-karya yang ditulis melalui siri *Peredar*

Peredar 2 - *Panduan bagi Hejaan* (1937)
Peredar 11 - *Guguskatan Jawa: Melayu, Inggeris: Melayu, Sanskrit: Melayu dan Hindustan: Melayu (1939)*
Peredar 12 - *Penokok dan Penambah* (1939)
Peredar 13 - *Guguskatan Arab-Melayu* (1939)
Peredar 17 - *Perkataan Berangkap* (1939)
Peredar 18 - *Guguskatan Parsi, Portugis, Belanda, Tamil dan Loghat Kedah*
Peredar 19 - *Tanda-tanda bagi perhentian* (1940)
Peredar 20 - *Perihal Rangkapan, Gurindam dan seumpamanya* (1940)
Peredar 21 - *Perianbahasa* (1940)
Peredar 22 - *Perihal Menulis Surat Kiriman* (1940)

II. Karya-karya Sastera

1. *Berzanji Natar dan Tahribnya* (1939)
2. *Nazam Abda'u Bahasa Melayu* (1935)
3. *Syair Alam dan Bangsa Melayu* (1935)
4. *Syair Keadaan Tuhan dan Manusia dan Akhirat juga (1936)*
5. *Syair Panduan Perkahwinan* (1936)

6. *Timbalan Berzanji Natar* (1937)
7. *Syair Melayu* (1920)
8. *Syair Riwayat Yang Amat Mulia Tengku Ampuan Besar Pahang* (1953)
9. *Rangkai Sya'ir Ruba'iyat Umar Khayyam* (1946)
10. *Begitu Dia* (cerpen) (1939)

III. Karya-karya Sejarah

1. *Hikayat Queen Victoria* (1904/5)
2. *Hikayat Johor dan Tawarikh Almarhum Sultan Abu Bakar (1908)*
3. *Tawarikh England* (1945)
4. *Hikayat Johor dan Tawarikh Almarhum Sultan Ibrahim* (1951)
5. *Riwayat Johore Military Force dari mula ditubuhkan* (1952)
6. *Hikayat Johor dan Pahang* (tiada tarikh)
7. *Ringkasan tawarikh Almarhum Haji Mohd. Taib bin Othman* (tiada tarikh)
8. *Majalah Tawarikh* Penggal 1-4 (tiada tarikh)
9. *Peredar* 4 - *Tawarikh dan Manusia* (1935)
   Peredar 9 - *Kisah Sejarah Melayu diringkaskan* (1939)
   Peredar 14 - *Kisah Semenanjung Melayu dan Negeri-negeri Berhampiran* (1939)
   Peredar 16 - *Perihal Tanah Jawa* (1939)
   Peredar 25 - *Buku Teriti (treaty) Johor dengan pertambahannya* (1940)

IV. Karya-karya Keagamaan

1. *Mohamedan calendar* - JMBRAS, Vol. 1, Pt. 2 (1923)
2. *Pohon Agama Islam*, 4 penggal (1946)
3. *Permaknaan Melayu al-Quran al-Karim*, 2 jilid, (1948)
4. *Penamaan bagi Nabi Muhammad s.a.w.* (1950)
5. *Syarahan Menyatukan Rukun Islam dan Sembahyang Waktu* (1951)
6. *Sopan Santun dalam Islam* (tiada tarikh)
7. *Perihal Kejadian Alam dan Nabi-nabi yang terbilang* (tiada tarikh)
8. *Syarat-syarat Kejadian Alam sekeliling dari awal hingga akhir hari kemudian* (tiada tarikh)
9. *Moslem Prayers and Fasting* (tiada tarikh)

V. Karya-karya lain

1. *Pemimpin bagi Mentadbir Belanja dan Menyimpan Wang* (1924)
2. *'Ceylon Malay'*, JMBRAS, Vol. 1, Pt. 2, (1926)
3. *Johor Zaman Baharu Persekutuan* (1956)
4. *Johor Bahru 100 Tahun* - 1855-1955
5. *Kisah Pelayaran Mohammad Ibrahim Munsyi - Karya suntingan* (1956)
6. *Riwayat Hidup Mejar Dato' Muhd. Said bin Haji Sulaiman, Johor* (1956)
7. *Langkah Waktu* (tiada tarikh)
8. *Datuk Bentara Luar Johor* (tiada tarikh)
9. *Big Game I have Shot* - Karya suntingan karangan Sultan Ibrahim Johor.
10. *Peredar* 1 - *P. Bm. P.B. diraja Bagi Tubuh Lembaga* (1938)
    Peredar 3 - *Perihal Pemergian ke Eropah Tengah* (1938)
    Peredar 5 - Perihal Adat Melayu (1938)
    Peredar 6 - *Negeri-Negeri dalam Tanah Melayu, Bahagian I* (1938)
    Peredar 7 - *Negeri-Negeri dalam Tanah Melayu, Bahagian II* (1938)
    Peredar 8 - *Negeri-Negeri dalam Tanah Melayu, Bahagian III* (1938)
    Peredar 9 - *Perihal London dan Bandar-Bandar Berhampiran* (1939)
    Peredar 15 - *Bangkok Kepala Negeri Siam* (1938)
    Peredar 23 - *Perihal Istiadat Binaan Pejabat-Pejabat Kerajaan Johor* (1940)
    Peredar 24 - *Perihal Pakatan P. Bm. P.B. dari mula ditubuhkan hingga September 1940* (1940)
    Peredar 31 - *Semangat Nipon yang sebenarnya* (tiada tarikh)

Sebagai kesimpulan, dapat dikatakan bahawa Dato' Haji Muhd. Said ialah seorang tokoh yang telah membuat banyak jasa terhadap bidang persuratan Melayu amnya, dan persuratan Melayu Johor khasnya. Beliau bukan sahaja dikenang dari segi sumbangannya terhadap kegiatan-kegiatan *Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku Diraja Johor*, yang melalui usaha-usaha beliau telah hidup subur, tetapi juga sebagai seorang tokoh dalam

bidang persuratan Melayu yang telah menghasilkan jumlah karya yang mengagumkan. Karya-karya beliau meliputi berbagai-bagai bidang, dari bahasa dan sastera kepada sejarah, agama dan kisah-kisah perjalanan. Kepelbagaian hasil itu membuktikan bahawa Dato' Haji Muhd. said ialah seorang tokoh yang luar biasa, yang telah memperkaya khazanah persuratan Melayu dan memperlihatkan ketokohannya sebagai penulis, pemimpin dan pentadbir.

Negeri Johor tidak melupakan jasa-jasa beliau. Di samping pangkat Major yang diberikan oleh sebab sumbangan beliau terhadap *Johore Military Force*, beliau juga telah dianugerahi beberapa bintang kebesaran; antaranya Seri Mahkota Johor dan Seri Paduka Mahkota Johor serta 'Kerabat Diraja' (D.K.) yang merupakan penghormatan tinggi terhadap beliau oleh D.Y.M.M. Sultan Ibrahim.

Sebagai mengakhiri pembentangan saya ini, izinkanlah saya menutup dengan serangkap pantun:

Anak merpati disambar helang,
terbang ke titi di dalam huma;
Harimau mati tinggalkan belang,
Manusia mati meninggalkan nama.

Nota

1. Riwayat Hidup Major Dato Haji Muhd. Said bin Haji Sulaiman, Johor, Pulau Pinang, Nanyang Press (tiada tarikh).

Bibliografi

Abdul Hamid Hassan. 1956. *Peranan Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku Diraja Johor (1888-1958) dalam Perlembagaan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu.* Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Fawzi Basri (dan) Hasrom Haron. 1978. *Sejarah Johor Moden 1855-1940: Satu Perbincangan dari Pelbagai Aspek. Kuala Lumpur: Muzium Negara.*

Monshi Bin Abdullah. 1982/1983. *Major Dato' Haji Muhd. Said bin Haji Sulaiman: Tokoh Persuratan Johor.* Latihan Ilmiah, Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Md. Zin Idros. 1973. *Major Dato' Haji Muhd. Said bin Haji Sulaiman: Penulis Johor Di Pelbagai Bidang. Journal Persatuan Penulis Johor.*

Nik Safiah Haji Karim. 1984. *Sumbangan Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku Diraja Johore Terhadap Perkembangan Bahasa Melayu.* Rampaian Pengajian Melayu, Bil. 1, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Yahaya Ahmad. 1975/76. *Johore military force-keperluan dan perhiasan Johor,* 1895-1941. *Jernal Sejarah,* Jilid 12.

BELAJAR BAHASA MELAYU UNTUK MENGUNGKAPKAN ILMU: WARISAN KARYA RAJA ALI HAJI

PROF DR HASHIM MUSA

Hubungan antara kebolehan berbahasa dengan ilmu dan adab sopan yang mulia

Raja Ali Haji dengan jelas dan lantang sekali menyatakan bahawa terdapat kaitan yang erat antara kebolehan berbahasa dengan adab sopan yang mulia dan ilmu yang tinggi. Tegas beliau dalam kitab *Bustan al-katibin*:

> "...adab dan sopan itu daripada tutur kata juga asalnya kemudian barulah kepada kelakuan...bermula apabila berkehendak kepada menutur ilmu atau berkata-kata beradab dan sopan, tak dapat tiada mengetahuilah dahulu ilmu yang dua iaitu ilmu wa al-kalam (pengetahuan dan pengucapan (bahasa)). Adapun kelebihan ilmu wa al-kalam amat besar sehingganya mengata setengah hukama segala pekerjaan pedang boleh diperbuat dengan qalam (pena), adapun pekerjaan qalam tiada boleh diperbuat dengan pedang...ada beberapa ribu dan laksa pedang yang sedang terhunus, dengan segores qalam jadi tersarung, terkadang jadi tertangkap dan terikat dengan pedang sekali" (*Bustan al-Katibin*, hal. 3).

Tegas beliau lagi dalam *Gurindam Dua Belas*, fasal yang Kelima:

> Jika hendak mengenal orang berbangsa
>
> Lihat kepada budi dan bahasa.

Dengan berdasarkan falsafah dan pegangan demikian terhadap peranan dan kedudukan bahasa dalam proses melahirkan seorang manusia Melayu yang beradab sopan, berakal dan berbudi bahasa yang mulia dan berilmu yang tinggi, maka Raja Ali telah menghasilkan dua buah karya tentang bahasa Melayu yang merupakan karya-karya ulung tentang bahasa Melayu oleh orang Melayu sendiri. Karya yang pertama siap dihasilkannya ketika beliau berumur kira-kira 40 tahun (1850 M) ialah *Bustan al-Katibin li-Sibyan al-Muta'allimin* (Kitab Perkebunan Juru Tulis bagi Kanak-Kanak Yang Hendak Belajar) iaitu merupakan buku tatabahasa dan kaedah ejaan Melayu (Jawi) dan juga kaedah surat-menyurat. Karya yang kedua tentang bahasa Melayu siap dihasilkannya lapan tahun kemudian (1858 M) ialah *Kitab Pengetahuan Bahasa: Kamus Loghat Melayu Johor, Pahang, Riau, Lingga.*

Bagi Raja Ali Haji kefasihan berbahasa tanpa ilmu yang sahih, akal budi yang tinggi dan adab sopan yang mulia, menjadi sia-sia belaka, seperti kata beliau "...jikalau beberapa pun bangsa (keturunan) jika tiada ilmu dan akal dan adab, ke bawah juga jatuhnya..." (*Bustan al-Katibin*, hal. 2), dan bagi beliau bahasa itu adalah wahana untuk mencapai matlamat itu "...kerana adab dan sopan itu daripada tutur kata juga asalnya kemudian barulah kepada kelakuan..." (Ibid, hal. 3). Oleh yang demikian dalam Mukadimah *Bustan al-Katibin*, Raja Ali Haji menerangkan terlebih dahulu kelebihan ilmu dan akal untuk meletakkan perspektif dan tujuan yang sebenarnya dalam pembelajaran bahasa. Ilmu yang paling utama dan pertama yang harus dipelajari ialah ilmu agama Islam seperti tegas beliau dengan memetik hadis Rasulullah yang bermaksud, "Barangsiapa dikehendaki Allah Ta'ala kebajikan (kebaikan) diberi faham pada ilmu al-din yakni ilmu agama, kalam inilah yang terlebih dahulu dituntut." (Ibid, hal. 2). Oleh yang demikian sebelum beliau memulakan penghuraian tentang bahasa Melayu, terlebih dahulu dihuraikan dengan secara terperinci adab dan syarat menuntut ilmu iaitu yang merupakan asas-asas teknik dan psikologi pendidikan yang mampu melahirkan seorang Melayu yang bukan sahaja fasih bercakap tetapi juga boleh bercakap dengan berbudi bahasa dan beradab sopan yang mulia.

Syarat dan adab menuntut ilmu

Syarat menuntut ilmu bagi Raja Ali Haji ialah "antara nafsumu dengan dirimu sendiri", dan adab menuntut ilmu pula ialah "antara dirimu dengan gurumu, maka apabila tiada yang dua

perkara itu sia-sialah pekerjaanmu itu, mudah-mudahan barangkali engkau mendapat celaka di dalam dunia dan akhirat adanya". (Ibid, hal. 4)

Raja Ali Haji telah memperturunkan lima syarat atau tuntutan yang mesti dipenuhi oleh setiap murid dalam menuntut ilmu iaitu:

1. Al-himmat iaitu kemahuan, keinginan, kehendak yang kuat pada hati untuk mendapat ilmu;
2. Al-mudarasah iaitu kerja mengulang, menderas dan membaca kembali sesuatu yang sudah dipelajari;
3. Al-muhafazat iaitu menghafal supaya hadir di dalam ingatan dan dapat mengeluarkan kembali ketika menghendakinya;
4. Muzakarah iaitu membincang dan menyebut-nyebut apa yang dipelajari dengan teman-teman supaya lebih ingat dan faham lagi apa yang dipelajari; dan
5. Mutala'at kerja meneliti, mempelajari balik, memikirkan makna dan maksud apa yang dipelajari, dan jika ada yang tidak difahami maka tanyakannya kepada teman-teman yang lebih faham atau terus ditanya kepada guru.

Seterusnya Raja Ali Haji menyenaraikan pula lima sifat buruk yang ada dalam murid yang boleh menghalang mereka mendapatkan ilmu, iaitu:

1. Tidak sedar akan kejahilan diri sendiri terutamanya apabila seseorang itu sudah mengetahui sedikit sebanyak, maka disangkanya sudah pandai dan tidak perlu belajar lagi;
2. Sifat takbur dan tidak mahu berguru kerana tidak mahu merendahkan diri kepada orang lain;
3. Kecurigaan atau was-was yang melampaui batas sama ada terhadap diri sendiri atau terhadap orang lain, sehingga menyekat kemajuan;
4. Tawar hati dan lemah kehendak dalam menuntut ilmu, pemalas dan cuai dalam apa yang dipelajarinya dan tidak berkuasa melawan nafsu yang berat dan lemah itu; dan
5. Jahat perangai serta buta mata hati terhadap faedah, rahsia dan manfaat daripada ilmu yang dipelajarinya.

Raja Ali Haji mengistilahkan kelima-lima sifat yang menghalang seseorang daripada menuntut ilmu sebagai "su'ul al-khuluqu wa al-basirah" atau "jahat perangai serta buta mata hatinya".

Selain lima sifat baik yang harus ada dalam diri seorang penuntut dan mengelakkan sifat-sifat buruk itu, Raja Ali Haji menerangkan pula dengan panjang lebar adab berguru yang mengikut beliau jika tidak dipatuhi oleh murid "jadilah kurang adab dan kurang berkatnya terkadang menjadi bahaya atas murid itu adanya" (Ibid, hal.13). Dengan mematuhi adab dan peraturan berguru inilah akan tersemai budi pekerti dan adab sopan yang mulia yang dapat melahirkan seorang manusia yang penuh beradab dan mempunyai akhlak yang baik, yang dengan itu dapat menggunakan bahasanya dengan penuh bersopan dan beradab.

Raja Ali Haji menyenaraikan sepuluh adab berguru yang harus diamalkan oleh seseorang penuntut, iaitu:

1. Apabila bertemu dengan gurunya maka hendaklah memberi salam terlebih dahulu;
2. Kurangkan perkataan di hadapan gurunya yang tidak berkaitan dengan ilmu yang dipelajarinya;
3. Jangan berkata-kata selama sebelum ditanya oleh gurunya;
4. Jangan bertanya kepada gurunya sesuatu pendapat atau perkataan orang lain yang bertentangan atau membantahi perkataan atau pendapat gurunya;
5. Jangan menyebut di hadapan gurunya sesuatu pendapat atau perkataan orang lain yang bertentangan atau membantahi perkataan atau pendapat gurunya;
6. Jangan berkata atau melakukan sesuatu yang menunjukkan bahawa murid itu terlebih benar daripada gurunya kerana inilah perkataan dan kelakuan yang paling jahat adab seorang murid terhadap gurunya;
7. Jangan ia memberi isyarat atau memanggil-manggil kawan-kawannya ketika berada di dalam majlis gurunya;
8. Janganlah menoleh dan memandang ke sana sini semasa di dalam majlis gurunya; hendaklah ia duduk dengan ketetapan dengan menundukkan kepalanya tanda menghormati guru dan majlis ilmu yang sedang berjalan seolah-olah di dalam sembahyang;

9. Jangan membanyakkan pertanyaan ketika di dalam majlis gurunya, dan jangan bertanya-bertanya ketika gurunya di dalam perjalanan, tunggulah sehingga sampai ke rumahnya dahulu; dan
10. Jangan buruk sangka akan gurunya berdasarkan kelakuan yang zahirnya, mungkin pada batinnya terlebih benar. Jangan mengumpat atau menyakiti gurunya dengan perkataan atau kelakuan; hendaklah ia kasih akan gurunya seperti kepada bapanya.

Pada hakikatnya lima syarat menuntut ilmu dan sepuluh adab berguru yang diperturunkan oleh Raja Ali Haji sebenarnya merupakan asas-asas pendidikan Islam kerana konsep pendidikan dalam Islam pada hakikatnya ialah proses penyemaian "adab" di sini merujuk kepada maknanya yang asli seperti yang disyaratkan oleh Rasulullah dalam sebuah Hadis (dipetik oleh S. M. Naquib al-Attas. 1991:26, 1978:144. 1977:1) iaitu:

> *"Addabani Rabbi fa ahsana ta'dibi*
> (Maksudnya "Telah dididik akan daku (addaba) oleh Tuhanku, dan dijadikan pendidikanku (ta'dib) yang terbaik.")

"Adab" di sini (menurut S.M. Naquib al-Attas (Ibid), bermaksud "...disiplin iaitu disiplin ke atas jasad, akal dan roh seseorang yang dengan itu membolehkannya untuk mengenali/mengecami dan mengakui kedudukan dirinya yang sebenar dalam masyarakat dan komunitinya, mengenali dan mengakui kedudukan dirinya yang sebenar dari segi keupayaan dan potensi/kemampuan jasmani, budi/akal dan rohaninya, dan mengenali serta mengakui bahawa ilmu dan kewujudan ditertibkan mengikut taraf-tarafnya. Oleh sebab "adab" merujuk kepada pengenalan dan pengakuan terhadap kedudukan, taraf dan keadaan hidup secara benar dan wajar, dan juga merujuk kepada disiplin diri secara positif dan kerelaan untuk memainkan peranannya berdasarkan pengenalan dan pengakuan itu, maka zahirnya "adab" itu dalam diri seseorang dan masyarakat secara keseluruhannya mencerminkan wujudnya suasana keadilan." "Keadilan" (juga menurut S.M. Naquib al-Attas (Ibid)) bermaksud wujudnya sesuatu atau terletaknya sesuatu mengikut kedudukannya pada tempat yang tepat dan benar. Mengetahui dan mampu meletakkan sesuatu pada tempat yang tepat dan benar hanya boleh diperolehi melalui ilmu yang sahih atau benar.

Ilmu yang benar juga akan dapat menjelaskan batasan, had dan kegunaan dan tujuan/maksud sesuatu, ilmu yang benar

juga dapat menjelaskan perbezaan antara yang benar dan hak daripada yang palsu dan batil, dan ilmu yang benar dapat membimbing manusia menuju ke arah kebenaran yang hakiki iaitu Allah al-Haq.

Jadi penyemaian adab dan zahirnya adab dalam diri seseorang itu adalah prasyarat untuk menyemaikan ilmu yang benar, kerana kedua-dua itu saling bertimbal balik dalam membantu dan membimbing seorang manusia untuk mengenal, mengecam dan mengakui taraf dan hirarki ilmu dan kewujudan. Kesimpulannya, penyemaian adab di dalam diri seseorang itulah proses pendidikan membawa kepada disiplin jasad, akal dan rohnya yang dengan itu menyediakannya untuk memperoleh ilmu yang benar yang merupakan objektif daripada proses pendidikan itu.

Ilmu yang benar (menurut S.M. Naquib al-Attas (1991:19)) ialah pengenalan dan pengecaman tempat yang wajar dan tepat bagi segala perkara di dalam darjah dan ketertiban ciptaan (*al-maratibat al-makhlumat (order of creation)*, yang dengan itu akan membawa kepada pengenalan tempat yang betul dan tepat bagi Tuhan di dalam darjah dan ketertiban wujud dan kewujudan (*al-maratib al-wujud wa al-maujud (order of being and existence)*. Melalui proses pendidikan iaitu dengan tersemainya adab dan tersampainya ilmu yang benar, maka pengenalan tempat yang wajar dan tepat bagi kewujudan Tuhan akan membawa kepada pengakuan dan penerimaan dalam bentuk pengabdian terhadap Tuhan sebagai Rabb yang Maha Pencipta, Pemelihara, Pemilik, Pemberi Rezeki, Penjaga, Penghidup, Pemati dan sebagainya.

Penerimaan dalam bentuk pengabdian membuahkan amal ibadat dalam diri manusia sebagai pengesahan taraf perhambaannya terhadap Allah Rabb dan Khaliknya iaitu membenarkan pernyataan Allah dalam al-Quran (maksudnya), "Tiada Kujadikan Jin dan Insan melainkan baginya mengabdikan diri kepadaKu jua" (Al-Dhariyat (51):56). Jadi dengan konsep adab yang demikian dan dengan penyemaian adab dan ilmu yang benar melalui proses pendidikan secara tradisional itu, maka pemahaman tentang sistem kosmologi alam iaitu kejadian dan penciptaan alam semesta (yang nyata dan yang ghaib) dengan tertib pentarafannya yang benar, sistem ontologi/lihat wujud iaitu keadaan wujud dan kewujudan dan tertib pentarafannya yang benar (daripada yang rendah/terdekat kepada yang tinggi/teratas), dan akhirnya sistem epistemologi ilmu iaitu keadaan ilmu pengetahuan yang benar dengan tertib pentarafannya yang

tepat dan benar, maka dapatlah disemaikan akal budi yang tinggi, budi pekerti dan budi bahasa yang baik dalam diri orang Melayu Islam.

Ketertiban ilmu

Dengan berdasarkan hakikat adab, ilmu dan pendidikan seperti yang dihuraikan itu, Raja Ali Haji dalam penghuraian tentang bahasa Melayu dalam kedua-dua bukunya, menekan, mengutama dan mendahulukan perkara-perkara yang asasi, kemudian baharulah diperturunkan huraian tentang bahasa Melayu. Dalam *Bustan al-Katibin*, fasal tentang surat kiriman Raja Ali Haji dengan jelas menekankan ketertiban dalam segala perkara iaitu kata beliau:

> "...tiap-tiap perkara itu ada yang terlebih besar dan yang kecil, ada yang tinggi ada yang rendah, ada yang mulia ada yang hina, ada yang halus ada yang kasar...maka didahulukan yang terlebih besar daripada yang kecil, didahulukan yang tinggi daripada yang rendah...perkara agama lebih tinggi daripada perkara dunia, dan perkara kerajaan lebih tinggi daripada perkara perniagaan...perkataan buang air besar dan buang air kecil terlebih mulia daripada berak dan kencing, dan perkataan bersetubuh lebih mulia daripada berayuk...dan perkataan tuan hamba lebih halus daripada awak dan lu."

Dalam kaedah menulis surat-menyurat, Raja Ali Haji mematuhi dengan rapinya adab dalam Islam iaitu:

> "Bermula perkataan pada surat perkiriman itu maka hendaklah dimulai dengan Bismillahi al-rahmani al-Rahim, kemudian dengan alhamdulillah yakni memuji-muji Allah Ta'ala pada naam yang munasabah dan waki', kemudian selawatkan Nabi kita serta keluarganya dan sahabatnya, kemudian diiringi salam takzim...pada orang yang berkirim surat..."

Adab dan kaedah penulisan demikian sebenarnya mengukuh dan mengesahkan ilmu yang benar dalam Islam iaitu mengenali tempat yang tepat dan wajar bagi sesuatu perkara atau kewujudan dalam sistem kosmologi, ontologi dan epistemologi Islam; iaitu darjah/tertib yang paling tinggi dalam kewujudan dan kemuliaan ialah Allah kemudian Rasulullah dan seterusnya keluarga dan para sahabatnya. Prinsip penulisan demikianlah yang diamalkan oleh semua ilmuwan Islam tradisional.

Dalam *Kitab Pengetahuan Bahasa* prinsip yang tersebut itu juga diterapkan dalam huraian perkataan dan ungkapan dalam bahasa Melayu iaitu meletakkan kedudukan sesuatu dari segi taraf kejadian, kewujudan dan kemuliaannya pada tempatnya yang tepat dan benar. Sesudah menghuraikan sepintas lalu nahu bahasa Melayu berdasarkan konsep, istilah dan huraian nahu bahasa Arab, Raja Ali Haji telah memperturunkan huraian tentang perkataan-perkataan dalam bahasa Melayu iaitu bermula daripada perkataan yang berabjad "alif", tetapi sayang tidak selesai ke akhir abjad jawi "ya", hanya sehingga abjad "ca" sahaja.

Tujuh perkataan utama yang mendasari seluruh pengajian bahasa Melayu

Perkataan-perkataan yang terawal yang dihuraikan oleh Raja Ali Haji yang berpangkalkan abjad alif tujuh perkataan yang utama yang mengikut beliau:

> "...Apabila mengenal makrifat yang tujuh dan pengetahuan yang tujuh serta beriman akan dia nescaya sempurnalah akalnya berbezalah ia dengan binatang pada pihak pengetahuannya..." (*Kitab Pengetahuan Bahasa*, hal. 49)

Perkataan yang tujuh ini sebenarnya merujuk kepada ilmu yang asasi yang dapat meletakkan pemahaman/pengenalan yang benar terhadap taraf dan kedudukan yang tepat dan wajar bagi segala sesuatu dalam kewujudan dan kejadian dalam sistem kosmologi, ontologi dan juga epistemologi Melayu Islam. Oleh kerana perkataan yang tujuh ini begitu penting kedudukkannya dalam bahasa Melayu, maka Raja Ali Haji telah meletakkannya dalam bab yang tersendiri iaitu Bab Pertama, manakala perkatan-perkataan yang lain semuanya terletak dalam bab yamg seterusnya.

Perkataan yang pertama dan utama daripada tujuh perkataan itu ialah "Allah" iaitu Nama Zat Tuhan Yang Maha Tinggi Wajib Wujud dengan Sifat-Sifat Yang Maha Sempurna yang merupakan puncak dalam taraf ketertiban kewujudan yang daripada-Nya segala wujud yang nisbi iaitu segala makhluk ini bergantung untuk wujud.

Perkataan yang kedua ialah "Ahmad" iaitu nama yang lain bagi Nabi Muhammad sebagai Pesuruh Allah untuk menyampaikan dan mengajar umat manusia ilmu yang benar daripada Allah iaitu agama Islam, yang boleh membawa manusia kepada kebahagiaan dan kejayaan yang hakiki dan berkekalan.

Seterusnya, perkataan yang ketiga ialah "as-hab" iaitu sahabat-sahabat Rasulullah iaitu masyarakat Islam yang pertama yang menerima dan mengamalkan sepenuhnya ilmu yang benar itu supaya menjadi contoh teladan dalam bentuk prinsipnya cara hendak mengamalkan Islam kepada generasi sesudahnya sehingga kiamat.

Perkataan yang keempat ialah "ahbar" iaitu semua alim ulama yang muktabar yang menjadi pewaris dan penyebar agama Islam daripada satu generasi kepada generasi seterusnya.

Perkataan yang kelima ialah "insan" iaitu manusia yang dengan hakikat kejadiannya yang mempunyai jasad, roh/akal dan kalbu merupakan makhluk yang menjadi fokus atau objek yang layak untuk menanggung dan menzahirkan agama Islam di dunia ini sebagai satu amanah, dan yang akan menerima balasan yang setimpal daripada pelaksanaan amanah itu.

Perkataan yang keenam ialah "al-dunia" iaitu tempat dan satu tahap kehidupan makhluk yang dijadikan oleh Allah untuk menzahirkan "Sunnat al-Allah" dan "Qudrat al-Allah" ke atas semua makhluk dan terlebih utama lagi "Syariat al-Allah" ke atas manusia, dan tempat di mana segala amal manusia dicatat dan sesudah dihisab di akhirat, akan dibalas dengan setimpalnya.

Perkataan yang ketujuh iaitu yang terakhir "al-Akhirat" iaitu seperti kata Raja Ali Haji "kesudah-sudahan bagi pekerjaan manusia dan perjalanan anak Adam" iaitu bermula daripada keluarnya roh daripada badannya (mati), masuk ke alam kubur (barzakh), kebangkitan di Mahsyar, Penghiasan (al Mizan), menyeberangi Jambatan Sirat al-Mustaqim dan akhirnya pembalasan dan penempatan yang muktamad iaitu Syurga bagi "ahli al-Sa'adat (beruntung)" dan Neraka bagi "ahli Shaqawat (celaka).

Itulah tujuh perkara yang menjadi asas konsep dan ilmu yang utama yang dikandungi bahasa Melayu yang harus dipelajari dan dimengerti oleh orang Melayu apabila mempelajari bahasanya. Dengan memahami perkara-perkara itu, seseorang Melayu Islam akan memperolehi ilmu yang dapat menerangkan tempat letak dirinya yang tepat dan benar dalam hirarki wujud dan kewujudan/ontologikal (*al-maratib al-wujud wa al al-maujud*), hirarki kejadian dan penciptaan alam semesta/ kosmologikal (*al-maratib al-alam*) dan hirarki ilmu dan pengetahuan/epistemologikal (*al-maratib al-ilmu*).

Umpamanya dengan mempelajari kewujudan Allah iaitu dengan Sifat-Sifat-Nya (Raja Ali Haji menghuraikan dengan mendalam Sifat-Sifat Allah iaitu "Wujud/Maha Ada bukan tiada, Qadim/Maha Sedia bukannya baharu, Baqa'/Maha Kekal bukan

menyerupai yang baharu, Mukhalafatuhu Ta'ala lilhawadith/ Maha Menyalahi bagi segala yang baharu bukan menyerupai yang baharu, Qiamuhu binafsihi/Maha Berdiri dengan Sendirinya bukannya berkehendak kepada yang lain, Wahadaniat/Maha Esa bukannya banyak, Qudrat/Maha Berkuasa bukannya lemah, Iradat/Maha Berkehendak bukan tergagah/terpaksa, Ilmu/Maha Mengetahui bukan jahil, Hayat/Maha hidup bukan mati, Sama'/ Maha Mendengar bukan kelu, Basar/Maha Melihat bukan buta, Kalam/Maha Berkata-kata bukan bisu, dan dengan satu sifat harus iaitu mungkin bagi-Nya melakukan segala-galanya ataupun tidak), maka seseorang itu akan memahami Kewujudan Allah pada tertib pentarafan Wujud yang paling tinggi iaitu "wajib al-Wujud" yang menjadi punca dan sumber pergantungan wujud bagi segala makhluk ini yang bertaraf "wujud nisbi/relatif". Dengan demikian seseorang itu akan dapat menzahirkan pengakuan yang promordial yang dibuat oleh semua manusia pada ketika berada di alam roh seperti yang difirmankan oleh Allah (maksudnya):

> "Apabila Rabb kamu mengeluarkan daripada anak Adam - daripada tubuhnya - zuriatnya, dan menyuruh mereka mengangkat saksi terhadap dirinya dengan berkata, "Bukankah Aku Rabb Kamu?" Mereka berkata, "Benar, kami menyaksikannya) (Shahidna) ..." (al-A'raf (7):172).

Ilmu dan pengetahuan tentang hakikat dan pentarafan kewujudan Allah yang demikian sebenarnya berkait secara rapat dan langsung dengan ikrar seorang Muslim dalam kalimah syahadahnya iaitu "Aku bersaksi (ashhadu) bahawa tidak ada Tuhan Melainkan Allah". Oleh itu bagi Raja Ali Haji ilmu pertama dan utama yang harus dipelajari oleh orang Melayu tentang perkara yang dikandungi oleh bahasanya ialah ilmu tentang Allah subhanahu Wa Ta'ala, Tuhannya Yang Maha Suci dan Maha Tinggi. Prinsip ini meletakkan tujuan yang utama daripada pengajian ilmu bahasa (iaitu menurut Imam Ghazali) ialah sebagai "ilmu alat, ilmu mantik (logik), ilmu kalam (pengucapan), dan ilmu istidlal (pendalilan)" (*Kitab Pengetahuan Bahasa*, hal. 51) iaitu ilmu alat untuk mengetahui ilmu yang benar seperti yang dilambangkan dan "dimaknai" oleh tujuh perkataan itu.

Hakikat dan konsep pengajian ilmu bahasa demikian juga ditegaskan oleh S.M. Naquib al-Attas, iaitu:

> *"The word as it really is, is a sign, a symbol; and to know it really is, is to know what it stands for, what*

> *it symbolizes, what it means. To study the word as word, regarding it as if it had independent reality of its own, is to miss the real point of studying it, for regarded as such it is no longer a sign or symbol...the study of words as words leads to deviation from the real truth underlying them...*(Perkataan sebenarnya merupakan satu tanda, satu lambang; dan mengetahuinya dalam keadaannya yang sebenar ialah mengetahui apa maksudnya, apa yang dilambangkannya, apa ertinya. Mempelajari perkataan hanya sebagai perkataan iaitu menganggapnya mempunyai wujudnya tersendiri yang bebas daripada maknanya, merupakan satu kesilapan dalam mempelajarinya, kerana dengan menganggap wujud perkataan seperti demikian maka perkataan bukan lagi sebagai satu tanda atau lambang...kajian perkataan hanya sebagai perkataan akan membawa kepada penyelewengan daripada kebenaran yang sejati yang mendasarinya." (S.M. Naquib al-Attas, 1991:17).

Kesimpulannya, matlamat utama dalam pembelajaran bahasa bukan setakat mengetahui selok belok binaan bahasa, bunyi dan ejaannya, perkataan dan kosa katanya dan binaan ayat, klausa dan frasanya, tetapi melebihi itu semua ialah mempelajari bagaimana hendak mengguna bahasa supaya tercapai ilmu yang benar yang boleh membimbing manusia kepada pengenalan, pengecaman dan pengesahan kedudukan yang tepat dan benar bagi segala benda dalam pentarafan ciptaan alam semesta yang dengan itu membawa kepada pengenalan, pengecaman dan pengesahan kepada kedudukan yang tepat dan benar bagi Tuhan dalam pentarafan kewujudan.

Untuk mencapai matlamat pengajian dan pembelajaran bahasa yang demikian, maka Raja Ali Haji telah mengarang *Kitab Pengetahuan Bahasa* yang merupakan sebuah kamus besar yang cuba menghuraikan makna secara terperinci bagi perkataan-perkataan yang digunakan dalam bahasa Melayu, yang memberi keutamaan kepada kata-kata kunci yang menjadi asas pembinaan pengkonsepsian tentang kosmologi (alam), ontologi (wujud) dan juga epistemologi Melayu Islam (ilmu).

Penulis kamus yang menghuraikan dengan terperinci makna perkataan-perkataan terutama sekali istilah-istilah yang merupakan kata kunci dalam pembentukan sistem lapangan makna yang membentuk struktur pengkonsepsian berdasarkan al-Qur'an dan al-Hadith iaitu autoriti yang tertinggi, sebenarnya merupakan satu tradisi kesarjanaan Islam yang turun-menurun daripada zaman awal Islam lagi. S.M. Naquib al-Attas (1991:3)

telah menyebut bahawa asas penghuraian, penilaian dan pengesahan makna perkataan dan ungkapan secara autoritatif/ wibawa dan autentik/sahih telah diterokai oleh Ibn `Abbas RA dalam usaha mentafsir ayat-ayat al-Qur'an. Bahkan mengikut S.M. Naquib al-Attas:

> *"During his (Ibn Abbas) time, then the process of testing the authenticity of meaning, and of establishing the highest authorities with respect to the words, meanings, grammar and the prosody of the classical Arabic language, was already under way, and by the second century after Hijrah, the methodological division into four groups, designed to determine and establish authentic authorities on all aspects of the Arabic language, such as the Jahili, the Mukhadram, the islami and the Muwallad, was completed.* (Dalam hayat beliau (Ibn'Abbas RA) usaha-usaha menguji kesasihan makna dan menubuhkan autoriti yang tertinggi terhadap perkataan, makna, nahu dan prosodi di dalam bahasa Arab klasik sudah bermula, dan menjelang abad kedua Hijrah pembahagian perkaedahan kepada empat kumpulan iaitu 'Jahili', 'Mukhadram', 'Islami' dan 'Muwallad' untuk menentu dan menubuhkan autoriti di dalam segala aspek bahasa Arab, telah tercapai."
>
> (S.M. Naquib al-Attas, Ibid).

Akibatlah daripada keperluan untuk membuat penelitian, pengkajian dan penghuraian tentang perkataan dan ungkapan dari segi autoriti dan kesahihan maknanya, maka sebarisan sarjana bahasa Arab telah muncul yang menghasilkan karya-karya tentang kajian perkataan, istilah dan kamus yang sesetengahnya mencapai 60 jilid tebalnya. Antara yang disebut oleh S.M. Naquib al-Attas (Ibid) ialah *Kitab al-Ain* oleh al-Khalil (meninggal 160 H.), *Jamharah* oleh Ibn Duraid (meninggal 321 H.), *Mujmal* oleh Ibn Faris (meninggal 390 H.), *Sihah* oleh al-Jawhari (meninggal 398 H.), *Asas* oleh Zamakhshari (meninggal 538 H.), *Lisan al-Arab* oleh Ibn Manzur (meninggal 711 H.), *Qamus dan Lami'* oleh al-Fayruzabadi (meninggal 816 H.), *Mughni* oleh Ibn Hisham (meninggal 761 H.), *Taj al-Arus* oleh al-Zabidi (meninggal 1205 H.), dan lain-lain.

Melalui huraian, pengesahan, penilaian dan pensahihan makna perkataan dan ungkapan yang sedemikian mendalam dan terperinci, maka bahasa Arab seperti yang telah ditegaskan oleh S.M. Naquib al-Attas (Ibid), telah memperolehi ketepatan dan ketekalan dari segi kemurnian dan kewibawaan maknanya melalui : (1) penubuhan struktur tatabahasanya yang didasarkan

atas satu sistem kata akar yang tetap/tekal; (2) struktur semantiknya dikawal oleh sistem lapangan makna yang ditakrifkan secara tepat dan dapat menentukan struktur pengkonsepsian yang terdapat dalam kosa katanya yang juga ditetapkan secara tekal oleh kaedah (1) di atas; dan (3) perkataan, makna, tatabahasa dan prosodi telah dirakamkan secara ilmiah/saintifik supaya terjaga ketekalan maknanya. Dengan demikian bahasa Arab telah mencapai tahap kemurniaan dan kewibawaan semantik yang boleh menyampaikan makna yang tepat dan jitu secara ilmiah/saintifik terutama sekali untuk menyampaikan makna kebenaran yang mutlak dan objektif.

Sangatlah munasabah sekali untuk mengatakan bahawa tujuan dan maksud Raja Ali Haji menyusun dua buah buku tentang pengajian bahasa Melayu ini untuk memenuhi ketiga-tiga matlamat yang tersebut di atas yang berkaitan dengan bahasa Melayu sebagai bahasa Islam yang terulung di Asia Tenggara. Melalui dua buah karya itu Raja Ali Haji bertujuan untuk mewujudkan penghuraian tentang bahasa Melayu yang tekal, ringkas, padat dan rapi dari segi ejaan dan tatabahasanya, dan yang sahih, berwibawa dan juga tekal dari segi permaknaan kosa kata dan ungkapannya yang dikawali oleh sistem lapangan makna yang diberikan takrif yang jelas dan tepat berdasarkan autoriti al-Qur'an dan al-Hadith yang dapat menentukan struktur pengkonsepsian yang terkandung dalam kosa-kosa kata itu.

Dalam *Bustan al-Katibin*, Raja Ali Haji pada asasnya telah cuba meletakkan pada julung-julung kali secara bertulis hukum-hukum tentang sistem ejaan, penggolongan kata, struktur ayat/klausa dan frasa, tertib pentarafan perkataan dan ungkapan, dan tentang kaedah dan adab dalam surat-menyurat sebagai contoh penerapan hukum-hukum itu. Kata beliau:

> "Jika peraturan-peraturan itu tidak dipatuhi iaitu aturan bahasa tiada berketahuan lagi yang bukan tempat (sepatutnya) dibahasakan dengan halus, yang bukan tempat yang dibahasakan dengan kasar, dibahasakan dengan kasar, menjadi tiadalah berketahuan lagi serta tersangatlah payahnya mamahamkan perkataan-perkataan...tiadalah dapat sekelian kita boleh mengerti akan mafhumnya...Jika dengan bahasa yang lain hendak dipindahkannya dengan bahasa Melayu, terkadang menjadi berat yang demikian itu pada bunyinya dan jika tiada berbaik-baik periksanya nazar dan fikirannya, pada itulah datang cederanya pada kemudian harinya."
>
> (*Bustan al-Katibin*, hal. 7).

Jadi penujuan huraian beliau itu tentang selok belok bahasa Melayu ialah ke arah penubuhan peraturan yang tekal, sistematik dan tepat untuk dijadikan panduan bagi orang-orang Melayu Islam menggunakan bahasanya dengan betul dan tepat dari segi struktur dan ejaannya.

Dalam *Kitab Pengetahuan Bahasa* pula, Raja Ali Haji pada asasnya bertujuan untuk menghuraikan makna perkataan-perkataan dalam bahasa Melayu berdasarkan kaedah sistem penghuraian makna mengikut tradisi kesarjanaan Islam yang tersebut di atas, iaitu dengan konsep "lapangan makna", "kata kunci" dan "kata fokus". Tujuh perkataan yang utama yang tersebut pada Bab Pertama kitabnya iaitu "Allah, Ahmad, Ashab, Ahbar, Insan, al-dunia, al-Akhirat" merupakan kata fokus yang mengawal dan mendasari makna bagi semua makna perkataan yang lain dalam kamusnya itu. Konsep lapangan makna (semantic fields), kata kunci (key words) dan kata fokus (focus words) ini mula-mula dihuraikan dalam kajian bahasa Melayu oleh S.M. Naquib al-Attas (1970:142) iaitu berdasarkan konsep kajian Toshihiko Izutsu (1964).

Kata-kata kunci sejumlah perkataan yang penting dalam kosa kata sesuatu bahasa yang membentuk struktur konsepsi bagi masyarakat bahasa itu tentang alam semestanya (alam/kosmos), kejadian dan hakikat kewujudan dirinya sebagai manusia dalam seluruh sistem kewujudan (wujud/ontologi); iaitu merupakan wawasan masyarakat itu tentang alam semesta, tentang manusia dan tentang wujud yang lebih tinggi daripada dirinya. "*The structure of the world of Being and major constituents of the world are reflected and crystallized in the key words*" (S.M. Naquib al-Attas, 1970:142). Satu kata kunci tidak hadir secara bersendirian kerana satu konsep sentiasa berhubungan dengan yang lain. Oleh itu satu kata kunci akan berhubungan dan berjalinan dengan sejumlah kata kunci yang lain yang mengelilingi satu kata fokus untuk membentuk satu lapangan makna yang membentuk satu lapangan pengkonsepsian. Lapangan pengkonsepsian itu juga tidak hadir secara bersendirian bahkan berhubungan dan bertindihan dengan lapangan-lapangan pengkonsepsian yang lain yang terbentuk daripada segugusan kata kunci masing-masing. Satu kata kunci mungkin tergolong dalam beberapa lapangan makna bergantung kepada fokus pengkonsepsian yang berbeza-beza.

Dalam buku *Kitab Pengetahuan Bahasa*, Raja Ali Haji telah menyenaraikan di dalam Bab Pertama tujuh perkataan yang sebenarnya merupakan kata kunci utama yang bersifat sebagai kata fokus, yang membentuk struktur pengkonsepsian asasi bagi

orang Melayu Islam tentang wujudnya; iaitu tentang alam semesta yang berfokuskan perkataan "al-Dunia" dan "al-Akhirat", tentang Tuhan dan kewujudan yang berfokuskan perkataan "Allah", tentang manusia dan kejadiannya yang berfokuskan perkataan "al-insan", dan tentang ilmu dan pengetahuan yang berfokuskan perkataan "al-Nabi", "al-ashab" dan "al-ahbar". Untuk mengawal makna perkataan-perkataan itu dengan tetap, tekal, tepat dan jitu, Raja Ali Haji telah menggunakan penghuraian, penilaian dan pensahihan makna berdasarkan autoriti yang tertinggi iaitu al-Quran, al-Hadith dan ulama muktabar.

Tujuh kata fokus itu berhubungan dengan kata-kata kunci yang lain yang dalam *Kitab Pengetahuan Bahasa* ditandai oleh huraian yang lebih panjang dan rapi untuk membentuk lapangan-lapangan permaknaan yang menuju ke arah pembentukan konsepsi-konsepsi alam/kosmologi, wujud/ontologi, insan/kemanusiaan dan ilmu/epistemologi Melayu Islam. (Tetapi sayang penyenaraian perkataan dalam buku itu hanya terkandung dalam enam abjad sahaja iaitu "alif, ba, ta, tha, jim, ca", dengan demikian meninggalkan banyak kata kunci lainnya yang terdapat dalam 29 abjad lagi. Contohnya perkataan "manusia" sebagai kata kunci utama atau fokus boleh mengandungi lapangan semantik yang dikelilingi oleh kata-kata kunci berikut: Allah, nyawa, orang, budi/akal, anggota, ajal, dunia, akhirat, iman, bahagia, takbur, tawakal, jahil, dan lain-lain lagi. Kata "Allah" mempunyai lapangan semantik yang dikelilingi oleh kata-kata kunci seperti: manusia, agama, dunia, akhirat, nabi, iman, budi/akal, dan lain-lain. Kata "Nabi" pula mempunyai lapangan semantik yang dikelilingi oleh kata-kata kunci seperti: Allah, al-ashab, al-ahbar, manusia, agama, iman, dunia, akhirat, dan lain-lain lagi.

Selain tujuh kata kunci utama terdapat juga kata-kata kunci lain yang tersendiri dalam Bab Kedua yang selalunya ditandai oleh huraian yang lebih terperinci dan mendalam, misalnya "bodoh, bayu/darah, mengumpat, agama, anggota, bapa, bahagia, celaka, takbur, tawakal, bebal, budi" dan lain-lain lagi. Kata-kata kunci itu mempunyai pula lapangan semantiknya yang dikelilingi oleh kata-kata kunci yang lain. Kata-kata kunci itu diberikan takrif yang tepat, jitu dan sahih berdasarkan autoriti yang tertinggi iaitu al-Quran, al-Hadith dan tulisan ulama muktabar. Contohnya bagi perkataan "bahagia" beliau menghuraikan maknanya seperti berikut:

> "...bahagia ini bermakna dengan makna untung dan tuah, akan tetapi sungguhpun bermakna untung dan tuah bukannya seperti makna untung dan tuah orang yang jahil yang menyangka makna untung dan tuah mendapat kekayaan dunia atau mendapat kebesaran dunia...kerana menyertai untung tuah (demikian) itu beberapa rugi dan celaka... iaitu berbangkitlah nafsu dan shahwat nikmat kesenangan dan kemegahan... syahadan nyatalah makna bahagia itu iaitu negeri akhirat jua, seperti kata Sahib al-Jauhar (maksudnya) kemenanganlah orang yang bertuah itu kepada azalnya, demikian lagi orang yang celaka pada azalnya jua...adalah dikehendaki tuah iaitu orang yang mati di dalam imannya husn al-khatimah (penyudahan yang baik) dan jikalau terdahulu kafirnya sekalipun...(dan) janji celaka masuk neraka Jahanam dan janji bertuah masuk syurga jua...seperti firman Allah (dalam al-Qur'an maksudnya) "Bahawasanya yang orang berbuat kebajikan itu di dalam Syurga dan orang yang berbuat ma'siat itu di dalam Neraka adanya."
>
> (Raja Ali Haji, *Kitab Pengetahuan Bahasa*, hal. 296-298).

Oleh sebab *Kitab Pengetahuan Bahasa* berbentuk sebuah kamus kata bukannya kamus semantik bahasa Melayu, maka tersenarai juga di dalamnya perkataan-perkataan yang biasa yang bukan merupakan kata kunci.

Kesimpulannya, pandangan Raja Ali Haji tentang pengajian, penggunaan dan pembelajaran bahasa Melayu berkait rapat dengan pandangan dunia atau *weltanschauung* beliau sebagai seorang Melayu Islam yang melihat hakikat kewujudan dan kejadian alam semesta dan manusia dalam lingkungan Kewujudan yang Wajib Wujud iaitu Allah lokus pergantungan, penghidupan, pengabdian dan pengembalian segala wujud yang lain. Oleh itu pengajian, penggunaan dan pembelajaran bahasa Melayu, seharusnya menjadi sebagai satu wahana dan alat yang membawa ke arah pengenalan, pengertian, pengilmuan, pemahaman, pengucapan, pengungkapan, penyampaian, pemujaan dan pemujian Allah yang Wajib Wujud dan dengan itu membawa kepada keadilan, kebahagiaan dan keberuntungan di dunia dan juga di akhirat.

Maksud dan matlamat penulisan Raja Ali Haji yang demikian tidak akan disedari dan diinsafi oleh para pengkaji yang berlatarbelakangkan tradisi kesarjanaan Barat yang

kononnya bersikap objektif dan rasionalistik. Misalnya Teeuw (1961:26) menyatakan tentang *Kitab Pengetahuan Bahasa* "... *it is rather a sort of unsystematic encyclopedia...* (ia satu macam ensiklopedia yang tidak sistematik). Bahkan T. Iskandar dan Za'ba juga tidak dapat meletakkan karya-karya tentang bahasa Melayu oleh Raja Ali Haji pada tempatnya yang tepat dan wajar. Kata Za'ba (1940:143) tentang *Kitab Pengetahuan Bahasa* bahawa ia sebuah "... *encyclopedia of the authors's general knowledge, opinions and impressions, set forth under the word he professes to define* (sebuah ensiklopedia tentang ilmu perkataan umum, pendapat dan pandangan pengarangnya yang diatur berdasarkan entri perkataan yang hendak ditakrifkannya)". T. Iskandar (1964:535) pula berkata "... *Kitab Pengetahuan Bahasa* ... (ialah) sejenis ensiklopedia yang mengandungi pengetahuan umum dan pendapat serta pandangan pengarang tentang kata-kata yang dimaksudkan dalam buku ini." Harimurthi Kridalaksana (1983) walaupun lebih bersimpati terhadap kedua-dua karya Raja Ali Haji kerana menilainya atas meritnya tersendiri, juga tidak dapat melihat bahawa tujuan dan maksud Raja Ali Haji dalam kedua-dua karya beliau itu merupakan penerusan tradisi ilmuan Islam dalam pengajian bahasa iaitu seperti yang dinyatakan di atas dan diperturunkan sekali lagi, iaitu:

1. Menubuhkan struktur tatabahasa di atas satu sistem yang tetap dan tekal;
2. Menubuhkan struktur semantik atau permaknaan bahasa yang dikawal oleh sistem lapangan makna dengan kata kunci dan kata fokusnya ditakrifkan dengan tepat berdasarkan autoriti yang tertinggi (Qur'an dan Hadith) supaya dapat menentukan sistem pengkonsepsian yang terdapat dalam kosa-kosa kata utamanya; dan
3. Merakamkan secara ilmiah kosa kata, makna, tatabahasa dan prosodi (lagu pertuturan) supaya terjaga ketekalan maknanya.

Pencapaian ketiga-tiga maksud dan matlamat itu telah diusahakan oleh Raja Ali Haji melalui kedua-dua buah karya beliau tentang bahasa Melayu itu yang mengikut U.U. Hamidy (1981:45) telah menjadi buku teks di sekolah-sekolah di Johor, Singapura dan di Riau.

Pembelajaran bahasa Melayu kini

Matlamat dan maksud pembelajaran bahasa Melayu kini amatlah berbeza dengan apa yang ada dalam tradisi Islam seperti yang diperwariskan oleh Raja Ali Haji. Jika diteliti buku-buku teks yang berkaitan dengan pengajian, pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu kini jelaslah buku-buku yang demikian telah gagal untuk menyemaikan kefahaman, pengungkapan dan pernyataan tentang hakikat alam ini atau sistem kosmologi, hakikat wujud atau sistem ontologi dan hakikat ilmu atau epistemologi yang benar dan tepat dalam pemikiran orang Melayu. Sebagai sebab dan juga akibat daripada kegagalan ini, kekaburan timbul tentang makna yang benar dan tepat bagi konsep-konsep utama yang membentuk sistem-sistem tersebut, antaranya "ilmu, budi, akal, adab, pendidikan, keadilan, kezaliman, kebenaran/hak, kepalsuan/batil, hikmah, hakikat, amal, ibadat, akhlak, kebaikan, keburukan, alam semesta, dunia, kebahagiaan, kecelakaan, kemajuan, pembangunan, perubahan". Bahawa penumpuan yang berlebihan dalam pengajian, pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu kini ialah kepada struktur bahasanya, misalnya terhadap binaan ayat, klausa, frasa, perkataan, bunyi bahasa dan ejaannya iaitu membina kecekapan, kemahiran dan ketrampilan berbahasa dari segi ejaannya yang betul, sebutannya yang baku, struktur ayat yang gramatis dan pembentukan serta penggunaan perkataan yang bernahu dalam pembacaan, pendengaran, pertuturan dan penulisan, terhadap gaya, ragam, larasnya, seni komunikasinya dan sejarahnya, merupakan antara faktor yang utama yang mencetuskan kekaburan dalam pemahaman dan pengenalan makna yang tepat dan benar bagi konsep-konsep utama yang tersebut di atas.

Sememangnya tidak boleh dinafikan pencapaian kemahiran, kecekapan dan ketrampilan penggunaan bahasa demikian dalam pendidikan bahasa Melayu di kalangan pelajarnya amat mustahak demi keberkesanan dan ketrampilan komunikasi. Oleh yang demikian hal-hal itu harus disampai dan dimahirkan. Namun seperti yang ditegaskan di atas, pengajian dan pembelajaran bahasa baik ayat mahupun perkataan yang tertumpu terlalu banyak dan diberi keutamaan kepada struktur, gaya dan ragamnya termasuklah sejarahnya iaitu kepada "benda" bahasa itu, seolah-olah ayat dan perkataan itu mempunyai realitinya tersendiri akan membawa kepada penyelewengan daripada kebenaran, kerana ayat dan perkataan merupakan benda iaitu lambang semata-mata dan pembelajarannya tanpa merujuk kepada maknanya yang tepat dan benar yang

dilambangkannya, membawa kepada pencapaian yang palsu dan kosong. Sesungguhnya maknanya yang tepat dan benar itulah yang menjadi realitinya, kerana tanpa makna, ayat dan perkataan itu hanya merupakan "kebisingan" (jika diucapkan) dan "lakaran kosong" (jika ditulis). Makna pula harus tepat dan benar, jika tidak tepat akan menjadi kacau dan menyeleweng dan yang mengacaukan dan menyelewengkan.

Gejala ini dibuktikan dengan jelas dan nyata dalam karangan pelajar-pelajar dan juga penulis-penulis tempatan yang menggunakan perkataan yang menunjukkan betapa kaburnya pemahaman mereka tentang maknanya walaupun mungkin struktur ayatnya betul, contohnya:

1. Pembentukan tamadun bermula dengan kelahiran manusia sebagai proses asas yang utama. (Majalah *Fokus*, Januari 1994, hal. 48)
2. Melalui aktiviti perdagangan antarabangsa ini juga akan membolehkan berlaku pertembungan dan pertukaran tamadun antara dua budaya dan seterusnya akan meningkatkan dan memperkayakan lagi suatu kebudayaan tersebut. (Ibid)
3. Sejarah perkembangan tamadun dunia akan lebih dihayati sekiranya kita kembali ke zaman silam dan meneroka sejauh manakah ciri-ciri ketamadunan wujud di dalamnya. (Ibid, hal. 49)
4. Dalam desawarsa ini proses penanaman budaya membaca semakin menular dalam masyarakat di negara ini. (Ibid, hal. 78)
5. Pelbagai ruangan yang boleh didapati di ideologi dan berbagai lagi isu-isu berbangkit yang diperdebatkan secara polemik atau sebaliknya. (Ibid)
6. Ini untuk mengelakkan berlakunya kesalahan tatabahasa dan memberikan mutu gaya bahasa yang lebih klasik dan moden. (Ibid)

Sesungguhnya menjadi satu malapetaka, satu bala dan satu tragedi yang besar kepada orang Melayu Islam, apabila dalam pengajian dan pembelajaran bahasa ibundanya, konsep-konsep yang utama yang menjadi asas pembentukan kefahamannya terhadap sistem kosmologi, ontologi dan epistemologinya yang benar dan tepat tidak dapat disampaikan. Konsep "adab" yang sebenar sebagai satu kaedah disiplin yang membolehkan seorang Melayu mengenali tertib kedudukan dirinya dalam masyarakat dan alam sekitar dan alam semestanya yang nyata dan yang

ghaib dengan tepat dan wajar, tertib kedudukan ilmu yang benar, tertib kedudukannya yang tepat dan wajar dengan hakikat Kewujudan yang lebih tinggi daripadanya iaitu Allah hanya boleh disemai dan disuburkan melalui sistem pendidikan yang penuh beradab di antara guru dan murid.

Sistem pendidikan demikian mengandaikan guru yang juga beradab, yang menjadi contoh teladan dan ikutan kepada muridnya, iaitu sebagai satu autoriti yang terletak pada tempatnya yang tepat dan wajar iaitu yang memiliki ilmu yang benar, yang memiliki sahsiah dan keperibadian yang baik hasil dan akibat daripada pengabdian dan perhambaannya kepada Tuhan iaitu sebagai pengakuan dan pengesahannya kepada hirarki atau ketertiban yang tepat dan wajar dalam kewujudannya sebagai hamba/makhluk berbanding dengan Kewujudan Allah sebagai Rabb/Khalik yang menjadi Pencipta, Penghidup dan Penjaganya. Autoriti yang demikian sebenarnya mewarisi dan mencontohi autoriti peribadi Rasulullah iaitu autoriti yang tertinggi daripada segala aspek, yang mempunyai segala sifat kebijaksanaan dan keilmuan yang tepat dan benar, adab sopan dan budi pekerti serta akhlak yang mulia, yang dengan itu mencetuskan kepatuhan, ketaatan, kecintaan, keyakinan dan kerendahan hati di kalangan para sahabatnya terhadap baginda Rasulullah secara wajar dan semestinya. Oleh itu muncullah sifat-sifat kepatuhan, penghormatan, kecintaan, kerendahan hati dan keyakinan murid kepada gurunya, kerana dicetuskan oleh keadaan yang wajar dan semestinya, iaitu kepada autoriti yang sebenar-benarnya yang mempunyai kelebihan dan kebenaran ilmunya, ketinggian akal dan fikirannya, keluhuran budi pekertinya dan kesantunan budi bahasanya.

Oleh yang demikian melalui prinsip adab belajar dan mengajar dan melalui seorang guru yang mempunyai autoriti yang tepat dan wajar sedemikian, barulah akan lahir pada diri orang Melayu Islam, manusia yang beradab sopan, berbudi pekerti yang mulia dan berbudi bahasa yang baik.

Dalam keadaan dan senario pembelajaran dan pengajaran bahasa Melayu dewasa ini, yang ketiadaan adab yang sempurna dan ketiadaan guru yang berautoriti yang tepat dan wajar, tentu sekali sukar (bukan mustahil) untuk melahirkan sifat-sifat sedemikian di kalangan pelajar-pelajar Melayu. Inilah malapetakanya; adabnya tiada dan autoriti yang tepat dan benar pun susah kedapatan.

Penutup

Matlamat utama dalam pembelajaran bahasa bukan setakat mengetahui selok belok binaan bahasa, bunyi dan ejaannya, susunan perkataan, frasa, klausa dan ayatnya, dan sejarah serta perkembangannya, tetapi melebihi daripada itu semua ialah mempelajari bagaimana hendak menggunakan bahasa supaya tercapai ilmu yang benar yang boleh membimbing manusia kepada pengenalan, pengecaman dan pengesahan kedudukan yang tepat, wajar dan benar bagi segala benda dalam pentarafan penciptaan alam semesta (kosmos) yang dengan itu membawa kepada pengenalan, pengesahan dan pengakuan akan kedudukan yang tepat bagi Tuhan dalam pentarafan kewujudan. Pengetahuan yang demikian bukan suatu yang harus dipermudah dan diperkecil kerana tercapai atau tidaknya pengetahuan itu akan menentukan nasib sebenar seseorang yang akan merupakan penentuan yang muktamad dan kekal.

Raja Ali Haji telah meletakkan dasarnya secara bertulis, bahkan buku-bukunya telah diterima pakai pada penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20 di madrasah dan sekolah di Kepulauan Riau, Johor dan Singapura. Sudah sampai masanya kita memikirkan untuk memasukkan perkara-perkara yang demikian dalam pengajaran bahasa Melayu kepada pelajar-pelajar Melayu Islam. Sukatan pelajaran Bahasa Melayu Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) yang terkini (1991) nampaknya memberi kemungkinan untuk memasukkan perkara-perkara ini, kerana bahagian-bahagian "perbendaharan kata" dan "kebolehan berbahasa" berpotensi untuk mencakupi penerangan tentang istilah dan konsep-konsep yang utama itu.

Sebagai penyudah kata untuk mengingatkan orang yang berkata-kata ini, dan mungkin juga kepada yang mendengar perkataan ini, dipetik di bawah ini madah Sheikh Abdul Samad Palembani dalam kitabnya yang termasyhur *Hidayat al-Salikin* tentang ilmu yang bermanfat:

> "Bermula ilmu yang memberi manfaat itu iaitu barang yang menambah takutmu akan Allah, dan menambah pula dalam penglihatan hatimu tentang kecelaan dirimu, dan menambah pula dalam pengenalanmu akan ibadat kepada Tuhanmu, dan mengurangkan akan gemarmu kepada dunia dan menambah gemarmu kepada akhirat, dan membuka ia mata hatimu dengan yang membinasakan akan amalmu hingga engkau peliharakan daripadanya, dan melihat dia akan dikau atasnya (iaitu atas amalmu) daripada tipu syaitan dan perdayanya".

Bibliografi

Abdul Samad Palembani. 1345H/1935. *Hikayat al-Salikin.* Pulau Pinang: Naskah cetakan Maktabah wa Matba'ah Dar al-Ma'rif.

Hamidy, U. U., 1981. *Riau Sebagai Pusat Bahasa dan Kebudayaan Melayu.* Pekanbaru: Bumi Pustaka.

Hassan Junus. 1988. *Budayawan di Gerbang Abad XX.* Pekanbaru: Universitas Islam Riau Press

Iskandar. T., 1964. "Raja Ali Haji: Tokoh daripada Pusat Kebudayaan Johor-Riau". Kuala Lumpur: Majalah *Dewan Bahasa,* Jil. viii, 12, DBP.

Raja Ali Haji. (Mss.) *Bustan al-Katibin.* Kuala Lumpur: Salinan mikrofilem, Perpustakaan Universiti Malaya.

_____. 1972. *Kitab Pengetahuan Bahasa.* Singapura: al-Ahmadiah Press.

Syed M. Naquib al-Attas. 1970. *Mysticism of Hamzah Fansuri.* Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

_____. 1976. *Islam: The Concept of Religion and Foundation of Ethics and Morality.* Kuala Lumpur: ABIM.

_____. 1978. *Islam and Secularism.* Kuala Lumpur: ABIM.

_____. 1989. *Islam and the Philosophy of Science.* Kuala Lumpur: ISTAC.

_____. 1991. *The Concept of Education in Islam.* Kuala Lumpur: ISTAC.

_____. 1992. "Letakkan Masing-Masing pada Tempatnya". Kuala Lumpur: Majalah *Dewan Budaya,* Januari - Februari, DBP.

BAHASA MELAYU JOHOR-RIAU:
LINGUA FRANCA DAN KETAMADUNAN MELAYU

PROF DR AMAT JUHARI MOAIN

Pendahuluan

Mengikut sebuah terbitan UNESCO di Paris pada tahun 1953, lingua franca itu diertikan sebagai sejenis bahasa yang biasanya digunakan oleh orang-orang yang bahasa ibunda mereka masing-masing berbeza dengan tujuan untuk memudahkan komunikasi antara mereka (Ronald Wardhaugh, 1986). Dalam kajian yang dibuat oleh Samarin (1968: 660-672) ada beberapa jenis bahasa yang termasuk ke dalam kelompok bahasa lingua franca ini iaitu bahasa perdagangan (trade language) seperti bahasa Hausa dan Swahili di Afrika; bahasa perhubungan (contact language) seperti bahasa Koine Yunani dalam zaman Iskandar Zulkarnain dan selepasnya; bahasa antarabangsa (international language) seperti bahasa Inggeris yang ada pada zaman kini; dan bahasa bantu (auxiliary language) seperti bahasa Esperanto dan Basic English.

Selain contoh-contoh di atas masih terdapat pelbagai bahasa lagi yang sifatnya seperti di atas. Bahasa Arab misalnya adalah bahasa yang digunakan oleh pelbagai bangsa dalam dunia yang menganut agama Islam, bahasa Latin di kalangan penganut agama Kristian Katolik Roma, bahasa Sanskrit di kalangan penganut agama Hindu Brahmin dan lain-lain lagi.

Bahasa Melayu Klasik

Jika kita telek dari pelbagai segi bahasa Melayu klasik termasuk ke dalam kategori lingua franca, lantaran bahasa ini telah digunakan oleh pelbagai bangsa dan negara untuk urusan perdagangan, terutama perdagangan rempah di kawasan Asia Tenggara yang berpusat di Melaka, kemudian Johor dan Aceh.

Selepas itu pada zaman yang kemudian di daerah Johor-Riau. Pada beberapa abad yang lalu juga bahasa Melayu menjadi bahasa perhubungan (contact language) untuk menyiarkan ajaran agama Islam di kawasan yang sangat luas iaitu di Gujerat, India dan pantai Sri Lanka di bahagian barat hingga ke pantai barat Irian Jaya di bahagian timur; dan dari Campa di Vietnam di bahagian utara hingga ke Banten, di Jawa Barat dan seterusnya ke Nusa Tenggara di bahagian selatan.

Bahkan banyak terdapat kitab klasik Melayu yang dikarang di tempat yang jauh iaitu di Tanah Haramain (Makkah dan Madinah). Bahasa Melayu juga menjadi bahasa serantau di Asia Tenggara untuk perhubungan antara negara dengan negara, raja dengan raja, penguasa dengan penguasa. Dengan kata lain ia menjadi bahasa diplomatik. Oleh sebab itu Valentijn telah mengatakan bahawa jika ada orang di Asia Tenggara yang tidak mengetahui bahasa Melayu, kedudukannya sama seperti orang Eropah Barat yang tidak mengetahui bahasa Perancis pada zamannya.

Bahasa Melayu Johor-Riau

Bahasa Melayu Johor-Riau mempunyai sejarah asal-usul yang lama. Harry Judge (1991) mengatakan bahawa pada abad ke-2 Masihi telah wujud kerajaan Melayu Campa. Apabila ada kerajaan Melayu, sudah tentu dan pasti ada bahasanya. Dari segi bukti yang nyata ialah wujudnya prasasti Dong Yen Chau yang bertarikh pada abad ke-4 Masihi. Prasasti ini menggunakan tulisan India tetapi berbahasa Melayu. Dengan itu kenyataan Judge ada kebenaran yang kukuh, kerana Dong Yen Chau itu terletak di Vietnam dan pada masa itu wujud Empayar Funan yang berpusat di Wadhapura. Kerajaan ini begitu besar yang terbentang luas di daerah Kemboja, sebahagian Vietnam dan Thailand sekarang, bahagian selatan Myanmar hingga ke utara tanah Semenanjung iaitu Tambralinga dan Langkasuka. Mengikut Profesor Nguyen The An (pertemuan peribadi saya dengan beliau), bahasa Melayu digunakan di Empayar Funan.

Kemudian pusat bahasa Melayu berganjak ke Sriwijaya (Abad ke-7 hingga ke-13), sebuah empayar Melayu yang besar di Asia Tenggara yang bermula pada abad ke-7 Masihi. Empayar ini berpusat di Palembang. Namun daerah kekuasaannya begitu luas, termasuk Kerajaan Melayu (yang telah ada sejak 644 Masihi) di Jambi yang wujud lebih dahulu daripada Sriwijaya, dan daerah-daerah lain di Sumatera, Jawa, Kalimantan dan tanah Semenanjung. Bahkan pusat kedua Empayar Sriwijaya terletak

di bahagian utara tanah Semenanjung - di daerah Patani, Kelantan dan Kedah yang ada sekarang ini. Oleh sebab itu terdapat pelbagai prasasti yang ditemui di daerah-daerah ini terutama pada abad ke-7 hingga ke-10 Masihi, seperti prasasti-prasasti Sajamerta (awal abad ke-7), Bukateja, Dang Pu Hawang Glis, Manjusyrigrha, dan Kebon Kopi, (kesemuanya di Jawa); Kedukan Bukit, Talang Tuwo, Kota Kapur, Karang Berahi, Palas Pasemah (kesemuanya pada abad ke-7 Masihi), dan lain-lain di Sumatera; Prasasti Manila (900 Masihi di Filipina); Prasasti Ligor dan Chaiya (775 Masihi di Thailand Selatan), dan lain-lain.

Wujudnya prasasti-prasasti berbahasa Melayu di Jawa lantaran daerah itu pada suatu masa dahulu terletak di bawah kerajaan yang menggunakan bahasa Melayu seperti Empayar Sriwijaya yang disebutkan di atas dan juga kerajaan Syailendra yang berdiri di Pulau Jawa. Raja Syailendra ini mempunyai titisan keturunan daripada Kerajaan Funan. (Moorhead, 1959:62).

Setelah kerajaan Sriwijaya punah, bangkit pula kerajaan Samudera–Pasai di Sumatera Utara. Ia adalah sebuah kerajaan yang berpengaruh dan menjadi pusat perdagangan yang penting. Di sini bahasa Melayu menjadi bahasa pemerintahan dan perdagangan. Dari kerajaan ini lahir hasil karya sastera Melayu klasik yang terkenal iaitu *Hikayat Raja-raja Pasai*, yang terkarang pada abad ke-13 Masihi.

Kemudian setelah itu timbul pula kerajaan Melayu di Melaka pada abad ke-15 Masihi. Kerajaan ini merupakan kerajaan Melayu yang besar dan berpengaruh. Ia mempunyai kota pelabuhan yang sibuk dan makmur. Pelbagai pedagang dan biaperi datang ke Melaka. Di sini wujud bahasa Melayu yang menjadi bahasa perdagangan. Pengguna bahasa Melayu perdagangan memang cukup banyak dan datang dari pelbagai negeri seperti India, Arab, Cina, Parsi, Siam, Ujung Salang (Myanmar), Campa dan pedagang-pedagang dari kawasan kepulauan Asia Tenggara seperti Jawa, Bugis, Aceh, Brunei, Filipina, Palembang dan lain-lain.

Dari segi pusat penyiaran Islam, Melaka juga telah mengambil alih peranan Pasai. Agama Islam telah dikembangkan di Melaka oleh para maulana yang datang dari Asia Selatan dan Asia Barat. Mereka menggunakan bahasa Melayu dalam menyampaikan ajaran-ajaran Islam. Dengan itu bahasa Melayu menjadi bahasa perhubungan untuk pengajaran agama Islam. Kemudian dari Melaka, Islam berkembang ke tempat-tempat lain seperti di beberapa negeri di tanah Semenanjung, Sumatera Timur dari bahagian utara hingga ke selatan; kemudian dari

Melaka, Islam berkembang ke Jawa Timur dan Jawa Tengah seperti di Kota Grisek dan Japara. Dari Jawa Timur, Islam kemudian menuju ke Maluku, Sulawesi Selatan dan Kalimantan Selatan iaitu melalui jalur perdagangan rempah ratus. Dari Melaka juga Islam dari Mazhab Syafi'i berkembang ke Brunei dan seterusnya ke Filipina. Penyampaian ajaran agama Islam ini menggunakan bahasa Melayu. Buktinya ialah wujudnya pelbagai kitab yang ditulis dalam bahasa Melayu - walaupun menggunakan judul dalam bahasa Arab, dan kitab-kitab itu ditulis di pelbagai tempat di Asia Tenggara seperti Aceh, Palembang, Kedah, Patani, Banjarmasin, Pontianak, Sambas, Jawa, dan bahkan di tanah Haramain (Makkah dan Madinah).

Apabila kerajaan Melaka jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511, orang-orang Melayu Melaka dan rajanya berpindah ke Johor dan mendirikan kerajaan baru di sana. Ia meneruskan pemerintahannya termasuk mengekalkan wilayah empayarnya kecuali Melaka. Tradisi budaya dan bahasa Melayu Melaka dilestarikan dalam kerajaan Johor walaupun sering mendapat serangan daripada kerajaan Portugis di Melaka dan kemudian dari kerajaan Aceh, di Sumatera Utara. Dalam keadaan yang kelam kabut itu masih ada buku yang disusun oleh cendekiawan Johor seperti buku *Sulalatus-Salatin* (Sejarah Melayu) yang disusun oleh Tun Sri Lanang di Johor pada 1612, dan diselesaikan penulisannya di Aceh pada 1613 iaitu ketika beliau dalam tahanan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1606-1636).

Pada awal abad ke-18, kerajaan Johor mula retak menjadi Johor-Riau iaitu semasa pemerintahan raja-raja Melayu dari keturunan Raja Bendahara. Keretakan itu menjadi belah pada 1824 iaitu apabila penjajah Belanda dan Inggeris membahagikan kerajaan Johor-Riau kepada dua daerah penguasaan penjajahan: Riau dan daerah-daerah Melayu yang lain di bahagian selatan dan Sumatera serta Jawa dimasukkan ke dalam wilayah pengaruh kekuasaan Belanda. Sedangkan Johor, Singapura dan negeri-negeri Melayu yang lain di Semenanjung diletakkan di bawah pengaruh pemerintahan Inggeris. Namun bahasa Melayu yang dikenali sebagai bahasa Melayu Johor-Riau tetap terus berkembang dan membentuk kebudayaan dan ketamadunan Melayu dan melestarikannya hingga ke zaman kini.

Terdapat banyak bukti bahawa bahasa Melayu itu adalah bahasa lingua franca - bahasa perdagangan, bahasa perhubungan dan bahasa serantau, sekurang-kurangnya untuk kawasan Asia Tenggara. Di bawah ini diberikan contoh-contoh surat kiriman antara raja-raja atau penguasa-penguasa yang menggunakan

bahasa Melayu sebagai medianya sekalipun mereka mempunyai bahasa ibunda mereka sendiri:

1. Surat izin berniaga yang dikeluarkan oleh Sultan Alauddin Aceh kepada peniaga Inggeris yang bernama Kapten Harry Middleton. Suratnya menggunakan bahasa Melayu bertulisan Jawi, dan tidak menggunakan bahasa Aceh atau Inggeris. Surat ini bertarikh pada 1602;
2. Surat Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam Aceh, kepada King James I, Raja England bertarikh pada 1615;
3. Surat Raja Ambon, Maluku, Kimelaha Salahak Abdul Kadir kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris dan Gabenornya pada tahun 1658;
4. Surat Sultan Kaicil Nuku dari Tidore (Indonesia Timur) kepada Penguasa Inggeris di Bengkulu pada tahun 1785;
5. Surat Sultan Muhammad Yasin, Ternate kepada Pesuruhjaya Inggeris di Ambon pada tahun 1802;
6. Surat Thomas Stamford Raffles kepada Raja-raja di Jawa untuk mendapatkan sokongan daripada mereka bertarikh 1811;
7. Surat Perisytiharan bahawa Batavia (Jakarta) jatuh ke tangan Inggeris yang dikeluarkan oleh Lord Minto tetapi ditandatangani oleh T.S. Raffles bertarikh pada 1811;

dan banyak lagi surat-surat yang lain.

Dalam buku *Golden Letters: Writing Traditions of Indonesia* yang dikarang dan disusun oleh Annabel Teh Gallop dan Bernard Arps dari British Library London (1991) terdapat 19 pucuk salinan surat berbahasa Melayu yang digunakan oleh pelbagai raja dan penguasa di Asia Tenggara yang sebahagian besar daripada mereka bukan penutur asli bahasa Melayu kerana mereka mempunyai bahasa ibunda mereka sendiri. Namun mereka menggunakan bahasa Melayu sebagai lingua franca.

Dalam buku *The Legacy of the Malay Letter* yang disusun oleh Annabel Teh Gallop yang diterbitkan oleh The British Library untuk Arkib Negara Malaysia (1994) lebih banyak lagi contoh-contoh surat kiriman dan surat-surat hubungan diplomatik dalam bahasa Melayu terutama dalam zaman kerajaan Johor dan Johor-Riau yang terkenal itu. Contohnya ialah:

1. Surat Sultan Abdul Jalil Riayat Syah Johor dan Pahang kepada Louis XV, Roi de France et de Navarre, 1719;
2. Surat Gabenor-General de Klerk, Belanda kepada Sultan Muhammad Baharuddin Palembang, 1779;
3. Surat Sultan Abdul Jalil Siak kepada Lord Minto, 1811;
4. Surat Sultan Ahmad Terengganu kepada Baron van der Capellen, Batavia, 1824;
5. Surat Susuhunan Ratu Husain Palembang kepada Baron van der Capellen, 1823;
6. Surat Dato' Kelana Sungai Ujung kepada Gabenor Negeri-negeri Selat, 1859;
7. Surat Sultan al-Jaafar Muazzam Syah Perak kepada O. Cavenagh, 1857;
8. Surat Sultan Muhammad Azimuddin Sulu kepada Alexander Dalrymple, 1760;
9. Surat Sultan Ismail Bima, Nusa Tenggara kepada Baron van der Capellen, 1823;
10. Surat Panembahan Sumenap kepada T.S. Raffles, 1816.
11. Surat Ratu Ngurah Wayahan Bali kepada T.S. Raffles, 1811;
12. Surat Sultan Syarif Kassim Pontianak kepada T.S. Raffles, 1814;
13. Surat Tuan Cina Lam Tu kepada Raja Pulau Pinang (t.t.);
14. Surat Raja Jambi kepada T.S. Raffles, 1811;
15. Surat Sultan Sambas kepada T.S. Raffles, 1811;
16. Surat Sultan Johar, Aceh kepada T.S. Raffles, 1811;
17. Surat Philip Dundas President Governor, Pulau Pinang kepada Sultan Kedah, 1806;

dan banyak yang lain lagi.

Selain daripada ini terdapat pelbagai kitab agama Islam yang ditulis dalam bahasa Melayu. Dalam perkara ini bahasa Melayu adalah salah satu di antara bahasa untuk pegembangan agama Islam yang terpenting. Bagi Asia Tenggara bahasa Melayulah yang paling penting. Antara kitab-kitab tersebut ialah:

1. *Sirat al-Mustaqim* sebuah kitab Fiqh dikarang oleh Nuruddin al-Raniri Aceh;
2. *Sabil al-Muhtadin*, sebuah kitab Fiqh dikarang oleh Muhammad Arshad di Banjarmasin;
3. *Sayar al-Salikin*, sebuah kitab Fiqh Tasawuf dikarang oleh Abdul Samad al-Falimbani ketika di Makkah;
4. *Furu' al-Masa'il*, sebuah kitab Fiqh dikarang Daud Abdullah di Patani;

5. *Kanz al-Ma'rifah*, sebuah kitab tasawuf dikarang oleh Muhammad Arsyad di Banjarmasin;
6. *Al-Durr al-Nafis*, sebuah kitab tasawuf karangan Muhammad Nafis Banjarmasin tetapi dikarang di Makkah;
7. *Bidayat al-Hidayah* dan *Kasyf al-Kiram* oleh Zain bin Faqih Jalal Aceh, tetapi dipersiapkan penulisannya di Makkah;
8. *Hidayat al-Salikin* dikarang oleh Abdul Samad al-Falimbani di Makkah;

dan beratus-ratus lagi kitab yang dikarang oleh para ulama Asia Tenggara dari pelbagai suku bangsa tetapi menggunakan bahasa Melayu, walaupun kitab-kitab mereka diberi judul dalam bahasa Arab. Dan kitab-kitab ini ditulis bukan sahaja di tempat-tempat mereka tinggal seperti Aceh, Minangkabau, Palembang, Kedah, Patani, Kelantan, Banjarmasin, Makassar, Sambas dan lain-lain tetapi juga di Makkah dan Madinah.

(Azyumardi Azra, 1914)

Kitab-kitab dalam bahasa Melayu dikarang untuk membentuk masyarakat Melayu agar menjadi manusia yang terdidik dan sesuai dengan kehendak-kehendak Islam, ajaran suci daripada agama Allah. Gabungan ajaran agama Islam dengan fitrah manusia Melayu cukup serasi, kerana itu ia telah dapat membentuk satu masyarakat yang kukuh, bertoleransi, tasamuh, dan luwes, sebab itu di dunia Melayu tidak timbul kekacauan seperti yang berlaku di Asia Barat seperti di kalangan orang-orang Yahudi dan Arab, atau di Afghanistan yang bercakaran sesama sendiri, atau seperti di Afrika terutama di Burundi, Somalia, Algeria, Chad, Afrika Selatan dan lain-lain; atau di Amerika Selatan seperti di Peru, Venezuela, dan Bolivia, atau seperti di Ireland Utara, di Rusia, di bekas negara Yugoslavia dan negara-negara yang lain.

Dari sini kita dapat mengenal pasti bahawa budaya Melayu yang dibentuk berasaskan acuan ajaran Islam dapat melahirkan ketamadunan Melayu yang tinggi dan unggul. Kebudayaan dan ketamadunan Melayu dapat dikembangkan dan dilestarikan melalui wahana bahasa Melayu yang telah mencapai tahap yang tinggi.

Ajaran Islam itu disalurkan selain melalui pengajian Islam dan tulisan-tulisan kitab agama yang diajar di pondok, masjid dan surau dan juga sekolah pada zaman moden ini, ajaran Is-

lam juga dikembangkan melalui undang-undang dan hukum kanun yang diamalkan di negeri-negeri Melayu. Ini boleh kita perhatikan pada kandungan buku undang-undang dan hukum kanun pada beberapa abad yang lalu iaitu sebelum tersebar undang-undang Barat di dunia Melayu. Contoh buku-buku Hukum Kanun dan Undang-undang ialah:

1. *Hukum Kanun Melaka;*
2. *Undang-undang Laut Melaka;*
3. *Thamarat al-Muhimmah;*
4. *Undang-undang Palembang;*
5. *Undang-undang Jambi;*
6. *Undang-undang Kedah dan berpuluh-puluh yang lain yang terdapat di dunia Melayu.*

(Zalila Sharif dan Jamilah Hj Ahmad, 1993)

Selain itu dalam membentuk masyarakat Melayu agar menjadi masyarakat yang bersopan santun, berbudi bahasa, membentuk kecerdasan berfikir, pergaulan yang mesra dengan tidak mengira agama, bangsa, bahasa dan budaya, serta berjiwa seni yang peka pada keindahan alam, dan mendapatkan panduan dan iktibar daripada tulisan-tulisan yang bermutu, maka lahirlah dalam bahasa Melayu pelbagai hasil karya sastera yang menggunakan bahasa Melayu yang indah dan diterima oleh semua lapisan masyarakat iaitu bahasa Melayu Johor-Riau. Dalam bidang ini terlalu banyak yang hendak disebutkan seperti *Hikayat Amir Hamzah, Hikayat Hang Tuah, Hikayat Siak*, buku-buku syair, gurindam dan lain-lain selain buku-buku untuk panduan para penguasa yang baik seperti *Bustan al-Salatin* dan *Taj al-Salatin*, ataupun perubatan Melayu, perdukunan Melayu, penjagaan senjata terutama keris, pemeliharaan haiwan kesayangan seperti burung ketitir, kuda dan gajah; ilmu raksi dan bintang dua belas, dan seterusnya yang lain-lain. Hasil-hasil karya ini begitu banyak jumlahnya. Pada masa ini tulisan-tulisan yang masih dalam bentuk manuskrip berjumlah kira-kira 12,000 di seluruh dunia. Dan puncak penulisan dalam bahasa Melayu klasik ialah pada kira-kira 1750 iaitu dalam zaman kerajaan Johor-Riau. Itu sebabnya nama bahasa Melayu Johor-Riau sangat terkenal hingga kini, walaupun telah bertukar namanya menjadi bahasa Malaysia, bahasa Indonesia, Melayu Brunei dan Melayu Singapura.

Terbelahnya Johor-Riau oleh penjajah Barat tidak menyurutkan perkembangan dan keagungan bahasa Melayu serta kebudayaan dan ketamadunan Melayu. Riau yang dijajah

oleh Belanda tetap terus berusaha memajukan bahasa Melayu dan Riau tetap terus melahirkan cendekiawan Melayu. Pada awal abad ke-19 di Riau lahir Raja Ali Haji bin Raja Haji Ahmad (1809-1870 Masihi). Beliau adalah cendekiawan Melayu yang ulung yang banyak melahirkan karya-karya tulis yang bermutu seperti *Tuhfat al-Nafis, Salasilah Melayu dan Bugis, Gurindam Dua Belas, Kitab Pengetahuan Bahasa, Bustan al-Katibin, Siti Syarah, Suluh Pegawai, Taman Permata,* dan lain-lain. Selain itu Riau juga masih ada penulis-penulis lain seperti Raja Ali Tengku Kelana, Raja Aisyah, Raja Khalid Hitam, Abu Muhammad Adnan dan lain-lain. Di Riau juga ditubuhkan Rusydiah Club dan kilang percetakan untuk mencetak buku dan kitab-kitab Melayu. Oleh sebab itu pihak penjajah Belanda telah menyebarkan para pengkaji bahasa Melayu dari kalangan mereka di daerah Riau ini, dan mereka ini telah mengumpulkan hasil karya tulisan Melayu untuk dibawa ke perpustakaan mereka di Batavia (sekarang Jakarta) dan juga ke negeri Belanda terutama di Leiden.

Bahasa Melayu Riau ini juga yang dipilih oleh Belanda untuk berhubungan dengan kaum peribumi di kepulauan Hindia Belanda (Indonesia), kerana mereka memandang tinggi terhadap bahasa ini dan diberi nama bahasa Melayu tinggi kerana ia merupakan bahasa yang digunakan di istana-istana Melayu. Belanda juga telah menubuhkan sekolah-sekolah berbahasa Melayu bukan sahaja di daerah Riau tetapi juga di daerah lain termasuk di Deli-Serdang, Pulau Jawa dan Indonesia Timur. Akhirnya bahasa Melayu Riau ini menjadi bahasa persatuan bagi para aktivis dan nasionalis Indonesia dan dengan itu juga dalam Kongres Pemuda Indonesia 1928 tercetuslah Sumpah Pemuda yang menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa persatuan bagi bangsa Indonesia dengan nama baru Bahasa Indonesia. Pada tahun 1945 bahasa inilah yang menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara Indonesia Merdeka.

Bahasa Melayu Johor pula telah berkembang dalam pemerintahan Inggeris. Secara kebetulan dalam zaman pemerintahan Johor-Riau lahir seorang cendekiawan Melayu yang bernama Abdullah bin Abdul Kadir yang terkenal dengan nama Abdullah Munsyi (1796-1854). Beliau lahir di Melaka tetapi beliau lebih banyak menghabiskan masanya di Singapura kerana mengajar bahasa Melayu kepada orang-orang Inggeris seperti Sir Stamford Raffles, Paderi Thomsen, Paderi Milne, Paderi Keasberry, Crawford, dan lain-lain. Orang-orang Inggeris ini menggunakan bahasa Melayu Johor untuk berhubungan dengan orang-orang Melayu dan peribumi yang lain di tanah-tanah

jajahan Inggeris bukan sahaja di Semenanjung tetapi juga di tanah jajahan Inggeris di Borneo (Kalimantan). Pada masa pemerintahan Inggeris ini dibuka sekolah Melayu. Mula-mula di Pulau Pinang (1821), kemudian di Singapura (1856) iaitu di Teluk Belanga (atas inisiatif Temenggung Daing Ibrahim Johor) dan Kampong Gelam, kemudian di tempat-tempat lain termasuk Melaka, dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu.

Pada tahun 1821 diterbitkan pula majalah Melayu yang pertama iaitu di Melaka dengan judulnya *Bustan Arifin*. Walaupun ia merupakan sebuah majalah Kristian tetapi yang penting ialah majalah ini menggunakan bahasa Melayu dengan memakai tulisan Jawi dan Rumi. Kemudian selepas itu terbit pula akhbar Melayu pertama di Malaya iaitu *Jawi Peranakan* yang mula terbit di Singapura pada 1876. Selepas itu terbit akhbar-akhbar Melayu yang lain seperti *Sekolah Melayu*. Pada tahun 1878 dibuka pula maktab perguruan Melayu yang pertama iaitu untuk melatih guru-guru sekolah Melayu. Selepas itu dibuka pula yang lain-lain seperti di Melaka, Matang, Tanjung Malim dan Durian Daun, Melaka. Dengan adanya institusi-institusi ini bahasa Melayu terus berkembang. Akhirnya pada tahun 1888 ditubuhkan Pakatan Belajar Mengajar Pengetahuan Bahasa Johor di Johor Bahru, yang digerakkan oleh para pegawai kerajaan Johor. Langkah ini dilakukan bagi mengisi dan mengikut kehendak pada masa itu iaitu kerajaan Johor mengadakan pembaharuan dalam sistem pentadbiran dengan menggunakan sistem pentadbiran yang moden dengan memakai bahasa Melayu sebagai bahasa pentadbiran.

Pada tahun 1895 Perlembagaan Negeri Johor yang moden iaitu Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Johor telah disusun dan ditulis dalam bahasa Melayu. Sistem inilah yang ditiru oleh negeri-negeri Melayu yang lain di tanah jajahan Inggeris di Malaya dan Borneo. Dengan itu bahasa Melayu Johor terus berkembang dalam pemerintahan, penerbitan-penerbitan majalah, surat khabar dan buku, bahkan dalam siaran radio yang dipancarkan dari Singapura mulai 1946. Akhirnya bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan bagi negara Malaysia yang merdeka.

Walaupun bahasa Melayu Johor-Riau terbelah dan terpisah tetapi ia terus hidup dan berkembang di bumi yang berlainan. Ia hidup subur untuk melestarikan kebudayaan dan ketamadunan Melayu. Namun sejarah telah menetapkan bahawa ia akan bercantum semula. Saatnya mula berputik dalam Kongres Bahasa Indonesia Kedua di Medan, Indonesia. Pada

masa itu satu rombongan ahli bahasa dan wartawan Melayu telah menghadiri Kongres tersebut. Kemudian pada tahun 1956, ketika diadakan Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga di Johor Bahru-Singapura, rombongan perwakilan rasmi dari Indonesia telah menghadiri kongres ini. Setelah itu pada tahun 1957, Persekutuan Tanah Melayu merdeka telah membuka pejabat kedutaannya di Jakarta. Menerusi hubungan diplomatik ini, maka perjanjian kerjasama kebudayaan telah dimeteraikan. Pada tahun 1967 diperkukuhkan lagi perjanjian kerjasama kebudayaan dan kebahasaan. Akhirnya pada tahun 1972 kedua-dua buah negara bersetuju untuk menggunakan sistem ejaan Rumi yang sama. Bagi meneruskan usaha ini sebuah majlis bahasa telah ditubuhkan iaitu Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia (MBIM). Majlis ini kemudian diperluaskan ke negara Brunei pada tahun 1985, sehingga majlis tersebut bertukar namanya menjadi Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia atau singkatannya MABBIM. Perkara-perkara yang dipersetujui dikembangkan ke bidang-bidang yang lain seperti sistem penggubalan istilah yang sama, sistem penyusunan kamus bidang ilmu yang sama, transliterasi huruf Arab ke Rumi dan lain-lain.

Kesimpulan

Setelah kita menelusuri sejarah perkembangan bahasa Melayu dari zaman Empayar Funan hingga ke zaman Melaka dan Johor, tetapi puncak zaman bahasa Melayu klasik adalah pada kira-kira tahun 1750 iaitu dalam zaman kerajaan Johor-Riau. Pada masa itu bahasa Melayu telah menjadi bahasa perdagangan (trade language), bahasa perhubungan (contact language), bahasa serantau (supranational language) iaitu di rantau Asia Tenggara dari Gujerat sampai ke pantai utara Australia. Bahkan pada masa itu wujud bahasa Melayu bazar (pasar) seperti yang diberitakan oleh William Marsden (1812) yang merupakan satu bentuk bahasa pijin (pidgin) dan kemudian menjadi bahasa kreol (Creole). Jenis-jenis bahasa di atas termasuk ke dalam takrif bahasa lingua franca seperti yang diutarakan oleh Samarin (1968).

Bahasa Melayu Johor-Riau menjadi wahana dalam melestarikan kebudayaan Melayu dan juga bagi membangunkan dan membina ketamadunan di Asia Tenggara. Oleh sebab itu apabila kerajaan Johor-Riau retak dan kemudian terbelah menjadi Johor dan Riau di bawah penjajahan Inggeris dan Belanda bahasa Melayu tetap terus hidup. Bahasa Melayu Johor berkembang dalam kawasan pemerintahan penjajahan Inggeris di Malaya

dan British Borneo, sedangkan bahasa Melayu Riau berkembang dalam tanah jajahan Hindia Timur Belanda. Kedua-dua tanah jajahan ini kemudian mencapai kemerdekaannya dengan menggunakan bahasa mereka masing-masing. Bahasa Melayu Johor berubah menjadi bahasa Melayu yang menjadi bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan di Malaysia, Brunei Darussalam dan Singapura. Sedangkan bahasa Melayu Riau menjadi bahasa Indonesia dan bertaraf sebagai bahasa negara. Bahasa ini kemudian bercantum semula hasil daripada usaha menteri-menteri pendidikan Indonesia, Malaysia dan Brunei Darussalam yang membentuk Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM). Melalui majlis ini disusun ejaan yang sama, panduan penggubalan istilah yang sama, panduan penyusunan kamus bidang ilmu yang sama, dan pelbagai bidang yang lain lagi. Dengan itu Bahasa Melayu Johor-Riau bukan sahaja sebagai lingua franca tetapi juga menjadi wahana pembentukan kebudayaan Melayu yang menjadi teras kebudayaan nasional, dan peningkatan ketamadunan Dunia Melayu.

Bibliografi

Ahmad Ibrahim. et.al. 1989. *Islam di Asia Tenggara: Perspektif Sejarah.* Jakarta: LP3 ES.

Ahmat Adam 1992. *Sejarah dan Bibliografi Akhbar dan Majalah Melayu Abad Kesembilan Belas.* Bangi: Penerbit UKM.

A. Samad Ahmad. 1989. *Serangkai Warisan Sejarah.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Awang Had Salleh. 1979. *Malay Secular Education and Teacher Training in British Malaya.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Azyumardi Azra. 1994. *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII.* Bandung: Penerbit Mizan.

Barnard, Timothy P. 1994. *Raja Kecil dan Mitos Pengabsahannya.* Riau: Pusat Pengajian Melayu UIR.

Buyong Adil. 1971. *Sejarah Johor.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Byrd, Cecil K. 1991. *Percetakan Awal Di Jajahan Selat 1806-1858.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hamidy, U.U. 1981. *Bahasa Melayu Riau.* Pekanbaru: Pustaka AS.

Judge, Harry 1991. *Oxford Illustrated Encyclopedia: World History from Earliest Times to 1800.* Oxford: Oxford University Press.

Hamidy, U.U. 1994. *Bahasa Melayu dan Kreativitas Sastra di Daerah Riau.* Pekan Baru: UNRI Press.

Hamidy, U.U. 1996. *Orang Melayu di Riau.* Pekanbaru: UIR Press.

Katalog Pameran Manuskrip Melayu Antarabangsa. Perpustakaan Negara Malaysia, 2-31 Oktober 1995.

Kisah Pelayaran Abdullah ke Kelantan dan Judah, dengan Pengenalan dan Anotasi oleh Kassim Ahmad). Kuala Lumpur: Oxford University Press.

M.A. Fawzi Basri. 1983. *Warisan Sejarah Johor.* Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

Marsden, William. 1984. *A Grammar and Dictionary of the Malayan Language.* Singapore: Oxford University Press.

Mohd Dahlan Mansoer. 1979. *Pengantar Sejarah Nusantara Awal.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Moorhead, F.J. 1959. *A History of Malaya and Her Neighbours I.* London: Longmans.

Muchtar Lutfi et.al. 1977. *Sejarah Riau.* Pekanbaru: Percetakan Riau.

Reid, Anthony dan David Marr. 1983. *Dari Raja Ali Haji hingga Hamka.* Jakarta: Grafitipers.

Samarin, William J. 1968. *Lingua Francas of the World* dlm Joshua A. Fishman (ed.) *Readings in the Sociology of Language.* The Hague, Paris, New York: Mouton.

Sharifah Maznah Syed Omar. 1995. *Mitos dan Kelas Penguasa Melayu.* Pekanbaru: UNRI Press.

Teh Gallop, Annabel. 1994. *The Legacy of the Malay Letter.* London: British Library and The National Archives of Malaysia.

Teh Gallop, Annabel dan Bernard Arps. 1991. *Golden Letters Writing Traditions of Indonesia.* London: British Library.

Wardhaugh, Ronald. 1986. *An Introduction to Sociolinguistics.* Oxford: Basil Blackwell.

Zalila Sharif dan Jamilah Hj Ahmad. 1993. *Kesusasteraan Melayu Tradisional.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zuber Usman. 1959. *Kesusasteraan Baru Indonesia.* Jakarta: Gunung Agung.

DATO' ONN JA'AFAR:
WARTAWAN DAN PENERBIT AKHBAR 1930-1941

PROF MADYA DR RAMLAH ADAM

Pengenalan

Dato' Onn terkenal sebagai pemimpin orang Melayu menentang Malayan Union dan Yang Dipertua UMNO yang pertama. Beliau juga dikenali sebagai seorang yang mempunyai idea-idea politik yang mendahului zamannya, seperti mencadangkan satu parti untuk semua bangsa dengan membuka UMNO kepada kaum lain dan menubuhkan *Independence of Malaya Party* demi untuk mengatasi perasaan perkauman di negara ini selepas merdeka. Beliau kecewa namun masa akan menentukan kebenaran ideanya yang unik itu, dan ini akan menjadikan Dato' Onn istimewa di sepanjang jalan putaran sejarah negara ini.

Tidak ramai yang kenal Dato' Onn sebagai wartawan yang tajam mata penanya, sekaligus memberi nafas baru kepada imej dan fungsi kewartawanan dalam masyarakat Melayu pada zamannya. Beliau juga boleh dikatakan memulakan satu era dalam gaya penulisan dengan memberi imej sekular kepada akhbar Melayu. Penglibatan Onn dalam dunia kewartawanan memulakan satu tradisi baru yang tidak lagi berlandaskan gerakan Islah atau reformasi agama Islam dalam akhbar Melayu.

Dato' Onn sebagai pengarang *Warta Malaya*

Bidang kewartawanan telah menarik perhatian Onn sejak 1927 lagi. Tulisannya di dalam *Sunday Mirror*[1] yang membidas Sultan Ibrahim, telah menonjol kebolehannya. Pengalamannya di Johor pula meyakinkan beliau tentang kebebasan bersuara yang menjadi pegangan dan bidang tugas utama seorang wartawan. Seorang wartawan boleh membincangkan dan mengutarakan pendapat dan bidasannya secara terus kepada masyarakatnya. Mereka menjadi pendukung kebenaran dan pembela keadilan.[2]

Bagi Onn, yang mempunyai sikap berani yang jitu, bidang ini sangat sesuai dengan sikapnya.

Bagaimanapun, Onn seperti kebanyakan orang Melayu yang lain tidak mempunyai wang untuk menerbitkan akhbar. Inilah punca utama mengapa orang Melayu tidak lahir sebagai penerbit akhbar, sejak dunia persuratkhabaran bermula pada akhir abad ke-19. Kebanyakan penerbit akhbar Melayu ialah saudagar Cina dan Arab.[3]

Pada akhir tahun 1929 beliau mula berbincang dengan Syed Hussein Alsagoff, salah seorang anggota keluarga yang kaya dan terkenal di Singapura. Onn mengenali Syed Hussein Alsagoff melalui perkahwinan adiknya Azizah dengan Syed Mohamad Alsagoff, sepupu Syed Hussein Alsagoff. Mereka tinggal di Kampung Arab, Singapura. Perkahwinan itu merapatkan perhubungan Onn dengan keluarga Alsagoff.

Syed Hussein bersetuju dengan cadangan Onn. Pengalaman Onn di *Sunday Mirror* dan ketajaman penanya, meyakinkan Syed Hussein. Onn juga mempunyai kebolehan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu yang sangat baik dan berguna bagi bidang ini. Maka dengan sedikit tambahan modal daripada abangnya, Syed Abdullah dan sepupunya, Sharifah Aminah, Syed Hussein menerbitkan *Warta Malaya* yang dicetak oleh Anglo-Asiatic Press, Singapura. Pada tahun 1934 ia ditukar kepada *Warta Malaya Press*.

Onn memulakan tugasnya sebagai pengarang utama *Warta Malaya* pada 1 Januari 1930, dengan dibantu oleh dua orang penolong pengarang yang berkebolehan dalam bidang masing-masing. Ismail Abdul Kadir dan Hashim yang berasal dari Singapura, ditugaskan untuk mengendalikan hal-hal pertanian dan agama Islam. Soal politik, sosial dan pentadbiran dipegang oleh Onn. Yusof Ishak yang kemudiannya mengusahakan *Utusan Melayu* pada tahun 1939 telah dilantik sebagai pengurus *Warta Malaya*.

Penglibatan Onn dan penerbitan *Warta Malaya* memulakan peringkat kedua akhbar Melayu. Pada peringkat ini kesuburan akhbar Melayu lebih baik daripada peringkat pertama yang bermula pada akhir kurun ke-19.[4] Pada peringkat ini, pengedar akhbar Melayu sangat kecil iaitu antara 250 naskhah sehingga 500 naskhah sahaja. Kekurangan modal dan kadar buta huruf yang terlalu tinggi telah membantutkan kegiatan bidang ini. Oleh sebab itu kebanyakan akhbar bersifat mingguan dengan isi kandungan yang terhad. Jumlah akhbar itu juga kecil dan umurnya pendek. Tetapi pada peringkat kedua terdapat 100 buah akhbar di pasaran.

Warta Malaya diterbitkan sebagai sebuah akhbar harian yang bertulisan Jawi, dan berbentuk tabloid dengan 12 muka surat. Jumlah keluarannya dikatakan sentiasa meningkat dari masa ke masa.[5] Pejabatnya terletak di Cecil Street, Singapura. Harganya ialah 10 sen.

Sebagai ketua pengarang, Onn bertanggungjawab memajukan *Warta Malaya*. Beliau berusaha menjadikan *Warta Malaya* sebagai akhbar yang menarik kerana adanya saingan daripada akhbar Inggeris seperti *Singapore Free Press, Strait Times* dan *Malaya Tribune* yang telah diterbitkan lebih awal. Akhbar Inggeris ini mendapat sambutan yang baik terutama daripada pembaca Melayu yang berpendidikan Inggeris. Mereka mendapati akhbar itu lebih banyak isi serta mempunyai berita yang terbaru dan tepat dalam penyampaiannya. Onn, yang menyedari hal ini,[6] cuba sedaya upaya membentuk *Warta Malaya* setanding dengan akhbar bahasa Inggeris itu.

Salah satu cara ialah dengan mempelbagaikan isi *Warta Malaya* supaya bidang perbincangannya menjadi luas. Onn memasukkan apa sahaja perkara penting yang menjadi perbincangan masyarakat Melayu atau perkara yang difikirkannya patut diketahui oleh orang Melayu. Berita dalam dan luar negeri serta ulasannya terhadap berita itu juga menjadi perhatiannya. Pendapat pembaca yang membincangkan berbagai-bagai perkara yang tidak memuaskan hati, dimuatkan dengan agak meluas. Ini sangat penting bagi memberi peluang orang ramai bertukar pendapat dalam mengatasi bersama masalah mereka.[7] Iklan-iklan juga dimuatkan dengan banyak bagi memberi maklumat kepada orang ramai, di samping sebagai sumber kewangan.

Untuk mendapatkan bahan-bahan bagi tulisannya dan menyunting karangan orang lain, Onn membaca dengan begitu meluas sekali. Beliau membaca apa sahaja, sama ada buku, majalah dan akhbar-akhbar harian untuk mengetahui berita semasa, pendapat baru dan perkembangan tertentu. Buku sejarah seperti *The Legal Status of Malay States* karangan R. Barddell dibacanya bagi membidas dasar 'penaklukan' British ke atas Tanah Melayu pada tahun 1930. Begitu juga buku R. Emerson, *Malaysia, Direct and Indirect Rule* yang diterbitkan pada tahun 1937, bagi mendapatkan idea berkenaan dengan tindakan T.S. Adams melantik Tengku Mahkota Selangor. Buku-buku rujukannya dikatakan sentiasa berselerak di atas mejanya.[8]

Keadaan sekelilingnya juga memberi kesedaran dan ilham yang bukan sedikit kepadanya. Kehidupan orang Melayu yang tersepit di tengah-tengah kota kosmospolitan Singapura membuka matanya. Mereka bukan sahaja tertinggal dalam

bidang ekonomi, tetapi juga dalam soal sikap hidup. Perbezaan ekonomi dan sosial orang Melayu jauh berbeza daripada bangsa-bangsa lain terutama orang Cina.[9] Dengan itu Onn berasa perlu membangkitkan kesedaran orang Melayu dan mempertahankan kepentingan orang Melayu dalam masyarakat majmuk itu.[10] Sepanjang penglibatannya sebagai wartawan, Onn tidak berhenti-henti menggunakan masyarakatnya sebagai bahan tulisannya. Daripada soal kelemahan pelajaran sehinggalah kepada soal pelacuran di kalangan orang Melayu.

Kerapkali Onn mencari idea dengan berbincang dan bertukar fikiran dengan pemimpin dan cerdik pandai Melayu yang terdapat dalam Kesatuan Melayu Singapura (KMS), sebuah persatuan yang ditubuhkan pada tahun 1926 untuk menjaga kepentingan orang Melayu Singapura.[11] Pemimpinnya seperti Eunos Abdullah adalah penggerak dan pelindung orang Melayu Singapura. Beliau telah dilantik sebagai wakil khas orang Melayu dalam *Singapore Legislative Council.* KMS ditubuhkan untuk menguatkan kedudukan beliau dalam majlis itu.

Hubungan Onn dengan pemimpin KMS ini sangat rapat. Mereka sentiasa berbincang mengenai masalah orang Melayu Singapura, yang juga masalah sejagat orang Melayu. Dengan itu Onn berasa bertanggungjawab memikirkan bersama masalah mereka. Onn selalu membangkitkan perkara penting yang menjadi masalah mereka sehingga *Warta Malaya* seolah-olah menjadi jurucakap masyarakat Melayu Singapura.[12]

Bagi Onn, masalah Melayu Singapura juga adalah masalah orang Melayu pada umumnya. Oleh sebab itu beliau berasa bertanggungjawab untuk memikirkan bersama masalah itu. Akhbar *Warta Malaya* dijadikan alat untuk mengemukakan dan membuat cadangan yang perlu, sehingga *Warta Malaya* dipenuhi dengan masalah masyarakat Melayu Singapura.

Ucapan cerdik pandai di negeri-negeri Melayu juga memberi kesan kepada Onn. Sebagai seorang wartawan, Onn sangat peka kepada saranan mereka yang amat berguna bagi kemajuan orang Melayu. Desakan Raja Chulan ibnu Sultan Abdullah dan Dato' Abdullah Dahan Rembau dalam Federal Council, pada tahun 1931, mengenai peluang-peluang pekerjaan yang lebih luas kepada anak Melayu dalam perkhidmatan kolonial British, disokongnya dengan kuat. Begitu juga dalam soal menyediakan pelajaran yang baik bagi anak-anak Melayu.[13] Bagi Onn, adalah menjadi tanggungjawab British untuk memajukan orang Melayu dalam usaha untuk menyediakan mereka dengan pengalaman dan pengetahuan bagi mentadbir negeri sendiri.[14] Onn telah melahirkan idea berkerajaan sendiri

di Tanah Melayu melalui penyediaan pegawai tadbir yang cekap, yang boleh mengambil alih pentadbiran Tanah Melayu daripada British pada suatu masa nanti.

Penglibatan Onn sebagai wartawan telah membawa beliau berhadapan dengan arus politik Tanah Melayu yang paling penting pada masa itu, iaitu gerakan nasionalisme Melayu, yang kini memasuki tahap kedua.[15] Pada tahap pertama, pada awal abad ke-20, nasionalisme Melayu dimulakan oleh Kaum Muda iaitu satu kumpulan cerdik pandai Melayu yang mendapat pendidikan di Timur Tengah. Menjelang tahun 1930, golongan yang berpendidikan Melayu dan Inggeris pula memainkan peranan. Mereka menjadi pengarang akhbar yang utama seperti *Warta Malaya, Majlis, Lembaga Malaya* dan *Utusan Melayu*. Antara yang penting ialah Onn Ja'afar, Abdul Rahim Kajai, Ishak Haji Muhammad, Ahmad Boestamam dan Ibrahim Yaakob (IBY) dan lain-lain lagi.

Pada peringkat ini, Onn bolehlah dikatakan mendahului kawan-kawannya, terutama Abdul Rahim Kajai yang dianggap sebagai Bapa Wartawan Melayu. Ini kerana Onn yang berpendidikan Melayu dan Inggeris tidak terikat dengan nilai Islam dan reformasi Islam, seperti Abdul Rahim Kajai yang mendapat pendidikan Islam di Makkah dan berulang-alik ke Makkah sehingga tahun 1927. Beliau kemudiannya menjadi penolong pengarang akhbar *Saudara*, Pulau Pinang yang condong kepada gerakan reformasi Islam. Maka dengan pendidikan dan pekerjaan seperti itu, Abdul Rahim Kajai bolehlah dikatakan seorang wartawan yang termasuk dalam golongan pertama gerakan nasionalisme Melayu iaitu golongan Kaum Muda.[16]

Bagi Onn, kesemua latar belakang itu tidak dimilikinya. Beliau benar-benar seorang Melayu daripada kelas atasan yang menjadi pegawai kerajaan dan mendapat pendidikan Inggeris. Oleh sebab itu, apabila beliau mengendalikan *Warta Malaya* sikapnya dan pendekatannya adalah sekular. Beliau, sebagai pengarang utama *Warta Malaya*, tidak terikat dengan soal-soal agama Islam. Dalam memperkatakan pandangan dan idea-ideanya, beliau tidak menggunakan hadis atau ayat al-Quran. Walaupun *Warta Malaya* mempunyai ruangan agama Islam, tetapi sangat terhad dan hanya untuk mempelbagaikan kandungan *Warta Malaya*. Tambahan pula akhbar-kahbar lain yang bersifat *Warta Malaya* iaitu *Majlis* dan *Utusan Melayu*, diterbitkan lebih lewat daripada *Warta Malaya*. Maka Onn bolehlah dikatakan perintis kepada kegiatan golongan yang kedua itu, walaupun beliau bergiat sebagai wartawan dalam masa satu dekad sahaja.

Tema yang dibincangkan oleh Onn dan pengarang-pengarang lain pada peringkat kedua ini berlegar dalam soal yang berkaitan dengan dasar penjajahan British, sikap orang Melayu dan kemasukan orang asing ke Tanah Melayu.[17] Perbincangan dan desakan mereka bukanlah suatu penentangan kepada penjajahan untuk menuntut kemerdekaan, tetapi lebih bersifat *constitutional liberalism*.[18] Mereka lebih banyak menuntut kedudukan yang lebih baik dalam pentadbiran, kegiatan ekonomi, peningkatan pendidikan, peluang pekerjaan yang lebih luas dan perlindungan daripada pertandingan orang luar dalam bidang ekonomi. Tuntutan mereka dijalankan secara perlembagaan tanpa menggunakan kekerasan senjata atau sebagainya.

Inilah yang dilakukan oleh Onn Ja'afar. Tulisannya selama tiga tahun di *Warta Malaya* sentiasa membidas dasar politik, pentadbiran, pendidikan dan ekonomi British yang merugikan dan memundurkan orang Melayu. Walaupun kritikannya dibuat secara terbuka dan tajam, tetapi beliau tidak pernah mencadangkan kekerasan, dalam sebarang bentuk, digunakan bagi melaksanakan syornya. Beliau tidak percaya dengan pendekatan itu kerana itu beliau tidak bertindak dengan cara tersebut. Sebaliknya, beliau cukup percaya, kritikan itu secara langsung akan menyedarkan orang Melayu terhadap penindasan British yang dilakukan secara sengaja ke atas mereka. Secara sedar Onn membangkitkan rasa tidak puas hati orang Melayu, yang merupakan asas bagi penentangan politik orang Melayu terhadap British pada tahun 40-an.

Pada tahun pertama, 1930, Onn membangkitkan dasar pelajaran British terhadap orang Melayu. Pendidikan yang dilihat oleh Onn sebagai alat untuk menaikkan taraf hidup orang Melayu menjadi tumpuannya yang paling utama.[19] Dalam rencana-rencana pengarangnya, Onn selalu membangkitkan persoalan itu tanpa jemu. Terdapat lebih daripada 30 rencana tentang soal tersebut. Kerendahan mutu pelajaran sekolah Melayu, tidak adanya nilai ekonomi, keengganan British mengajar bahasa Inggeris di sekolah Melayu, adalah isu penting yang diutarakannya.

Pada bulan Oktober 1930, dalam rencana pengarangnya yang bertajuk "Sekolah Melayu", Onn membangkitkan kerendahan mutu pelajaran 'vernakular' Melayu. British yang telah memperkenalkan sistem sekolah vernakular Melayu pada pertengahan abad ke-19, memastikan setiap kanak-kanak Melayu bersekolah selama lima tahun sebelum memasuki sekolah Inggeris. Sukatan pelajarannya sangat asas iaitu membaca,

mengira dan menulis. Ilmu pertukangan, anyaman dan pertanian diperkenalkan kemudian supaya sesuai dengan kehidupan luar bandar. R.O. Winstedt melalui Laporan Tahunan 1917, dikatakan telah membantutkan perkembangan intelektual orang Melayu kerana menyediakan sukatan pelajaran yang bersifat kekampungan.[20]

Bagi Onn, sekolah vernakular Melayu yang diperkenalkan sedemikian rupa oleh British, tidak membolehkan orang Melayu berkecimpung dalam bidang ekonomi, perdagangan atau memasuki pentadbiran kerajaan kolonial.[21] Mereka juga tidak mampu untuk mendapatkan pelajaran Inggeris yang lebih mahal dan jauh dari luar bandar. Jika ada yang mampu pula, kerapkali mereka tersangkut kerana umur yang tinggi dan kurang kemudahan.[22]

Onn mencadangkan satu cara yang menarik untuk mengatasi kelemahan mutu pelajaran Melayu. Beliau menggabungkan tiga mata pelajaran untuk dipelajari oleh anak-anak Melayu sekolah rendah. Dalam rencana pengarangnya pada 27 Oktober 1930, Onn mengesyorkan supaya bahasa Inggeris diajar dalam darjah satu dan dua manakala bahasa Melayu diajar dalam darjah tiga dan empat di sekolah Melayu. Pelajaran agama Islam pula diajar di sebelah petang dalam darjah satu dan dua. Bagi Onn, pelajaran agama yang menggunakan tulisan Jawi, boleh menjadi asas kepada pelajaran bahasa Melayu dalam darjah tiga dan empat. Pelajaran bahasa Inggeris pula boleh memberi pelajaran tulisan Rumi dan boleh menjadi asas kepada pengajaran bahasa Melayu. Maka selama empat tahun anak-anak Melayu bukan sahaja mengetahui bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, tetapi juga pengetahuan agama Islam. Ini boleh menyediakan mereka untuk memasuki sekolah Inggeris. Di samping itu, meluaskan lagi peluang mereka untuk mencari pekerjaan.[23]

Pengabaian bahasa Melayu dalam perkhidmatan kerajaan kolonial British telah menyebabkan Onn mendesak British supaya bahasa Inggeris diajar di sekolah Melayu.[24] Walaupun bahasa Melayu itu penting sebagai penyambung kebudayaan Melayu, tetapi bagi Onn, bahasa Inggeris adalah perlu untuk anak-anak Melayu mendapat pendidikan tinggi. Kelemahan anak-anak Melayu dalam bahasa Inggeris kerana dasar British, telah menyebabkan Onn menolak penubuhan sebuah universiti di Tanah Melayu. Penubuhan ini terlalu awal dan akan menyebabkan anak-anak Melayu akan terus ketinggalan dalam bidang pelajaran. Oleh sebab itu, bahasa Inggeris mesti diajar di sekolah vernakular Melayu dengan secepat-cepat yang boleh.

Desakan Onn adalah desakan kebanyakan orang Melayu pada masa itu. Kepentingan bahasa Inggeris sebagai alat mendapatkan pekerjaan dan pelajaran tinggi disedari oleh mereka. Sejak tahun 1882 orang Melayu Perak telah meminta pelajaran bahasa Inggeris diadakan di sekolah Melayu. Namun ini tidak dipersetujui oleh British yang melihat pembelajaran bahasa Inggeris akan menggunakan wang yang banyak dan akan menyebabkan orang Melayu meninggalkan kampung.[25]

Pembelaan terhadap ekonomi orang Melayu juga menjadi perhatian Onn. Sikap British yang tidak memperdulikan keadaan ekonomi orang Melayu dapat dilihat dengan jelas pada zaman meleset. Akibat pengeluaran getah yang berlebihan daripada permintaan pasaran dunia, harga getah telah jatuh begitu rendah sekali. Kejatuhan harga getah juga memberi kesan yang sangat buruk kepada penanam getah, terutama para pekebun kecil yang terdiri daripada orang Melayu.[26]

Keluaran getah tidak mendapat harga yang tinggi kerana mutunya yang rendah dengan mudah dapat diatasi oleh hasil getah dari ladang besar. Dengan adanya sistem kuota dalam Skim Stevenson, pekebun kecil hanya diberi izin mengeluarkan jumlah getah yang kecil sahaja kerana tanah mereka tidak seluas ladang besar. Pekebun kecil Melayu yang tidak mendapat hasil dari kebunnya, kerapkali dilelong tanahnya kerana tidak dapat membayar cukai tanah. Ramai juga yang berhutang kepada ceti dan kerapkali tanah ini dirampas kerana para pekebun kecil gagal membayar hutang.[27]

Untuk mengatasi hal seperti itu, Onn mendesak kerajaan British berbuat sesuatu bagi meyelamatkan pekebun kecil tersebut. Beliau telah memuji langkah Majlis Mesyuarat Negeri Melayu Bersekutu yang telah meluluskan undang-undang menahan pekebun kecil menjual kebun getah kerana membayar hutang. Sultan Perak pula telah mengarahkan supaya dikumpul segala keterangan mengenai hutang pekebun kecil. Didapati, anggaran jumlah hutang tersebut ialah $25,000.00. Tetapi di Johor, walaupun telah ada permohonan dari Muar meminta bantuan bagi menyelamatkan pekebun kecil, itu tidak dihiraukan.[28]

Oleh sebab masalah seperti itu berlanjutan, Onn telah menggesa para pekebun kecil supaya menubuhkan sebuah persatuan yang boleh menjaga kepentingan mereka. Mengikutnya, kerajaan boleh membantu dengan memberi nasihat melalui pegawai yang mahir dalam bidang tersebut. Persatuan itu juga boleh mendirikan cawangan di tiap-tiap negeri dan melantik jawatankuasa bagi menimbangkan masalah pekebun kecil itu.[29]

Kebebasan akhbar yang diberi oleh British, telah dipergunakan sebaik-baiknya oleh Onn. Beliau kini lebih berani membangkitkan dasar pentadbiran British yang mengurangkan kuasa politik raja-raja Melayu dan negeri-negeri Melayu sendiri. Kecenderungannya itu, walaupun tidak mencabar secara kekerasan kedudukan British, telah memberi kesedaran politik yang penting kepada orang Melayu. Dengan mengemukakan soal-soal itu, orang Melayu dapat menilai dan membuat pendirian sendiri terhadap pentadbiran dan 'penjajahan' British di negeri-negeri Melayu. Kebangkitan perasaan ini sangat mustahak bagi gerakan nasionalisme orang Melayu.

Antara isu yang ditimbulkannya ialah desentralisasi. Desentralisasi ialah satu usaha British untuk memulihkan semula kuasa pentadbiran negeri-negeri Melayu yang telah diambil oleh Residen Jeneral British sejak tahun 1896. Ia dilakukan hasil daripada desakan raja-raja Melayu yang tidak berpuas hati dengan keadaan itu sejak tahun 1924, terutama Sultan Iskandar dan Sultan Idris dari Perak. British juga bimbang ia akan menggalakkan lagi kegiatan nasionalisme orang Melayu. Kebimbangan British itu menyebabkan pemulihan kuasa itu dibuat secara berperingkat dari tahun 1909 sehingga 1930-an.[30]

Onn menyokong penuh pemulihan kuasa raja-raja Melayu itu kerana negeri-negeri Melayu bukanlah tanah jajahan British. Dalam rencananya yang bertajuk "Mengembalikan kuasa-kuasa negeri-negeri Melayu" pada 25 Ogos 1931, Onn mengatakan bahawa British selama ini menguasai sepenuhnya pentadbiran negeri-negeri Melayu sehingga raja-raja Melayu tidak berkuasa langsung.[31] Dalam struktur Negeri Melayu Bersekutu 1896, raja-raja Melayu tertakluk kepada tiga orang pegawai Inggeris iaitu Pesuruhanjaya Tinggi (Negeri Selat), Ketua Setiausaha dan Residen British. Onn dapat menerima kedudukan Pesuruhanjaya Tinggi itu setaraf dengan raja-raja Melayu, kerana beliau ialah wakil Raja England, tetapi Onn tidak dapat menerima kuasa Ketua Setiausaha itu lebih tinggi daripada raja-raja Melayu. Bagi Onn adalah "satu perbuatan yang tidak munasabah di atas kehormatan dan kemulian raja-raja Melayu".[32]

Kekurangan pegawai dan pekerja Melayu dalam jabatan kerajaan juga dibidasnya. Onn mendapati British mengisi jawatan pentadbiran dengan pegawai Inggeris pada peringkat tinggi dan dengan orang asing pada peringkat rendah terutamanya orang India.[33] Pada tahun 1931 terdapat sejumlah 12,133 orang India bekerja sebagai pegawai rendah jika dibandingkan dengan orang Melayu yang hanya berjumlah 1,472 orang. Walaupun dikatakan dalam Perintah Am 1930, Bahagian 12 (viii), bahawa keutamaan

akan diberikan kepada anak negeri untuk mengisi jawatan perkhidmatan awam, tetapi dari segi amalan, perkara itu tidak dititikberatkan. Pada tahun 1931 hanya terdapat 9 orang sahaja pegawai tadbir Melayu.[34]

Perkara ini telah dibangkitkan oleh Raja Chulan dan Dato' Abdullah dalam Majlis Persekutuan pada tahun 1924 dan 1930. Hal ini dibangkitkan sekali lagi pada tahun 1931. Onn menyokong Raja Chulan yang disifatkannya sebagai 'seorang Melayu yang bersemangat Melayu' kerana mengambil berat terhadap nasib orang Melayu. Bagi Onn, perbuatan kerajaan British mendirikan rumah kerajaan dan rumah rehat pegawai-pegawai British dan menyediakan kemudahan yang terlalu istimewa sehingga tidak sesuai dengan jawatan mereka adalah tidak patut.[35] Adalah lebih baik, menurut Onn, British memberi pelajaran yang tinggi kepada anak-anak negeri supaya mereka dapat mengisi jawatan tinggi kerajaan.[36] Pendapat Onn ini selari dengan Abdul Rahim Kajai yang membincangkan hal itu pada tahun 1932, dengan panjang lebar, dalam *Majlis*. Ini bermakna Onn dan Abdul Rahim Kajai, ialah dua pengarang akhbar yang sama-sama peka dengan dasar British yang mengetepikan peranan orang Melayu dalam pentadbirannya.

Dasar liberal British menggalakkan kemasukan orang Cina dan India ke Tanah Melayu juga menjadi perhatian Onn. Bagi Onn, kemasukan mereka secara langsung memberi kesan kepada orang Melayu dari segi politik dan ekonomi. Kebimbangan Onn ini timbul kerana kemasukan buruh India dan Cina pada tahun 1931 adalah besar iaitu seramai 172,596 orang. Kemasukan buruh ini lebih besar daripada penduduk Melayu sendiri.

Kemasukan yang berleluasa ini dilihat sebagai satu ancaman terhadap politik orang Melayu. Dengan kerajinan yang melebihi orang Melayu, dan mempunyai taraf pendidikan yang tinggi, mereka dengan mudah dapat menguasai ekonomi, pentadbiran dan politik Tanah Melayu.[37] Jumlah mereka yang sentiasa bertambah akan menenggelamkan orang Melayu di negeri-negeri Melayu. Oleh sebab itu, bagi Onn, 'bahaya kuning' ini patut dikawal untuk kepentingan orang Melayu sendiri. Kata Onn:

> ". . . di dalam tidak berapa lama lagi pemerintahan British dapat menjadikan orang-orang Cina mengadakan satu jajahan yang kesembilan belas bagi dirinya sendiri di Semenanjung Tanah Melayu."[38]

Kebimbangan Onn muncul apabila seorang ahli Majlis Perundangan Singapura, Chua Khek Hai, mengatakan bahawa

Tanah Melayu dan Negeri-negeri Selat itu adalah 'milik' orang Cina kerana merekalah yang telah membangunkan ekonomi Negeri-negeri Selat dan Tanah Melayu itu.[39] Bagi Onn, dakwaan seperti itu sangat berbahaya dan boleh menimbulkan rasa bimbang dan permusuhan di kalangan orang Melayu dan orang Cina.[40] Baginya, kemajuan ekonomi yang dibuat oleh orang mendatang itu bukanlah memberi pembangunan kepada negeri Melayu semata-mata, tetapi memberi kekayaan dan kemakmuran kepada mereka sendiri, sehingga kedudukan ekonomi mereka lebih baik daripada bangsa-bangsa lain. Pertumbuhan bandar, pembinaan infrastruktur dan pelabuhan serta sekolah hanya dapat digunakan oleh penduduk bandar yang kebanyakannya terdiri daripada orang dagang dan pentadbir British. Orang Melayu yang terpencil di kampung-kampung di luar bandar tidak mendapat apa-apa faedah. Maka, bagi Onn Ja'afar, dakwaan 'Councillor' ini sangatlah tidak tepat dan berbahaya bagi keamanan negeri-negeri Melayu.[41]

Sebagai seorang reformis masyarakat, Onn menilai dan membidas tindak-tanduk dan sikap orang Melayu sendiri yang menghalang pembangunan masyarakat Melayu. Sejak tahun 1930 sehingga 1933, melalui rencana pengarangnya, Onn kerapkali menonjolkan hal tersebut. Bidasannya itu diharapkan dapat memberi satu kesedaran kepada masyarakat supaya membaikinya.

Dalam meneliti kepimpinan masyarakat Melayu, Onn mendapati raja-raja Melayu telah gagal menjadi pemimpin Melayu seperti yang sepatutnya. Dalam banyak hal mereka tidak lagi melindungi rakyatnya, tetapi menekan rakyatnya. Raja-raja Melayu sepatutnya melahirkan rasa hormat dan sayang kepada rakyat dan bukan sebaliknya.

Onn menggunakan Sultan Johor sebagai contoh. Dengan berani, beliau membangkitkan satu demi satu tindakan Sultan Ibrahim yang dilihatnya tidak sesuai dengan pembangunan dan kepentingan rakyat Johor. Antaranya pada bulan Mac 1930, Onn membidas Sultan Ibrahim yang dianggapnya mengetepikan suara rakyat Melayu dalam pentadbiran Johor, walaupun terdapat ramai anak-anak Melayu Johor yang berpelajaran tinggi. Dalam rencananya yang bertajuk "Mesyuarat Perbahasan Johor" pada 13 Mac 1930 pula, Onn mencadangkan perlantikan seorang ahli tidak rasmi dalam majlis tersebut. Ini kerana beliau dapati telah banyak undang-undang yang diluluskan oleh majlis itu tanpa menimbang kepentingan rakyat umum dan luar bandar. Walaupun ada pegawai kerajaan Melayu dalam majlis itu, tetapi mereka tidak boleh bersuara lantang membantah syor kerajaan

kerana bimbangkan kedudukannya. Onn berasa kecewa dengan perlantikan tiga orang ahli tidak rasmi bukan Melayu sedangkan tidak seorang pun ahli Melayu yang dilantik.[42]

Rungutan Onn mendapat perhatian orang ramai. Dengan diketuai oleh penghulu-penghulu daerah, satu 'pilihan raya' seluruh negeri telah diadakan pada 7 November 1930. Ia dikendalikan oleh satu 'jawatankuasa' yang diketuai oleh Penghulu Batu Pahat, Yusuf Abdullah. Pengundian yang mengambil masa selama dua puluh hari itu telah memilih Onn Ja'afar (2,000 undi) sebagai wakil mereka.

Walaupun pemilihan itu tidak diiktiraf oleh pentadbir Johor, tetapi pemilihan Onn Ja'afar memperlihatkan penerimaan secara langsung orang ramai terhadap kepimpinan Onn.[43] Penglibatan Onn di *Warta Malaya* telah mendedahkan beliau kepada politik tempatan. Ini adalah sangat penting sebagai latar belakang kepada kegiatan politiknya selepas 1946.

Pemilihan itu menyakinkan Onn untuk membidas soal peribadi Sultan Ibrahim. Pada awal bulan Oktober 1930, Onn mengkritik perkahwinan Sultan Ibrahim dengan Helen Wilson, seorang wanita Inggeris yang dilakukan di sebuah gereja di London. Perkahwinan itu dilihatnya bukan sahaja bertentangan dengan agama Islam tetapi juga adat, kebudayaan dan maruah negeri Johor. Onn juga membantah tindakan Sultan Ibrahim yang melantik isterinya sebagai Sultanah Johor tanpa merundingkannya dengan Jemaah Menteri. Baginya, tindakan ini sebagai tidak menghormati rakyat dan negeri Johor.[44]

Teguran Onn menunjukkan satu sikap berani yang belum pernah dibuat oleh mana-mana wartawan pada zamannya. Walaupun ada wartawan seperti Abdul Rahim Kajai yang membangkitkan soal kelemahan pentadbiran negeri-negeri Melayu, namun kritikan terhadap peribadi raja Melayu tidak pernah dilakukan. Dengan teguran terbuka seperti itu, Onn telah melepasi kebiasaan seorang rakyat Melayu yang sepatutnya masih tebal dengan ciri-ciri masyarakat Melayu tradisional. Onn menggunakan konsep demokrasi dalam menilai pemerintahan Sultan Johor. Walaupun Onn mengkritik kerana mahu membalas dendam terhadap Sultan Ibrahim yang melelong harta ayahnya dan memecatnya daripada perkhidmatan Johor, namun keinginannya untuk menjaga maruah negeri Johor sebagai sebuah negeri Melayu tidak kurang juga pentingnya.

Soal politik orang Melayu juga dibangkitkannya sejak tahun 1930. Perpecahan di kalangan orang Melayu dilihatnya telah melemahkan kekuatan kebangsaan sebagai satu bangsa. Dalam rencananya bertajuk "Persekutuan Melayu Am" pada 25 Julai

1930, Onn membidas orang Melayu yang sangat suka mengekalkan diri mereka sebagai orang Selangor, orang Perak atau orang Johor, sehingga perasaan kenegerian itu menjadi terlalu tebal, walaupun mereka berasal daripada satu bangsa dan kebudayaan.

Bagi mengelakkan perpecahan ini terus berlaku, Onn mencadangkan persatuan-persatuan negeri ditubuhkan dengan keanggotaannya terdiri daripada semua lapisan rakyat. Persatuan negeri-negeri ini boleh menjadi asas kepada penubuhan satu persatuan besar yang meliputi seluruh negeri-negeri Tanah Melayu. Dengan adanya persatuan yang besar ini orang Melayu boleh bersatu dan bermuafakat bagi kemajuan bangsa Melayu itu sendiri.[45]

Cadangan ini ialah satu usahanya secara sedar untuk melahirkan perasaan kekitaan di kalangan orang Melayu Semenanjung. Dengan perasaan itu, perpaduan mereka sebagai satu bangsa yang besar akan tercetus. Ini membolehkan mereka berasa satu (oneness) yang sangat penting dalam pembentukan satu negara bangsa. Ini bermakna Onn berharap orang Melayu akan dapat menggunakan kebangsaan Melayu untuk membebaskan diri daripada penjajahan British pada akhirnya nanti. Konsep penyatuan kebangsaannya melalui parti atau persatuan Melayu ini memperlihat matlamat politiknya yang jelas bagi orang Melayu.

Untuk mendapat perasaan 'kekitaan' ini, Onn telah membidas orang Melayu yang melihat keturunan sebagai satu alat pemisah antara mereka. Orang Melayu yang tidak mempunyai darah campuran menganggap diri mereka sebagai Melayu jati dan memandang rendah kepada kumpulan yang dianggapnya sebagai Melayu peranakan. Hal ini menjadi begitu jelas pada tahun 30-an. Onn melihat masalah ini sebagai masalah remeh; baginya sesiapa sahaja yang mempunyai ayah keturunan Melayu, atau mengamalkan kebudayaan Melayu adalah seorang Melayu.[46]

Definisi Onn ini berdasarkan kepada sistem kekeluargaan Melayu dan Islam yang berdasarkan keturunan bapa. Definisinya itu sangat sesuai dengan dirinya yang mempunyai darah Melayu di sebelah bapanya. Dengan definisi itu, Onn tidak mengalami sebarang krisis identiti mengenai keturunan dan kedudukannya dalam masyarakat Melayu.

Onn juga membidas perangai orang Melayu yang suka berkenduri secara besar-besaran dan suka berpeleseran, sama ada di kalangan tua atau muda. Pesta mandi safar dan puja pantai dilihatnya sebagai satu pembaziran wang dan

bertentangan dengan ajaran Islam dan tidak patut diteruskan. Di kalangan orang muda pula, Onn menegur sikap suka berjudi, duduk di tembok-tembok, terutama anak-anak muda yang masih bersekolah. Onn juga membidas anak-anak perempuan Melayu yang mudah sekali menjadi 'kupu-kupu malam' sehingga boleh menjatuhkan maruah bangsa.[47]

Onn membidas sikap orang Melayu yang melalaikan pendidikan anak-anak perempuan. Menurutnya, kebanyakan ibu bapa berpendapat anak perempuan akan menconteng arang ke muka mereka jika mendapat pelajaran. Ini diakui oleh R.O. Winstedt, Penolong Pengarah Pelajaran Negeri-negeri Selat, dalam Penyata Pelajaran 1930. Pada tahun 1931, hanya terdapat 234 orang anak perempuan yang bersekolah, jika dibandingkan dengan 6,260 orang kanak-kanak lelaki. Ini bagi Onn, sangat merugikan orang Melayu kerana kemajuan sesuatu bangsa itu bergantung kepada kemajuan semua anggota masyarakatnya. Wanita yang berpelajaran akan dapat menjadi ibu yang bijak dan isteri yang berguna.[48]

Pada keseluruhannya, tema yang dibincangkan oleh Onn dalam *Warta Malaya* adalah perkara yang berlaku dalam masyarakat Melayu. Pengarang lain yang sezaman dengannya terutama Abdul Rahim Kajai yang merupakan wartawan sepenuh masa di *Majlis*, *Warta Malaya* dan *Utusan Melayu*, membangkitkan soal desentralisasi, dasar pengambilan pentadbiran, kemasukan orang luar dan kesannya terhadap orang Melayu, kelemahan dan kemunduran orang Melayu dalam bidang ekonomi, pelajaran dan sikap buruk yang menghalang kemajuan mereka. Begitu juga dengan wartawan akhbar yang lain. Mereka membangkitkan hal yang dianggap penting bagi memajukan dan menjaga kepentingan orang Melayu.

Apa yang membezakan Onn daripada Abdul Rahim Kajai dan pengarang-pengarang lain ialah gaya Onn dalam membincangkan sesuatu perkara. Dalam perbincangannya, Onn memperlihatkan satu sikap yang berani dan membina. Beliau menegur dan mengulas sesuatu perkara dengan cara yang berterus terang tanpa berasa bimbang akan kesannya, terutama dalam mengkritik Sultan Johor dan British. Cadangan yang diutarakannya disampaikan dengan bahasa yang mudah dan pengolahan yang sederhana sehingga pembacaan dan pemahaman terhadap rencananya menjadi begitu mudah. Gayanya dan ulasan serta bidasannya yang berani itu, berjaya menjadikan *Warta Malaya* sebuah akhbar yang diminati di selatan Tanah Melayu.

Warta Malaya dengan itu, dapat menarik perhatian pengarang lain yang terkenal seperti Syed Alwi Al-Hadi, pengarang akhbar *Saudara* Pulau Pinang, Abdul Rahim Kajai, pengarang akhbar *Majlis* Kuala Lumpur dan Ishak Haji Mohamad, untuk menggantikan Onn selepas tahun 1933. Malah Ibrahim Yaakob (IBHY) membeli *Warta Malaya* pada tahun 1940 untuk menjadi alat menentang British. Maka, peranan Onn sebagai perintis *Warta Malaya* adalah sangat penting.[49]

Onn meletakkan jawatannya sebagai ketua pengarang *Warta Malaya* pada akhir tahun 1933, kerana tidak puas hati dengan gajinya yang rendah, iaitu lebih kurang $200.00 setahun sahaja. Sikap Syed Hussein Alsagoff yang suka menegur isi tulisan Onn juga tidak disenanginya. Onn yang berusia 38 tahun ketika itu, memang terkenal dengan sikapnya yang tidak suka ditekan. Beliau meninggalkan jawatannya, walaupun terpaksa menganggur selama hampir setahun.

Kehidupan Onn selama setahun itu tidak diketahui dengan jelas. Isterinya, dalam temu ramah dengannya, mengatakan kehidupan mereka kembali semula seperti tahun 1929, iaitu hidup secara sederhana dan kadang-kadang kesempitan wang. Menurut isterinya, walaupun Onn tidak bekerja, beliau tetap menghabiskan masa berjumpa dan berbual-bual dengan kawan-kawannya di kedai kopi berdekatan dengan pejabat *Warta Malaya* yang biasa dikunjunginya dahulu. Jika tidak ke kedai kopi, beliau akan menziarahi kaum keluarganya di Johor Bahru, atau di Teluk Belanga, Singapura bagi menghilangkan kebosanannya.

Onn Sebagai Wartawan dan Penerbit

Untuk membuktikan kemampuannya kepada Syed Hussein Alsagoff, pada bulan Disember 1934, Onn mendapat seorang rakan kongsi untuk menerbitkan sebuah akhbar baru, *Lembaga Malaya*. Beliau ialah Syed Alwi al-Hadi, seorang penerbit akhbar yang terkenal dari Pulau Pinang. Mereka kemudian menjadi kawan rapat dalam politik Melayu pada tahun 40-an.

Tindakan Onn menerbitkan akhbar dengan belanjanya menunjukkan ada usaha orang Melayu untuk memecahkan penguasaannya akhbar Melayu oleh saudagar Arab selama ini. Walaupun Onn tidak menguasai sepenuhnya modal *Lembaga Malaya*, tetapi dengan menguasai sebahagian daripadanya, Onn mempunyai kebebasan dalam mengendalikan dan membentuk corak *Lembaga Malaya*.

Lembaga Malaya diterbitkan pada hari Isnin sebagai akhbar mingguan. Harganya 15 sen, iaitu harga yang biasa bagi akhbar

Melayu pada masa itu. *Lembaga Malaya* ini lebih tebal daripada *Warta Malaya*, iaitu 35 muka, sesuai dengan sifatnya sebagai akhbar mingguan. Percetakannya dibuat di Royal Press, yang terletak di North Bridge Road, Singapura yang juga merupakan pejabat Onn Ja'afar sebagai pengarang utama *Lembaga Malaya*.[50]

Di *Lembaga Malaya*, Onn membuat beberapa pembaharuan. Untuk mendapatkan berita, Onn berlanggan terus dengan agensi berita luar negeri. Ini menjimatkan belanja. Beliau sendiri melakukan terjemahannya. Kebolehannya menguasai bahasa Inggeris dan bahasa Melayu sangat berguna dalam hal ini. Terjemahan yang dibuat oleh Onn dikatakan sangat tepat. Beliau juga mengambil berita daripada akhbar bahasa Arab, terutama mengenai perkembangan Islam, politik dan pentadbiran negeri-negeri Arab. Ini semata-mata untuk mendapatkan berita yang lebih meluas daripada bahagian-bahagian dunia lain di samping menarik minat pembaca keturunan Arab kepada *Lembaga Malaya*. Beliau cuba menyaingi *Warta Malaya* yang dipunyai oleh keluarga Arab.

Untuk menterjemahkan berita-berita daripada bahasa Arab itu, Onn mengambil Syed Jaafar Albar, seorang yang berpendidikan Arab sebagai penolong pengarang sambilan. Sebelum ini Syed Jaafar menjaja berbagai-bagai jenis minyak wangi dan ubat-ubat Melayu di pekan Johor Bahru. Oleh kerana tertarik dengan kecekapannya menjual ubat, Onn mengajak Syed Jaafar tinggal di rumahnya dan memberikan jawatan penolong pengarang di *Lembaga Malaya*. Syed Jaafar bekerja dengan *Lembaga Malaya* dari tahun 1936 sehingga tahun 1941. Beliau ialah penolong yang paling lama bekerja dengan Onn. Beliau kemudian mengikuti Onn menyertai UMNO, sehingga menjadi salah seorang pemimpin UMNO kemudiannya.[51]

Selain itu cerita bersiri juga dimuatkan dalam *Lembaga Malaya*. Tujuan Onn ialah untuk memberi hiburan dan pengajaran di samping mempelbagaikan lagi isi kandungan *Lembaga Malaya*. Antara cerita yang dimuatkannya ialah "Puteri Ular", "Kuda Hitam" dan "Seribu Satu Malam". Cerita "Seribu Satu Malam" adalah terjemahannya daripada karangan Richard Burton.[52] Ia sebuah kisah dongeng mengenai seorang puteri yang terpaksa bercerita bagi mengelakkan dirinya dibunuh. (Kumpulan terjemahan ini kemudiannya dibukukan dengan judul *Hikayat Seribu Satu Malam*, dan diterbitkan oleh UMP, Kuala Lumpur pada tahun 1979).

Ruangan pojok menjadi satu ciri baru *Lembaga Malaya*. Onn bolehlah dikatakan penerbit dan wartawan yang pertama sedar dengan kepentingan ruangan ini. Onn dapati ini satu cara

untuk mengkritik dan mengulas sesuatu perkara yang berlaku dalam masyarakat dengan cara yang lebih menarik. Walaupun perkara yang disentuhnya itu tajam, tetapi ia kurang dirasai kerana disampaikan dengan cara jenaka. Bagaimanapun, kadang-kadang ia disampaikan dengan cara berterus-terang. Ruangan pojok *Lembaga Malaya* terdiri daripada Perleteran Pak Pandir, Pak Belang, Pak Busu dan Si Teranah.

Perleteran Pak Pandir adalah penting kerana ketajaman ulasannya. Ia mula digunakan dalam keluaran kedua *Lembaga Malaya* iaitu pada 2 Januari 1934. Onn dengan sengaja memakai nama Pak Pandir kerana beliau mahu mengubah konsep Pak Pandir itu sendiri. Pak Pandir bagi masyarakat Melayu ialah lambang seorang yang bodoh lurus, yang terdapat dalam cerita rakyat. Beliau sentiasa membuat kesalahan kerana kebodohannya.[53] Onn, melalui Ruangan Perleteran Pak Pandir, menjadikan Pak Pandir seorang yang cerdik dan berhemah tinggi.

Ruangan ini dapat menarik perhatian orang ramai kerana ruangan ini adalah ruangan pertama yang ditatap oleh mereka. Ulasan-ulasan Pak Pandir begitu tajam. Misalnya pada 22 Jun 1936, Pak Pandir mengkritik raja-raja Melayu dan pembesar-pembesar Melayu yang kehilangan kuasa di bawah pentadbiran British. Katanya:

> "... kepadanya menjadi aib yang dia dan bangsanya terpaksa berjalan di sepanjang masa dengan menanggung dukacita ... orang putih merampas segala hal ehwal memerintah negeri yang sesungguhnya dipunyai oleh kaum raja yang patut menjalankan pekerjaan itu. Sultan masih lagi menjadi pemerintah negeri akan tetapi pada nama sahaja ... dan kulihat yang tidak berguna itu sahaja yang ditinggalkan oleh British kepada orang Melayu ... semangat yang ada pada suatu masa berlindung di dalam kulit, semangat yang memberi makna dan kekuatan kepadanya telah tercabut daripadanya."[54]

Tulisan Onn dalam *Lembaga Malaya* dari tahun 1934 sehingga tahun 1936 memperlihatkan minatnya yang sama seperti dalam *Warta Malaya*. Beliau tetap membahagikan tulisannya kepada dua bahagian yang jelas iaitu membidas dasar British dan menegur masyarakat Melayu.[55] Cara bidasannya dan ulasannya tidak jauh berbeza dengan *Warta Malaya*. Cadangan diselitkannya di tempat yang perlu.

Suatu perkara menarik telah ditimbulkan oleh Onn pada tahun 1936. Perkara itu ialah tentang perlantikan Tengku Mahkota Selangor. Onn membangkitkan hal ini bukan sahaja kerana

minatnya, tetapi yang lebih utama ialah untuk menyedarkan orang Melayu terhadap pencabulan adat lembaga negeri-negeri Melayu. Bagi Onn, ia adalah hak yang patut dipertahankan.

Perlantikan Tengku Mahkota Selangor ini menjadi panas kerana Residen Selangor, T.S. Adams telah melantik putera ketiga Sultan Selangor (Sultan Sulaiman) iaitu Tengku Alam Shah menjadi Tengku Mahkota. Bagi T.S. Adams, Tengku Alam Shah lebih sesuai sebagai Tengku Mahkota kerana pandai berbahasa Inggeris dan mempunyai hubungan yang baik dengan pegawai-pegawai British dan pelombong Cina dan Eropah. Ini menimbulkan bantahan daripada anakanda Sultan Sulaiman yang kedua, Tengku Badli Shah. Baginda menghantar bantahan ke Pejabat Tanah Jajahan; bantahan baginda tidak dihiraukan, walaupun Sultan Sulaiman menyokongnya.[56]

Onn melihat perkara ini dengan begitu kritis sekali. Tindakan T.S. Adams dilihatnya sebagai 'penyelewengan' British daripada dasar *indirect rule*. Dasar *indirect rule* ini digunakan oleh British sejak tahun 1874 di negeri-negeri Melayu. Menurut dasar ini tugas British ialah menasihat raja negeri Melayu. Bagi Onn, British dengan jelas telah campur tangan dalam perlantikan Tengku Mahkota yang sepatutnya menjadi 'kuasa' Sultan Sulaiman. Onn melihat tindakan Residen Selangor itu bukan lagi menasihati Sultan, tetapi telah memerintah Selangor sehingga Sultan tidak berkuasa. Onn juga melihat tindakan Residen yang direstui oleh Pejabat Tanah Jajahan itu melanggar adat lembaga negeri-negeri Melayu. Onn mendesak pembesar-pembesar negeri Selangor membantah tindakan itu.[57]

Ulasan Onn menunjukkan beliau sangat sedar dengan kedudukan politik negeri-negeri Melayu. Walaupun beliau tidak dapat mengubah keputusan Residen Selangor, namun Onn telah berusaha membela kepentingan orang Melayu lebih daripada wartawan-wartawan Melayu yang lain. Abdul Rahim Kajai, yang memimpin *Lembaga Malaya*, langsung tidak menyebut hal ini, sedangkan akhbar Inggeris seperti *Straits Times* dan *Malay Mail*, ada membangkitkannya. Ini bermakna pemerhatian Onn terhadap isu penelitian masyarakat Melayu lebih tajam daripada pengarang Melayu yang lain.

Ketajaman pendapat Onn sekali lagi diakui oleh Syed Hussein Alsagoff, tuan punya *Warta Malaya* yang pernah mengambil Onn sebagai pengarang *Warta Malaya*. Beliau meminta Onn memulakan sebuah akhbar baru yang dinamakan *Warta Ahad*, pada 5 Mei 1936, sebagai akhbar mingguan *Warta Malaya*. Jemputannya itu menunjukkan beliau mengiktiraf Onn sebagai wartawan yang berkebolehan. Onn diberi kepercayaan

memulakan kedua-dua buah akhbarnya, yang kemudian menjadi akhbar yang sangat terkenal di Singapura.[58]

Onn menerbitkan *Selamat Johor* dengan minat dan kesedarannya sendiri. Beliau mengambil masa yang singkat untuk menyusunnya, iaitu lebih kurang tiga minggu sahaja. Onn menggunakan percetakan *Lembaga Malaya* untuk mencetak 2,000 naskhah, tetapi ia terpaksa ditambah sebanyak 8,000 naskhah kerana permintaan yang tinggi. *Selamat Johor* mendapat sambutan luar biasa, walaupun harganya agak mahal iaitu $1.00 senaskhah. Orang ramai menyambut *Selamat Johor* sebagai majalah yang berharga kerana inilah kali pertama mereka dapat melihat secara dekat kehidupan Sultan Ibrahim dan kerabat diraja Johor. Ia juga menggambarkan rasa hormat yang tinggi kepada keluarga diraja Johor oleh rakyatnya.

Penerbitan ini juga bertujuan untuk mengatasi masalah kewangannya. Dalam mengendalikan *Lembaga Malaya*, beliau selalu kesempitan wang. Dengan menerbitkan *Selamat Johor*, beliau berharap mendapat sedikit keuntungan. Harapan Onn benar-benar terjadi kerana beliau mendapat keuntungan bersih sebanyak $8,000.00.[59] Sebenarnya sebab yang lebih utama ialah untuk mengambil hati Sultan Ibrahim supaya mengampunkan beliau. Kehidupan selama hampir 10 tahun di Singapura tidak menguntungkan Onn; beliau terbuang daripada keluarga dan negerinya. Masa yang begitu lama juga telah mengurangkan rasa marah Onn terhadap Sultan Ibrahim. Onn akhirnya sedar bahawa kuasa Sultan Ibrahim mengatasi kemampuannya sebagai rakyat biasa.

Dugaan Onn ternyata benar. Sebulan selepas *Selamat Johor* diterbitkan, Sultan Ibrahim melalui sepucuk surat yang ringkas, memanggil Onn mengadap baginda di Istana Pasir Pelangi, Johor Bahru. Onn dengan penuh gembira tetapi cemas dan berdebar-debar pergi ke Johor Bahru pada suatu petang bulan Oktober 1935. Onn ke istana dengan menaiki kereta sewa dari Singapura.

Sebaik-baik sahaja Sultan Ibrahim berjumpa Onn, baginda terus bertanya khabar dengan ramah sekali. Keramahan Sultan Ibrahim menghilangkan kebimbangan Onn. Sikap Sultan Ibrahim menghapuskan segala ketegangan mereka selama hampir 10 tahun itu. Sultan Ibrahim mengampunkan Onn kerana kesetiaan Onn terhadap baginda Sultan Ibrahim sebagai Sultan Johor tidak luntur. Hubungan kekeluargaan yang telah wujud selama ini juga memudahkan baginda mengampunkan Onn. Malah baginda telah menganugerahkan wang $5,000.00 sebagai tanda sayangnya kepada Onn. Onn dengan itu diterima semula sebagai rakyat Johor.[60] Ini memulakan era baru dalam kehidupan Onn Ja'afar.

Pengampunan Sultan Ibrahim memberi semangat yang lebih kuat untuk Onn bergerak dalam bidang kewartawanan, yang kini telah menjadi darah dagingnya. Dengan menggunakan wang pemberian Sultan Ibrahim dan keuntungan penerbitan *Selamat Johor*, Onn menerbitkan sebuah akhbar yang baru, dinamakan *Lembaga*. Soal kekurangan modal tidak lagi timbul kerana sokongan tidak langsung daripada Sultan Ibrahim.

Lembaga ialah akhbar harian bertulisan Jawi. Onn menjadikannya sebagai saudara kembar *Lembaga Malaya* kerana menggunakan ibu pejabat dan kakitangan *Lembaga Malaya*. Walaupun jumlah pengedarannya tidak diketahui tetapi akhbar ini sangat menarik kerana kandungannya meliputi berbagai-bagai berita luar negeri yang penting, terutama pergeseran politik Jepun-China dan kuasa-kuasa besar di Eropah yang berlaku di sekitar tahun 1935 itu. Bagi hal dalam negeri, tema yang sama seperti dalam *Lembaga Malaya* dibincangkan.

Dengan itu, pada tahun 1936, Onn mengendalikan tiga buah akhbar serentak. Ini berbeza daripada pengarang yang terkenal pada zamannya seperti Abdul Rahim Kajai, yang bekerja di satu-satu akhbar pada masa yang berbeza-beza. Beliau mula bekerja di *Saudara* dari tahun 1928 sehingga 1931, kemudian di *Majlis* dari tahun 1931 sehingga 1935, kemudian di *Warta Malaya* dari tahun 1935 sehingga 1939, dan di *Utusan Melayu* dati tahun 1939 sehingga 1941. Dilihat dari sudut ini, Onn nyata sekali mempunyai tenaga dan daya pemikiran yang lebih cergas dan penglibatan yang tinggi kepada dunia kewartawanan.

Onn juga seorang penerbit akhbar. Onn telah cuba memulakan satu detik baru dalam dunia persuratkhabaran Melayu. Beliau mahu memecahkan tradisi monopoli Arab selama ini. Dengan itu, Onn telah cuba meninggikan maruah masyarakat Melayu. Beliau juga cuba membezakan dirinya daripada wartawan-wartawan lain sezaman dengannya. Jika mereka hanya menjadi pengarang, tetapi Onn adalah kedua-dua sekali, pengarang dan penerbit akhbar.

Kesimpulan

Penglibatan Onn Ja'afar sebagai wartawan telah memberi beberapa makna yang penting kepada sejarah intelektual bangsa Melayu itu sendiri. Beliau diterima sebagai seorang tokoh wartawan yang telah memulakan satu zaman kewartawanan yang baru yang tajam mata penanya dan mementingkan penulisan kewartawanan yang bersifat kebenaran fakta dan berani memberi pendapat dalam perbincangan sehingga ia menjadi satu gaya

baru yang menjadi ikutan oleh pengarang besar selepas beliau.[61] Beliau juga tidak lagi membincangkan soal-soal yang berteraskan atau berkisar kepada agama Islam atau gerakan Islah seperti sebelumnya. Beliau mendahului Abdul Rahim Kajai yang dianggap sebagai tokoh wartawan terkemuka. Walaupun beliau terlibat hanya satu dekad, namun gaya kewartawanannya itu tidak dinafikan memberi semangat dan gaya baru kepada penulisan akhbar-akhbar Melayu.

Keberanian Onn membincangkan soal-soal politik dan kebangsaan Melayu termasuk membidas British dan Raja-raja Melayu terutama Sultan Johor, kelemahan masyarakat Melayu serta kemasukan orang dagang, menjadikan gerakan nasionalisme Melayu memasuki era kedua yang sangat penting. Onn dengan itu telah mencetuskan tahap baru dalam gerakan nasionalisme Melayu iaitu gerakan membaiki politik dan sosio-ekonomi Melayu oleh golongan wartawan dan penulis-penulis bebas yang menggunakan akhbar-akhbar sebagai wadahnya. Onn dikatakan telah mempengaruhi wartawan-wartawan tahun 30-an dengan penekanan seperti itu.[62]

Kepentingan Onn sebagai penerbit akhbar juga membezakan Onn dengan wartawan Melayu lain sezamannya. Kesedarannya terhadap penguasaan penerbitan akhbar iaitu saudagar Cina dan Arab mendorong beliau untuk menerbitkan akhbar dengan berkongsi dan kemudian menerbitnya sendiri. Beliau merupakan anak Melayu dari Johor yang telah mencipta sejarah yang unik dalam sejarah persuratkhabaran dan persuratan Melayu.

Penglibatannya yang *impressive* dalam bidang ini telah membolehkan beliau diterima oleh orang Melayu Semenanjung sebagai intelektual Melayu yang diharapkan sebagai pemimpin. Beliau telah dijemput memberi ucapan penutup dalam Kongres Melayu II di Singapura pada 25 Disember 1940. Kongres ini yang menggabungkan tenaga cerdik pandai Melayu adalah forum politik dan sosio-ekonomi yang sangat penting pada masa itu. Penghormatan kepada Onn menunjukkan kedudukan Onn sebagai wartawan yang berkaliber dan berpotensi sebagai pemimpin Melayu. Ini diakui oleh Dr. Burhanuddin yang merupakan rakan seperbincangan Onn sebagai pengarang *Lembaga* dan *Lembaga Malaya* di Singapura. Dengan latar belakang ini, tidak hairanlah Onn sentiasa dilibatkan dengan politik orang Melayu pada zaman Jepun dan selepas 1946. Pengalaman dan penglibatannya sebagai wartawan yang tajam, bernas dan nasionalistik, telah memberi tapak yang kukuh bagi kemunculannya dalam arena kebangsaan Tanah Melayu.

Nota Hujung

1. *Sunday Mirror* ialah sebuah akhbar di Singapura yang diterbitkan pada tahun 1927. Dato' Onn membangkitkan soal pengabaian kebajikan para pekerja di kebun baginda. Mereka terdiri dari orang bukit dan askar-askar JMF.
2. Louis Edward Ingelbart. 1976. *Press Freedoms a Descriptive Calender of Concepts, Interpretations, Event and Court Action from 4000 B.C. to the Present.* New York: Greenwood Press, hal. 91; Mansor Ahmad Saman. 1986. *So You want To Be A Journalist.* Kuala Lumpur: Pustaka Cipta Sdn Bhd., hal. 5.
3. W.R. Roff. 1967. *The Origins of Malay Nationalism.* Kuala Lumpur: UPM, hal. 48-55.
4. Drs. A.M. Iskandar bin Haji Ahmad. 1980. *Persuratkhabaran Melayu 1976-1968.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 1-30; lihat juga W.R. Roff. 1972. *Bibliography of Malay and Arabic Periodicals Published in The Settlements and Peninsular Malay States 1876-1941.* London: Oxford University Press; Roff. 1961. *Guide to Malay Periodicals 1876-1941 in Malaya.* Singapore: Far Eastern University Press.
5. W.R. Roff. *Bibliography of Malay and Arabic Periodicals Published in the Straits Settlements and Peninsular Malay States 1867-1941,* hal. 22. Pada tahun 1936, keluarannya berjumlah 2500 naskhah.
6. *Warta Malaya.* 28/5/30.
7. *Warta Malaya.* 27/1/30.
8. Ahmad Boestaman. 1979. *Dato' Onn yang saya kenal.* Kuala Lumpur: Penerbitan Adabi Sdn. Bhd., hal. 58.
9. W.R. Roff. *The Malaya-Muslim World of Singapore,* hal. 77.
10. Misalnya keadaan orang Melayu yang hidup terdesak di Siglap, Singapura, juga memberi ilham kepada Onn untuk membangkitkan soal kampung khas bagi orang Melayu pada tahun 1930. Onn mendapati, tanpa ada usaha untuk memperuntukkan satu kawasan perkampungan orang Melayu di Singapura seperti di Kuala Lumpur, nasib orang Melayu akan menjadi bertambah buruk. Bagi Onn, orang Melayu yang sememangnya miskin, akan terus miskin kerana proses pemodenan bandar Singapura yang pesat seperti di Geylang. Satu perkampungan khas Melayu akan mengurangkan sedikit keadaan itu.
11. Sebelum KMS, orang Melayu diwakili oleh Persatuan Muslim Singapura yang lebih dikuasai oleh golongan Jawi Peranakan. Jawi Peranakan ini yang terdiri daripada darah campuran Melayu-India, lebih banyak membincangkan soal perniagaan dan perdagangan yang tidak begitu sesuai dengan orang Melayu. Maka KMS ditubuhkan khas untuk orang Melayu jati sahaja. Keterangan lanjut mengenai golongan ini dan KMS, lihat W.R. Roff. 1981. *The Origins of Malay Nationalism,* hal. 48-55.
12. Lebih daripada 20 rencana telah ditulis tentang hal-hal tersebut. Antaranya "Kampung Melayu Singapura" (19/11/30); "Orang Melayu

di Geylang" (14/8/30); "Ucapan Inche Eunos Abdullah" (31/7/30) dan "Kesatuan Melayu" (1/5/30).

13. *Warta Malaya*, 16/4/31 memuatkan rencana "Surat Khabar Melayu" yang menyebut Onn Ja'afar menyokong pendapat Dato' Undang Rembau. Onn Ja'afar juga menyokong Raja Chulan yang mendesak latihan-latihan bagi pegawai Melayu. *Warta Malaya*, 20/3/31.
14. *Warta Malaya*, 20/3/31.
15. Lihat Radin Soenarno 1960. *"Malay Nationalism 1896-1841". JSEAH*, Jld. 1 No. 1.
16. *Saudara* juga dipunyai oleh golongan Kaum Muda; tetapi dipimpin oleh Mohd Yunus bin Abdul Hamid, bekas pengarang *Idaran Zaman* yang terbit di Pulau Pinang pada tahun 1925. *Saudara* adalah akhbar yang penting di Pulau Pinang. Untuk keterangan lanjut, lihat Abdul Latiff Abu Bakar. *Abdul Rahim Kajai*, hal. 4-5.
17. Untuk keterangan lanjut mengenai hal ini, lihat Khoo Kay Kim. 1980. *Lembaran Akhbar Melayu Kuala Lumpur*: Dewan Bahasa dan Pustaka; Khoo Kay Kim 1974. "Malay Society 1974-1920". *JSEAH*, Jld 2, No. 2, hal 179-198; Ramlah Adam. 1978. "Lembaga Malaya 1934-1941". *Malaysia dari segi Sejarah*, No. 8, hal 59-77 dan Abdullah Hussein. 1982. *Harun Aminurrashid: Pembangkit Semangat Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
18. Edward Skills. "The Intellectuals and the Political Development of the New States", dlm. Jason L. Finkle and Richard W. Galde (eds). 1966. *Political Development and Social Change*. New York: John Wilay & Sons, hal. 267.
19. Pengarang Akhbar Melayu yang lain juga ada membincangkannya. Lihat Abdul Latiff Abu Bakar. *Abdul Rahim Kajai*, hal. 152-157.
20. W.R. Roff. *The Origins of Malay Nationalism*. hal. 138; Awang Had Salleh (ed) 1980. *Pendidikan ke Arah Perpaduan: Sebuah Perspektif Sejarah*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. hal. 129; Ibrahim Saad. 1984. *Politik dan Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hal. 18-20.
21. *Warta Malaya*, 27/7/30 dan 27/10/30.
22. *Warta Malaya*, 21/10/30.
23. *Warta Malaya*, 22/10/30.
24. *Warta Malaya*, 13/12/30, 27/10/30. *Warta Malaya*, 9/11/39. Ini adalah rencana Abdul Rahim Kajai yang menyokong cadangan Onn Ja'afar.
25. Ibrahim Saad. 1977. *Pendidikan dan Politik di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 36-37. Ramlah Adam 1972/73. "Maktab Melayu Melaka, 1900-1922". Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, hal. 95.
26. *Warta Malaya*, 16/10/31.
27. *Warta Malaya*, 28/1/31. Ceti mengenakan bunga dari 12% hingga 36%.
28. *Warta Malaya*, 28/1/31.
29. *Warta Malaya*, 15/1/30.
30. Yeo Kim Wah. 1982. *The Politics of Decentralization*. Kuala Lumpur: OUP. Yeo Kim Wah menghuraikan proses desentralisasi ini. Proses

dan masalah menjalankan desentralisasi ini boleh dilihat dari Bab III-Bab X.

31. *Warta Malaya*, 25/8/31.
    Warta Malaya, 9/10/31.
32. *Warta Negara*, 25/8/31.
33. *Warta Malaya*, 12/6/31.
34. FMS, General Order 1930, hal. 12-13.
    Ini dari kelas 1930 Malayan Civil Lists 1930-1940; Lihat juga Yeo Kim Wah. *The Politics of Decentralization*, hal. 16-197 dan Khasnor Johan. *The Emergence of the Modern Administrative Elite*, hal. 109-123, menunjukkan halangan untuk orang Melayu memasuki MAS dan MCS.
35. *Warta Malaya*, 24/4/31.
36. *Warta Malaya*, 9/10/31.
37. Kata Onn. "Orang Cina semakin bertambah banyak di dalam negeri ini, mereka juga berpelajaran. Mereka akan lebih berganda melebihi orang Melayu, kesudahannya tentu mereka akan berkehendakkan suara dan bercampur di dalam perkara yang berkenaan dengan pemerintahan negeri-negeri Semenanjung ini seperti ada bunga-bunganya sekarang ini". *Warta Malaya*, 18/3/31.
38. *Warta Malaya*, 4/6/31 dan 4/9/31.
39. *Warta Malaya*, 11/3/31. Ini juga dibangkitkan oleh San Ah Wing, ahli Federal Council pada tahun 1933. Lihat *Federal Council Proceeding 1933*, hal. 14-16.
40. *Warta Malaya*, 20/3/31.
41. *Warta Malaya*, 4/9/31.
42. *Warta Malaya*, 4/2/30, 18/3/30, 13/3/30, 19/3/30. 19/3/30, 20/5/30.
43. Dr. Hamzah Haji Taib, dari Muar yang menentang Onn, hanya mendapat 516 undi sahaja.
44. *Warta Malaya*, 6/3/31, 23/3/31, 12/11/31.
45. ?
46. *Warta Malaya*, 27/3/30.
47. *Warta Malaya*, 30/10/20, 4/5/33, 5/6/30, 28/8/30.
48. *Warta Malaya*, 18/1/30. Terdapat lebih 10 rencana mengenai hal ini yang ditulisnya dari tahun 1930-1933.
49. Zulkipli bin Mahmud. 1979. *Warta Malaya Penyambung Lidah Bangsa Melayu 1930-1941*. Jabatan Sejarah UKM. hal. 30-35.
50. Shaharom Hussein. *Biografi Perjuangan Politik Dato' Onn Ja'afar*, hal. 49.
51. Beliau ialah Menteri Penerangan Malaysia pada tahun 1960-an. Beliau ialah pegawai penerangan UMNO dan terlibat secara cergas dalam membidas Lee Kuan Yew pada tahun 1965 sehingga Singapura berpisah dari Malaysia. Untuk keterangan lanjut lihat Mohamad Nordin Sopiee. *From Malayan Union to Singapore Separation*, hal. 200, 204, 212, 215, 221.
52. Za'ba. 1941. "Malay Journalism in Malaya". *JMBRAS*, Vol. XIX Part II, October, hal. 246.

53. Untuk keterangan lanjut, lihat R.O. Winstedt and A.J. Struruck, 1917. *Cerita Jenaka* (Farcial Tales. 3rd ed.) Singapore.
54. Antara rencana pengarang yang membincangkan hal yang sama ialah "Sekolah Tukang Johor" (8/6/36); "Biasiswa" (17/8/36); "Pegawai Melayu" (22/6/36); "Kakitangan Melayu" *Lembaga Malaya*, 25/5/36 dan 17/8/36.
55. *Lembaga Malaya*, 10/7/36. Ia juga dibangkitkan dalam akhbar Inggeris seperti *Straits Times*, *Malay Mail* dan *Malaya Tribune*. *Majlis* tidak membincangkan hal ini kerana bimbang dengan tindakan Residen British ke atasnya. Untuk keterangan lanjut, lihat Yeo Kim Wah 1971. "The Selangor Succession Dispute, 1933-1938". *JSEAH*, September, hal. 169-184.
56. *Lembaga Malaya*, 13/7/36, 22/7/36, 22/6/36. Mengikut kebiasaan adat atau peraturan masyarakat Melayu, Tengku Mahkota akan dilantik daripada anak lelaki sulung (gahara) raja yang memerintah. Kemudian anak lelaki (gahara) yang kedua dilantik dan seterusnya. Perlantikan juga dibuat dengan persetujuan orang-orang besar negeri.
57. *Lembaga Malaya*, 22/7/36. British tetap mengekalkan Tengku Alam Shah sebagai Tengku Mahkota.
58. Drs. A.M. Iskandar. *Persuratkhabaran Melayu*, 1876-1968, hal. 47.
59. Shaharom Husain. *Biografi Perjuangan Politik Dato' Onn Ja'afar*, hal. 50.
60. Temu ramah dengan Datin Halimah Hussein di Johor Bahru pada 2/4/80.
61. Zulkipli bin Mahmud. *Warta Malaya*. hal. 31.
62. W.R. Roff. 1962. *Sejarah Surat-surat Khabar*. Monograf Persatuan Bahasa Universiti Malaya, No. 1, Saudara Sinaran Berhad. hal. 33.

ORGANISASI PENULIS JOHOR:
PERJUANGAN DAN KESINAMBUNGAN WARISAN PERSURATAN JOHOR

MOHD ISMAIL ZAMZAM

Pendahuluan

Perjuangan memartabatkan bahasa dan kesusasteraan Melayu melalui organisasi penulis, peminat-peminat bahasa dan kesusasteraan Melayu di negeri Johor dapat dikenal pasti dengan jelas dalam sejarah perkembangan bahasa dan kesusasteraan Melayu sejak kira-kira 108 tahun yang lalu. Perjuangan itu telah diasaskan oleh sebuah pertubuhan yang dikenali dengan nama Pakatan Bagi Belajar-Mengajar Pengetahuan Bahasa (PBmPB).

Kalau Pakatan yang ditubuhkan di Johor Bahru pada tahun 1888 itu dapat digolongkan sebagai sebuah organisasi penulis, maka tidak syak lagi bahawa Pakatan merupakan sebuah organisasi penulis yang pertama wujud di Johor dan mungkin juga yang terawal di Malaysia. Sebelum itu tidak terdapat sebarang organisasi yang khusus memperjuangkan hal-hal mengenai bahasa dan sastera, atau persuratan Melayu. Kehadiran sejumlah Warisan Persuratan Melayu Johor dalam bentuk karya sastera sejarah, buku-buku mengenai kebahasaan, keagamaan dan ketatanegaraan, kesemuanya dihasilkan oleh orang perseorangan seperti Tun Sri Lanang, Raja Ali Haji, Ibrahim Munsyi dan lain-lain.

Selepas PBmPB tidak terdapat sebuah organisasi penulis di peringkat negeri yang khusus memperjuangkan hal-hal persuratan Johor. Kalau ada pun merupakan badan-badan seni dan budaya atau persatuan-persatuan guru yang fokus utama perjuangan mereka bukanlah terhadap usaha mendaulatkan bahasa dan sastera. Sehinggalah apabila Persatuan Penulis Johor (PPJ) yang ditubuhkan dalam tahun 1966 di mana perjuangannya amat jelas iaitu selain berusaha untuk menyatupadukan penulis dari semua peringkat dan aliran pendapat, ia juga berusaha

seluas-luasnya dalam lapangan bahasa, kesusasteraan, dan ilmu pengetahuan bersesuaian dengan kepentingan nasional. Tidak seperti badan-badan kebudayaan yang sebelumnya PPJ terbukti berupaya untuk terus dan aktif selama 30 tahun sejak ditubuhkan.

Pakatan dan Warisan Persuratan Johor

Walaupun usia Pakatan ini amat singkat, namun sumbangan organisasi ini cukup jelas iaitu telah berupaya menanamkan dasar penyatuan bahasa Melayu dengan tumpuan rasmi kepada tulisan Jawi. Ketika itu Pakatan telah menjadi wadah para cendekiawan Melayu Johor membincangkan kedudukan bahasa Melayu; mencari jalan bagaimana bahasa Melayu itu akan dapat dipelihara, dikembang dan diberikan taraf serta kedudukan yang istimewa dalam pentadbiran dan pemerintahan negeri. Oleh sebab itu kegiatan PBmPB lebih banyak ditumpukan usaha-usaha mengasuh para ahlinya dalam hal-hal kebahasaan; tentang aspek-aspek kosa kata, ejaan, dan tatabahasa. Pertubuhan ini bukan sahaja sering mengadakan perjumpaan untuk berbincang mengenai hal-hal kebahasaan, malah telah menubuhkan sebuah perpustakaan sebagai pusat sumber mengenai persoalan-persoalan bahasa. Mereka bergiat bukan sahaja dalam belajar dan mengajar bahasa tetapi juga menjalankan penyelidikan serta kajian dalam hal peraturan jalan bahasa Melayu.

Sayangnya kegiatan Pakatan ini menjadi lembab pada akhir kurun ke-19, dan telah cuba dipulihkan semula oleh Dato Abdul Rahman dalam tahun 1904 namun tidak berupaya untuk bergerak dengan cergas. Akhirnya usaha menghidupkan semula Pakatan yang benar-benar berkesan ialah pada tahun 1934 di bawah inisiatif dan kepimpinan Dato Haji Mohamad Said bin Sulaiman, Dato Awang bin Omar dan Mejar Musa bin Yusuf.

Dalam tahun yang sama iaitu pada 7 April 1934, gelaran *Diraja* telah diberi kepada Pakatan oleh ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Abu Bakar. Dengan perkenan ke bawah duli Tuanku nama pertubuhan itu telah ditukar menjadi "Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku Diraja Johor", atau singkatannya (PBmPB Diraja) sebagai terjemahan kepada ungkapan Inggerisnya *The Royal Society of Malaya Literature of Johor.*

Lebih daripada 200 orang telah mendaftar sebagai anggota pertubuhan PBmPB Diraja ini terdiri bukan sahaja daripada warga Johor tetapi juga anggota di luar Johor. Aktiviti Pakatan pada masa itu lebih banyak tertumpu kepada pelbagai kegiatan

kebahasaan, penghasilan buku-buku mengenai bahasa, sejarah, kisah-kisah perjalanan, kamus, serta mengadakan ceramah-ceramah dan perjumpaan-perjumpaan (Nik Safiah Karim, 1987).

Walau apa pun keadaannya, yang jelas PBmPB Diraja Johor telah memberi sumbangan yang amat besar terhadap perkembangan persuratan Melayu bukan sahaja di Johor bahkan di seluruh negara pada ketika itu. Organisasi itu ditubuhkan bukan sahaja telah berupaya menimbulkan kesedaran di kalangan cerdik pandai Melayu dan para pejuang bahasa serta sastera Melayu tentang perlunya meletakkan asas yang kukuh terhadap jalan bahasa Melayu, tentang huraian tatabahasanya, istilah-istilah baru yang dipinjam daripada kebudayaan luar, tentang ejaan dan lain-lain, yang banyak di antaranya masih digunakan sehingga hari ini.

Kegigihan para pejuang bahasa dan sastera kita pada ketika itu telah berjaya meletakkan bahasa Melayu Johor-Riau sebagai teras bahasa Melayu standard yang kita gunakan hari ini. Apabila Inggeris mula mencengkamkan kuasa penjajahannya di Tanah Melayu, apabila golongan elit Melayu sudah mula meremehkan bahasanya sendiri, nasib bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam perhubungan, kemasyarakatan dan pentadbiran di negeri Johor ketika itu akan hapus digantikan dengan bahasa Inggeris yang sudah mula diterima sebagai bahasa rasmi ketika itu. Menurut Nik Safiah Karim, pada saat konsep badan pembina bahasa belum difikirkan oleh masyarakat Melayu PBmPB Diraja Johor telah wujud dan menjalankan tugas-tugas pembinaan dan pengembangan bahasa. Tugas itu kemudiannya telah dilanjutkan oleh Pejabat Karang Mengarang di SITC Tanjung Malim (1924), dan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada tahun 1956 sehingga sekarang.

Bagaimanapun sebagai sebuah badan sukarela yang tidak mempunyai sumber kewangan yang kukuh, dan tenaga penggeraknya terdiri daripada pegawai-pegawai tadbir kerajaan negeri yang amat sibuk dengan tugas-tugas hakiki, organisasi penulis tidak berupaya bertahan lama tambahan pula dengan meletusnya Perang Dunia Kedua pada tahun 1941, pertubuhan PBmPB Diraja ini terus menjadi lumpuh. Usaha-usaha telah dilakukan untuk menghidupkan semula pertubuhan ini selepas perang, namun tidak berjaya. Menurut Drs. Li Chuan Siu (1978) Cikgu Abdullah Sidek Johor Bahru pernah dilantik menjadi setiausaha Pakatan pada ketika itu.

Organisasi Penulis Johor Sebelum Perang

Sebelum pecah perang iaitu di antara tahun 1937 - 1941, sebuah pertubuhan bahasa telah ditubuhkan di Batu Pahat 26 Disember 1938 dikenali dengan nama Lembaga Bahasa di bawah pimpinan Bahanan bin Yusof. Kedatangan Jepun pada tahun 1941 telah membantutkan kegiatan pertubuhan ini. Namun setelah Jepun menyerah kalah pada tahun 1945 ternyata tidak terdapat sebarang usaha untuk menghidupkan semula pertubuhan itu.

Lembaga Bahasa ini merupakan cawangan yang dibentuk oleh sebuah pertubuhan yang dinamakan Persaudaraan Sahabat Pena Malaya atau ringkasnya PASPAM. Lembaga Bahasa yang ditubuhkan di Batu Pahat ini khusus untuk menjalankan kegiatan-kegiatan dalam bidang penulisan dan bahasa. Dan di antara tujuan penubuhan Lembaga tersebut adalah untuk menerbitkan buku-buku mengenai adat Melayu, menyusun sejarah negeri-negeri Melayu, menerbitkan kamus Melayu, menganjurkan peraduan karang-mengarang, menerbitkan Buku Tahunan PASPAM, menyatukan satu ejaan yang tetap bagi ahli-ahli PASPAM, dan mencipta kata-kata baru dalam bahasa Melayu daripada kata-kata Inggeris yang kerap digunakan oleh orang-orang Melayu. Namun sejak ditubuhkan sehinggalah pecah perang 1941, pertubuhan itu hanya mampu menerbitkan dua buah sahaja penerbitan iaitu Majalah Bulanan PASPAM, dan Buku Tahunan PASPAM yang diberi nama TAMAN PASPAM bilangan 1 dan 2 di Batu Pahat di bawah pimpinan Mohamad Ariffin Ishak (Drs. Li Chuan Siu, 1978).

Organisasi penulis yang dikenali dengan Persaudaraan Sahabat Pena Malaya atau PASPAM ini ditubuhkan pada 15 April 1934 (Drs. Li Chuan Siu, 1978). Ia merupakan sebuah pertubuhan *Pan-Malayan*; terdapat cabang-cabangnya di seluruh Tanah Melayu malah sampai ke Brunei dan Sarawak. Di antara tujuan penubuhan oragnisasi ini yang termaktub dalam perlembagaannya ialah untuk menjalin silaturahim di kalangan ahli-ahlinya, menggalakkan karang-mengarang dan baca-membaca dalam bahasa Melayu, menerbitkan buku-buku sejarah, adat resam orang-orang Melayu dan menubuhkan perpustakaan untuk ahli-ahlinya.

Sebenarnya selain Lembaga Bahasa Batu Pahat yang merupakan cawangan PASPAM, perjuangan dan kesinambungan warisan persuratan Melayu Johor banyak dimainkan oleh golongan guru-guru Melayu. Mereka telah memainkan peranan yang penting dalam usaha memperkembangkan dan memajukan bahasa dan kesusasteraan Melayu. Persatuan Guru-Guru

Perempuan Melayu Johor, di bawah pimpinan Zainun Sulaiman (Ibu Zain) umpamanya telah berjaya menerbitkan majalah *Bulanan Melayu* dalam tahun 1930.

Batu Pahat merupakan daerah paling aktif di Johor dalam upaya membangkitkan kesedaran menulis, berkarya, dan telah melahirkan banyak penulis-penulis yang berwibawa. Di antara penulis Johor yang aktif ketika itu ialah Muhamad Salleh Alwi yang telah memimpin majalah *Al-Johoriah* (1932), sementara Daud Sulaiman dan Muhamad Adnan Ariffin pula memimpin majalah *Pemuda* (1935) juga di Batu Pahat. Di samping itu dalam tahun 1940 Persekutuan Guru-Guru Melayu Batu Pahat telah menerbitkan sebuah majalah triwulanan *Idaman* di bawah pimpinan Cikgu Naim Shukran dan dibantu oleh Jamil Markom. Bagaimanapun majalah ini tidak dapat diteruskan penerbitannya apabila Perang Dunia Kedua meletus pada tahun 1941. Dengan itu juga seluruh kegiatan persuratan Melayu Johor menjadi lumpuh.

Organisasi Penulis Johor Selepas Perang

Selepas perang, guru-guru Melayu Johor telah bersatu menubuhkan Kesatuan Guru-Guru Melayu Johor (KGMJ). Tujuan penubuhan kesatuan ini, antara lain, ialah untuk memperkembangkan sastera Melayu dan juga memperjuangkan bahasa Melayu. Melalui kesatuan ini, Guru-Guru Batu Pahat telah menubuhkan Taman Persuratan Guru-Guru Batu Pahat sementara guru-guru Melayu Johor Bahru pula telah menubuhkan Lembaga Persuratan Guru-Guru Melayu Johor Bahru. Di antara tokoh-tokoh guru penulis Johor yang terlibat secara aktif dalam kegiatan bahasa dan sastera ini ialah Zainun Sulaiman (Ibu Zain), Abdullah Sidek, Naim Shukran, Kumasi Haji Dainuri, Embong Yahya (Ngumba), Kasmani Haji Arif, Nata Mersing, Shaharom Husain (Mashhor Malaya), Jamil Markom, Mohamad Taib Imam, Mohamad Salleh Mohd. Don, dan Roshdi Haji Hashim (Roha).

Tahun 50-an tidak memperlihatkan adanya kecenderungan yang rancak terhadap kegiatan kebudayaan di Johor, apatah lagi untuk menubuhkan badan-badan bahasa atau penulis. Kalau ada pun kegiatan-kegiatan yang berbau kebahasaan atau kesusasteraan adalah kegiatan secara kecil-kecilan yang dianjurkan oleh bekas anggota-anggota PASPAM. Keadaan ini berlaku kerana kehidupan pada masa itu baik di kampung mahu pun di bandar boleh dikatakan susah. Orang lebih bergiat untuk mencari penghidupan daripada bergiat dalam bidang

kebudayaan. Tambahan pula sejak tahun 1948 apabila undang-undang darurat dikuatkuasakan, kehidupan di kampung menjadi semakin susah. Keadaan ini mendorong sebilangan besar anak-anak muda kampung berhijrah ke Singapura untuk mencari penghidupan yang lebih menjanjikan.

Usaha-usaha untuk membangun semula ekonomi menjadi begitu rancak dijalankan terutamanya di Singapura selepas tamat Perang Dunia Kedua. Industri dan badan-badan perdagangan yang dihidupkan semula di Singapura ini telah membuka lowongan pekerjaan kepada pemuda-pemuda kampung dari Tanah Melayu. Setengahnya yang lebih berbakat mendapat pekerjaan di badan-badan percetakan Melayu yang tumbuh dengan pesat di Singapura. Selain mendapat pekerjaan, mereka telah mendapat kesempatan yang luas untuk memperkembang bakat masing-masing dalam bidang penulisan kreatif. Di Singapura inilah anak-anak muda dari Tanah Melayu senasib dan sehaluan itu berkumpul, berbincang tentang cita-cita dan idealisme bukan sahaja terhadap masa depan bahasa dan kesusasteraan Melayu tetapi lebih jauh daripada itu adalah terhadap masa depan mereka sendiri, terhadap bangsa dan negara. Daripada perbincangan-perbincangan ini akhirnya wujudlah "Angkatan Sasterawan 50" atau ASAS 50 sebuah organisasi penulis yang antara lain tujuannya untuk memperluas dan mempertingkatkan kesusasteraan Melayu dan mengadakan pembaharuan di dalam sastera dengan menggubah, mencipta, membaharui membina perkataan untuk memperkaya bahasa Melayu.

Organisasi Penulis Johor dalam Tahun 60-an

Saya tidak berhajat untuk memperkatakan ASAS 50 lebih lanjut lagi, hanya sekadar untuk memberikan gambaran bagaimana penulis-penulis Johor pada masa itu turut terlibat sama ada dalam pucuk pimpinan ASAS atau sekadar menjadi ahli biasa bagi memeriahkan lagi perjuangan badan penulis itu dalam bidang bahasa dan sastera. Mereka yang terlibat di antaranya ialah Usman Awang, Kumasi Haji Dainuri, Masud Haji Abdul Rahman, Ismail Haji Zainuddin, Onn Abdul Rahman, dan Musa Mohamad Noh. Kemunculan ASAS 50 pada 6 Ogos 1950 di Singapura dalam banyak hal telah menyediakan tapak kepada penulis-penulis Johor untuk bergiat dalam bidang bahasa dan sastera dalam perkembangan selanjutnya.

Bagaimanapun keadaan menjadi berlainan dalam tahun 60-an iaitu selepas negara mencapai kemerdekaan pada tahun

1957. Pusat kegiatan kebudayaan dan intelektual berpindah dari Singapura ke Kuala Lumpur. Akibat daripada penubuhan Malaysia dalam tahun 1963 dan perpisahan Singapura dari Malaysia pada tahun 1965, sesuai dengan kedudukannya sebagai ibu kota Malaysia sebuah negara yang berdaulat dan merdeka, Kuala Lumpur telah berubah wajah sekaligus bertukar peranan daripada sebuah bandar yang biasa kepada sebuah kota kosmopolitan yang rancak membangun. Pembangunan infrastruktur dan fizikal ini pula menuntut keperluan terhadap pembangunan budaya terutamanya dalam kehidupan intelektual, bahasa dan sastera. Keadaan ini berlaku kerana selepas merdeka pelbagai badan penerbitan seperti Utusan Melayu, dan lain-lainnya telah berpindah ke Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka yang pada mulanya ditubuhkan di Johor Bahru kemudian juga dipindahkan ke Kuala Lumpur. Begitu juga dengan Jabatan Pengajian Melayu yang dahulunya terletak di Universiti Malaya Singapura, pada tahun 1959 telah dipindahkan ke Universiti Malaya di Kuala Lumpur. Penubuhan Maktab Perguruan Bahasa di Lembah Pantai juga turut merancakkan lagi kegiatan-kegiatan bahasa dan sastera, seni dan kebudayaan. Ekoran daripada perpindahan ini, maka terjadilah pula perpindahan para cendekiawan Melayu, para seniman dan sasterawan, penulis dan pengarang yang dahulunya giat dalam kehidupan kesusasteraan, seni dan budaya di Singapura kini ke Kuala Lumpur pula. Mereka inilah yang telah melanjutkan tradisi keilmuan yang mekar di Singapura sejak tahun 50-an sehinggalah masa kini sebagai kesinambungan warisan intelektual bangsa.

Negeri Johor pada awal tahun 60-an merupakan tanah subur bagi pertumbuhan badan-badan kesenian dan kebudayaan Melayu. Hampir setiap daerah di Johor telah menubuhkan badan kesenian dan kebudayaan masing-masing. Bagaimanapun tumpuan kegiatan badan-badan ini lebih kepada pementasan drama, sama ada dalam bentuk drama moden mahu pun drama purba. Di Johor Bahru, Shahrom Husain telah menubuhkan Badan Kebudayaan Melayu Johor (BKMJ) dalam tahun 1958 setelah berjaya mementaskan "Tonggak Johor" di Padang Mahkamah Johor Bahru sempena sambutan kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957. Pertama kali dalam sejarah, masyarakat Johor berpeluang menyaksikan persembahan drama yang hebat, bukan sahaja telah menelan biaya yang besar tetapi telah melibatkan jumlah pelakon yang ramai. BKMJ yang bergiat cergas pada awal tahun 60-an bukan sahaja aktif mementaskan drama tetapi juga bergiat dalam bidang-bidang seni yang lain

seperti seni suara, tarian, deklamasi sajak dan lain-lain. Sebuah lagi badan seni dan kebudayaan yang tumbuh di Johor Bahru pada awal tahun 60-an ialah Kumpulan Tunas Muda Johor Bahru atau singkatannya KUNTUM, ditubuhkan dalam tahun 1962 di bawah pimpinan Masni Othman dan Hamidon Bahari. Badan ini juga merupakan sebuah organisasi yang cuba menghidupkan semula warisan budaya Melayu Johor termasuk dalam bidang pakaian, seni tari, seni suara, dan drama yang telah sekian lama mengalami kelesuan. Malangnya badan ini tidak berupaya untuk bertahan lebih lama atau sebab-sebab yang tidak diketahui.

Sementara itu daerah Batu Pahat pula masyarakat Johor telah diperkenalkan dengan dua buah badan kebudayaan yang aktif pada awal tahun 60-an iaitu Badan Seni Budaya Batu Pahat di bawah pimpinan Salleh Haji Tahir, dan sebuah lagi ialah Kumpulan Persuratan dan Seni atau singkatannya KOMPAS, dipimpin oleh Maarof Sarpan, dan dibantu oleh Mustapha Meon (Mos Onn). Walaupun kedua-dua badan ini pada hakikatnya memperjuangkan kelangsungan budaya Melayu tradisi yang memfokuskan kepada kegiatan-kegiatan pementasan drama Melayu moden, namun di celah-celah kegiatannya terdapat usaha-usaha untuk memperkenalkan dan menggalakkan pembangunan seni sastera dengan menganjurkan pertandingan-pertandingan pembacaan puisi, berpidato, dan karang-mengarang. Yang jelas badan-badan kebudayaan itu banyak menimba ilham dari Sriwana sebuah badan drama Melayu yang terkenal di Singapura pada masa itu. Selain itu di Batu Pahat juga terdapat sebuah organisasi sosial yang dikenali dengan nama Persatuan Ibu Bapa Melayu Johor atau singkatannya PIBMJ, yang bergiat cergas bukan sahaja untuk membantu anak-anak Melayu dalam bidang pelajaran, tetapi juga bergiat dalam bidang persuratan. Pustaka Suria, sebuah kedai buku di bandar Batu Pahat, telah dijadikan pusat galakan membaca di kalangan guru-guru Melayu Batu Pahat di samping mengadakan peraduan karang-mengarang dan lain-lainnya. Mokhtar Talib (Matlob) adalah di antara guru-guru Melayu Batu Pahat yang terlibat dalam gerakan ini pada ketika itu.

1960-an juga merupakan dekad yang paling aktif dalam sejarah perjuangan mendaulatkan bahasa Melayu. Kesatuan Persekutuan Guru-Guru Melayu Semenanjung (KPGMS) telah memainkan peranan yang cukup besar dalam usaha menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah rendah dan menengah dengan secepat mungkin. Kegiatan-kegiatan seperti kempen Bahasa Kebangsaan, penubuhan sekolah-sekolah menengah aliran Melayu, penentangan terhadap

Rang Undang-Undang Bahasa Kebangsaan, dan perjuangan untuk mewujudkan sebuah universiti yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar sepenuhnya (Universiti Kebangsaan), merupakan senario yang amat memberangsangkan anak-anak muda yang sensitif terhadap idealisme dan inspirasi bangsanya. Kemunculan surat-surat khabar, tabloid, dan majalah-majalah berbahasa Melayu serta rancangan drama radio telah membuka ruang kepada anak-anak muda yang berminat dan berbakat menulis untuk terus berkarya.

Penubuhan Persatuan Penulis Johor (PPJ)

Berlatarbelakangkan suasana dan keadaan inilah Persatuan Penulis Johor atau singkatannya PPJ dilahirkan. Organisasi penulis ini ditubuhkan di Johor Bahru pada 29 Mei 1966, oleh sekumpulan anak-anak muda di sekitar Johor Bahru yang sentiasa resah. Mereka terdiri daripada guru-guru, wartawan, pemberita sambilan, pegawai-pegawai rendah kerajaan, penuntut, dan penganggur. Boleh dikatakan rata-rata anak-anak muda ini dalam lingkungan umur dua puluhan, dan sesetengahnya masih lagi menuntut di Maktab Perguruan Johor Bahru. Penulis-penulis veteran pada masa itu seperti Abdullah Sidek, Ibu Zain, dan Shahrom Husain telah diundang menghadiri majlis penubuhan organisasi ini namun mereka tidak dapat menghadirkan diri.

Walaupun matlamat asal penubuhannya bukanlah untuk memperjuangkan hal-hal yang mengenai kebahasaan secara khusus seperti yang dilakukan oleh PBmPB Diraja, namun dilihat dari segi aktiviti-aktiviti yang pernah dijalankan oleh PPJ memperlihatkan kepekaan persatuan itu terhadap nasib masa depan bahasa Melayu. Sebagai contoh, PPJ pernah turut terlibat secara aktif dalam kempen Bahasa Kebangsaan di Johor sama ada sebagai jawatankuasa pengelola pertandingan-pertandingan bahas, berbalas pantun, pidato, mengarang dan seumpamanya, atau sebagai peserta untuk memeriahkan lagi usaha kempen tersebut. Begitu juga dengan penyalahgunaan bahasa Melayu di papan-papan tanda kedai dan iklan-iklan, PPJ pernah menghantar memorandum kepada pihak berkuasa tempatan supaya bertindak tegas terhadap mana-mana pihak yang meremehkan penggunaan Bahasa Kebangsaan. Dalam Perhimpunan yang diadakan di Balai Budaya Dewan Bahasa dan Pustaka pada 3 Mac 1967 anjuran Badan Bertindak Bahasa Kebangsaan untuk menentang Rang Undang-Undang Bahasa Kebangsaan, PPJ telah menghantar wakilnya.

Kegiatan PPJ pada zaman awal penubuhannya lebih banyak ditumpukan terhadap usaha menyatukan penulis-penulis seluruh Johor ke dalam sebuah persatuan yang tunggal. Penubuhan Jawatankuasa Kegiatan PPJ di daerah-daerah merupakan strategi terbaik yang pernah difikirkan oleh pucuk pimpinan PPJ ketika itu. Kerana itu menjelang akhir tahun 60-an boleh dikatakan setiap daerah di seluruh negeri Johor telah menubuhkan jawatankuasa kegiatan daerah masing-masing termasuk daerah Johor Bahru, walupun Johor Bahru merupakan pusat pentadbiran PPJ. Walau bagaimanapun terdapat segelintir penulis di daerah-daerah yang tidak bersetuju dengan hasrat PPJ untuk menyatukan semua penulis Johor ke dalam sebuah persatuan yang tunggal. Mohd. Salleh Kasmin (Maskam), Mahadi Abdul, dan Abdul Manaf Semo dari daerah Muar merasakan lebih selesa menubuhkan persatuan penulis daerahnya sendiri daripada menyertai PPJ. Oleh sebab itu dalam bulan Oktober 1967, iaitu selepas PPJ Pusat diluluskan pendaftarannya oleh Pendaftar Pertubuhan Malaysia pada 10 Mei 1967, mereka telah menubuhkan Perkumpulan Penulis dan Peminat-Peminat Bahasa Muar atau singkatannya PPPBM. Tujuan penubuhan persatuan ini antaranya ialah untuk mencari jalan memupuk dan membimbing bakat-bakat penulis dan peminat-peminat bahasa di daerah Muar.

Sementara itu beberapa orang penulis di daerah Pontian yang diketuai oleh Shamsudin Abu Bakar pula telah membawakan usul dalam Mesyuarat Agung PPJ supaya meminda perlembagaan PPJ bagi membolehkan PPJ menubuhkan cawangan-cawangannya di daerah-daerah bukannya setakat menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa kegiatan sahaja. Usul itu bagaimanapun telah ditolak oleh mesyuarat agung, dan ekoran daripada penolakan itu Shamsudin dan pengikut-pengikutnya telah menubuhkan Persatuan Sastera Daerah Pontian atau singkatannya PERSADA dalam bulan Jun 1973. Akibat daripada tindakannya itu Shamsudin telah dipecat daripada menganggotai PPJ. Namun ternyata PERSADA bukan sahaja tidak berupaya menyaingi kewibawaan Jawatankuasa Kegiatan PPJ Daerah Pontian yang diketuai oleh Abdul Rahman Mohamad, Rahmat Manidi, Taha Amin, dan Armas, bahkan akhirnya tidak dapat hidup lebih lama seperti yang dijangkakan.

Di antara kegiatan-kegiatan PPJ, selepas itu banyak ditumpukan terhadap usaha peningkatan mutu penulisan ahli-ahlinya dengan mengadakan kursus-kursus, ceramah-ceramah, dan bengkel-bengkel penulisan di peringkat pusat atau daerah. Mengadakan pertandingan menulis puisi, cerpen, novel, dan

drama untuk menggalakkan ahli-ahlinya terus berkarya sesuai dengan slogan/moto persatuan ini iaitu "Sekali Menulis Tetap Menulis". Di samping itu PPJ juga sering diberi kepercayaan oleh GAPENA untuk menyelenggarakan pertemuan-pertemuan penulis sama ada di peringkat kebangsaan mahu pun antarabangsa. Di antaranya yang terbesar ialah Seminar Kritikan Sastera 1973 di Johor Bahru, Pertemuan Sasterawan Nusantara 1980, Hari Sastera 1983, Dialog Selatan 1993, Hari Puisi Nasional 1995 dan lain-lain.

Penulis Johor agak bertuah kerana Kerajaan Johor amat prihatin terhadap perjuangan para penulis meletakkan martabat sastera Melayu di tempat yang sewajarnya. Sebagai bukti keprihatinan serta pengiktirafan Kerajaan Negeri terhadap PPJ, persatuan ini telah menerima bantuan tetap setiap tahun sebanyak RM 5,000.00 semenjak tahun 1973, dan bantuan itu ditambah menjadi RM 20,000.00 semenjak tahun 1995. Selain itu hampir setiap kegiatan peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa yang dianjurkan oleh PPJ, Kerajaan telah bermurah hati dengan menyediakan segala kemudahan yang diperlukan di samping dalam banyak hal menjadi badan penunjang yang utama. Dan apa yang lebih menggembirakan dan bermakna bagi golongan penulis Johor ialah apabila Kerajaan Negeri Johor mewujudkan Hadiah Sastera Darul Takzim mulai tahun 1995.

Di antara sumbangan yang telah dibuat oleh PPJ selama hampir tiga dekad ditubuhkan ialah kegiatan menerbitkan hasil karya ahli-ahlinya dalam bentuk antologi puisi, cerpen, dan drama. PPJ juga ada menerbitkan *Jurnal PPJ* setiap tahun semenjak tahun 1972, dikendalikan oleh Biro Penerbitan dan Penyelidikan, selain *Pita* sebuah penerbitan berkala dalam bentuk buletin sebagai alat penghubung antara ahli-ahlinya yang dikendalikan oleh Biro Seranta PPJ. Persatuan ini juga pernah menghantar memorandum kepada Kerajaan Negeri berhubung dengan Penubuhan Kompleks Kebudayaan Negeri Johor (1975), dan Kertas Cadangan Pembentukan Kurikulum Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu untuk Sekolah Menengah kepada Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 1976, sebagai sumbangan pemikiran para penulis terhadap pendidikan sastera di sekolah. Selain itu PPJ juga pernah memberi kerjasama kepada Jabatan Pendidikan Johor dalam usaha menubuhkan dan menggerakkan kelab-kelab penulis di sekolah-sekolah menengah pada awal tahun 80-an.

Ulasan dan Cadangan

Usaha Kerajaan Johor mewujudkan Hadiah Sastera Darul Takzim baru-baru ini memperlihatkan bagaimana prihatinnya Kerajaan Negeri terhadap pembangunan dan perkembangan bahasa dan sastera serta golongan penulis di negeri ini. Kepekaan Kerajaan terhadap pentingnya pembangunan intelektual seharusnya disambut baik oleh para penulis Johor. Kerajaan Johor telah mengambil sikap yang positif dengan menyediakan sejumlah dana bagi menggalakkan penulis-penulis di negeri ini terus berkarya. Bagaimanapun menyediakan hadiah-hadiah yang lumayan sahaja tanpa menyediakan barisan penulis yang benar-benar komited dan berwibawa, kita bimbang kualiti hasil karya yang dipilih untuk menerima hadiah ini kelak tidak memperlihatkan peningkatan mutu. Dan ada kemungkinan orang yang akan menerima hadiah itu setiap tahun adalah orang-orang yang sama. Kemungkinan ini berlaku kerana usaha untuk membanyakkan lagi bilangan penulis yang baik di Johor ini belum pernah dilakukan dengan serius.

Justeru itu satu program yang konkrit dan terancang haruslah disediakan oleh PPJ bagi menentukan penulis-penulis muda Johor diberikan kesempatan yang seluas-luasnya untuk membangun, mengasah bakat membina kemahiran, dan menimba ilmu yang diperlukan bagi membolehkan mereka menjadi penulis-penulis yang berwibawa. Bergantung semata-mata kepada bakat alam yang semulajadi tidak akan menjanjikan seseorang itu menjadi penulis besar. Saya yakin di Johor ini terdapat sejumlah penulis muda yang berpotensi yang perlukan galakan, bimbingan, dan peningkatan ilmu supaya mereka dapat menguasai kemahiran-kemahiran dalam bidang penulisan seberapa cepat yang mungkin. Selain itu mereka juga perlukan wadah yang boleh menampung karya-karya yang mereka hasilkan. Penubuhan sebuah akademi penulis sepenuh masa dan menyediakan dana secukupnya mungkin dapat membantu ke arah merealisasikan hasrat murni ini.

Di sisi lain, PPJ sebagai sebuah organisasi penulis yang sudah mapan haruslah dari sekarang menentukan hala tujunya dengan lebih jelas. Perancangan jangka panjang dan jangka pendek yang lebih konkrit perlu diwujudkan dengan menentukan matlamat yang hendak dicapai dalam jangka waktu yang tertentu. Kegiatan-kegiatan yang lebih agresif perlu dilakukan oleh PPJ bagi menentukan setiap anggotanya berpeluang mempertingkatkan daya kreativiti masing-masing ke tahap yang tertinggi. Kegiatan-kegiatan PPJ perlu dirancang, bukan dibuat secara

bermusim atau secara *ad-hoc* dan tidak seharusnya terlalu bergantung kepada pihak lain tetapi berdiri di atas kaki sendiri dengan penuh keyakinan dan keberanian.

PPJ seperti juga mana-mana badan penulis lainnya merupakan organisasi sukarela yang bergerak semata-mata bergantung kepada semangat dan kegigihan para pemimpin dan ahli-ahlinya. Tugas penulis meneroka alam baru dalam bidang kreativitinya. Kekuatan yang ada pada penulis ialah mengungkapkan daya imaginasi, pemikiran dan perasaannya secara kreatif, melalui hasil-hasil karyanya. Apa yang tidak ada pada mereka ialah alat penampungan, kemudahan-kemudahan untuk menerbitkan hasil tulisan mereka, hasil penelitian dan kajian mereka melalui organisasi penulis. Oleh kerana itu keazaman dan keberanian politik sangat diharapkan daripada Kerajaan Negeri bagi menentukan badan penulis yang ada di Johor ini dapat terus hidup subur bagi membolehkan memberi sumbangan yang bermakna terhadap kelangsungan kegiatan intelektual negeri ini. Peranan Kerajaan bukan sahaja setakat memberikan sokongan moral, tetapi yang lebih penting ialah memberikan tunjangan supaya segala aktiviti PPJ dapat dijalankan tanpa hambatan, terutamanya dalam usaha memartabatkan sejarah, seni budaya dan persuratan Johor.

Perjuangan memartabatkan bahasa Melayu masih belum selesai walaupun bahasa Melayu sudah diletakkan di tempat yang sewajarnya sebagai Bahasa Kebangsaan. Apa yang perlu kita lakukan ialah menggunakan bahasa itu sebagai sarana memartabatkan kesusasteraan Melayu setaraf kesusasteraan dunia. Organisasi penulis tidak mempunyai kudrat untuk melahirkan penulis bertaraf antarabangsa kalau penulis sendiri sebagai individu tidak meletakkan kualiti karyanya sebagai sasaran yang harus dicapai. Organisasi penulis di mana pun berada dalam keadaan yang ada sekarang tidak banyak yang dapat disumbangkan kerana masalah dana. PPJ seperti juga PBmPB Diraja terpaksa berjuang untuk memartabatkan bahasa dan sastera dalam ruang yang amat terbatas. Selain batas kewangan ialah batas masa dan kemudahan-kemudahan kerana hampir keseluruhan pucuk pimpinan dan anggota PPJ terdiri daripada kakitangan kerajaan yang terikat dengan Perintah-Perintah Am, waktu pejabat, beban tugas harian yang bertambah, dan karenah birokrasi.

Andainya sebuah sekretariat khas dapat diwujudkan dengan kemudahan-kemudahan perhubungan dan petugas sepenuh masa bagi menyelaras semua kegiatan penulisan di negeri ini, saya yakin bukan sahaja kerja-kerja menghasilkan

karya-karya baru, malah kerja-kerja mengumpul, mengkaji dan menerbitkan semula Warisan Persuratan Johor akan menjadi lebih mudah dan efesien.

Penutup

Satu perkara yang jelas dapat kita perhatikan daripada perbicaraan mengenai *Organisasi Penulis Johor: Perjuangan dan Kesinambungan Warisan Persuratan Johor* ini, baik dalam zaman PBmPB Diraja sehinggalah ke zaman PPJ, kreativiti semangat, dan idealisme sahaja tanpa tunjangan dan sokongan moral daripada pihak yang berkuasa negeri tidak banyak yang boleh disumbangkan oleh badan-badan penulis itu. Demikianlah halnya dengan badan-badan kebudayaan yang lahir dan mati satu persatu tanpa diketahui di mana kuburnya, dan tanpa meninggalkan sesuatu yang benar-benar bermakna. Oleh sebab kegiatan-kegiatan intelektual seperti dalam bidang penulisan ini tidak mempunyai khalayak yang ramai, justeru tidak banyak pihak yang berminat untuk melabur ke dalam bisnes ini. Apakah mungkin satu pendekatan baru dapat dicari dan diperkenalkan dalam mana melalui keazaman dan keberanian politik, semua pihak termasuk badan-badan swasta dan korporat akan berasa terpanggil untuk menyertai dalam pelaburan budaya ini. Para cendekiawan, sasterawan, seniman, dan budayawan adalah aset negara yang tidak kurang nilainya daripada golongan-golongan yang lain. Hanya mereka yang berjiwa besar dapat menghargai betapa besarnya sumbangan mereka dalam menentukan kesinambungan kehidupan intelektual bangsanya.

Negeri Johor telah banyak kehilangan para penulisnya tanpa sebarang pengiktirafan terhadap sumbangan mereka dalam usaha memartabatkan persuratan Melayu. Kita telah melepaskan Abdullah Sidek, Zainon Sulaiman, Embong Yahya, Kasmani Haji Arif dan banyak lagi yang lain begitu sahaja. Namun kita masih mempunyai Shaharom Husain seorang anak watan Johor yang sejak dari usia mudanya sehinggalah ke masa kini masih belum jemu-jemu menulis, mengumpul, mengkaji, dan menyimpan khazanah persuratan Johor yang tentunya bakal diwariskan kepada generasi yang akan datang. Khazanah ini disimpan dan dirawat dengan baik di Gapura Sastera tempat kediaman beliau sendiri. Saya suka mencadangkan kepada Kerajaan Negeri Johor, sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan kepada usaha gigih Shahrom Husain, penulis besar negeri Johor ini agar diperuntukkan sejumlah dana khusus bagi melestarikan Gapura Sastera sebagai sebahagian daripada Muzium Warisan Johor, atau

sebagai Muzium Persuratan Johor, di mana difikirkan sesuai sekiranya dipersetujui oleh beliau sendiri. Bagi saya ini merupakan salah satu cara atau pendekatan dalam usaha memartabatkan sejarah, seni budaya, dan persuratan Johor.

Bibliografi

Li Chuan Siu. 1978. *Iktisar Sejarah Kesusasteraan Melayu Baru 1830-1945*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.

Nik Safiah Haji Abdul Karim (Prof. Dr.). 1978. "Sumbangan Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku Diraja Johor Terhadap Perkembangan Bahasa Melayu", dlm. *Tradisi Johor-Riau. Kertas Kerja Hari Sastera 1983*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Ismail Zamzam. 1992. "Persuratan Penulis Johor (PPJ): Pertumbuhan dan Peranannya dalam Perkembangan Organisasi Bahasa dan Sastera di Malaysia", dlm. *100 Tahun Pergerakan Bahasa dan Sastera Melayu 1888-1988*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

William R. Roff. 1967. *The Origins of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

Arena Wati. 1964. *Perkembangan Kesusasteraan Melayu*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.

Ahmat Adam. 1981. "Bahasa dan Sastera dalam Sejarah Pergerakan Kebangsaan di Tanah Melayu", dlm. *Imej dan Cita-Cita. Kertas Kerja Hari Sastera 1980*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

M.A. Fawzi Basri. 1995. "Major Datuk Haji Mohd. Said bin Haji Sulaiman: Peranan dan Karyanya dalam Sejarah Persuratan dan Kesusasteraan Melayu Moden", dlm. *Warisan Budaya Utara Selatan*. Kedah: MKNKDA.

Mohd. Zamri Sabran. 1978. *Sejarah dan Perkembangan Persatuan Penulis-Penulis Johor (PPJ)*. Latihan Ilmiah (Sastera) Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang.

Julia bte. Bit. 1978. *Persatuan Penulis Johor (PPJ): Peranan dan Sumbangannya dalam Perkembangan Kesusasteraan Melayu*. Tesis Ijazah Sarjana Muda UKM.

Jurnal Persatuan Penulis Johor. Jilid I-VII. Johor Bahru: PPJ.

PERKEMBANGAN SURAT KHABAR DAN MAJALAH DI JOHOR 1919–1941

PROF MADYA DR MOHD SARIM HAJI MUSTAJAB

Tradisi keintelektualan dan kewartawanan memang sudah lama diwarisi oleh masyarakat Melayu di negeri Johor dan ini berlaku bukan secara kebetulan. Sejak dari zaman pemerintahan Sultan Abu Bakar, tradisi keintelektualan itu terserlah apabila terbitnya *Kitab Pemimpin Johor* pada tahun 1878, sebuah buku nahu Bahasa Melayu, hasil karya Muhamad Ibrahim bin Munshi Abdullah yang ketika itu memegang jawatan Dato Bentara Dalam. Dua puluh enam tahun kemudian Johor melihat penerbitan *Hikayat Queen Victoria* (1904-05) dan *Hikayat Johor* (1908) oleh Major Dato Haji Mohamad Said bin Sulaiman, salah seorang tokoh dan ketua yang bergiat aktif dalam "Pakatan Belajar Mengajar Pengetahuan Bahasa" atau PBmPB Diraja. Selain dua orang tokoh ini terdapat juga seorang penulis dan tokoh pentadbir yang turut bergiat dalam bidang penerbitan di peringkat awal ini iaitu Dato Abdullah bin Abdul Rahman. Beliau telah menerbitkan artikelnya berjudul "Matahari Memancar" di dalam majalah *Al-Imam*, secara bersiri antara tahun 1906 sehingga 1907. Rencana ini kemudiannya diterbitkan semula di Muar dalam bentuk buku berjudul *Matahari Memancar* apabila *Al-Imam* memberhentikan keluarannya pada tahun 1908. Boleh diandaikan bahawa pada tahap awal ini kegiatan intelektual dan kewartawanan di Johor banyak dipengaruhi oleh perkembangan yang berlaku di kota raya Singapura.

Hal ini terjadi justeru kerana dari segi geografi Johor agak hampir dengan Singapura dan sejarah politik Johor begitu rapat dengan Singapura yang pada suatu ketika menjadi pusat pentadbiran kerajaan Temenggong Daing Ibrahim dan Sultan Abu Bakar sebelum 1885. Pada awal abad ke-20, Singapura menjadi pusat kegiatan intelektual dan kewartawanan Melayu justeru kerana di Singapura telah wujud satu masyarakat Melayu

- Islam (Malay-Muslim) yang memberi impak kepada kegiatan tersebut. Selain wujudnya sekolah-sekolah Inggeris, Melayu dan Arab, Singapura menawarkan infrastruktur yang baik untuk memungkinkan wujudnya syarikat-syarikat percetakan yang dapat melayan keperluan penerbit buku dan majalah dalam bahasa Melayu, khususnya pada penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20. Majalah *Al-Imam* sebuah majalah *Islah* yang pertama diterbitkan di Tanjung Pagar, Singapura, turut sama melayan selera pembaca di Johor. Dalam satu keluaran majalah itu terdapat artikel yang memuji pemerintahan Sultan Abu Bakar dan pemerintahan anaknya iaitu Sultan Ibrahim. Sebuah artikel lain berjudul "Makalah Bagi Pelatih Mufti Johor" terbit secara bersiri di dalam *Al-Imam* dari bulan Disember 1906 sehingga Jun 1907, menunjukkan bahawa penulis dan pembaca di Johor sudah lama terdedah kepada kegiatan penulisan dan kewartawanan. Betapapun halnya, kegiatan menerbitkan surat khabar dan majalah agak lewat muncul di Johor. Majalah *Harapan* iaitu majalah pertama diterbitkan di Johor hanya muncul pada tahun 1919, satu tahap perkembangan yang agak lewat jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Semenanjung mahupun di Negeri-negeri Selat. Besar kemungkinan kemudahan yang banyak terdapat di Singapura mendorong penerbit majalah dan buku di Johor untuk mengeksploitasi kemudahan yang terdapat di kota raya itu. Apapun sebabnya yang jelas kegiatan menerbitkan surat khabar dan majalah di Johor berlaku agak lewat. Kertas kerja ini akan cuba menggalur secara sepintas lalu sejarah kegiatan penerbitan surat khabar dan majalah di Johor dari tahun 1919 sehingga 1941 dan di samping itu melihat apakah faktor yang mendorong kepada berkembangnya kegiatan kewartawanan dan penulisan di Johor sehingga Perang Dunia Kedua.

Kegiatan Menerbitkan Surat khabar dan Majalah di Johor

Muar, Johor Bahru dan Batu Pahat merupakan tiga daerah terpenting di mana berlakunya kegiatan penerbitan baik dalam bentuk buku, surat khabar ataupun majalah. Tiga daerah ini merupakan kawasan pentadbiran yang utama di negeri Johor di mana kegiatan ekonomi dan pendidikan turut berjalan seiring dengan kemajuan pentadbiran. Kemajuan ekonomi dan pendidikan mewujudkan suasana dan keperluan untuk mendapatkan bahan bacaan yang lebih banyak khususnya dari golongan literasi Melayu.

Muar

Sebagai pusat pentadbiran yang penting di negeri Johor, Muar muncul sebagai salah satu pusat kegiatan intelektual yang penting pada tahun 20-an. Perhubungan yang baik serta kemudahan sosial yang efisien menjadikan Muar sebuah bandar di mana banyak terbit majalah dalam Bahasa Melayu. Selain itu wujudnya kelab-kelab sosial serta persatuan-persatuan Melayu di bandar ini memungkinkan lahirnya majalah-majalah yang diterbitkan oleh organisasi-organisasi ini. Sehingga tahun 1935 Muar sudah terkenal sebagai bandar "dengan masyarakatnya yang cergas sering menceburkan diri dalam bidang ekonomi, politik dan sosial". Atas rasa kesedaran ini kita dapati beberapa pertubuhan Melayu di Muar telah mula menerbitkan majalah untuk kegunaan anak bangsanya sendiri. Majalah pertama yang terbit di Muar ialah Majalah *Lidah Teruna* (Jun, 1920) oleh Persekutuan Perbahasan Orang-orang Islam Muar. Majalah ini memuatkan berita mengenai kejadian tempatan, tarikh Islam, kesihatan serta nasihat yang berguna untuk masyarakat Islam di sekitar Muar. Terdapat juga sedutan berita dari akhbar metropolitan yang diterbitkan di Negeri-negeri Selat seperti di Singapura. Edaran majalah ini agak terhad, mungkin tidak melebihi 150 naskah tetapi yang menarik ialah isi kandungan majalah ini telah dapat menarik minat beberapa orang pembaca dari luar negeri Johor untuk berlanggan dengannya. Walaupun tidak wujud persoalan yang menyentuh perkara politik semasa, yang jelas ialah majalah ini telah cuba mewujudkan kesedaran tentang pentingnya orang-orang Melayu bersatu dan bagaimana mereka boleh mencari jalan untuk menyelesaikan masalah yang mereka hadapi.

Beberapa tahun selepas terbitnya *Lidah Teruna*, Muar menyaksikan penerbitan majalah bulanan *Masa* di Parit Jamil pada Januari 1924. Majalah ini telah diterbitkan oleh seorang tokoh tempatan bernama Tuan Haji Jaafar bin Mohd. Taib. Dikatakan bahawa Tuan Haji Jaafar telah mengeluarkan perbelanjaan sendiri untuk menerbitkan majalah ini. Mengikut Muhamad bin Dato Muda, penerbitan majalah ini telah diusahakan semula oleh Raja Muhammad Yunus Ahmad dari Parit Jamil pada bulan April 1934 tetapi pengedaran majalah ini tidak dapat bertahan lama. Edarannya dikatakan terlalu kecil untuk menampung kos penerbitan majalah itu.

Penerbit dan Syarikat-syarikat Percetakan

Menjelang tahun 1925 satu kumpulan orang Melayu Muar telah menubuhkan sebuah syarikat yang dikenali sebagai Syarikat Maharani Muar (Muar Maharani Company). Syarikat ini bertujuan untuk bergiat dalam bidang ekonomi khususnya dalam bidang penanaman getah dengan tujuan untuk menjaga kepentingan orang-orang Melayu. Syarikat ini juga berhasrat untuk menerbitkan sebuah surat khabar yang dapat dikeluarkan empat kali seminggu. Akhbar berjudul *Perjumpaan Melayu* berjaya diterbitkan oleh syarikat ini. Dua tahun kemudian syarikat ini bertukar nama menjadi *Matbaah al-Khairiah* dan berjaya menerbitkan sebuah majalah bulanan *Panji-panji Melayu*. Sebagaimana dengan nasib kebanyakan akhbar dan majalah yang terbit sebelum perang, akhbar *Perjumpaan Melayu* dan majalah *Panji-panji Melayu* berupaya beredar dalam usia yang agak singkat. Kesedaran serta minat untuk menerbitkan surat khabar dan majalah untuk membahaskan masalah masyarakat Melayu dan bagaimana hendak meningkatkan status masyarakat itu menunjukkan satu tahap kemajuan yang belum tercapai sebelum ini.

Dalam bidang penerbitan dan percetakan selain *Matbaah al-Khairiah* (Welfare Press) yang didirikan pada tahun 1925, terdapat juga beberapa buah syarikat percetakan yang muncul pada tahun 30-an. Pada tahun 1934 *Matbaah Parit Jamil* didirikan di Muar untuk menerbitkan buku-buku bercorak fiksyen, bukan sahaja hasil karya dari penduduk tempatan tetapi juga karya-karya penulis Melayu dari seluruh Malaya. Selain dua buah Matbaah yang disebutkan, terdapat beberapa lagi antaranya ialah *Maharani Press* yang telah didirikan di Muar oleh Abdul Ghani bin Abdullah; *Daud Press* yang terletak di No. 8, Jalan Sisi, Muar, diusahakan oleh Encik Abu Bakar bin Dawi dan Matbaah ini kemudian bertukar nama kepada *Johoriah Press Muar* setelah berpindah lokasi di No. 42 Jalan Salleh, Muar.

Dalam kerancakan mendirikan syarikat-syarikat percetakan, pada bulan Julai 1926 Persekutuan Guru-guru Islam Muar berjaya mengeluarkan majalah *Lembaran Guru* dan ini diikuti beberapa tahun selepas itu oleh Persekutuan Islam Johor (Al-Jama'ah al-Islamiah al-Johoriah) yang berjaya menerbitkan majalah berjudul *Al-Johoriah*. Walaupun majalah-majalah yang muncul di Muar ini terbit buat beberapa bulan, kewujudan majalah-majalah itu menunjukkan bahawa kegiatan keintelektualan di Muar sudah sampai ke satu tahap yang membanggakan. Boleh dikatakan menjelang tahun 30-an

kemunculan beberapa buah majalah penting bukan sahaja di Muar malah juga di beberapa pusat bandar di Johor menunjukkan bahawa Johor turut memainkan peranan aktif dalam bidang penerbitan suratkhabar dan majalah. Pada bulan Mac, 1930 terbit sebuah majalah bulanan *Cahaya*, manakala di Parit Jamil pada Ogos 1930 lahir sebuah bulanan bernama *Katok-katok*. Ciri penting yang dapat dilihat pada majalah ini ialah majalah tersebut tidak menerima karangan-karangan berbentuk umpat-mengumpat, karangan berkaitan dengan cerita kasih sayang dan karangan-karangan yang berkenaan dengan politik negeri. Dikatakan majalah ini mempunyai pertalian dengan majalah *Masa* yang dicetak di Percetakan Al-Jamiliah, Parit Jawa, Muar. Selain syarikat percetakan dan orang perseorangan, kelab-kelab sosial yang wujud di Muar turut sama menerbitkan majalah dan salah satu daripadanya ialah majalah *Taja Penghibaran* yang diterbitkan oleh Muar Club pada bulan September 1934. Kelab ini turut menerbitkan majalah *Neraca* pada bulan Disember tahun yang sama.

Dari perkembangan di atas dapat disimpulkan bahawa Muar muncul sebagai salah sebuah pusat penerbitan yang utama di negeri Johor khususnya pada tahun-tahun 1920 sehingga 1930. Walaupun perkembangan di Muar memperlihatkan satu tahap yang agak singkat tetapi kepentingan Muar sebagai sebuah pusat percetakan buku fiksyen Melayu, suratkhabar dan majalah tidak dapat diperkecilkan. Kepentingannya dalam menghasilkan beberapa buah akhbar dan majalah di Johor pada tahap ini menunjukkan bahawa kegiatan keintelektualan dan kewartawanan begitu lumrah berlaku di sini.

Batu Pahat

Berbeza dengan Muar dan Johor Bahru, di Batu Pahat kegiatan penerbitan di kalangan orang Melayu lebih banyak tertumpu kepada penerbitan majalah dan ini berlaku agak lewat khususnya pada pertengahan tahun 30-an. Majalah yang mula-mula sekali terbit di Batu Pahat ialah majalah *Pemuda*, terbit pada bulan November 1935 di bawah pimpinan Daud bin Suleiman. Majalah ini pernah dianggap sebagai sebuah majalah yang dipelopori oleh golongan muda sahaja. Perkembangan ini menggambarkan bahawa satu-satunya keistimewaan dalam bidang penulisan di Batu Pahat ialah tampilnya golongan muda yang berminat pada kegiatan karang mengarang dan bidang persuratan.

Perkembangan paling penting di Batu Pahat ialah apabila tertubuhnya Persatuan Guru-Guru Melayu Batu Pahat dan

lahirnya sebuah majalah oleh persatuan itu pada 16 Januari 1940 bernama *Majalah Idaman*. Majalah ini, kemudiannya digabungkan dengan majalah *Bulan Melayu* yang diterbitkan oleh Persatuan Guru-Guru Perempuan Johor dan kedua-dua buah majalah ini dapat hidup sehingga kedatangan Jepun. Majalah ini mempunyai edaran yang agak luas di merata Johor justeru kerana pelanggannya banyak terdiri daripada Guru-Guru Melayu. Sebagai sebuah majalah *Idaman* menjadi pembimbing masyarakat Melayu untuk memajukan pendidikan di kalangan masyarakatnya. Tahun 1940 juga memperlihatkan munculnya dua buah majalah di Batu Pahat, satu daripadanya berjudul *Taman Paspam* iaitu sebuah majalah yang menjadi lidah rasmi Persaudaraan Sahabat Pena Se Malaya, diselenggarakan oleh Arifin bin Ishak untuk kemudahan ahli-ahli Paspam atau Persaudaraan Sahabat Pena Se Malaya. Turut terbit pada bulan Ogos 1940 ialah majalah bulanan *Semangat Melayu* di mana isinya mementingkan kepada pengetahuan, persatuan dan iktisad. Majalah ini berupaya hidup beberapa bulan sahaja sebelum ianya diberhentikan.

Selain beberapa buah majalah yang terbit di Batu Pahat, terdapat satu terbitan yang diberi nama *Berita Kampong*. Sukar untuk mempastikan apakah keluaran ini sebuah suratkhabar ataupun tidak, tetapi yang jelas ialah ianya diusahakan oleh orang-orang kampung khususnya yang terdiri daripada penghulu-penghulu mukim di daerah Batu Pahat. Perkembangan di Batu Pahat walaupun tidak serancak yang berlaku di Muar ataupun di Johor Bahru, yang ketara ialah sebahagian besar masyarakat Melayu di Batu Pahat bergerak cergas dalam bidang penulisan. Walaupun jumlah majalah yang dikeluarkan di Batu Pahat agak kecil bilangannya tetapi benih kesedaran dan semangat untuk menulis telahpun wujud di kalangan penduduknya di pelbagai peringkat.

Johor Bahru

Walaupun kedudukannya lebih hampir dengan Singapura, Johor Bahru menyaksikan penerbitan majalahnya yang pertama hanya pada tahun 1919 apabila terbitnya majalah *Harapan*, iaitu sebuah majalah yang diterbitkan oleh Persatuan Keharapan Belia Johor Bharu. Majalah ini diterbitkan untuk ahli-ahli persatuan tersebut dan beredar dalam jangka masa yang agak pendek. Usianya yang singkat mungkin disebabkan oleh jumlah cetaknya yang agak terhad. Kelewatan Johor untuk menjadi pusat keintelektualan dan kegiatan kewartawanan, sebagaimana telah dinyatakan,

disebabkan oleh proksimitinya dengan Singapura. Kemunculan beberapa buah akhbar besar yang dimiliki oleh beberapa orang "Press-baron" di Singapura menjadi penghalang kepada pertumbuhan akhbar dan majalah di Johor khususnya di Johor Bahru. Bagaimanapun keadaan mula berubah pada tahun-tahun selepas Perang Dunia Pertama di mana kegiatan menerbitan surat khabar dan majalah di Singapura mula berkurangan. Ini mungkin disebabkan wartawan serta penerbit buku dan majalah sudah beralih ke tempat lain seperti Pulau Pinang, Kelantan dan Negeri-negeri Melayu yang lain ekoran dari adanya infrastruktur yang lebih baik di negeri tersebut serta wujudnya sistem perhubungan yang lebih selesa. Boleh dikatakan pada tahun-tahun selepas Perang Dunia Pertama monopoli Singapura sebagai pusat kegiatan persuratan Melayu sudah mula tercabar.

Sebagaimana dengan pusat bandar yang lain di Tanah Melayu, Johor Bahru tidak terkecuali daripada tempias ini. Selepas terbitnya *Harapan*, Johor Bahru menyaksikan penerbitan sebuah lagi majalah pada bulan November 1927 iaitu *Majalah Jasa*. Majalah ini diedarkan kepada murid-murid Madrasah Al-Attas Johor Bahru dan cuma berupaya hidup selama empat tahun sahaja. Kewujudan dua majalah ini tidak membawa banyak perubahan kepada kegiatan intelek dan kewartawanan di Johor sehinggalah terbitnya majalah *Bulan Melayu* (1930-1941) iaitu majalah yang dipelopori oleh guru wanita atas nama Persekutuan Guru-guru Perempuan Melayu Johor di bawah pimpinan Hajjah Zain Sulaiman. Majalah ini dianggap sebagai majalah yang pertama sekali diterbitkan oleh kaum wanita di Semenanjung Tanah Melayu. Kelahiran *Bulan Melayu* telah meletakkan asas yang penting kepada perjuangan kaum wanita di negeri Johor khususnya dalam bidang kewartawanan dan pendidikan. Seperti juga dengan majalah-majalah lain yang terbit di Semenanjung Tanah Melayu, pada prinsipnya majalah ini tidak menerima karangan-karangan yang ada kena mengena dengan siasah negeri (Kerajaan) dan yang bersangkut paut dengan perbahasan agama. Majalah ini lebih mementingkan ajaran al-Quran dan pendidikan agama, yang menyeru kepada kemajuan dunia dan akhirat. Majalah ini juga cuba membela hak kaum wanita Melayu khususnya dalam bidang pendidikan.

Sebagai sebuah majalah yang dipelopori oleh kaum wanita, majalah ini turut mendapat sokongan dan sumbangan dari guru-guru lelaki di negeri Johor. Malah dalam keluaran sulung majalah ini, *Bulan Melayu* mendapat sokongan yang kuat dari majalah dan akhbar semasa seperti, majalah *Al-Ikhwan, Pengasuh, Majalah Guru, Saudara, Dunia Melayu, Cenderamata, Semangat*

Islam serta banyak lagi majalah lain yang terbit sezaman dengannya. Dalam soal penyelenggaraan, Percetakan Al-Attas di Johor Bahru telah memberi kerjasama yang penuh untuk mengeluarkan majalah ini. Sejak dikeluarkan pada bulan Jun 1930, majalah ini mendapat langganan bukan sahaja di kalangan para guru, malah terdapat permintaan dari orang ramai di Sarawak dan Labuan untuk menjadi wakil penjualnya. Terdapat permintaan untuk berlanggan dengan majalah ini dari pembaca di Medan, Riau serta juga dari Universiti Al-Azhar di Mesir. Sambutan menggalakkan ini memungkinkan majalah ini berjaya dikeluarkan sebanyak 5,000 naskhah dalam pasarannya bagi setiap kali keluaran.

Menjelang tahun 1939, ekoran dari keputusan satu mesyuarat Persekutuan Guru-guru Perempuan Johor yang diadakan pada 19 Disember 1939, mesyuarat bersetuju supaya majalah *Bulan Melayu* dikeluarkan bersama-sama dengan *Majalah Idaman* iaitu sebuah majalah yang diterbitkan oleh Persekutuan Guru-guru Laki-laki Batu Pahat. Cadangan ini dikemukakan untuk meringankan beban yang terpaksa dipikul oleh pengasasnya Hajjah Zain Sulaiman yang sehingga tahap itu terlalu sibuk dengan tugasnya dalam bidang pendidikan. Dalam mesyuarat Agung Ke-10, mesyuarat bersetuju supaya Fatimah binti Yaakop, Guru Pasukan Sekolah-Sekolah Batu Pahat dan Sharifah Ainon binti Ali, Guru Pelawat Jahitan dan Masakan Batu Pahat, diangkat menjadi Pengarang *Bulan Melayu*. Sejak tarikh ini majalah *Bulan Melayu* diterbitkan bersama-sama dengan *Majalah Idaman*, di mana Naim bin Shukran menjadi penyuntingnya. Penaung majalah ialah Tuan Syed Isa bin Alwee, yang memegang jawatan sebagai Nazir Sekolah-sekolah Melayu Batu Pahat. Keluaran pertama majalah gabungan ini menemui pembacanya pada 1 Jun 1940. Majalah Persekutuan Guru-guru ini terpaksa diberhentikan pada November 1941 ekoran dari pecah Perang Dunia Kedua. Walaupun majalah ini diusahakan oleh golongan guru-guru perempuan Batu Pahat tetapi organisasi Persekutuan Guru-guru Perempuan Johor tetap dipimpin oleh Hajjah Zain sebagai Yang Dipertua.

Perkembangan *Bulan Melayu* memperlihatkan peranan serta penglibatan guru-guru perempuan dalam bidang penerbitan majalah dan peranan golongan ini tidak dapat diperkecilkan dalam memperjuangkan cita-cita bangsa dan negara.

Kegiatan menerbitkan suratkhabar di Johor Bahru mencapai tahap yang penting apabila akhbar *Lembaga Malaya* mula diterbitkan di Singapura pada Disember 1934 di bawah

pimpinan Dato' Onn bin Jaafar. Walaupun akhbar ini diongkosi oleh wang dari orang Arab tetapi pengurusannya dikendalikan oleh orang-orang Melayu. *Lembaga Malaya* beralih tempat penerbitannya di Johor Bahru pada tahun 1938 apabila Dato' Onn bin Jaafar di lantik menjadi Ahli Tidak Rasmi Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor. Keadaan yang sama juga berlaku pada akhbar harian *Lembaga*, kerana kedua-duanya diusahakan oleh Dato' Onn bin Jaafar.

Penerbitan akhbar ini telah mendapat sokongan kewangan daripada suatu keluarga peniaga Arab iaitu keluarga Syed Alwi Omar Albar. Daripada sumbangan ini *Lembaga Malaya* telah menyewa sebuah 'Printing Office' di Victoria Street, Singapura. Di sinilah usaha-usaha mencetak akhbar ini dijalankan. Kira-kira setahun selepas *Lembaga Malaya* dikeluarkan, Dato' Onn telah menerbitkan sebuah lagi akhbar harian pada 8 Oktober, 1935 bernama *Lembaga*. Beliau juga menjadi pengarang pertamanya.

Mengikut Tuan Syed Alwi Omar Albar tujuan utama penerbitan *Lembaga Malaya*, selain keinginan Dato' Onn sendiri untuk menyuarakan hasratnya bagi menyedarkan kaum bangsanya, ia juga menjadi alat untuk mengkritik penjajah dan kaum pendatang. Selain persoalan di atas, penerbitan akhbar ini juga ingin dijadikan sebagai suatu sumber perniagaan. Dari segi organisasinya, *Lembaga Malaya* telah dapat kerjasama yang erat terutama daripada penduduk di Johor sendiri. Ini disebabkan mereka begitu menyanjung pendirian Dato' Onn untuk membela nasib bangsa Melayu. Manakala Syarikat Borneo pula telah memberikan beberapa kemudahan kredit kepada pihak *Lembaga Malaya*. Misalnya syarikat ini telah memberi pinjaman berjumlah kira-kira RM3,000.00 untuk membeli sebuah mesin cetak yang baru. Beberapa tahun kemudiannya tempat percetakan ini telah dipindahkan ke North Bridge Road, Singapura.

Peringkat awal akhbar *Lembaga Malaya* hanya diselenggarakan sendiri oleh Dato' Onn dan Syed Alwi Omar Albar sahaja. Dalam bidang karang mengarang Dato' Onn bertanggung jawab sepenuhnya. Bidang kewangan ditadbirkan oleh Syed Alwi sendiri. Ini termasuk dalam soal-soal pembayaran gaji pekerja, soal-soal urusniaga dan juga bahagian pengiklanan. Memandangkan penyebarannya begitu meluas terutama di sekitar penduduk Johor Bahru dan kawasan-kawasan yang berhampiran menyebabkan Sultan Johor iaitu Sultan Ibrahim sendiri mengambil inisiatif dan meminta supaya *Lembaga Malaya* dipindahkan dari Singapura ke Johor Bahru. Sultan Ibrahim sendiri memberi saguhati kepada pihak *Lembaga Malaya*

sebanyak RM5,000.00. Akhirnya bertapaklah *Lembaga Malaya* dengan mempunyai bangunan sendiri yang terletak di Jalan Meldrum, Johor Bahru.

Mulai awal tahun 1938 *Lembaga Malaya* mula menerbitkan edisi pertamanya di Johor Bahru. Ketika ini tugas pengarang *Lembaga Malaya* telah diambil alih oleh Syed Alwi bin Syed Sheikh Ahmad Al-Hadi. Walaupun ketika itu Dato'Onn memegang jawatan sebagai anggota tidak rasmi dalam Majlis Mesyuarat Negeri Johor, namun beliau bebas menyuarakan pendapatnya baik di dalam akhbar atau di dalam perbahasan-perbahasan yang diadakan. Kesempatan inilah telah diambil oleh beliau untuk mengkritik kuasa penjajah terutama dalam soal-soal siasah dan kemasyarakatan dalam negeri Johor sendiri. Begitu juga dalam bidang penulisan, antara 1938-1941 beliau masih lagi aktif melibatkan diri dalam beberapa siri penulisan seperti *Hikayat Seribu Satu Malam*. Mulai tahun-tahun 1940 pula beliau telah menulis satu lagi siri pengembaraannya mengelilingi dunia berjudul 'Daripada Johor ke Amerika'.

Ditinjau dari segi bentuk penulisan *Lembaga Malaya* pada tahun-tahun 1938-1941, dapat dikesan bahawa nada yang dibawa oleh Syed Alwi Syed Sheikh Ahmad Al-Hadi adalah seirama dengan nada yang ditulis oleh Dato' Onn semasa *Lembaga Malaya* diterbitkan di Singapura. Ini disebabkan Syed Alwi Syed Sheikh Ahmad Al-Hadi juga merupakan seorang pengarang yang terkemuka dan berjiwa progresif. Misalnya sebelum memegang jawatan pengarang di *Lembaga Malaya*, beliau pernah juga mengusahakan beberapa akhbar yang terkenal dan berpengaruh seperti akhbar *Saudara* di Pulau Pinang, *Warta Malaya* dan *Warta Ahad* di Singapura. Besar kemungkinan isu yang ditulis itu tidak banyak perbezaannya. Jadi, tidak hairanlah kalau dikatakan *Lembaga Malaya* mendapat sambutan yang baik di kalangan pembacanya. Mengenai hal ini, Syed Alwi Omar Albar menegaskan bahawa penyebaran *Lembaga Malaya* ini tidak sahaja terhad di Johor, malah terdapat juga wakil-wakil penjualnya seperti di Kuala Lumpur, Seremban dan juga di Sarawak.

Oleh sebab *Lembaga Malaya* lebih mirip kepada soal-soal kemasyarakatan, maka matlamat utama penerbitannya adalah untuk menjaga kepentingan masyarakat bangsanya sendiri. Dari itu segala aspek telah disentuh dengan meluasnya, terutama dalam perkara yang berhubung dengan kehidupan masyarakat Melayu sehari-hari. Di samping itu akhbar mingguan ini tidak ketinggalan juga melaporkan perisitwa-peristiwa penting yang sedang bergolak di dunia dewasa ini, terutamanya laporan-laporan mengenai perkembangan peristiwa-peristiwa

peperangan yang sedang berlaku di seluruh Eropah serta peperangan di antara Cina dengan Jepun. Pada kebiasaannya di bahagian tengah halaman *Lembaga Malaya* disertakan sekali dengan berita-berita bergambar terutama gambar-gambar mengenai kisah peperangan yang sedang berlaku di dunia barat dan timur.

Akhbar ini juga terkenal dengan satu ruangan kata-kata jenaka yang lebih bersifat kritik iaitu 'Perleteran Pak Pandir'. Ruangan ini merupakan ruangan yang paling digemari oleh pembacanya. Secara lucunya ruangan ini memuatkan kritik-kritik terhadap masyarakat Melayu, bangsa pendatang dan juga terhadap penjajah. Dalam ruangan cerita pula didapati selama penerbitannya, *Lembaga Malaya* telah memuatkan satu kisah bersiri daripada negeri Timur Tengah berjudul 'Hikayat Seribu Satu Malam'. Za'ba berpendapat siri ini diterjemahkan dari edisi Burton dalam versi bahasa Inggeris. Ada kemungkinan siri ini adalah sambungan daripada akhbar *Warta Malaya* semasa Dato' Onn menjadi pengarangnya di antara tahun-tahun 1930-1933. Manakala dalam bahagian keagamaan terdapat juga satu ruangan yang bersiri diberi nama 'Warta Muslimin'.

Kemampuan *Lembaga Malaya* untuk dapat terbit hingga 5 Disember, 1941 (terhentinya sebab peperangan) menunjukkan kemantapan dan kejayaannya dalam bidang persurat khabaran. Secara tidak langsung *Lembaga Malaya* dapat diletakkan di antara akhbar Melayu yang berpengaruh seperti *Warta Malaya, Utusan Melayu, Majalah Guru, Majlis* dan sebagainya. Hal ini diakui sendiri dalam suatu keluaran akhbar *Majlis* terbitan Kuala Lumpur yang menganggap *Lembaga Malaya:*

> sebuah akhbar yang terbesar di Tanah Melayu ini penuh dengan gambaran-gambaran yang menarik hati ... membawa berbagai-bagai riwayat alam ini terutama sekali Alam Melayu. Seseorang yang sudah biasa dengan kelazatan membaca majalah-majalah orang putih yang besar akan merasa kelazatan yang demikian itu sekurang-kurangnya tatkala membaca *Lembaga Malaya.*

Jadi dapat dikatakan walaupun Dato' Onn tidak melibatkan diri secara langsung dalam penulisan *Lembaga Malaya* antara tahun-tahun 1936-1941, tetapi sumbangan beliau dalam bidang ini adalah begitu besar sekali. Mengenai hal ini W.R. Roff sendiri menegaskan bahawa Dato' Onn adalah tokoh wartawan yang mungkin telah memberi pengaruh yang terbesar sekali di kalangan wartawan-wartawan Melayu pada tahun-tahun 30-an.

Menjelang tahun-tahun 1938-1941, Syed Alwi Syed Sheikh Ahmad Al-Hadi sebagai seorang pengarang mempunyai pandangan bahawa 'Hak Melayu, Negeri Melayu adalah terletak di tangan bangsa Melayu sendiri'. Dengan prinsip ini, beliau membukakan akhbar ini kepada perbahasan terutama mengenai soal-soal yang berkaitan dengan bangsa Melayu sendiri. Misalnya penulis tempatan yang ingin menyuarakan perasaan tidak puas hati mereka terhadap penjajah dan bangsa pendatang telah diberi kebebasan mengeluarkan pendapat mereka terutama dalam suatu ruangan bersiri 'Kebebasan Fikiran'. Jadi dapat dikatakan *Lembaga Malaya* lebih mengamalkan 'dasar yang liberal' dalam isu penulisannya. Konsep 'liberal' inilah dapat dikesan dalam ruang lembaran *Lembaga Malaya* terutama dalam tahun-tahun 40-an. Terdapat juga beberapa rencana yang secara terang-terangan mengkritik dengan hebat keburukan sistem pentadbiran penjajah. Hal ini dapat dilihat apabila salah satu dari rencana dalam ruangan 'Kebebasan Fikiran' yang bertajuk 'Pentadbiran Pemerintahan British di Semenanjung Tanah Melayu Tidak atau Belum Memberi Puas Hati' telah ditahan oleh pihak berkuasa. Ketua Pengarang *Lembaga Malaya* dipanggil ke Pejabat Ugama Kerajaan Johor (Bahagian *censorship*) untuk merakamkan rasa kesal kerana mengeluarkan artikel tersebut. Kerajaan juga telah memberi amaran kepada pihak *Lembaga Malaya* supaya artikel-artikel seperti itu tidak dikeluarkan lagi.

Hal ini sendiri memperlihatkan betapa 'tajam' dan 'berani'nya *Lembaga Malaya* mengkritik soal-soal siasah negeri di samping soal-soal kemasyarakatan, kebudayaan, ekonomi, agama. Sesungguhnya hal ini memperlihatkan sikap pengarangnya sendiri yang berani menghadapi kenyataan atau realiti pada masa itu.

Kesimpulan

Kegiatan keintelektualan dan kewartawanan di Johor memperlihatkan satu tahap perkembangan yang positif dan amat berbeza dari tempat lain, baik di Semenanjung Tanah Melayu mahupun di Negeri-negeri Selat. Yang ketara ialah kemunculan kegiatan penerbitan surat khabar dan majalah di Johor antara tahun 1919 dan 1941, berlaku justeru kerana iklim keintelektualannya telah lama tersemai, sejak dari zaman negeri itu diperintah oleh Sultan Abu Bakar. Pembangunan yang amat pantas di Johor Bahru serta di bandar-bandar lain seperti Muar dan Batu Pahat memungkinkan wujudnya satu golongan literasi Melayu Johor yang berupaya mendukung perubahan ini.

Perkembangan dalam bidang pendidikan memberi ruang bagi tumbuhnya suasana intelek di kalangan masyarakat. Lebih penting lagi wujudnya satu kelas pegawai tadbir negeri yang sudah *Anglophile* baik dalam pemikiran dan cara hidup melicinkan segala rancangan untuk memajukan kegiatan keintelektualan dan kewartawanan. Wujudnya kelab-kelab sosial persatuan-persatuan guru, dan persatuan-persatuan bisnes turut sama membantu mempercepatkan serta mempergiatkan usaha penerbitan surat khabar dan majalah.

JOHOR DALAM SUARA RASA PENYAIR ZAM ISMAIL

PROF MADYA KAMARUZZAMAN ABDUL KADIR

Pengenalan

Zam Ismail, anak kelahiran Kampung Parit Rasipan, Batu Pahat, Johor ini, mula muncul sebagai penyair ketika masih menjadi pelajar Tingkatan IV, di Sekolah Datuk Abdul Razak (SDAR), Tanjung Malim, Perak. Puisi pertamanya berjudul "Cahaya" tersiar dalam *Berita Harian* pada awal tahun 1960. Puisi tersebut terhasil daripada kesan rasanya selepas menonton filem "Antara Dua Darjat" karya, arahan dan lakonan Seniman Agung P. Ramlee. Antara kesan rasa yang diungkapkannya :

biarlah cahayamu membakar
budaya berwarna
agar tegak budaya asli tanpa beraneka
biarlah kami mengukir kenangan
di tugu indahmu.

Kesan rasa yang terjalin dalam nada sanjungan ini, ternyata dilatari oleh keyakinan Zam Ismail akan kebenaran serta kemuliaan sikap hidup P. Ramlee yang dipaparkan dalam filem itu. Paling jelas, sikap menentang malah melenyapkan pelbagai bentuk kepincangan dan kemelut sosial demi untuk mewujudkan impian murni manusia, iaitu keadilan yang menjanjikan hak kebebasan dan nikmat kemakmuran bersama. Keyakinan Zam Ismail ini yang diperteguh oleh pengalamannya semasa di SDAR, telah berkembang menjadi landasan suara rasa kepenyairannya dengan kesegaran, kejujuran dan kewajaran mata-fikir yang bermakna. Ini bermula pada tahun 1962 apabila beliau kembali ke kampung dan negeri kelahirannya.

Demikianlah yang terlihat sekitar tahun 60-an hingga awal tahun 80-an; selain mendukung profesi sebagai pendidik di

bandar-bandar atau di kota-kota negerinya,[2] Zam Ismail turut mempelopori penubuhan dan seterusnya memimpin[3] Persatuan Penulis Johor (PPJ). Kedua-duanya ini telah memberi kesempatan luas kepadanya untuk mendekati, mengenali serta menghayati alam, kehidupan dan hati nurani rakyat negeri Johor. Pernyataan kesan setiap kesempatan tersebut, sebilangan besar daripadanya terungkap dalam *Perempuan yang Kutemui* (1973), *Setelah Dinihari* (1983) dan *Basah dalam Ingatan* (1994), iaitu tiga buah kumpulan puisinya yang penting.

Johor dalam Suara Rasa Zam Ismail

Kemunculan Zam Ismail sebagai penyair dalam tahun 60-an ditandai oleh tahun-tahun 'pengisian makna kemerdekaan'. Antaranya, pengisian makna seperti yang disuarakan oleh Angkatan Sasterawan 50 (ASAS 50), bahawa kemerdekaan adalah jambatan ke arah keadilan masyarakat, kemakmuran, keamanan dan perdamaian hidup.[4] Justeru itu, perencanaan pembangunan atau pemodenan sosio-ekonomi di desa dan di kota, terlihat berkembang agak meluas. Ini turut menimbulkan perubahan situasi sosial dan rentak kehidupan rakyatnya.

Bagi Zam Ismail, perubahan tersebut adalah merupakan lingkungan yang tidak terlepas daripada mempengaruhi kreativiti dan sensitivitinya sebagai penyair. Di samping itu, beliau seperti juga penyair-penyair sezamannya[5] telah terlebih dahulu pula memerhati dan banyak belajar daripada tradisi penulisan puisi yang dibentuk oleh Usman Awang dan Masuri S.N., dua tokoh penyair ASAS 50 yang terkemuka.

Kesan daripada pengaruh dan pemerhatian itu, ditemui persambungan suara rasa Zam Ismail dengan pernyataan dalam puisi karya dua tokoh penyair tersebut; terutama dengan puisi-puisi "Kuala Sedili", "Berita dari Kampung" dan "Mata Ayah" karya Usman Awang[6] yang menyuarakan kerinduan terhadap kampung kelahiran di samping keharuan terhadap penderitaan petani dan nelayan. Namun persambungan ini bukan pula tanpa landasan yang wajar. Ia jelas dilandasi oleh kesedaran Zam Ismail tentang kemiskinan dan ketidakadilan sosial di kampung atau di desa dalam tahun 50-an, masih wujud dalam tahun 60-an.

Kesedaran itulah terjelma menjadi suara rasa Zam Ismail; antaranya sebagai yang terungkap dalam puisi "Kampung Pahang". Kampung ini yang bukan jauh di pedalaman tetapi terletak 'di pinggir lopak', diperlihatkan persekitaran dan suasananya:

Pondok usang seusang hati penghuni
memagar daerah kecundang
manusia mereguk piala hidup
penuh anggur dan kecapi
esok atau lusa hari akan kiamat
kerana syurga hanya untuk malaikat.

Dangau lesi sepucat penghuni
menyimpan sejarah keturunan yang malang
berdiri di antara dosa dan budi
antara derita hidup dan mati.[7]

Pernyataan daripada suasana ini, jelas menunjukkan kemerdekaan belum dapat membina keadilan dan kemakmuran masyarakat. Pembangunan atau pemodenan sosio-ekonomi walaupun perencanaannya agak meluas tetapi tidak seimbang antara kampung dan kota. Oleh itu, kampung atau desa masih kekal sebagai 'daerah kecundang' dengan memiliki 'pondok usang' dan 'dangau lesi' yang sekaligus melambangkan kemiskinan hidup rakyat atau penghuninya. Tambahan pula, setiap kemakmuran akan hanya lebih banyak dinikmati golongan berkuasa, berkedudukan tinggi dan berdarjat mulia sebagai yang diungkapkan 'syurga hanya untuk malaikat' itu.

Sehubungan ini, dapat dikesani hakikat kepenyairan Zam Ismail. Beliau ternyata membawa kesedaran rasa dan kepekaan mata-fikirnya sebagai mewakili pernyataan pedih-derita kekecewaan sosial rakyat negeri kelahirannya, di tengah-tengah pengisian makna kemerdekaan. Rakyat di negerinya, terutama seperti di "Kampung Pahang" yang bertarung 'mereguk piala hidup' antara 'anggur dan kecapi', pada umumnya sekadar berasa gembira dalam impian tanpa bahagia dalam kenyataan.

Namun suasana pedih-derita kekecewaan sosial itu tidaklah disempadani rakyat atau penduduk kampung negeri kelahiran Zam Ismail sahaja. Ia turut dikongsi bersama oleh hampir serata kampung di negara ini akibat daripada pembangunan sosio-ekonomi yang bukan sahaja tidak seimbang tetapi juga tidak stabil. Peristiwa penerokaan 'tanah haram' oleh para petani di Teluk Gong pada pertengahan tahun 60-an, selain menjadi kenyataan sejarahnya adalah juga merupakan kemuncak pernyataan suasana tersebut. Seterusnya apabila pihak berkuasa bertindak memusnahkan hasil kerja penerokaan itu, secara spontan pula lahirnya *Teluk Gong* (1967), iaitu himpunan suara lantang para penyair yang kental dengan nada protes.

Peristiwa tersebut tentunya sentiasa mengimbau serta memukau kesedaran dan kepekaan Zam Ismail. Demikianlah yang ditemui pernyataannya pada tahun berikutnya, ketika Zam Ismail menjadi pendidik di Sekolah Aminuddin Baki, Johor Bharu, apabila peristiwa seperti di Teluk Gong itu berulang pula di persekitaran atau di pinggiran kota yang dihuninya, tercetuslah suara rasanya sebagai yang terungkap dalam puisi "Senja di Tanah Haram". Antara cetusannya:

> Senja berlabuh di tanah haram
> Ungu warnanya maung baunya
> Setinggan mengusung hati nan tercalar
> Sepotong harapan harapan berpaut di wajah para wali.
>
> Rumah liar esok akan diruntuh
> Sebuah traktor merobek dinding bertampal
> Koyaklah setinggan nan selapah
> Darah membuak menggigit hidup bercuka.[8]

Melalui cetusan sedemikian rupa, terasa suara kesal yang mencengkam perasaan. Ini timbul daripada kesedaran Zam Ismail tentang kesan pembangunan di kota telah mengalpakan nilai-nilai keadilan sosial terhadap rakyat atau penduduk perkampungan setinggan yang rata-rata bergelut dengan kemiskinan. Akibatnya, harapan masa depan yang bagaikan perjalanan dari 'senja' ke 'malam terus menyerkup' akan masih:

> Terlantar setinggan menanti siang
> Dan siang yang akan datang tetap membisu
> Esok pun hidup berlalu serupa selalu.[9]

Ternyata di sini, kekecewaan sosial penduduk desa ditandai oleh belenggu serta himpitan penderitaan dan kemiskinan, turut mewarnai kehidupan penduduk di kota. Persekitaran kota walaupun menyediakan sumber kemakmuran tetapi terdedah pula dengan persaingan dan pertarungan untuk memilikinya. Persekitarannya demikian, seperti yang disuarakan oleh Zam Ismail dalam puisi "Causeway", begitu tipis kemungkinannya kemakmuran itu dimiliki bersama oleh penduduk golongan bawahan yang tanpa keupayaan. Untuk semuanya ini, Zam Ismail telah mengungkapkan suasana kehidupan 'anak kecil' sebagai pengantar suara kesalnya:

Kenapalah hidup ini mesti bercerita
kisah manusia menggugat harapan
anak kecil yang haus hatinya
anak kecil yang hangus harapannya
bertindih debu kegilaan.[10]

Betapapun sengitnya persaingan dan pertarungan hidup di kota, namun bayangan nikmat kemakmurannya terus memukau sebilangan besar penduduknya. Dengan demikian, keghairahan memburu kemewahan bersifat kebendaan menjadi semakin dominan. Ini membawa kepada timbulnya permasalahan sosial yang lebih gawat, seperti keruntuhan moral, kehilangan nilai-nilai kemanusiaan dan kejutan budaya baru. Kegawatan ini, antaranya diperlihatkan oleh Zam Ismail melalui puisi-puisi "Johor", "Gadis Sudah Mati", dan "Majidee" dan "Bicara Tentang Gadis" yang termuat dalam *Setelah Dinihari* itu.

Pada keseluruhannya puisi tersebut dilatari oleh sentuhan rasa Zam Ismail sebagai anak muda yang menjadi penghuni kota. Oleh itu, diperlihatkan antaranya suasana di Jalan Ah Fook yang diwarnai oleh gelagat gadis-gadis berambut ala Kristein Keeler, bersandal Jepun dan berkaca mata setebal pelangi, mereka tidak segan silu 'mengekori jantan sepanjang hari' yang akan mendekatkan diri mereka terjebak dalam kancah maksiat. [11] Gelagat demikian, seperti yang disuarakan seterusnya dalam puisi "Johor" akan ditemui:

Ada gadis di tepi jalan
usia seputik durian
terkulai sebelum mekar
berderai sebelum segar
makannya pada cinta
yang dikutip di tepi selat.

Kerana itu satu hakikat
hidup manusia ningrat.

Padahal sedetik masa berlalu
sejuta harapan daunnya terkulai
asyik dicumbu kemanisan mimpi
dengan cinta dan kecapi
pengembara menginjak dahi.[12]

Begitulah Zam Ismail secara ironis menggambarkan gelagat gadis kota menerima budaya baru yang begitu asing dari budaya warisannya; dan dengan dikaburi serta dipalsukan oleh hakikat

kehidupan 'manusia ningrat' telah membawa mereka kepada keruntuhan moral. Sedangkan keghairahan memburu kemewahan berkecai di tengah-tengah kerakusan gelagat 'pengembara menginjak dahi' yang tanpa pertimbangan kemanusiaan.

Namun suara kesal yang terungkap dalam puisi-puisi tersebut bukanlah berupa pernyataan kekecewaan sosial semata-mata. Bagi Zam Ismail kekesalannya itu sebagai suatu rangsangan positif, iaitu menggerakkan kesedaran penduduk atau rakyat di desa dan di kota negeri kelahirannya; terutama untuk menghadapi kuasa dan pengaruh yang dilambangkan oleh Zam Ismail sebagai 'pengembara' dengan gelagat yang penuh tipu muslihat. Demikianlah melalui puisi "Ini Tanah yang Kupijak" disuarakan:

> Ini tanah yang kaupijak
> adalah gumpalan darah merah
> moyang-moyangmu yang gugur.
>
> Demi pengembara yang kehausan kuasa
> menginjak-injak darah yang bertaburan
> kapan anak yang berhati waja
> bangun mengganyang tulang-tulang pengembara.[13]

Terlihat daripada penyuaraan ini, sikap patriotisme dan kesedaran nasionalisme rakyat tidak semestinya berakhir setelah tercapai kemerdekaan. Ia perlu terus dipupuk dan diperteguh di kalangan rakyat khususnya generasi muda; paling utama mengenali, memahami dan menghargai sejarah perjuangan generasi masa lalunya. Lebih penting lagi, kemerdekaan juga bukan bererti penyelesaian terakhir permasalahan hidup. Ini kerana dalam suasananya yang menjanjikan kemewahan serta kemakmuran, akan wujud pula petualang dan dalang baru dari luar, malah dari dalam yang sentiasa menanti peluang. Kesedaran terhadap semuanya inilah dapat membina ketahanan dan maruah diri.

Menjelang akhir tahun 60-an, Zam Ismail berhijrah ke Kuala Lumpur kerana menuntut di institusi pengajian tinggi.[14] Bagaimanapun, alam dan rakyat negeri kelahirannya dibawa bersama-sama dalam suara rasa kepenyairannya yang semakin mantap. Dengan pengalaman-pengalaman[15] semasa di institusi tersebut, kecenderungannya dalam penghasilan puisi semakin luas. Namun permasalahan hidup rakyat desa negeri kelahirannya tidak pernah dialpakan.

Antara yang mewakili permasalahan itu, terungkap dalam puisi "Air Papan". Penderitaan dan kemiskinan petani - nelayan terus terabai. Ini disuarakan oleh Zam Ismail 'pegawai dan wakil rakyat' setahun sekali jarang bersua. Namun satu kesedaran dan perubahan baru yang membanggakan telah berlaku:

> Dari kampus menara gading lahir anak-anak baru
> yang bernafas atas keringat nelayan dan petani
> dengan tekad satu semangat yang padu
> mahu menjilat sendiri
> manis pahit hidup bangsanya di pedalaman
> supaya esok lahir para wali
> yang mengerti tangisan kaumnya.[16]

Kesedaran yang membanggakan melalui penyuaraan ini ialah peranan serta tanggungjawab golongan terpelajar untuk turut serta dalam menyelesaikan masalah penderitaan dan kemiskinan rakyat di desa. Ini jelas mencerminkan pula kesedaran Zam Ismail bahawa kemerdekaan telah menyediakan peluang kepada anak-anak di desa seperti dirinya mendapat pelajaran tinggi. Kesempatan itu perlu dibayar dengan bakti dan budi seluhur dan sejujur mungkin. Untuk itu dalam puisi "Jalan Paling Pahit" disuarakan kepada bakal siswazah terutama anak-anak petani yang akan kembali ke desa kelahirannya, tidak tenggelam dalam keangkuhan dan keenakan bilik-bilik dingin, di samping:

> isteri berjari +
> Alfaromeo +
> Protokol +
> Status Simbol.[17]

Sebagai anak-anak warisan pedih-derita kehidupan di desa, sewajarnya mendekati serta menghayati gerak hati nurani rakyat, seperti :

> Abang kakak kisut wajah di sawah
> Adik telanjang dada di sekolah
> Kering lumpuh ayah ibu di rumah
> Parit sungai lumpur
> Jalan di kota simpang-siur
> Betapa pahit mengedap sumpah.[18]

Penyuaraan ini bukanlah slogan muluk dari suara kepenyairan Zam Ismail sahaja. Dirinya, selain melanjutkan tugas sebagai pendidik atau guru berijazah, turut pula bergiat cergas

dalam pertubuhan yang memperjuangkan hak keturunan dan nasib rakyat, khususnya bangsa Melayu di negerinya.[19] Sehubungan ini, puisi "Sekuntum Hasrat Membunga Dari Tekad yang Menyala",[20] tidak sahaja dihasilkan oleh Zam Ismail sebagai mengenang rentetan sejarah kegiatannya dalam pertubuhan UMNO, tetapi juga menjadi mercu tanda gerak semangat perjuangan masa depan rakyat.

Disuarakan bangunan UMNO itu untuk 'kita pahatkan tekad' dan menyusun perpaduan tenaga untuk menentang 'petualang setiap penjuru'. Dengan demikian sebagai yang disedari oleh Zam Ismail:

> Betapa kita harus memisahkan diri
> sedang ia ternganga pinta diisi.
> Kitalah,
> kita yang dilahirkan untuk terus memikul
> di atas pundak dan kepala sendiri
> di pantai alam yang semakin sinis
> penuh jingga.
> Mereka yang sentiasa memburu
> setiap kelemahan dan kealpaan kita.

Tentunya tanpa 'kealpaan kita', iaitu pemimpin dan rakyat, Zam Ismail menemui kenyataan dan menerima hakikat bahawa kota negeri kelahirannya, seperti yang diungkapkannya dalam puisi "Johor", tidak lagi diwajahi oleh Johor dalam tahun 60-an. Yang nyata kini:

> Jejambat demi jejambat
> ruang-ruang bertingkat menyapu awan
> rumah-rumah pangsa menyeksa mata
> jentera-jentera beroda tiada hentinya.
>
> Johor
> sebuah kota yang sedang bangun
> di sana sini manusia bergerak
> pelabuhan sedang menunggu
> kemakmuran membuka kelopaknya
> milik siapa.[21]

Terkesan masih penyuaraannya yang ironi, seperti juga dalam puisi "Kota-kota Negeriku".[22] Walaupun begitu, penyuaraan timbul daripada kesedaran dan jangkauan mata-fikir Zam Ismail yang kritis.

Meskipun kota pesat membangun dan menjanjikan kemakmuran tetapi kesibukannya mengembalikan kerinduan Zam Ismail kepada keaslian alam di desa. Bagi dirinya desa seperti yang ditemui dan dirasai "Satu Pagi di Kampung Tekek Tioman", amat menyenangkan:

> Pagi, tika kubuka mata
> di Kampung Tekek Tioman
> sebuah desa permai
> udara nyaman menerkam wajah
> segar bagai embun di kelopak mawar.
> Burung-burung berlagu di hujung cemara
> menatap alam harmonis dengan dada terbuka.[23]

Didorong oleh kesedaran tentang keindahan alam desa dan kemakmuran di kota negerinya, terbentuk sikap patriotisme dan nasionalisme Zam Ismail yang lebih mendalam. Ketika berada di luar negara, baik di Jakarta, Amerika atau di Yugoslavia, ternyata negeri dan negara kelahirannya tidak pernah menjauh serta mengecil dari ingatannya. Demikianlah yang ditemui antaranya dalam puisi-puisi "Basah dalam Ingatan", "Tanah Leluhur dan Tanah Kelahiran" dan "Pulang ke Kampung". Melalui puisi "Basah dalam Ingatan" misalnya, ketika berada di tengah-tengah 'kehangatan kota Chicago' yang persekitarannya 'menghancurkan perilaku', maka Zam Ismail bersuara :

> Menyedari di sini
> bukan tempat istirahat
> sekadar mampir membasah rongga
> meraih hasil setiap inci perjalanan
> namun tanah kelahiranku
> masih basah dalam ingatan
> tetap gagah dalam kebanggaan.[24]

Begitulah patriotis dan nasionalisnya Zam Ismail. Ini erat hubungannya dengan kesedaran serta kebanggaan terhadap rentetan sejarah negeri malah negaranya sendiri. Kesedaran tersebut terlihat jelas melalui puisinya "Batu Pahat Satu Abad Ukiran Sebuah Wawasan". Ditegaskan bahawa 'perjalanan yang dibentengi oleh keberanian penduduknya menentang penjajahan dan penindasan; Tasik Kadri yang kini telah kehilangan wajah tetapi kekal mengukir sejarah pengorbanan penduduknya mempertahankan maruah dan kesucian tanah kelahirannya. Lantaran itu, menurut Zam Ismail:

Kita adalah generasi
lahir dari persetiaan padu
kecemerlangan sebagai kuda pacu
tinggalkan landasan purba
dengan ikatan perpaduan
dayung perahu tegakkan layar
genggam lautan penjarakan badai.[25]

Di sini ada kebenarannya, Zam Ismail seperti juga di kalangan penulis-penulis pascamoden cenderung kembali memerhati dan mengintertekstualkan sejarah untuk membina mitos baru masa depan bangsanya.[26] Sejarah yang diungkapkan oleh Zam Ismail walaupun berpusat pada negeri kelahirannya tetapi matlamatnya untuk menimbulkan kesedaran lebih luas daerahnya.

Kesimpulan

Sepanjang hampir 40 tahun Zam Ismail bergiat dalam penciptaan atau penghasilan puisi, terlihat keiltizamannya dalam gerakan kemasyarakatan. Dengan kata lain komited dan melibatkan diri dalam kehidupan masyarakat secara serius.[27] Ini bertepatan dengan pengakuan jujur Zam Ismail dalam Pengantar *Basah dalam Ingatan*, sebagai yang diungkapkannya:

Kukumpul
titis-titis puisi ini
dalam perjalanan waktu
meniti batas-batas derita
menyimpul keluh rasa manusia
kota-kota berbogel
desa-desa tandus
seluruh pantai citarasa
batu-batu tanda peradaban
larut abad kini.

Ketika menyuarakan perjalanan 'meniti batas-batas derita' dan 'keluh rasa manusia' di kota-kota dan di desa-desa, terutama di negeri kelahirannya, terungkap luas dalam puisi-puisinya hal-hal yang negatif dan jelek. Namun kejelekan itu dilingkari oleh metafora dan personifikasi di samping perlambangan yang menimbulkan kehalusan serta kelembutan citranya.

Pada akhirnya, Zam Ismail paling banyak mengungkapkan suara rasa kepenyairannya tentang alam, kehidupan dan hati nurani rakyat negeri Johor. Setiap suara dilatari oleh kesedaran sosial yang ditunjangi oleh kejujuran dan kemanusiaan.

Rujukan

1. Sebagai pemimpin pelajar Persatuan Persuratan dan Bahas Bahasa Melayu di samping pemimpin majalah *Sedar*, bersama Shamsuddin Jaafar.
2. Dari tahun 1962 hingga 1984, Zam Ismail pernah bertugas sebagai pendidik di Batu Pahat, Johor Bahru, Kluang dan Segamat.
3. Menjadi Ketua Satu PPJ sejak 1967-1969 dan 1973-1984.
4. *Memorandum*. 1962. (Kumpulan Tulisan Bahasa dan Sastera Angkatan sasterawan 50), Kuala Lumpur: Oxford University Press. Hal. 39.
5. Antaranya A. Wahab Ali, Dharmawijaya, Firdaus Abdullah, Hadzrami A.R., Jihaty Abadi, Kemala dan Shamsuddin Jaafar.
6. Puisinya "Kuala Sedili" dan "Berita dari Kampung" dihasilkan dalam tahun 50-an, dan termuat dalam *Gelombang*, kumpulan puisinya 1949-1960, yang pertama kali diterbitkan oleh Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1961. Puisi "Mata Ayah" tersiar dalam *Dewan Masyarakat*, Disember 1964.
7. *Setelah Dinihari*. 1983. Segamat, Johor: Textbooks Malaysia Sdn. Bhd. Hal. 6.
8. *Setelah Dinihari*. hal. 59.
9. *Ibid.*, hal. 60.
10. *Ibid.*, hal. 60.
11. Puisi "Bicara Tentang Gadis", hal. 2.
12. *Setelah Dinihari*, hal. 4.
13. *Ibid.*, hal. 43.
14. Menuntut di Universiti Malaya 1969-1972.
15. Pernah menjadi Setiausaha Agung Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya (PBMUM), 1970; menjadi Ketua Satu Ikatan Sastera Universiti Malaya (ISUM), 1971.
16. *Basah dalam Ingatan*. 1994. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hal. 3.
17. *Setelah Dinihari*, hal. 76.
18. *Ibid.*
19. Pengasas dan seterusnya menjadi Ketua UMNO Cawangan Bunga Raya Kampung Melayu Kluang (1972-1982); Timbalan Ketua Pemuda dan Pemangku Ketua Pemuda UMNO Bahagian Kluang (1978-1980); Ahli Jawatankuasa UMNO Kluang (1972-1982); Pengerusi Biro Pendidikan UMNO Bahagian Kluang.
20. Puisi ini dihasilkan khusus sempena upacara Perasmian Bangunan UMNO Bahagian Kluang, oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Othman Saat, Menteri Besar Johor, pada 22 Februari 1976.

21. *Basah dalam Ingatan*, hal. 17.
22. *Ibid.*, hal. 26.
23. *Ibid.*, hal. 24.
24. *Ibid.*, hal. 28.
25. *Mingguan Malaysia*, 27 November 1994.
26. Mana Sikana, "Penyair-penyair Terkemuka Malaysia: Analisis Puitika Tekstual", *Perisa*, Jilid 3, *1995*, hal. 37.
27. Georg Lukacs. 1950. *Studies in European Realism*. London: Merlin Press, hal. 11-12.

PUISI MODEN JOHOR

PROF MADYA RAHMAN SHAARI

Negeri Johor amat bertuah kerana lahirnya manusia berbakat besar dalam bidang puisi, iaitu Usman Awang. Jika kita menyebutkan bidang puisi moden atau sajak, dan meminta sesiapa menamakan tokohnya, yang pertama dikemukakan ialah Usman Awang. Demikianlah beliau terlalu dikenali di Malaysia, walaupun kita akui mungkin tidak kesemua orang yang mengetahui kehadirannya telah membaca karyanya.

Usman Awang terkemuka dalam bidang puisi kerana kekuatan sajak-sajaknya, iaitu "Ke Makam Bonda", "Gadis di Kuburan", "Pak Utih", "Perempuan Malang", "Salji Hitam", "Kambing Hitam" dan beberapa lagi. Sajak-sajak itu bergaya sederhana tetapi kukuh dan padu, dan tampaknya tidak besar jumlah penyair Malaysia yang berupaya menulis sedemikian. Usman Awang tidak menyembunyikan makna di balik rangkaian kata yang menimbulkan masalah komunikasi, dan tidak juga membiarkan kata-kata yang dipilihnya berangkai menjadi frasa yang menimbulkan kesan bombastik.

Sajak-sajak yang disebutkan di atas telah banyak diperkatakan orang. Oleh sebab itu, dalam pembicaraan ini, saya hanya ingin menyebut alasan utama penerimaan khalayak terhadap kehadiran karya-karyanya itu. Kesederhanaan gaya pengucapannya menyebabkan orang mudah memahaminya, dan setelah difahami, orang merasakan ada sesuatu yang tidak terucapkan oleh orang lain dengan gaya sesederhana itu. Ingatkan sahaja watak Pak Utih yang dilukiskan sebagai petani yang daif dan tertindas oleh kejahilan dan pengabaian pemimpin. Kejahilan Pak Utih digambarkan melalui tindakannya memanggil pak dukun mengubati malaria, dan pengabaian terhadapnya digambarkan melalui sikap wakil rakyat yang tidak menghiraukannya setelah memenangi pilihanraya. Semua itu disampaikan secara yang amat komunikatif, dan kita kemudiannya merumuskan bahawa sajak itu bukan tentang

seorang manusia petani bernama Pak Utih, tetapi tentang petani seluruhnya.

Gaya Usman Awang menjadi kian kukuh dari masa ke masa. Kita boleh mengambil sajak "Salji Hitam" untuk menunjukkan perkembangan gaya beliau. Dalam sajak tersebut, citra salji digunakan untuk melambangkan negara Barat, dan warna hitam pula menjadi lambang golongan kulit hitam. Sepintas lalu memang terasa sajak tersebut agak rumit difahami, tetapi setelah dibaca sebahagian, kita kian memahami maksudnya. Ada yang menganggap sajak "Salji Hitam" menonjol kerana politiknya, bukan kerana seninya, tetapi bagi saya kekukuhan sajak ini kerana kedua-dua alasan tersebut. Bahkan, sikap politik Usman Awang sebenarnya telah memberikan sumbangan yang bererti dalam mempertingkat mutu seni karya-karyanya.

Penyair Johor lain yang telah memberikan sumbangan besar dalam persajakan tanahair ialah Anis Sabirin, Alis Murni, Jaafa HS, Zam Ismail, Gunawan Mahmood, Shapiai Mohd Ramly, Inzura Kosnin dan beberapa lagi.

Anis Sabirin ialah penyair wanita yang muncul selepas Salmi Manja. Beliau mula menghasilkan sajak dalam dekad 60-an, dan beliau ialah penyair yang sama pentingnya dengan beberapa orang penyair lelaki dalam dekad tersebut. Kini Anis Sabirin tidak prolifik dalam penghasilan sajak, tetapi sajak-sajaknya yang muncul sekali sekala cukup berkesan. Sajak "Tak Dapat Kulupakan" yang ditulis dalam tahun 1982 ialah contoh yang baik. Saya kemukakan sajak tersebut:

Tak Dapat Kulupakan

tak dapat kulupakan
tak dapat kulupakan
bumi suci zaman remaja
bukit biru tempat bercanda
hijaunya Selat Teberau
pokok cempedak di pagar limau.

tak dapat kubayangkan
tak dapat kubayangkan
tahun berlari berlumba-lumba
matahari subuh mengejar senja
kelopak bunga cempaka
direstui setanggi setangkai doa
tak dapat kucatatkan

tak dapat kucatatkan
kawan-kawan datang dan pergi
bayangan malam bertambah ngeri
janji hancur dihempas waktu
pintu pun tutup satu persatu.

tak dapat kukisahkan
tak dapat kukisahkan
segala janji telah diisi
segala kasih diikat rapi
lorong panjang berlingkar-lingkar
entah bila berjumpa lagi.

(Dewan Sastera, Januari 1982)

Membaca karya di atas, kita pasti mengakui bahawa Anis Sabirin mempunyai kekuatan mencipta sajak yang tebal dengan emosi estetik. Yang dikemukakannya ialah kerinduan, dan kita tahu rindu ialah emosi biasa. Di tangan Anis Sabirin, kita dapat menanggapi rasa rindu itu secara yang berbeza daripada rasa rindu yang muncul dalam keadaan biasa. Sebenarnya, hal ini dijelmakan melalui penggunaan bahasa yang berpadanan.

Apabila seseorang telah menguasai bahasa puisi, isi yang mahu disampaikannya akan menyebati dengan bahasa puisinya itu. Kejayaan Anis Sabirin menyampaikan isi tentang kerinduannya melalui "Tak Dapat Kulupakan" ialah bukti bahawa rasa rindu yang biasa berbeza daripada rasa rindu yang estetik. Rasa rindu yang estetik, seperti perasaan lain yang terakibat daripada penghayatan karya, ialah tanda kejayaan karya. Dalam hubungan ini saya ingin menyatakan bahawa terdapat karya yang berjaya menimbulkan perasaan tertentu, tetapi karya itu gagal kerana perasaan yang muncul daripadanya tiada kaitan dengan nilai estetik. Sajak-sajak protes yang garang melulu, atau sajak-sajak tentang nasib malang yang melankolik, walaupun berjaya menimbulkan perasaan yang dikehendaki penyairnya, bukanlah karya yang berjaya. Demikian jugalah sajak-sajak keagamaan yang dihasilkan secara langsung dan terlalu tebal dengan hasrat menasihati orang lain.

Alis Murni, seorang penyair Johor yang bertugas sebagai profesor di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, berjaya menghasilkan sajak-sajak keagamaan yang berseni. Sajak "Angin Fajar" (*Gurindam Alam*, hal. 145) misalnya dapat dianggap sajak keagamaan yang kukuh, dan yang memberikan kesan cukup kepada pembaca. Ini kerana penyair tidak menyerlahkan nasihat

kepada sesiapa melalui sajak tersebut, walaupun dari segi makna tersiratnya beliau berhasrat demikian. Tatapilah rangkap kedua sajak ini, yang menyarankan rasa keagamaan yang tinggi:

> Angin kemenangan
> sapalah wajahku sepanjang pagi
> dengan salam serah tafakur
> bersama insaf pengabdian
> ikut jalan saraf sepi
> laluan malaikat pagi
> penyinar cahaya Quddus.

Jumlah penyair kita yang menumpukan perhatian terhadap sajak keagamaan amat kecil. Di antara mereka ialah Kemala, Nahmar Jamil, Shafie Abu Bakar dan Alis Murni. Tidaklah dapat kita putuskan siapakah di antara mereka berempat yang terkuat dalam lapangan ini, tetapi yang dapat kita pastikan, kehadiran Alis Murni cukup bererti dalam mempertegas arah persajakan Islam di Malaysia.

Jaafa HS juga penyair penting Johor yang beridentiti. Penyair ini prolifik dalam dekad 70-an. Pada tanggapan saya, Jaafa HS ialah penyair pencari yang mengasaskan pencariannya pada idea eksistensialisme. Idea demikian menyebabkan seseorang akan terus mencari walaupun sebenarnya fikirannya telah menetapkan bahawa pencarian itu tidak akan berakhir dengan penemuan. Sajak yang agak panjang, iaitu "Bila Daun-Daun Terpaksa Gugur", ada menyebut bahawa hidup ialah pengembaraan yang sakit. Ini sesuai dengan pandangan eksistensialis bahawa manusia sebenarnya terlempar ke dunia ini untuk menghadapi nasibnya. Saya turunkan bahagian sajak "Bila Daun-Daun Terpaksa Gugur" (*Puisi Baharu Melayu*, hal. 322) yang menyatakan hal tersebut:

> selamanya hidup ialah pengembaraan yang sakit
> tiap pertemuan menjanjikan perpisahannya
> manusia menjadi daun-daun yang cemas
> menanti waktunya untuk gugur dan hilang
> tiada siapa mempedulikan harapan yang mati
> bila keduanya - harapan dan kematian
> wujud cuma sebagai bayang-bayang yang jauh.

Perhatikan bahawa hidup tidak lain daripada penungguan maut. Harapan untuk lain daripada itu tidak pernah ada. Pandangan eksistensialis juga menyebut bahawa jawapan-

jawapan tentang makna hidup ini tidak pernah bermakna. Hasilnya ialah bahawa pertanyaan dan jawapan sama-sama sia-sia. Jaafa HS menyatakan hal ini dalam sajaknya "Penumpang" (*Puisi Baharu Melayu*, hal. 330). Cuma sajak ini dihiasi dengan perasaan romantik, iaitu "malu dan rindu". Perasaan tersebut tidak menghilangkan idea eksistensialimenya. Saya kemukakan bahagian yang berkenaan:

> di sini akulah
> seorang penumpang, ruang
> di mana setiap pertanyaan bermula dengan kata yang sama
> dan setiap jawapan bermula dengan kata yang sama
> malu dan rindu
> sebuah sejarah yang keciciran waktunya.

Zam Ismail sedang bertenaga dalam dekad 90-an ini, dan sajaknya kerap menyentuh hal kemasyarakatan. Dapat dikesan bahawa Zam Ismail memperkatakan permasalahan sosial dari sudut pandang guru. Memang dia orang pendidikan, tetapi tidak kesemua penyair guru, atau yang pernah menjadi guru memilih untuk bersajak sebagai guru.

Sajak "Kota-Kota Negeriku" (*Basah Dalam Ingatan*, hal. 26) memuatkan komentar dan rasa kesal kerana kota dalam negerinya tidak memaparkan wajah negerinya yang sebenar. Unsur pendidikan cukup tebal dalam konteks ini. Zam Ismail menegur pembina kota yang mengetepikan keperibadian dan budaya sendiri. Dia membayangkan masa depan, iaitu zaman generasi akan datang yang akan kehilangan keperibadian apabila melihat kotanya tidak berwajah negerinya.

Sajak "Pesta Kondom" (*Basah Dalam Ingatan*, hal. 76) yang dihasilkan di Jakarta menyentuh soal keruntuhan moral secara lebih terang-terangan. Perhatikan rangkap ketiga yang memuatkan gambaran yang disebutkan pesta kondom iaitu:

> Para aparat begitu ghairah
> memberi kondom percuma
> agar warga kota tidak dijangkiti
> penyakit berbahaya.
> Mereka pun berpesta
> seluruh warga daerah menari
> sedang dosa itu belum tentu
> menyembuhkan penyakit ngeri.

Tanda bahawa seseorang penyair mengambil sikap guru, penulis autobiografi, ahli falsafah, ahli politik, agamawan dan lain-lain, terlihat pada cara dia menyimpulkan persoalan. Dari segi kesenian karya, sajak didaktik selalu dianggap kurang bermutu, tetapi dari segi pendidikan secara umumnya, sajak demikian amat dikehendaki. Zam Ismail, walaupun mempunyai kecenderungan didaktik, berjaya juga memaparkan kesenian kerana beliau memahami dan menguasai bahasa puisi.

Shapiai Mohd Ramly, seorang lagi penyair dari kalangan pendidik, menulis sajak "Fikiran-fikiran Jelita" (*Dewan Sastera*, Februari 1996) yang secara keseluruhannya berisi falsafah. Rangkap kedua sajak ini kemas dan falsafahnya berkesan. Metafora "kuda waktu" menjadikan baris berkenaan mantap. Tetapi, sikap guru yang ada padanya menyebabkan tertulis rangkap ketiga yang tebal dengan didaktisme:

> ingatlah, pabila pada petir terbuka
> saat sesalnya tidak bererti lagi.

Sajak "Fikiran-fikiran Jelita" berjaya dari segi keseluruhannya, tetapi mengalami kekurangan apabila Shapiai Mohd Ramly menyelitkan kraf di tengah-tengah seni. Dalam seni, moral hendaklah terlindung daripada pemerhatian kasar, tetapi dalam kraf, hal demikian tidak menjadi masalah. Perbezaan antara kraf dengan seni dinyatakan oleh Hamidah Abdulhamid dalam bukunya *Pengantar Estetik*.

Penyair yang muncul kemudian daripada Shapiai Mohd Ramly ialah Gunawan Mahmood. Keupayaan Gunawan berpuisi tidak diragukan, dan kita sedang menunggu masa untuk melihat peningkatannya. Jumaanoh A. Bunga, Zulkarnain Ithnin, Zawiyah Md. Noh, A. Aziz Muhammad dan Inzura Haji Kosnin yang tidak prolifik mungkin sudah membuat pilihan, adakah mereka akan menyertai bidang ini secara aktif atau sebaliknya pada masa-masa hadapan. Di samping itu, elok saya sebutkan bahawa saya menyedari kehadiran penyair-penyair lain seperti S.M. Salim, Aris Tahir, Rajie Hadi, Mohd. Azlan Sulong, Chulan Chin, Amiruddin M Ali Hanafiah, Mohd Isnin Tawaf, Suraya H.I. dan beberapa lagi, dan saya kira mereka berpotensi untuk menjadi penyair penting pada masa hadapan. Pembicaraan ini tidak menyentuh karya mereka kerana saya bertujuan menyatakan keadaan yang umum tentang perpuisian moden penyair Johor.

Kesimpulan

Puisi moden terus dihasilkan oleh penyair Johor sejak Usman Awang memaparkan keupayaan dan bakat besarnya. Penyair-penyair Johor tidak pernah kekurangan bahan dan kaedah untuk menghasilkan karya puisi yang bermutu. Mereka yang disebutkan nama dalam pembicaraan ini, dan pasti ada yang lain, mempunyai kekuatan bahasa puisi yang menjanjikan kemajuan selanjutnya.

Bibliografi

Ahmad Kamal Abdullah dan Ahmad Razali Haji Yusof (Penyusun). 1990. *Puisi Baharu Melayu 1961-1986*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dharmawijaya (Penyusun). 1994. *Gurindam Alam*. Kajang: Masa Enterprise.

Hamidah Abdulhamid. 1995. *Pengantar Estetik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zam Ismail. 1994. *Basah dalam Ingatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

CERPEN DAN CERPENIS JOHOR:
RIAK CITRA DARUL TA'ZIM

PROF MADYA AMIDA @ HAMIDAH HAJI ABDULHAMID

Ruang lingkup cerpen yang dihasilkan cerpenis Johor tidak dapat dianalisis dalam tempoh waktu dan ruang yang singkat ini. Apa yang dapat saya kemukakan adalah satu daripada beberapa aspek yang boleh diangkat daripada begitu banyak cerpen yang dihasilkan. Saya tidak dapat menyentuh kesemua cerpen dan semua cerpenis, tetapi memadailah dengan usaha sulung ini untuk melihat konsep jati diri dalam beberapa buah cerpen.

Sedikit Latar Belakang Cerpenis Johor

Menyingkap kembali sejarah pencerpenan di negeri Johor Darul Ta'zim, kita berhadapan dengan barisan penulis cerpen kelahiran Johor yang datang dari pelbagai warna kehidupan. Negeri Johor kaya dengan penulis-penulisnya yang makmur pengalaman: berkhidmat di jabatan keamanan, punya pengalaman sebagai buruh, bertugas dengan syarikat persuratkhabaran, berpendidikan menara gading, berkhidmat sebagai pendidik, memegang jawatan penting di perbadanan perkembangan bahasa (termasuk majalah), berkhidmat di pelbagai jabatan kerajaan, memiliki syarikat perfileman, dan berkhidmat dengan radio dan televisyen.[1]

Antara cerpenis Johor yang pernah dan/atau sedang turut mewarnai prasarana dunia pencerpenan Johor termasuklah Tongkat Warrant (Dato' Dr Usman Awang), Nora (Haji Ali Haji Ahmad), Anis Sabirin, Rokiah Abu Bakar, Adibah Amin, A Shukor Harun, Zaharah Nawawi, Salmah Mohsin, Khadijah Hashim, Zawiyah Mohd. Noh, Anis (Amida @ Hamidah Abdulhamid), Sarah Rahim, Habsah Hassan, Rogayah A. Hamid, Siti Aisah Murad, Halilah Haji Khalid, Gunawan Mahmood, Hasidah Disan, Saadiah Haji Ibrahim, Siti Muhawa Rahmat, Azmi Taib dan Amiruddin Ali.

Kemunculan, penampilan dan pembabitan penulis-penulis berkenaan bermula sejak tahun-tahun 50-an dan dengan peredaran waktu, timbul dan berkembang bakat baru yang turut memberi sumbangan besar dalam pengkaryaan genre cerpen sehingga saat mutakhir. Kemunculan cerpenis lelaki dan wanita silih berganti mengikut arus zaman. Kepekaan dan sentuhan kreatif mereka menghasilkan karya yang semakin matang dan semakin bermutu.

Cerpen-cerpen mereka tersiar dalam pelbagai akhbar dan majalah seperti *Utusan Zaman, Mingguan Malaysia, Berita Minggu, Watan, Dian, Guru, Lelaki, Dewan Sastera, Dewan Bahasa, Dewan Budaya, Dewan Masyarakat, Mastika, Wanita, Jelita, Keluarga, Fantasi, Al-Islam, Dakwah,* dan *Nona.*

Kebanyakan cerpen yang tersiar di akhbar dan majalah kemudiannya dikumpulkan dalam antologi, sama ada antologi bersama penulis lain atau antologi bersendirian. Antara antologi bersama penulis lain ialah *Wanita* (1964), *Serpihan Hidup* (1964), *Panorama* (1966), *Pertemuan, Hadiah* (1972), *Jejak Langkah* (1975), *Alun Menggulung Perlahan, Dari Siulan Burung-Burung* (1977), *Cerita Seorang Seniman* (1981), *Perajurit Yang Pulang, Suatu Subuh Yang Bening* (1983), *Hawa* (1984), *Titisan Indah Di Bumi Merkah* (1985), *Cerpen Malaysia Selepas Perang Dunia ke-2* (1988), *Angin Dari Gunung* (1988), *Angin Pulau, Janji Sutina* (1991), *Mereka Tidak Mengerti* (1991), *Kelapa Nan Sebatang* (1991), *Memori Seorang Tua* (1992), *Pertemuan Kedua* (1995), dan *Diri Dalam Diri* (1995).

Antara antologi cerpen bersendirian ialah *Degup Jantung* (Usman Awang); *Dari Bayang Ke Bayang, Persona* (Anis Sabirin); *Bayang Di Kepak Senja* (Nora); *Lampu Neon, Kelkatu* (A. Shukor Harun); *Percikan Bara* (Zaharah Nawawi); *Segeluk Air, Mawar Merah Di Jambangan* (Khadijah Hashim); *Cenderamata, Utopia* (Anis); *Laut Pekan M, Pecah-pecah Ombak* (Rogayah A. Hamid); dan *Kulit-kulit Siput Laut* (Siti Aisah Murad).

Riak Citra Cerpen Darul Ta'zim

Kepelbagaian pengalaman cerpenis, secara logiknya, akan menghasilkan cerpen-cerpen yang menggarap tema dan isu yang pelbagai juga. Pemilihan tema yang digarap ke dalam prosedur kreativiti ini adalah pilihan yang berlandaskan kepekaan dan sentuhan rasa (termasuk akhlak dan moral) terhadap gejolak dunia persekitaran. Penulisan cerpen bukan suatu medan untuk berkhayal dan berpestaan; justeru penulisan cerpen menjadi manifestasi kebertanggungjawaban manusia penulis itu terhadap

pergolakan era kehidupannya sebagaimana pendapat Cecil Rajendra (1982) ... *it becomes no longer a matter of choice, but the moral obligation and bounden duty of every responsible writer to bear witness to the times he lives in and to put his life and his work at the service of humanity.*[2]

Penulis dan persekitarannya tidak dapat dipisahkan. Pembabitan penulis dengan kerjaya sering kali menjadi titik bertolak persoalan dan enigma yang dikemukakan lewat karya mereka. Hal-hal yang menyangkut kemanusiaan, kehidupan dan jati diri menjadi fokus kepekaan dan pertanyaan. "Kami Yang Terlibat" (Usman Awang) menuntut kita berfikir tentang kebenaran ungkapan 'gugur sebagai bunga bangsa' yang dirujukkan kepada perajurit yang terbunuh di medan peperangan.

> Meskipun orang menyatakan bahawa kami sedang berjuang untuk membela tanahair, ataupun apabila kami mati dikatakan kami "gugur sebagai bunga bangsa" tetapi pada saat-saat seperti sekarang ini, sewaktu kami mempertaruhkan jiwa kami ini, fikiran kami, seluruh kenangan kami diisi oleh orang-orang yang paling dekat hidupnya dengan kami - ibu-ibu, saudara mara ataupun isteri dan anak-anak.[3]

Cerpen "Kami Yang Terlibat" yang hidup dengan denyut perjuangan di medan tempur mengemukakan suatu kesedaran yang ketara tentang beku dan kaku manusia itu apabila hidupnya tidak lagi bebas ... sehingga kami menjadi seperti sebuah jentera yang apabila ditekan sahaja pesawatnya - pesawat yang ajaib - maka berjalanlah dengan sendiri, berjalan menurut kemahuan si penekan pesawat itu, berjalan seperti biasa, tidak berubah-rubah dan langsung tidak berjiwa untuk memberikan sesuatu bentuk yang lain dari kemahuan penekan pesawat itu tadi[4] dan ... kami hanyalah jentera-jentera yang akan berjalan hanya apabila ditekan pesawatnya sahaja. Kami sendiri tidak tahu siapakah orang-orang yang akan kami tentang ...[5]. Sanjungan terhadap perajurit bukan lagi sesuatu yang luar biasa. Ungkapan "gugur bagai bunga bangsa" itu menjadi amat klise sehingga kebenaran ungkapan itu tidak lagi dipertikaikan setara logikanya dengan semua yang berani itu perajurit. Pemikiran klise ini juga muncul di dalam cerpen Salmah Mohsin berjudul "Dinihari"[6] lewat watak Lili yang membenci sesiapa sahaja yang memakai pakaian seragam.

> Sejak dia kecil dia menganggap setiap orang yang memakai uniform dan memanggul senjata itu melambangkan pembunuh. Dan setiap uniform melambangkan kebengisan, tiada rasa tanggungjawab dan tidak bertimbangrasa.
>
> (hal. 298)

Lili dalam "Dinihari" memiliki pengertian yang tersendiri prejudis tentang manusia berpakaian seragam dan pengertian itu negatif sifatnya berlandaskan simbol senjata yang rata-rata dihubungkaitkan dengan pembunuhan. Falasi dalam sistem pemikiran begini berleluasa apabila manusia tidak lagi berupaya melihat dunia dari aspek yang luar daripada kelaziman.

Watak bernama Hitam di dalam cerpen "Di Tengah Kota"[7] karya Nora melihat perjuangannya dalam hutan sebagai sesuatu yang biasa kerana

> hutan telah mendidiknya menembak manusia yang dianggap musuh tanahair. Dan dia mampu menyembelih batang leher orang layak menyembelih leher ayam sahaja. Semua itu dilakukan Hitam tanpa banyak bicara dan pergelutan batinnya. Kerana pekerjaan itu sudah menjadi perkara sehari-hari. Bagi Hitam membunuh orang adalah *routine*.
>
> (hal. 165-166)

Jika membunuh orang itu tidak lagi kerana mempertahankan tanahair tetapi semata-mata kerana sesuatu yang rutin, maka Hitam tidak dapat digolong ke dalam kategori manusia bebas. Hitam hanya menurut perintah. Hitam hanya menurut arahan. Tindak tanduk Hitam disebabkan ditekan pesawat ajaib itu. Tindak tanduk Hitam tidak datang dari sanubarinya; ternyata jati dirinya tidak tulen.

Usman Awang dengan teknik naratifnya yang memikat merangsang supaya kita mempunyai pilihan sendiri, bebas, dan tidak bertindak hanya apabila digerakkan pesawat yang ajaib. Persoalan yang filosofis sifatnya ini mendesak kita melihat diri dan keupayaan diri menjadi bebas dan sebagai agen kebebasan kita patut kreatif membentuk diri, jati diri, memilih jalan menangani yang dicari dalam hidup.

Persoalan kebebasan yang filosofis ini juga diangkat Anis di dalam cerpen "Utopia"[8]. Nurzaman menjadi resah dengan kebebasannya ... Kenapa aku? Kenapa mesti aku yang memberikan keputusan itu? (hal. 48). Sebagai agen bebas, Nurzaman wajar membuat keputusan sendiri. Keputusan yang

diambilnya itu akan menentukan pola hidupnya. Segala risiko yang mungkin timbul akibat keputusan itu terpikul di atas bahunya. Itulah tanggungjawab yang membayangi segala kebebasan. Seandainya Nurzaman menolak kebebasan itu, maka dirinya serupalah dengan lelaki berkemeja biru berjalur-jalur merah yang tidak berdaya membantu Nurzaman kerana 'segalanya sudah diaturkan' (hal. 53). Dengan lain perkataan, manusia yang hanya beraksi apabila diperintah berbuat demikian adalah robot yang tidak punya fikiran dan perasaan. Untung sekali Nurzaman berjaya mengatasi keresahannya dan berjaya membuat keputusannya sendiri. Dengan berbuat demikian 'Ruang wujud dirinya terasa lapang dan amat luas'. Dadanya lega. Nurzaman tersenyum dan hatinya menyanyi sebuah lagu yang direka-reka ketika itu juga (hal. 54). Demikian halnya Nurzaman menemui kebahagiaannya dan jati dirinya.

Lazimnya kebahagiaan itu mempunyai definisi yang berbeza. "Harga Hidup" (Usman Awang)[9]; "Anak Perempuan Yang Tak Kunjung Tiba" (Rokiah Abu Bakar)[10]; dan "Baju Kurung Sutera Ungu" (Habsah Hassan)[11] menyorot aspek kebahagiaan. Mah dan Tahir dalam "Harga Hidup" meletakkan peranan wang sebagai faktor menjamin kebahagiaan.

> Cita-cita besar yang mengiringi cita-cita untuk memperoleh anak itu ialah untuk mengumpulkan seberapa banyak wang dan harta bagi menjamin keselamatan dan ketenteraman hidup mereka.
>
> (hal. 34)

Dengan terkumpulnya wang, Mah dan Tahir berharap akan tercapailah kesenangan dan kebahagiaan hidup. Tetapi nyata sekali harapan pasangan suami isteri itu meleset kerana wang yang bertimbun bukanlah faktor utama ke arah kepuasan hidup. Untuk mengumpul wang mereka abaikan kesihatan anak. Dan apabila anak itu menemui ajalnya baharulah Tahir menyedari bahawa wang itu tidak dapat mengembalikan nyawa anaknya. Melalui insidennya dengan tukang gali kubur, Tahir berdepan dengan erti kebahagiaan yang dipegang tukang gali kubur itu, bahawa 'erti kesenangan dan kebahagiaan hidup baginya ialah kepuasan jiwa dan kebebasan dirinya dari pengaruh wang. Ia sebenarnya perlu kepada wang tetapi tidak menjadikan dirinya itu hamba kepada wang' (hal. 38). Sekali lagi kita bertemu dengan konsep kebahagiaan yang intim kaitannya dengan kebebasan. Watak Amrin dalam "Baju Kurung Sutera Ungu" tidak jauh bezanya dengan sikap Tahir dan Mah.

> Amrin... biasa susah sejak kecil lagi. Baginya yang penting, wang. Kesulitan dan penderitaan yang ditanggungnya sejak kecil disebabkan kemiskinan keluarga menyebabkan Amrin berfikir bahawa punca segalanya di dunia yang sedang mencabar hanya satu, WANG. Amin bekerja tidak menghiraukan masa. Malam atau siang, sama sahaja. Apabila ada peluang bekerja lebih, dia akan merebutnya.
>
> (hal. 108-109)

Bahana menjadi hamba kepada wang, Amrin tumpas, dan berkecailah impian untuk berumahtangga dengan Dora.

Sikap Tahir dan Mah dan Amrin ini berbeza dengan watak Masinah dalam "Anak Perempuan Yang Tak Kunjung Tiba". Masinah tidak memandang wang sebagai wahana ke arah kebahagiaan. Bagi Masinah, wang tidak menjadi kriteria penentu tercapainya kebahagiaan. Masinah yang melahirkan anak perempuan setelah mendapat tujuh orang anak lelaki, tidak rela berpisah dengan anak perempuannya itu walaupun hidupnya serba kesempitan di sebuah estet yang 80 batu jauhnya dari rumah sakit (hal 110). Wang ringgit tidak menjadi faktor utama menjamin kebahagiaan.

Terdapat juga alternatif lain untuk merangkul kebahagiaan "Cikgu" (Zaharah Nawawi)[12] dan "Kisah Sebuah Kasih" (Anis)[13] memaparkan secebis hidup alam perguruan. Cikgu Anizan dalam "Cikgu" dan Cikgu Rafeah dalam "Kisah Sebuah Kasih" mengamalkan dua metodologi pengajaran yang berbeza, akan tetapi kedua-dua metodologi ini merupakan dua unsur *convergent* ke arah kebahagiaan. Kedua-dua guru ini peka dengan tanggungjawab mereka mendidik anak-anak, tetapi apabila berhadapan dengan murid-murid yang mencabar kesabaran mereka, kedua-dua guru ini mulai bertindak mengikut keadaan. Tindakan Cikgu Anizan menukar kaedah lembut kepada kaedah yang bertentangan dengan rasa hatinya semata-mata untuk kebaikan murid-muridnya:

> Saya mahu memberi ilmu pengetahuan kepada awak semua dengan apa cara saja ... Saya mahu jadikan awak manusia yang pandai. Saya dah cuba menyemai pelajaran dengan lembut, manis, tapi gagal. Baik, jika awak tidak menghargai usaha lembut saya, saya berikan dengan cara ini. Cara sekarang. Cara ini menyakiti hati awak, kan? Ia juga menyakitkan hati dan jiwa saya.
>
> (hal. 239)

Sungguhpun cara Cikgu Anizan bertentangan dengan cara lembut dan manis, tetapi cara itulah yang membuatkan hasil keputusan peperiksaan yang memperlihatkan kejayaan cemerlang murid-murid darjahnya dan Cikgu Anizan sendiri disebut-sebut sebagai guru contoh yang menjadi rebutan ibu bapa untuk anak-anak mereka berguru dengannya.

Cikgu Rafeah dalam "Kisah Sebuah Kasih" tercabar wibawanya sebagai seorang guru yang bertanggungjawab apabila dia berhadapan dengan 23 orang murid tidak berdisiplin yang sudah dua tahun tidak punya guru tetap sebagai guru kelas. Lantas dia menyelongkar segala daya kreativiti yang wujud pada dirinya dan ditumpukan kreativiti itu kepada objektif 'Biar mereka tak sekolah tinggi tapi mereka boleh hidup, boleh jadi manusia' (hal. 10). Kegigihan Cikgu Rafeah tidak kenal batasan dan halangan. Sungguhpun murid-murid darjah 3B belum lagi dewasa, tetapi apabila mereka mendapat kebenaran membuat kolam air tawar, mereka mendapat galakan dan sokongan Cikgu Rafeah kerana katanya:

> Kalau kita berikan mereka kasih sayang dan tanggungjawab, saya rasa mereka boleh mengelolakan kolam air tawar itu. Tapi kita harus bersama mereka sebagai pemimpin dan pemandu.
>
> (hal. 10)

Keyakinan Cikgu Rafeah terhadap murid-muridnya bertapak pada semangat bekerjasama, tolong menolong, berkasih sayang dan tunjuk ajar. Nilai-nilai demikian akan dapat membentuk masyarakat yang harmoni dan bahagia.

Persoalan jati diri seolah-olah menjadi obsesi cerpenis. Sebagai manusia yang bernafas di tanah merdeka, seringkali mereka tertampan dengan jati diri. Nuraini dalam "Melangkah Di Jalan Sepi" karya Adibah Amin[14] dan watak Aku dalam "Dirimu Yang Hilang" oleh Anis[15] mengangkat isu ini dengan teknik persembahan tersendiri. Nuraini cuba sedaya upaya untuk menjadi wanita yang unggul untuk Kamal. Nuraini berbuat demikian atas desakan ibu yang kepingin melihatnya bersanding. Akan tetapi Nuraini tidak berani membohongi dirinya sendiri kerana baginya 'Tanpa kasih yang menggegar gugat sampai ke dasar-dasar, takkan kurelai kebebasanku terjejas' (hal. 126-7). Nuraini memperagakan jati dirinya yang tidak sanggup berpura-pura. Bak kata orang, kasih bukan mainan. Bagi Nuraini kebebasannya adalah lebih utama daripada mendapatkan kasih sayang Kamal yang tidak dikasihinya itu. Dan bagi Nuraini dia tidak semestinya tunduk dengan kegemaran Kamal hanya-sanya

untuk mendapatkan kebahagiaan itu. Kita lihat selepas Kamal pergi:

> Lukisan gila yang disembunyikan tadi, digantung semula di tempat terhormat. Muzik lembut kegemaran Kamal yang masih mendayu, digantikan dengan lagu-lagu repekan penyanyi-penyanyi yang diminatinya. Lantas dia berbaring di lantai bebas lepas sendirian di tempat sendiri.
>
> (hal. 127)

Untuk mengecapi harga hidup yang murni, jati diri tidak seharusnya dikorbankan. Setiap manusia adalah individu yang unik yang punya keperibadian dan *idiosyncrasy* tersendiri. Watak Aku dalam "Dirimu Yang Hilang" ternyata kecewa dengan gadis-gadis yang didampinginya yang 'akan patuh dengan segala keputusan yang kuambil. Kau akan menyerah. Kau akan menurut. Kau akan mengikut. Tetapi aku tidak mahu seseorang yang dianggap sebagai pak turut semata' (hal. 16). 'Dengan ciri-ciri serba mengikut itu hujahan Aku dilanjutkan dengan berani aku mengatakan bahawa kau sudah tidak punya diri. Kau adalah kosong. Kau adalah vakum. Kau tidak wujud' (hal. 17). Hujahan Aku bertolak pada premis bahawa setiap orang seharusnya punya kegemaran dan kebenciannya yang tersendiri. Maka itu setiap orang tidak seharusnya tunduk dengan kemahuan orang lain, terutamanya dalam institusi perkahwinan yang, menurut Aku, 'sekaligus menyatukan dua manusia yang berlainan latar belakang dan kedua-dua manusia itu tetap memelihara ciri-ciri kelainan mereka' (hal. 17). Sebuah institusi perkahwinan yang unggul, menurut Aku, adalah ikatan yang menyatukan dua orang manusia yang berlainan citarasa tetapi masih mantap bekerjasama memelihara keharmonian rumahtangga itu.

Persoalan jati diri ini dapat dilihat paparannya secara simbolik dalam beberapa buah cerpen seperti "Si Tukang Kebun" (A. Shukor Harun)[16], "Pagar" (Anis)[17], dan "Baju Kurung Sutera Ungu" (Habsah Hassan)[18]. Ketiga-tiga buah cerpen ini mengambil objek tembok dan pagar untuk melambangkan sesuatu yang berhubung kait dengan jati diri watak-watak yang ditampilkan. Kehidupan Datuk Hashim dan Datin Zaleha dalam "Si Tukang Kebun" terpisah daripada masyarakat sekeliling kerana tembok rumahnya yang tebal daripada batu merah yang mahal dan *gate* yang sentiasa berkunci memisahkan keluarga itu dengan orang lain (hal. 108). Tembok rumah pasangan Datuk dan Datin ini menjadi jurang kemesraan antara mereka dengan jiran sekeliling. Maka itu apabila Datuk meninggal dunia, Datin menghadapi

kesulitan besar untuk menguruskan jenazah allahyarham suaminya itu.

Dan dalam "Pagar" watak aku yang merupakan suami Timah bertarung dalam jiwanya apabila diminta isterinya membina pagar di rumah pangsa yang mereka diami. Setelah berdebat dengan suara hatinya, akhirnya Aku membuat kesimpulan 'Buat apa duduk di tengah bandar, sebelah-menyebelah kalau tak boleh tolak ansur? ... Aku tak mahu bikin pagar ... Pintu rumah aku sentiasa terbuka' (hal. 156). Sekiranya pagar itu dibina, maka rumah Aku tidak dikunjungi anak-anak jiran yang disenanginya itu. Dari aspek Timah, pagar itu dapat menyembunyikan kekurangan yang wujud pada dirinya. Timah dan Aku tidak mempunyai anak. Kehadiran anak-anak jiran di rumah mereka seolah-olah mengingatkan Timah kepada kekurangan yang ada pada dirinya. Akan tetapi bagi Aku, kalau tiada anak sendiri, anak orang pun boleh dijadikan tempat untuk mencurahkan kasih dan sayang.

Manakala bagi Amrin dalam "Baju Kurung Sutera Ungu" pagar itu amat signifikan dalam hidupnya. 'Nanti kalau duit yang abang kumpul dah cukup, abang akan buat rumah. Rumah dari kayu sahaja. Biar kecil rumah itu asalkan ada halaman, ada pagar. Di halaman itu budak-budak boleh bermain sebebas-bebasnya. Pagar itu dibuat untuk menunjukkan abang dah mampu membentuk diri sendiri.' (hal. 109). Amrin menganggap bahawa pagar yang dibina itu akan melambangkan kejayaan yang dicapainya.

Objek tembok dan pagar pada realitinya adalah struktur yang memisahkan sesuatu yang bersempadan. Jika diaplikasikan takrif dengan peranan simboliknya, dapatlah digambarkan bahawa tembok dan pagar mencerminkan unsur-unsur individualistik, keakuan, dan keangkuhan. Datuk Hashim dan isteri membina tembok supaya kehidupan mewah mereka tidak diganggui sesiapa. Amrin akan membina pagar untuk 'menunjukkan' kepada orang bahawa dia sudah membentuk diri, dan Timah perlukan pagar supaya anak-anak jiran tidak melintang-pukangkan rumahnya. Sungguhpun sudah ramai yang memikirkan perlunya tembok dan pagar di bandar, tetapi syukur, Aku (suami Timah) masih mengamalkan sikap bertolak ansur dan tidak meletakkan kemuliaan maruah jati dirinya pada pagar yang dipinta isterinya itu. Ini bererti bahawa peluang untuk mewujudkan masyarakat penyayang masih punya harapan lagi.

Konsep masyarakat penyayang berkait rapat dengan jati diri. Untuk melahirkan sebuah masyarakat yang harmoni dan sejahtera, tidak sahaja memerlukan kasih sayang tetapi juga

dipentingkan agar tidak dilayan dan dipupuk perasaan dendam mendendam. "Dinihari" (Salmah Mohsin)[19], dan "Dendamnya Tidak Terbalas" (Anis)[20] menggarap isu dendam yang negatif sifatnya. Lili dalam "Dinihari" merancangkan sesuatu ke atas Squadron Leader George yang menjadi punca kematian Nina, sepupu Lili. Ketika dalam proses merancangkan balas dendamnya itu, Lili menjadi seorang yang lebih dahsyat daripada seorang pembunuh.

> Apa yang dimahunya George mesti menerima balasan yang adil. Kalau Nina mati, George mesti mati, walau dengan cara apa sekalipun.
>
> (hal. 302)

Demikian perihal orang yang mahu membalas dendam. Dia akan bertindak mengikut nafsunya kerana dengan berbuat demikian dia menganggap bahawa keadilan telah dijalankan. Pada hal apa jua tindakannya adalah tindakan yang mementingkan diri sendiri, mementingkan perasaan sendiri dan jauh menyimpang daripada keadilan yang objektif. Lili berasa terpanggil untuk bertindak sendirian sebagai membalas dendam ke atas George yang menyebabkan kematian Nina, sepupunya. Tetapi malangnya, Lili terjebak dalam perangkapnya sendiri kerana George yang dirancangkan ke Sarawak terpatah kaki dan Idham kekasihnya, mengambil tempat George. Pertukaran tempat ini membahayakan kerana Lili telah membocorkan rahsia negara kepada pembelot-pembelot negara.

Manakala Abu Insan yang sekian lama memendam rasa. 'Bahunya lusuh memikul rasa tidak puas hati yang menjeruk hatinya pekasam berulat, meracuni setiap cabang urat saraf usianya' (hal. 29) kerana menyimpan perasaan dendam, pada akhirnya membatalkan segala perhitungan untuk membalas dendam kerana katanya 'Aku bukan pembunuh! Aku tak mahu jadi pembunuh' (hal. 37). Walaupun sudah sampai masa dan ketikanya untuk Abu Insan membunuh kerana hutang darah dibayar dan hutang nyawa, nyawa padahnya, tetapi Abu Insan menolak *maxim* tersebut. Untuk membalas dendam, Abu Insan masih punya hati dan budi, masih punya fikiran yang waras. Bak kata seorang pemimpin negara *an eye for an eye makes the world go blind.* Kerendahan budi Lili menyebabkan dia nyaris kehilangan Idham. Sepatutnya Lili memaafkan George, dan Abu Insan juga sepatutnya memaafkan pembunuh anaknya kerana hanya dengan tindakan demikian dunia akan menjadi sejahtera. Untuk berbuat demikian Lili dan Abu Insan perlu mempunyai nilai dan maruah keperibadian yang tinggi dan mulia.

Kesimpulan

Daripada beberapa paparan dalam peluang yang amat singkat ini, persoalan jati diri positif, bebas, kreatif, mesra, jujur dan sejahtera menjadi fokus dan aspirasi cerpen-cerpen yang dihasilkan. Keakraban dan kesejahteraan manusia dan masyarakat adalah matlamat dan cita-cita yang murni. Untuk mencapai hasrat yang mulia ini, jati diri, peribadi dan kemanusiaan perlu diperkemaskan sebaik mungkin sesuai dengan kehendak manusiawi dan penciptanya.

Nota Hujung

1. Biodata pengarang dari *Cerpen Malaysia Selepas Perang Dunia Ke-2* diselenggarakan Othman Puteh. 1988. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
2. *The Higher Duty of a Writer in a Developing Society*, Cecil Rajendra dalam Asian Writers on Literature & Justice (ed. Leopoldo Y. Yabes), 1982. hal. 20-21.
3. *Kami Yang Terlibat*, Usman Awang dalam Suatu Subuh Yang Bening, (ed. Othman Puteh, Ramli Isin), 1983. hal. 49.
4. Ibid - hal. 46.
5. Ibid - hal. 49.
6. *Dinihari*, Salmah Mohsin dalam *Cerpen Malaysia Selepas Perang Dunia Ke-2*, (penyelenggara Othman Puteh), 1988. hal. 297-305.
7. *Di Tengah Kota*, Nora dalam *Cerpen Malaysia Selepas Perang Dunia Ke-2*, (penyelenggara Othman Puteh), 1988. hal. 165-170.
8. *Utopia*, Anis dalam *Utopia*, 1992. hal. 47-54.
9. *Harga Hidup*, Usman Awang dalam *Cerpen Malaysia Selepas Perang Dunia Ke-2*, (penyelenggara Othman Puteh), 1988. hal. 34-38.
10. *Anak Perempuan Yang Tak Kunjung Tiba*, Rokiah Abu Bakar dalam *Cerpen Malaysia Selepas Perang Dunia Ke-2*, (penyelenggara Othman Puteh) 1988. hal. 108-113.
11. *Baju Kurung Sutera Ungu*, Habsah Hassan dalam *Mustika Diri* (penyelenggara Ahmad Kamal Abdullah, Siti Aisah Murad) 1994, hal. 106-116.
12. *Cikgu*, Zaharah Nawawi dalam *Suatu Subuh Yang Bening* (penyelenggara Othman Puteh, Ramli Isin). 1983. hal. 234-242.
13. *Kisah Sebuah Kasih*, Anis dalam *Utopia*, Anis. 1992. hal. 1-10
14. *Melangkah Di Jalan Sepi*, Adibah Amin dalam *Cerpen Malaysia Selepas Perang Dunia Ke-2*, (Penyelenggara Othman Puteh) 1988. hal. 123-127.
15. *Dirimu Yang Hilang*, Anis dalam *Utopia*, Anis. 1992. hal. 11-18.
16. *Si Tukang Kebun*, A. Shukor Harun dalam *Suatu Subuh Yang Bening*, (penyelenggara Othman Puteh, Ramli Isin). 1983. hal. 107-114.
17. *Pagar*, Anis dalam *Cenderamata*, Anis 1981. hal. 151-156.
18. *Baju Kurung Sutera Ungu*, Hassan dalam *Mustika Diri*, (penyelenggara Ahmad Kamal Abdullah, Siti Aisah Murad). 1994 hal. 106-116.
19. *Dinihari*, Salmah Mohsin dalam *Cerpen Malaysia Selepas Perang Dunia Ke-2* (penyelenggara Othman Puteh) 1988. hal. 297-305.
20. *Dendamnya Tidak Terbalas* Anis dalam *Utopia*. Anis 1992. hal. 29-37.

Bibliografi

Ahmad Kamal Abdullah, Siti Aisah Murad (peny.) 1994. *Mustika Diri: Bunga Rampai Karya Penulis Wanita 1930-1990.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Anis. *Cenderamata* (sebuah kumpulan cerpen). 1981. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____. *Utopia* (kumpulan cerpen). 1992. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Leopoldo Y. Yabes (ed.) *Asian Writers on Literature & Justice.* 1982. Manila: Philippine Center of International P.E.N. Manila.

Othman Puteh (peny.) 1988. *Cerpen Malaysia Selepas Perang Dunia Ke-2.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Othman Puteh, Ramli Isin (peny.). 1983. *Suatu Subuh Yang Bening.* Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

CERPEN-CERPEN KHADIJAH HASHIM

HAMZAH HAMDANI

> "Cerpen-cerpennya dikenali kerana ketajaman penelitiannya pada tingkah laku manusia dalam situasi rumahtangga. Khadijah seorang yang betul-betul memahami psikologi manusia dan berjaya mendedahkan kelemahan manusia dengan penuh pengertian. Beliau dengan mudah menjauhkan dirinya dari watak-wataknya sehinggakan mereka hidup tanpa dibantu oleh pengarangnya."

Demikian tanggapan Panel Hadiah Karya Sastera tahun 1975 terhadap tiga buah cerpen Khadijah Hashim yang memenangi hadiah pada tahun tersebut. Dalam sejarah Hadiah Karya Sastera dari tahun 1971 hingga 1976, Khadijah Hashim memperlihatkan bakat yang cemerlang. Sebanyak tujuh buah cerpen Khadijah telah memenangi hadiah iaitu tiga buah pada tahun 1971, sebuah pada tahun 1974 dan tiga buah lagi pada tahun 1975. Kertas kerja ini akan membicarakan cerpen-cerpen Khadijah Hashim yang termuat dalam kumpulan cerpen *Segeluk Air* (1974) dan *Mawar Merah di Jambangan* (1979). Tujuh buah cerpen Khadijah yang memenangi Hadiah Karya Sastera termuat di dalam kedua-dua buah kumpulan cerpen tersebut.

Khadijah Hashim yang dilahirkan di Batu Pahat, Johor, pada 20 April 1942, adalah tokoh yang penting dalam sejarah kesusasteraan Melayu moden, terutama dalam barisan sasterawan wanita. Dalam sejarah persuratan Johor moden, Khadijah Hashim adalah tokoh penulis wanita yang penting di samping Adibah Amin, Anis Sabirin, Zaharah Nawawi dan Amida Abdulhamid (Anis). Dalam buku *Wajah: Biografi Penulis* dicatatkan: Khadijah Hashim merupakan salah seorang daripada penulis wanita yang paling aktif menghasilkan pelbagai bentuk

sastera kreatif. Beliau pernah menulis beberapa buah drama radio sebelum melangkah masuk ke bidang penulisan cerpen dan novel. Sebagai seorang penulis, Khadijah mempunyai bakat semula jadi yang besar terutama dalam bidang penulisan cerpen dan novel. Malahan beliau dapat dianggap sebagai seorang penulis yang berjaya dibandingkan dengan penulis-penulis wanita lain yang lahir seangkatan dengannya (Mohd. Thani Ahmad et al, 1988: 369).

Sebagai penulis, Khadijah Hashim mulai menghasilkan novel pada tahun 1968 (*Badai Semalam*) kemudian pada tahun 1969, baru menghasilkan cerpen. Hingga kini, Khadijah lebih menumpukan perhatian kepada penulisan novel. Sudah 18 novelnya diterbitkan. Novel terbaru yang akan terbit berjudul *Antara Dua Benua* (Salbiah Ani, 1996: 26). Antara novel-novel Khadijah Hashim ialah *Badai Semalam, Jalan ke Kubur, Pelangi Pagi, Merpati Putih Terbang Lagi, Belum Masanya, Di Tengah Kabus, Bila dan di Mana, Dekat Disayang Jauh Dikenang, Mira Edora, Laila Azwa Gadisku, Cinta Kedua, Fasa Kedua, Alun Hidup, Senator Adila, Melawan Arus,* dan *Di Ruang Mu Aku Di Sini.* Jumlah yang besar ini memperlihatkan betapa Khadijah Hashim yang sudah menceburkan diri dalam bidang perniagaan dengan membuka sebuah syarikat penerbitan sendiri ('K' Publishing and Distributtors Sdn. Bhd.) masih tetap prolifik.

Cerpen-cerpen Khadijah Hashim termuat dalam beberapa kumpulan cerpen seperti *Segeluk Air, Mawar Merah di Jambangan, Aku Anak Menteri, Angin Benua, Bujang Kota* dan *Hadiah Ratu Cantik.* Seperti yang dinyatakan pada awal kertas kerja ini, tumpuan pembicaraan akan dikhususkan kepada cerpen-cerpen dalam kumpulan *Segeluk Air* dan *Mawar Merah di Jambangan.* Cerpen-cerpen Khadijah yang mempunyai mutu ciptaan yang tinggi termuat di dalam kedua-dua kumpulan tersebut.

Kumpulan cerpen *Segeluk Air* mengandungi 13 buah cerpen yang dihasilkan pada tahun 1969 hingga 1971, termasuk tiga buah cerpen yang memenangi Hadiah Karya Sastera iaitu "Kasih Entah di Mana", "Sekapur Sirih Segeluk Air" dan "Budi yang Tak Terbeli" yang terbit pada tahun 1971. Sebanyak 11 buah cerpen yang pernah tersiar dari tahun 1973 hingga 1978 termuat dalam kumpulan cerpen *Mawar Merah di Jambangan.* Antaranya termasuk empat buah cerpen yang memenangi Hadiah Karya Sastera iaitu "Bila Ayah Mogok" (1974), "Layang-layang Putus Tali", "Tuah Orang" dan "Mawar Merah di Jambangan" (1975).

Para peneliti sastera berpendapat bahawa gaya penceritaan Khadijah Hashim pada sekali imbas nampaknya sederhana tetapi mempunyai makna yang lebih dalam (Mohd. Thani Ahmad et al, 1983: 371). Panel Hadiah Karya Sastera 1971 dalam laporannya mengatakan, "Penulis yang menulis sesuai dengan kemampuannya, baik tentang tema dan subjek, seperti Khadijah Hashim, biasanya meyakinkan pembaca. Khadijah tidak menulis di luar kemampuannya: pemilihan temanya mudah dan penghematan kata-katanya serta kesederhanaannya mengolah cerita berbeza sekali dengan setengah-setengah penulis lain yang menulis kata-kata bombas baik dalam dialog mahupun dalam deskripsi mereka (Panel Hadiah Sastera 1971, 1972: VIII).

Panel penulis *Wajah: Biografi Penulis* berpendapat, "Sebagai penulis cerpen pula, kebanyakan cerpen-cerpen Khadijah lebih menitikberatkan persoalan keluarga. Khadijah memperlihatkan sikapnya terhadap keharmonian dan kedamaian hidup di desa dan membenci kekalutan hidup kota. Dalam kebanyakan cerpen Khadijah, meskipun menggambarkan suasana biasa tentang keluarga, namun masih terasa tujuan penulis yang menghendakkan pembacanya berfikir lebih jauh dan dalam terhadap amanat yang disampaikan" (Mohd. Thani Ahmad et al, 1988: 371). Kesimpulan ini bersesuaian dengan cerpen-cerpen yang termuat dalam kumpulan *Segeluk Air.* Sebanyak 13 buah cerpen dalam kumpulan ini memaparkan konflik-konflik yang berlaku dalam keluarga. Apa yang benar-benar ditekankan oleh Khadijah ialah pertentangan antara anak dengan ayah, yang lebih merupakan pertentangan pendapat. Apa yang menarik ialah cara Khadijah meleraikan pertentangan itu. Selalunya si ibu akan menyebelahi anaknya dan sebagai watak yang lemah, sang isteri tidak mempunyai keberanian untuk menyuarakan penentangannya terhadap suami. Di sinilah letaknya kepintaran pengarang dengan sang isteri melemparkan kata-kata lembut tetapi penuh sinis yang dapat diterima akal sehingga boleh melembutkan hati suami yang keras (Ilias Zaidi, 1976: 182).

Konflik di antara ayah dengan anak terpapar dalam cerpen-cerpen "Tidak Sama Kehendak Hati", "Pelanduk Dijerat Rusa yang Terkena", "Sekapur Sirih Segeluk Air" dan "Harapan Terakhir". Dalam cerpen "Tidak Sama Kehendak Hati", Khadijah memperlihatkan pertelagahan pandangan dan sikap antara ayah (Hitam) dengan anaknya (Buang). Hitam mahukan anaknya, Buang, menuruti kemahuannya, iaitu mesti belajar terus untuk menjadi pegawai kerajaan sepertinya. Tetapi Buang mempunyai cita-cita tersendiri, iaitu mahu menjadi pelukis yang terkenal. Buang meninggalkan rumah untuk memburu cita-citanya. Dan

seolah-olah sebagai pukulan terakhir kepada si ayah, dalam wawancara dengan pihak akhbar, si anak menyatakan bahawa kejayaannya adalah atas dorongan ayahnya. Secara halus pengarang menyatakan pandangannya melalui watak si ibu (Khalthum), "Berilah dia kebebasan untuk mencorak hidupnya sendiri, bang. Selera seseorang tu tak sama kan..." (Khadijah Hashim, 1974: 17).

Watak ayah yang keras terdapat juga dalam cerpen "Pelanduk Dijerat Rusa yang Terkena". Cik Osman memperkecil-kecilkan hasrat anaknya, Anuar, untuk berniaga tikar hampar *second-hand*. Dia tidak mahu membantu anaknya. Prasangka terhadap kebolehan bumiputera untuk berniaga masih tebal. Meskipun Chanan Singh menjalankan perniagaan yang sama, dia yakin. Namun kerana simpati si ibu (Rohana), Anuar meneruskan cita-citanya. Cik Osman tidak suka barang-barang *second-hand*. Yang lucunya, dia telah membeli tikar hampar daripada Chanan Singh dengan harga mahal kerana disangkanya tikar baru, sebenarnya tikar hampar tersebut adalah *second-hand* yang dibeli oleh Chanan Singh daripada anaknya Anuar. Ini pukulan kepada sikap si ayah yang ego.

Cerpen "Harapan Terakhir" memaparkan watak ayah yang keras dan paradoks. Encik Buang Pegawai Daerah Tanjung Melepas, sering bersyarah bagi menyedarkan orang-orang kampung untuk hidup maju dalam zaman pembangunan dengan usaha sendiri. Encik Buang mahu anaknya, Halim, belajar terus hingga menjadi Pegawai Kerajaan. Namun Halim tidak berminat untuk menjadi pegawai. Minatnya kepada kerja sendiri dalam bidang pertukangan. Oleh sebab itu Halim sanggup menjadi kuli kepada Kontraktor Guan. Hal ini memalukan Encik Buang. Dia mendesak Guan melantik anaknya menjadi mandur. Encik Buang menggesa orang-orang Melayu mencapai kemajuan dengan bekerja sendiri. Anehnya apabila anaknya sendiri menuruti saranannya, dia membantah kerana egonya. Bagi Halim tindakan ayahnya mendesak Guan melantiknya menjadi mandur adalah tindakan yang bodoh. Kata Halim, "Jadi mandur bodohlah saya nanti...!" (Khadijah Hashim, 1974: 131).

Melalui cerpen "Sekapur Sirih Segeluk Air" konflik di antara ayah dengan anak agak berbeza. Farid, mahasiswa bidang perubatan, tidak setuju dengan kerjaya ayahnya, Pak Seman, sebagai pawang. Ini pertembungan antara tradisi dengan moden. Dalam kritik terhadap ayahnya, Farid menyatakan, "Zaman sekarang ialah zaman sains dan teknologi, bukan zaman jampi dan mentera. Sudah ada hospital. Sudah banyak ubat-ubat yang sesuai untuk semua penyakit. Bukan main hentam air

sejuk saja. Demam, air sejuk, sakit kepala, air sejuk, sakit perut, air sejuk. Kan ke tak lojik tu..." kata Farid bersyarah panjang campur mengejek ayahnya. Pak Seman senyum-senyum kambing juga (Khadijah Hashim, 1974: 112). Bagi Pak Seman, dia hanya mahu menolong orang-orang kampung dengan ikhlas. Dalam cerpen ini watak si anak yang lebih keras. Tetapi yang anehnya, ketika si anak mahu kembali ke kampus, dia tiada wang kerana wang yang ada telah digunakan untuk membeli hadiah bagi buah hatinya. Pak Seman memberi wang belanja kepada Farid dengan pesan, "Jangan kau tak tahu, itulah hasil aku menjual air sejuk!" (Khadijah Hashim, 1994: 119).

Sebuah lagi cerpen yang memperlihatkan gaya pengolahan yang baik dalam kumpulan *Segeluk Air* ini ialah "Budi yang Tak Terbeli". Cerpen ini memaparkan perbezaan cara hidup orang kampung dengan orang kota. Seorang ibu tua (Jemah) yang sederhana tinggal di desa tidak dapat hidup di kota kerana gaya hidup desa yang dibawa ke kota menimbulkan konflik dengan menantunya, Jamal suami Murni, seorang Pegawai Perancang Ekonomi. Jamal sering menyindir isterinya kerana beberapa perbuatan ibu mertuanya yang tidak sesuai dengan corak hidup di kota. Pada akhirnya Khadijah Hahsim menyimpulkan cerita ini dengan sindiran halus kepada watak Jamal. Ibu tua yang dianggapnya bodoh pada akhirnya membelikan tanah untuk anaknya, Murni, hasil kiriman wang dan jualan telur dan padi. Kata Jamal, "Pandai juga ibu merancangkan masa depan kita ya, Murni?" "Ah... apalah sangat dengan mak tu! Orang kampung tak sekolah. Tak tahu gunakan wang. Takkan sama dengan kepintaran seorang ahli ekonomi seperti abang," sindir Murni dengan suara yang lepas lantang (Khadijah Hashim, 1974: 142).

A. Bakar Hamid mengatakan, Khadijah Hashim lebih cenderung menggunakan kaedah cerpen yang bersifat aksi; watak-wataknya ditempatkan dalam situasi-situasi tertentu hingga menimbulkan peristiwa-peristiwa. Rentetan peristiwa ini membawa kepada suatu kebulatan cerita. Cerita demikian biasanya penuh dengan aksi dan menggunakan plot yang konvensional dengan permulaan, perkembangan dan peleraiannya. Dalam hal ini bolehlah dikatakan Khadijah telah memilih kaedah yang paling sesuai dengan bakatnya. Sesungguhnya dia adalah seorang yang pandai bercerita. Maksudnya dia pandai menciptakan tokoh dan suasana sehingga timbul peristiwa-peristiwa yang menarik yang dirangkaikan menjadi cerita yang mengasyikkan pembaca (A. Bakar Hamid, 1974: VIII).

Dalam kesimpulannya, A. Bakar Hamid berpendapat, pada keseluruhannya cerpen-cerpen Khadijah dalam kumpulan *Segeluk Air* ini membawakan persoalan-persoalan di tengah-tengah keluarga; masalah hubungan orang tua dengan anaknya, tentang kasih sayang dan cinta, tentang kebebasan dan kepercayaan dan tentang asuhan dan pendidikan. Sungguhpun timbul dari tengah-tengah keluarga, persoalan-persoalan ini tidak dapat dianggap remeh-temeh semata-mata. Ia menyangkut soal-soal kemasyarakatan yang menjadi masalah yang rumit hari ini seperti soal jurang generasi dan keruntuhan rukun kekeluargaan. Kemampuan Khadijah mengungkapkan masalah-masalah ini memperlihatkan daya pengamatan dan sensitivitinya (A. Bakar Hamid, 1974: xiii-xiv). Namun A. Bakar Hamid melihat sedikit kelemahan pada cerpen-cerpen Khadijah. Katanya, persamaan-persamaan pada cerpen-cerpen Khadijah ini berkecenderungan menjadikannya agak *stereotype*. Sungguhpun tokoh-tokohnya berlainan dalam setiap cerita, kita masih dapat melihat banyak persamaan perwatakan mereka (A. Bakar Hamid, 1974: ix).

Muhd. Mansur Abdullah dalam rumusannya terhadap kumpulan cerpen *Segeluk Air* ini berpendapat, "Sekiranya pembaca yang ingin membaca dan mengetahui sebuah cereka yang dapat mencuit perasaannya sendiri, karya ini amat berjaya. Ia bukan sahaja berjaya mengajak anda bersimpati, bersedih, membenci dan mendendami tokoh-tokoh yang ditonjolkan, tetapi sekaligus memukau para pembaca. Ini disebabkan beliau ada menggunakan sedikit unsur-unsur psikologi dalam cerpen-cerpennya. (Muhd. Mansur Abdullah, 1991: 320-321).

Sebanyak 11 buah cerpen dalam kumpulan *Mawar Merah di Jambangan* membawakan nada yang berlainan, iaitu sindiran yang berakhir dengan kesan tragis.

Umpamanya cerpen "Layang-layang Putus Tali" yang mengisahkan tentang seorang budak lelaki yang dipaksa oleh datuknya untuk hidup cara susah, sama seperti datuknya pada zaman kanak-kanak meskipun datuknya sudah kaya. Keinginan budak lelaki tersebut untuk memiliki layang-layang yang berharga dua puluh sen dicapai dengan cara yang menyedihkan. Hasan, budak lelaki tersebut, telah memanjat pokok kelapa untuk mengambil layang-layang budak lain yang tersangkut. Hasan terjatuh dan kepalanya berlumuran darah. Khadijah cuba memperlihatkan bagaimana sikap generasi tua yang mendidik dengan cara menekan hingga menimbulkan pertentangan di bawah sedar dan membawa kesan yang buruk.

Nasib anak yang malang terpapar dalam cerpen "Titik-titik Hujan yang Belum Berhenti". Bibah bekerja di sebuah

warung milik Mak Munah. Sikap baik dan manjanya terhadap Pak Salim, seorang pemandu teksi, tidak disenangi oleh Mak Munah. Oleh sebab bapanya hilang entah ke mana, Bibah menganggap Pak Salim itu seperti bapanya. Bibah menjadi sangat sedih apabila mendengar khabar Pak Salim mendapat kemalangan.

Sebuah lagi cerpen Khadijah yang meninggalkan kesan tragis yang indah ialah "Mawar Merah di Jambangan". Cerita ini menyentuh hubungan antara kaum, disulami perasaan `cinta' antara watak-wataknya. Siew Ping, gadis penjual bunga, menyenangi seorang pemuda bernama Ali, *driver* seorang Tuan Besar. Ali sering mengusik Siew Ping kerana apabila ada orang besar mati, bunga-bunga Siew Ping akan dibeli orang. Ali pernah mengusiknya, "orang kecil... orang miskin kalau mati tak pakai bunga." Ali pernah berpesan secara bergurau, "Sudikah kau menghantar bunga kalau aku mati wahai Ratu Bunga?" (Khadijah Hashim, 1979: 43). Pada suatu hari Tuan Besar datang untuk membeli bunga untuk Ali yang meningggal dunia kerana kemalangan motosikal di kampung. Siew Ping mahu menghadiahkan bunga tersebut, tetapi ibunya menerima bayaran. Siew Ping gadis miskin berasa hidupnya kosong kerana Ali telah tiada. Meskipun cerita ini diakhiri dengan peristiwa tragis, namun kesan keindahan yang ditinggalkan oleh penulis ialah betapa murninya perasaan cinta Siew Ping terhadap Ali. Inilah yang tidak difahmai oleh ibunya.

Dalam cerpen "Tuah Orang" seorang ayah (Pak Mail) sangat mengharapkan anaknya Jalil bekerja dengan kerajaan. Meskipun miskin, dia sanggup memberi hadiah kepada Yang Berhormat Encik Budin dan pernah menolongnya semasa pilihan raya. Namun Jalil gagal untuk mendapat kerja. Secara sinis pengarang menyindir watak pemimpin, yang terus mengharapkan bantuan orang bawahan. Jalil mengenakan upah yang agak mahal apabila membaiki kereta Yang Berhormat Encik Budin. Jalil mengembalikan wang yang pernah Pak Mail berikan kepada Yang Berhormat Encik Budin sebagai `upah' untuk menolong Jalil mendapatkan kerja. Penyelesaian yang sederhana tetapi mengesankan kepada emosi pembaca.

Cerpen "Bila Ayah Mogok" yang memenangi hadiah Karya Sastera 1974, menarik kerana kejayaan pengarang mempergunakan satu persoalan yang biasa tetapi melihatnya dari satu sudut yang berlainan. Persoalan mogok dibawa kepada satu keluarga dan menimbulkan pertentangan di dalam keluarga tersebut (Panel Hadiah Karya Sastera 1974, 1976: 26). Apabila

si ayah berjaya naik gaji setelah mogok anak-anak menuntut janji. Apabila si ayah enggan mereka pula mogok.

Cerpen-cerpen Khadijah sederhana pada gaya penceritaannya. Namun kesan yang ditinggalkan cukup baik. Menurut A. Bakar Hamid, biasanya Khadijah menimbulkan suatu aksi terakhir yang di luar dugaan sebelum menyelesaikan ceritanya. Ini kelihatannya merupakan pola dan cerpen-cerpennya. (A. Bakar Hamid, 1974: viii). Gaya pengolahan dalam kumpulan *Segeluk Air* masih berterusan dalam kumpulan *Mawar Merah di Jambangan.* Namun kami merasakan bahawa gaya pengolahan Khadijah Hashim dalam *Mawar Merah di Jambangan* lebih matang, bersahaja dan sering meninggalkan kesan tragis tentang nasib malang yang menimpa orang-orang miskin.

Mengapa Khadijah Hashim tidak berusaha menurut jejak pengarang-pengarang lain yang berani bermain dengan teknik penulisan yang lebih canggih seperti *stream of consciousness* dan *absurd.* Jawapan Khadijah terhadap persoalan ini pernah diberikan oleh Khadijah Hashim kepada Siti Aisah Murad dalam satu wawancara (Ahmad Kamal Abdullah, 1993: 114). Katanya:

> "Setiap karya mesti ada keseronokan membaca dan mesti ada mesej. Pada saya sesebuah karya kreatif biarlah sederhana tetapi menarik, jangan terlalu serius hingga hilang keseronokan membaca. Saya juga didorong dengan konsep hidup saya dan secara tidak langsung mempengaruhi proses penciptaan saya. Dalam hidup, saya suka yang sederhana. Majoriti pembaca kita bukanlah pembaca yang serius. Kiranya dihidangkan karya *absurd*, sebahagian kecil sahaja yang dapat memahami. Masyarakat kita pula sibuk dengan berbagai-bagai tugas, hanya ada masa yang sedikit untuk membaca. Mereka pula membaca untuk mencari keseronokan. Sebab itu sebuah karya itu biarlah sederhana, bersahaja, disampaikan dengan cara yang mudah tetapi menarik dan ada sedikit pengajaran."

Dengan kenyataan itu kita tidak wajar menuntut yang berlebihan daripada Khadijah. Beliau tidak menulis di luar kemampuannya. Dalam kesederhanaannya, Khadijah telah melahirkan beberapa buah cerpen yang pada hemat saya, menjadi contoh cerpen Malaysia yang bermutu tinggi seperti "Sekapur Sirih Segeluk Air", "Budi yang Tak Terbeli", "Layang-layang Putus Tali" dan "Mawar Merah di Jambangan". Inilah cerpen-cerpen yang mewakili Khadijah Hashim dalam beberapa

buah antologi cerpen bersama. Namun setelah menumpukan kepada usaha menulis novel untuk bacaan popular, Khadijah tidak lagi menghasilkan cerpen-cerpen seperti dalam kedua-dua kumpulan cerpen yang dibicarakan dalam kertas kerja ini. Kita masih mengharapkan Khadijah Hashim melahirkan cerpen-cerpen yang sekali imbas nampaknya sederhana tetapi mempunyai makna tersirat yang lebih mendalam. Ataupun kita masih boleh berharap seperti yang diharapkan oleh A. Bakar Hamid: Bahawa Khadijah adalah seorang pencerita yang berbakat lagi mahir telah dibuktikan oleh karya-karyanya yang lalu. Dia masih berkembang dan kerana itu kita masih dapat mengharapkan darinya karya-karya yang lebih besar sebagai hasil dari pencariannya terhadap teknik yang paling sesuai dengan bakatnya itu. (A. Bakar Hamid, 1974: xiv) Dunia sastera Malaysia masih mengharapkan Khadijah menghasilkan cerpen-cerpen bermutu seperti mawar merah di jambangan - indah dan harum sepanjang zaman.

Bibliografi

A. Bakar Hamid. 1974. "Kata Pengantar" dlm. Khadijah Hashim, *Segeluk Air.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad Kamal Abdullah. 1993. *Jambak I: Proses Kreatif Pengarang Melayu.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ilias Zaidi. 1976. *Biografi Penulis dan Karya.* Kuala Lumpur: Penerbitan Fargoes.

Khadijah Hashim. 1974. *Segeluk Air.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khadijah Hashim. 1979. *Mawar Merah di Jambangan.* Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Mohd. Thani Ahmad et al. 1988. *Wajah Biografi Penulis.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhd. Mansur Abdullah. 1991. "Segeluk Air: Selari dan Mendatar" dlm. Siti Aisah Murad, *Kumpulan Esei Jalinan.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Panel Hadiah Sastera. 1972. *Dalam Perjalanan: Antologi Cerpen Hadiah Sastera 1971.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Panel Hadiah Sastera. 1976. *Pemenang '74: Antologi Hadiah Karya Sastera 1974.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Panel Hadiah Karya Sastera. 1977. *Anak Bumi Tercinta: Antologi Hadiah Karya Sastera 1975.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Salbiah Ani. 1996. "Lima Ciri Istimewa Karya Khadijah" dlm. *Berita Harian,* 27 Julai.

CERPEN GENERASI BARU JOHOR

PROF MADYA DR OTHMAN PUTEH

Ditelusuri dari hakikat sejarah dan berdasarkan data kuantitatif yang diperolehi dari pelbagai sumber penelitian para sarjana, sesungguhnya wujud hadir warga dan pemastautin Johor yang prihatin dan tepu kepekaan terhadap kesedaran tanggungjawab lantas ikut memanfaatkan bahagian daripada kehidupan mereka dengan memberikan sumbangan pemikiran dan/atau intelektual serta ketrampilan menghantar pengucapan berseni estetika yang signifikan dalam usaha dan upaya meningkat martabatkan khazanah dan mutu kesusasteraan milik bangsa, terutamanya genre cerpen yang kini, begitu memasuki abad ke-21 nanti, akan genaplah 80 tahun hayatnya.

Warga dan pemastautin Johor yang berjasa dalam jagat pencerpenan ini menghasilkan karya mereka secara eceran dalam pelbagai media dan ada di antaranya terhimpun dalam bentuk kumpulan dan/atau antologi. Antara pengarang-pengarang cerpen itu ialah :

- Akbar Muhammad Bakri (*Cerpen Malaysia Sebelum Perang Dunia Ke-2*, 1988) dan Kasmani Haji Arif (*Begini Rupanya*, 1993) yang menulis pada era pra Perang Pasifik.
- Abdullah Sidek (*Kerana Sudah Berjanji*, 1950; *Minah Kapalterbang*, 1952 dan *Cerita-Cerita Rekaan*, 1963) yang berkarya para zaman pasca Perang Pasifik.
- Jymy Asmara (*Kembang Setaman*, 1960) dan Usman Awang (*Degup Jantung*, 1963) yang berkecimpung aktif terutamanya pada zaman kegemilangan ASAS 50 di Singapura.
- Adibah Amin (*Wanita*, 1964), Rukiah Abu Bakar (*Serpihan Hidup*, 1964) dan Masod Hj Abdul Rahman (*Turun Ke Lembah Gunung*, 1966) yang berkarya pada zaman pasca merdeka.
- Nora (*Bayang Di Kepak Senja, 1973, Serpihan Hidup*, 1964 dan *Iktikaf*, 1994); Asmaranda (*Sampar*, 1971; *Jodoh*, 1981

dan *Revolusi Yang Tolol*, 1983; Matlob (Revolusi Yang Tolol, 1983); Anis Sabirin (*Dari Bayang Ke Bayang*, 1966, *Persona*, 1994 dan *Garis Biru*, manuskrip 1996); Kalam Murni (*Revolusi Yang Tolol*, 1983) Anis (*Cenderamata*, 1981 dan *Utopia*, 1992); Khadijah Hashim (*Segeluk Air*, 1973, *Mawar Merah di Jambangan*, 1979; *Batas Menanti*, 1982, *Di Tepi Pagar*, 1987 dan *Hadiah Ratu Cantik*, 1988); Zaharah Nawawi (*Pertemuan*, 1982, *Percikan Bara*, 1982, *Nasib*, 1986, *Di Hujung Penantian*, 1988, *Dari Siulan Burung-Burung*, 1977 dan *Suara Ombak*, 1994); Salmah Mohsen (*Dari Siulan Burung-Burung*, 1977); Zawiyah Md. Noh (*Rumah Baru*, 1979); A. Shukur Harun (*Lampu Neon dan Kelkatu*, 1981) dan Onn Abdul Rahman (*Revolusi Yang Tolol*, 1983). Mereka ini muncul cara sederap sekitar dekad 60-an.

- Johan Jaafar (*Pelarian Sang Hero*, 1980); Sarah Rahim (*Revolusi Yang Tolol*, 1983); Jumanoh Abdul Bunga (*Revolusi Yang Tolol*, 1983); dan Rogayah A. Hamid (*Laut Pekan M*, 1979 dan *Pecah-Pecah Ombak*, 1986) yang tampil dalam dekad 70-an.
- Gunawan Mahmood (*Pengantin Tua*, 1991 dan *Harga Sebuah Kematian*, 1993); Hasidah Disan (*Embun Hidayah*, 1991 dan *Sayembara IX*, 1995); Saadiah Haji Ibrahim (*Mercu 8*, 1995); Mawar Shafie (*Kasut Hitler*, 1996 dan *Niskala Fragaria*, manuskrip, 1996); Shapiai Mohd Ramly (*Perjalanan ke Z*, 1992); Md. Ishak Ab. Rahman (*Selatan*, 1983); Siti Aisah Murad (*Kulit-Kulit Siput Laut*, 1983, *Keabdian*, 1992 dan *Kaca Keharmonian*, 1993); Rajiee Hadi (*Selatan*, 1983, dan *Bumi Hijau*, 1990); Talib Samat, Saiful Jurimi dan Rosninah Abd. Azib. Mereka inilah pengarang genre cerpen dari kalangan generasi baru Johor yang hadir dengan variasi yang tersendiri dan diyakini dalam dekad mutakhir ini.

Mengenalpasti pengarang-pengarang generasi baru Johor ini dan sesudah meneliti dan menghayati cerpen-cerpen yang mereka hasilkan itu, maka wujud hadir beberapa hal yang wajar disenarai dan dibincangkan bagi menelusuri kecenderungan mereka dalam berkarya dari sisi penghantaran pengucapan pemikiran dan penerapan pada langgam penceritaan yang cuba diasosiasikan dengan betapa banyaknya faktor dan/atau fenomena yang terlaksana dalam masyarakat lokal, di peringkat nasional dan pada tahap mancanegara yang internasional dan global sifatnya.

Satu penyataan yang wajar dikemukakan sebagai suatu indeks dalam perbincangan ini ialah tentang wujud hadirnya

transformasi yang bervariasi dari sisi ruang, bidang ilmu dan waktu yang banyak memberikan masukan bermanfaat sehingga terlaksananya semacam kerangka berfikir dan/atau semacam anjakan paradigma untuk lebih bijaksana menghadapi kehidupan kini.

Kekencangan arus transformasi itu memungkinkan insan bertindak pelbagai aktif, pasrah; bersikap positif bijaksana atau membiarkan kehidupan diterpa arus tanpa sebarang upaya dan usaha. Fenomena-fenomena ini diperkaitkan dengan takdir sejarah dan psikologi serta keintelektualan insan yang mewargai sesebuah negara yang wajar pula diasosiasikan dengan kehidupan dan disiplin politik, sosial, budaya, ekonomi dan kemajuan dalam bidang teknologi maklumat, di samping menyerlahkan kebijaksaan dan atau sebaliknya dalam penanganan konflik yang melanda berdasarkan kearifan lokal, berpaksikan agama dan memanfaatkan ideologi-ideologi relevan bagi memastikan kelangsungan hayat kehidupan yang lebih banyak.

Dari sisi insan pengarang itu sendiri ternyata mereka memperoleh pendidikan formal yang relatif tinggi dan setara dengan kebanyakan pengarang Johor yang tampil dalam era 70-an ataupun sedekad awal daripada mereka. Dan rata-rata pula, pengarang generasi baru Johor ini berkesempatan mengikuti kursus jangka pendek dan panjang melalui bengkel, ceramah dan mata kuliah dalam bidang penulisan kreatif anjuran pelbagai institusi, dan malah, Mawar Shafei umpamanya sedang melanjutkan pengajian di peringkat sarjana dalam bidang penulisan kreatif, khususnya penulisan cereka. Dan ini pasti pula memperlihatkan kelainan begitu digandingkan dengan pengarang-pengarang yang terdahulu daripada mereka.

Dari teks-teks cerpen yang terhasil dan dikaji, dapat pula ditelusuri wujudnya kecenderungan memilih jalur dan ragi penulisan sesuai dengan bakat, ketrampilan dan keyakinan serta kewibawaan masing-masing pengarang. Yang ketara menyerlah ialah wujudnya dua jalur yang signifikan.

Pertama, jalur yang menjurus kepada kelahiran teks-teks dalam ragi konvensional yang sedia wujud dan mantap, yang disenangi banyak pengarang sebelum dan sehingga kini, teks-teks yang beraliran realisme dan berada dalam kategori cereka peniruan (*mimetic fiction*). Cerpen-cerpen sedemikian lazimnya mengemukakan muatan cerita yang biasa, menyerlahkan ciri kesetiaan atau akur dengan tradisi yang sedia mantap dengan teknik penceritaan yang terikat pada definisi dan konsep yang lazim pula. Kalaupun ada kelainan, ia mungkin ditemukan pada

muatan cerita yang interdisiplin sifatnya sesuai dengan transformasi waktu, wujudnya anjakan dalam kerangka berfikir pengarang justeru menyedari kekencangan perubahan dalam kehidupan semasa, di samping cabaran-cabaran yang menuntut kebijaksanaan dan daya intelektual untuk menanganinya, justeru ia seolah-olah baru dan lestari.

Teks-teks cerpen yang mengalir dalam jalur ini banyak ditemukan dalam kumpulan dan/atau antologi cerpen *Keabdian, Kaca Keharmonian, Revolusi Yang Tolol, Selatan, Bumi Hijau, Pengantin Tua, Harga Sebuah Kematian, Embun Hidayah, Perjalanan ke Z, Baitullah ke Nabilah* dan *Pertemuan Kedua.*

Enam belas buah cerpen Gunawan Mahmood yang terhimpun dalam *Harga Sebuah Kematian,* umpamanya, mengketengahkan subjek cerita dengan teknik konvensional tentang kritik sosial, politik, keganasan dan keluarga yang dikaitkan dengan dakwah-agama dan kematian. Hal ini terserlah pada cerpen-cerpen "Harga Sebuah Kematian", "Surat Kematian", "Surat Peringatan", "Bagaimana Mereka Mati", "Zaman Taubat" dan "Ganjil Dakwah". Sementara kerenggangan dan keterhakisan hubungan kekeluargaan akibat daripada peningkatan usia, kehadiran anak dan jurang status suami isteri terungkap dalam cerpen "Setelah Melahirkan", "Menopause", "House Husband", "Zus Neli" dan "Hari Jadi".

Dari satu sisi teks-teks sedemikian memperlihatkan usaha kesinambungan yang wajar dari mata rantai pencerpenan itu sendiri. Kewajaran kesinambungan ini juga ditemukan pada lima belas cerpen Siti Aisah Murad dalam kumpulan *Kaca Keharmonian* yang begitu setia dengan paparan realitif objektif dalam pergolakan hidup rumahtangga dan cenderung mengangkat citra wanita melalui karyanya. Hal ini pula menyerlahkan betapa sensitif dan prihatinnya pengarang terhadap jagat kewanitaan dan persekitaran yang dimengertinya amat. Menerusi kumpulan *Keabdian* pula, Siti Aisah Murad menunjukkan keprihatinannya terhadap lingkaran-putaran kehidupan yang berpaksikan agama yang diasosiasikan dengan pelbagai ragam fenomena kehidupan itu sendiri.

Karya-karya konvensional memanglah banyak ditemukan namun ia tetap memiliki keistimewaan tersendiri apatah lagi sekiranya komposisi ceritanya dijalin dengan tepu bijaksanaan dan tidak meminggirkan kearifan serta sering mengutamakan kelestarian dan ditelusuri dengan agak nyata pada cerpen-cerpen Shapiai Mohd. Ramli seperti dalam kumpulan *Perjalanan ke Z.* Kisah-kisah keluarga, jagat kanak-kanak, keagamaan dan falsafah yang ditampilkan ternyata memperlihatkan keseriusan pengarang

menafsirkan gejolak fenomena masyarakatnya dengan mata fikir tajam berkesan.

Ketelitian, keseriusan dan kepekaan ini menyerlah pula pada Hasidah Disan dan Saadiah Haji Ibrahim melalui cerpen-cerpen eceran mereka yang memperlihatkan daya kreativiti yang tajam dengan unsur intelektual yang memang dituntut hadir dalam karya cereka. Hal ini dapat diteliti dan dihayati menerusi cerpen-cerpen mereka seperti "Jarak", "Jurang", "Ringgit", "Pesona", "Diambang", "Sekucup Lara" dan "Nafas Seorang Ibu" oleh Hasidah Disan dan cerpen-cerpen "Pertemuan Kedua" dan "Pintu Hati" Saadiah Haji Ibrahim.

Mohd Kasim Mahmud dan Md. Ishak Ab. Rahman juga setia dan senang dengan konvensi yang jelas dan diyakini. Mohd Kasim Mahmud terutamanya cukup prolifik dan sesekali berusaha memperlihatkan upaya cuba menambak benteng konvensi dengan cerpen-cerpennya seperti "Neurosis" dan "Neurosis 2" di samping melontarkan kritik sosialnya yang sinis terhadap perjuangan penglestarian alam sekitar melalui cerpennya "Episod Lain Sidang Rio" dan memperlihatkan ketegasan, kecekalan dan keyakinan diri dan/atau kepercayaan menerusi cerpen "Keris Lok Tujuh".

Kedua, jalur yang menerobos dan cenderung melahirkan teks-teks bukan konvensional, ia mungkin baru dari beberapa unsur dan/atau satu unsur cuma; menyerlahkan kelainan dalam pengucapan dan langgam penceritaan, muatan subjek yang dibicarakan cenderung pada penerokaan, isu baru dan tidak mustahil langka; kelihatan wujud percubaan, pemberontak, bergaya baru, kontemporari, anti-plot, kompleksiti, cenderung aneh tetapi menyerlahkan penceritaan yang bijak, interdisiplin, berciri moden, melangkah jauh dari zamannya atau ia merupakan teks garda depan. Teks-teks sedemikian berada dalam kategori cereka beralasan (*premis fiction*) dan cereka mimpi (*dream fiction*) yang menyediakan dasar/alasan yang merubah realisme dan bergerak tanpa menghadkan batasan serta memiliki logika tersendiri.

Cerpen-cerpen Gunawan Mahmood, Shapiai Mohd Ramly dan Mohd Kasim Mahmud mempunyai kecenderungan untuk memasuki jalur kedua ini walaupun tidak secara tuntas. Begitu juga wujud eksperimen di tangan mereka dan ia kelihatan bergerak secara wajar, secara evolusi untuk tidak segera meninggalkan keyakinan konvensinya. Dalam konteks ini cerpenis kawakan Zaharah Nawawi yang produktif-prolifik itu makin cenderung menyerlahkan kebijaksanaan dalam memilih subjek cerita, memuatkan variasi, keanehan, interdisiplin dan

cenderung - berjaya malah - berada dalam arus utama jalur kedua untuk terus hadir dalam keadaan kesiapsiagaan yang tidak mungkin dipinggirkan begitu cuma.

Dalam jalur kedua ini, cerpen-cerpen karya Mawar Shafei memberikan satu indeks baru yang tidak pula boleh di kesampingkan begitu sahaja. Cerpen-cerpen yang dihasilkan amat menekankan ciri-ciri feminisme yang cuba memahami kelupusan nilai keinsanan, pencinta kelestarian sekitar, belajar makna kesementaraan hidup, tepu nilai kasih sayang, pembentukan nilai ketakwaan diri peribadi, optimis dan menonjolkan kekuatan wanita pasca-modenisme.

Muatan subjek dan fenomena ini agak cair menipis di tangan kebanyakan pengarang generasi baru akan tetapi mengental pada Mawar Shafei dan disenangi amat. Apatah lagi cerpen-cerpen yang dicipta itu berpremiskan pada watak-watak yang ideal, ceria, yakin diri menyepadukan dengan intim dan mesra kehadiran disiplin bantu seperti psikologi, komputer/ teknologi maklumat, ekologi, geografi-geomorfologi, arkitektur dan dibauri dengan rayanan/halusinasi dan/atau fikiran bawah sedar. Fenomena ini ditemukan pada cerpen-cerpennya seperti "Virus Zel Untuk Abad" (*Mingguan Malaysia*, 9 Januari 1994), "Konveksi" (*Berita Minggu*, 2 Oktober 1994), "*Untaian Rafik*" (*Mingguan Malaysia*, 4 Januari 1995), "Rayan" (*Anggun*, Oktober 1995), "Fitrah" (*Persona*, Julai 1995), "Dia Yang Mawar" (*Berita Minggu*, 25 Februari 1996) dan "Metamor di Perbukitan Berkalka" (*Dewan Sastera*, Mac 1996). Seperti Azmah Nordin, Mawar Shafei berusaha wajar meletakkan martabat wanita pada kedudukan yang mulia dan keyakinannya terhadap feminisme menjadi agak ketara dan punya relevansinya dengan kepercayaan-budaya setempat.

Dalam seminar Wacana Persuratan Melayu sempat saya memperkatakan "Muatan Baru, Gaya Baru dalam Cerpen Pengarang Generasi Baru" dan merumuskan betapa kehadiran kedua-dua jalur dan ragi cerpen itu adalah wajar sebagai suatu kesinambungan dan penerokaan, sebagai indeks betapa cerpen-cerpen Melayu senantiasa berkembang dengan wajar, tidak jumud dan tetap memperlihatkan petanda positif dan menarik dalam hayat pencerpenan. Dan cerpen-cerpen generasi baru Johor adalah bahagian daripada realiti yang memberikan warna kepada perkembangan cerpen itu sendiri.

Bibliografi

Anwar Ridhwan dan Hamzah Hamdani, (peny.). 1983. *Selatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Gunawan Mahmood. 1991. *Pengantin Tua*. Petaling Jaya: IBS Buku.

Gunawan Mahmood. 1993. *Harga Sebuah Kematian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hasidah Disan. 1993. "Sekucup Lama". *Dewan Sastera*. Disember.

Hasidah Disan. 1995. "Jurang". *Dewan Sastera*. April.

Hasidah Disan. 1995. "Ringgit". *Dewan Sastera*. Ogos.

Hassan Abdul Karim. 1994. "Dompet Kulit Gajah". November.

Khalid Lani dan Mazlan Sarip. (peny.). 1993. *Salam Dari Amira*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mawar Shafei. 1994. "Konveksi". *Berita Minggu*. 2 Oktober.

Mawar Shafei. 1995. "Untaian Rafik". *Mingguan Malaysia*. 22 Januari.

Md. Ishak A. Rahman. 1995. "Mencari Kedamaian". *Berita Minggu*. 26 Mac.

Md. Ishak A. Rahman. 1995. "Air Mata Seorang Pengundi". *Berita Minggu*. 30 Julai.

Mohd. Kasim Mahmud. 1993. "Simpang". *Berita Minggu*. 10 Januari.

Mohd. Kasim Mahmud. 1993. "Keris Lok Tujuh". *Berita Minggu*. 26 September.

Mohd. Kasim Mahmud. 1993. "Biarpun Kerana Farah". *Utusan Zaman*. 3 Oktober.

Mohd. Kasim Mahmud. 1994. "Neurosis" *Mastika*. Januari.

Mohd. Kasim Mahmud. 1994. "Menganyam Keyakinan". *Berita Minggu*. 16 Januari.

Mohd. Kasim Mahmud. 1994. "Keputusan". *Al-Islam*. Jun.

Mohd. Kasim Mahmud. 1994. "Penantian". *Utusan Zaman*. 3 Julai.

Mohd. Kasim Mahmud. 1994. "Api Dendam di Sarajevo". *Utusan Zaman*. 7 Ogos.

Mohd. Kasim Mahmud. 1995. "Kasih Ibu". *Utusan Zaman*. 30 April.

Mohd. Kasim Mahmud. 1995. "Neurosis (2)" *Mingguan Watan*. 9 Julai.

Mohd. Kasim Mahmud. 1995 "UFO" *Berita Minggu*. 12 November.

Muhammad Yamin Ismail. 1995. *Dari Dalam Diri*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Agama, Jabatan Perdana Menteri.

Rajiee Hadi (peny.). 1990. *Bumi Hijau*. Shah Alam: Marwilis.

Rogayah A. Hamid. 1988. *Pecah-Pecah Ombak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahawa dan Pustaka.

Saadiah Haji Ibrahim. 1993. "Pertemuan Kedua". *Dewan Sastera*, Jun.

Saadiah Haji Ibrahim. 1994. "Pintu Hati". *Tamadun*. Julai.

Saiful Jurimi. 1994. "Besar Yang Kecil". *Dewan Sastera*. Julai.

Shapiai Mohd. Ramly. 1992. *Perjalanan Ke Z*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Shapiai Mohd. Ramly. 1993. "Mimpi Wali". *Dewan Sastera*. Mei.

Shapiai Mohd. Ramly. 1994. "Kera & Karisma". *Mingguan Watan*. 9 Oktober.

Shapiai Mohd. Ramly. 1995. "SSB". *Mingguan Watan*. 18 Jun.

Shapiai Mohd. Ramly. "Penulis-Penulis Mutakhir Johor" dlm. Shaidun Haji Shaari dan Inzura Haji Kosnin (peny.) 1995. *Warisan Budaya Utara Selatan.* Alor Setar: Majlis Kebudayaan Negeri. 17-29.

Siti Aishah Murad. 1992. *Keabdian.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Siti Aishah Murad. 1993. *Kaca Keharmonian.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Talib Samat. 1995. "Krisis". *Utusan Zaman.* 28 Mei.

1983. *Revolusi Yang Tolol.* Johor Bahru: Perintis Jaya.

1983. *Sayembara IV.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

1984. *Sayembara V.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

1985. *Sayembara VI.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

1989. *Sumarni.* Kuala Lumpur: Utusan Publications.

1990. *Sesudah Senja.* Kuala Lumpur: Utusan Publications.

1991. *Sayembara VIII.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

1991. *Embun Hidayah.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

1994. *Baitullah ke Nabillah: Antologi Cerpen Pemenang Hadiah Sastera Berunsur Islam V.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

1995. *Mercu 3.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

1995. *Sayembara IX.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

1995. *Doa Terakhir: Antologi Puisi dan Cerpen Pemenang Sastera Malaysia 1988/89.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

1996. *Kasut Hitler.* Kuala Lumpur: Utusan Publications.

ZAHARAH NAWAWI:
NOVELIS YANG MEMARTABATKAN WANITA

DR ROSNAH BAHARUDIN

Sejak awal remaja lagi Zaharah Nawawi penulis kelahiran Kampung Parit Jawa, Johor ini telah menempuh pengalaman pahit. Beliau terpaksa berjauhan dari keluarga kerana tidak mahu menjalani hidup tanpa membuat sesuatu pekerjaan yang mendatangkan manfaat. Tambahan pula Zaharah berhasrat untuk meneruskan pendidikan selepas tamat darjah enam sekolah Melayu. Hasil pertemuannya dengan Ibu Khatijah Sidek yang datang berkempen ke daerahnya, Zaharah telah pergi ke Johor Bahru dan tinggal bersama-sama tokoh politik wanita itu. Zaharah membantu mengurus rumah, kelas jahitan dan sulaman di rumahnya. Di sebelah malam Zaharah ke sekolah. Tetapi setelah berlaku perselisihan faham Zaharah pulang ke rumahnya semula. Dengan pertolongan seorang guru iaitu Cikgu Mariam Yunus beliau dapat mengajar pelajaran Bahasa Melayu di sekolah Cina di Yong Peng pada tahun 1957. Kemudian menjadi penjual tiket di feri Batu Pahat pada 1961. Semasa inilah beliau lulus peperiksaan Lower Certificate of Education (LCE) dan lulus mendapat Sijil Peperiksaan Malaysia tahun 1965. Beliau ke Tokyo untuk menyambung pelajaran dalam bidang senifoto pada tahun 1966 tetapi hanya sempat mengikutinya selama setahun kerana beliau menghadapi masalah kewangan.

Pada tahun 1968 beliau menjadi wartawan di *Utusan Melayu*. 1970 beliau dilantik menganggotai sidang editor majalah *Wanita* dan kemudian dilantik menjadi ketua redaksi majalah *Wanita* dan kemudian dilantik menjadi ketua redaksi majalah *Mastika*. Mulai tahun 1976 beliau berhijrah dan menjawat jawatan pengarang penerbitan am (Bahasa Malaysia) di Berita Publishing. Beliau juga pernah bertugas sebagai editor majalah *Era, Jelita, Jaguh, Penghibur* dan *Sajian Jelita*. Sebelum bersara beliau menjadi editor majalah *Timang*.

Pengalaman mengurus penerbitan majalah tidak menghalang beliau untuk menghasilkan karya kreatif dalam genre cerpen, puisi, buku untuk kanak-kanak dan novel dewasa. Untuk kertas kerja ini novel dewasalah yang akan diberi tumpuan.

Kepada ramai pembaca dan pengkaji sastera, Zaharah merupakan seorang penulis yang gigih sama seperti pengalaman yang diharunginya seperti yang telah dinyatakan di atas. Beliau telah menghasilkan ratusan cerpen sejak mula menceburkan diri dalam bidang penulisan dalam tahun 1952 lagi. Mengenai genre novel pula hingga kini (1996) beliau telah menghasilkan enam buah novel dewasa iaitu *Sebelum Berhujungnya Musim Bunga* (1972), *Jalur Sinar Di Celah Daun* (1981), *Pesisir Hitam* (1985), *Panglima Salleh*: *Selempang Merah* (1988), *Menuju Puncak* (1990) dan *Anugerah* (1995).

Dalam novel-novelnya, kecuali *Panglima Salleh* (novel ini tidak dibincangkan di sini) beliau telah meletakkan kedudukan wanita begitu tinggi. Wanita memegang peranan sebagai protagonis yang menonjol dalam lima buah novel yang dibincangkan. Malah plot cerita berlegar di sekitar watak-watak wanita tersebut. Semua novel menonjolkan watak wanita muda yang gigih menghadapi hidup. Mengenai hal ini mengikut Zaharah, "saya telah menerapkan perjuangan ini (perjuangan hak wanita) sejak dari mula saya menulis" (*Wawancara Sastera*, 1984: 364).

Konsep memperjuangkan martabat wanita ini kerana pengarang ingin mengikis imej 'lemah dan air mata' yang sering ditonjolkan oleh kebanyakan penulis terhadap peranan wanita dalam karya-karya mereka. Secara tidak langsung menolak memaparkan watak wanita stereotaip. Bagi Zaharah imej 'lemah dan air mata' bukan satu-satunya hak mutlak kaum wanita (*Jambak 4*, 1995: 182).

Zaharah memberi lebih perhatian kepada isu hak wanita kerana peka dengan masalah nasib kaum sejenisnya seperti yang pernah dialaminya sendiri iaitu ketika membesar dalam lingkungan keluarga di rumah dan ketika bekerja. Semasa di rumah beliau menggambarkan pengalamannya sebagai anak perempuan tunggal dari sebelas adik beradik kepada sebuah keluarga penoreh getah seperti di bawah:

> "Sebagai anak desa saya dikehendaki membuat kerja apa sahaja yang boleh bagi meringankan beban kerja. Jika anak lelaki bangun pukul lima, saya mesti bangun pukul empat subuh bersama ibu membuat sarapan pagi sebelum sama-sama turun menoreh.... Petang-

> petang hari abang saya mencuri peluang meninggalkan rumah untuk berseronok bermain badminton dan bola sepak.... Sedangkan saya terus terlonta-lonta di rumah capai itu dan tangkap ini mendukung adik menangis, mengemas rumah yang sentiasa berselerak, menyapu halaman yang banyak sampah sarap.... Membantu ibu menanam ubi kayu, keladi dan keledek dan lain-lain sayuran dan lada.... Menjelang senja saya memasak untuk makan malam.... Mengemas dan mencuci pinggan mangkuk, juga periuk belanga, mengangkat kayu api dan air untuk digunakan subuh nanti. Mahu atau tidak, saya mesti menjalankan tugas-tugas tersebut kerana inilah tugas utama saya dan lain-lain anak perempuan yang keadaan ekonominya hampir serupa.
>
> (*Mastika*, Disember, 1975: 60)

Ketika dewasa pula ada pengalaman yang pahit yang sukar dilupakan. Beliau pernah didiskriminasikan ketika menjadi guru, apabila hanya mendapat RM90.00 sebulan, sedangkan rakan sejawatnya yang mempunyai kelulusan, latihan dan mengajar mata pelajaran yang sama mendapat gaji RM140.00 hanya kerana lelaki. Pengalaman didiskriminasi tidak mudah luput dari ingatannya.

Oleh itu secara sedar melalui karya-karyanya, Zaharah ingin menunjukkan bahawa perjuangan wanita belum berakhir. Walaupun secara umum kaum wanita sudah mendapat hak sama tetapi masih banyak hak wanita yang terselindung di sebalik bayang-bayang yang sedikit di besar-besarkan (*Ibid* : 184-85). Oleh sebab itulah beliau tidak menganggap menulis karya kreatif sebagai *escapism* tetapi satu perjuangan. Melalui penulisan beliau dapat meluahkan hasrat dan harapan yang tinggi, biarpun mungkin sesetengah pembaca tidak dapat menyelami yang tersirat kerana beberapa kekurangan pada pengetahuan mereka. (Ibid. 1986). Kesedaran memartabatkan wanita merupakan landasan penting untuk beliau menghasilkan karya.

Secara tidak langsung karya yang dihasilkan Zaharah merupakan pengalaman dan interpretasinya terhadap sesuatu yang dibangkitkan. Mengenai hal ini Kintanar, menyatakan:

> *The writer gives us, not a photographic representation of reality nor "slice of life" but an interpritation of social life an experience as seen through his/her particular conciousness and sensibility.*
>
> (Kintanar, 1993: 8)

Secara tidak langsung juga sebagai pengarang wanita, Zaharah telah meneruskan tradisi penulisan wanita yang mengangkat wanita sebagai watak penting. Ini merupakan ideologi yang mendasari idea karya-karyanya yang juga mencerminkan pergolakan dunia sosial yang luas dihadapi wanita. Menampilkan hubungan sosial dan pengalaman menerusi kesedaran individu watak-wataknya pembaca mampu untuk menyelami lebih dalam mengenai pemerhatian dan gambaran masyarakat secara luas. Kesemua lima novelnya menampilkan wanita muda yang bermakna mempunyai masa depan lebih luas. Hanya sebuah novel yang menampilkan gadis muda yang belum berumahtangga iaitu Sheirin dalam *Sebelum Berhujungnya Musim Bunga.*

Novel-novel lain yang akan dibincangkan dalam kertas kerja ini mengetengahkan wanita sebagai isteri dan sebagai ibu muda dalam rumahtangga. Latar tempat iaitu desa, bandar dan pekan kecil tidak membezakan peranan wanita sebagai isteri dan ibu. Hanya ruang dan gaya perjuangan mereka sahaja yang berbeza sesuai dengan tema, isu dan latar tempat yang ditampilkan. Tijah dalam *Jalur Sinar di Celah Daun* seorang isteri yang masih muda (awalan 20-an). Suaminya Dali seorang peneroka tanah pinggir. Plot bermula ketika mereka baru mendirikan rumahtangga. Tijah digambarkan mendapat pendidikan hingga tingkatan empat "dia terlatih juga untuk menjadi isteri yang baik, rajin dan tahu serba-serbi."(*JS-CD,* 1981:10). Di tempat baru itu mereka berdua bekerjasama untuk mengerjakan ladang di samping mengumpul wang untuk membeli tanah itu.

Pesisir Hitam mengutarakan Lipah isteri Alep seorang pekerja di Syarikat Penambang Sungai Udang. Mereka mempunyai empat orang anak; tiga lelaki iaitu Atan, Buang dan Uda serta seorang perempuan bernama Limah. Alep lumpuh kakinya mungkin kerana terlalu banyak berendam ketika bertugas kerana belum menggunakan peralatan moden di awal plot cerita. Lipah di pertengahan plot cerita dilantik menjadi ketua parti politik yang baru ditubuhkan di daerahnya ialah menghadapi berbagai masalah apabila anak-anak lelakinya menghadapi kecelakaan ketika bertugas di Syarikat Penambang Melayu itu.

Ayu watak utama *Menuju Puncak* pula hanya sempat belajar sampai tingkatan dua kerana terpaksa berhenti sekolah untuk menjaga adik-adik yang masih kecil setelah bapanya meninggal dunia. Watak-watak wanita yang mendapat pendidikan tinggi bekerja sebagai guru dan bergerak cergas dalam politik dapat ditemui dalam novel *Anugerah.* Dua orang guru

perempuan yang ditonjolkan dalam novel ini ialah Ramlah dan Mariam yang masing-masing berumur awal 30-an dan mempunyai beberapa orang anak yang masih kecil.

Apa yang menarik wanita-wanita itu ditonjolkan sebagai wanita gigih yang berjaya sebagai isteri dan ibu walaupun mereka ditinggalkan sendirian untuk menghadapi hidup. Zaharah merancang plotnya sehingga wanita-wanita itu "ditinggalkan" untuk mengambil tanggungjawab mengurus rumahtangga dan anak-anak ketika ketiadaan suami atau ketika suami cacat.

Dengan cara meninggalkan watak-watak wanitanya sendirian menempuh hidup, Zaharah menunjukkan mereka itu wanita tabah yang tidak menyerah kepada keadaan. Malah mereka juga digambarkan sebagai tidak terlalu dikongkong oleh perasaan sedih yang dapat mengikat emosi dan psikologi mereka kepada suami yang "tidak ada" di sisi. Sebaliknya mereka bingkas untuk bangkit menghadapi hidup kerana hanya itu sahaja ruang yang terpaksa mereka hadapi. Mereka berjaya dalam hidup berdikari.

Cara membiarkan watak-watak wanita sendirian mengharung hidup tanpa lindungan lelaki merupakan cara gaya Zaharah untuk menonjolkan kegigihan watak-watak wanita kerana dia mencipta watak-watak yang gigih. Mereka digambarkan tidak mengharapkan orang lain untuk mengangkat mereka dari lembah kekecewaan yang didefinisikan sebagai *Cinderella Complex* oleh Colette Dowling (1981: 21). Bagi watak yang mengalami kompleks ini tidak akan mampu berdikari sepenuhnya dalam hidup tanpa dibantu dan diangkat oleh orang lain.

Wanita gigih dan mampu berdikari dijelmakan kepada watak-watak Tijah, Ayu, Ramlah dan Lipah dalam empat buah novel yang dibincangkan ini. Dali suami Tijah terpaksa pergi ke Singapura mengadu nasib setelah ladang mereka terbakar dan ada hutang yang perlu dilunaskan. Dia terpaksa meninggalkan Tijah dan anak kecilnya Dahlia. Walaupun pada mulanya Tijah pulang ke rumah ibu bapanya tetapi dia terpaksa pulang ke ladang semula setelah berlaku sedikit perselisihan. Semasa ketiadaan Dali, Tijah terpaksa berdikari dan merancang hidupnya sendiri dan telah menjalankan pelbagai tugas untuk menampung hidup seperti menjadi orang gaji dan menjual ubi sagat sebelum menumpukan sepenuh masa menanam jagung secara tugal di ladang seluas lima ekar. Semasa bersendirian itu juga pengarang mewujudkan berbagai-bagai halangan untuk mencabar kegigihan dan ketabahan hati wanita muda ini. Tijah pernah diserang oleh sekumpulan monyet dan mendengar suara

harimau tidak jauh dari rumahnya. Tijah tabahkan hati hinggalah Dali pulang. Setelah menyaksikan kejayaan Tijah mengendalikan ladang dengan baik, Dali menyerahkan hak milik ladang itu kepada isterinya dan dia membuka pula tanah yang berdekatan.

Begitu juga watak Ayu dalam *Menuju Puncak* yang mengambil masa yang lebih panjang iaitu mulai Ayu (watak utamanya) terpaksa berkorban dengan berhenti sekolah semasa berada dalam tingkatan dua untuk menjaga adik-adiknya setelah bapanya meninggal dunia hinggalah dia mempunyai dua orang anak dan telah berumahtangga selama 18 tahun. Plot cerita yang berjalan dalam bentuk naratif langsung Ayu kepada dua orang anak perempuannya: Rohana yang cacat dan berumur 15 tahun dan Ida yang berumur 10 tahun. Dengan menggunakan teknik penceritaan orang pertama tumpuan cerita sepenuhnya tertumpu kepada Ayu. Plot cerita bermula apabila Ayu bercerita kepada kedua-dua anak perempuan tentang betapa pentingnya seorang wanita mempunyai semangat kental jika ingin berjaya dalam kehidupan seperti yang dilaluinya sendiri. Ayu bercerita itu untuk memujuk hati anaknya Rohana yang pesimis terhadap hidup dan merasakan itu sebagai penyebab ayahnya meninggalkan keluarga. Untuk memulihkan semangat anaknya, Ayu bercerita tentang kisah pengalaman pahit maung hidupnya sendiri. Dari seorang budak kampung yang membantu seorang tauke restoran, dia telah belajar seni kecantikan dan bekerja di sebuah salun seterusnya berkongsi membuka salun kecantikan. Salun itu ditutup selepas menghadapi masalah kenaikan harga sewa dan penutupan premis. Kegigihan, kejujuran dan ketekunan Ayu menghadapi hidup telah menjalin hubungan baik dengan Mariam yang menjadi kawan kongsi seterusnya sahabatnya. Penonjolan hubungan persaudaraan yang ikhlas antara Ayu dan Mariam merupakan ciri penting meletakkan novel ini memartabatkan kedudukan wanita ke tempat yang tinggi. Kedua-duanya begitu gigih menghadapi pelbagai halangan untuk menjadi usahawan walaupun menghadapi pelbagai masalah. Mariam menghadapi masalah rumahtangga apabila suaminya seorang kaki judi yang mengabaikan rumahtangga. Tetapi berkat kegigihannya dia dapat membina semula kehidupannya dan anak-anak hingga muncul sebagai usahawan yang berjaya.

Ayu juga digambarkan mampu menjaga dua orang anaknya setelah suaminya Onn meninggalkannya kerana tidak dapat menerima takdir anaknya yang sulung itu lumpuh.

Dibandingkan dengan dua buah novel yang telah dibincangkan di atas, karya Zaharah seterusnya iaitu *Pesisir Hitam* membicarakan hidup sebuah keluarga yang setia kepada

Syarikat Penambang Melayu di bandar Teluk. Kehidupan keluarga Alep yang mengandungi isteri dan empat orang anak lebih menyayat hati. Novel yang mengambil latar masa sebelum merdeka ini, jika dibandingkan dengan novel Zaharah yang lain, sangat kurang diperhatikan oleh para pengkaji sastera. Sedangkan novel ini membawa tema ketabahan sebuah keluarga menempuh takdir. Anak-anak pasangan ini terutama yang lelaki digambarkan berbudi pekerti baik, mempunyai sifat kemanusiaan yang tinggi tetapi menghadapi nasib malang. Atan kudung kakinya setelah terlibat dalam satu kemalangan; Buang terbunuh dalam kemalangan apabila perahunya yang membawa kanak-kanak sekolah dilanggar oleh tongkang membawa bijih besi dan Uda pula meninggal dilanggar lori. Peranan Lipah sebagai isteri dan ibu sejak dari awal plot cerita, iaitu setelah Alep suaminya lumpuh, sangat besar. Dia menjual kuih untuk menampung pendapatan keluarga sehinggalah anak-anaknya seorang demi seorang bekerja dengan syarikat penambang itu dan terlibat dalam kecelakaan.

Pengarang menggambarkan kebijaksanaan Lipah untuk menjaga perasaan dan ego suaminya yang lumpuh itu. Lipah yang dilantik menjadi ketua parti politik (tidak dinyatakan dengan jelas namanya) mendapat sokongan dari anaknya Buang yang mengakui ibunya seorang yang bijak seperti petikan di bawah ini:

> Buang menyokong Lipah. Dia mahu ibunya bergiat lebih dari hanya seorang isteri dan penjual kuih. Lagipun Lipah memang bijak berfikir, berbahas dan memberi kesimpulan. Bila bertelagah dengan ayahnya, Buang tahu ibunya mesti menang, walaupun dia tidak meneruskannya kerana tidak mahu mengalahkan ayahnya.
>
> (*Pesisir Hitam*, 1985: 80)

Pembabitan Lipah dalam politik itu tidak berkembang dengan baik kerana terlalu sibuk menghadapi masalah keluarga yang datang silih berganti. Ketenangan hidup tidak lama dikecapi apabila satu demi satu anak lelakinya ditimpa malang dan kemudian suaminya pula meninggal dunia. Watak Lipah sesungguhnya digambarkan wanita yang tabah menghadapi hidup. Hanya terasa pengarang kurang meneroka perasaan hati Lipah ketika menerima nasib malang itu.

Pembabitan wanita dalam politik telah dipaparkan dengan lebih luas dalam novel *Anugerah*. Novel ini mengetengahkan

guru-guru wanita di Johor Bahru menceburkan diri dalam politik atas dorongan semangat cintakan tanah air apabila pemerintahan kolonial Inggeris mahu menjajah sepenuhnya Tanah Melayu dengan mewujudkan Malayan Union pada tahun 1946. Sebagai wanita terpelajar pada zamannya Cikgu Ramlah dan Cikgu Mariam yang berumur awal 30-an turut terpanggil mengambil bahagian sebagai ahli politik yang aktif sepenuhnya dalam perjalanan politik dengan menjadi ahli UMNO. Ramlah pula menjadi setiausaha kepada Ketua Kaum Ibu iaitu Ibu Zain. Sebagai isteri dan ibu, mereka mendapat restu dari pasangan masing-masing. Ramlah mendapat nasib yang lebih baik dan tidak terikat dalam hal mengurus hal ehwal rumahtangga apabila dibantu oleh seorang saudara jauh untuk mengurus rumahtangga. Pengarang secara sedar menyediakan kemudahan ini tidak seperti Lipah yang tidak dapat berbuat demikian. Ini kerana pengarang tidak mahu Ramlah dituduh mengabaikan rumahtangga setelah terpaksa sering bertugas di luar daerah untuk parti.

Seperti watak wanita dalam novel-novelnya yang telah dibincangkan di atas, Ramlah turut menghadapi masalah rumahtangga setelah Hisyam, suaminya terlibat dengan perempuan lain. Malah ketika itulah Hisyam mengabaikan tanggungjawab atas isteri, anak dan emak saudaranya yang membantu mengurus rumahtangga. Ketika itulah Ramlah mengurus perbelanjaan rumahtangga kerana dia mempunyai pendapatan sendiri yang membolehkan dia berdikari dan mempunyai autonomi juga dalam mengurus perbelanjaan rumahtangga. Seperti watak-watak utama Tijah, Ayu dan Lipah, Ramlah berjaya mengharungi hidup ketika suaminya "tidak hadir" dalam rumahtangga. Dari satu segi dapatlah dikatakan Zaharah sengaja memberi ruang untuk wanita-wanita itu berdikari untuk mengurus perjalanan rumahtangga. Di sinilah paparan kegigihan wanita itu teruji. Mereka berjaya merawat kepedihan jiwa telah digambarkan berjaya mengatasi ujian itu.

Walaupun kegigihan wanita cuba ditonjolkan dalam novel-novel yang dihasilkannya tidak pula merendahkan lelaki-lelaki yang ditampilkan. Hanya Zaharah telah memberi ruang yang lebih luas untuk wanitanya muncul sebagai orang yang gigih menghadapi hidup. Ini kerana lelaki-lelaki yang mendampingi wanita-wanita itu terdiri daripada lelaki yang bersikap memahami dan menghargai dan terbuka mindanya menerima kebolehan isterinya. Malah mereka sedar bahawa isteri mereka tidak mengabaikan tugas hakiki sebagai isteri dan ibu dalam rumahtangga yang telah difahami. Dali, Alep dan Hisyam

digambarkan memuji kebolehan isteri masing-masing cekap mengurus rumahtangga dan berkebolehan dalam bidang-bidang yang mereka ceburi. Bagi Lipah, anak-anak lelakinya seperti Atan, Buang dan Uda turut memberi galakan kepadanya bergiat dalam politik dan muncul sebagai anak-anak yang simpati dengan masalah manusia lain, berbudi pekerti mulia yang sekaligus mencerminkan kejayaan dan kemampuan ibu bapa mendidik mereka.

Begitulah caranya Zaharah Nawawi memartabatkan kedudukan watak wanita dalam novel-novelnya selaras dengan ideologi dan gagasannya dalam berkarya yang ingin meletakkan wanita di tempat yang tinggi. Watak-watak itu mempunyai ciri yang tersendiri telah berjuang untuk berdikari sesuai dengan acuan kebiasaan adat dan kehendak agama. Ini bermakna nilai-nilai kewanitaan timur seperti lemah lembut dan setia, terus kekal menjadi pegangan wanita-wanita yang ditampilkan. Ciri-ciri ini meliputi wanita dalam latar masa sebelum merdeka hinggalah dalam era 90-an. Di tangan Zaharah Nawawi masa dan kemodenan tidak menggugat ciri-ciri kewanitaan wanita Melayu yang positif dan tinggi nilainya. Kegigihan wanita-wanita itu mampu menjadi contoh kepada pembaca dan novel-novelnya dapat dijadikan medan untuk wanita-wanita muncul sebagai wanita yang bermartabat.

Bibliografi

Zaharah Nawawi. 1972. *Sebelum Berhujungnya Musim Bunga.* Kuala Lumpur.

Zaharah Nawawi. 1981. *Jalur Sinar di Celah Daun.* Kuala Lumpur: Berita Publishing.

Zaharah Nawawi. 1985. *Pesisir Hitam.* Petaling Jaya: Pustaka Cipta.

_____. 1988. *Panglima Saleh: Selempang Merah.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____. 1990. *Menuju ke Puncak.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____. 1995. *Anugerah.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dowling, Collette. 1981. *The Cinderalla Complex: Woman's Hidden Fear of Independence.* New York: Pocket Books.

A.M. Thani. 1984. *Wawancara Sastera.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad Kamal Abdullah dan Zaiton Ajmain(penyelenggara). 1995. *Jambak 4.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kintanar, Thelma. 1993. *Self and Society in Southeast Asian Fiction: Thematic Explorations in the Twentieth Century Fictions of Five Asean Countries.* Singapore: Institute of SEA Studies.

ROMAN SEJARAH SHAHAROM HUSAIN

PROF DATO' DR HASHIM AWANG

Gagasan

Kebanyakan karya roman sejarah dalam penulisan sejarah kesusasteraan Melayu adalah dihasilkan oleh penulis-penulis guru, baik semenjak zaman sebelum Perang Dunia Kedua mahupun pada awal dekad selepas kemerdekaan tanah air. Di samping mengenali dua tokoh penulis terkenal — Harun Aminurrashid dan Ahmad Bakhtiar — kita juga menemui Shaharom Husain sebagai tokoh terbilang dalam penghasilan karya-karya sastera bercorak demikian: *10 Julai 1511* (1947), *Tun Fatimah* (1948), *Korban Sungai Muar* (1949), *Keris Laksamana Bentan* (1954), *Korban Kuala Kubu Karam* (1955), *Lembing Awang Pulang ke Dayang* (1959), *Bendahara Tepok* (1963), dan *Seri Nara* (1963). Daripada jumlah ini, tiga daripadanya dianggap sebagai amat menarik untuk dilihat sebagai karya paling berhasil dalam menyampaikan amanat kesejarahannya, iaitu *Tun Fatimah, Korban Sungai Muar* dan *Keris Laksamana Bentan.* Di dalamnya tersimpul kemas dan indah dua amanat terpenting yang dapat dirumuskan sebagai berikut: dunia kini dan generasi baru kita harus menyedari bahawa Melayu adalah bangsa yang berdaulat dan bertamadun tinggi; dan juga pembesar serta pahlawan Melayu memiliki maruah, intelek, dan kesateriaan yang tinggi.

Bangsa Berdaulat dan Bertamadun

Salah satu persoalan utama yang sering menjadi garapan terpenting novel-novel sejarah Melayu adalah kedudukan bangsa Melayu sebagai bangsa yang berdaulat dan bertamadun tinggi. Ini dianggap persoalan paling perlu dan paling wajar untuk diungkapkan dalam karya begini oleh kebanyakan pengarangnya. Mereka menegaskan bahawa ini adalah suatu hakikat atau fakta

sejarah yang tidak boleh didolak-dalikkan lagi oleh sesiapa pun. Empayar Melayu yang berpusat di Melaka sesungguhnya wujud dengan penuh kegemilangan dalam kurun ke-14 dan ke-15, dilihat dari aspek-aspek ekonomi, politik, agama, budaya, dan perundangan. Gambaran ini, umpamanya, diberikan dengan jelas dalam karya *Sejarah Melayu*, sebuah karya sastera sejarah yang amat terkenal dan dianggap sebagai salah sebuah karya kanun atau karya agung Melayu. Keturunan raja dari negara tersebut kemudiannya membuka negara-negara kota lainnya di Tanah Melayu, terutama di Johor dan Pahang, yang turut mengalami kegemilangan dalam pemerintahan dan pembangunan. Inilah kemudiannya dicerminkan kembali dalam karya-karya novel sejarah Melayu tadi. Karya-karya Harun Aminurrashid seperti *Sultan Mahmud Shah Melaka*, Penggal I (Zaman Gemilang) dan II (Zaman Kejatuhan) kedua-duanya terbit pada 1967, dan *Peristiwa Laksamana Cheng Ho ke Melaka* (1969); atau juga karya-karya dari A. Samad Ahmad, seorang lagi pengarang novel sejarah Melayu, seumpama *Zaman Gerhana* (1976). Karya kedua-dua penulis ini adalah berlatarbelakangkan zaman kegemilangan empayar Melaka, manakala karya-karya Shaharom Husain lebih banyak berlatarkan kegemilangan kerajaan Melayu di Johor.

Memanglah penerapan latar yang demikian mempunyai matlamat yang mahu dicapai dalam penciptaan masing-masing. Matlamat yang diberikan oleh Shaharom Husain amat jelas dan tegas, seperti yang diperjelaskan dalam *Wajah: Biografi Penulis*, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Edisi II, 1988, pada halaman 560, begini:

> Bahawa masyarakat harus diberi kesedaran tentang kegemilangan kerajaan bangsanya di masa lampau. Dengan jalan demikian, akan membangkitkan semula rasa kebangsaan dan membina semula identiti bangsanya yang hampir tenggelam pada ...

Untuk menepati matlamat dan hasratnya ini lalu terciptalah novel sejarah *Tun Fatimah* (1948). Karya tersebut ditulis untuk menggambarkan keperwiraan seorang serikandi negara Melaka yang berada dalam kecemerlangan. Kerajaan Melaka digambarkan sedemikian rupa dengan penegasan bahawa "Kedaulatan raja, kemerdekaan negara Melaka dan rakyat jelata Melayu masih tetap teguh kekal gemilang. Zaman kemewahan, zaman kemerdekaan dan zaman kebebasan dari pengaruh dan penjajahan asing itu masih tetap terukir dengan tinta emas di lembaran sejarah tanah air yang tercinta. Pantai negara Melaka yang menyimpan sejarah gemilang itu terhias

dengan pohon-pohon kelapa. Nampak indah permai senantiasa menerima hembusan udara sejuk dari tengah segara menyimpan riwayat bangsa." (*Tun Fatimah*, Syarikat Nusantara, Melaka, 1978:1).

Dalam situasi demikianlah dikatakan negara Melayu dapat menegakkan keadaan politik atau pemerintahan yang stabil sehingga rakyatnya sentiasa berada dalam keadaan aman tenteram. Perekonomian selamat, dan seterusnya dapat menarik pedagang-pedagang luar negara untuk turut memperkukuh perekonomian negara Melayu ini. Perekonomian sebegitu rupa memberikan kesan kepada wujudnya pembesaran dan pengukuhan barisan pertahanan dan ketenteraan negara Melayu; keselamatan menjadi lebih terjamin sehingga keagamaan dan kebudayaan dapat terpelihara kedudukannya untuk berkembang dengan lebih maju dan tinggi. Dari keadaan inilah terbentuknya kedaulatan dan ketinggian martabat bangsa Melayu. Maka itulah dalam "Kata Penyimak" bagi karya *Korban Sungai Muar*, cetakan kedua, 1978, pada halaman vii, dicetuskan kata-kata penegasan begini:

> Perkarangan kata-kata yang tersunting di dalam tiap-tiap lembaran cerita *Korban Sungai Muar* atau *Lelehan Darah di Pantai Bentan* ini bukan sahaja sebagai merapatkan rasa cinta kepada alam tarikh kegemilangan Melayu dahulu, tetapi tarikan pemuja semangat Melayu berkembang lantang ialah mengajak semangat mengasihi bangsa dan nusa supaya mengambil keinsafan menjaga keamanan negara seperti yang sedia dari semulajadi dalam jiwa datuk nenek orang Melayu sendiri.

Pembesar dan Pahlawan Melayu

Demikianlah maka dalam ketiga-tiga karya Shaharom Husain tadi turut memaparkan tentang sifat para pembesar dan pahlawan Melayu zaman silam sebagai memiliki maruah, intelek, dan kesateriaan yang tinggi. Mereka bersemangat waja dengan daya ketahanan tinggi yang berteraskan keagamaan mendalam. Mereka rela mati untuk mempertahankan kedaulatan negara, bangsa dan agama. Dalam setiap tindakan atau gerakan, mereka menggunakan fikiran dan akal dengan penuh kebijaksanaan supaya tidak tertipu dan tertewas. Dalam "Kata Penyimak" pada karya yang sama tadi, hal ini turut dipertegaskan oleh pengarang begini:

> Keperwiraan yang berhati tegas dengan kepintaran otak yang waras serta berpemimpin sekata sehati, menjalankan tuntunan negara itu amat terang gambarannya terlukis di sini menandakan orang Melayu sebenar-benarnya ada kesanggupan menentang segenap pancaroba yang mengancam di tanah airnya.

Ini terbukti dalam suatu gambaran yang memperlihatkan keberanian dan keperwiraan seorang Bendahara tua Melaka. Dia ialah Bendahara Paduka Tuan atau Bendahara Lubuk Batu. Semasa Portugis datang menyerang Melaka, dia dengan keras hati meminta supaya dilanggarkan dirinya dengan tentera musuh itu; dia rela terkorban demi membela kedaulatan dan kemerdekaan negaranya Melaka. Ketika hendak menghembuskan nafas terakhirnya dia sempat berpesan kepada perwira-perwira Melayu dalam nada suara yang amat bersemangat dan bermakna, begini :

> ... sudah sampai masanya aku terpaksa beredar ... berkhidmat dan berjasalah kau sebagai seorang muda harapan bangsa ... Berkhidmatlah kau kerana orang ramai. Pimpinlah anak-anak Melayu yang masih berkehendakkan asuhan, membela kedaulatan bangsa, agama dan tanah air. Jangan kau undur setapak pun ke belakang, sebelum kau berjaya. Biar raja bersalah kepada rakyat, tetapi rakyat mestilah menunjukkan taat setianya kepada baginda. Sekarang aku serahkan tanggunganku kepada kau untuk meneruskan perjuangan menentang penceroboh. Jangan disusahkan, tiap-tiap yang hidup akan mati juga sudahnya. Jalan mati lagi dicoba, inikan pula jalan binasa...
>
> (Ibid., hal. 38)

Semangat yang demikian bukan sahaja digambarkan sebagai tersemat di hati para pahlawan Melayu lelaki juga pada pihak serikandi atau para sateria wanita Melayu. Mereka dikatakan memiliki semangat waja keperwiraan yang sama. Dalam novel *Korban Sungai Muar* diwujudkan watak-watak Tun Jah, Tun Munah, dan Tun Asiah untuk dijadikan contoh sebagai serikandi Melayu yang bersifat demikian. Dalam suatu episod yang menjurus sepenuhnya kepada perbualan yang berlaku antara Tun Asiah dengan Tun Jah, kita dapat melihat penegasan penuh keberanian yang tercetus dari lubuk hati Tun Jah

sebagaimana berikut:

> ... sekadar aku berikrar, aku akan tetap berdiri sama-sama di samping kaum bapa dan sanggup berjuang untuk merebut keselamatan kita dalam perkara yang akan kita tempuh di depan sekarang. Sungguhpun kita kaum lemah, tetapi mustahak dari sekarang kita bersatu padu, bekerjasama, bersetia berkhidmat di samping kaum bapa. Mudah-mudahan dengan berkat kerjasama dan perpaduan kita, perjuangan kita akan beroleh kejayaan dengan gilang-gemilang, seterusnya hak Melayu akan pulang ke Melayu dan Melaka akan terserah balik ke tangan kita.
>
> (Ibid., hal. 18).

Ini menjadi lebih jelas lagi dapat dilihat dalam novelnya yang dengan langsung menjurus dan menyeluruh kepada gambaran seorang serikandi negara Melaka. Serikandi tersebut ialah tidak lain daripada tokoh Tun Fatimah yang terkenal dalam karya *Sejarah Melayu*; kisahnya dihidupkan semula oleh Shaharom Husain dalam novel bertajuk *Tun Fatimah*. Tentang penciptaannya itu, pengarang memberikan penjelasan sebagai berikut:

> Dalam tahun 1948, saya menghasilkan novel sejarah *Tun Fatimah*. Novel ini melambangkan keagungan negara dan kerajaan Melayu Melaka ... Buku ini memperlihatkan keperwiraan seorang serikandi tanah air (Melaka) iaitu Tun Fatimah yang turut memperjuangkan keselamatan Melaka dari angkara yang dilakukan oleh tali barut Portugis dan kapitalis asing hingga berlaku rasuah, mementingkan kekayaan diri; haloba dan berpuak-puak, sementara rakyat tinggal dalam kemiskinan. Seks dan fitnah berlaku di kalangan atasan. Maksud yang tersirat adalah menarik perhatian kaum wanita Melayu agar bangkit berganding bahu dengan kaum lelaki berjuang untuk menegakkan kebenaran dan keadilan dalam menuju kemerdekaan tanah air.

(Shaharom Husain, "Saya, Johor dan Malaysia — Satu Pengalaman dalam Dunia Penulisan dan Perjuangan Kebangsaan," dlm. Tradisi Johor — Riau: Kertas Kerja Hari Sastera 1983, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1987; hal. 297).

Demikianlah maka Tun Fatimah digambarkan sebagai wanita Melayu yang unggul. Dia merupakan isteri yang bukan sahaja jelita juga pengasih, setia dan tetap bertanggungjawab terhadap suaminya Sultan Mahmud Syah walaupun sultan ini pernah membunuh kaum keluarganya, termasuk suami

pertamanya sendiri Tun Ali. Dia tabah menghadapi dugaan dan permasalahan hidup seumpama ini; dia pula tidak bersifat kebendaan dan mementingkan diri sendiri. Yang lebih diutamakan adalah kesejahteraan suaminya dan rakyat Melaka, kestabilan negara dan keteguhan agama. Dalam dirinya pun tertanam sifat keperwiraan yang mendalam, yang diwarisi dari darah ayahandanya Bendahara Seri Maharaja yang amat terkenal itu. Begini gambaran pengarang tentang tokoh serikandi Tun Fatimah:

> Wajah Tun Fatimah dari sehari mulai terbayang dengan sifat-sifat kejelitaannya yang semula jadi. Bersambut pula dengan memancarkan cahaya kepahlawanan yang handal bagi menetapkan dan menggirangkan hati ayahandanya.

Sungguhpun Tun Fatimah hanya terdiri dari seorang kaum perempuan, tetapi kebolehan dan kelayakannya sanggup memikul beban kewajiban yang amat besar terhadap kehormatan negara dan Kerajaan Melayu Melaka yang hampir-hampir layu dan runtuh itu.

> *Wajah yang bersinar-sinar membayangkan kepuasan hati Bendahara Seri Maharaja telah nyata. Yaitu memandang kepada ketabahan hati dan kesempurnaan sifat perangai yang menghiasi diri puterinya Tun Fatimah. Yaitu tanda yang menunjukkan puterinya itulah yang boleh diharap untuk menahan benteng keselamatan negara dan kerajaan. Juga pembela keselamatan dan maruah kebesaran dirinya di masa akan datang.*
>
> (*Tun Fatimah*, hal. 4)

> *Dan yang paling penting hendak diperlihatkan pengarang tentang tokoh serikandi ini adalah keberaniannya untuk turut terlibat dalam peperangan — sama seperti golongan lelaki — untuk bersama-sama menentang musuh demi mempertahankan maruah nusa, agama, dan bangsanya. Pengarang ingin menunjukkan kepada dunia umumnya tentang semangat keberanian wanita Melayu — yang dilambangkan oleh tokoh tersebut — yang patut dicontohi oleh masyarakat kini. Demikianlah, sebagai kesimpulan, pengarang menegaskan bahawa "... Tun Fatimah seorang perempuan Melayu tidak boleh dipermudah-mudahkan. Jiwa satria yang ada pada*

dirinya telah memaksa ia berjuang untuk meleburkan musuh-musuhnya yang cuba hendak menceroboh dan menjajah negaranya."

(Ibid., hal. 18)

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan dapatlah dipertegaskan bahawa pertama, Shaharom Husain adalah seorang sasterawan-sejarawan yang menggunakan ketajaman mata penanya yang terhasil dalam bentuk novel sejarah untuk melihat kembali kegemilangan sejarah nusa dan bangsanya, terutama Johor dalam hubungannya dengan kedaulatan dan kesultanan negara Melaka. Kedua, karya-karyanya itu lebih mengutamakan perutusan daripada keindahan, iaitu perutusan untuk dunia umum dan generasi baru bangsanya supaya mengenali perjalanan sejarah bangsa Melayu yang mempunyai maruah, tamadun, agama dan negara berdaulat. Ketiga, sejarah dapat menjadi bahan yang amat baik dan hidup untuk dituangkan ke dalam bentuk novel sejarah; ia mengutamakan kebenaran di samping dapat melahirkan keaslian dan pembaharuan. Keempat, bahan-bahan sejarah adalah perlakuan dan peristiwa yang pernah terjadi atau berlaku kerana itu ia dapat ditulis semula untuk tujuan-tujuan memberikan pemikiran dan pengajaran.

SEROJA MASIH DI KOLAM ADIBAH AMIN: PENEMUAN DIRI DAN PROSES TRANSFORMASI

DR UNGKU MAIMUNAH MOHD TAHIR

Mukadimah

Seroja Masih Di kolam (seterusnya *SMDK*) (1968) hasil nukilan Adibah Amin adalah antara novel yang dihasilkan oleh penulis wanita yang dalam konteks sastera Melayu moden memang tidak seberapa jumlahnya jika dibandingkan dengan penulis lelaki. Tetapi terlepas daripada pertimbangan soal jantina, novel ini penting kerana persoalan yang digarap dan tema yang dikemukakan. Soal jati diri Melayu yang kian terhakis lantaran pengaruh asing khususnya Barat serta cabaran yang bertubi-tubi dan mendera itu, bukan sahaja relevan bagi dekad 60-an, malah juga bagi konteks sekarang. Pengamatan ini diperkukuh apabila kita melihat resepsi kritik terhadap karya ini. Rata-rata karya ini dianggap sebagai karya yang serius dan merupakan sumbangan positif kepada khazanah sastera tanah air dan wajar dibanggakan. Ia juga menuntut kajian yang adil dan saksama. Kertas kerja ini ingin meneliti pengungkapan persoalan ini dalam novel tersebut.

Jati Diri dan Proses Transformasi

Novel ini ditulis pada tahun 1968, iaitu dekad yang cukup bergolak dari segi politik bahasa Melayu. Justeru diingat menurut Fasal 152 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957, antara lain, bahasa Melayu akan menjadi bahasa kebangsaan negara dengan sepenuhnya pada tahun 1967, iaitu 10 tahun selepas merdeka. Namun menjelangnya 1967 tidak membawa pelaksanaan artikel tersebut seperti yang diharapkan. Bahasa Inggeris terus digunakan untuk tujuan rasmi dengan kebenaran

Yang di-Pertuan Agong. Begitu juga terjemahan dokumen rasmi ke bahasa lain juga diperbolehkan. Orang Melayu merasakan bahawa janji untuk mendaulatkan bahasa mereka tidak ditepati dan rasa terkilan dan kecewa mencirikan persolan bahasa dekad tersebut. Sehubungan dengan ini sayugia diingat bagi orang Melayu soal bahasa dan budaya adalah juga soal maruah bangsa Melayu. Justeru itu rasa kecewa tentang bahasa Melayu ini juga melimpah kepada soal sastera, budaya dan bangsa Melayu secara keseluruhannya.

Tidak kurang pentingnya ialah dekad ini juga menyaksikan buat pertama kalinya pengiktirafan pelajaran Melayu di tahap universiti. Ini bererti buat pertama kalinya pelajar Melayu yang berpelajaran Melayu diterima masuk ke universiti. Dengan kata lain, dalam perkembangan bahasa Melayu, dekad ini memang bersejarah dan mencabar.

Seperti yang diketahui umum latar belakang Adibah Amin juga jelas menunjukkan minat dan komitmennya kepada bahasa dan sastera Melayu. Selain karya kreatif, beliau juga terkenal sebagai wartawan yang cukup berwibawa dan kolumnya "As I Was Passing" mendapat sambutan hangat dari para pembaca. Tulisannya mengenai bahasa dan sastera Melayu dan perkara-perkara yang berkaitan denganya sering menghiasi dada akhbar selain kolum tetapnya. Begitu juga beliau pernah menjadi penasihat editorial majalah *Jelita*. Di samping media cetak, Adibah juga menulis drama untuk radio. Tulisan beliau mendapat banyak penghargaan dari dalam dan luar negara termasuklah *Sea Write Award*. Sesungguhnya nama beliau tidak asing lagi dalam arena penulisan dan komitmennya terhadap mendaulatkan bahasa Melayu tidak pernah dipertikaikan.

Berlatarbelakangkan konteks dekad 60-an yang memang bergolak dan disambut pula dengan keprihatinan Adibah sendiri terhadap soal bahasa dan sastera Melayu, maka tidak hairanlah apabila *SMDK* menggarap soal bahasa, sastera serta budaya Melayu sebagai persoalan yang ketara dalam novel ini. Soal perjuangan bahasa ini dapat dilihat melalui perjuangan Ridhwan yang digambarkan sebagai watak aktivis bahasa dan budaya Melayu yang cukup gigih dan komited. Malah melalui kumpulan Ridhwan dan rakan-rakannya yang terdiri daripada mereka yang berpelajaran Melayu dan juga Inggeris, *SMDK* memperlihatkan krisis sengit yang terjadi apabila usul memulakan tabung derma khas untuk memajukan pelajaran jurusan kebangsaan diajukan. Melalui kumpulan kecil ini telah diperlihatkan secara mikro betapa sensitif dan bahayanya soal bahasa dan potensinya untuk meletus dan seterusnya

memecahbelahkan kumpulan. Bagi Ridhwan sendiri saat genting itu amat berbahaya dan mengerikan.

Namun lebih daripada itu dan seperti yang dikatakan di atas, bagi orang Melayu soal bahasa itu ialah soal maruah dan harga diri Melayu. Justeru itu bersulamkan soal bahasa ini, *SMDK* menyelongkari soal warisan budaya dan jati diri. Cereka ini mengisahkan seorang wanita muda Nur Diana yang selesa dengan budaya asing dan seterusnya menemu dan kembali kepada budayanya sendiri. Ia melakarkan satu perjalanan penemuan diri dan proses transformasi yang berkait rapat dengan perjalanan tersebut.

Tema penemuan diri ini diserlahkan melalui pelbagai cara. Antara yang paling ketara ialah penggunaan jukstaposisi atau pensederetan. Dalam *SMDK* Adibah telah menderetkan atau membariskan dua kumpulan besar yang jelas berbeza guna untuk menyerlahkan dengan cara dramatik pertentangan nilai yang mereka masing-masing wakili atau gambarkan. Pada satu pihak ialah keluarga Encik Jalal dan kawan yang sehaluan dengan mereka termasuklah Rusli tunang Nur Diana. Kumpulan ini bernaung di bawah budaya Barat, dan rata-rata dicirikan oleh pelajaran Inggeris, kebanggaan pada perkara- perkara yang dikaitkan dengan Inggeris atau Barat dan memperlihatkan gaya hidup yang menyenangi cara Barat atau kebarat-baratan. Pada pihak yang satu lagi pula ialah Ridhwan dan kawan-kawannya serta pembantu rumah Encik Jalal serta keluarganya yang rata-rata dicirikan oleh pelajaran Melayu dan gaya hidup yang bertunjangkan warisan budaya sendiri. Apa yang jelas di sini ialah betapa jauh berbezanya kedua-dua kumpulan ini, dan sehubungan dengan itu ialah keyakinan dan pegangan yang menjadi teras hidup masing-masing.

Pertentangan nilai ini diperhalusi melalui dua watak yang berkait rapat dengan Nur Diana iaitu Rusli dan Ridhwan. Sebagai mewakili kumpulan pertama, Rusli adalah anak muda yang berpelajaran Inggeris, menjawat jawatan pengawai kerajaan, iaitu kerjaya yang sering dikaitkan dengan orang Melayu yang berpelajaran Inggeris dan menyenangi cara hidup yang dikaitkan dengan Barat seperti pergi *party*, berdansa, minum minuman keras dan bergaul bebas dengan wanita bukan muhrimnya. Ridhwan pula sebagai mewakili kumpulan kedua, adalah anak muda yang berpelajaran Melayu, mempunyai kaitan kuat dengan kampung tempat asal usulnya, sangat prihatin kepada soal warisan budayanya seperti yang digambarkan melalui keterlibatannya yang aktif dengan kegiatan bahasa dan sastera Melayu serta merelakan bagi dirinya hanya cinta luhur yang

bererti bersama wanita yang dicintai. Seterusnya sepanjang cerita ini, jurang antara dua kumpulan ini dan yang lebih penting lagi nilai yang mereka wakili tidak pernah dikaburkan.

Berlatarbelakangkan skema nilai seperti ini, *SMDK* menyerlahkan proses tranformasi Nur Diana. Pada awal cerita Nur Diana ditempatkan dengan kukuhnya dalam kumpulan pertama. Secara fizikal ini jelas pada baju yang dipakainya, dandanan rambut yang disenanginya, kereta, rumah mewah, perabot mahal dan sebagainya yang menjadi sebahagian daripada hidupnya. Seterusnya, Nur Diana dibekalkan dengan pelajaran Inggeris, sangat gemar dengan lagu klasik Barat serta mempunyai sikap yang dingin terhadap warisan sasteranya sendiri tetapi cukup mesra dengan warisan sastera Inggeris. Ini jelas pada prestasi peperiksaannya di mana Nur Diana gagal dalam mata pelajaran bahasa dan sastera Melayu tetapi berjaya dengan cemerlangnya dalam mata pelajaran bahasa dan sastera Inggeris. Sehubungan dengan ini juga Nur Diana tidak berminat untuk mengulangi peperiksaan dalam mata pelajaran bahasa dan sastera Melayu. Dengan kata lain, di awal cerita Nur Diana begitu asing dengan budayanya sendiri tetapi cukup mesra dan amat menghayati etos Barat.

Dari permulaan yang demikianlah perjalanan penemuan diri Nur Diana dilancarkan. Dan perjalanan ini sejajar dengan perkembangan novel. Seterusnya proses transformasi Nur Diana berlaku apabila beliau terpaksa berhadapan dengan situasi-situasi yang menggugat pegangannya selama ini khususnya pegangan tentang kewajaran etos Barat yang diamali dan dihayatinya. Pada waktu yang sama juga Nur Diana terpaksa menilai semula warisan budayanya sendiri yang selama ini dijauhinya. Dan turut memainkan peranan penting dalam proses transformasi. diri Nur Diana ini ialah Rusli dan Ridhwan, dua watak yang mewakili dua kutub nilai yang berbeza, seperti yang dijelaskan di atas.

Dalam perjalanan penemuan diri Nur Diana ini, persimpangan jalan yang pertama yang disediakan oleh *SMDK* ialah apabila Nur Diana berhadapan dengan dua majlis iaitu drama yang dipentaskan oleh Ridhwan dan rakan-rakannya dan *party* Zul, teman Rusli. Dalam perkembangan novel ini, Nur Diana akhirnya memilih dan seterusnya menghadiri drama Ridhwan. Dengan menderetkan dua majlis ini, *SMDK* dapat memanfaatkan teknik ini untuk menyerlahkan proses transformasi diri protagonis ini. Kedua-dua majlis ini jelas berbeza: *party* Zul digambarkan sebagai satu *party* liar di mana minuman keras dan pergaulan bebas lelaki perempuan diterima

sebagai keseronokan diri yang wajar dikecapi tanpa apologi oleh anak-anak muda. Sebaliknya, drama Ridhwan pula digambarkan sebagai suatu majlis sopan yang menitikberatkan suatu isu sosial yang melampaui keseronokan individu.

Begitu juga, kedua majlis ini menyerlahkan dengan jelasnya peribadi kedua-dua watak yang terlibat secara rapat dengan Nur Diana. Melalui *party* Zul, *SMDK* mendedahkan tembelang Rusli sebagai pemuda yang rakus, tidak teragak-agak menipu untuk kepentingan diri, tidak jujur pada janji dan tidak menghargai perasaan serta kasih sayang seorang tunang. Dengan kata lain, Rusli digambarkan sebagai pemuda yang bermoral rendah. Bertentangan dengan Rusli, melalui majlis drama yang dipentaskannya Ridhwan digambarkan sebagai seorang pemuda yang sensitif, berjiwa besar dan prihatin kepada nasib bangsanya.

Pilihan Nur Diana, iaitu menghadiri majlis drama Ridhwan, merupakan petanda arah yang bakal ditujunya. Ini diperkukuh lagi apabila setelah menonton drama tersebut dia membuat keputusan untuk mengambil semula peperikssan bahasa dan sastera Melayu, iaitu keputusan yang sebelum ini tidak dapat dipengaruhi malah oleh ayahnya sendiri. Dengan ini secara automatis Ridhwan muncul sebagai calon tutornya. Ini dengan sendirinya memberi laluan bagi Ridhwan untuk menghampiri Nur Diana dan memainkan peranan yang lebih *significant* lagi. Dari segi struktur, *SMDK* telah menentukan serta memasukkan agen perubahan yang bakal membantu proses transformasi Nur Diana.

Juga berfungsi sebagai petanda arah dalam perjalanan menemu diri Nur Diana ialah perasaan sedih yang dirasai Nur Diana apabila melihat Ridhwan berbual mesra dengan wirawati utama dramanya. Walaupun pada tahap ini perasaan ini belum jelas lagi dalam diri Nur Diana, tetapi suasana membantu untuk menjinakkan pembaca dengan kemungkinan-kemungkinan pilihan yang bakal dibuat oleh Nur Diana nanti. Namun lebih ketara lagi sebagai petanda arah dalam perjalanan menemu dirinya ini ialah drama Ridhwan itu sendiri. Drama tersebut yang mengisahkan wanita berpelajaran Inggeris yang dingin terhadap budayanya dan kemudian berhadapan dengan pemuda miskin yang mengabdikan hidupnya kepada budaya bangsanya adalah cerminan tepat situasi Nur Diana sendiri. Bahawa Nur Diana berasa begitu terkesan dan akhirnya menginsafi kejujuran perjuangan pemuda itu memberi bayangan yang jelas tentang arah tuju perjalanan Nur Diana serta kecenderungan dan simpati beliau seterusnya.

Dalam menyajikan pergelutan Nur Diana menemukan dirinya *SMDK* begitu berhati-hati membina watak Nur Diana. Dalam banyak hal pengarangnya berusaha agar simpati pembaca terhadap Nur Diana dapat dikekalkan dari mula hingga akhir. Ini lebih-lebih lagi perlu dipastikan lantaran Nur Diana pada awal cerita dikaitkan dengan kumpulan pertama yang meyenangi Barat, iaitu kumpulan yang novel ini sendiri secara sedar dan sengaja mengajukan dengan gambaran yang jelek yang diperkira akan menimbulkan kebencian pembaca. Apabila Nur Diana dikaitkan dengan kumpulan ini (pada awal cerita), usaha untuk menentukan Nur Diana tidak akan sama-sama terpalit dengan gambaran jelek dilakukan dengan berbagai-bagai cara. Pertama, Nur Diana digambarkan sebagai wanita muda yang manja, penyayang dan pandai menghambat hati orang lain. Begitu juga, tidak seperti ibunya yang hidung tinggi, Nur Diana tidak terbawa-bawa dengan kekayaan keluarganya. Ini jelas diperlihatkan melalui pergaulannya dengan Hayati, saudara dua pupunya yang miskin yang menumpang di rumahnya. Pergaulan mereka mesra dan Nur Diana menganggap Hayati sebagai adiknya. Lebih daripada itu ialah rasa terkilan dan berontak Nur Diana terhadap sikap ibunya yang mengasingkan Hayati dari meja makan keluarga. Begitu juga Nur Diana tidak menyenangi kepura-puraan yang berlaku setiap kali Ridhwan berkunjung dan keluarga Jalal makan bersama-sama saudara miskin mereka seolah-olah itu adalah amalan biasa keluarga tersebut.

Selain itu, pembinaan watak Nur Diana juga "dijagai" dengan cara lain. Sekali lagi melalui teknik jukstaposisi, Nur Diana dapat dibandingkan dengan wanita-wanita lain yang diburu Rusli seperti Latifah, Sarinah dan sebagainya. Latifah, unpamanya, digambarkan sebagai seorang wanita yang secara sedar dan sengaja menggunakan kecantikannya untuk berfoya-foya, mendapatkan wang dari teman lelaki, menagih simpati ketua pejabat sehingga sanggup menjadi suami dan pelindungnya. Seterusnya, sebagai perbandingan Nur Diana ialah watak-watak wanita yang ditemui di *party* Zul dan juga teman-teman wanita Rusli yang lain, yang lebih berani daripada Latifah dan tidak keberatan memberi dan menerima kepuasan. Berbanding dengan wanita-wanita ini, Nur Diana digambarkan sebagai wanita suci dan luhur yang tidak sedar akan kecantikan dan daya tarikannya, jauh sekali menggunakannya untuk kepentingan sendiri. Umpamanya, apabila berkelah dengan Rusli di tepi pantai, tindak laku Nur Diana bersahaja dan tidak memperlihatkan kesedaran mahupun

keinginannya untuk menjalin hubungan yang terkeluar dari batas-batas susila dan agama. Malah bagi Rusli yang berpengalaman itu, malam pengantinnya dengan Nur Diana akan diperindahkan dengan tanggungjawab manisnya untuk "menyedarkan" Diana. Apa yang jelas dari teknik perwatakan seperti ini ialah gambaran seorang wanita yang cantik, suci dan luhur, hatta terpesona dengan budaya Barat.

Bertolak dari perwatakan Nur Diana yang telah "diperakukan" oleh novel ini pada beberapa tahap, dan berbekalkan petanda- petanda tentang arah yang bakal diambil dalam perjalanan menemui dirinya, novel ini seterusnya maju untuk memperkukuh transformasi protagonis ini. Umpamanya, dengan bantuan Ridhwan yang mengajarnya tentang sastera Melayu dan juga usaha-usahanya melibatkan Nur Diana dalam kegiatan bahasa dan sastera Melayu yang diceburinya sendiri, Nur Diana semakin jinak dengan khazanah sasteranya sendiri. Tidak setakat itu sahaja, Nur Diana juga telah mula menikmati keindahan pusaka ini, mencintainya dan seterusnya menjadikannya sebagai sebahagian daripada warisannya selaku gadis Melayu. Begitu juga pertemuan yang kerap kerana pelajaran sastera itu telah merapatkan hubungan Nur Diana dengan Ridhwan. Ini ditambah dengan perasaan gelisah yang melanda Nur Diana apabila mereka tidak bertemu dan rasa bahagia dan terubatnya rindu apabila akhirnya mereka berjumpa.

Sehubungan dengan ini, perkembangan-perkembangan tersebut pula disejajarkan dengan perkembangan lain yang berlaku pada diri Rusli dan juga diri Nur Diana dalam hubungannya dengan Rusli. Umpamanya, perasaan gelisah dan rindu yang mencirikan perhubungannya dengan Ridhwan jelas tidak hadir dalam perhubungannya dengan Rusli, hatta antara mereka sudah ada perjanjian untuk mendirikan rumah tangga. Ini ditambah pula dengan pendedahan novel terhadap kelakuan Rusli, khususnya tentang pergaulan bebasnya dengan wanita-wanita lain. Malah kegiatan Rusli ini juga diketahui oleh Nur Diana sehingga mendorongnya untuk menilai semula perhubungannya dengan Rusli. Semakin ternyata jeleknya kelakuan Rusli, novel secara sejajar menyerlahkan pula kebaikan kelakuan Ridhwan. Sehubungan dengan ini perasaan Nur Diana juga mengalami perubahan iaitu rasa hormat yang kian bertambah terhadap Ridhwan di samping kesedaran akan tabiat sebenar Rusli dan rasa tawar terhadap perhubungan dengannya. Melalui perasaan Nur Diana terhadap dua watak ini yang mewakili dua kubu nilai yang berasingan seperti yang

dijelaskan pada awal perbincagan ini, penemuan diri dan transformasi Nur Diana menjadi lebih nyata.

Tidak kurang pentingnya sebagai penyataan transformasi ini ialah peristiwa lawatan Nur Diana, Ridhwan dan Hayati ke rumah anak pembantu rumahnya di kampung. Tidak seperti Ridhwan yang memang berasal dari kampung, Nur Diana ialah anak bandar yang tidak mengenal cara hidup kampung. Sehubungan dengan ini, Nur Diana telah memeranjatkan orang lain apabila dia secara sukarela menawarkan diri untuk membuat sambal dan menolong menyediakan makanan untuk dimakan bersama. Memandangkan Nur Diana memang tidak suka kerja rumah khususnya memasak, tawarannya menolong itu amat bererti sebagai kesediaannya untuk menyesuaikan diri dengan budaya kampung yang dikaitkan dengan Ridhwan. Sebagai lanjutan dari ini, ini juga menunjukkan transformasi Nur Diana yang kini sedia menerima budayanya sendiri.

Namun kemuncak transformasi Nur Diana diperlihatkan pada akhir cerita dalam majlis makan malam kawan sekerja ayahnya. Secara tampak atau visual perubahan Nur Diana diperlihatkan melalui pakaiannya iaitu kebaya belah dan selendang sutera, pakaian warisan budayanya sendiri. Ini jauh berbeza daripada pakaiannya yang ala Barat pada awal cerita. Lebih daripada itu ialah peranan Nur Diana dalam majlis tersebut. Dalam majlis yang memang ala Barat itu, Nur Diana tidak lagi menjadi peserta yang aktif seperti kebiasaannya pada majlis serupa itu, tetapi lebih merupakan pemerhati yang objektif. Dan pengamatan Nur Diana membuahkan beberapa kesimpulan tentang majlis serupa itu dan mereka yang menyenangi dan mendokong budaya tersebut. Apa yang jelas pada Nur Diana ialah kepura-puraan mereka yang menghadiri majlis tersebut khususnya orang sebangsa dengannya yang berusaha keras untuk mendakap budaya Barat dengan sepenuhnya. Ini secara automatis memberi kesedaran kepada Nur Diana akan kepalsuan dan juga kekosongan budaya Barat itu bagi mereka yang bukan pewaris sah budaya tersebut. Di samping itu juga majlis ini menjelaskan kepada Nur Diana betapa kayanya budayanya sendiri yang tidak kurang daripada budaya asing itu dan betapa cocoknya budaya ini bagi peribadinya selaku orang Melayu Timur.

Sehubungan dengan kesedaran baru ini, Nur Diana membuat satu keputusan tegas memutuskan hubungannya dengan Rusli. Nilai keputusan ini dalam konteks proses transformasi Nur Diana haruslah difahami dari segi soal

"maruah" Nur Diana lantaran pertunangan terputus, hatta ini adalah pilihannya sendiri. Memandangkan "aib" yang bakal dialami Nur Diana, maka keputusan ini memperlihatkan betapa yakinnya dia akan kewajaran keputusan tersebut. Ini bererti Nur Diana telah pasti bahawa Rusli dan nilai yang diwakilinya tidak lagi sesuai baginya dan perlu disingkirkan. Sejajar dengan ini juga ialah kesedaran betapa peribadinya berakar umbi pada warisan budayanya sendiri.

Seterusnya cerita diakhiri dengan perbualan telefon antara Nur Diana dan Ridhwan. Dalam perbualan tersebut Nur Diana secara tegas mengakui telah menemui "akarnya sendiri". Perbualan tersebut juga membayangkan perhubungan romantis antara Nur Diana dan Ridhwan, hatta perhubungan tersebut terkeluar dari naratif yang ada. Dalam memperakukan transformasi Nur Diana ini, SMDK menjelaskan bahawa perubahannya bukan kerana Rusli maupun kerana Ridhwan. Ia adalah proses kesedaran Nur Diana sendiri dan merupakan pilihan yang bertunjangkan keyakinannya terhadap budayanya sendiri. Ini menunjukkan kekuatan yang diperlihatkan dalam proses transformasi ini datangnya dari Nur Diana sendiri dan bukan dari orang lain. Kehadiran Ridhwan dan hubungan romantis mereka bukanlah penyebab perubahan Nur Diana tetapi dapat dilihat sebagai penyempurnaan transformasi tersebut. Sesungguhnya perjalanan Nur Diana untuk menemukan dirinya tidaklah sunyi daripada kegetiran dan pengorbanan. Begitu juga ganjarannya sungguh bererti apabila dia dapat berpegang pada keyakinan warisannya sendiri dan tidak perlu menumpang pada keyakinan budaya orang lain.

Kata Penutup

Dilahirkan pada tahun 1968, novel SMDK menemui pembacanya pada dekad yang memang bergolak dengan soal bahasa, sastera dan budaya Melayu. *SMDK* memperlihatkan keprihatinan kepada persoalan yang sensitif ini, dan ertinya kepada mereka yang mencintai dan memperjuangkannya. Begitu juga dengan memanfaatkan isu bahasa dan sastera Melayu ini, *SMDK* menonjolkan persoalan yang lebih luas lagi iaitu soal jati diri, maruah dan harga diri. Ini sangat relevan bagi sebuah negara yang pernah ditakluki penjajah dan pada dekad 60-an setelah lebih daripada 10 tahun merdeka masih menanggung kesan penjajahan tersebut khususnya dari segi budayanya. Sesungguhnya persoalan ini masih relevan hingga sekarang. Sehubungan dengan itu *SMDK* dengan

tegas memperakukan peri pentingnya menemukan peribadi sendiri justeru merasakan keyakinan yang ampuh dan tulen apabila jati diri itu bertaut pada akar umbi sendiri.

Nota

Makalah ini telah memanfaatkan makalah saya "Women Novelists In Modern Malay Literature", Kintanar, T et al (eds). *Emergent Voices: Southeast Asian Women Novelists*, University of the Phillipines Press, 1994.

SHAHAROM HUSAIN DRAMATIS JOHOR:
SUATU PENELITIAN PASCAMODENISME

PROF MADYA DR A RAHMAN HANAFIAH

Johor harus berbangga dengan puteranya yang bernama Shaharom Husain yang telah mencatat sejarah pelopor drama moden. Di tengah-tengah tuntutan khalayak yang sedang disemarakkan oleh semangat nasionalisme, mendapati bahawa bangsawan yang sedia gering pada tahun 40-an itu tidak perlu disembuhkan lagi, sebaliknya memerlukan suatu bentuk drama yang baru yang sesuai dengan jiwa kemerdekaan. Dan Shaharom Husain dengan dramanya "Lawyer Dahlan" telah memenuhi tuntutan itu. Setelah zaman Jepun berakhir dan semangat patriotik semakin menggejala, Shaharom Husain terus menghasilkan sebuah demi sebuah dramanya, yang kesemuanya sebanyak 16 buah (1991). "Keris Laksamana Bentan" dan "Si Bongkok Tanjung Puteri" adalah antara dramanya yang terpenting dan hingga kini masih dianggap teks sui generis atau kanun. Malah drama "Si Bongkok Tanjung Puteri" diterima sebagai drama terbaiknya dan digelar sebagai subteks Shaharom Husain.

Kenyataan di atas bukanlah sesuatu yang baru. Keperihalan Shaharom Husain sebagai pelopor drama dan memperkenalkan istilah sandiwara, dan drama sejarah telah tercatat. Teks-teks dramanya dikaji dan dianalisis terus menerus di sekolah menengah dan di yayasan pengajian tinggi. Sandiwara adalah genre dan nama zaman yang diberikan kepada teks-teks drama yang dihasilkan sebelum zaman realisme 60-an, yang kebanyakannya merujuk teks-teks Shaharom Husain. Dan drama sejarah pula adalah salah sebuah corak yang dominan dalam zaman itu, yang lainnya ialah teks prarealisme dan purbawara. Ketokohan penulis Shaharom Husain telah mengundang berpuluh-puluh latihan ilmiah dan buku-buku penelitian drama yang membincangkan tentang dramatis unggul ini. Dalam tulisan-tulisan yang saya lakukan, saya namakan beliau sebagai

Shakespeare Malaysia. Bukan sahaja kejayaannya mencipta struktur drama sejarah, tetapi teks-teks dramanya menjadi hipogram dan selalu dilakukan revisionisme dan afrodesiatik.

Sesuai dengan kemunculan teori sastera baru atau pascastrukturalisme dan kita pun kini berada di ambang dunia global dan pascamoden, kertas kerja ini berhasrat untuk meninjau atau menganalisis beberapa teks pilihan Shaharom Husain yang dianggap sebagai subteks dengan mengaplikasikan pendekatan pascamodenisme itu. Tinjauan ini saya jajarkan tentang betapa teks-teks Shakespeare, Brecht, Moliere dan lain-lainnya telah disorot daripada kaca mata dunia pandangan baru itu.

Sejarah mendapat makna di tangan Shaharom Husain. Meskipun penulis ini memulakan pengerjaan teksnya "Lawyer Dahlan" dengan gaya realistik, tetapi kemudian beliau mendapat kekuasaan dan kekuatan daripada subjek sejarah, mencari kebenaran fakta dengan melakukan penyelidikan adalah usaha seorang penulis yang waktu itu amat sedar bahawa sejarah boleh menyedarkan anak bangsa. Foucault melihat kebangkitan seseorang itu, terutamanya pengarang kerana kekuasaan dan kekuatan pengetahuannya yang membincangkan bagaimana unsur sejarah dapat dihidupkan semula untuk tujuan mengunggulkan budaya bangsanya. Pandangannya itu dimantapkannya dengan membina teorinya yang dinamakan afrodesia (1984). Saya berpandangan teori afrodesia itu sendiri sudah mengalir dalam darah dan jiwa penulis ini, dan cair dalam strukturalisme dramanya, jauh sebelum Foucault menemukan teorinya.

Dengan pembentukan strukturalisme drama dan pengetahuan perjalanan bangsa Melayu masa silam, beliau telah berhasil mencipta sejarah sebagai genre drama. Drama sejarah itu bukan sahaja sinonim dengan Shaharom Husain, tetapi beliau telah berhasil mencipta seperti apa yang sering dinyatakan oleh Ltotard sebagai *great narrative* (1987:35-36). Dan dengan berhasilnya sifat-sifat naratif dan stail serta mekanisme penciptaan teks Shaharom Husain sekaligus beliau berjaya pula mencipta beberapa watak protagonis yang selari dengan drama sejarah iaitu watak-watak hero atau wira dengan pahlawan-pahlawan yang membawa konsep kewiraannya. Watak Laksamana Bentan dan watak Si Bongkok adalah wira ciptaan Shaharom Husain yang telah mencapai taraf *great hero*. Kedua-dua wira itu mempunyai paralelisme dengan Jebat, sebuah watak yang dominan dan konsep kewiraan dalam sejarah sastera moden Malaysia. Meskipun ada unsur-unsur paranoid dan fobia agroris

dalam kedua-dua watak ciptaan Shaharom Husain, tetapi segala tekanan kejiwaan itu telah diseimbangkan dengan akliahnya. Perjuangan kedua-duanya mengalami tragisnya - *tragic hero* - tetapi perjuangan mereka berjaya. Semangat juangnya menembusi dan memecahkan kekebalan tembok feudalisme, dan ia selari dengan tuntutan teks drama sejarah seperti yang dihasilkan oleh Brecht melalui epik-epiknya dengan konsep *verfremdungseffekt* yang menggunakan teknik alienasi itu (Wright, Elizabeth, 1989:35-36).

'Keris Laksamana Bentan' yang mengemukakan revolusiner protagonis Laksamana Bentan, telah ditulis pada tahun 1940. Sistem fuedalisme mendapat tentangan dan raja yang zalim seperti Sultan Mahmud Syah II telah dibunuh, suatu tragedi dalam sistem beraja di negara kita. Dalam sejarah penulisan drama moden, inilah peristiwa penentangan rakyat terhadap raja diskrip-pentaskan. Dapat dikatakan bahawa Shaharom Husain orang yang pertama menghasilkan corak teks radikal yang sekaligus memperjelaskan sikap kepengarangannya terhadap feudalisme. Meskipun dalam tradisi bangsawan, cerita "Keris Laksamana Bentan" ini di antara teks yang popular, tetapi sifat kewiraan Laksamana selalunya ditenggelami oleh struktur bangsawan yang utopia dan lebih menekan aspek hiburan. Pun dalam sejarah orang-orang Melayu, Jebat sudah memperlihatkan penentangannya terhadap raja yang zalim, tetapi ia hanya diskripkan menjelang tahun 60-an. Pemikiran tentang heroisme nyata sudah wujud dalam sejarahnya, tetapi baru di tangan Shaharom Husain, subjek itu ditransformasikannya dalam drama. Ertinya di tangan Shaharom Husain heroisme itu menemui bentuknya dalam drama moden.

Ternyata peletusan dan pemangkinan Shaharom Husain itu sangat penting dalam sejarah dan tradisi pendramaan tanah air dan sesuatu yang menarik ia terus bergema dari generasi ke generasi selanjutnya. Malah dramatis ini terus memperkukuh konsep heroismenya dengan watak-watak Si Bongkok, Nong Mutalib dan lain-lainnya. Pada perhitungan saya Jebat di tangan Ali Aziz dan Usman Awang adalah parodi dan modifikasi daripada heroisme Laksamana Bentan dalam "Keris Laksamana Bentan". Kenyataan ini membuktikan bahawa Shaharom Husain berhak untuk diberikan sebagai pelopor dalam aspek kewiraan aliran penentangan terhadap kezaliman raja dalam penulisan skrip drama. Dengan kenyataan ini juga, saya ingin membuktikan bahawa Shaharom Husain, tidak sahaja berjaya dalam naratifnya, juga dianggap sebagai hipogram. Begitulah saya melihat bahawa konsep *the great hero*, yang bersifat individu, telah dipelopori

dan kemudian menjadi rujukan pengarang-pengarang lainnya. Drama yang bercorak atavistik dan menekan perjuangan menentang kezaliman sudah bermula di Barat sejak abad ke-17, dengan aliran romantisisme radikal yang akhirnya diresapi oleh ekspresionisme Jerman dengan watak-watak yang berani tetapi bersifat subliminalistik (Innes, Christopher, 1993:36-38), telah mengalur dan cair dalam konsep heroisme drama Shaharom Husain.

Kehadiran tersebut, menurut teori teksdealisme, sesungguhnya adalah usaha pengarang secara sedar atau tidak untuk mengunggulkan teks yang dihasilkannya. Namun yang lebih penting lagi dengan beberapa sifat perlanggaran dan pengukuhan melalui teks demi teks Shaharom Husain berhasil melahirkan teks drama bercitarasa Melayu atau terjelmanya *Malay aesthetic*. Seandainya kita menonton dan membaca sebahagian besar karya sandiwara, terutamanya teks-teks yang dihasilkan oleh Shaharom Husain, penjelmaan sebagai drama Melayu yang identik, autentik dan selari dengan fitrah Melayu amat terasa sekali. Baik tematik dan stilistisasinya dengan segala aforisme, stikometri, malaforisme, epigdramatik, pantun, syair, bahasa berirama dan sebagainya adalah milik orang-orang Melayu. Pantun, misalnya, diucapkan secara melodramatik sekiranya sesuatu adegan atau babak itu berisi unsur romantis, malah dalam situasi ketegangan atau perkelahian ia diucapkan pula penuh stikometrik. Kesemuanya itu membina estetik Melayu, tegasnya yang serasi dengan jiwa orang-orang Melayu. Tragedinya pun berbeza dengan konsep dan prinsip drama Barat, terutama dalam konsep takdir dan nasib.

Dalam dunia pascamoden kini terkenal dengan teks-teks intertekstual, parodi, afrodesiatik, revisionisme, teksdealistik dan sebagainya. Apabila Shaharom Husain mengambil sumber cerita daripada teks-teks yang sedia ada, seperti daripada teks bangsawan, *Sejarah Melayu* dan lain-lain sebenarnya dramatis ini dengan sendirinya telah mengaplikasikan teori-teori tersebut. Seperti halnya ada orang berpandangan, bahawa teori itu sebagai suatu fenomena sastera, dan menyedari bahawa ia adalah suatu praktis yang bukan baru, cuma istilah-istilahnya belum didisiplinkan, maka kita pun boleh merumuskan bahawa Shaharom Husain dari sudut kepengarangan adalah seorang pengarang yang sudah sedia mempraktikkan dunia penciptaan yang sering dimekanismekan oleh para pascamodenis itu. "Wak Chantuk" adalah transformasi daripada teks novel sejarah Harun Aminurrashid, yang dihasilkan pada tahun 1964, yang rasanya pada waktu itu, belum ada drama yang ditranformasikan

daripada genre yang lain. Dengan melakukan modifikasi dan konversi, Shaharom Husain berfikiran bahawa tidak salah menginterteksual teks pengarang lainnya untuk didramakan. Dan kini mekanisme penulisan seperti ini sungguh popular terutamanya di Barat.

Begitu juga dengan kebangkitan feminisme, dan kini di dunia Barat teori ini telah berkembang ke generasi yang ketiga (Abdul Rahman Napiah, 1995), Shaharom Husain menulis drama "Tun Fatimah" dan "Balang Mas". Meskipun keterikatan dramatis ini begitu setia kepada aspek sejarah sehingga sejarah menjadi fotokopi dan nostalgik tanpa sampai kepada teks idealistik seperti yang disarankan oleh teori teksdealisme dan *new historisism*, khalayak dapat mengapresiasi perjuangan wanita dalam mempertahankan negara seperti dalam drama "Tun Fatimah" itu. Warga kini harus berbangga dengan perempuan yang bernama Tun Fatimah yang turut menentang penjajah, satu-satunya pemikiran yang tidak terfikirkan pada zaman silam. Berbeza dengan Cik Siti dalam "Balang Emas" yang hatinya tidak secantik rupa, tetapi dia mempunyai cita-cita untuk menguasai lelaki. Dia mahu mengalahkan lelaki dan berada lebih tinggi daripada lelaki. Ini sesungguhnya adalah pandangan feminisme golongan ketiga. Kita baca petikan daripada drama tersebut.

CIK SITI : Memang orang laki-laki begitu. Nak menegakkan benang basah selalu. Besar cakap. Tapi tak pun hak.

MAYA : Tapi.

CIK SITI : Tapi apa? Tapi tak sedar diri. Sementangnya aku perempuan kau nak buat suka hati? Nak kau tanjul kuasai? Ikut kemahuan cakap kau sendiri? Jantan nak merdeka berkuasa. Kau lupa aku siapa?

MAYA : Siapa lagi? Kan kau sekarang isteriku? Senang betul telingaku mendengar cakapmu. Berbudi, berlembut dan berhalusnya bahasa. Maklumlah isteri yang bijaksana!

CIK SITI : Pandai kau menyindir aku dan mengata. (*ketawa*) Tidak, aku tetap berkuasa. Kau mesti taat perintah. Tak boleh bantah.

MAYA : Apa aku ini berkemudi di haluan?

CIK SITI : Ya, nama saja kau suamiku, tapi kuasa tetap di tanganku. Tak ada janji mesti di bawah perintah laki, terkongkong diri.

MAYA : Rosak ... perempan nak melanggar batas.

CIK SITI : Dunia sekarang, bukan dunia zaman Melaka.

MAYA : Ah, dunia Melaka, dunia Johor dan dunia sekarang sama saja. Dunia tak ada beza. Hanya manusia yang berubah-ubah buat perbezaan. Berdulu sekarang, utamakan kebendaan. Hinggakan aku suami, kau isteri berani menentang.

CIK SITI : Ya, kau hanya berbangga-bangga dengan kedudukan kau sebagai suami. Tapi apa yang ada pada kau di sini? Mana kekuatan? Mana kekayaan?

MAYA : Kalau aku tak ada kekayaan, masakan ...

CIK SITI : Masakan aku berkahwin jadi isteri kau? Aku pura-pura, Maya. Siapa tak kenal aku cantik? (*Tertawa bangga*) Sepuluh macam kau boleh aku cari, kulambai kanan dan datang ke kiri.

Cik Siti seorang wanita yang ingin menguasai lelaki, inilah pusat *pensiero debole* yang menjadi indeks pemikiran pengarang. Walaupun ada unsur-unsur *satanic influence and satanic direction* yang merasuk dan mengganas dalam kesedaran watak ini, iaitu dengan mempergunakan kecantikannya, sama seperti Cleopatra, untuk menguasai lelaki, tetapi dia adalah suatu citra wanita yang di luar pemikiran wanita biasa. Unsur-unsur abnormal watak itu membangkitkan perkongsian perasaan kita untuk melihat keupayaan-keupayaannya sebagai ahli masyarakat dan membangunkan juga *social interest* kita. Nilai pengecualian watak itu daripada aturan biasa, dengan sifat keagresifan dan perjuangan untuk kuasa, seolah-olah sebagai daya tarikan perwatakan. Meskipun keagresifan watak itu untuk mencipta permusuhan, tetapi kita dapat pengalaman magis bagaimana seseorang itu berusaha dengan segala ikhtiarnya untuk mengatasi

dan menguasai kaum lelaki yang selama ini memperhambakannya. Ternyata Cik Siti berjaya menguasai kaum lelaki, dan lelaki itu pula bukannya sebarangan orang.

Saya melihat adanya pertembungan pemikiran Adler dalam teori psikoanalisisnya tentang *aggression and striving for superiority* dengan tokoh Cik Siti yang sedang membina diri dengan konsep *fictional finalism* (Engler, B. 1979: 116). Keagresifan untuk berkuasa, lebih-lebih lagi yang menggunakan seks dan kecantikan sebagai manifestasi motif bentuk umum, bukanlah perkara aneh. Inilah banyak dibincangkan oleh Foucault dan kaum generasi ketiga feminismme - teori apabila tokoh drama ini menggunakan unsur kuasa halus seperti yang tersembunyi dalam "Balang Emas" kaedah dan pendekatannya sudah berbeza. Penyempurnaan kendiri mengarah sifat egoistik dengan menyimpan rahsia tersembunyi menunjukkan wataknya dalam situasi neurotik. Semua orang berusaha untuk menjadi orang penting dan apabila hukum teragung telah bertakhta, iaitu apabila seseorang itu berasa dialah orang yang paling berkuasa dan suaranya lebih tinggi daripada langit, maka dia akan mengenepikan orang lain, dan inilah saya kira fobia yang menimpa Cik Siti dan inilah juga suatu semiotik ikonikal terhadap pemimpin-pemimpin yang lupa daratan.

Sebagai wanita, yang dalam pandangan feminisme mereka itu lemah kerana organ-organ dan struktur biologi, penyingkiran inferioriti organ tersebut cuba dialih untuk mendapatkan pampasan keunggulan. Mengikuti perkembangan dan identifikasi perwatakan Cik Siti, terdapatnya kewujudan tret-tret yang menjadi faktor pengembangan, seperti kekuasaan dan nama, meskipun faktor primer ialah kekuasaan yang sekunder ialah kemartabatan gender itu sendiri, tetapi apabila kita sampai kepada rahsia balang emas, ada unsur-unsur teleologikal dan animisme yang digunakan, fikiran kita mula dilarutkan jalan fikiran pengarang yang masih terikat dengan normatif kehidupan budaya Melayu. Apa yang dilakukan oleh Cik Siti sesungguhnya tidak diperlihatkan kepentingan masyarakatnya, dengan erti kata kesedaran untuk mempertingkatkan kekuasaan kaum wanita, namun terlihat dorongan atau impuls terserlah. Kita tidak perlu membuka kunci rahsia.

Sekarang kita cuba meninjau sedikit dengan teori terbaru, yang baru muncul pada tahun 90-an. Teori-teori kritikan pascamoden sebelumnya seperti strukturalisme, semiotik, stilistik dan lain-lainnya membelakangkan aspek sejarah dan biografi pengarang dengan pandangan Barhtes *the author is dead* (1972) itu. Stephen J. Greenblatt memulakan perbicaraan dengan

mengemukakan konsep *the historicity of text and the textuality of history* bagi menunjukkan betapa pentingnya sejarah dalam kritikan sastera. Stephen J. Greenblatt juga telah meluaskan konsep sejarah tidak hanya kepada sejarah semata-mata, tetapi kepada karya-karya yang membawa pemikiran politik. Dengan itu subjek-subjek sejarah kembali mendapat tempat dalam sastera. Stephen J. Greenblatt juga memperhitungkan persoalan sosialogisme, ekonomi, pendidikan dan metafizika dalam teorinya. Dengan menelusuri setiap aspek itu kajian sastera akan dapat menilai sesuatu bangsa; semua dimensinya menyimpan semangat kebangsaan atau jati diri bangsa tersebut.

Kembali kepada sejarah juga bererti mencari hakikat dan kebenaran yang baru, yang lebih menekan aspek sosial, ideologikal dan teknologi. Stephen J. Greenblatt sebagai pengemuka sejarah baru ini, mendapat dokongan daripada beberapa pengkaji lainnya seperti Graham Holderness, Louis Montrose, Jonathan Goldberd, Leonard Tennenhouse, Stephen Mullaney dan Hayden White. Dalam *Shakespeare Recycled: The Making of Historical Drama* (1992), Graham Holderness menyatakan, teks-teks kreatif sejarah yang klasik akan ditemukan makna-makna mutakhir melalui pandangan teori sejarah baru itu. Dan bahan sejarah yang klasik itu pula akan sering berulang dalam bentuk dan teks yang baru di tangan pengarang yang lain pula. Dalam perkembangan seiringan Linda Hutcheon (1993: 93-96) menyatakan dalam dunia pasca-modenisme kini telah muncul genre yang disebutnya dengan *historiographic metafiction*, yang sifatnya bahan sejarah telah ditulis semula, tetapi dengan suatu refleksi kesedaran diri yang baru yang bersifat ontologikal iaitu berlaku pemecahan subjeknya atau pemikirannya yang tidak mementingkan kesatuan atau pemusatan. Antara sifat terpenting yang dianalisis oleh teori ini ialah hubungan *political dimension* dengan ideologi pengarang yang di dalamnya tersirat *self-consciousness* dan *self-reflexive*. Intensiti pangarang di antara fokus penelitian, yang tidak secara langsung menyentuh aspek ideologi dan politik pengarang.

TUN KHOJA AHMAD : Sekarang apa mesti kita buat, Datuk Seri? Sampai hatikah kita melihat orang-orang kita terjajah itu? Apa kesudahan perempuan-perempuan kita?

DATU SERI NARA : Kita terpaksa terima akibat kejatuhan Melaka. Kita harus bertenang dan

bersabar, di bawah runtuhan kota Melaka, kita dirikan jiwa merdeka. Itulah pesanan Datuk Bendahara Tepok dulu. Kita mesti ingat itulah wasiat ...

TUN KHOJA AHMAD : Ya, hamba ingat pesanan ayah itu? Kita tetap belum kehilangan semangat.

DATUK SERI NARA : Sekarang kita sedang dirikan jiwa merdeka. Kita bina semula negeri dan kerajaan Islam Melayu di sini. Ganti Kerajaan Islam Melayu Melaka yang kita kasihi.

Petikan di atas daripada drama "Seri Nara" di antara drama yang terakhir dihasilkan oleh Shaharom Husain. Saya masih ingat, pada tahun itu dramatis ini bertugas sebagai Karyawan Tamu di Universiti Kebangsaan Malaysia. Saya sedang rancak melakukan penyelenggaraan buku bagi menerbitkan antologi sastera, termasuk drama. Saya telah meminta penulis ini menyumbangkan karyanya. Dan hasilnya ialah drama "Seri Nara" ini bersama "Meniti Bahagia". "Seri Nara", jika hendak dianalisis daripada aspek strukturnya seakan-akan drama sebabak tetapi dipecahkan kepada tujuh bahagian. Daripada struktur drama ini sudah berbeza dengan drama Shaharom Husain yang sebelumnya yang boleh dikatakan tergolong dalam drama panjang belaka. Tahun 1984, sejarah drama Malaysia sudah memasuki realisme iaitu 60-an dan surealisme 70-an, sementara 80-an seakan-akan kembali ke zaman realisme semula. Hampir lima belas tahun Shaharom Husain tidak menghasilkan drama, dan karya terakhir sebelum "Seri Nara" ialah "Satria Jaya" (1968), iaitu sewaktu drama realisme menuju penghujungnya.

Perlu dijelaskan dalam periode bersantai ini, drama yang berunsur sejarah telah berubah daripada sudut strukturalisme, terutamanya daripada aspek kesatuan, hubungan, regulasi dan sinkronisme teks. Contoh yang terbaik ialah "Matinya Seorang Pahlawan" karya Usman Awang. "Seri Nara" memperlihatkan bahawa ada unsur-unsur perubahan yang berlaku dalam corak dan pembentukannya. Shaharom Husain dalam teks ini boleh dikatakan di hujung kreatifnya melakukan ekserp terhadap teks-teks drama sejarah waktu itu. Bagi saya ini adalah sesuatu yang harus, justeru beliau sedar situasi pendramaan Malaysia demikian halnya.

Namun yang jelas yang tidak berubah ialah ideologi kepengarangannya. Nasionalisme dan patriotisme tetap utuh dalam darah daging dramanya. "Seri Nara" sebenarnya sebuah teks *new historisisme*, dihasilkan terpotong-potong, terpecah-pecah dan mengandung *political dimension*. Kejatuhan Melaka, Paguh dan lain-lainnya tidak pernah melunturkan jiwa orang Melayu untuk membina sebuah negara baru. Yang digambarkan dalam drama ini adalah pembinaan negeri Johor. Daripada sudut konflik atau dramatik drama ini bukanlah sebuah teks yang begitu kuat. Tegasnya drama ini bukanlah sebuah karya seperti teks-teks Shaharom Husain pada zaman mudanya. Tetapi semangatnya, pemikirannya dan ideologinya tetap bertahan, tidak pernah tua-tua. Drama ini adalah sebuah lakonan renungan. Ada beberapa gesaan untuk orang Melayu melalui drama ini, pertamanya mereka harus bersatu-padu. Perpecahan bererti kehancuran. Tidak ada makna negeri baru ditubuhkan sekiranya rakyatnya tidak bersatu. Kedua setiap rakyat harus berjuang untuk membebaskan negaranya dalam apa bentuk penjajahan untuk mencapai kemerdekaan. Ketiga, sebagai pesan kepada generasi muda, bahawa bukannya senang nenek moyang membuka sebuah negeri. Dalam ketiga-tiga mesej atau amanat itulah teks drama ini patut menjadi renungan khalayak. Dan di situlah juga idealistik teks ini, meskipun pengarangnya berusaha benar jalur pendramaannya bergerak atas landasan sejarah, yang bererti Shaharom Husain tetap mengekalkan konsep sejarahnya.

Aneh dan mungkin tidak pernah terfikirkan oleh Shaharom Husain sendiri, bahawa teks dramanya yang terakhir yang ditulisnya pada 1985 ialah sebuah teks realistik: "Meniti Bahagia". Aneh bukannya kerana selama ini Shaharom Husain menulis sandiwara bercorak sejarah, tiba-tiba menulis teks realisme. Memang ada pengarang yang berubah aliran atau corak. Kala Dewata sebelum menulis *Atap Genting Atap Rumbia*, pembuka tirai realisme itu, memulakan kariernya sebagai pengarang dengan *Robohnya Kota Lukut*, sebuah teks sejarah. Demikian juga, Wan Ahmad Ismail dalam sepanjang penulisannya ada yang berbentuk surealisme, realisme dan drama sejarah. Aneh saya katakan, kerana Shaharom Husain memulakan kerja kepengarangan dengan drama realistik iaitu "Lawyer Dahlan". Drama realisme bagaikan pembuka dan penutup tirai, sedang keseluruhan pengkhazanahan teksnya adalah teks sejarah.

"Meniti Bahagia" sebuah teks hibrid dan bagaikan suatu parodi terhadap "Lawyer Dahlan". Drama pertamanya menceritakan betapa pentingnya ilmu pengetahuan. Ibubapa menghantar anaknya Dahlan keluar negeri untuk menjadi orang

yang berguna, tetapi akhirnya ia menjadi anak yang tidak mengenang jasa. Dalam "Meniti Bahagia" ibu bapa juga menekankan kepada anak-anaknya betapa pentingnya mencari ilmu dan menjadi orang berguna. Zaman yang menjadi latar Shaharom Husain waktu ini, negara sudah merdeka dan menghadapi penyakit masyarakat termasuk anak-anak yang lupa daratan, tidak belajar bersungguh-sungguh dan khayalan dengan segala hal termasuk dadah. "Meniti Bahagia" sesungguhnya adalah sebuah drama yang tebal berunsur Islam. Akhiran drama ini adalah gembira dengan anak berjaya dalam pelajaran dan ibu bapa mengharapkan bahawa suatu hari nanti mereka akan berjaya dan berjasa kepada negara. "Meniti Bahagia" tetap membawa *political dimension* dan kali ini fokus utamanya ialah sosiologisme.

Elok juga rasanya, dramatis ini kita tinjau sejenak dengan pendekatan fenomenologi, pendekatan yang bersumberkan falsafah Edmund Husserl, ia mempunyai kaedah yang lain pula untuk menilai teks (Pettit, Philip, 1979). Tinjauan kecil ini saya lakukan hanya untuk dramanya "Si Bongkok Tanjung Puteri". Teori fenomenologi menganjurkan khalayak untuk membangunkan bacaan aktifnya supaya dapat mencari, menentu dan mengeluarkan fenomena atau apa yang menggejala yang menjadi penanda teks. Reduksi fenomenologi ialah prinsip yang awal bagi menentukan penandanya. Saya memlih bahawa watak Si Bongkok itu sendiri adalah penandanya, yang menyimpan dalam dirinya segala macam petanda. Watak ini mempunyai paradoks, ironis dan realitinya, dia seorang protagonis dalam konteks teks, tetapi antagonis dalam konteks budaya. Ia sedar kecacatannya, tetapi sebagai manusia tetap merasa berhak untuk mencintai wanita yang meruntun jiwanya. Kita cuba menyisihkan faktor yang mempengaruhi realiti intipati teks untuk melihat kewujudan gejala yang disengajakan secara tunggal. Bagi saya kewujudan itu ialah sifat bongkok yang dikenakan oleh pengarang ke atas fizikal watak utamanya itu. Naluri fikiran kita secara fitrah akan dimasuki gejala bahawa manusia yang bongkok itu adalah fenomena kecacatan, kelemahan, kekurangan, kedaifan dan mengalami kesukaran dan hinaan.

Mengapa Shaharom Husain tidak memilih watak yang perkasa yang tampan, hebat dan idealistik sifatnya. Penyisihan wira bangsawan, yang ketika itu masih berlegar-legar dalam intuisi para penggiat drama, bukanlah suatu pekerjaan yang mudah. Penyisihan mengikut teori Bloom, suatu proses revisionisme yang memakan masa yang panjang, tetapi ini dapat dilakukan oleh Shaharom Husain, yang juga merupakan suatu

penentangan atau demitefikasi terhadap wira Tuah yang ketika itu sangat popular dalam tradisi pendramaan Melayu moden. Pemilihan itu mempunyai signifikasi, ada metafora di dalamnya. Manusia yang seperti itu diberikan peranan untuk menentang kezaliman dan berjuang apa yang dikatakan oleh Si Bongkok sendiri: ... 'aku bertanggungjawab apa yang kubuat, aku tetap berkorban, kerana kebebasan.' Daripada tahap itu kita bergerak kepada analisis reduksi eidetik bagi menggali dan membongkar intipati teks melalui identifikasi dan revelasi Si Bongkok itu. Eidetik menyerahkan petandanya kepada khalayak untuk menerbitkan kandungan dalam kesengajaan korelatif pengarang.

Sebagai khalayak saya bertanggapan memang kesengajaan korelatif pengarang untuk kita mencari makna dan menghubungkan fenomena dunia orang Melayu waktu itu; iaitu dengan keadaan Si Bongkok yang demikian identifikasi ketokohannya membawa makna metafizika bahawa orang Melayu dalam keadaan lemah, tetapi jiwanya keras, tabah dan berani dalam berjuang untuk bebas, untuk merdeka. Anehnya golongan borjuis masih tenggelam dalam gaung keangkuhannya. Daripada pemaknaan itu kita beralih kepada reduksi transendental yang meminta mengkonkritisasikan kesedaran pengarang sewaktu menghasilkan karya tersebut. Tentulah sukar menentukan kesedaran formal pengarang, tetapi fenomenologi membebaskan atau membolehkan khalayak membina konkritisasi signifikan, bagi saya ialah kita dapat hubungkan nasionalisme yang berumah dalam pemikiran pengarang.

Pada mata fikir saya, Shaharom Husain didesak oleh pemikiran nasionalisme bagi menghasilkan teks "Si Bongkok Tanjung Puteri" itu. Shaharom Husain berusaha untuk memadamkan sejarah kolonialisme. Dan kita yang membaca atau menonton drama ini dewasa ini, memang sedar bahawa kolonialisme seperti yang dikatakan oleh Edward S. Said sebenarnya tidak pernah selesai. Kolonialisme sangat pintar menukar warnanya, malah tanpa kita sedar kita boleh bersahabat dengannya, yang kadang-kadang serap dalam warna yang kita sukai, misalnya ia masuk ke dunia warna intelektualisme dan budaya kita, kita mengagung-agungkan intelektualisme dan budaya itu, rupa-rupanya tidak lain ia adalah belitan kolonialisme baru (1994: 77-78). Demikianlah halnya dengan orang-orang Melayu seperti yang terlukis dalam teks Shaharom Husain. Adalah ironis untuk menyatakan pada zaman pasca merdeka ini, kita sudah maju seperti yang diharapkan - bahasa kita pun masih macam agar-agar - pemikiran perhambaan dan feudalisme tumbuh dengan gaya, idiom atau indeksikal baru; di sinilah

relevannya hingga kini teks Shaharom Husain.

Tentu sahaja analisis yang lengkap mendekati teks Shaharom Husain dengan fenomenologi akan menemui fenomena perdana yang menjadi kesedaran pengarangnya. Analisis kecil itu menyampaikan kepada kita bahawa sebuah teksnya sudah cukup memperlihatkan ideologi pengarang. Ideologi nasionalisme sebenarnya suatu praktis yang dominan di kalangan pengarang besar dunia. Ada kenyataan menyatakan, seandainya Shakespeare tidak membaringi nasionalisme Inggeris dalam drama-dramanya, sudah tentu teksnya tidak menjadi subteks dan tidak mampu bertahan hingga kini. Begitulah pentingnya sebuah ideologi itu bersarang dalam pemikiran kreatif pengarang. Ini jelas terbukti, berapa ramai pengarang kini, yang telah menghasilkan puluhan teks kreatif, tetapi di dalamnya tanpa ideologi, apatah lagi yang mengejar popularisme dan komersialistik sifatnya, kehadirannya sangat kurang membangunkan sifat hormat dan rasa keberhutangan kita. Belum ada pengarang yang sama sekali tidak memperdulikan ideologi dalam kerja kepengarangannya, mereka tidak mahu menyatakan apa yang seharusnya dikatakan. Malah ada pengarang yang banyak terperangkap dengan gula-gula yang bertaburan di padang sastera kita kini. Itulah bezanya pengarang yang bernama Shaharom Husain dengan kesedaran kepengarangannya.

Untuk mencapai taraf pengarang idealistik bukanlah mudah. Prosesnya bermula daripada zaman awalnya hingga ke taraf pencapaian individualismenya. Untuk analisis berikutnya saya menggunakan teori teksdealisme. Perhatian pentingnya terhadap kemampuan Shaharom Husain membentuk kreativitinya sehingga berhasil mencipta struktur drama di peringkat awalnya adalah perlu diperhatikan. Sejak awal-awal lagi beliau sudah memanfaatkan kekuatan dan kebolehannya bagi menunjang aspek naratif dan dramatik dengan tokoh-tokoh yang bersahaja dan menyediakan unsur agonisme dan pertentangan seperti yang diperlukan dalam penciptaan sebuah drama. Penggunaan dialog adalah penting kerana ia adalah jiwa teks drama, dan stail prosa formal yang dicampur dengan bahasa berirama dengan diresapi ironis, metafora dan alegorikal, dan pada waktu-waktunya bersifat ikonikal atau indeksikal, berfungsi menampilkan unsur-unsur arkaik yang perlu wujud dalam drama sejarah. Sama halnya dengan penulis-penulis pasca renaissanse dan era Elizabethan di England sangat gemar berbahasa aforismatik dan kadang-kadang filosofikal sifatnya. Shaharom Husain seakan-akan menjadi *ephebe-young generation of dramatist* - yang menjadi penganutnya. "Keris Laksamana Bentan"

bukan sahaja daripada segi pemikiran dan mesejnya avant-garde dalam zamannya, juga memperlihatkan struktur dan stilisasi yang bersiri khas sesuai sebagai drama yang memberi tanggapan evalusatif terhadap kenyataan-kenyataan yang hendak dibangunkan dalam penunjangan semangat kebangsaan dalam periode tersebut.

Di samping itu dalam pembentukan babak dan adegan pembahagian latar-latarnya juga, drama Shaharom Husain lebih terkawal dan setia kepada konsep tiga kesatuan teori Aristotle. Dengan membataskan masa, ruang dan alur cerita, unsur-unsur formal teks terbina sebagai sebuah bangunan yang konkrit. Inilah yang membezakannya dengan teks yang dihasilkan oleh penulis yang hampir sezaman dengannya iaitu Syed Alwi Al-Hady dengan *Hang Tuah Pahlawan Melayu*, yang babak dan adegannya begitu banyak sekali serta terlalu terikat dengan hipogramnya *Hikayat Hang Tuah*. Prinsip kehadiran yang dilakukan oleh Shaharom Husain lebih teliti, halus dan cekap. Sekaligus teknik yang digunakan itu mencirikan prinsip perlanggaran Shaharom Husain terutamanya dalam aspek pembinaan dramatik. Meskipun sosialisasi pengarang ini banyak diasuh dan dikesani daripada perkembangan bangsawan, tetapi kenyataannya dalam penskripannya beliau cuba melupakan pengaruh bangsawan dan menumpukan kepada pembinaan sebuah teks moden.

Dalam perkembangan selanjutnya, dari drama ke drama, terlihat kecenderungannya yang sangat kuat untuk mencari tokoh-tokoh yang sangat bersignifikan dalam sejarah. Seperti yang telah ditegaskan *Sejarah Melayu* menjadi *root book* inspirasinya. Manusia yang pernah mencipta nama diperistiwakan semula bagi pembinaan moraliti zaman bagi tujuan aspirasi kepengarangannya. Jatuh cintanya kepada tokoh sebenarnya menjadi ciri khas teks-teks Shaharom Husain. Bukan sekadar menghargainya, tetapi ada unsur-unsur diduktif dan unsur *lehrstuck*. Menurut John O Toole dalam buku *Process of Drama* (1992), semacam ada perjuangan sewaktu berkarya terutamanya untuk menentukan dasar-dasar estetika dan falsafah kreatif. Lazimnya yang datang pertama kali kepada seseorang ialah berusaha bagaimana untuk menjadi pengarang, tetapi ternyata kemudian menjadi cabaran utamanya ialah bagaimana memperkukuhkannya, termasuklah melakukan pengisiannya terhadap unsur *lehrstuck* itu. Kesesuaian sejarah, penyejarahan masa lalu dan ingin mempasifkan kolonialisme, bukan kerja *lehrstuck* kepengarangan, juga memerlukan kekuasaan pengetahuan dan kekuasaan khalayak. Justeru itu golongan efebe selepas Shaharom Husain lebih senang menulis teks, apa yang

diistilahkan oleh penggiatnya dengan nama purbawara.

Mengambil latar sesuatu zaman yang lalu, membina tokoh, kemudian menjalurkannya dalam rangka percintaan, sengketa dan diakhiri dengan pertarungan yang menjadi *pensiero debole* teks. Purbawara tidak lain adalah dongeng sejarah. Meskipun tekstualisme tidak menafikan prinsip-prinsip pendramaan, daripada suatu segi ia tetap unsur sebagai pengkayaan struktur drama Malaysia, tetapi hasilnya boleh dikatakan tidak ada skripnya yang menjadi teks sui generis atau subteks. Purbawara tidak banyak meninggalkan kesan dalam pengembangan drama Melayu moden, dan kini ia hampir-hampir hanya tinggal nama.

Perubahan yang ketara dalam penciptaan Shaharom Husain ialah penemuannya dalam "Si Bongkok Tanjung Puteri". Unsur ideogram masih wujud iaitu tentang konsep wira, tetapi kepadatan, kesatuan dan hubungan komponen dan komposisi yang terjalin begitu kuat; setiap satu unsur-unsurnya memperpadu konflik, strategi tekstualisme dengan *law of dramatics* terbina kukuh, yang telah memunculkannya sebagai teks aparatus dan dispositif. Meskipun ia bukan suatu defomasi terhadap tekstualisme sebelumnya, tetapi berjaya mengunggulkan kepengarangannya hasil usaha penyempurnaan dan mengukuhkan hegemoninya sebagai dramatis. Secara peribadi saya berasa terhibur dan tercabar membaca dan menonton drama "Si Bongkok Tanjung Puteri". Sebagai teks yang baik kata Roland Barthes (1976) ia mengandungi *pleasure of the text* dan *text of pleasure*. Keseronokan yang pertama boleh kita nyatakan, tetapi yang kedua itu hanya kita rasakan.

Demikian saya melihat proses pengukuhan yang dilakukan oleh Shaharom Husain dalam beberapa buah dramanya. Daripada "Keris Laksamana Bentan" untuk sampai ke "Si Bongkok Tanjung Puteri", Shaharom Husain menjambatani drama-drama lainnya seperti "Hantu Laut", "Badik Panglima Riau", "Tun Sri Lanang", "Sumpah Pemuda-Pemudi Tanah Air", "Keluarga dan Tetangga", "Tonggak Kerajaan Melayu Johor" dan "Kuala Kubu Karam". Bukannya drama-drama yang lain itu tidak penting, kesemuanya tetap membantu kepengarangan dramatis ini. Daripada seluruh teks tersebut dapat membina *individual subject* pengarang iaitu garapan tentang historisisme tempatan yang menjadi dasimeter pengkaryaannya. "Sumpah Pemuda-Pemudi Tanah Air", misalnya, adalah kecenderungan pengarang menjadi drama sebagai dialogisme untuk anak-anak muda supaya sedar mengenai masa hadapannya dan konteks zaman itu ialah zaman moden yang penuh cabaran kepada anak-anak muda. Drama ini tidak mementingkan cerita, tetapi lebih bersifat situasi dan

sosiologik, dimasukkan puisi-puisi patriotik dan aforisme tentang peranan belia terhadap negara. Melalui drama itu perkukuhan idealogi nasionalisme yang menjadi teras kebanyakan drama Shaharom Husain menjadi semakin jelas dan menunjukkan juga tradisi logik binarinya. Dengan rumusan demikian, saya menyatakan bahawa dramatis ini telah berhasil mencipta *individualistic idealism*nya sendiri. Idealisme individu tidak terbina dengan mudah, justeru proses individualisasi kepengarangan hanya akan terserlah apabila keseluruhan pengkaryaan seseorang itu dapat menunjukkan aspirasi pusatnya. Tidak syak lagi nasionalisme dan patriotisme menjadi aspirasi pusat drama-drama Shaharom Husain.

Dengan kejayaan menghasilkan teks "Si Bongkok Tanjung Puteri" bererti kemuncak idealisme individu tercapai sudah. Proses penghamilan proses kreatif Shaharom Husain mengambil masa kira-kira dua dekad lamanya. Sesungguhnya "Si Bongkok Tanjung Puteri" telah menjadi *trade mark* karya-karya Shaharom Husain. Kenyataan ini juga bukan menafikan teks-teks selepasnya. "Harimau Johor", misalnya, yang masih homologistik sifatnya itu, membawa tokoh Nong Mutalib yang gagah berani berusaha membawa negeri Johor ke mercu kejayaan. Yang menarik dalam drama ini ada unsur ekserp terhadap watak Si Bongkok. Teks "Tun Fatimah", "Wak Chantuk" dan "Satria Jaya" juga karya yang baik, tetapi saya bersedia untuk mempertahankan kenyataan saya, bahawa drama-drama itu tidak dapat menandingi unsur-unsur subteks yang dibawakan oleh "Si Bongkok Tanjung Puteri".

Hasil daripada teksnya yang menjadi sui generis dan teks-teks yang lain yang memperlihatkan idealisme individu, sebagai pengarang drama Shaharom Husain telah mencapai taraf *individual author* atau individualismenya sendiri. Individualisme adalah pencapaian puncak sebagai pengarang. Dalam peta kepengarangan, tidak ramai menulis berkebolehan memijak menara individualisme ini. Jika kita melihat dalam konteks drama sandiwara boleh dikatakan sukar untuk kita mencari nama yang lain. Untuk menguji dan membuktikan pencapaian individualisme ini dalam teori teksdealisme, kita menggunakan empat kriteria iaitu reka cipta individu, stail individu, kedirian individu dan tindakan individu. Secara ringkas dinyatakan, bahawa reka cipta individu yang merujuk teknik, metode dan mekanisme, "Si Bongkok Tanjung Puteri" mencapai puncak teks sandiwara. Stail individunya seperti yang telah banyak dibincangkan mempunyai identiti stail sebagai teks romantisisme radikal. Dalam kedirian individu dapat ditunjukkan bagaimana

hidup dan bernafasnya watak protagonis Si Bongkok walaupun ia bukan manusia putih, tetapi kita cukup bersimpati dan menghargai keberaniannya, sesuai dengan konsep wira pemberontakan: lalu ia muncul sebagai wira. Tindakan individu pula melihat bagaimana usaha pengarang untuk mengunggulkan teksnya dengan melakukan pelbagai ikhtiar; dalam teks seorang yang dikutuk, Si Bongkok, kerana kejahatannya, tetapi kerana bijaknya pengarang akhirnya kita menerima Si Bongkok sebagai wira.

Di antara Si Bongkok dengan Shaharom Husain bagaikan suatu legenda dalam drama Melayu moden. Saya yakin nama ini akan hidup untuk beberapa dekad dan mungkin berkurun-kurun lagi sama dengan Sophocles dengan "Antigone" atau Shakespeare dengan "Hamlet" atau Beckett dengan "Waiting for Godot". Hasil daripada penelitian yang cukup dasar dan singkat ini, saya cuba membuktikan bahawa bukan sahaja teks-teks Shaharom Husain boleh didekati dengan teori kritikan sastera pascamodenisme, malah cuba memperjelas pencapaian Shaharom Husain sebagai dramatis. Teks-teks Shaharom Husain sudah sedia menggunakan konsep intertekstual, idealistik, transfromasi, parodi dan revisionistik. Penelitian yang seperti ini boleh diperdalam dan diseriuskan supaya kita mendapat makna dan signifikasi teks-teks Shaharom Husain. Teori-teori lain seperti semiotik, resepsi, hermeneutik dan lain-lainnya juga boleh digunakan. Tetapi saya percaya dengan teori apa pun yang kita gunakan, sekiranya teks-teks yang dibincangkan itu telah mencapai taraf teks sui generis, kita akan sampai ke penghujung penilaian dan hukuman bahawa penulisnya adalah seorang yang unggul atau idealistik. Begitulah rumusan berhadapan dengan teks-teks Shaharom Husain. Sebagai pengarang drama, beliau berhasil mengemukakan konsep modenisme dalam drama Melayu. Beliau berjaya juga membina konsep genre drama sejarah. Malah dalam penelitian saya, bahawa dramatis ini berhasil mencapai individualisme dalam penciptaan. Yang lebih penting lagi kejayaannya ialah mencipta drama yang sesuai dengan perasaan dan pemikiran orang-orang Melayu, lalu terhasillah estetika Melayu atau *Malay aesthetic* itu. Tidak syak lagi Johor harus berbangga dengan puteranya yang satu ini, tetapi secara menyeluruh Shaharom Husain adalah milik kita semua, milik negara ini. Pada ramalan saya untuk melahirkan dramatis seperti Shaharom Husain, mungkin kita memerlukan masa kira-kira seratus tahun.

Bibliografi

Abdul Rahman Napiah. 1992. 'The Concept of Heroism in Malay Traditional Literature' dlm. *Tenggara*, 32, Kuala Lumpur: Yayasan Penataran Ilmu.

Abdul Rahman Napiah. 1993. "The Implications of Feminism" dlm. *Tenggara*, 34, Kuala Lumpur: Yayasan Penataran Ilmu.

Abdul Rahman Napiah. 1995. *Tuah Jebat dalam Drama Melayu: Satu Kajian Intertekstualiti* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Rahman Napiah. 1995. "Teori New Historicism: Mengkaji Patriotisme dalam Drama Melayu Moden" dalam *Sari*, 13, Bangi: Alam dan Tamaddun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Barthes, Roland. 1972. *The Death of the Author*. London: Fontana.

Barthes, Roland. 1976. *The Pleasure of the Text*. Nw York: Hill and Wang.

Edward S. Said. 1993. *Kebudayaan dan Kekuasaan: Membongkar Mitos Hegemoni Barat*. Bandung: Mizan.

Engler, B. 1979. *Personality Theories*. Boston: Houghton Mifflin.

Foucault, Michel. 1984. *The History of Sexuality*. Middlesex: Penguin Books.

Hutcheon, Linda. 1993. *The Politic of Postmodernism*. London: Routledge.

Innes, Christopher. 1993. *Avant-garde Theatre*. London: Routledge.

Greenblatt, Stephen J. 1990. *Learning to Cruse*. Alabama: University of Alabama Press.

Lyotard, Jean-Francois. 1987. *The Postmodern Condition*. Minneapolis: University of Mannesota Press.

Mana Sikana. 1995. *Drama Melayu Moden*. Syah Alam: Penerbit Fajar Bakti.

Mana Sikana. 1996, *Falsafah dan Seni Kreatif Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

O Toole, John. 1992. *The Process of Drama*. London: Routledge.

Prttit, Philip. 1979. *The Idea of Phenomenology*. New York: Dublin.

Shaharom Husain. 1991. *Drama-Drama Shaharom Husain*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wright, Elizabeth. 1989. *Postmodern Brecht*. London: Routledge.

OTHMAN HAJI ZAINUDIN DRAMATIS JOHOR: SATU PENELITIAN RETROSPEKTIF

ZAKARIA ARIFFIN

Latar Belakang

Othman Haji Zainudin lebih dahulu dikenali sebagai dramatis, penulis dan aktivis teater sebelum terlibat sepenuh masa dalam bidang penulisan skrip, pengarahan dan penerbitan drama televisyen serta filem. Dilahirkan pada 12 April 1944 di Johor Bahru, Othman mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Air Molek dan pendidikan menengah di English College (kini Maktab Sultan Abu Bakar), Johor Bahru. Setelah tamat tingkatan lima, Othman bekerja sementara di beberapa tempat, sebelum berjaya mendapat pekerjaan sebagai Pelukis di Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1972. Beliau kekal di agensi ini sehinggalah bersara awal (pilihan) pada 1 Januari 1992.

Othman bergiat dalam bidang teater di Johor Bahru dan Singapura sejak 1962. Beliau pernah bersama-sama di pentas teater dengan beberapa tokoh Singapura, antaranya Bani Buang dan Salim Bachik (Allahyarham). Drama pentasnya yang pertama dihasilkan ialah "Hang Tuah", diikuti oleh karya-karya lain seperti "Darah Tebusan", "Bangkit dari Perlimbahan" dan "Tunggul Mati". Di samping itu beliau juga banyak menghasilkan skrip drama radio dan televisyen yang disiarkan oleh Radio dan Televisyen Singapura (RTS) waktu itu. Setelah berhijrah ke Kuala Lumpur, kecenderungan dan minatnya itu diteruskan dan memperlihatkan perkembangan yang lebih menggalakkan. Beliau berguru dengan seorang tokoh teater tempatan, iaitu Zain Ariff (Allahyarham). Bersama kakitangan Dewan Bahasa dan Pustaka yang menggelarkan diri Keluarga Seni/Badan Keluarga, Othman mengarahkan beberapa drama seperti "Monyet" (Shahnon Ahmad, 1972). "Matinya Seorang Pahlawan" (Usman Awang, 1972)

dan karyanya sendiri "Mendung" (1973). Kemudian dengan kumpulan Badan Budaya DBP, Othman mengarahkan pula drama-drama hasil tulisannya, "Jong Batu" (1981), "Titah Tuanku" (1981), "Zaman Gerhana" (1986), "Melati Sarawak" (1987), "Lakon Tari Bharatayudha II" (1987) dan "Opera Siti Zubaidah" (1990). Antara drama pentasnya yang diarahkan oleh orang lain ialah "Remang di Lorong Tua" (Sabri Yunus, 1987) dan "Mitos" (Zakaria Ariffin, 1992).

Selain beratus-ratus skrip drama radio yang dihasilkan, Othman banyak sekali menulis skrip drama televisyen. Antara yang cukup diingati ialah "Jalak", "Titah", "Waktu Sesudah Itu" dan "Di Seberang Sungai". Othman kini sudah bergelar pengarah filem, setelah mengarahkan karyanya, "Interlud" (1992). Beliau turut menghasilkan lima buah skrip filem yang lain, iaitu "Dayang Suhana", "Pendekar", "Melati Putih", "Senja Merah" dan "Driving School".

Sepanjang penglibatannya dalam bidang penulisan skrip, Othman pernah menerima beberapa hadiah daripada peraduan yang disertainya. Antaranya ialah Hadiah Drama ESSO-GAPENA I 1986 ("Remang di Lorong Tua" dan "Waktu Sesudah Itu"), Peraduan Menulis Skrip Drama Pentas Budaya Indah 1994 ("Kolam, Buaya dan Manusia") dan NST-ESSO Playwrighting Competition II 1995 ("*Murugan and the Locomotive*"). Buku-buku Othman yang telah diterbitkan ialah *Jalak* (kumpulan drama TV, drama radio dan drama pentas, 1977), *Dayang Suhana* (kumpulan drama TV, 1984), *Remang di Lorong Tua* (drama pentas, 1987) dan "Waktu Sesudah Itu" (drama pentas, 1987). Othman kini menguruskan syarikat penerbitannya sendiri, Layar Perak Sdn. Bhd., menerbitkan program untuk TV, khususnya drama.

Drama Pentas

Othman adalah seorang penulis serba boleh, selain kemahirannya sebagai pelukis. Beliau bukan sahaja dikenali sebagai penulis skrip untuk pelbagai medium, radio, TV, filem dan pentas, malah pernah juga menghasilkan buku cerita kanak-kanak dan novel remaja. Tetapi beliau nampaknya sedar di mana kekuatan sebenarnya dan telah membuat pilihan yang tepat apabila hanya menumpukan perhatian sebagai penulis skrip dan pengarah, terutama sejak bersara (pilihan) daripada perkhidmatan kerajaan (1992). Apa yang menarik pada diri Othman sekarang ialah di sebalik kesibukannya menulis, mengarah dan menerbitkan drama untuk TV, beliau masih sempat meluangkan masanya untuk

teater iaitu ruang yang paling digemarinya. Kertas ini akan cuba melihat beberapa pencapaian terbaik Othman sepanjang penglibatannya dalam bidang tersebut sebagai seorang dramatis, penulis skrip dan pengarah.

Drama pentas Othman yang pertama diterbitkan ialah "Mendung" (1977, dalam kumpulan Jalak). Karya ini diarahkannya bersama Badan Keluarga, Dewan Bahasa dan Pustaka (1973), dengan memperlihatkan sedikit kelainan daripada kebanyakan drama yang dipentaskan pada awal dekad 70-an. Ketika kebangkitan teater eksperimental yang membawa pelbagai aliran ini, Othman masih setia pada realisme dan "Mendung" cuba mengangkat persoalan dalam sebuah keluarga Tionghua. Kemungkinan pilihan ini bersesuaian dengan cerita dan situasi yang disampaikan oleh penulis, misalnya terdapat watak wanita utamanya (Swee Lan) terpaksa membunuh diri kerana kesetiaannya diragui oleh suaminya sendiri.

Selain "Mendung", Othman menghasilkan dua buah lagi drama pentas yang mengangkat watak bukan Melayu sebagai protagonis. "*Murugan and the Locomotive*" (1995 - dramanya yang pertama ditulis dalam bahasa Inggeris) mengisahkan hubungan "luar biasa" antara seorang bekas (pesara) pemandu kereta api wap (lokomotif) dengan kepala kereta api itu, setelah berpuluh-puluh tahun memandunya setiap hari. Lalu apabila kepala lokomotif ini mahu dibawa ke satu tempat untuk disimpan selama-lamanya sebagai bahan pameran, Murugan bertindak melarikannya. Cerita dan persoalan drama ini juga jelas ada kelainannya, bukan sahaja bagi Othman, tetapi juga dalam sejarah perkembangan drama Melayu. Sementara "Babuji" (1994) pula membawa kisah seorang lelaki tua keturunan Sikh.

Adaptasi merupakan satu kaedah penghasilan karya yang tidak semudah disangka oleh banyak orang. Dalam genre drama, terdapat sejumlah karya hasil adaptasi daripada beberapa sumber seperti novel, cerpen dan bahan-bahan sastera lama; antaranya *Sejarah Melayu* (SM) dan *Hikayat Hang Tuah* (HHT). Daripada sumber-sumber di atas, SM dan HHT merupakan sumber yang paling banyak diadaptasi menjadi drama pentas, drama TV dan juga filem. Dalam sejarah perkembangan drama pentas tanahair, karya adaptasi bukan sahaja cenderung dihasilkan oleh penulis-penulis baru, tetapi juga oleh penulis-penulis mapan. Sementara kisah yang paling banyak menjadi pilihan ialah kisah pertikaman Tuah-Jebat yang cukup dikenali itu. Syed Alwi Al-Hadi, Hamidy Anwar, Izhab Alang Ismail, Ali Aziz, Usman Awang, Dinsman dan Hatta Azad Khan adalah antara pengarang yang pernah menghasilkan skrip berdasarkan peristiwa yang sama, dengan

judul-judul yang berbeza (*Pahlawan Melayu, Tuah dalam Sejarah, Hang Tuah Membuat Jasa, Hang Jebat Menderhaka, Matinya Seorang Pahlawan* dan *Jebat*).

Othman Haji Zainuddin tidak terkecuali daripada memilih bahan yang sama, yang dianggap sebagai peristiwa paling tragis dalam sejarah peradaban bangsa Melayu itu. Karyanya diberikan judul "Titah Tuanku" (1981, belum terbit). Sepertimana drama-drama lain yang diadaptasi daripada HHT atau SM, Othman masih bertolak daripada peristiwa yang sama, iaitu pertarungan hidup-mati Hang Tuah dengan Hang Jebat dalam mempertahankan pendirian serta kebenaran masing-masing. Hang Tuah dengan kesetiaan tanpa berbelah bahagi terhadap tuannya Sultan Melaka, dengan pegangan 'pantang anak Melayu menderhaka' dan Hang Jebat dengan pegangan setiakawan yang tidak pernah berubah dan menuntut keadilan, kerana 'raja adil raja disembah, raja zalim raja disanggah'.

Namun Othman tidak sekadar mengangkat peristiwa berkenaan kepada satu medium lain sebagai tukang potret atau jurufoto semata-mata. Melalui "Titah Tuanku", Othman cuba melihat dan mentafsir peristiwa menyayat itu daripada satu perspektif lain, dengan satu tafsiran yang tersendiri. Bagi Othman, peristiwa itu tidak begitu penting, tetapi hal-hal yang berlaku sebelum dan selepas kejadian tersebut malah lebih penting lagi dalam konteks sejarah politik bangsa Melayu. Apa yang lebih diberikan tumpuan oleh Othman ialah peranan yang dimainkan oleh watak ataupun manusia bernama Patih Karma Wijaya di dalam istana Melaka. Othman seolah-olah merumuskan bahawa segala peristiwa kacau bilau yang berlaku ketika itu lebih banyak berpunca daripada perasaan hasad dengki dan fitnah yang sengaja diada-adakan atau dirancang dengan sesuatu maksud tertentu.

"Zaman Gerhana" (1986, belum terbit) adalah sebuah lagi karya Othman yang diadaptasi daripada sebuah novel sejarah yang sama judulnya, karya A. Samad Ahmad. Sebagaimana "Titah Tuanku", Othman turut melihat peristiwa kejatuhan kerajaan Melayu Melaka itu sebagai berpunca daripada anasir luar yang berjaya menyusup masuk ke dalam istana dan menjalankan jarum mereka dengan halus dan berkesan, pastilah dengan kerjasama tali barut tertentu. Kali ini, peranan Si Kitul dan Raja Mudaliar menjadi sasaran kritikan Othman. Memanglah pada hakikatnya Melaka dikalahkan dan jatuh ke tangan Portugis (1511). Tetapi kalaulah tidak kerana gerakan yang dimainkan oleh musuh dalam selimut, mungkin catatan sejarah Melaka boleh berubah. Sekurang-kurangnya demikian tafsiran Othman

lewat "Zaman Gerhana".

"Siti Zubaidah" merupakan sebuah hikayat dalam bentuk syair yang menarik dan luar biasa dari segi latar, cerita dan persoalan-persoalan yang dikemukakan. Cerita ini menarik kerana ia lebih menekankan kisah kembara seorang isteri yang mencari dan menyelamatkan suaminya yang menjadi tawanan Puteri Cina. Latar Kembayat Negara (Kemboja?), Pulau Peringgi, Yaman, Yunan dan Negeri China adalah sesuatu yang jelas berbeza dengan latar dalam hikayat-hikayat Melayu yang lain. Seperkara lagi yang ketara ditimbulkan ialah pegangan agama watak-watak penting, iaitu Islam. Barangkali hal-hal inilah yang meruntun Othman mengadaptasi karya tersebut menjadi sebuah hasil teater yang diberi nama "Opera Siti Zubaidah" (1990, belum terbit). Dari segi istilah, "opera" di sini tentulah tidak sama pengertiannya dengan "opera" dalam tradisi teater klasik Itali itu. "Opera" Othman lebih mirip kepada bentuk bangsawan Melayu, tetapi menggunakan pendekatan pementasan moden.

Othman Haji Zainudin adalah antara penulis drama pentas yang paling banyak memungut hadiah daripada peraduan-peraduan menulis skrip yang dianjurkan oleh pelbagai pihak. *Waktu Sesudah Itu*, (WSI), *Remang di Lorong Tua* (RDLT), "Kolam, Buaya dan Manusia" dan "*Murugan and the Locomotive*" adalah sebahagian daripadanya. Daripada senarai tersebut, WSI dan RDLT dapat dianggap sebagai karya realisme Othman yang terbaik (kedua-duanya memenangi hadiah penghargaan Hadiah Drama ESSO-GAPENA 1986/87. WSI (1987) mengisahkan tentang seorang wanita tua bekas pejuang kebangsaan yang tidak dipedulikan oleh sesiapa pun, termasuk sanak saudara sendiri. Hidupnya sengsara, mengutip barang bekas sebagai salah satu punca rezeki. Tetapi apabila pada satu hari pihak kerajaan telah mengenali beliau sebagai seorang tokoh yang akan diberikan gelaran, penghormatan dan ganjaran lumayan, maka berebutanlah yang datang mengaku sebagai 'saudara-mara'. WSI jelas mengangkat sindiran Othman terhadap sikap sesetengah masyarakat yang tidak menghormati warga tua dan mereka yang bermata duitan, cuba mengaut keuntungan apabila ada peluang terbuka.

RDLT (1987) pula cuba menyingkap kepura-puraan manusia yang berselindung di sebalik gelaran atau kedudukan, serban dan jubah. Bagi sesetengah golongan ini, segala yang bersifat keduniaan itu, 'haram' hukumnya, tanpa merujuk terlebih dahulu kepada sumber yang sewajarnya; dalam konteks ini tentulah Al-Quran dan Hadis. Othman jelas cukup berani dan penuh keyakinan untuk membicarakan tentang hukum 'bermain

muzik' dalam Islam. Pastilah, dalam menghasilkan karya ini, beliau banyak membuat rujukan bagi mengelakkan timbulnya sebarang kontroversi, memandangkan persoalan tersebut sangat sensitif.

Karya Othman yang memenangi hadiah kedua Peraduan Menulis Skrip Drama Pentas Budaya Indah 1995, "Kolam, Buaya dan Manusia" (belum terbit) membawa isu semasa (ketika itu), iaitu kisah 'buaya Puchong' yang menarik perhatian banyak pihak. Sekali lagi Othman cuba menggambarkan bagaimana manusia sering mengambil kesempatan daripada sesuatu keadaan yang berlaku untuk kepentingan diri mereka sendiri, tanpa memperhitungkan nilai-nilai moral dan kemanusiaan.

"Mitos" (1990) adalah satu-satunya drama bukan realisme karya Othman yang memperlihatkan satu pencapaian yang baik dalam perkembangan penciptaannya. Drama ini (pementasan pertama 1992) lebih berbentuk satira, memaparkan sejarah politik tanah air pada era selepas Perang Dunia Kedua. Kita diperkenalkan dengan negara Buluh Betung (Jepun), watak Tuan Besar (Inggeris) yang ingin merebut semula negeri ini untuk mengaut hasil buminya dan gerakan Helang Merah (Parti Komunis Malaya) yang menggugat keselamatan. Tuk Sidang (golongan feudal) dikatakan tersilap membuat perjanjian dengan pihak Tuan Besar hingga menggadai negeri. Seperti dalam "Titah Tuanku" dan "Zaman Gerhana", Othman juga mencurigai watak-watak pendatang yang khianat, seperti Babasan dan Ninasura di dalam "Mitos".

Drama Tv/Filem

Sebelum berhijrah ke Kuala Lumpur, Othman Haji Zainudin banyak menghasilkan drama radio yang disiarkan melalui Radio Singapura. Setelah berada di ibu kota, Othman mengembangkan pula bakatnya sebagai penulis skrip drama TV. Beliau malah dapat dianggap sebagai antara penulis skrip drama TV terawal mendapat tempat di stesen RTM, selain nama-nama seperti Aziz Jahpin, Aziz Wok dan Zain Mahmud. Drama TV hasil karya Othman cukup banyak diterbitkan oleh RTM, khususnya pada tahun-tahun 70-an. Antaranya yang dapat disebutkan ialah Jalak (memenangi Hadiah Kedua Skrip Drama TV Terbaik anjuran RTM 1975/76), "Begitu Kehendak Tuhan" (1975, termuat dalam kumpulan *Jalak*). Sementara "Dayang Suhana", "Percintaan" dan "Kelana Pulang" terdapat dalam kumpulan *Dayang Suhana* (1982). Kebanyakan drama TV Othman pada dekad ini membawa tema hubungan kekeluargaan dan percintaan.

Karya-karya Othman dalam dekad 80-an kelihatan membicarakan persoalan yang lebih luas dan pelbagai. Selain "Remang di Lorong Tua" (yang diadaptasi daripada drama pentas) yang membawa isu yang berkaitan dengan hukum dalam agama Islam, "Fitrah" juga sarat dengan persoalan-persoalan yang ada hubung kaitnya dengan ajaran Islam. "Waktu Sesudah Itu" turut diadaptasi menjadi sebuah drama TV yang sangat menarik, kerana sewaktu menghasilkan skrip drama pentasnya, Othman seperti sudah membayangkan visualnya jika dipindahkan ke layar kaca.

Pada dekad 90-an ini, Othman berjaya menghasilkan beberapa buah lagi skrip drama TV yang tidak kurang penting dan menariknya dalam konteks perkembangan pengkaryaannya sendiri. Dia adalah antara penulis/pengarah yang paling awal menyambut program penswastaan rancangan drama oleh RTM, dengan menghasilkan drama bersiri, "Rumah Kecil Tiang Seribu". "Titah" yang diadaptasi daripada "Titah Tuanku" juga dijadikan siri untuk siaran RTM. Sementara siri "Siti Zulaikha" ciptaannya cukup popular sebagai program harian yang ditayangkan pada bulan Ramadan. Selain beberapa buah lagi drama yang telah disiarkan sama ada oleh RTM atau TV3, "Srengenge" (adaptasi daripada karya Shahnon Ahmad) dan "Di Seberang Sungai" merupakan dua buah karya terkuat dihasilkan oleh Othman pada dekad ini.

Sebelum mengarahkan filem "Interlud" (1992), Othman telah menghasilkan beberapa buah skrip filem yang diarahkan oleh orang lain. Antaranya ialah "Pendekar", "Melati Putih", "Senja Merah" dan "*Driving School*". Barangkali kekuatan Othman sebagai penulis skrip filem belum benar-benar teruji setakat ini. Bagaimanapun, jika diberikan masa dan peluang, kita percaya pada suatu hari nanti Othman akan muncul dengan sebuah karya yang akan menjadi kebanggaannya, malah kebanggaan kita bersama.

Penutup

Demikian satu pembicaraan umum dan ringkas terhadap seorang tokoh penulis dan aktivis kelahiran Johor yang bukan sahaja penting dalam konteks warisan persuratan negeri ini, tetapi juga dianggap sebagai tokoh peringkat kebangsaan yang tidak boleh dipertikaikan lagi. Ini bukanlah satu kajian ilmiah, tetapi sekadar satu penelitian retrospektif untuk melihat beberapa pencapaian terbaik Othman, terutama sebagai seorang penulis skrip dan pengarah drama pentas yang cukup produktif, tetapi kurang

diberikan perhatian oleh para peneliti dan pengkritik teater. Othman terbukti bukan sekadar seorang tukang cerita atau penglipur lara semata-mata, tetapi daripada karya-karyanya yang telah diteliti, jelas beliau adalah seorang pentafsir yang tajam persepsinya. Beliau lebih daripada sekadar pemerhati, malah penilai peristiwa yang mampu melontarkan kembali pemikirannya dari satu perspektif yang berbeza daripada apa yang dilakukan oleh orang lain. Inilah keistimewaan dramatis Othman Haji Zainudin.

Bibliografi

Abdul Rahman Napiah. 1994. *Tuah-Jebat dalam Drama Melayu: Satu Kajian Intertekstualiti.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Othman Haji Zainudin. 1977. *Jalak.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____. 1982. *Dayang Suhana.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____. 1987. *Waktu Sesudah Itu.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____. 1987. *Remang di Lorong Tua.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

MENINJAU WARISAN SENI PERSEMBAHAN DI JOHOR

PROF DR RAHMAH HAJI BUJANG

Negeri Johor tidak kekurangan hasil seni persembahan, dari yang bentuk khusus seni tari, seni muzik, seni nyanyi dan pengucapan, serta seni lakon. Negeri Johor juga tidak kekurangan hasil seni yang menggabungkan semua bentuk tersebut dalam suatu acuan persembahan. Umpamanya warisan kesenian di Johor seperti bangsawan, purbawara, hamdolok, wayang kulit Jawa, hanya beberapa contoh persembahan yang acuannya merupakan olahan dramatik yang menggabungkan cerita, muzik, tari, dialog dan nyanyian.

Dengan mengambil kira pembicaraan kertas kerja saya ini melalui sub-judul perspektif dan masalah, dan menggunakan rumusan sebagai petunjuk, satu atau dua dari antara warisan seni persembahan di Johor sangat wajar diangkat untuk kegemilangan negeri Johor.

Apa yang perlu diingati ialah pemilihan hanya sebagai langkah permulaan. Lebih penting lagi ialah perancangan untuk perlaksanaan. Bak kata pepatah barat: *Rome was not built in a day.*

Bentuk seni persembahan yang dimaksudkan ialah bangsawan dan/atau purbawara. Kedua-duanya boleh dipertingkatkan sesuai dengan selera masyarakat semasa dan masa depan. Kedua-duanya menghantar dramatika dunia feudal. Bentuk bangsawan memfokus kepada kisah raja dan kerajaan, bentuk purbawara memfokus perihal manusia dalam masyarakat. Kedua-dua bentuk itu boleh dijadikan warisan seni persembahan di Johor.

Walau bagaimanapun dalam mempertimbangkan bentuk-bentuk itu, bahkan bentuk-bentuk kesenian lainnya, beberapa perkara perlu dijadikan perspektif, seperti berikut:

1. Kemajuan dan kecepatan perhubungan komunikasi telah mengecutkan jarak antara manusia di dunia. Kelajuan komunikasi masa kini membolehkan pergerakan yang kerap dan segera untuk manusia bergerak dari satu tempat ke satu tempat. Kemajuan teknologi canggih dalam perhubungan antara manusia dalam jarak jauh telah membuka arus pertukaran bahan dan maklumat.

2. Kemudahan komunikasi telah mendedahkan manusia kepada kepelbagaian ragam dan citarasa kehidupan. Pendedahan itu membuka suasana untuk memungkinkan kebangkitan suatu budaya dunia yang lebih sejagat sifatnya. Pendedahan itu boleh juga menimbulkan ketegangan dan pertentangan yang hebat, iaitu apabila sebaliknya berlaku penolakan terhadap sesuatu elemen asing yang baru itu.

3. Sebarang proses pertembungan dan penyebatian, atau sebaliknya konflik dan penentangan yang berlaku adalah satu proses yang berterusan dalam konteks pengintegrasian. Persaingan politik, ekonomi, bahasa, bahkan agama adalah berpunca daripada perbezaan yang timbul dalam sesuatu pertembungan budaya. Bagaimana manusia mengurus dan mengisi budayanya akan menjelaskan bahawa kemajuan komunikasi itu menjadi suatu rahmat atau sebaliknya.

4. Kematangan sikap dan jiwa manusia yang mengisi negara itu perlu ada untuk cekal menghadapi perjuangan hidup. Perjuangan yang dimaksudkan boleh merupakan perjuangan menghadapi gejala alamiah, atau perjuangan menghadapi gejala akibat buatan manusia. Umpamanya ada ketikanya bagi manusia berjuang untuk menghadapi bencana alamiah seperti gempa bumi atau letupan gunung berapi. Ada pula ketikanya manusia berjuang menghadapi masalah kemanusiaan seperti kebakaran atau kemalangan.

5. Destini manusia dan kemanusiaan menjadi persoalan negara dan pertimbangan sejagat. Kalangan yang lebih sedar akan bergerak secara organisasi bagi membaiki destini manusia melalui sesuatu isu yang menjadi kepentingannya.

6. Apa yang berlaku ialah keperluan untuk berfikir perihal masa depan manusia, keperluan untuk menentukan dengan perancangan agar kehidupan masa depan mencapai kemakmuran. Sesuatu usaha untuk kebaikan masa depan masyarakat dan kebudayaan, perlu mempertimbangkan juga aspek kesenian. Kendatipun pada hakikatnya masa depan merupakan suatu impian, sebarang perancangan apabila tercapai merupakan realisasi ilham, pemikiran dan daya kreativiti; yang mana semuanya adalah milik asasi manusia berjiwa seni.

7. Dalam memikirkan masa depan kesenian, adalah sangat wajar menoleh ke belakang dan menilai warisan kesenian. Tujuannya, agar melalui perkiraan dari tradisi akan membangkitkan pada satu pihak rangsangan ke arah pelbagai kemungkinan kreativiti seni semasa, dan pada satu pihak lagi memberi iktibar untuk aplikasi masa depan.

8. Konsep seni itu sendiri perlu difahamkan dari pengertian yang asas hingga kandungan yang estetik. Pada dasarnya seni merujuk kepada sesuatu kebolehan, suatu kepandaian, seperti kebolehan melukis, membaca puisi, bersyair, kebolehan main muzik, kebolehan menari, dan seumpamanya. Tetapi sebagai suatu kebolehan atau kepandaian sahaja belum tentu hasilnya mengandungi nilai yang estetik; yang dapat mengungkapkan seni itu ke sesuatu arah ekspresi keseniannya. Umpamanya kebolehan main muzik belum meletakkan hasil pemain muzik itu sebagai mengandungi daya eskpresif unsur-unsur bunyi yang menjiwai budaya negaranya.

9. Dalam hal estetika seni, masa depan kesenian lazimnya dikaitkan kepada daya kreativiti yang mengandungi kesegaran dan kelainan. Kesegaran dan kelainan kesenian yang bernilai estetik itu perlu setaraf dengan pencapaian kemajuan dan ekspresi masyarakat yang menaungi hasil seni itu. Umpamanya dalam konteks Malaysia, masa depan kesenian yang bernilai estetik perlu mengambil kira pengertian yang termaktub dalam Wawasan 2020.

Sembilan perspektif seperti diutarakan di atas menjadi panduan untuk menghadapi masalah tertentu. Permasalahan memang ada, seperti berikut:

a. Apa yang berlaku ialah kita mahu memilih atau mendayakreatifkan sesuatu hasil kesenian untuk membina tamadun. Tetapi kita harus faham bahawa seni adalah ekspresi ahli masyarakat. Ia suatu keadaan di mana penerimaan keseniannya bergantung kepada ramainya peserta seni itu hingga akan berlaku proses kemasyarakatan seni itu. Dengan ertikata lain hasil seni yang diterima adalah unsur budaya yang telah dihakmilikkan oleh masyarakat itu.

b. Sebaliknya, kita juga memahami bahawa masyarakat umum merupakan kalangan yang pada satu pihak sangat menyedari dan pada pihak yang lain masih kurang menyedari masalah sosial dan budaya semasa. Bagi mereka yang menyedarinya, tumpuan dan pemikirannya meluas hingga dunia jagat. Bagi yang kurang menyedarinya akan hanyut dengan budaya semasa yang lebih bersifat sensasi. Keadaan begini lebih ketara bagi negara yang mengalami pendedahan komunikasi dari luar.

c. Harus juga ada kesedaran betapa pengaruh daripada pendedahan lebih kuat di kalangan ahli-ahli negara demokrasi. Ini kerana negara demokrasi lebih memberi peluang kepada warganegara untuk mengejar sesuatu kebebasan. Dalam kesenian umpamanya negara-negara Barat yang mengamalkan sistem demokrasi sekitar kurun ke-18 menggalakkan tokoh seni untuk menghasilkan karya seni hanya atas dasar peribadi. Ahli seni masa itu wujud sebagai individu yang bersemangat bebas dalam berkarya dan mempertahankan karyanya. Dalam kancah kegiatan seni seperti inilah timbul konsep seni untuk seni yang bermaksud seni tidak semestinya mengandungi tujuan atau fungsi. Sebaliknya, dalam negara sosialis seni diberatkan dalam program pembinaan negara. Umpamanya, kesenian mengisi agenda negara sosialis sehingga kanak-kanak terus disalurkan kepada sesuatu program tertentu. Dunia kanak-kanak itu jadi terancang kepada mencapai kecemerlangan dalam sesuatu kegiatan yang diarahkan kepadanya.

d. Kedua-dua situasi boleh diaplikasikan dengan positif. Setiap manusia yang mengisi negaranya sebagai warganegara, bahkan mereka yang menganggap diri sebagai warga dunia sekalipun, perlu mempunyai tanggungjawab sosial dan kebudayaan. Dalam hubungan tanggung jawab inilah kreativiti seni itu perlu menjaga kepentingan sosio-budaya dan masyarakat partisipannya.

e. Namun dalam melalui sosio-budaya yang terbina dari sosial yang majmuk, seperti halnya dengan semua negeri dalam Malaysia, boleh pula menimbulkan fenomena kreativiti yang sifatnya terlalu peribadi, atau terlalu menjurus dan mengkhusus kepada sesuatu kelompok tertentu. Apa yang boleh berlaku ialah wujud kegiatan-kegiatan kesenian yang terasing dan terpisah dari hakikat sosio-budaya negara walaupun mungkin mesra isu sosio-budaya semasa. Realiti masa kini memberi kebebasan ruang dan peluang berkarya untuk kelompok-kelompok terkecil dalam masyarakat.

f. Dalam suasana komunikasi yang terbuka luas ini timbul pula kalangan pedagang yang cuba mengaut untung melalui seni yang lebih mengutamakan sensasi dan lebih bersifat popular. Umpamanya, seni yang diperdagangkan di pusat-pusat hiburan lebih merupakan bentuk seni yang mengutamakan unsur seks atau sensasi.

g. Sementara itu kegiatan seni tradisi sebagai seni warisan, seolah tercerai terus dari realiti semasa. Ada bentuk-bentuk seni tradisi yang tidak mampu ditingkatkan sesuai dengan perkembangan zaman.

h. Ada pula kalangan *purist* yang suka melihat sesuatu bentuk seni persembahan itu dibakukan. Konsep pembakuan hanya sesuai setelah sesuatu bentuk itu berjaya dilestarikan.

Rumusan

Lalu apakah pelajaran yang boleh diambil dari perspektif dan masalah yang dikemukakan di atas? Melalui perspektif dan masalah itu bermakna sebarang pencarian untuk kemakmuran setempat hanya boleh dilakukan secara sedar dan terancang melalui jentera-jentera kerajaan dan pengajian serta penelitian.

Dalam hal kesenian, kerajaan tempatan seperti Johor tidak dapat keluar dari dasar yang sudah dilembagakan. Kaedah atau dasar untuk mengerjakan kesenian umpamanya, sudah terkandung dalam Dasar Kebudayaan Kebangsaan (1971). Tetapi kerajaan tempatan seperti Johor boleh berusaha hingga maju, walaupun mahu lebih maju dari kerajaan pusat.

Pertama dan utama ialah keperluan prasarana yang menyahut Wawasan 2020. Seterusnya, dasar yang menjadi pegangan, seperti Dasar Kebudayaan Kebangsaan, perlu dijadikan pedoman dan petunjuk. Bentuk-bentuk yang mahu dihak-milikkan sebagai kesenian Johor hendaklah mendapat prioriti dalam semua arena persembahan.

Dengan cara itu pendedahan akan memberi peluang kepada masyarakat untuk mesra hingga sedia menerima seni itu sebagai milik sendiri. Dalam hal ini kita boleh belajar dari Jakarta atau Denpasar, di Indonesia, yang mempersembahkan warisan seni bukan sahaja kepada masyarakat umumnya, tetapi juga kepada pelancong melalui pusat hiburan di hotel dan restoran. Kita juga boleh belajar dari negeri Jepun. Di Jepun, *Kabuki* umpamanya, merupakan suatu corak persembahan teater tradisional yang sudah diolah dan diusahakan sesuai dengan masa kini. *Kabuki* di Jepun mempunyai panggung khusus lengkap dengan sistem dan peralatan pentas yang, selain bersifat *state of the art*, sangat sesuai bagi pertunjukan *Kabuki;* seperti mempunyai pentas berpusing, kemudahan penterjemahan langsung ke bahasa Inggeris, dan senarai program lengkap mengikut musim dalam sesuatu tahun. Kalendar, cenderamata seperti slaid atau foto adegan tertentu dalam *Kabuki*, makan minum sewaktu persembahan, dan penerbitan cerita-cerita dalam *Kabuki* juga boleh dibeli di foyer panggung *Kabuki* (*Kabukiza*). Justeru itu panggung *Kabuki* menjadi pusat beli belah serta dokumentasian untuk *Kabuki*. Kerajaan Jepun turut menggalakkan *Kabuki* melalui pemberian geran tahunan, pengiktirafan tokoh *Kabuki* dianggap sebagai *national treasure*, pemain *Kabuki* diberikan gaji tetap dan seumpamanya. Di Jepun empat bandar raya iaitu Tokyo, Kyoto, Osaka, dan Fukuoka mempunyai warisan seni persembahan *Kabuki* ini.